


KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



MAKLUM BALAS KE ATAS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

SIRI 2 TAHUN 2013

MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN
SERTA AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI



LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA
AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SERTA
AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI
SIRI 2 TAHUN 2013

ISI KANDUNGAN

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 2 TAHUN 2013
SENARAI KEMENTERIAN / JABATAN PERSEKUTUAN

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
2	JABATAN PERDANA MENTERI <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji <ul style="list-style-type: none"> - Projek Pembinaan Hotel Wakaf, Kuala Terengganu 	3 – 10
3	KEMENTERIAN KEWANGAN <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kastam Diraja Malaysia <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo 	11 – 17
4	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH <ul style="list-style-type: none"> - Projek Bekalan Air Luar Bandar Di Negeri Sarawak 	18 - 26
5	KEMENTERIAN KERJA RAYA <ul style="list-style-type: none"> - Projek Menaik Taraf Jalan Dari Pohon Batu (Simpang Tamu) Ke Pancur Hitam, Wilayah Persekutuan Labuan 	27 - 32
6	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pengangkutan Jalan <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan 	33 - 39

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
7	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN <ul style="list-style-type: none"> • Dewan Bandaraya Kuala Lumpur <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Lesen Iklan / Papan Tanda Di Kuala Lumpur 	40 - 61
8 9	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Arahan Perubahan Kerja - Projek Pembinaan Sekolah Berasrama Penuh Dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan 	62 - 69 70 - 96
10	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Penyiaran Malaysia <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital 	97 - 110
11 12	KEMENTERIAN DALAM NEGERI <ul style="list-style-type: none"> - Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur • Jabatan Imigresen Malaysia <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pekerja Asing Dan Pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara 	111 - 115 116 - 124

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 2 TAHUN 2013
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
14	Inno Biologics Sdn. Berhad	127 - 140
15	Felcra Sdn. Bhd	141 - 167

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 2 TAHUN 2013
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Perenggan	Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
2	Lembaga Koko Malaysia - Pengurusan Pembinaan Pusat Teknologi Inovatif Koko	171 - 180
3	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat - Pengurusan Penguatkuasaan	181 - 196
4	Perbadanan Aset Keretapi - Pengurusan Aset	197 - 210
5	Lembaga Getah Malaysia - Pengurusan Peralatan Penyelidikan Dan Komersial	211 - 221
6	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan - Pengurusan Perolehan	222 - 227
7	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu - Pengurusan Penanaman Padi	228 - 235
8	Lembaga Pembangunan Langkawi - Pengurusan Perolehan	236 - 240
9	Pusat Perubatan Universiti Malaya - Pengurusan Projek Pengubahsuaian Bangunan	241 - 250

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 2 TAHUN 2013
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

Perenggan	Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
11	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan - Pengurusan FAMA Corporation Sdn. Berhad	253 - 262
12	Majlis Amanah Rakyat - Pengurusan Kolej Poly-Tech Mara Sdn. Berhad	263 - 267
13	Universiti Utara Malaysia - Pengurusan Uniutama Travel & Tours Sdn. Berhad	268 - 273

(AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN)

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji

Perenggan 2 : Projek Pembinaan Hotel Wakaf, Kuala Terengganu

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.1.1.a	<p>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal Projek</p> <p>Semakan Audit mendapati kerja-kerja pembinaan hotel wakaf ini tidak dapat dimulakan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh milik tapak tersebut. Ini disebabkan kelulusan kebenaran merancang daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) tidak dapat diperolehi. MBKT telah menetapkan beberapa syarat yang perlu dipatuhi sebelum kelulusan kebenaran merancang diberi. Antaranya adalah mendapat kelulusan dasar daripada Kerajaan Negeri, menyediakan 41 petak tempat letak kereta tambahan dan menjelaskan fi kebenaran merancang sejumlah RM3,380. Projek ini terpaksa ditangguhkan selama 3 bulan untuk proses mendapatkan kelulusan kebenaran merancang daripada PBT. Berdasarkan kepada surat JKR pusat bertarikh 1 April 2010 yang telah ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah JKR I, tarikh milik tapak telah bertukar kepada 17 Mei 2010 dan menjadikan tarikh siap projek yang baru adalah pada 2 Oktober 2011. Kelulusan kebenaran merancang hanya diperolehi pada 12 Oktober 2011. Semakan Audit mendapati JKR telah meluluskan 3 Lanjutan Masa (EOT) yang melibatkan tempoh selama 456 hari iaitu selepas tarikh siap projek yang baru.</p>	<p>(Maklum balas seperti pada para 1 di dalam surat Maklum balas Audit Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2 mengenai Projek Pembinaan Hotel Wakaf, Kuala Terengganu ruj:JAWHAR.600-7/9 JLD.6(46) bertarikh 22 April 2014.)</p> <p>Maklum balasnya adalah seperti berikut:</p> <p>Kelewatan penyerahan projek adalah disebabkan oleh:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Syarat penerimaan bangunan yang diberikan pihak MAIDAM iaitu memerlukan CCC bagi projek tersebut. Ini kerana operasi hotel tersebut adalah bersifat komersial dan CCC diperlukan bagi membolehkan pihak operator memperolehi lesen untuk beroperasi, manakala MAIDAM bagi tujuan mengambil insurans bangunan tersebut.
2.5.1.1.b	<p>Semakan Audit mendapati JKR mengambil tempoh masa selama 80 hari untuk menyerahkan projek hotel wakaf tersebut secara rasmi kepada JAWHAR. Tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan adalah pada 17 Januari 2013 dan tarikh penyerahan rasmi adalah pada 8 April 2013. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh pihak MAIDAM enggan mengambil alih selagi Sijil Perakuan Penyiapan Dan Pematuhan (CCC) tidak diperolehi. Kelewatan penyerahan hotel wakaf ini telah menyebabkan JAWHAR hanya dapat memanfaatkan selama 285 daripada 365 hari untuk mengesan sebarang kecacatan yang ada semasa hotel wakaf ini berada di dalam tempoh tanggungan kecacatan.</p> <p>Maklum Balas JAWHAR Yang Diterima Pada 22 April 2014</p>	<ol style="list-style-type: none"> ii. JAWHAR turut mengambilkira pandangan balas yang diberikan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) (setelah perkara ini dirujuk melalui SMS kepadanya kerana memerlukan pandangan balas segera) bahawa dalam tempoh mendapatkan CCC tersebut, bangunan berkenaan perlu berada dibawah kawalan dan seliaan JKR (termasuk keselamatan, kerosakan dan kecacatan). iii. Walaupun bangunan tersebut belum diserahkan kepada JAWHAR, namun semakan ke atas kerosakan dan kecacatan telah dibuat sewajarnya bersama JKR Terengganu dalam beberapa siri mesyuarat bertarikh 5 Feb 2013, 19 Februari 2013, 3 April 2013 yang diadakan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kelewatan penyerahan projek hotel oleh JKR kepada JAWHAR adalah disebabkan syarat penerimaan bangunan yang diberikan oleh pihak MAIDAM adalah memerlukan Sijil Perakuan Penyiapan Dan Pematuhan atau <i>Certificate of Completion and Compliance</i> (CCC). Sijil CCC ini diperlukan bagi membolehkan pihak operator memperolehi lesen untuk beroperasi dan MAIDAM bagi tujuan mengambil insurans bangunan tersebut. JAWHAR juga mengambil kira pandangan dari JPM bahawa dalam tempoh mendapatkan CCC, bangunan tersebut perlu berada di bawah kawalan dan seliaan JKR (termasuk keselamatan, kerosakan dan kecacatan).</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p>Pihak JKR telah merancang untuk menyerahkan projek ini kepada pelanggan pada 18 Januari 2013 selepas pengeluaran CPC. Namun, pihak pelanggan tidak mahu menerima atas alasan CCC belum diperolehi walaupun CPC sudah mencukupi bagi Jabatan Pelanggan untuk digunakan. Tempoh selama 80 hari diambil oleh Perunding untuk menyelesaikan semua keperluan dokumen CCC yang melibatkan pelbagai pihak seperti kontraktor utama, sub kontraktor, pemborong, perunding, IWK, Bomba, TNB, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan lain-lain.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR perlu menyerahkan projek hotel ini kepada JAWHAR secepat mungkin sebaik sahaja Sijil Perakuan Siap kerja (CPC) dikeluarkan. Ianya bertujuan untuk memanfaatkan sepenuhnya tempoh tanggungan kecacatan agar kerosakan atau kecacatan dapat dikesan dengan lebih awal dan dapat diperbaiki dengan segera oleh pihak kontraktor.</p>	<p>bertujuan untuk mempercepatkan proses pengeluaran CCC dan pemeriksaan menyeluruh meliputi inventori, kualiti bangunan dan lain-lain. Segala kecacatan yang dikesan dalam tempoh 80 hari tersebut telah dikumpul dan dilaporkan kepada JKR sekaligus pada 15 Mei 2013 bagi tujuan pembaikan oleh JKR bersama kontraktor secara menyeluruh.</p> <p>iv. Sehubungan itu isu kerugian tempoh DLP (selama 80 hari akibat kelewatan penyerahan projek) untuk membuat semakan kecacatan, tidak mengakibatkan sebarang kerugian kepada Kerajaan kerana dalam tempoh tanggungan kecacatan tersebut semakan kecacatan telah dimanfaatkan sepenuhnya secara serentak dengan urusan mempercepatkan CCC sebagaimana dinyatakan pada para di atas.</p> <p>Bagi projek-projek berbentuk komersial akan datang, JAWHAR akan memastikan CCC dikeluarkan bersekali dengan CPC.</p>
2.5.2.2	<p>Pengurusan Pembinaan - Kontrak Lewat Ditandatangani</p> <p>Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam masa 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST telah dikeluarkan pada 16 November 2009 dan kontrak antara Kerajaan dan kontraktor telah ditandatangani pada 28 September 2010 di mana berlaku kelewatan selama 195 hari. Kelewatan menandatangani kontrak berkenaan menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin sekiranya berlaku pertikaian antara kontraktor dan Kerajaan.</p> <p>Maklum Balas JAWHAR Yang Diterima Pada 22 April 2014</p> <p>Walaupun SST telah dikeluarkan pada 16 November 2011, namun tarikh milik tapak telah dipinda pada 17 Mei 2010. Dalam hal ini, kontraktor telah bersetuju untuk menerima tarikh milik tapak yang dicadangkan tanpa menuntut sebarang kerugian.</p>	<p>(Maklum balas seperti pada para 2 di dalam surat Maklumbalas Audit Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2 mengenai Projek Pembinaan Hotel Wakaf, Kuala Terengganu ruj:JAWHAR.600-7/9 JLD.6(46) bertarikh 22 April 2014.)</p> <p>Maklum balasnya adalah seperti berikut:-</p> <p>Walaupun SST telah dikeluarkan pada 16/11/2009 namun tarikh milik tapak (TMT) telah dipinda kepada 17/5/2010. Dalam hal ini Kontraktor telah bersetuju untuk menerima tarikh milik tapak yang dicadangkan tanpa sebarang tuntutan kerugian. Ini bermakna Kerajaan tidak akan mengalami kerugian disebabkan kelewatan pemilihan tapak.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Dokumen kontrak lewat ditandatangani kerana dalam penyediaan dokumen, semua pihak (JKR, Perunding dan Kontraktor) perlu menyemak dan meneliti supaya tiada maklumat penting yang tertinggal ataupun ditambah dalam masa penyediaan kontrak tersebut. Setelah semuanya telah lengkap dan kemas dan dipersetujui oleh semua pihak, barulah dokumen tersebut ditandatangani. Dokumen kontrak telah ditandatangani pada 28 September 2010 iaitu 4 bulan 11 hari dari tarikh milik tapak. Walau bagaimanapun, ia tidak menjejaskan kerja-kerja kontraktor mahupun bayaran terhadap kerja kontraktor. Antara sebab kelewatan adalah penyediaan Bon Pelaksanaan dan Insurans yang diwajibkan mengikut kontrak pelaksanaan, melengkapkan pematuhan kepada NCR yang dikeluarkan, semakan dokumen, menjilid dokumen dan menyemak dan menandatangani dokumen kontrak.</p> <p>Pada pendapat Audit, perubahan tarikh milik tapak sepatutnya tidak melibatkan perubahan besar kepada dokumen kontrak sehingga mengambil masa yang lama. Pada masa hadapan, JKR perlu memperkemas proses penyediaan dokumen kontrak dengan memastikan kontraktor mengambil tindakan segera untuk menyediakan dokumen kontrak yang lengkap bagi mempercepatkan proses.</p>	<p>Kontrak Antara Kerajaan dan Kontraktor bermula setelah pihak Kontraktor menandatangani SST yang diserahkan. Syarat-syarat dan terma-terma yang dinyatakan dalam SST adalah jelas memaklumkan tanggungjawab kontraktor dan persediaan kontraktor untuk menyediakan kelengkapan dalam melaksanakan kontrak tersebut. Ini termasuk menyediakan Dokumen Kontrak yang lengkap untuk ditandatangani. SST adalah sebahagian dari Kontrak yang perlu dipatuhi oleh Kontraktor. Oleh itu, Kerajaan dan Kontraktor terikat dengan perjanjian bermula dari Tarikh SST dipersetujui.</p> <p>Dalam kes ini dokumen kontrak lewat di tandatangi kerana dalam penyediaan Dokumen semua pihak (JKR, Perunding dan Kontraktor) perlu menyemak dan meneliti supaya tiada maklumat penting yang tertinggal ataupun ditambah dalam masa penyediaan kontrak tersebut. Setelah semuanya telah lengkap dan kemas dan dipersetujui oleh semua pihak barulah dokumen tersebut boleh ditandatangani.</p> <p>Dokumen kontrak ditandatangani pada 28/9/2010 iaitu 4 bulan 11 hari dari tarikh milik tapak. Walaubagaimanapun ia tidak menjejaskan kerja-kerja kontraktor mahupun bayaran terhadap kerja kontraktor.</p> <p>Apabila SST dikeluarkan dan ditandatangani oleh pihak kontraktor, bermula dari situlah Kontraktor terikat dengan kontrak bersama Kerajaan. Kontraktor perlu mematuhi terma dan syarat kontrak supaya kerja pembinaan dapat dilaksanakan dengan teratur. Kontraktor perlu dalam masa yang paling singkat menyediakan dan melengkapkan dokumen kontrak untuk ditandatangani bersama. Implikasi sekiranya lewat dikemukakan dokumen lengkap, berkemungkinan bayaran interim Kontraktor akan terjejas kerana syarat-syarat kewangan hanya membenarkan bayaran sehingga 3 tuntutan sahaja sehinggalah dokumen kontrak ditandatangani.</p> <p>Antara sebab kelewatan adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penyediaan Bon Pelaksanaan dan Insuran yang diwajibkan mengikut kontrak pelaksanaan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		2. Melengkapkan pematuhan kepada NCR yang dikeluarkan 3. Semakan dokumen 4. Menjilid Dokumen dan Menyemak 5. Menandatangani Dokumen Kontrak
2.5.2.3.1	<p>Tarikh Kelulusan APK Tidak Dicatatkan</p> <p>Mengikut Surat pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007 Kelulusan Perubahan Kerja (KPK) perlulah diperolehi terlebih dahulu daripada pihak berkuasa melulus sebelum Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan. Semakan Audit terhadap 18 APK yang bernilai RM732,340 mendapati tarikh kelulusan tidak dicatatkan oleh pihak JKR Terengganu. Perkara ini menyebabkan pengesahan tidak dapat dibuat bagi menentukan sama ada KPK diperolehi terlebih dahulu sebelum APK dikeluarkan.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p>Bagi KPK no. 1 hingga 22, sememangnya sudah mempunyai tarikh kelulusan. Untuk kelulusan APK no. 1 hingga 22, tarikh kelulusan telah dicatitkan dalam Sistem Kawal dan Lapor (SKALA) tetapi tidak dicatitkan pada Borang Kelulusan APK. Sebagai langkah penambakan, satu senarai semak telah disediakan oleh JKR sebagai garis panduan kepada Urusetia KPK/APK bagi memastikan tarikh kelulusan sentiasa dicatitkan pada Borang Kelulusan APK setiap kali KPK/APK diluluskan.</p> <p>Pada pendapat Audit, amalan mengeluarkan APK tanpa mencatatkan tarikh adalah tidak teratur dan tidak telus serta mencerminkan kelemahan kawalan dalaman di peringkat pentadbiran kontrak.</p>	<p>(Maklum balas seperti pada para 3 di dalam surat Maklumbalas Audit Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2 mengenai Projek Pembinaan Hotel Wakaf, Kuala Terengganu ruj:JAWHAR.600-7/9 JLD.6(46) bertarikh 22 April 2014.)</p> <p>Maklum balasnya adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Urusetia KPK/APK JKR Terengganu terlupa meletak tarikh kelulusan KPK/APK.selepas Jawatankuasa KPK/APK bermesyuarat. Walaubagaimana pun Bahagian Bangunan JKR Terengganu telah menyemak semula tarikh Jawatankuasa bermesyuarat dengan Urusetia dan telah memasukkan semula tarikh sebagai tindakan pembetulan. ii. Sebagaimana surat arahan PKR, Kelulusan Perubahan Kerja Secara Prinsip/kelulusan KPK diperolehi dahulu sebelum Arahan Perubahan Kerja di keluarkan. iii. Sebagai langkah pembaikan, satu senarai semak telah dibuat sebagai garis panduan kepada Urusetia KPK/APK bagi memasti dan mengesahkan perkara ini tidak berulang.
2.5.2.3.2	<p>Proses Pelaporan Kecacatan</p> <p>Tempoh tanggungan kecacatan bagi projek ini adalah selama setahun dari tarikh Sijil Perakuan Siap kerja dikeluarkan. Kontraktor bertanggungjawab untuk melaksanakan pembaikan bagi aduan kerosakan dalam tempoh tersebut. JAWHAR bertanggungjawab untuk menyelenggara rekod aduan kerosakan dan pembaikan bagi hotel wakaf tersebut. Semakan Audit mendapati terdapat kecacatan yang telah dilaporkan sepanjang tempoh tanggungan kecacatan iaitu mulai 18 Januari sehingga tarikh pengauditan dijalankan iaitu pada 29 Oktober 2013. Bagaimanapun, adalah didapati tiada rekod khusus yang disediakan oleh JAWHAR untuk memantau kerja-</p>	<p>(Maklum balas seperti pada para 4 di dalam surat Maklumbalas Audit Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2 mengenai Projek Pembinaan Hotel Wakaf, Kuala Terengganu ruj:JAWHAR.600-7/9 JLD.6(46) bertarikh 22 April 2014.)</p> <p>Maklum balasnya adalah seperti berikut:-</p> <p>JAWHAR menyedari akan kekhilafan tidak menggunakan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kerja pembaikan. Pihak Audit mendapati JAWHAR menggunakan Borang Laporan Kecacatan/Kerosakan untuk membuat aduan kerosakan/kecacatan. Namun, rekod tersebut tidak lengkap dan tidak kemas kini kerana maklumat mengenai butiran tandatangan pemeriksa dan cop pengesahan pembaikan pada borang laporan kecacatan/kerosakan tersebut tidak diisi dengan lengkap.</p> <p>Maklum Balas JAWHAR Yang Diterima Pada 22 April 2014</p> <p>JAWHAR menyedari akan kekhilafan tidak menggunakan borang standard Laporan Kecacatan JKR kerana beranggapan senarai kecacatan yang dikemukakan kepada JKR sebelum ini (menggunakan format yang sama) telah memadai kerana tidak mendapat sebarang ulasan balas dari JKR Terengganu tentang ketidakpatuhan penggunaan format Laporan Kecacatan yang ditetapkan semasa mesyuarat-mesyuarat pembaikan kecacatan yang diadakan. Sebagai langkah pembetulan, JAWHAR telah mengemukakan semula senarai-senarai kecacatan tersebut kepada JKR dengan menggunakan format yang ditetapkan oleh JKR. JAWHAR akan memastikan borang standard JKR bagi Laporan Kecacatan digunakan bagi projek-projek akan datang dan telah melengkapkan borang berkenaan sebagai rekod.</p> <p>Pada pendapat Audit, bagi membolehkan setiap kerosakan yang dilaporkan dipantau dengan berkesan, kelemahan dalam penyelenggaraan rekod oleh JAWHAR perlu diambil tindakan segera.</p>	<p>borang <i>standard</i> Laporan Kecacatan JKR kerana beranggapan senarai kecacatan yang dikemukakan kepada JKR sebelum ini (menggunakan format yang sama) telah memadai kerana tidak mendapat sebarang ulasan balas daripada JKR Terengganu tentang ketidakpatuhan penggunaan format Laporan Kecacatan yang ditetapkan semasa mesyuarat-mesyuarat pembaikan kecacatan yang diadakan.</p> <p>Sebagai langkah pembetulan, JAWHAR telah mengemukakan semula senarai-senarai kecacatan tersebut kepada JKR dengan menggunakan format yang ditetapkan JKR.</p> <p>JAWHAR akan memastikan borang standard JKR bagi Laporan Kecacatan digunakan bagi projek-projek akan datang dan telah melengkapkan borang berkenaan sebagai rekod.</p>
2.5.2.3.3.b	<p>Dokumen Manual Operasi / Penyelenggaraan Dan Lukisan Siap Bina</p> <p>Semakan Audit terhadap senarai Lukisan Siap Bina/Manual Operasi di JKR Terengganu pada bulan Oktober 2013 mendapati Lukisan Siap Bina bagi kerja-kerja arkitek telah diserahkan kepada JAWHAR pada 17 Julai 2013. Bagaimanapun, bagi Lukisan Siap Bina bagi sivil dan struktur, tiada bukti yang mengesahkan ianya telah diserahkan kepada JAWHAR oleh JKR Terengganu. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik, pihak Audit dimaklumkan, kontraktor masih belum mengemukakan Lukisan Siap Bina dan Dokumen Manual Operasi kepada wakil Pegawai Penguasa. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 3 surat peringatan telah dikeluarkan kepada kontraktor dan juga perunding mengenai Lukisan Siap Bina dan dokumen manual operasi kerja-kerja mekanikal dan elektrik iaitu pada 14 Mei, 5 Jun dan 5 Ogos 2013, namun sehingga lawatan Audit pada 27 Oktober 2013, kontraktor dan juga perunding berkaitan masih belum mengemukakan dokumen tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan Dokumen Manual Operasi dan Lukisan Siap Bina akan menyukarkan JAWHAR dalam merancang dan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan. Oleh itu, JKR perlu mewujudkan mekanisme pemantauan bagi</p>	<p>(Maklum balas seperti pada para 5 di dalam surat Maklumbalas Audit Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2 mengenai Projek Pembinaan Hotel Wakaf, Kuala Terengganu ruj:JAWHAR.600-7/9 JLD.6(46) bertarikh 22 April 2014.)</p> <p>Maklumbalasnya adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) JKR Terengganu telah menyerahkan semua Dokumen Manual Operasi dan Penyelenggaraan kepada JAWHAR dan sesalinan kepada Audit Negara sebagai rujukan pada 30 Januari 2014. ii) Lukisan siap bina Arkitek pula diserahkan pada 17 Julai 2013. iii) Walaubagaimana pun bagi mewujudkan mekanisme

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>memastikan Dokumen Manual Operasi dan Lukisan Siap Bina disediakan oleh kontraktor selari dengan kemajuan pelaksanaan projek dan dapat diserahkan dengan lebih awal sebaik projek siap.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p>Lukisan Siap Bina Sivil & Struktur, Mekanikal & Elektrik serta Dokumen Manual Operasi dan penyelenggaraan bagi kerja-kerja elektrik dan mekanikal telah diserahkan kepada JAWHAR pada 30 Januari 2014.</p>	<p>pemantauan bagi memastikan Dokumen Manual Operasi dan Lukisan Siap Bina disediakan selari dengan kemajuan pelaksanaan projek, pihak JKR akan memasukan sebagai agenda perkara tersebut di dalam Mesyuarat tapak.</p> <p>iv) Perkara ini akan dibincangkan setiap kali mesyuarat tapak dan di minit perkembangan dari masa ke masa.</p>
<p>2.5.3.1</p>	<p>Kualiti Pembinaan - Sebahagian Reka Bentuk Yang Tidak Sesuai</p> <p>Bagi memastikan setiap kerja dilaksanakan dengan baik dan menepati fungsinya, perancangan yang teliti perlu dilakukan semasa peringkat reka bentuk pembinaan. Reka bentuk pembinaan hendaklah mengikut keperluan dan dibuat/dibina dan dapat berfungsi dengan baik, selamat, sesuai, dan mudah untuk menjalankan kerja penyelenggaraan. Semakan Audit mendapati sebahagian reka bentuk binaan hotel wakaf adalah tidak sesuai/tidak praktikal.</p> <p>Maklum Balas JAWHAR Yang Diterima Pada 22 April 2014</p> <p>JKR telah membina bangunan hotel wakaf mengikut lukisan pembinaan yang telah diperaku dan dipersetujui manakala AHS Arkitek telah mereka bentuk projek ini mengikut siling peruntukan yang diluluskan. Setelah lukisan siap, banyak pindaan, perubahan dan pembatalan telah dibuat oleh AHS Arkitek sebelum tawaran dipanggil bagi memenuhi kehendak pelanggan (MAIDAM) dan mengambilkira siling peruntukan yang ada. Bagaimanapun, AHS Arkitek telah mengambil pendekatan dengan mereka bentuk berdasarkan peruntukan yang ada (<i>design to cost</i>) dengan mengambilkira pematuhan <i>Uniform Building By Law</i> (UBBL) diperingkat paling minima bagi memenuhi kehendak pelanggan dan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p>Pihak Perunding Arkitek telah mereka bentuk projek ini berdasarkan peruntukan yang disediakan (terhad) oleh Jabatan Pelanggan pada waktu itu (<i>designed to cost at the time of design</i>) dengan mengambilkira pematuhan UBBL diperingkat paling minima bagi memenuhi Jabatan Pelanggan dan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.</p>	<p>(Maklum balas seperti pada para 6 di dalam surat Maklumbalas Audit Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2 mengenai Projek Pembinaan Hotel Wakaf, Kuala Terengganu ruj:JAWHAR.600-7/9 JLD.6(46) bertarikh 22 April 2014.)</p> <p>Maklum balasnya adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. JKR telah membina bangunan hotel wakaf mengikut lukisan pembinaan yang telah diperaku dan dipersetujui manakala perunding AHS Arkitek telah mereka bentuk projek ini mengikut siling peruntukan yang diluluskan. ii. Setelah lukisan siap, banyak pindaan, perubahan dan pembatalan telah dibuat oleh AHS Arkitek sebelum tawaran dipanggil bagi memenuhi kehendak pelanggan (MAIDAM) dan mengambilkira siling peruntukan yang ada. iii. Walaubagaimana pun AHS Arkitek telah mengambil pendekatan dengan mereka bentuk berdasarkan peruntukan yang ada (<i>design to cost</i>) dengan mengambilkira pematuhan UBBL diperingkat paling minima bagi memenuhi kehendak pelanggan dan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>2.5.3.2.a</p>	<p>Sebahagian Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan / Tidak Berkualiti</p> <p>Kerja pembinaan yang dilaksanakan hendaklah memenuhi <i>standard</i> kualiti umum bagi menjamin keselamatan dan memastikan penggunaan secara optimum dapat dikekalkan secara berterusan.</p> <p>Maklum Balas JAWHAR Yang Diterima Pada 22 April 2014</p> <p>Pada ketika lawatan Audit, terdapat perkara-perkara yang diutarakan oleh pihak Audit mengenai mutu kerja yang tidak berkualiti dan papan keselamatan yang tidak mencukupi. Lanjutan daripada komen Audit tersebut, kontraktor telah membuat pembaikan dan pembedulan segera mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dengan sempurna.</p> <p>Pada pendapat Audit, penemuan terhadap reka bentuk yang tidak sesuai dan yang tidak berkualiti boleh dijadikan iktibar bagi pembangunan projek-projek baru di masa hadapan untuk memastikan keselesaan dan kemudahan pengguna terjamin.</p>	<p>(Maklum balas seperti pada para 7 di dalam surat Maklumbalas Audit Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2 mengenai Projek Pembinaan Hotel Wakaf, Kuala Terengganu ruj:JAWHAR.600-7/9 JLD.6(46) bertarikh 22 April 2014.)</p> <p>Maklumbalasnya adalah seperti berikut:</p> <p>Pada ketika lawatan Audit, terdapat perkara-perkara yang diutarakan oleh Pihak Audit mengenai mutu kerja yang tidak berkualiti dan papan keselamatan yang tidak mencukupi. Lanjutan daripada komen Audit tersebut, kontraktor telah membuat pembaikan dan pembedulan segera mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dengan sempurna.</p>
<p>2.5.4.a</p>	<p>Bilik Hotel Tidak Dapat Digunakan Seperti Yang Dirancang</p> <p>Lawatan Audit pada 29 Oktober 2013 mendapati 15 daripada 180 buah bilik di tingkat 7 tidak dapat berfungsi sebagai bilik penginapan seperti yang dirancang kerana tidak dibekalkan dengan perabot seperti katil dan tilam. Berdasarkan semakan Audit, antara sebab perabot tidak dapat dibekalkan kepada bilik berkaitan adalah disebabkan oleh kekurangan peruntukan. Bagi tujuan ini, peruntukan asal berjumlah RM4.5 juta telah diperuntukkan di dalam Wang Peruntukan Sementara (WPS) bagi kerja-kerja hiasan dalaman (ID) termasuk pembelian perabot. Bagaimanapun, keputusan Mesyuarat Penyelarasan Rekabentuk Hiasan Dalaman (ID Work) Bil. 2 Tahun 2011 pada 27 Oktober 2011 memutuskan supaya kos untuk kerja-kerja hiasan dalaman termasuk kos perunding ID dikurangkan kepada RM3.6 juta untuk menampung kos Variation Order (VO) sejumlah RM1.13 juta. Pengurangan kos ini melibatkan pengurangan/pembatalan item hiasan dalaman di bilik standard, executive room, super executive room, dormitory, lobi hotel, restoran, aras satu hotel, banquet hall dan juga hiasan seni bina. Semasa lawatan Audit, bilik di aras 7 ini telah digunakan sebagai stor penyimpanan peralatan housekeeping, bilik persalinan untuk lelaki dan perempuan serta bilik perbincangan.</p> <p>Pada pendapat Audit, adalah satu kerugian sekiranya 15 buah bilik ini tidak dapat digunakan seperti sepatutnya. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan dalam tempoh yang panjang, keadaan bilik dan beberapa peralatan di dalamnya mungkin akan rosak dan tidak dapat berfungsi seperti sepatutnya. Penggunaan sepenuhnya bilik ini</p>	<p>Bilik-bilik berkenaan telah dipersetujui oleh pihak operator untuk dilengkapkan sepenuhnya sebelum 23 Mei 2014 menggunakan peruntukan pihak operator sendiri sebagaimana yang dipersetujui di dalam perjanjian.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>akan membolehkan kutipan hasil daripada sewaan hotel ditingkatkan memandangkan tahap penginapan hotel yang tinggi.</p> <p>Maklum Balas JAWHAR Yang Diterima Pada 22 April 2014</p> <p>15 bilik di aras 7 yang tidak dapat digunakan seperti yang dirancang adalah disebabkan oleh kekurangan peruntukan untuk melengkapkan bilik-bilik tersebut dengan perabot dan hiasan dalaman. Dalam perkara ini, pihak operator telah bersetuju untuk menanggung kos bagi melengkapkan 15 bilik tersebut selaras dengan perjanjian yang ditandatangani diantara YWM bersama operator hotel.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

KEMENTERIAN KEWANGAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Perenggan 3 : Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.2.2.c.i	<p>Penggunaan/Pengendalian Mesin Pengimbas Kargo</p> <p>Prestasi penggunaan mesin pengimbas kargo mengikut pengeluar/jenama adalah seperti berikut:-</p> <p>i. Mesin Pengimbas Kargo SAIC (NM Resources Sdn. Bhd.)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Analisis Audit hanya tertumpu kepada jenis-jenis kerosakan mesin pengimbas seperti tiada imej imbasan; tiada komunikasi antara pengimbas dan <i>control centre</i>; mesej amaran pada skrin monitor kawalan; mesin tidak berfungsi; kamera pengawasan rosak; komponen dalaman mesin rosak dan tidak berfungsi; dan palang/lampu isyarat rosak dan tidak berfungsi. • Adalah didapati kekerapan kerosakan mesin pengimbas kargo SAIC untuk tempoh 3 tahun (2011 hingga 2013) adalah di antara 4 hingga 40 hari dengan kadar kerosakan di antara 0.4% hingga 3.6%. <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014</p> <p><i>Jabatan memberi perhatian utama terhadap penyelenggaraan mesin pengimbas dan kesemua mesin pengimbas dalam Jabatan ini mempunyai kontrak penyelenggaraan. Seperti mana lain-lain peralatan dan mesin, tidak dinafikan kerosakan boleh berlaku dari semasa ke semasa terutamanya jika mesin tersebut telah lama usianya. Mesin pengimbas VACIS umpamanya telah diperolehi pada tahun 2001 dan kini telah berusia lebih 12 tahun. Bagaimanapun, melalui kontrak penyelenggaraan, tindakan sentiasa diambil ke atas kerosakan yang dilaporkan tetapi terdapat kerosakan yang mengambil masa kerana pihak vendor menghadapi kesukaran mendapatkan alat ganti. Sebagai penambahbaikan, Jabatan telah mengambil tindakan untuk menggantikan mesin pengimbas jenis VACIS ini secara berperingkat berdasarkan</i></p>	Maklumbalas terkini adalah sama seperti di para 3.5.2.2.c.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan / EPU. Pada tahun ini sebanyak 3 unit mesin pengimbas baru akan dipasang bagi menggantikan mesin pengimbas jenis VACIS ini.</i></p>	
<p>3.5.2.2.c.ii</p>	<p>Mesin Pengimbas Kargo Smiths Heimann (Wafada Technic & Consult Sdn. Bhd.)</p> <p>Analisis Audit hanya meliputi jenis kerosakan seperti komponen dalaman mesin rosak dan tidak berfungsi (accelerator); imej tidak dapat dihantar/disimpan; bekalan elektrik terputus; CCTV tidak berfungsi; <i>Optical Character Recognition (OCR)</i> tidak berfungsi; dan komputer 'shut down' dengan sendirinya.</p> <p>Adalah didapati kekerapan kerosakan mesin pengimbas kargo Smiths Heimann untuk tempoh satu tahun (2013) adalah di antara 26 dan 27 hari dengan kadar kerosakan sebanyak 7.1% dan 7.4%.</p> <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014</p> <p><i>Kedua – dua mesin ini secara umumnya telah beroperasi dengan baik sejak daripada tarikh mula digunakan tetapi diakui terdapat 'glitches' yang berlaku selepas pemasangan mesin ini. Antaranya adalah kerosakan kecil seperti CCTV dan monitor tidak berfungsi yang telah diperbaiki oleh pihak vendor dalam tempoh yang singkat dan mesin telah beroperasi pada hari yang sama. Bagi kerosakan yang lebih rumit seperti disebabkan oleh 'power trip' atau 'accelerator' pihak vendor sememangnya mengambil masa untuk memperbaiki kerosakan tersebut kerana perlu mengenalpasti punca kerosakan. Pihak Jabatan telah mengadakan beberapa perbincangan dengan vendor untuk mengatasi 'glitches' yang berlaku dan pihak vendor telah mengambil tindakan antaranya dengan menggantikan 'Data Set Management Server' (DMS) yang baharu pada 13 Januari 2014. Pihak vendor juga telah menempatkan seorang juruteknik di stesen mesin pengimbas tersebut.</i></p>	<p><i>Kedua – dua mesin ini secara umumnya telah beroperasi dengan baik sejak daripada tarikh mula digunakan tetapi diakui terdapat 'glitches' yang berlaku selepas pemasangan mesin ini. Antaranya adalah kerosakan kecil seperti CCTV dan monitor tidak berfungsi yang telah diperbaiki oleh pihak vendor dalam tempoh yang singkat dan mesin telah beroperasi pada hari yang sama. Bagi kerosakan yang lebih rumit seperti disebabkan oleh 'automatic shut off' pihak vendor sememangnya mengambil masa untuk memperbaiki kerosakan tersebut kerana perlu mengenalpasti punca kerosakan. Pihak Jabatan telah mengadakan beberapa perbincangan dengan vendor untuk mengatasi 'glitches' yang berlaku dan pihak vendor telah mengambil tindakan antaranya dengan menggantikan 'Data Set Management Server' (DMS) yang baharu pada 13 Januari 2014. Pihak vendor juga telah menempatkan seorang juruteknik di stesen mesin pengimbas tersebut.</i></p>
<p>3.5.2.2.c.iii</p>	<p>Mesin Pengimbas Kargo NUCTECH (Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd.)</p> <p>Analisis Audit hanya tertumpu kepada jenis-jenis kerosakan mesin pengimbas seperti tiada imej imbasan; tiada komunikasi antara pengimbas dan <i>control centre</i>; mesej amaran pada skrin monitor kawalan; mesin tidak berfungsi; kamera pengawasan rosak; komponen dalaman mesin rosak dan tidak berfungsi; dan palang/lampu isyarat rosak dan tidak berfungsi.</p> <p>Adalah didapati kekerapan kerosakan mesin pengimbas kargo NUCTECH untuk</p>	<p>Maklumbalas terkini adalah sama seperti di para 3.5.2.2.c.iii</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tempoh 3 tahun (2011 hingga 2013) adalah di antara 20 dan 171 hari dengan kadar kerosakan di antara 1.8% hingga 15.6%.</p> <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014</p> <p><i>Jabatan telah beberapa kali membincangkan isu kerosakan ini dengan pihak syarikat dan pada bulan Ogos 2013, syarikat telah membuat penambahbaikan bagi mengatasi beberapa masalah yang dikenalpasti punca kerosakan seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>i. Upgrading sistem 'Software Image Analysis'.</i> <i>ii. Menggantikan sistem 'Optical Character Recognition' (OCR).</i> <i>iii. Mengadakan latihan bagi pegawai mengenalpasti 'troubleshooting' dan memperbaiki kerosakan 'minor'.</i> 	
3.5.2.2.c.iv	<p>Mesin Pengimbas Kargo PowerScan (Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd.)</p> <p>Analisis Audit hanya tertumpu kepada jenis kerosakan yang melibatkan CCTV tidak berfungsi; amaran '<i>betatron is not connected</i>' terpapar; dan komputer '<i>shut down</i>' dengan sendirinya.</p> <p>Adalah didapati kekerapan kerosakan mesin pengimbas kargo PowerScan untuk tempoh satu tahun (2013) adalah hanya di antara 4 dan 5 hari dengan kadar kerosakan sebanyak 1.1% dan 1.4%.</p> <p>Pada pendapat Audit, tahap penggunaan mesin pengimbas kargo yang boleh diterima atau dianggap telah digunakan secara optimum adalah sebanyak 90% setahun (penggunaan sekurang-kurangnya 328 hari dalam setahun). Oleh itu, kadar kerosakan yang boleh terima adalah tidak melebihi 10% setahun. Sehubungan dengan itu, kadar kerosakan mesin pengimbas kargo di antara 11.8% dan 15.6% yang masing-masing berusia 10 dan 3 tahun adalah tinggi dan boleh menjejaskan operasi JKDM.</p> <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014</p> <p><i>Sehingga bulan Mac 2014, didapati tahap penggunaan mesin-mesin pengimbas kargo jenis Smiths Heimann dan NUCTECH adalah melebihi tahap 90%.</i></p>	<p>Kerosakan-kerosakan kecil biasanya telah diperbaiki dalam masa yang singkat dan masih boleh beroperasi pada hari yang sama. Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2014, didapati tahap penggunaan mesin-mesin pengimbas kargo jenis Smiths Heimann dan NUTECH adalah melebihi tahap 90%.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.2.6	<p>Berdasarkan maklum balas yang diterima, adalah didapati sebahagian besar responden (69%) adalah mahir untuk mengendalikan mesin pengimbas. Bagaimanapun, masih terdapat responden yang kurang mahir kerana baru berkhidmat di unit mesin pengimbas dan kurang diberikan latihan yang berkaitan. Analisis ke atas 32 borang soal selidik adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> Semua responden bersetuju mengenai kepentingan mesin pengimbas kargo. Seramai 28 responden (88%) menyatakan bahawa penggunaan mesin pengimbas kargo membantu dalam kerja seharian manakala 4 responden (12%) berpendapat sebaliknya. Adalah didapati responden ini tidak pernah menghadiri kursus serta hanya berkhidmat kurang dari setahun di Unit Mesin Pengimbas. Seramai 26 responden (81%) menyatakan bahawa mereka kurang mahir dalam menyelesaikan masalah apabila berlaku kerosakan kecil (<i>troubleshooting</i>). Seramai 18 responden (56%) tidak pernah menghadiri kursus pengendalian mesin pengimbas kargo. Seramai 10 responden (31%) menyatakan bahawa mereka kurang mahir dalam mengendalikan mesin pengimbas kargo. Kesemua responden belum pernah menghadiri kursus <i>troubleshooting</i> mesin pengimbas kargo. <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014</p> <ol style="list-style-type: none"> <i>Pengendalian mesin pengimbas dan fungsi menganalisis imej imbasan adalah satu tugas yang memerlukan pengetahuan teknikal, sifat analitikal dan komitmen yang tinggi. Kemahiran ini selain diperolehi daripada latihan, ianya juga memerlukan proses pembelajaran yang berterusan dan pengalaman menggunakan mesin pengimbas. Pegawai pengendali sinaran juga tertakluk kepada 'job rotation' dan pegawai baru memerlukan masa untuk mendapat pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki untuk mengendalikan mesin pengimbas.</i> <i>JKDM mengambil maklum terhadap soal selidik oleh pihak Audit yang merupakan persepsi daripada pegawai terhadap kemahiran dalam menyelesaikan masalah apabila berlaku kerosakan kecil (<i>troubleshooting</i>) dan akan mengadakan latihan bagi memberi pengetahuan yang sewajarnya kepada pegawai.</i> <i>Latihan secara berkala telah dilaksanakan bersama pihak vendor semasa menjalankan penyenggaraan pencegahan dari semasa ke semasa. Ini diikuti oleh latihan yang dibuat oleh Ibu Pejabat yang mana untuk tahun 2014</i> 	<p>Maklumbalas terkini adalah sama seperti di para 3.5.2.6 dengan tambahan:</p> <p><i>JKDM mengambil maklum terhadap soal selidik oleh pihak Audit yang merupakan persepsi daripada pegawai terhadap kemahiran dalam menyelesaikan masalah apabila berlaku kerosakan kecil (<i>troubleshooting</i>) dan akan meningkatkan lagi latihan bagi memberi pengetahuan yang sewajarnya kepada pegawai.</i></p> <p>Bagi tahun 2013, Jabatan telah mengadakan latihan seperti berikut :</p> <p>12-13 Jun 2013 di JKDM Gelang Patah Johor (peserta : 60 orang pegawai)</p> <p>22 Julai 2013 di JKDM Terminal Feri Harbour City, Selangor (peserta : 18 orang pegawai)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>sebanyak 4 kursus telah dirancang di samping program naziran mesin pengimbas di negeri. Selain itu, bagi tahun 2014, satu modul kursus mesin pengimbas telah dimasukkan dalam program latihan AKMAL bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, dengan sebanyak 31% daripada responden (pegawai Kastam) yang mengakui mereka kurang mahir dalam mengendalikan mesin pengimbas kargo dan sebanyak 81% daripada mereka mengakui kurang mahir dalam menyelesaikan masalah apabila berlaku kerosakan kecil (troubleshooting) boleh memberi impak kepada proses taksiran dan pelepasan dagangan serta mengesan ketirisan hasil.</p>	
3.5.3.4.a	<p>Penyenggaraan Dan Pembaikan Mesin Pengimbas Kargo</p> <p>Memandangkan kesemua kontrak penyenggaraan pencegahan dan pembaikan kerosakan mesin pengimbas kargo dibuat melalui rundingan terus, penentuan terma-terma dalam kontrak perlu diteliti semasa rundingan harga bagi menjamin kepentingan Kerajaan telah diambil kira dengan sewajarnya. Bagaimanapun, adalah didapati skop kerja penyenggaraan pencegahan bagi kelima-lima kontrak penyenggaraan mesin pengimbas kargo tidak memadai dan butiran harga kos penyenggaraan bulanan terperinci tidak disediakan mengikut skop kerja. Ini menyukarkan pegawai Kastam dalam tanggungjawabnya mengesahkan kos sebenar kerja penyenggaraan yang telah dibuat.</p>	Maklumbalas terkini adalah sama seperti di para 3.5.3.4.c
3.5.3.4.b	Semakan Audit terhadap 194 baucar bayaran berkaitan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan bagi syarikat NMR dan PAT mendapati bayaran telah dibuat dengan teratur.	
3.5.3.4.c	<p>Walau bagaimanapun, terdapat aduan daripada stesen kastam di Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Sabah mengatakan kontraktor penyenggaraan mengambil masa yang terlalu lama untuk penggantian komponen mesin pengimbas yang rosak. Ini dapat dibuktikan dengan analisis maklum balas dari 32 borang soal selidik yang diterima mendapati 20 responden (62%) menyatakan bahawa prestasi mesin pengimbas kargo adalah kurang memuaskan dan 16 responden (50%) menyatakan bahawa prestasi penyenggaraan mesin pengimbas kargo oleh kontraktor juga kurang memuaskan.</p> <p>Pada pendapat Audit, terma-terma kontrak yang tidak memadai serta butiran harga kos penyenggaraan bulanan terperinci adalah penting bagi memastikan kos sebenar kerja penyenggaraan adalah betul.</p> <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Jabatan telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan kepada syarat kontrak bagi memperkemaskan pengurusan penyelenggaraan mesin pengimbas. Dalam kontrak penyelenggaraan mesin pengimbas dengan Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd., sebanyak 30 item telah dimasukkan ke dalam skop kerja penyelenggaraan bulanan dan 60 item ke dalam skop kerja tahunan penyelenggaraan mesin pengimbas. Jumlah kos bulanan dan tahunan penyelenggaraan juga telah dinyatakan di dalam kontrak berdasarkan skop kerja di atas, man hours, lokasi mesin dan kos professional workmanship. Bagaimanapun, Jabatan mengambil perhatian ke atas pemerhatian Audit dan akan diambilkira dalam perjanjian kontrak penyelenggaraan akan datang.</i></p>	
<p>3.5.4.2.a</p>	<p>Kerosakan Akibat Kemalangan</p> <p>Mesin pengimbas kargo telah dilanggar oleh lori di Johor Bahru dan Pelabuhan Barat, Port Klang, Selangor. Bagaimanapun tindakan pegawai Kastam adalah bergantung pada inisiatif pegawai berkenaan dan tindakan yang diambil tidak seragam.</p>	<p>Maklumbalas terkini adalah sama seperti di para 3.5.5.2.c</p>
<p>3.5.4.2.b</p>	<p>Ketidakseragaman tindakan pegawai kastam adalah disebabkan <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) bagi mesin pengimbas kargo masih belum dimuktamadkan. Adalah didapati Unit Mesin Pengimbas Ibu Pejabat JKDM masih lagi dalam perbincangan dengan pihak pengurusan JKDM bagi memuktamadkan SOP.</p>	
<p>3.5.4.2.c</p>	<p>Kos kerosakan yang disebabkan oleh pihak ketiga terpaksa ditanggung oleh Kerajaan. Pihak JKDM ada merekodkan setiap kemalangan sama ada kecil mahupun besar ke dalam Buku Kejadian dan membuat laporan Polis. Mengenai mesin pengimbas THScan FS3000 di Pelabuhan Barat, Port Klang, Selangor yang dilanggar lori pada 4 Ogos 2011, didapati JKDM telah membuat laporan polis pada 5 Ogos 2011 dan tuntutan pembayaran telah dibuat kepada syarikat melalui surat bertarikh 23 November 2011 dan 2 Oktober 2012. Pihak syarikat telah meminta tuntutan dikemukakan kepada pihak insurans syarikat dan JKDM pada masa ini masih dalam tindakan dengan pihak insurans. Pada masa yang sama, JKDM juga sedang mengkaji untuk mengambil tindakan undang-undang jika tiada kemajuan dengan pihak insurans. Ini mengakibatkan kes di mana JKDM terpaksa membayar sejumlah RM1.23 juta pada 14 Ogos 2012 untuk membaiki mesin pengimbas tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan SOP yang jelas mengakibatkan pegawai mesin pengimbas dan pegawai Kastam yang bertugas tidak mempunyai panduan dan rujukan yang terkini. Pegawai juga tidak dapat melaksanakan tindakan kecemasan dan susulan dengan cekap dan teratur apabila terjadi sesuatu kemalangan terhadap</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mesin pengimbas.</p> <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014</p> <p><i>SOP yang sedia ada pada masa ini adalah khusus berdasarkan kepada jenis mesin-mesin tertentu. Bagaimanapun Jabatan dalam tindakan untuk menggubal SOP baru yang akan mengambil kira kesemua jenis mesin pengimbas yang terdapat dalam Jabatan serta juga mengambil kira fungsi dan peranan Unit Mesin Pengimbas Ibu Pejabat dan Negeri, Bahagian Kastam dan pihak luar iaitu Lembaga Pelesenan Tenaga Atom serta pihak vendor. Memandangkan perkara ini melibatkan beberapa pihak dan kompleksiti mesin pengimbas, maka deraf ini dijangka akan siap pada November 2014. SOP ini juga akan menggariskan tindakan sekiranya berlaku kemalangan dan pelanggaran terhadap mesin pengimbas.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

Perenggan 4 : Projek Bekalan Air Luar Bandar Di Negeri Sarawak

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.2.1.a	<p>Kajian Awal Tidak Dijalankan Secara Menyeluruh Dan Teliti Oleh Perunding - Perubahan Skop Kerja Yang Ketara</p> <p>Skop kerja yang jelas adalah penting bagi memastikan kerja dapat disempurnakan mengikut waktu yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati berlaku pengurangan skop kerja bernilai RM1.70 juta bagi Projek BALB Sistem Alternatif Tahun 2010-2012 Negeri Sarawak Zon 1 (Kuching/Samarahan) kerana lokasi Kampung Sungai telah di ambil kira dalam projek Tebedu Water Supply. Mana kala bagi projek Tebedu Water Supply berlaku penambahan skop kerja bernilai RM3.17 juta kerana peningkatan bilangan kampung.</p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014</p> <p><i>Jumlah kos Projek Serian Regional Water Supply - Phase 1, meningkat sejumlah RM0.26 juta (0.2%) daripada kos kontrak asal berjumlah RM116.5 juta disebabkan keperluan penambahan skop kerja.</i></p>	<p>Perubahan skop kerja yang telah dibuat dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melantik adalah diperlukan bagi memastikan projek dapat berfungsi dengan baik setelah siap. Perincian adalah seperti di bawah.</p> <p>i. BALB Sistem Alternatif Tahun 2010-2012 Zon 1</p> <p>Perubahan kerja yang diluluskan adalah diperlukan bagi memastikan pelaksanaan projek ini mencapai objektif dalam membekalkan air kepada penduduk di kampung yang terlibat. Pengurangan kos sebanyak RM1.70 juta telah dibuat melalui PHK No. 1-7 atas beberapa sebab yang telah diluluskan oleh SO dan bukan disebabkan oleh pengurangan Kampung Sungai sahaja.</p> <p>ii. Tebedu Water Supply</p> <p>Perubahan kerja bagi projek ini yang berjumlah RM3.17 juta adalah melibatkan pertambahan kampung yang akan dibekalkan dengan bekalan air melalui senarai perubahan kerja.</p> <p>Pertambahan kampung tersebut adalah kerana terdapat jalan baru yang telah dibina menghubungkan kampung-kampung yang terlibat dan penduduk belum mendapat kemudahan bekalan air bersih yang sempurna. Permohonan ini telah mendapat sokongan dari Y.B. Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak merangkap ADUN N18 Tebedu seperti surat</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>beliau dalam MIDCom/M/23 bertarikh 23 April 2012. Perubahan kerja ini telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan A KKLW. Selain itu, pertambahan skop ini juga dapat meningkatkan jumlah penduduk di kawasan luar bandar yang dapat menikmati bekalan air yang lebih sempurna.</p> <p>iii. BALB Jalan Nyabau Ke Simpang Sebauh</p> <p>Reka bentuk asal paip hendaklah ditanam dalam tanah. Walau bagaimanapun, semasa pelaksanaan didapati terdapat utiliti bawah tanah iaitu talian elektrik oleh SESCO di kawasan tersebut. Oleh itu, perubahan skop kerja perlu dibuat dan paip tidak ditanam agar tidak mengganggu utiliti tersebut.</p> <p>iv. Serian Regional Water Supply – Phase 1</p> <p>Peningkatan kos sebanyak RM0.26 juta atau 0.2% bagi pelaksanaan projek ini telah mengambilkira kesemua perubahan kerja yang telah diluluskan samada pertambahan dan pengurangan (<i>nett value</i>). Pertambahan kos ini adalah diperlukan bagi memastikan projek dapat beroperasi dengan baik setelah siap.</p>
4.5.2.1.b	<p>Pembinaan Muka Sauk Tidak Mengikut Speksifikasi</p> <p>Pembinaan muka sauk (<i>Raw Water Intake</i>) hendaklah mengikut piawaian atau skop kerja/speksifikasi yang telah ditetapkan. Lawatan Audit mendapati <i>pontoon</i> digunakan sebagai muka sauk di Sungai Gaya bagi projek Kampung Punang Lawas yang lebih berbentuk sementara kerana pemasangan <i>pontoon</i> ini tidak mengikut spesifikasi asal.</p> <p>Semakan Audit seterusnya mendapati perunding ada membuat permohonan dan cadangan pada 16 Mac 2013 kepada Pengarah JKR Sarawak untuk menggantikan pembinaan struktur kekal muka sauk di tebing sungai dengan <i>pontoon</i> dan dipersetujui pada 26 Mac 2013 dengan syarat perunding mengemukakan cadangan perubahan kos kerja namun sehingga kini belum ada cadangan diterima daripada perunding.</p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014</p>	<p>Pihak JKR Sarawak selaku Pegawai Penguasa (SO) bagi pelaksanaan projek ini telah memohon agar pihak perunding memberikan justifikasi berkenaan penukaran jenis muka sauk di <i>Gaya Intake</i> kepada jenis 'pontoon' pada 26 Mac 2013. Perbincangan lanjut JKR Sarawak dengan perunding projek ini pada 5 April 2013 dan surat perunding mengenai perkara ini bertarikh 5 April 2013 juga telah bersetuju agar 'pontoon' menggantikan muka sauk. Perubahan di buat kerana reka bentuk asal tidak lagi sesuai disebabkan masalah mendapan yang tinggi dan pengelodakan saluran akan menyebabkan kos penyenggaraan yang tinggi pada masa akan datang.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Pontoon yang telah dibina dan disifat kekal seperti mana kelulusan oleh JKR Sarawak. Kerja pembaikan diperlukan kerana reka bentuk asal tidak lagi sesuai disebabkan mendapan yang tinggi dan pengelodakan saluran akan menyebabkan kos penyelenggaraan yang tinggi pada masa akan datang.</i></p>	
<p>4.5.2.1.c</p>	<p>Genset Yang Dipasang Tidak Mampu Menghidupkan Pam Air</p> <p>Kapasiti voltan genset yang dipasang hendaklah bersesuaian dengan kapasiti pam air. Lawatan Audit ke muka sauk Lawas Damit dan Sungai Gaya bagi projek Kampung Punang Lawas mendapati genset yang dibeli dengan harga RM275,000 dan dengan kuasa masing-masing 150KVA dan 200KVA tidak mampu menghidupkan pam air jika bekalan elektrik dari pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) terputus.</p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014</p> <p><i>Bagi mengatasi masalah ini, perunding telah menyarankan untuk memasang Variable Speed Drive System (VSD) pada setiap pam bertujuan untuk mengawal kapasiti voltan genset. Anggaran kos pemasangan sistem VSD ini adalah RM65,300 bagi Sg. Lawas Damit dan RM134,300 bagi Sg. Gaya bagi projek Kampung Punang Lawas. Cadangan pemasangan VSD tersebut telah dimajukan kepada Ibu Pejabat JKR Sarawak tetapi tidak mendapat kelulusan dan kedudukan masa kini genset tersebut masih seperti sedia kala.</i></p>	<p>Pegawai Pengawal (KSU KKLW) melalui suratnya KKLW(PD)600-40/013/3/33 Jld.10 (16) bertarikh 7 April 2014 telah menyerahkan kedua-dua unit genset tersebut kepada pihak JKR Sarawak untuk diganti guna bagi pelaksanaan projek-projek lain yang memerlukan penggunaan genset tersebut.</p> <p>Genset berkuasa 150 KVA dicadangkan dipindah dan digunakan untuk projek BALB Sepanjang Jalan Ulu Layar, Betong yang akan ditender pada bulan Julai 2014.</p> <p>Genset berkapasiti 200 KVA dicadangkan dipindah ke stesen penggalak pam air mentah Sg Lawas Damit, Lawas pada 31 Mei 2014.</p>
<p>4.5.2.1.d</p>	<p>Transformer Yang Dibeli Tidak Digunakan</p> <p>Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi mengelakkan pembaziran, menjimatkan kos, mencegah penyalahgunaan dan kehilangan. Lawatan Audit ke Loji Rawatan Air Gelugus bagi projek Kampung Punang, Lawas mendapati transformer berkapasiti 500KVA yang dibeli pada 28 September 2012 dengan harga RM115,000 tidak digunakan. Pembekalan transformer ini telah ditetapkan dalam kontrak dan tujuannya ialah untuk menggantikan transformer lama yang mempunyai kapasiti 160KVA. Bagaimanapun, kontraktor tidak mengemukakan katalog dengan data teknikal kepada perunding terlebih dahulu sebelum perolehan dibuat selaras dengan peraturan am dan keperluan kontrak. Mengikut penjelasan pihak SEB kepada JKR Sarawak, transformer baru tidak perlu dipasang kerana kapasiti transformer sedia ada mencukupi dan mampu untuk membekalkan tenaga elektrik. Bagaimanapun transformer tersebut masih diletakkan di kawasan terbuka LRA Gelugus, Lawas.</p>	<p>Pihak kontraktor telah mengemukakan katalog dengan data teknikal pada 23 Februari 2012 dan telah dipersetujui oleh pihak perunding selaku wakil SO.</p> <p>Pegawai Pengawal (KSU KKLW) melalui suratnya KKLW(PD)600-40/013/3/33 Jld.10 (16) bertarikh 7 April 2014 telah menyerahkan transformer tersebut kepada pihak JKR Sarawak untuk diganti guna bagi pelaksanaan projek-projek lain yang memerlukan penggunaan transformer tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 7 Mei 2014</p> <p><i>Pegawai Pengawal (KSU KKLW) melalui suratnya KKLW(PD)600-40/013/3/33 Jld.10 (16) bertarikh 7 April 2014 telah menyerahkan transformer tersebut kepada pihak JKR Sarawak untuk diganti guna bagi pelaksanaan projek lain yang memerlukan penggunaan transformer tersebut.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kecuiaan pihak perunding menjalankan tugas dengan sewajarnya menyebabkan kerja tidak dilakukan mengikut keperluan sepatutnya. Tindakan segera perlu diambil bagi memastikan keselamatan pekerja terjamin dan pembaziran dapat dielakkan. Selain itu, pelarasan kos kerja bagi pembinaan <i>pontoon</i> perlu disediakan segera.</p>	
4.5.2.2	<p>Kolam Enapcemar (<i>Sludge Basin</i>) Tidak Disediakan</p> <p>Mengikut surat daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak rujukan AS(SWK)(B): 91/110/605/004 Jil.2() bertarikh 14 Jun 2011 pula, menyatakan komponen pembinaan '50 MLD Water Treatment Plant' adalah tertakluk di bawah peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 kerana mengandungi bahan kimia aluminium. Semakan Audit mendapati cadangan membina kolam enapcemar LRA Slabi, bagi projek Serian Regional Water Supply - Phase 1 tidak dimasukkan ke dalam reka bentuk asal pada tahun 2002 kerana tidak tertakluk kepada peraturan pada masa itu. Sehubungan itu, kontraktor yang dilantik pada 16 Jun 2011 telah memaklumkan tentang keperluan pembinaan semula kolam enapcemar kepada pihak JKR Sarawak dengan cadangan kos berjumlah RM938,681. Segala enapcemar yang terhasil dari proses rawatan air tersebut dilepaskan terus ke Sungai Batang Sadong.</p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014</p> <p><i>Projek Serian Regional Water Supply - Phase 1 telah direka bentuk pada tahun 2002 dan skop reka bentuk yang digunakan adalah JKR Water Supply Guidelines and Requirements 1984, revised May 2002, manakala Akta Peraturan-Peraturan Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) hanya mula dikuat kuasa pada tahun 2009. Setelah projek pembinaan dimulakan, pihak perunding dan JKR Sarawak telah berusaha untuk memasukkan tambahan skop kolam enapcemar ini, tetapi atas sebab tertentu ia tidak dapat dilaksanakan. Cadangan untuk memasukkan kolam enapcemar telah diajukan kepada pihak KKLW untuk kelulusan. Namun begitu, cadangan untuk membina kolam enapcemar terpaksa dibatalkan kerana kekurangan dana. Perunding</i></p>	<p>KKLW telah mempertimbangkan permohonan pembinaan kolam enapcemar bagi LRA Slabi dan projek Serian Regional Water Supply – Phase 1. Walau bagaimanapun, ia tidak dilaksanakan memandangkan peruntukan yang tidak mencukupi.</p> <p>Pihak JKR Sarawak akan memohon peruntukan tambahan untuk pembinaan kolam enapcemar tersebut.</p> <p>Pembinaan kolam enapcemar ini bergantung kepada kelulusan permohonan peruntukan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>telah memaklumkan pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak berhubung perkara tersebut dan JKR Sarawak akan membina kolam enapcemar tertakluk kepada peruntukan dana pada masa akan datang.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan mengambilkira pembinaan kolam enapcemar dalam projek LRA menyebabkan pelepasan enapcemar terus ke dalam sungai yang akhirnya mencemar atau menjejaskan kualiti air.</p>	
<p>4.5.2.3</p>	<p>Ujian Tekanan Dan Kebocoran Air Tidak Dijalankan</p> <p>Berdasarkan kaedah pemasangan paip JKR Malaysia, paip besi keluli yang bersaiz 700mm dipasang dan disambung menggunakan kaedah kimpalan manakala paip besi mulur (<i>ductile iron</i>) disambung menggunakan soket dan spigot. Bagi memastikan sistem bekalan air ini dapat berfungsi dengan efisien (<i>water tight</i>) ujian tekanan (<i>pressure test</i>) perlu dilaksanakan untuk setiap bahagian sesalur dengan mengisi tekanan melalui pam yang disambungkan kepada sesalur. Selepas ujian tekanan selesai, ujian kebocoran (<i>leakage test</i>) hendaklah diadakan untuk menentukan kuantiti air yang hilang akibat kebocoran. Berdasarkan standard pemasangan paip JKR Malaysia, ujian kebocoran paip air dilakukan bagi setiap satu kilometer. Kerja pensterilan dan pencucian (<i>sterilization and flushing</i>) pula, apabila penyambungan terakhir sudah disiapkan dan sistem sesalur telah diuji. Sesalur dianggap telah disteril jika sampel yang diambil dari pelbagai lokasi tebusan (<i>tappings</i>) menunjukkan baki klorin tidak kurang dari 0.2mg/l. Selepas sesalur disteril, sesalur perlu dicuci dengan air bersih. Semua ujian ini perlu dilakukan secara berperingkat bersesuaian dengan kemajuan kerja projek. Semakan Audit mendapati kemajuan kerja projek Tembirat Ke Asajaya dan Sadong Jaya, Samarahan bagi kerja pembinaan seperti yang diperuntukkan dalam <i>Bill of Quantities</i> tidak dapat disempurnakan. Berdasarkan dokumen perunding, status kemajuan siap kerja paip (pipe log) setakat 25 Februari 2014 adalah sejauh 23.98 km (78.4%) berbanding 30.6 km sepatutnya.</p> <p>Semakan Audit seterusnya mendapati tiada dokumen diperolehi dari pihak perunding bagi membuktikan ujian kebocoran dan tekanan telah dilaksanakan bagi paip besi keluli sepanjang 23.98 km tersebut.</p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014</p> <p><i>Air Test telah dijalankan di setiap Mild Steel Cement Lining (MSCL) pipe joint. Ujian tekanan dan kebocoran paip akan dijalankan secara berperingkat oleh kontraktor mengikut jadual kontraktor di bawah penyeliaan perunding yang dilantik.</i></p>	<p>Berdasarkan rekod di tapak, 2.7 km daripada 23.98 km paip yang telah ditanam telah dibuat ujian kebocoran dan tekanan. Selain itu, pihak kontraktor juga telah mengemukakan jadual ujian kebocoran dan tekanan yang akan dibuat. Ujian sistem (<i>system test</i>) akan di buat setelah projek ini disiapkan kelak.</p> <p>JKR Sarawak selaku SO melalui <i>close monitoring meeting</i> akan memastikan ujian kebocoran dan tekanan dibuat oleh kontraktor mengikut jadual yang telah dipersetujui.</p> <p>Tarikh penyiapan terkini projek ini adalah pada 31 Ogos 2014 (EOT No. 6).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, ujian tekanan dan kebocoran air yang tidak dilaksanakan secara berperingkat akan mengakibatkan sistem perpaipan yang dipasang berisiko bocor semasa ujian tekanan keseluruhan (<i>system test</i>) dilakukan kelak.</p>	
<p>4.5.3</p>	<p>Kualiti Kerja Pembinaan Kurang Memuaskan</p> <p>Kualiti kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas, sempurna dan mengikut tahap piawaian yang telah ditetapkan dalam spesifikasi kontrak. Semakan Audit mendapati 3 (23.1%) daripada 13 projek BALB menunjukkan kualiti pembinaan yang kurang memuaskan. Antara kualiti kerja yang kurang memuaskan ialah berlaku kebocoran pada tangki airimbangan, kerja membina muka sauk yang kurang memuaskan dan paip HDPE bersaiz 300mm tidak ditanam. Antara faktor yang menyebabkan kualiti kerja projek BALB di negeri Sarawak kurang memuaskan ialah akibat kurangnya pemantauan yang berkesan oleh perunding, JKR Sarawak dan KKLW.</p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014</p> <p><i>KKLW melaporkan terdapat kebocoran di Tangki Air Imbangan 18MLD pada kawasan sambungan dan membentuk retakan. Pihak Kontraktor telah membaiki kerosakan tersebut dalam tempoh tanggungan kecacatan, manakala untuk projek Kampung Punang Lawas, pemeriksaan terhadap kerja yang perlu dibaikpulih telah dilaksanakan oleh pihak Perunding bersama dengan Kontraktor pada 09.11.2013 sehingga 14.11.2013. Pihak kontraktor telah dimaklumkan mengenai perkara ini melalui surat rujukan TESB/KMSB/BALB/2013/0956 yang bertarikh 27.11.2013. Keadaan Tangki Air Imbangan 18MLD di Serian Regional Water Supply – Phase 1 setelah diperbaiki adalah seperti di Gambar 5.14 dan 5.15.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak KKLW, JKR Sarawak dan perunding perlu memastikan supaya kualiti kerja adalah baik mengikut spesifikasi kontrak dan kontraktor mengambil tindakan pembaikan segera terhadap semua kerja yang kurang memuaskan dalam tempoh kecacatan. Ini bagi memastikan kos penyelenggaraan tidak akan meningkat pada masa akan hadapan, tempoh hayat fasiliti kekal seperti sepatutnya dan kerajaan mendapat nilai wang sewajarnya.</p>	<p>KKLW telah melantik JKR Sarawak sebagai Pegawai Penguasa (SO) bagi pelaksanaan projek-projek ini melalui surat pelantikan Pegawai Penguasa. Melalui surat tersebut, semua kuasa yang diletakhak kepada Pegawai Pengawal telah diturunkan kepada Pengarah JKR Sarawak selaku Pegawai Penguasa bagi pelaksanaan projek ini termasuk proses pemantauan projek seperti yang termaktub dalam klausa 3.1 dalam <i>Condition of Contract</i> (COC) PWD FORM 203A (Rev. 1/2010).</p> <p>Berdasarkan kepada pemantauan yang telah dibuat, JKR telah mendapati kebocoran seperti yang dimaksudkan. Kesemua kebocoran pada tangkiimbangan 18ML bagi pelaksanaan projek Loji Air Serian Fasa I telah dibaiki dan tiada lagi kebocoran baru yang dilaporkan pada tangki tersebut.</p> <p>Selain itu, bagi pelaksanaan projek Loji Air Kampung Punang, Lawas, pihak kontraktor melalui suratnya 146/RuralW/WO3/JKR/223 bertarikh 3 April 2014 telah memaklumkan bahawa kerja-kerja penanaman paip HDPE bersaiz 300mm tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan ruang kerja untuk membawa masuk jentera ke tapak disamping keadaan tanah yang keras dan berbatu. Selain itu, terdapat juga paip-paip lain yang telah disambungkan dalam kontrak sebelum ini tidak ditanam di kawasan tapak projek. Sehingga kini, kerja pembaikpulih yang lain telah dilakukan oleh pihak kontraktor.</p> <p>Perkara ini telah dibincangkan dan dipersetujui oleh pihak JKR Sarawak dan perunding untuk tidak menanam paip tersebut bagi mengelakkan berlaku hakisan tanah pada cerun serta bagi memudahkan kerja penyelenggaraan pada masa depan. Pihak JKR Sarawak akan mengeluarkan perubahan kerja bagi perkara ini sebelum 31 Mei 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>4.5.4</p>	<p>Perakuan Muktamad Belum Disediakan</p> <p>Berdasarkan syarat kontrak konvensional, Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Muktamad dalam tempoh 3 bulan selepas tamatnya tempoh tanggungan kecacatan bagi keseluruhan kerja atau 3 bulan selepas dikeluarkan perakuan siap memperbaiki kecacatan. Semakan Audit mendapati Perakuan Muktamad bagi Projek Rh. Sebeliau dan Rh. Sebeliau Geliung, Lubok Antu, Sri Aman dan Watermain Ext. ke Rh. Ali, Dabai Tiga, Rh. Banta, Rantau Sukat, Rh. Joseph, Buchai, dan Rh. Engkin, Kedoh, SK Brayang, Roban masih belum disediakan walaupun kedua-dua projek tersebut telah siap masing-masing pada 26 Mac 2011 dan 25 Februari 2011. Tempoh kelewatan setakat 31 Disember 2013 ialah masing-masing 18 dan 19 bulan. Perkara ini berlaku disebabkan perubahan harga belum dapat dimuktamadkan oleh kontraktor dan JKR Sarawak.</p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014</p> <p><i>Perakuan muktamad belum disediakan kerana isu mengenai perubahan harga masih belum diperakukan oleh kontraktor setakat 5 Mac 2014.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak BALB perlu dipertingkatkan dengan menyediakan segera Perakuan Muktamad kerana projek berkenaan telah disiapkan 3 tahun lalu dan tanpa sijil perakuan muktamad akaun akhir projek tidak akan dapat disediakan.</p>	<p>Perakuan muktamad bagi pelaksanaan projek ini belum disediakan kerana pihak kontraktor enggan menandatangani PHK bagi <i>Variation of Price</i> (VOP). Pihak kontraktor merayu agar VOP ini dikecualikan kerana rujukan harga yang dibuat adalah berdasarkan harga di Semenanjung Malaysia (berdasarkan data dari Jabatan Perangkaan) walhal pelaksanaan projek ini adalah di Sarawak dan tiada rujukan harga yang disediakan untuk negeri Sarawak oleh Jabatan Perangkaan. Perkara ini telah dirujuk kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan telah menolak permohonan ini. Pihak kontraktor memaklumkan pihaknya masih dalam proses membuat rayuan kepada Kementerian Kewangan sekali lagi.</p> <p>JKR Sarawak akan meneruskan proses untuk penyediaan perakuan muktamad tanpa persetujuan pihak kontraktor mengenai pengiraan VOP sekiranya tiada sebarang persetujuan atau jawapan dari Kementerian Kewangan.</p> <p>JKR akan menyediakan perakuan muktamad pada 31 Mei 2014.</p>
<p>4.5.5</p>	<p>Kemudahan Telah Siap Dibina Tidak Dapat Dinikmati Oleh Pengguna</p> <p>Objektif utama projek BALB adalah untuk menyediakan bekalan air bersih dan terawat yang mencukupi dan berterusan kepada masyarakat luar bandar di negeri Sarawak. Lawatan Audit ke projek Rh. Sebeliau dan Rh. Sebeliau Geliung, Lubok Antu yang bernilai RM1.46 juta mendapati projek tersebut telah siap dibina dan <i>Certificate Of Practical Completion</i> telah dikeluarkan pada 10 April 2011. Bagaimanapun, penduduk di 2 rumah panjang berkenaan masih belum menikmati bekalan air bersih dan terawat sehingga tarikh lawatan Audit pada 27 Ogos 2013. Menurut pihak JKR Sarawak bekalan air tidak dapat diagihkan kepada penduduk di kedua-dua rumah panjang berkenaan kerana projek LRA Lubok Antu yang sepatutnya siap pada 12 April 2013 hanya siap 99.5% setakat 31 Disember 2013. Sumber bekalan air yang digunakan selama ini ialah dari sungai, air hujan dan air paip graviti.</p> <p>Maklum Balas JKR Sarawak Yang Diterima Pada 4 April 2014</p>	<p>Sehingga kini, sebanyak 82 daripada 86 permohonan pembekalan air telah diterima oleh JKR Sarawak. Para pengguna atau penduduk perlu memohon penyambungan bekalan air daripada Pihak Berkuasa Air Negeri di kawasan terlibat iaitu JKR Sri Aman bagi membolehkan penyambungan bekalan air dibuat. Pemohon juga perlu membuat bayaran penyambungan tersebut dan mengemukakan resit asal pembayaran penyambungan kepada JKR Sri Aman.</p> <p>JKR Sri Aman akan membuat susulan dengan baki 4 buah rumah yang belum mengemukakan borang permohonan tersebut.</p> <p>JKR Sri Aman akan membuat penyambungan dalam tempoh 2 minggu selepas pemohon mengemukakan resit asal</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>JKR Sri Aman telah mengambil alih operasi LRA Lubok Antu yang baru di mana ianya berkapasiti 7.5MLD. Justeru itu, kawasan Pihak Bekalan Air Lubok Antu dan Land Development Scheme Batang Air, Lubok Antu sedang menikmati bekalan air yang sangat mencukupi dengan tekanan air yang sungguh memuaskan. Kerja-kerja flushing ke paip air utama di kawasan rumah panjang di Rh. Sebeliau dan Rh. Sebeliau Geliung telah dijalankan. Borang permohonan pemasangan bekalan air baru telah pun diterima oleh pihak JKR Sri Aman dan proses pengebilan untuk pembayaran oleh pemohon sedang dijalankan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan dan pelaksanaan yang baik serta mengikut jadual adalah penting bagi memastikan objektif projek bekalan air luar bandar untuk membekalkan air bersih dan terawat dapat dinikmati oleh penduduk mengikut tempoh waktu yang dirancang.</p>	<p>pembayaran penyambungan kepada JKR Sri Aman. Semua kerja-kerja ini dijangka akan diselesaikan pada 31 Mei 2014.</p>
<p>4.5.6</p>	<p>Pemantauan Projek BALB Di Negeri Sarawak Kurang Berkesan</p> <p>Pemantauan terhadap projek BALB di negeri Sarawak hendaklah dilakukan secara rapi dan berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan selaras dengan objektif projek. Projek BALB di negeri Sarawak dipantau oleh Ibu Pejabat KKLW Putrajaya, Bahagian Pemantauan dan Pelaksanaan KKLW negeri Sarawak, Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah dan Pejabat Bahagian JKR Sarawak serta perunding yang dilantik melalui Mesyuarat Pemantauan Projek, Mesyuarat Tapak dan Laporan Bulanan Kemajuan Projek. Semakan Audit mendapati pemantauan ada dilakukan tetapi kurang berkesan kerana masih terdapat kelemahan seperti yang dibangkitkan di atas. Perkara ini berlaku kerana kekangan masa dan kakitangan yang mencukupi untuk memantau sepenuh masa semua projek yang terlibat menyebabkan ada projek yang bermasalah dan lewat disiapkan.</p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014</p> <p><i>Kementerian telah menyediakan mekanisme Pemantauan melalui Pejabat Cawangan Negeri Sarawak. KPI yang telah ditetapkan oleh Kementerian adalah 1 bulan untuk 4 projek yang mesti dipantau dan dinilai. Cawangan ini terus berusaha memantau dengan lebih rapi. Sebagai langkah penambahbaikan selepas teguran Audit Pejabat Cawangan mulai melaporkan Laporan Pemantauan kepada JKR Sarawak selaku Pegawai Penguasa mengikut projek yang dipantau supaya menguatkuasaan dan kawalan projek lebih berkesan.</i></p>	<p>KKLW dari masa ke masa turut membantu JKR Sarawak untuk memantau pelaksanaan projek ini. Dalam usaha untuk memudahkan dan meningkatkan pengurusan pelaksanaan projek, JKR Sarawak telah melaksanakan beberapa penambahbaikan proses kerja seperti:-</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Menguatkuasakan amalan mempunyai PQP (Pelan Kualiti Projek) dan menjalankan pemeriksaan dan ujian mengikut pelan QA/QC semasa pembinaan setiap bulan. b) Menubuhkan Pejabat Wilayah JKR pada tahun 2012, bermula dengan Pejabat Wilayah Selatan pada 1 Januari 2012, Pejabat Wilayah Tengah dan Pejabat Wilayah Utara pada 1 Mac 2012. Pejabat Wilayah yang ditubuhkan tersebut adalah bertujuan untuk memberi tumpuan kepada pentadbiran dan pengurusan pasca kontrak. Pejabat Wilayah akan menjadi lebih cekap dan berkesan sewaktu kontrak berjalan. c) Menubuhkan Jawatankuasa EOT berkuatakuasa 14 Februari 2012 untuk mempercepatkan kelulusan EOT selain memastikan sebab-sebab untuk kerja-kerja tambahan yang dipohon adalah benar dan kos tambahan tersebut diperlukan dan perkara ini dalam lingkungan <i>Technical Instruction</i> 201 dan 203 serta Kontrak.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, kaedah pemantauan yang lebih berkesan perlu dicari bagi memastikan masalah kelewatan penyiapan dan kualiti projek dapat dikurangkan.</p>	<p>d) Memperkenalkan borang standard bagi tujuan penyeragaman dalam masalah halangan/isu/masalah berkaitan pengambilan/sekatan tanah pada 15 Oktober 2012.</p> <p>e) Memperkenalkan “<i>Action Gate Process for Works Behind Schedule</i>” yang dikemaskini pada 21 Mei 2013.</p> <p>Di bawah Rancangan Malaysia ke-10, JKR Sarawak diamanahkan dengan pelaksanaan 786 projek infrastruktur dan utiliti di bawah pelbagai program berjumlah RM17.9 bilion. Daripada jumlah itu, 69 kontrak berjumlah RM1.7 bilion adalah projek-projek BALB NKRA. Bagi setiap projek BALB di bawah NKRA, mesyuarat tapak diadakan secara bulanan sekiranya pembinaan adalah berterusan. Secara purata, Mesyuarat Jawatankuasa EOT dan VO diadakan setiap dua minggu. Hasil daripada Mesyuarat Jawatankuasa ini, sebanyak 208 EOT telah diluluskan, 172 APK (BORANG PERMOHONAN A. Perubahan Kerja) telah diluluskan dan 339 PHK (Pelarasan Harga Kontrak) telah diluluskan untuk projek-projek BALB NKRA sahaja. Selain daripada mesyuarat tapak, Mesyuarat Jawatankuasa EOT dan VO, terdapat juga mesyuarat teknikal, mesyuarat projek sakit, mesyuarat khas dan mesyuarat pemantauan yang dikendalikan oleh KKLW untuk projek-projek BALB NKRA.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

KEMENTERIAN KERJA RAYA

Perenggan 5 : Projek Menaik Taraf Jalan Dari Pohon Batu (Simpang Tamu) Ke Pancur Hitam, Wilayah Persekutuan Labuan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.1	<p>Pelantikan Kontraktor / Perunding</p> <p>Projek ini pada asalnya dilaksanakan secara konvensional melalui tender terbuka. Kontraktor yang bertanggungjawab melaksanakannya ialah Permata Makmur Sdn. Bhd. Namun, projek ini telah ditamatkan secara Persetujuan Bersama pada 8 Oktober 2008. Projek ini kemudiannya ditender semula dengan kaedah konvensional (Perunding) melalui tender terbuka dengan kos kontrak asal sejumlah RM41.44 juta. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya, iaitu TE Synergy Sdn. Bhd. pada 16 Ogos 2010. Perunding bagi projek ini iaitu Nik Jai Associates Sdn. Bhd. telah dilantik pada 22 Februari 2010. Selain itu, subkontraktor, iaitu Dunggong Jaya Sdn. Bhd. juga telah dilantik pada 3 November 2011 untuk menjalankan kerja-kerja elektrik.</p> <p>Pada pendapat Audit, tempoh masa yang lama telah diambil untuk melantik kontraktor kedua bagi menyiapkan kerja yang terbengkalai, iaitu 1 tahun 10 bulan selepas penamatan kontrak asal secara Persetujuan Bersama.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Dimaklumkan bahawa projek ini telah ditamatkan secara Persetujuan Bersama (Mutual Termination) pada 8 Oktober 2008. Projek ini kemudiannya telah ditender semula dengan Kaedah Konvensional (Perunding) melalui tender terbuka dengan kos kontrak asal RM41.44 juta. Tempoh masa yang lama telah diambil untuk melantik kontraktor baru bagi menyiapkan kerja terbengkalai ini iaitu selama 1 tahun 10 bulan kerana terdapat Design Review yang dilaksanakan oleh pihak HODT (Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geotek) JKR Malaysia dan perunding lantikan iaitu Nik Jai Associates Sdn. Bhd. bagi memastikan masalah reka bentuk tidak lagi berlaku sebelum ianya ditender semula. Di samping itu juga, penyediaan skop kerja bagi kerja-kerja terbengkalai yang dilaksanakan oleh pihak HOPT (Cawangan Jalan) JKR Malaysia yang memerlukan masa dengan perlu mengambil kira kerja-kerja terdahulu yang telah dilaksanakan oleh kontraktor sebelumnya. Sehubungan itu, proses perolehan juga memerlukan masa sebelum pelantikan Kontraktor TE Synergy</i></p>	<p>Maklum balas terkini adalah sama seperti maklum balas yang dihantar pada 29 April 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>Sdn. Bhd.</i>	
5.5.2.1.a	<p>Pencapaian Fizikal</p> <p>Mengikut syarat kontrak, kontraktor asal perlu menyiapkan projek ini pada 11 Disember 2008. Satu lanjutan masa (EOT) telah diluluskan pada 9 Mei 2008 dan tarikh siap semasa adalah pada 10 April 2010. Bagaimanapun, akibat daripada beberapa masalah yang timbul semasa pembinaan seperti pengalihan utiliti yang lambat dan kenaikan kos bahan-bahan mentah yang tinggi, projek ini telah ditamatkan secara Persetujuan Bersama pada 8 Oktober 2008 selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008. Kemajuan kerja pada tarikh tersebut adalah 21%. Mengikut syarat kontrak dengan kontraktor kedua yang dilantik iaitu TE Synergy Sdn. Bhd., kerja perlu disiapkan pada 28 Februari 2012. Namun, kontraktor tersebut telah diluluskan 3 EOT selama 431 hari iaitu sehingga 4 Mei 2013.</p>	Maklum balas terkini adalah sama seperti maklum balas yang dihantar pada 29 April 2014.
5.5.2.1.b	<p>Semakan Audit terhadap pengurusan lanjutan masa mendapati EOT ke-3 telah lewat diluluskan dengan kelewatan selama 3 bulan. EOT ke-3 tersebut diluluskan pada 3 Mei 2013 sedangkan tarikh siap yang dibenarkan melalui EOT ke-2 adalah pada 3 Februari 2013. Bagaimanapun, Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) telah dikeluarkan pada 4 Februari 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, Pegawai Penguasa sepatutnya meluluskan EOT sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Dokumen sokongan yang disertakan bersama permohonan EOT ke-3 tidak lengkap menyebabkan permohonan EOT tersebut tidak dapat diluluskan dan hanya dapat diluluskan selepas pihak JKR menerima semua dokumen yang diperlukan.</i></p>	
5.5.3.2	<p>Tandatangan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak</p> <p>Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bil. 6 Tahun 2009 yang berkuatkuasa mulai 2 September 2009 menetapkan PHK hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa. Semakan Audit mendapati PHK 1 bagi kontrak dengan TE Synergy Sdn. Bhd. telah ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa, iaitu Ketua Penolong Pengarah Jalan selaku wakil Pegawai Penguasa. Manakala PHK 2, PHK 3 dan PHK 4 pula tidak ditandatangani. Selain itu, keempat-empat PHK yang disediakan itu tidak mengikut format yang ditetapkan dalam Surat Arahan KPKR Bil. 5 Tahun 2008.</p>	Maklum balas terkini adalah sama seperti maklum balas yang dihantar pada 29 April 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, hanya pegawai yang diberi kuasa boleh menandatangani dokumen/perakuan yang dikeluarkan di bawah kontrak.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Perkara ini telah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang KKR dan dimaklumkan pembetulan boleh dibuat terhadap PHK yang terlibat memandangkan Perakuan Akaun Muktamad masih belum dibuat dan belum dibayar. JKR telah membuat pembetulan dan PHK 2, PHK 3 serta PHK 4 telah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa.</i></p>	
<p>5.5.3.3.a.i</p>	<p>Pembayaran Kepada Kontraktor - Bayaran Kurang Diperakukan</p> <p>Bagi kontrak dengan Pertama Makmur Sdn. Bhd., satu bayaran diperakukan dan dibayar kepada kontraktor kurang daripada amaun yang disyorkan dengan perbezaan sejumlah RM0.14 juta.</p>	<p>Maklum balas terkini adalah sama seperti maklum balas yang dihantar pada 29 April 2014.</p>
<p>5.5.3.3.a.ii</p>	<p>Bagi kontrak dengan TE Synergy Sdn. Bhd., daripada 33 perakuan bayaran interim yang dibuat, 10 bayaran diperakukan dan dibayar kepada kontraktor kurang daripada amaun yang disyorkan dengan perbezaan antara RM0.13 juta dan RM1.36 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, amaun bayaran yang terkurang daripada amaun yang disyorkan berdasarkan penilaian kerja di tapak boleh memberi kesan negatif kepada aliran tunai syarikat kontraktor yang seterusnya boleh menjejaskan kelancaran dalam kesinambungan kerja pembinaan.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Bagi pembayaran kepada kontraktor Pertama Makmur Sdn. Bhd., bayaran kurang daripada bayaran disyorkan adalah disebabkan kekangan peruntukan. Bagi pembayaran kepada kontraktor TE Synergy Sdn. Bhd., bayaran diperakukan kurang daripada bayaran yang disyorkan kerana bayaran tersebut bergantung kepada peruntukan semasa yang diterima daripada KKR dan juga baki peruntukan semasa. Perkara ini berlaku disebabkan prosedur pengagihan peruntukan berubah di KKR oleh kerana kekangan peruntukan di mana peruntukan akan disalurkan berdasarkan JKR 66 yang telah diluluskan (actual work done). Justeru itu, terdapat kelewatan menerima peruntukan oleh JKR Wilayah Persekutuan Labuan yang menyebabkan bayaran lewat dijelaskan kepada kontraktor.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>5.5.3.3.b</p>	<p>Lejar Kontrak Tidak Disediakan</p> <p>Lejar Kontrak JKR merupakan satu rekod terperinci mengenai sesuatu projek. Mengikut surat daripada Ketua Akauntan KKR kepada semua pengarah JKR di Ibu Pejabat JKR, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Negeri serta semua ketua pusat tanggungjawab KKR dengan rujukan (41) dlm. KKR/BKA/08/645/11-4/1 bertarikh 20 Jun 2001, mulai 1 Julai 2001, lejar kontrak perlu disediakan sebagai dokumen sokongan kepada semua baucar bayaran. Surat Arahan KPKR Bil. 13 Tahun 2011 juga telah menggariskan format terkini lejar kontrak yang perlu diguna pakai serta panduan pengisiannya. Semakan Audit mendapati lejar kontrak tidak disediakan sebagai dokumen sokongan kepada semua baucar bayaran yang disemak.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan Lejar Kontrak boleh menyumbang kepada kesilapan di dokumen JKR 66 dan seterusnya menyebabkan kesilapan dalam bayaran.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>JKR menyediakan jadual bayaran yang dikepilkan sebagai dokumen sokongan dalam setiap pembayaran interim. Jadual bayaran tersebut mempunyai fungsi dan format yang seakan sama seperti Lejar dan telah digunakan untuk memantau aliran pembayaran dan kewangan kontrak.</i></p>	<p>Maklum balas terkini adalah sama seperti maklum balas yang dihantar pada 29 April 2014.</p>
<p>5.5.3.3.c</p>	<p>Perakuan Bayaran Interim Ditandatangani Oleh Pegawai Yang Tidak Diberi Kuasa</p> <p>Surat Arahan KPKR Bil. 6 Tahun 2009 menyatakan Perakuan Bayaran Interim hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa Kerja Utama, iaitu Pengarah Kerja Raya, JKR Wilayah Persekutuan Labuan/Ketua Penolong Pengarah Jalan. Bagi bayaran kepada Kontraktor TE Synergy Sdn. Bhd., semakan Audit mendapati daripada 33 bayaran Interim, 10 bayaran interim berjumlah RM14.38 juta telah diperakukan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa, iaitu Penolong Pengarah Kanan Jalan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Perakuan Bayaran Interim perlu ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Penolong Pengarah Kanan Jalan yang menandatangani Perakuan Bayaran Interim</i></p>	<p>Maklum balas terkini adalah sama seperti maklum balas yang dihantar pada 29 April 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>sedang menanggung tugas Ketua Penolong Pengarah Jalan, iaitu selaku Wakil Pegawai Penguasa Utama memandangkan jawatan Ketua Penolong Pengarah Jalan di JKR Wilayah Persekutuan Labuan pada masa tersebut tidak diisi. Memandangkan terdapat memo tanggung tugas yang diamanahkan kepada Penolong Pengarah Kanan Jalan pada masa tersebut, maka pejabat ini beranggapan bahawa beliau layak untuk menanggung segala tugas/tanggungjawab sebagai Ketua Penolong Pengarah Jalan termasuk sebagai jawatan Wakil Pegawai Penguasa Utama.</i></p>	
<p>5.5.4</p>	<p>Kerja Penyenggaraan</p> <p>Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah 12 bulan selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi projek ini bermula pada 5 Mei 2013 dan akan berakhir pada 4 Mei 2014. Dalam tempoh tanggungan kecacatan tersebut, kontraktor bertanggungjawab terhadap penyenggaraan jalan, memastikan semua longkang dan <i>culvert</i> berfungsi dengan baik dengan membersihkan dan <i>desilting</i> 4 kali setahun (setiap 3 bulan) serta menjalankan kerja pemotongan rumput sebulan sekali. Lawatan Audit pada 28 November 2013 mendapati terdapat kerja penyenggaraan yang kurang sempurna.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja-kerja penyenggaraan yang tidak sempurna boleh mengakibatkan kemudahan yang dibina tidak dapat berfungsi dengan baik.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Mengikut jadual penyenggaraan rutin yang disediakan oleh pihak kontraktor, penyenggaraan kerja-kerja longkang dijalankan pada November 2013. Penyenggaraan longkang telah dimulakan oleh pihak kontraktor, namun semasa lawatan Audit pada 28 November 2013, kerja-kerja penyenggaraan longkang masih belum siap sepenuhnya.</i></p>	<p>Maklum balas terkini adalah sama seperti maklum balas yang dihantar pada 29 April 2014.</p>
<p>5.5.5</p>	<p>Kualiti Kerja</p> <p>JKR hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi mengenal pasti kerosakan dan kecacatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR Wilayah Persekutuan Labuan perlu melaporkan kerosakan dan kecacatan kerja tersebut kepada kontraktor dengan segera dan memastikan kontraktor mengambil tindakan pembaikan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.</p>	<p>Maklum balas terkini adalah sama seperti maklum balas yang dihantar pada 29 April 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014 <i>Pihak kontraktor telah mengambil tindakan pembedulan ke atas semua teguran Audit.</i>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Jabatan Pengangkutan Jalan

Perenggan 6 : Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>6.5.1.1.b</p>	<p>Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicators)</p> <p>Semakan Audit mendapati 3 daripada 5 negeri yang dilawati iaitu negeri Selangor, Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mencapai KPI bagi operasi yang ditetapkan. Negeri Kelantan dan Perak tidak mencapai keseluruhan KPI yang ditetapkan seperti KPI untuk Ops Penyamaran Bergambar.</p> <p>Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 28 April 2014</p> <p><i>Satu bengkel KPI telah diadakan pada bulan Januari 2014 di mana KPI Penguatkuasa bagi tahun 2014 ialah menurunkan fatality index kepada 2.6 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar. Walau bagaimanapun, JPJ akan menjemput pihak Universiti Sains Malaysia untuk memberi penerangan bagi tujuan bimbingan kepada JPJ untuk menyediakan KPI yang lebih relevan. Penetapan KPI Penguatkuasa dijangka siap pada penghujung Jun 2014.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak JPJ telah mengambil langkah yang baik dengan mewujudkan KPI dan menetapkan sasaran prestasi untuk keberkesanan operasi penguatkuasaan jalan raya.</p>	<p>Deraf KPI telah siap pada 19 Mei 2014. Walau bagaimanapun satu bengkel pemurnian dijangka akan diadakan pada pertengahan Jun 2014 bagi memuktamadkan KPI tersebut.</p>
<p>6.5.2.1.d</p>	<p>Kuasa JPJ Terhadap Terhadap Kesalahan Di Bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010</p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada saman dikeluarkan secara terus/langsung berkaitan kesalahan lebih muatan sejak berkuat kuasanya APAD 2010 di Semenanjung kerana peruntukan APAD 2010 telah menetapkan keperluan menyediakan kertas siasatan (IP) sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya bagi tujuan pendakwaan dan pengkompaunan. Bagi kesalahan lebih muatan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan saman boleh dikeluarkan terus tanpa perlu mendapatkan keizinan pendakwa raya. Ini</p>	<p>JPJ akan mengadakan satu perbincangan khusus dengan pihak SPAD, MOT, PDRM dan Pejabat Peguam Negara berkaitan dengan perkara ini. Mesyuarat dijangka akan diadakan pada penghujung Jun 2014 dan akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPJ.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menunjukkan tiada keseragaman dalam mengambil tindakan terhadap kesalahan lebih muatan mengikut APAD 2010 dan ALPKP 1987.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak JPJ perlu mengkaji semula peruntukan di bawah Seksyen 17(1) APJ 1987 sama ada perlu mengambil kira kesalahan di bawah APAD 2010 bagi tujuan keseragaman dan keberkesanan dalam penguatkuasaan JPJ.</p> <p>Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 27 Februari 2014</p> <p><i>Setelah diteliti peruntukan undang-undang di bawah APJ 1987, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat boleh memohon untuk memasukkan APAD dalam Jadual Ketiga APJ. Selain daripada itu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat perlu membangunkan sistem untuk diintegrasikan dengan sistem JPJ. Sehingga kini terdapat 3 agensi yang diberi kuasa untuk menyenaraikan kenderaan atau lesen memandu di bawah APJ 1987 iaitu Polis DiRaja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Alam Sekitar.</i></p>	
<p>6.5.2.2.b</p>	<p>Kelewatan Menyiapkan Kertas Siasatan</p> <p>Semakan Audit mendapati hanya 312 (14.7%) daripada 2,120 IP yang dibuka dapat disiapkan bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Julai 2013. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat kes tahun 2011 dan 2012 belum disiapkan. Selain itu, sebanyak 112 IP yang telah siap diserahkan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk tindakan selanjutnya.</p>	<p>JPJ akan mengadakan satu perbincangan khusus dengan pihak SPAD, MOT, PDRM dan Pejabat Peguam Negara berkaitan dengan perkara ini. Mesyuarat dijangka akan diadakan pada penghujung Jun 2014 dan akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPJ.</p>
<p>6.5.2.2.c</p>	<p>Semakan Audit selanjutnya di Negeri Perak mendapati bagi kes pemilik enggan hadir temu siasat, IP bersama bukti keengganan pemilik hadir temu siasat dihantar ke SPAD untuk tindakan selanjutnya. Di bawah APAD 2010 pegawai pengangkutan jalan tidak mempunyai kuasa untuk menyenaraikan pemilik yang tidak hadir temu siasat.</p> <p>Pada pendapat Audit, tempoh yang lama diambil untuk menyiapkan IP akan menjejaskan tindakan selanjutnya yang dapat diambil terhadap pengendali lesen. Selain itu, perbincangan di antara pihak JPJ dan SPAD hendaklah diadakan bagi tujuan penambahbaikan dan menetapkan prosedur siasatan yang perlu dilaksanakan oleh pegawai penyiasat JPJ terutamanya bagi kes ketidakhadiran pemilik di dalam sesi temu siasat.</p> <p>Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 27 Februari 2014</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Sesi perbincangan di antara JPJ, SPAD dan agensi penguatkuasa lain telah diadakan secara berkala dan akan mengambil kira perkara yang dibangkitkan oleh Audit untuk dibincangkan.</i></p>	
<p>6.5.2.3</p>	<p>Kad Kuasa Pegawai Pengangkutan Jalan Tidak Dikemas Kini</p> <p>Semakan Audit terhadap sampel kad kuasa pegawai pengangkutan jalan mendapati kuasa diperuntukkan di bawah APJ 1987 dan ALPKP 1987 telah dimasukkan secara bertulis pada kad kuasa yang dibekalkan. Bagaimanapun, kuasa di bawah Seksyen 82(1) APAD 2010 belum dimasukkan ke dalam kad kuasa tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati pemberian kuasa tersebut telah diberi secara bertulis melalui surat.</p> <p>Pada pendapat Audit, kuasa bagi pegawai pengangkutan jalan di bawah Seksyen 82 (1) APAD 2010 hendaklah dimasukkan dalam kad kuasa memandangkan surat bertulis telah diberikan.</p> <p>Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 27 Februari 2014</p> <p><i>JPJ sedang melaksanakan pengemaskinian kad kuasa anggota beruniform sebagaimana yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Surat edaran kepada JPJ Negeri telah dikeluarkan pada 18 Februari 2014 untuk mengemas kini maklumat di dalam HRMIS terutama gambar terbaru anggota kerana pengemaskinian kad kuasa akan dilaksanakan melalui maklumat di dalam HRMIS.</i></p>	<p>Kad kuasa baru yang meliputi kuasa di bawah APAD 2010 iaitu Seksyen 81(1), 82(1) dan 235(1) telah dikeluarkan secara berperingkat dan dijangka selesai pada bulan Julai 2014.</p>
<p>6.5.3.1</p>	<p>Pemeriksaan Audit mendapati pegawai pengangkutan jalan (PPJ) yang ditempatkan di SKS yang dilawati tidak melaksanakan aktiviti penguatkuasaan sebaliknya hanya melaksanakan tugas mengeluarkan dan membatalkan ICP serta tugas pentadbiran SKS.</p>	<p>SOP telah dikeluarkan kepada lima buah negeri yang bersempadan dengan Thailand dan Indonesia pada 15 Mei 2014.</p>
<p>6.5.3.2</p>	<p>Semakan Audit tidak dapat menentukan penguatkuasaan secara khusus dijalankan terhadap kenderaan asing yang diberi pengecualian memasuki kawasan sempadan tanpa ICP dalam jarak 2 km. Terdapat kemungkinan kenderaan ini akan membelakangkan undang-undang seperti bergerak melebihi jarak yang dibenarkan, membawa lebih muatan, tidak mempunyai tanda badan, dan pemandunya tidak mempunyai lesen yang disyaratkan oleh undang-undang Malaysia.</p> <p>Pada pendapat Audit, JPJ perlu mewujudkan kaedah penguatkuasaan terhadap kenderaan asing yang diberi pengecualian ICP bagi memastikan pemandu mematuhi peraturan yang ditetapkan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 27 Februari 2014 Dan 28 April 2014</p> <p><i>JPJ memang menghadapi masalah dari segi penguatkuasaan terhadap kenderaan asing yang memasuki sempadan tidak melebihi 2 km. JPJ berpandangan kelonggaran memasuki sempadan 2 km perlu dikaji semula oleh Kerajaan supaya pemantauan ke atas kenderaan asing dapat dilaksanakan secara berkesan. Bagaimanapun, SOP sedang disediakan berkaitan penguatkuasaan dalam lingkungan 2 km dari sempadan dan dijangka siap pada bulan Mei 2014.</i></p>	
6.5.4	<p>Laporan/Rekod Operasi Penguatkuasaan Tidak Diselenggara Atau Tidak Lengkap</p> <p>Semakan Audit mendapati rekod bagi 6 operasi (Lebih Muatan, Terminal Bas, Bersepadu, Motosikal, Pengarah dan Operasi Musim Perayaan) tidak diselenggara/tidak lengkap.</p> <p>Pada pendapat Audit, laporan dan rekod penguatkuasaan hendaklah diselenggarakan/lengkap, disemak oleh pegawai penyelia dan disimpan mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, JPJ perlu memastikan laporan statistik kesalahan boleh dijana melalui sistem mySIKAP.</p> <p>Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 27 Februari 2014 Dan 28 April 2014</p> <p><i>Kes Operasi Lebih Muatan di bawah APAD perlu didaftarkan dalam sistem mySIKAP bagi memudahkan semakan. Perbincangan dengan Bahagian IT dan HeiTech Padu Berhad sedang dijalankan sebelum Change Request dibuat kepada Bahagian IT. Untuk mengeluarkan statistik saman berkenaan, Bahagian IT memerlukan sedikit masa kerana masalah migrasi Sistem SIKAP kepada mySIKAP. Bagi Operasi Terminal Bas pula, Ibu Pejabat sedang menyediakan SOP tugas di Terminal Bas dan mengambil kira pandangan Audit. Manakala Operasi Bersepadu, Motosikal Dan Pengarah, sistem mySIKAP yang dibangunkan telah mengambil kira keperluan menjana statistik penguatkuasaan. Di samping itu, sistem ini juga menyediakan pelaporan melalui modul Business Intelligence yang boleh mengeluarkan statistik berdasarkan kepada keperluan. Format laporan statistik telah dikemaskini dan siap pada 10 April 2014. Sistem mySIKAP sedang dibangunkan bagi memenuhi keperluan penjana laporan statistik mengikut format tersebut dan dijangka selesai pada penghujung bulan Jun 2014. Operasi Musim Perayaan pula, laporan keberkesanan penguatkuasaan setiap musim perayaan telah disediakan oleh JPJ dan dibentangkan di mesyuarat pengurusan. Laporan yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kes yang dikesan, laporan pemantauan, data kemalangan dan kematian Polis DiRaja Malaysia serta kajian yang dibuat oleh Institut Penyelidikan</i></p>	<p>Format laporan statistik telah dikemaskini dan siap pada 10 April 2014. Sistem mySIKAP sedang dibangunkan bagi memenuhi keperluan penjana laporan statistik mengikut format tersebut. Perkara ini dijangka selesai pada penghujung bulan Jun 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>Keselamatan Jalan Raya Malaysia.</i>	
6.5.5.2	Semakan Audit di 5 JPJ Negeri yang dilawati mendapati sebanyak 9 SPK dan 4 SKS ditubuhkan tanpa waran perjawatan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti JPJ memohon perjawatan kepada JPA bagi pejabat tersebut.	Rundingan pengukuhan semula organisasi JPJ dengan pihak JPA telah selesai pada 16 Mei 2014 termasuk semua SPK Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun pengukuhan yang melibatkan Stesen Penguatkuasa (SPK) di Semenanjung masih belum diputuskan di peringkat Kementerian Pengangkutan (MOT).
6.5.5.4	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 3 Pejabat Kecil (PK) di Negeri Perak, 4 SPK di Negeri Selangor dan satu SPK di Negeri Sabah yang melibatkan 168 perjawatan yang telah diluluskan melalui waran perjawatan Bil. K73/2012 belum ditubuhkan. Hasil temu bual dengan pegawai JPJ mendapati pejabat tidak ditubuhkan di PK Parit Buntar, Slim River dan Selama kerana tiada peruntukan kewangan dan tanah. Perjawatan yang sama sebelum ini pernah diluluskan melalui waran Bil. 9 tahun 2008. Bagi SPK Kajang-Seremban (LEKAS) (Utara) dan (LEKAS) (Selatan) bangunan pejabat masih belum dibina oleh syarikat konsesi lebuhraya. Manakala bagi SPK Klang Selatan (SKVE) (Timur) dan (Barat), pejabat telah siap dibina oleh syarikat konsesi lebuhraya tetapi serahan masih belum dibuat kepada JPJ dan tiada bangunan pejabat dibina bagi SPK Kota Marudu.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak JPJ hendaklah menyelaraskan semula perjawatan di pejabat yang tidak ditubuhkan dengan pejabat yang tiada waran perjawatan.</p> <p>Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 28 April 2014</p> <p><i>Perjawatan yang diluluskan untuk pejabat Parit Buntar, Slim River dan Selama berjumlah 63 perjawatan telah redeploy ke pejabat SPK Gerik (24 anggota), baki sebanyak 39 anggota telah redeploy ke pejabat Taiping dan Ipoh. Bagi perjawatan yang diluluskan untuk pejabat SPK LEKAS Utara, LEKAS Selatan, SKVE Timur dan SKVE Barat berjumlah 84 perjawatan telah redeploy ke pejabat JPJ Bangi, KLIA dan JPJ Padang Jawa. Manakala perjawatan SPK Kota Marudu berjumlah 21 perjawatan telah redeploy ke Pejabat Kecil Kota Marudu dan Pejabat JPJ Kota Kinabalu. Buat masa ini, JPJ dan JPA sedang mengadakan rundingan bagi pengukuhan semula organisasi JPJ secara keseluruhan dengan keutamaan untuk mewujudkan perjawatan di pejabat yang telah ada dan dijangka selesai pada 16 Mei 2014.</i></p>	Rundingan pengukuhan semula organisasi JPJ dengan pihak JPA telah selesai pada 16 Mei 2014 termasuk semua SPK Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun pengukuhan yang melibatkan Stesen Penguatkuasa (SPK) di Semenanjung masih belum diputuskan di peringkat Kementerian Pengangkutan (MOT).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.6.1.b	<p>Bekalan Elektrik Ke SPK Segama, Lahad Datu, Sabah</p> <p>Lawatan Audit ke SPK Segama, Lahad Datu pada 20 Ogos 2013 mendapati pejabat ini masih belum dilengkapi dengan bekalan elektrik. Bekalan elektrik yang sedia ada diperolehi sepenuhnya daripada set generator sejak mula beroperasi pada tahun 1995 lagi. Semakan Audit mendapati SPK Segama mendapat bekalan petrol dari Lahad Datu yang berada pada jarak 36 km untuk kegunaan <i>generator</i>.</p>	<p>Kementerian Pengangkutan (MOT) telah meluluskan sebanyak RM100,000.00 pada 12 Mei 2014. Ibu Pejabat JPJ telah menghantar waran tersebut kepada JPJ Sabah pada 15 Mei 2014.</p>
6.5.6.1.c	<p>Lawatan Audit juga mendapati satu unit <i>generator</i> yang dibekalkan pada tahun 1995 telah rosak pada bulan Disember 2007. SPK Segama kemudiannya pada bulan Januari 2008 dibekalkan dengan satu unit generator terpakai daripada JPJ Negeri Sabah. Hasil temu bual dengan pegawai JPJ di SPK Segama mendapati <i>generator</i> ini kerap mengalami kerosakan dan menyebabkan bekalan elektrik sering terputus dan proses penimbangan tidak dapat dilaksanakan. Semakan Audit mendapati JPJ Negeri Sabah telah menerima peruntukan berjumlah RM15,000 melalui waran bertarikh 5 Julai 2013 bagi pembaikan <i>generator</i>.</p>	
6.5.6.1.d	<p>Selain daripada itu, JPJ Cawangan Lahad Datu telah memohon kerja pemasangan bekalan elektrik ke SPK Segama kepada JPJ Negeri Sabah pada 15 Mac 2012. Anggaran kerja adalah berjumlah RM95,354 dengan memperoleh bekalan elektrik dari Sekolah Kebangsaan Sandau. JPJ Negeri Sabah pula telah mengemukakan permohonan peruntukan penyenggaraan dan pembaikan di SPK Segama dan Pejabat Cawangan Tawau berjumlah RM155,535 kepada Pejabat Pembangunan Negeri Sabah pada 22 Jun 2012. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit masih tiada jawapan daripada pihak berkenaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, bekalan elektrik sepatutnya diberi perhatian serius supaya operasi pejabat JPJ dapat berjalan dengan lancar dan cekap.</p> <p>Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 27 Februari 2014</p> <p><i>Tindakan telah diambil selepas teguran pihak Audit. Generator telah siap dibuat pembaikan pada 12 Ogos 2013. Mengenai bekalan elektrik di SPK Segama, pihak JPJ Sabah telah membuat permohonan peruntukan sejumlah RM95,974 kepada Pegawai Kemajuan Negeri, Negeri Sabah pada 22 Jun 2012. Bagaimanapun sehingga kini masih tiada jawapan diterima berhubung dengan permohonan tersebut.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.6.2.a	<p>Penyenggaraan Jalan Keluar SPK Telipok, Tuaran, Sabah</p> <p>Lawatan Audit pada 22 Ogos 2013 mendapati jalan keluar di SPK Telipok tidak dapat digunakan kerana jalan yang rosak akibat banjir. Mengikut maklum balas JPJ, sistem perparitan tidak berfungsi dengan baik menyebabkan pejabat SPK Telipok mengalami masalah banjir apabila hujan kerana tiada tempat air hujan mengalir keluar dan berlaku takungan air. Takungan air tersebut telah menyebabkan kerosakan pada tempat ruang meletak kenderaan dan jalan keluar bagi kenderaan yang telah ditimbang. Pada ketika ini jalan keluar di stesen timbang ini tidak dapat digunakan dan kenderaan terpaksa membuat pusingan U dan keluar melalui pintu masuk. Keadaan ini telah menyukarkan pihak JPJ dan pemandu kenderaan kerana mengganggu kerja penimbangan kenderaan.</p>	Maklum balas adalah sama seperti di perenggan 6.5.6.2.b
6.5.6.2.b	<p>Semakan Audit mendapati pihak JPJ Negeri Sabah telah mengemukakan permasalahan takungan air di SPK Telipok kepada Setiausaha Persekutuan Sabah pada 16 Ogos 2012. Permohonan penyenggaraan untuk kerja pembaikan jalan masuk dan keluar pejabat SPK Negeri Sabah kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah telah dibuat pada 15 Februari 2013. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit masih tiada jawapan daripada pihak berkenaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan perlu dilaksanakan dengan segera supaya operasi penimbangan dapat diuruskan dengan cekap dan juga bagi mengelakkan berlaku perkara yang lebih serius seperti kemalangan.</p> <p>Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 28 April 2014</p> <p><i>JPJ Negeri Sabah telah menulis surat bertarikh 3 Mei 2013 kepada Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah memohon untuk membuat penilaian anggaran kos kerja-kerja pembaikan tetapi sehingga kini masih belum menerima jawapan daripada pihak JKR Sabah.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Perenggan 7 : Pengurusan Lesen Iklan / Papan Tanda Di Kuala Lumpur

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>7.5.1.2</p>	<p>Pencapaian Kewangan</p> <p>Pihak Audit mendapati rekod/statistik bayaran lesen paparan iklan luar berdasarkan tahun perakaunan tidak disediakan dengan teratur dan secara konsisten pada setiap tahun. Oleh yang demikian, pihak Audit tidak dapat menentukan kutipan hasil Lesen Paparan Iklan Luar bagi tempoh tahun 2010 sehingga bulan Mei 2013. Bagi tempoh tahun 2010 sehingga bulan Mei 2013, jumlah kutipan sebenar lesen iklan/papan tanda adalah berjumlah RM52.09 juta (83.0%) berbanding hasil yang dianggarkan yang berjumlah RM62.73 juta. Prestasi terimaan sebenar pada tahun 2011 dan 2012 dilihat melebihi hasil yang dianggarkan dengan peratusan masing-masingnya sebanyak 111.2% dan 124.3%.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kutipan Lesen Iklan/Papan Tanda secara umumnya adalah tidak menentu mengikut tahun. DBKL perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan terimaan sebenar bagi sumber pendapatan. Ini memandangkan hasil daripada lesen iklan/papan tanda adalah signifikan kepada jumlah pendapatan DBKL.</p>	<p>a) Lesen Paparan Iklan Luar</p> <p>Lesen Paparan Iklan Luar terdiri daripada Billboard, Unipole, Paparan Elektronik, Iklan Dinding, Iklan, Jejambat, Iklan Gantry, Iklan LRT dan Iklan Petunjuk Arah. Mengikut segi rekod perakaunan Jabatan Kewangan, lesen paparan iklan luar diakaunkan berasaskan tunai. Lesen ini dikeluarkan mengikut keperluan kerana tidak dipasang di atas struktur bangunan yang kekal.</p> <p>Secara puratanya (2010-2013) hasil lesen menyumbang sebanyak 1.07% sahaja daripada hasil operasi keseluruhan DBKL iaitu sebanyak RM17 juta berbanding dengan hasil operasi keseluruhan DBKL sebanyak RM1.6 bilion.</p> <p>Justeru itu, Akaun Induk (Master Record) Pelesen tidak diselenggara di Jabatan Kewangan. Walaubagaimanapun, jumlah kutipan bagi kategori lesen ini diakaunkan menggunakan satu akaun khas. Ianya bertujuan bagi mengenalpasti jumlah kutipan bagi kategori lesen tersebut.</p> <p>Berikut adalah jumlah kutipan bagi lesen iklan papan tanda / paparan luar mengikut tahun :-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																															
		<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1227 228 1339 316">Tahun</th> <th data-bbox="1339 228 1485 316">Anggaran (RM)</th> <th data-bbox="1485 228 1671 316">Jumlah Keseluruhan (RM)</th> <th data-bbox="1671 228 1852 316">Lesen Paparan Luar (RM)</th> <th data-bbox="1852 228 2031 316">Lesen Iklan Papan Tanda (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1227 316 1339 341">2010</td> <td data-bbox="1339 316 1485 341">15,000,000</td> <td data-bbox="1485 316 1671 341">13,422,791.81</td> <td data-bbox="1671 316 1852 341">3,828,783.86</td> <td data-bbox="1852 316 2031 341">9,594,007.95</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1227 341 1339 367">2011</td> <td data-bbox="1339 341 1485 367">16,730,000</td> <td data-bbox="1485 341 1671 367">18,598,018.55</td> <td data-bbox="1671 341 1852 367">7,017,091.14</td> <td data-bbox="1852 341 2031 367">11,580,927.41</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1227 367 1339 392">2012</td> <td data-bbox="1339 367 1485 392">13,000,000</td> <td data-bbox="1485 367 1671 392">16,162,624.39</td> <td data-bbox="1671 367 1852 392">5,434,931.44</td> <td data-bbox="1852 367 2031 392">10,727,692.95</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1227 392 1339 418">2013</td> <td data-bbox="1339 392 1485 418">18,000,000</td> <td data-bbox="1485 392 1671 418">19,845,500.60</td> <td data-bbox="1671 392 1852 418">9,113,391.65</td> <td data-bbox="1852 392 2031 418">10,732,108.95</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1227 418 1339 443">Jumlah</td> <td data-bbox="1339 418 1485 443">62,730,000</td> <td data-bbox="1485 418 1671 443">68,028,935.35</td> <td data-bbox="1671 418 1852 443">25,394,198.09</td> <td data-bbox="1852 418 2031 443">42,634,737.26</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun	Anggaran (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)	Lesen Paparan Luar (RM)	Lesen Iklan Papan Tanda (RM)	2010	15,000,000	13,422,791.81	3,828,783.86	9,594,007.95	2011	16,730,000	18,598,018.55	7,017,091.14	11,580,927.41	2012	13,000,000	16,162,624.39	5,434,931.44	10,727,692.95	2013	18,000,000	19,845,500.60	9,113,391.65	10,732,108.95	Jumlah	62,730,000	68,028,935.35	25,394,198.09	42,634,737.26	<p data-bbox="1227 536 2031 671">Dari segi pengurusan, maklumat setiap pelesen iklan paparan luar yang dikeluarkan akan diselenggara oleh Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja. Maklumat bayaran akan disemak di Jabatan Kewangan bagi pelesen yang telah tamat tempoh lesen untuk diambil tindakan menurunkan iklan.</p> <p data-bbox="1227 719 1563 745">b) Lesen Iklan / Papan Tanda</p> <p data-bbox="1227 793 2031 898">Anggaran hasil lesen iklan / papan tanda adalah berdasarkan hasil lesen yang dikutip pada tahun sebelumnya. Lebihan kutipan sebenar daripada anggaran belaku disebabkan oleh pertambahan permohonan dan keperluan dalam tahun semasa.</p> <p data-bbox="1227 930 2031 1010">Ini menyebabkan apabila perbandingan di antara anggaran hasil dan hasil kutipan sebenar lesen iklan / papan tanda dibuat akan terdapatnya peningkatan peratusan kutipan yang ketara pada tahun semasa.</p> <p data-bbox="1227 1042 2031 1177">Oleh kerana lesen iklan / papan tanda diakaunkan sebagai asas tunai maka segala kutipan tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya akan diakaunkan sebagai hasil lesen tahun semasa. Selain itu, peningkatan atau penurunan hasil kutipan lesen adalah juga bergantung kepada penguatkuasaan yang dilaksanakan pada tahun semasa.</p>
Tahun	Anggaran (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)	Lesen Paparan Luar (RM)	Lesen Iklan Papan Tanda (RM)																													
2010	15,000,000	13,422,791.81	3,828,783.86	9,594,007.95																													
2011	16,730,000	18,598,018.55	7,017,091.14	11,580,927.41																													
2012	13,000,000	16,162,624.39	5,434,931.44	10,727,692.95																													
2013	18,000,000	19,845,500.60	9,113,391.65	10,732,108.95																													
Jumlah	62,730,000	68,028,935.35	25,394,198.09	42,634,737.26																													

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.2.1.a	<p>Permohonan Lesen Iklan Papan Tanda Premis</p> <p>Permohonan lesen boleh dibuat secara manual ataupun <i>online</i>. Pemohon yang ingin memohon lesen secara manual perlu hadir mengisi borang permohonan dan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan di pejabat JPPP, DBKL. Semakan Audit mendapati kaedah permohonan secara <i>online</i> ini tidak praktikal dan mesra pengguna, di mana pemohon dikehendaki hadir sendiri ke pejabat JPPP bagi mengemukakan dokumen sokongan untuk tujuan pengesahan oleh Pentadbiran JPPP dalam tempoh 7 hari daripada tarikh permohonan walaupun pemohon boleh memuat naik dokumen sokongan dalam talian.</p> <p>Pada pendapat Audit, DBKL perlu menambah baik sistem permohonan secara <i>online</i> supaya lebih mesra pengguna dan menjimatkan masa.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>JPPP telah membuat penambahbaikan ke atas sistem e-Lesen dengan pembangunan Sistem e-Lesen Fasa 2. Sistem ini sedang melalui Projek Percubaan mulai 20 Januari 2014.</i></p>	<p>Sekiranya sistem dapat berfungsi sepenuhnya, ia akan dapat menambahbaik sistem permohonan melalui online dimana dokumen dan juga maklumbalas dapat dicapai secara online. Pihak DBKL menjangkakan sistem ini dapat berfungsi sepenuhnya pada Julai 2014.</p>
7.5.2.1.b	<p>Pihak Audit mendapati terdapat kelewatan sehingga 72 hari dari tempoh yang ditetapkan melibatkan 16 daripada 80 permohonan Lesen Iklan Papan Tanda Premis Berlesen (Komposit) yang disemak semasa pengauditan dijalankan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan tersebut boleh menjejaskan hasil kutipan DBKL selain menimbulkan rasa ketidakpuasan hati pelanggan.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Kelewatan tersebut disebabkan bebanan tugas yang tinggi dan kelemahan dalam pemantauan kakitangan. Oleh itu, DBKL telah melantik Oracle Synergy Sdn. Bhd. untuk memperkemaskan sistem pemantauan terhadap permohonan lesen iklan papan tanda serta kutipan hasil lesen.</i></p>	<p>Arahan kerja telah dikeluarkan kepada Oracle Synergy pada 1 Mei 2014.</p> <p>Kerja-kerja telah dimulakan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-kerja bancian premis perniagaan / papan tanda – kawasan Mont Kiara dan Desa Sri Hartamas. 2. Kerja bancian premis perniagaan / papan tanda di kawasan Bukit Bintang baru dimulakan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.2.2.a	<p>Permohonan Paparan Iklan Luar</p> <p>Daripada sampel yang disemak, setiap permohonan oleh satu pemohon/ OP mengandungi 11 sehingga 50 tapak yang mana terdapat juga permohonan yang tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Bilangan permohonan tapak yang dikemukakan akan dibentangkan dalam Mesyuarat JKKPS. Kesemua permohonan ini hanya diproses oleh seorang sahaja Juruteknik Kanan (J22) di JPRB. Bebanan tugas untuk Juruteknik berkenaan adalah berat memandangkan beliau bertanggungjawab menguruskan proses permohonan yang bermula daripada penerimaan permohonan sehingga kepada penyediaan laporan. Tiada sebarang bayaran proses dikenakan pada masa kini menyebabkan OP dengan mudahnya mengemukakan cadangan lokasi/tapak dalam jumlah yang banyak.</p>	<p>Buat masa kini, permohonan paparan iklan luar telah dibekukan mulai 11 Mac 2014 sehingga tarikh yang akan diberitahu kelak.</p> <p>Dua kakitangan tambahan telahpun dilantik untuk membantu unit berkenaan dalam memproses tapak permohonan paparan iklan luar.</p> <p>Satu kertas cadangan telah dikemukakan kepada Datuk Bandar untuk mengenakan fi pemrosesan RM50.00 bagi setiap tapak yang dimohon.</p>
7.5.2.2.b	<p>Mengikut amalan terbaik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), permohonan pemasangan Paparan Iklan Luar diselarasakan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (<i>One Stop Centre - OSC</i>). Perkara tersebut juga pernah diputuskan di peringkat pengurusan DBKL sebagaimana yang dinyatakan dalam Minit Mesyuarat Status Paparan Iklan Luar pada 11 Oktober 2010 serta melalui makluman oleh Timbalan Pengarah Kanan, Jabatan Pemudah Cara Perniagaan dan Pengurusan Penjaja pada 11 Julai 2011. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati prosedur ini tidak pernah dilaksanakan sejak ianya diluluskan. Sehingga pengauditan selesai dijalankan, tiada bukti menunjukkan bahawa garis panduan/prosedur kerja telah disediakan untuk menyerahkan tanggungjawab menyelarasakan permohonan pemasangan paparan iklan luar kepada OSC DBKL.</p>	<p>Semua permohonan papan tanda iklan luar telah dibawa ke Jawatankuasa Permit sehingga Disember 2013. Mulai Januari 2014, kesemua permohonan tapak paparan iklan luar dibawa ke OSCII.</p>
7.5.2.2.c	<p>Kekangan terhadap kawalan dan pemantauan rapi permohonan lesen tersebut telah membuka ruang kepada berlakunya kes ketidakpatuhan oleh OP. Sebagai contoh, terdapat OP seperti Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP); Powerad Media Sdn. Bhd. dan Kualitas Bina yang telah membina struktur paparan iklan walaupun kelulusan belum diberikan. Pihak Audit difahamkan tindakan membina dahulu struktur sebelum memohon kelulusan telah menjadi amalan rutin kerana tiada bukti menunjukkan tindakan tegas telah diambil oleh DBKL terhadap mereka yang terlibat.</p>	<p>Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) merupakan antara salah satu persatuan yang menerima dasar kelulusan tapak dari DBKL selain PBKL. Persatuan-persatuan ini memerlukan tapak iklan yang diberi untuk menjana hasil.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.2.2.d	<p>Bagi membolehkan permohonan diproses, setiap pemohon/OP perlu mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan antaranya Salinan Gambaran Sebenar Papan Iklan Yang Dicapang Pada Gambar Tapak Lokasi Bersaiz A3; Surat Hak Milik/Perjanjian Penyewaan Bagi Tanah Persendirian dan Salinan Digital bagi dokumen sokongan. Semakan Audit bagaimanapun mendapati 8 daripada 10 permohonan yang disemak tetap diproses sungguhpun pemohon tidak menyertakan dokumen sokongan yang mencukupi.</p> <p>Pada pendapat Audit, DBKL wajar menambah bilangan kakitangan di JPRB yang terlibat memproses permohonan paparan iklan luar sama ada secara <i>redeployment</i> atau jawatan baru sekiranya proses tersebut masih kekal diuruskan oleh Jabatan tersebut. Fi proses atas permohonan lokasi paparan iklan luar juga perlu dikenakan kepada OP agar mereka lebih komited dalam mengemukakan permohonan dan bagi menampung kos pengurusan. Bagi memudahkan urusan pemantauan pula, DBKL boleh menetapkan serta menghadkan lokasi tertentu yang sesuai untuk paparan iklan luar dengan mengambil kira aspek kuantiti; saiz; tempoh paparan dan kaedah paparan di lokasi tersebut tanpa menjejaskan persekitaran bandar raya.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Pihak pengurusan dalam proses mengkaji semula peneraan fi pemprosesan bagi permohonan iklan paparan luar. Mulai bulan Januari 2014, permohonan iklan turut dirujuk kepada Jawatankuasa Pusat Setempat II untuk pertimbangan. Tindakan penurunan khususnya terhadap paparan iklan luar yang besar seperti unipole dan billboard tidak dapat dijalankan secara menyeluruh kerana memerlukan kepakaran dan logistik khusus. Untuk menangani masalah ini, DBKL sedang dalam proses untuk melantik kontraktor bagi menurunkan papan iklan yang tidak berlesen, di mana tawaran mengenainya telah diiklankan pada 24 April 2014.</i></p> <p><i>Sebahagian daripada permohonan tetap diproses walaupun tidak menyertakan dokumen sokongan yang lengkap kerana masih boleh dipertimbangkan untuk dibuat penilaian perancangan.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.3.1.a	<p>Sistem Pengurusan Pelesenan Dan Penjaja Berkomputer (e-Lesen)</p> <p>Berdasarkan temu bual dengan pegawai dan kakitangan JPPP, mereka tidak mempunyai keyakinan penuh terhadap maklumat yang dijana daripada pangkalan data e-Lesen kerana ia didapati tidak tepat dan mempunyai ralat seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tempoh lesen yang dicatatkan tidak berubah; • Maklumat syarikat dan pemohon sering hilang atau bertukar; • Lesen sementara masih boleh diperbaharui walaupun belum memohon pembaharuan; • Permohonan iklan ditolak tetapi pada surat keputusan dicetak lulus dan tiada dinyatakan jumlah fi lesen; • Maklumat permohonan lesen yang dikeluarkan berubah apabila dicetak pada masa yang berlainan; dan • Kurang mesra pengguna disebabkan pemohon yang memohon secara <i>online</i> tidak boleh memuat naik dokumen yang dilampirkan. 	<p>Sistem eLesen Fasa 2 adalah merupakan penambahbaikan keatas Sistem eLesen Fasa 1. Sistem ini juga telah diintegrasikan dengan Sistem ePBT. Sistem ini masih dalam peringkat percubaan dan jika ianya berfungsi sepenuhnya nanti pada Julai 2014, semua masalah-masalah yang timbul sebelum ini dijangka dapat diatasi.</p>
7.5.3.1.b	<p>Didapati maklumat pembayaran tidak dimasukkan ke dalam Pangkalan Data sistem ini, sebaliknya maklumat bayaran tersebut hanya dikendalikan oleh Jabatan Kewangan melalui Sistem Pengkomputeran SAP. Pihak Audit juga mendapati JPPP hanya bertindak menguruskan proses permohonan dan kelulusan lesen sahaja, manakala proses pembayaran dilaksanakan melalui Sistem SAP oleh Jabatan Kewangan. Data bayaran tersebut juga tidak boleh diakses melalui Sistem e-Lesen kerana tiada migrasi data daripada Sistem SAP. Keadaan tersebut menyukarkan JPPP untuk mengenal pasti sama ada pelesen telah menjelaskan pembayaran bagi lesen barunya atau membaharui lesen lamanya kerana ketiadaan rekod berkaitan di Sistem e-Lesen.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak DBKL perlu menambah baik dan meningkatkan kualiti Sistem e-Lesen dengan berusaha mencari penyelesaian terhadap masalah dan kelemahan sistem sedia ada. Untuk penyelesaian jangka pendek, Jabatan Kewangan DBKL perlu mengemukakan maklumat komprehensif berhubung pembayaran lesen kepada JPPP supaya Fail Individu Pelanggan dapat dikemaskinikan.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>JPPP telah membuat penambahbaikan ke atas sistem e-Lesen dengan</i></p>	<p>DBKL maklum akan kekurangan sistem komputer sedia ada di mana sistem E-Lesen tidak dapat berintegrasi dengan sistem SAP untuk menyalurkan maklumat bayaran. Dengan mengambilkira kekurangan tersebut, DBKL telah mewujudkan integrasi sistem komputer sistem E-Lesen Fasa 2 di bawah seliaan Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja dan sistem ePBT di Jabatan Kewangan bagi menggantikan sistem SAP.</p> <p>Bayaran lesen yang dibuat di sistem ePBT akan berintegrasi secara <i>on-line</i> dengan sistem E-Lesen Fasa 2. Ini membolehkan maklumat bayaran boleh diakses di dalam sistem ePBT dan juga sistem E-Lesen Fasa 2.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>pembangunan Sistem e-Lesen Fasa 2. Sistem ini telah diguna pakai mulai 20 Januari 2014. Melalui sistem ini maklumat mengenai kewangan telah diintegrasikan dengan sistem yang diguna pakai oleh Jabatan Kewangan. JPPP boleh membuat semakan mengenai data-data pembayaran yang dibuat oleh Pelesen.</i></p>	
<p>7.5.3.2.</p>	<p>Sistem SP2U</p> <p>Berdasarkan temu bual dengan pegawai di Unit Siasatan Dan Penguatkuasaan; JPPP, Sistem SP2U tidak dapat digunakan sepenuhnya. Sungguhpun sistem ini dibangunkan bagi menyimpan maklumat asas yang berkaitan kompaun bermula dari pengeluaran notis kompaun sehingga kes diselesaikan di mahkamah, namun sistem ini didapati hanya merekodkan maklumat mengenai bilangan kompaun dan maklumat asas mengenainya sahaja (tidak termasuk nilai kompaun).</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Sistem yang dibangunkan ini hanya merekodkan maklumat bilangan kompaun sahaja. JPPP telah memaklumkan kepada Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM) supaya mengambil kira maklumat nilai kompaun (untuk tujuan semakan). JPM telah mengambil tindakan penambahbaikan terutamanya maklumat rekod pembayaran mulai tahun 2011. Bayaran diterima melalui Sistem ePBT masih perlu diintegrasikan dengan Sistem SP2U.</i></p>	<p>JPM telah mengambil tindakan penambahbaikan terutamanya yang melibatkan maklumat rekod pembayaran. Untuk makluman, bayaran diterima melalui Sistem ePBT dan perlu diintegrasikan dengan Sistem SP2U. Namun, masih terdapat isu penghantaran maklumat bayaran yang perlu diperbaiki oleh Sistem ePBT.</p>
<p>7.5.3.3.b</p>	<p>Sistem Pengurusan Paparan Iklan (Billboard Management System)</p> <p>Pihak Jabatan Audit Dalam, DBKL telah menjalankan pengauditan terhadap Projek BMS pada tahun 2008 dan mendapati projek ini telah gagal mencapai objektif yang ditetapkan.</p>	<p>BMS telah digunakan dari tahun 2007 sehingga 2009 untuk menyemak paparan luar samada berlesen atau tidak. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 148 unit paparan iklan luar telah dikenalpasti tidak berlesen dan diturunkan. Walaubagaimanapun, pemantauan dari DBKL sendiri mendapati penggunaan tag tersebut tidak tahan lama dan mudah tertanggal.</p>
<p>7.5.3.3.c</p>	<p>Lanjutan daripada penilaian semula oleh Jawatankuasa Penilaian Projek BMS dan kelemahan yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam, projek BMS telah diberhentikan mulai 17 Julai 2009 melalui keputusan Minit Mesyuarat Kemajuan Tindakan Terhadap Pemerhatian Unit Audit Dalam bertarikh 10 April 2009. Bayaran Akhir telah dibuat kepada kontraktor pada 16 November 2011 setelah mengambil kira potongan berjumlah</p>	<p>Projek ini telah diberhentikan pada 17 Julai 2009. Bayaran akhir yang telah dibuat pada 16 November 2011 adalah bagi melepaskan tuntutan bagi wang cagaran sebanyak RM 9,114.10 dari jumlah asal wang cagaran sebanyak RM 80,000.00 kepada syarikat tersebut memandangkan terdapat potongan sebanyak RM 70,885.90 disebabkan prestasi kerja kontraktor yang tidak memuaskan semasa tempoh kontrak.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>RM70,885.90 disebabkan prestasi kerja kontraktor yang tidak memuaskan semasa tempoh kontrak. Namun <i>database</i> dan sistem aplikasi (sehingga 2009) masih wujud di <i>Data Centre</i> Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM). Berdasarkan Minit Mesyuarat Penilaian Terhadap Perjanjian Asal Dan Pelaksanaan Projek BMS bertarikh 12 Ogos 2009 pula, Jawatan Kuasa Mesyuarat telah memutuskan JPPP perlu menggunakan BMS selagi paparan iklan masih mempunyai i-Tag dan operasi pemantauan Paparan Iklan Luar perlu memanfaatkan penggunaan BMS. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan ini dijalankan, JPPP memaklumkan sistem tersebut sudah tidak diguna pakai lagi.</p> <p>Pada pendapat Audit, projek bernilai RM1.89 juta ini merupakan satu pembaziran. Sekiranya BMS yang telah dibangunkan masih relevan dan boleh dimanfaatkan, usaha perlu diambil oleh DBKL untuk membuat penilaian semula terhadap impak penggunaan BMS dengan turut mengambil kira analisis kos faedah daripada projek tersebut.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Berdasarkan kepada pelaksanaan kerja di lapangan, JPPP mendapati sistem BMS tidak lagi relevan dan telah ditamatkan.</i></p>	
7.5.3.4	<p>Geographical Information System (GIS)</p> <p>Sehingga pengauditan selesai dijalankan, GIS masih belum diguna pakai di JPPP dan keadaan ini menyukarkan operasi pemantauan/penguatkuasaan terhadap lesen tersebut oleh Jabatan ini.</p> <p>Pada pendapat Audit, JPPP perlu memperoleh perisian GIS seterusnya bekerjasama/mengadakan penyesuaian dengan pihak JPRB dan JPM untuk mengemas kini maklumat lesen Paparan Iklan Luar sebagaimana yang dirancang supaya memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Jabatan Perancangan Bandar telah melantik kontraktor untuk mengemaskini data GIS dan kerja tersebut dijangka dapat disiapkan pada bulan Oktober 2014.</i></p>	<p>Kerja pengemaskinian GIS bagi peta paparan iklan luar telah dilaksanakan sehingga 70% dan dijangka selesai pada Oktober 2014.</p> <p>Kerja-kerja bancian paparan iklan luar telah dilaksanakan sehingga 90% sehingga kini dimana 348 paparan iklan luar telah dikenalpasti samada berlesen atau tidak di sepanjang 47 buah jalan di Kuala Lumpur.</p> <p>Selepas pengemaskinian GIS siap, maklumat dari bancian akan dimasukkan kedalam sistem tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.4.1.a	<p>Pematuhan Syarat Selepas Kelulusan</p> <p>Bagi semakan terhadap Iklan <i>Unipole</i> yang melibatkan 12 syarikat OP, semakan Audit mendapati 10 (83.3%) daripadanya tidak mengemukakan wang deposit; 11 (91.7%) daripadanya tidak mengemukakan polisi insurans perlindungan awam dan Laporan Tahunan Pemeriksaan Struktur oleh Jurutera Bertauliah; manakala 8 (66.7%) daripadanya tidak membayar LMS seperti diperlukan.</p>	<p>Notis yang dikeluarkan telahpun tamat, kerja-kerja penurunan paparan iklan bersaiz kecil yang tidak mematuhi syarat telahpun dimulakan. Sehingga kini, 18 paparan iklan luar bersaiz kecil telah diturunkan. Bagi paparan iklan bersaiz besar seperti unipole, DBKL sedang menunggu proses perlantikan kontraktor penurunan selesai.</p>
7.5.4.1.b	<p>Selain daripada Iklan <i>Unipole</i>, bagi kategori Iklan <i>Billboard</i> dan Paparan Elektronik (LED), adalah didapati daripada 32 syarikat OP yang disemak, sebanyak 21 (65.6%) daripadanya tidak mengemukakan polisi insurans perlindungan awam, 28 (87.5%) tidak mengemukakan Laporan Tahunan Pemeriksaan Struktur Paparan Iklan yang disahkan oleh Jurutera Bertauliah dan 30 (93.7%) daripadanya tidak membayar LMS seperti diperlukan. Bagi semua (100%) Iklan <i>Unipole</i> dan <i>Billboard</i> juga, kelulusan pelan struktur daripada Jabatan Rekabentuk Dan Bangunan DBKL tidak diperolehi untuk disertakan. Manakala bagi kategori Iklan Jejambat, Iklan Dinding dan Iklan Langit, 17 (89.5%) daripada 19 pelesen yang disemak gagal dan lewat menjelaskan bayaran deposit dalam tempoh antara 91 hingga 742 hari.</p>	<p>Iklan tender telah ditutup pada 8 Mei 2014, dan dokumen tender sedang dalam proses penilaian.</p>
7.5.4.1.c	<p>Adalah difahamkan Unit Iklan dan Eksais masih menerima bayaran fi lesen jika OP tampil untuk membayarnya sungguhpun tanpa menjelaskan bayaran deposit dan mengemukakan dokumen lain yang disyaratkan. Ini kerana OP dikhuatiri tidak akan datang semula untuk menjelaskan fi bayaran tersebut serta mematuhi syarat lain yang ditetapkan. Kegagalan OP mematuhi syarat lesen tersebut akan meningkatkan kos tambahan operasi serta tidak menjaga kepentingan DBKL. Wang deposit yang dibayar contohnya akan digunakan sebagai cagaran untuk memastikan OP mematuhi syarat lesen manakala Laporan Tahunan Pemeriksaan Struktur dan Polisi Insurans Perlindungan Awam adalah untuk menjamin kepentingan Kerajaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Unit Iklan Dan Eksais perlu mengambil tindakan tegas untuk memastikan semua syarat dipatuhi. Berdasarkan Undang-undang Kecil Iklan umpamanya, mana-mana orang yang melanggar mana-mana syarat dalam sesuatu lesen adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM2,000 atau dihukum penjara bagi tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali. Tiada bukti yang menunjukkan pihak Unit Iklan Dan Eksais pernah mengenakan denda seperti ditetapkan walaupun OP</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tidak mematuhi syarat-syarat lesen sepenuhnya.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>DBKL telah mengambil tindakan dengan menghantar notis kepada semua OP paparan iklan untuk mengemukakan apa juga dokumen yang tidak lengkap untuk direkodkan mulai bulan Mac 2014. OP diberi tempoh satu bulan dari tarikh notis untuk melengkapkan dokumen tersebut. Jika terdapat OP yang ingkar, tindakan penurunan akan diambil ke atas paparan iklan tersebut kerana tidak mematuhi syarat pemasangan paparan iklan. Bayaran lesen akan hanya diterima setelah syarat-syarat pemasangan papan iklan tersebut dipatuhi oleh OP.</i></p>	
7.5.4.2.a	<p>Tetuan Seni Jaya Sdn. Bhd</p> <p>Adalah difahamkan pihak DBKL tidak pernah membuat sebarang lawatan di kawasan tersebut walaupun bayaran lesen SJSB untuk tapak tersebut telah tertunggak sejak tahun 1998 dan sehingga kini ia berjumlah RM512,560. Kesan daripada kegagalan membuat pemantauan/ penguatkuasaan, DBKL bukan sahaja telah mengalami kerugian hasil yang tinggi malah telah menghadapi kesulitan di mana kes SJSB untuk lokasi tersebut telah dicabar di mahkamah oleh tuan tanah terlibat.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Tapak SJSB untuk iklan unipole telah diluluskan pada 28 April 1986 di mana terdapat kerja pembesaran jalan menyebabkan tapak tersebut terpaksa dianjak ke tapak lain. Sejak SJSB berpindah tapak, kelulusan tapak lama sepatutnya dibatalkan tetapi tiada tindakan pembatalan dilakukan menyebabkan adanya tunggakan terhadap tapak lama. Penganjakan tapak baru SJSB adalah di tanah persendirian dan tidak mendapat kelulusan tuan tanah hingga menjadi kes mahkamah. Pihak DBKL tidak melesenkan tapak baru tersebut dan masih menunggu sehingga kes mahkamah selesai.</i></p>	<p>Kes mahkamah antara operator dan tuan tanah telahpun selesai dan paparan <i>unipole</i> berkenaan telahpun diturunkan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>7.5.4.2.b</p>	<p>Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (PBKL)</p> <p>Kelulusan telah diberikan oleh JKKPS kepada Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (PBKL) untuk mendirikan paparan iklan luar jenis <i>billboard</i> pada 21 September 2010. Bagaimanapun, pihak PBKL telah mendirikan iklan jenis <i>Unipole</i> dan perubahan kategori yang berlainan ini tidak diluluskan oleh JKKPS sebaliknya hanya oleh Timbalan Ketua Pengarah, Sosio-Ekonomi melalui Minit Bebas pada 23 Julai 2012. Semakan Audit selanjutnya mendapati PBKL telah melanggar syarat lesen asalnya kerana telah mendirikan <i>Unipole</i> di 5 lokasi sebelum mendapat kelulusan daripada DBKL. Tiada tindakan diambil oleh pihak DBKL terhadap PBKL walaupun pihak berkenaan telah dengan jelasnya melanggar syarat penting lesen yang telah diluluskan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan tegas perlu diambil terhadap mana-mana OP yang melanggar syarat-syarat lesen, terutamanya berhubung perubahan lokasi dan kategori iklan selain daripada kelulusan asal.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>DBKL telah menghantar notis kepada PBKL. Namun, tiada sebarang tindakan dari pihak tersebut. Perkara ini telahpun dirujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat II untuk mendapat arahan selanjutnya.</i></p>	<p>PBKL telah membuat rayuan bahawa saiz paparan iklan luar yang diluluskan tidak berdaya maju dan kurang sambutan dari pengiklan. Oleh itu PBKL merayu untuk membesarkan saiz paparan iklan luar tersebut.</p> <p>Isu ini telah dibawa semula ke OSCI untuk disemak semula berdasarkan kepada kesesuaian tapak dan persekitaran.</p>
<p>7.5.4.3.a</p>	<p>Kajian Penilaian Semula Oleh DBKL</p> <p>Bagi Iklan Papan Tanda Premis, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada terdapat kajian pematuhan telah dijalankan kerana tiada maklumat mengenainya. Manakala bagi Paparan Iklan Luar, satu kajian penilaian semula struktur Paparan Iklan Luar di Kuala Lumpur telah dijalankan oleh JPPP dan JPRB pada bulan November 2012 untuk menentukan sama ada iklan sedia ada tersebut telah mematuhi Garis Panduan (GP) Iklan Kementerian Wilayah Persekutuan. Kajian tersebut meliputi struktur yang mempunyai kelulusan (mempunyai permit) dan struktur yang tidak mempunyai kelulusan (tiada permit/secara haram). Hasil daripada kajian tersebut, pihak DBKL mendapati 398 daripada 406 (98%) daripada struktur papan iklan yang telah diberi kelulusan permit dan telah didirikan tidak mematuhi GP berkenaan. Manakala bagi struktur yang tiada permit kelulusan, 119 daripada 126 (94.4%) tidak</p>	<p>Bilangan paparan iklan luar yang terdapat di Kuala Lumpur adalah sebanyak 348 unit dimana 149 daripadanya telah dilesenkan manakala sebanyak 148 unit lagi tidak berlesen.</p> <p>Dalam menilai kesesuaian kedudukan paparan iklan, pihak DBKL telah mengambil kira Garis Panduan Iklan Luar KWP yang telah dikeluarkan pada Disember 2012. Semenjak 2012 hingga Mei 2014, hanya 23 permohonan yang telah diluluskan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																
	<p>mematuhi kehendak GP Iklan. Secara amnya, ketidakpatuhan meliputi aspek jarak ditetapkan daripada bahu jalan; jarak daripada ruang pejalan kaki; jarak antara papan iklan lain; jarak dengan persimpangan serta aspek reka bentuk/saiz papan iklan. OP yang gagal mematuhi peraturan telah diberikan tempoh 12 bulan untuk tindakan pembetulan sebelum tindakan penurunan iklan dijalankan.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Selaras dengan garis panduan baru yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada bulan Januari 2009 dan Kementerian Wilayah Persekutuan pada bulan Disember 2012, DBKL mula menggunakan garis panduan baru tersebut mulai bulan Disember 2012. DBKL juga dalam proses untuk mengenal pasti paparan iklan yang lama sama ada boleh dikekalkan atau diturunkan. Paparan iklan yang tidak sesuai perlu diberi notis setahun untuk penurunannya dan kegagalan OP berbuat demikian akan disusul oleh tindakan penurunan oleh pihak DBKL sendiri. Manakala tapak-tapak yang sesuai untuk didirikan paparan iklan luar sedang dalam proses untuk diberi secara tender kepada OP. Setakat ini, sebanyak 239 paparan iklan luar di 26 jalan sekitar Kuala Lumpur sedang dibuat banciaan oleh pihak DBKL dan banciaan dijangka tamat pada pertengahan bulan Mei 2014.</i></p>	<p style="text-align: center;">PERMOHONAN DAN KELULUSAN SELEPAS GARIS PANDUAN IKLAN KWP</p> <table border="1" data-bbox="1301 312 1966 459"> <thead> <tr> <th>TAHUN</th> <th>JUMLAH PERMOHONAN</th> <th>JUMLAH LULUS</th> <th>JUMLAH TOLAK</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2012</td> <td>127</td> <td>5</td> <td>122</td> </tr> <tr> <td>2013</td> <td>256</td> <td>12</td> <td>244</td> </tr> <tr> <td>2014</td> <td>65</td> <td>6</td> <td>59</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;">*sehingga Mei 2014</p> <p>Dalam satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar, mesyuarat memutuskan untuk melaksanakan kerja pemutihan bagi paparan iklan luar untuk mengenalpasti samada berlesen atau tidak.</p> <p>Buat masa kini juga, permohonan paparan iklan luar telah dibekukan mulai 11 Mac 2014 sehingga tarikh yang akan diberitahu kelak.</p>	TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH LULUS	JUMLAH TOLAK	2012	127	5	122	2013	256	12	244	2014	65	6	59
TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH LULUS	JUMLAH TOLAK															
2012	127	5	122															
2013	256	12	244															
2014	65	6	59															
7.5.4.3.b.i	<p>Nombor Kelulusan Lesen dan Nama/Nombor Pendaftaran Syarikat Tidak Dipamerkan</p> <p>Antara syarat lesen yang diperlu dipatuhi, Pelesen/OP perlu mencatatkan nombor kelulusan lesen di bahagian bawah sebelah kiri serta nama dan nombor pendaftaran syarikat di bahagian bawah sebelah kanan papan iklan yang dipasang. Sekiranya gagal berbuat demikian, lesen akan ditarik balik oleh DBKL. Lawatan Audit ke beberapa tapak lokasi mendapati terdapat paparan iklan yang gagal mematuhi syarat tersebut.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada bulan Januari 2009. Bagaimanapun, pelaksanaannya</i></p>	<p>Notis yang dikeluarkan telahpun tamat, kerja-kerja penurunan paparan iklan bersaiz kecil yang tidak mematuhi syarat telahpun dimulakan. Sehingga kini, 18 paparan iklan luar bersaiz kecil telah diturunkan. Bagi paparan iklan bersaiz besar seperti unipole, DBKL sedang menunggu proses perlantikan kontraktor penurunan selesai.</p> <p>Iklan tender telah ditutup pada 8 Mei 2014, dan dokumen tender sedang dalam proses penilaian.</p>																

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>hanya dikuatkuasakan oleh DBKL pada bulan Oktober 2010. Bagi paparan iklan luar yang diluluskan sebelum tempoh tersebut, pentadbiran DBKL masih lagi mengekalkan kelulusannya. Pihak DBKL juga telah membuat banciaan terhadap kesemua paparan iklan luar dan notis pematuhan akan dikeluarkan kepada OP yang gagal mematuhi syarat yang ditetapkan. Jika tidak, kompaun akan dikeluarkan terhadap OP yang melanggar syarat.</i></p>	
<p>7.5.4.3.b.ii</p>	<p>Pemasangan Iklan Dalam Kawasan Rizab Sungai</p> <p>Semakan Audit mendapati Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA) telah mendirikan paparan iklan <i>unipole</i> di kawasan rizab sungai yang dikawal selia oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Wilayah Persekutuan (JPS WP) tanpa mendapatkan kebenaran/kelulusan terlebih dahulu daripada agensi terlibat. Pihak JPS WP telah membuat aduan pada tahun 2012 mengenai pembinaan paparan iklan <i>unipole</i> di lokasi Jalan Tun Razak berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan Maxwell, Seksyen 48, Kuala Lumpur. Semasa lawatan Audit ke lokasi berkenaan, iklan <i>unipole</i> tersebut masih berada di lokasi. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan bahawa tindakan susulan seperti mengeluarkan saman atau arahan untuk menurunkannya diambil oleh pihak DBKL walaupun aduan telah diterima.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>DBKL telah menghantar notis kepada PBKL. Namun, tiada sebarang tindakan dari pihak tersebut. Perkara ini telahpun dirujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat II untuk mendapat arahan selanjutnya.</i></p>	<p>Isu ini telah dibawa semula ke OSCI untuk disemak semula berdasarkan kepada kesesuaian tapak dan persekitaran.</p>
<p>7.5.4.3.b.iii</p>	<p>Tempoh Kelulusan Tapak/Lokasi Tidak Dihadkan</p> <p>Berdasarkan amalan pihak DBKL, adalah didapati kelulusan paparan iklan luar tidak dihadkan tempoh pemasangannya. Tiada garis panduan diwujudkan bagi menetapkan tempoh yang dihadkan untuk membenarkan kelulusan paparan iklan luar kepada satu-satu pelesen/ OP yang dilanjutkan. Contohnya, sekiranya sesuatu lokasi telah diluluskan, lokasi terlibat dianggapkan sebagai milik OP secara mutlak walaupun kelulusan Lesen Menduduki Sementara (LMS) tidak diperoleh daripada Pejabat Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan (bagi kes melibatkan struktur yang didirikan atas tanah Kerajaan). Sekiranya kelulusan LMS diperoleh, tempoh sah laku LMS sepatutnya hanya</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																
	dihadkan kepada 3 tahun.																	
7.5.4.3.b.iv	<p>Lokasi Paparan Iklan Tidak Sesuai</p> <p>Berdasarkan Garis Panduan Iklan Kementerian Wilayah Persekutuan, paparan iklan bertiang saiz besar (60' x 20') tidak dibenarkan berada dalam jarak 500 meter (1,640 kaki) dari persimpangan jalan dan kawasan persimpangan serta tidak dibenarkan di zon perdagangan termasuk kawasan perdagangan kejiranan. Lawatan Audit mendapati ada paparan iklan bertiang saiz besar telah didirikan di persimpangan jalan dan tidak mematuhi ketetapan tersebut.</p>																	
7.5.4.3.b.v	<p>Jarak Antara Paparan Iklan Terlalu Dekat</p> <p>Bagi pemasangan paparan iklan bersaiz sederhana (40' x 10') di jalan-jalan yang menampung kelajuan kurang daripada 80 km sejam, jarak antara 2 papan iklan ialah 500 meter. Lawatan Audit mendapati terdapat paparan iklan bertiang saiz sederhana (<i>billboard</i>) yang telah didirikan di persimpangan jalan dan jarak antara satu <i>billboard</i> dengan yang lain adalah terlalu dekat dan tidak mematuhi ketetapan.</p>																	
7.5.4.3.b.vi	<p>Pemasangan Visual Sivik Tidak Dipamer Pada Paparan Iklan Kosong</p> <p>Secara dasar, pihak DBKL telah meminta OP supaya mempamerkan visual mesej sivik pada paparan iklan kosong supaya tidak menjejaskan pemandangan. Sekiranya gagal berbuat demikian, tindakan pembatalan lesen dan menurunkan paparan iklan akan diambil tanpa sebarang notis dan segala kos kerja dituntut daripada OP. Bagaimanapun, terdapat paparan iklan kosong tidak mematuhi dasar yang ditetapkan dan pihak DBKL tidak mengambil sebarang tindakan terhadap ketidakpatuhan tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan tegas perlu diambil terhadap mana-mana OP yang melanggar Garis Panduan Iklan yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pada bulan Januari 2009. Bagaimanapun, pelaksanaannya</i></p>	<p>Garis Panduan Iklan KWP baru telah digunapakai mulai Disember 2012, Kebanyakan paparan iklan luar sediada adalah sebelum Garis Panduan digunakan.</p> <p style="text-align: center;">PERMOHONAN DAN KELULUSAN SELEPAS GARIS PANDUAN IKLAN KWP</p> <table border="1" data-bbox="1301 1066 1966 1209"> <thead> <tr> <th>TAHUN</th> <th>JUMLAH PERMOHONAN</th> <th>JUMLAH LULUS</th> <th>JUMLAH TOLAK</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2012</td> <td>127</td> <td>5</td> <td>122</td> </tr> <tr> <td>2013</td> <td>256</td> <td>12</td> <td>244</td> </tr> <tr> <td>2014</td> <td>65</td> <td>6</td> <td>59</td> </tr> </tbody> </table> <p>Jumlah paparan iklan yang dibanci sehingga kini adalah 348 unit pelbagai saiz. Dari jumlah ini, hanya 23 unit sahaja yang diluluskan mengikut Garis Panduan KWP.</p>	TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH LULUS	JUMLAH TOLAK	2012	127	5	122	2013	256	12	244	2014	65	6	59
TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH LULUS	JUMLAH TOLAK															
2012	127	5	122															
2013	256	12	244															
2014	65	6	59															

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>hanya dikuatkuasakan oleh DBKL pada bulan Oktober 2010. Bagi paparan iklan luar yang diluluskan sebelum tempoh tersebut, pentadbiran DBKL masih lagi mengekalkan kelulusannya.</i></p> <p><i>Kementerian Wilayah Persekutuan juga telah mengeluarkan Garis Panduan Papan Iklan pada bulan Disember 2012 dan telah dikuatkuasakan oleh DBKL mulai tempoh tersebut. Notis pematuhan juga telah dikeluarkan kepada semua OP untuk mematuhi Garis Panduan dan syarat kelulusan antaranya seperti jarak antara paparan iklan dan pemasangan visual sivik pada papan iklan yang kosong.</i></p>	
<p>7.5.5.1.a</p>	<p>Iklan Papan Tanda Premis</p> <p>Pihak Audit tidak dapat menentukan statistik sebenar bagi pelesen Iklan Papan Tanda Premis yang telah memperbaharui lesen premisnya memandangkan maklumat lengkap mengenainya tidak dikemukakan sehingga pengauditan selesai dijalankan. Bagaimanapun, berdasarkan semakan terhadap 100 sampel Akaun Lesen Iklan Papan Tanda Premis Berlesen mendapati 22 (22.0%) daripadanya tidak menjelaskan bayaran lesen bagi tujuan pembaharuan, di mana nilai bayaran adalah antara RM100 hingga RM5,250. Manakala 20 (33.3%) daripada 60 Akaun Lesen Iklan Papan Tanda Premis Tidak Dilesenkan didapati tidak menjelaskan bayaran lesen bagi tujuan pembaharuan, di mana nilai bayaran adalah antara RM1,100 hingga RM7,800.</p>	
<p>7.5.5.1.b</p>	<p>Kegagalan memperbaharui lesen telah menyebabkan jumlah lesen tidak dijelaskan/tertunggak meningkat dengan ketara. Mengikut rekod perakaunan Sistem Pengkomputeran SAP, jumlah fi Lesen Iklan Papan Tanda Premis yang tidak dijelaskan/tunggakan sehingga bulan Mei 2013 adalah berjumlah RM144.15 juta, iaitu kenaikan 95.7% daripada jumlah yang direkodkan pada tahun 2007 iaitu berjumlah RM73.66 juta. Bagi tempoh tahun 2010 hingga Mei 2013, kadar peningkatan tunggakan tahunan adalah antara 8.7% hingga 12.5%.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Bayaran lesen yang tidak dijelaskan pada tahun terdahulu tidak dianggap sebagai tunggakan sebaliknya hasil kutipan lesen hanya boleh diiktiraf sekiranya bayaran tunai dijelaskan pada tahun semasa. Bagi mengelakkan lesen tidak dibayar, beberapa langkah telah diambil antaranya seperti mengeluarkan Notis Pemberitahuan Pembaharuan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>Lesen (3 bulan sebelum lesen tamat; memantau di lapangan melalui OPS LESEN secara mingguan dan mengeluarkan kompaun kepada OP yang gagal menjelaskan bayaran lesen.</i>	
7.5.5.2.a	<p>Paparan Iklan Luar</p> <p>Berdasarkan semakan, didapati komitmen OP dalam memperbaharui lesen adalah kurang memuaskan sebaliknya menjadi inisiatif DBKL untuk memperingatkan dan mengeluarkan notis/surat pembaharuan lesen kepada OP pada setiap tahun. Kesannya, bayaran iklan yang tidak dijelaskan oleh pelesen telah meningkat dengan ketara dari setahun ke setahun. Pada tahun 2008, jumlah hasil lesen yang tidak dijelaskan/tertunggak adalah berjumlah RM2.80 juta dan ia telah meningkat kepada RM10.20 juta (peningkatan peratus tunggakan sebanyak 266.7%) pada tahun 2012.</p>	<p>Notis yang dikeluarkan telahpun tamat, kerja-kerja penurunan paparan iklan bersaiz kecil yang tidak mematuhi syarat telahpun dimulakan. Sehingga kini, 18 paparan iklan luar bersaiz kecil telah diturunkan. Bagi paparan iklan bersaiz besar seperti unipole, DBKL sedang menunggu proses peralihan kontraktor penurunan selesai.</p> <p>Iklan tender telah ditutup pada 8 Mei 2014, dan dokumen tender sedang dalam proses penilaian.</p>
7.5.5.2.b	Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 10 sampel pelesen/OP yang disemak, 8 (80%) daripadanya tidak menjelaskan bayaran lesen tertunggak berjumlah RM4.23 juta dan ada yang telah tertunggak sejak tahun 2001. Adalah didapati juga Unit Iklan dan Eksais JPPP telah mengambil tindakan susulan dengan mengeluarkan Surat Notis Peringatan Terakhir/Notis Panggilan Bayaran Lesen Paparan Iklan pada 16 Ogos 2012.	
7.5.5.2.c	Pihak Audit difahamkan bahawa antara sebab utama bayaran tertunggak sukar dijelaskan adalah kerana penggunaan istilah lesen itu sendiri. Berdasarkan istilah lesen, lesen hanya boleh dikutip untuk tempoh semasa dan tunggakan tidak berlaku sekiranya pelesen/OP tidak membayarnya untuk tempoh terdahulu. Berdasarkan amalan sekarang, DBKL tidak dapat mengutip bayaran terdahulu yang belum dijelaskan sekiranya pelesen/OP enggan membayarnya.	
7.5.5.2.d	<p>Bagi tujuan memperbaharui Lesen Paparan Iklan Luar, JPPP menghendaki pelesen mematuhi syarat-syarat antaranya seperti menjelaskan bayaran lesen tahunan; menjelaskan bayaran tunggakan lesen; mengemukakan Laporan Pemeriksaan Struktur Paparan Iklan oleh Jurutera Bertauliah dan mengemukakan Polisi Insurans Perlindungan Awam (<i>public liability</i>). Daripada butiran 19 pelesen yang disemak, 16 (84%) daripadanya gagal mematuhi syarat-syarat tersebut sepenuhnya tetapi lesen mereka masih diperbaharui oleh pihak DBKL.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan yang lebih tegas perlu diambil terhadap</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pelesen/OP yang tidak menjelaskan bayaran lesen, terutamanya terhadap pelesen/OP yang mempunyai nilai tunggakan yang besar dan bagi tempoh yang terlalu lama. Bancian semasa perlu dijalankan untuk penurunan iklan-iklan terlibat dan notis saman perlu dikeluarkan terhadap Pelesen/OP yang melanggar syarat pelesenan. Jika istilah lesen akan menghalang tindakan mengutip balik semua bayaran yang tidak dijelaskan, pihak PUU DBKL perlu mencari alternatif penyelesaian supaya tunggakan dapat dikutip balik untuk meningkatkan hasil DBKL.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Bayaran Lesen Paparan Iklan Luar dibuat secara manual melalui pengeluaran bil lesen oleh Unit Iklan dan Eksais. Pembayaran tidak memerlukan nombor akaun. Notis Panggilan Bayaran dikeluarkan pada setiap tahun kepada OP mengikut lokasi yang diluluskan. DBKL juga sedang menguruskan pelantikan kontraktor bagi operasi penurunan paparan iklan luar yang gagal membayar lesen iklan.</i></p> <p><i>DBKL juga sedang dalam proses untuk mengadakan perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara bagi mendapatkan penyelesaian terhadap fi lesen yang tidak dijelaskan supaya dapat dikutip balik walaupun telah melangkaui tempoh yang sepatutnya.</i></p>	
7.5.6.2	<p>Semakan Audit mendapati operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh Unit Siasatan Dan Penguatkuasaan, JPPP bagi Iklan Papan Tanda Premis adalah ditetapkan olehnya sendiri tanpa berbincang dengan Unit Iklan dan Eksais yang terlibat dalam pengeluaran lesen kelulusan. Manakala bagi operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh Unit Iklan Dan Eksais untuk Paparan Iklan Luar, pihak Audit difahamkan bahawa kakitangan yang sedia ada di bawah Unit tersebut adalah tidak mencukupi untuk menjalankan operasi penguatkuasaan meliputi keluasan 5 zon di sekitar Kuala Lumpur. Selain terlibat dengan penguatkuasaan terhadap iklan, mereka juga terlibat menjalankan tindakan menurunkan paparan iklan, bunting dan <i>banner</i> yang tidak berlesen/tidak mematuhi syarat; menjalankan kerja siasatan/pemeriksaan atas permohonan e-Lesen; menjalankan tindakan sitaan ke atas premis hiburan/permainan dalam Ops Khas serta membuat siasatan dan menyediakan laporan aduan awam.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.6.2.a.i	Bagi iklan papan tanda premis, bilangan Notis Kompaun yang direkodkan dalam Sistem SP2U bagi tempoh tahun 2010 sehingga bulan Jun 2013 adalah antara 238 hingga 416 kes. Bagaimanapun, nilai kompaun yang terlibat tidak dapat dikenal pasti kerana tiada maklumat mengenainya dikemas kini di dalam sistem tersebut.	
7.5.6.2.a.ii	Semakan Audit selanjutnya terhadap 80 fail premis perniagaan yang dikenakan kompaun mendapati 43 (53.8%) daripadanya masih tidak menjelaskan kompaun sehingga tarikh pengauditan. Pihak Audit juga mendapati tiada tindakan susulan bagi mengutip kompaun yang dikeluarkan memandangkan tiada data/daftar lengkap mengenai status kompaun yang dikeluarkan.	
7.5.6.2.a.iii	<p>Bagi paparan iklan luar, semakan Audit mendapati terdapat penurunan yang ketara bagi bilangan kompaun yang dikeluarkan iaitu antara 65.7% (870 kes) hingga 73.2% (679 kes) bagi tahun 2011 dan 2012 berbanding tahun 2010 (2,534 kes). Penurunan ini didapati tidak selaras dengan peningkatan jumlah fi lesen tidak dijelaskan bagi paparan iklan luar sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 7.5.5.2 (a).</p> <p>Pada pendapat Audit, Unit Siasatan Dan Penguatkuasaan, JPPP perlulah memasukkan data lengkap mengenai kompaun ke dalam sistem bagi memudahkan urusan pemantauan terhadap premis yang tidak berlesen atau telah tamat tempohnya. Jabatan Pengurusan Maklumat juga perlulah bekerjasama dan memberi pendedahan kepada pegawai di Unit Siasatan Dan Penguatkuasaan bagi memudahkan penggunaan sistem tersebut.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Skuad Ronda yang bertanggungjawab untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas iklan-iklan haram di kawasan Kuala Lumpur telah ditubuhkan. Mulai bulan September 2012, perjawatan di JPPP telah ditambahbaik di mana terdapat penambahan bilangan Pembantu Tadbir (2 orang kepada 4 orang) dan Pekerja Am (12 orang kepada 30 orang).</i></p> <p><i>Bagi paparan iklan luar, bilangan kompaun dan jumlah fi lesen adalah tidak selaras kerana pada tahun 2010 dan 2013 Unit Penguatkuasaan JPPP telah melaksanakan satu operasi pemutihan khas (Task Force) di mana operasi tersebut menumpukan perhatian kepada pengeluaran</i></p>	Syarikat Oracle Synergy Sdn Bhd yang dilantik antara lain akan juga membuat pemantauan di tapak berkaitan dengan paparan iklan untuk menentukan samada paparan tersebut berlesen ataupun tidak. Jika tidak berlesen, syarikat akan memaklumkan DBKL untuk tindakan lanjut. Berdasarkan maklumat daripada Oracle Synergy, DBKL akan mengambil tindakan mengeluarkan notis kesalahan, mengeluarkan kompaun, tindakan mahkamah dan tindakan penurunan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>kompaun terhadap mana-mana OP yang gagal mematuhi syarat yang ditetapkan. Manakala pada tahun 2011 dan 2012, unit penguatkuasaan JPPP telah memberi fokus kepada operasi lain seperti cyber cafe; hiburan dan juga premis.</i></p>	
<p>7.5.6.2.b.i</p>	<p>Penurunan Struktur Iklan Papan Tanda Premis / Paparan Iklan Luar</p> <p>Bagi operasi penurunan struktur paparan iklan luar, didapati ia tidak dijalankan secara menyeluruh. Semakan Audit terhadap maklumat status lesen iklan tersebut pada 15 Jun 2012 mendapati JPPP hanya menjalankan operasi penurunan terhadap paparan iklan luar yang didirikan tanpa mendapat kelulusan sahaja dan tidak termasuk paparan iklan luar yang tidak dibayar lesen iklan.</p>	
<p>7.5.6.2.b.ii</p>	<p>Didapati JPPP tidak menyediakan bancian serta mengumpul maklumat yang lengkap mengenai statistik iklan papan tanda premis dan paparan iklan luar yang tidak berlesen pada setiap tahun. Berdasarkan semakan, bancian terakhir yang dijalankan oleh JPPP hanya dibuat pada Disember 2009. Berdasarkan maklumat tersebut, terdapat sejumlah 505 struktur iklan tanpa lesen.</p>	
<p>7.5.6.2.b.iii</p>	<p>Semakan Audit selanjutnya terhadap statistik operasi penurunan iklan untuk tempoh 2008 sehingga bulan April 2013 mendapati pihak DBKL lebih memberi tumpuan terhadap operasi penurunan Iklan Kain Rentang; Tiang Lampu; Iklan Poster dan lain-lain jenis iklan kecil yang bertempoh sementara berbanding 2 jenis iklan utama iaitu Iklan Papan Tanda Premis dan Paparan Iklan Luar. Bagaimanapun usaha untuk menurunkan iklan-iklan tersebut hanya untuk sementara waktu sahaja kerana ia akan dipasang semula oleh pemilik dengan mudah dalam jangka waktu yang singkat. Selain itu, fi lesen daripada iklan tersebut tidak begitu signifikan jika dibandingkan dengan fi Iklan Papan Tanda Premis dan Paparan Iklan Luar.</p>	
<p>7.5.6.2.b.iv</p>	<p>Lawatan Audit pada bulan September 2013 juga mendapati iklan-iklan haram (tidak berlesen atau OP berlesen tetapi tapak terlibat tidak pernah dimohon lesen) masih banyak didirikan/dipasang di sekitar Kuala Lumpur. Pemasangan iklan haram / tanpa lesen tersebut boleh menjejaskan imej dan mencacatkan pemandangan dan kebersihan Bandaraya Kuala Lumpur.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.6.2.b.v	<p>Daripada maklum balas pihak DBKL, anggaran perbelanjaan/kos operasi penurunan iklan yang telah dilibatkan bagi tahun 2010 adalah berjumlah RM217,385. Bagi tahun 2012 dan 2013 pula, maklumat Laporan Perbelanjaan Jabatan Kewangan DBKL menunjukkan peruntukan operasi penurunan Iklan tidak dapat dibelanjakan secara optimum. Peratus perbelanjaan berbanding peruntukan adalah hanya pada tahap 7.8% untuk tahun 2012 dan 4.1% pada tahun 2013. Peratusan yang rendah ini memberi satu gambaran/menjadi bukti bahawa tindakan untuk mempergiatkan operasi penurunan tidak dijalankan.</p>	
7.5.6.2.b.vi	<p>Pihak Audit difahamkan bahawa pihak JPPP menghadapi pelbagai masalah dan halangan semasa menjalankan operasi penurunan iklan papan tanda premis dan paparan iklan luar, antaranya seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan logistik JPPP sedia ada hanya terhad bagi penurunan iklan yang tidak melibatkan struktur bersaiz besar dan tinggi seperti paparan iklan sementara. Bagi iklan yang melibatkan struktur tinggi dan bersaiz besar seperti <i>Twinpole</i>, <i>Unipole</i>, LED, Dinding dan Langit, JPPP akan menggunakan khidmat logistik Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) yang diguna pakai bersama semua jabatan DBKL; • JPPP perlu memastikan keselamatan awam dijaga, terutamanya pengguna jalan raya semasa penurunan iklan dijalankan, termasuk penutupan dan lencongan jalan yang memerlukan kerjasama daripada Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan (JKP) serta agensi lain; • Tindakan menurunkan <i>billboard</i> dijalankan oleh pegawai penguatkuasa dan pekerja am yang kurang mahir/tidak mempunyai latihan yang mencukupi; • Lokasi iklan <i>billboard</i> menyukarkan kerja penurunan, contohnya di lereng bukit, bentuk muka bumi bercerun, kawasan sempit serta terdapat halangan kabel elektrik dan tiang lampu jalan; • Halangan kerja daripada wakil pemilik iklan dan pihak ketiga yang berpengaruh; dan • Kerja operasi bergantung kepada kerjasama daripada agensi lain seperti TNB dan pemilik pencawang telekomunikasi untuk 	<p>Mengikut bancian, sebanyak 348 paparan iklan luar telah dikenalpasti di sepanjang 47 batang jalan di Kuala Lumpur.</p> <p>Iklan tender telah ditutup pada 8 Mei 2014, dan dokumen tender sedang dalam proses penilaian.</p>


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pemotongan bekalan elektrik dan untuk tindakan pemotongan/<i>dismantling</i> pencawang yang ada pada <i>billboard</i>. Kelewatan tindakan daripada pihak berkaitan turut menjejaskan operasi menurunkan iklan oleh DBKL.</p> <p>Sehubungan itu, pelbagai cara telah diambil oleh DBKL untuk menangani isu-isu yang dihadapi. Antaranya adalah pihak JPPP telah melantik kontraktor dengan kehadiran pegawai penguatkuasa DBKL untuk menjalankan kerja menurunkan paparan iklan luar yang sukar dilaksanakan tanpa sebarang bayaran oleh DBKL sebaliknya dibenarkan mengambil bahan binaan termasuk besi struktur dan visual paparan yang diturunkan. Bagaimanapun prosedur ini telah diberhentikan. Selain itu, pihak JPPP juga sedang menguruskan tender terbuka kepada kontraktor untuk membekalkan kenderaan jentera; peralatan; kelengkapan dan tenaga kerja untuk kerja-kerja menurunkan paparan iklan luar bagi kawasan utama seperti MRR2; Jalan Ipoh; Jalan Ampang; Jalan Damansara; Jalan Sungai Besi; Jalan Jelatek; Jalan Jejaka/Perkasa; Jalan Genting Klang dan kawasan-kawasan sekitarnya.</p> <p>Pada pendapat Audit, DBKL perlu memberi fokus serta mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih kerap dan tegas khususnya terhadap pelesen/OP iklan-iklan utama yang tidak menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh yang lama. Selain itu, bagi mewujudkan kawalan dalaman yang lebih berkesan, peranan Unit Iklan Dan Eksais yang bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan dan pengeluaran lesen iklan perlu dikaji semula bagi mengelakkan risiko percanggahan kepentingan. Masalah antaranya berhubung bilangan kakitangan yang terlibat; logistik guna sama; aspek keselamatan pekerja dan gangguan/campur tangan daripada pihak ketiga yang berpengaruh juga perlu ditangani dengan baik bagi memastikan operasi penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.</p> <p>Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014</p> <p><i>Oleh sebab tender pelantikan kontraktor bagi penurunan iklan masih diproses, tindakan penurunan iklan terlibat terpaksa ditangguhkan. Bagaimanapun, DBKL sedang melakukan pemantauan terhadap semua Paparan Iklan Luar. Dua kumpulan Merinyu Lesen ditugaskan untuk mengambil maklumat iklan berserta gambar. OP yang tidak mematuhi syarat dikenakan tindakan notis penurunan dan kompaun.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Tiada bancian untuk paparan iklan luar dijalankan selepas bulan Disember 2009 disebabkan kekangan tenaga kerja. Bagi menyelesaikan masalah ini, DBKL telah melantik Syarikat Oracle Synergy Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja bancian terhadap iklan papan tanda dan paparan iklan luar. DBKL juga telah mengambil tindakan membekukan permohonan baru untuk paparan iklan luar.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**




KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Perenggan 8 : Pengurusan Arahan Perubahan Kerja

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.1.2.a	<p>Daftar Penerimaan Dan Kelulusan APK</p> <p>Penerimaan permohonan APK perlu direkod dengan teratur khususnya terhadap tarikh terima dan tarikh dikemukakan kepada peringkat seterusnya bagi tujuan kawalan dan pemantauan. Melalui daftar ini juga Kementerian boleh mengenal pasti tempoh proses tindakan yang telah diambil terhadap setiap permohonan APK sehingga kelulusan dikeluarkan. Semakan dan temubual pihak Audit dengan Pengurus-pengurus Projek dan Unit Teknikal di Bahagian Pembangunan Pelajaran mendapati:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. tiada daftar khusus diselenggara sama ada di Unit Teknikal atau oleh Pengurus Projek bagi merekodkan semua terimaan permohonan APK daripada <i>one stop centre</i> atau Perunding Projek. ii. Unit Teknikal sering kali menolak dan memulangkan kembali permohonan APK disebabkan maklumat yang dikemukakan tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat. Bagaimanapun proses tersebut tidak didokumenkan. Sehubungan itu, sukar untuk menentukan tarikh sebenar permohonan APK diterima di setiap peringkat dan tempoh masa yang diambil bagi memproses permohonan tersebut. iii. hanya 4 (2.8%) daripada 142 sampel APK yang diaudit mempunyai tarikh cop terimaan secara rasmi di peringkat Kementerian (Unit Teknikal/Pengurus Projek). Manakala semua APK yang dikemukakan kepada pihak Audit tidak lengkap dengan surat iringan daripada pihak Kontraktor/Perunding semasa mengemukakan permohonan APK kepada Kementerian. 	<p>Tindakan Penambahbaikan:-</p> <p>i) <u>Daftar Khusus</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP) telah mewujudkan satu daftar khusus di Pusat Sehati (One Stop Centre) di tingkat 3. Setiap dokumen termasuk APK direkodkan penerimaan dan seterusnya diedarkan kepada Pegawai terlibat. • Modul E-Surat telah dibangunkan secara dalaman dibawah Sistem Aplikasi Pejabat. Seperti berikut:- 
8.5.1.2.b	<p>Tempoh Masa Permohonan Dan Kelulusan APK</p> <p>Semakan Audit terhadap 122 APK yang ditambah melibatkan 9 projek mendapati 61 permohonan APK bernilai RM5.44 juta dikemukakan kepada Kementerian antara 41 hingga 550 hari selepas Sijil Perakuan Siap Kerja</p>	


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																								
	<p>(CPC) dikeluarkan. Sebanyak 81 APK bernilai RM9.29 juta diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal APK/Lembaga Perolehan dalam tempoh 11 hingga 1,100 hari selepas permohonan diterima, manakala 23 permohonan/ kelulusan APK bernilai RM1.38 juta tidak dapat ditentukan kerana maklumat berkaitan permohonan dan kelulusan APK tidak dikemukakan kepada Audit untuk semakan. Semakan selanjutnya mendapati 10 APK yang melibatkan dua (2) projek masih belum diluluskan oleh Lembaga Perolehan walaupun kerja telah dilaksanakan dan CPC telah dikeluarkan iaitu lima (5) APK bagi Projek Pendidikan Mengandungi 36 Bilik Darjah di SMK Seremban 3, Seremban, Negeri Sembilan bernilai RM0.21 juta di mana CPC telah dikeluarkan pada 11 Disember 2012 dan lima (5) APK bernilai RM2.08 juta bagi Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di Negeri Sarawak di SK Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak di mana CPC telah dikeluarkan pada 23 Disember 2011.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>Bermula pada tahun 2012, Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP) telah mewujudkan satu daftar khusus untuk penerimaan dokumen termasuk dokumen Permohonan APK di Pusat Setempat (One Stop Center) tingkat 3. Berdasarkan daftar ini dokumen yang diterima boleh dikesan untuk tindakan susulan yang diperlukan. Pendaftaran ini direkodkan secara berkompuser melalui perisian Microsoft Excel.</i> <i>BPP akan memastikan kerja-kerja APK yang akan datang setelah kelulusan APK tersebut disemak oleh Unit Teknikal dan dibentang untuk kelulusan APK/KPK/KKS/WPS. Pada peringkat semakan tersebut, pihak Kontraktor dan Perunding akan diminta memberikan justifikasi keperluan sesuatu APK tersebut sebagai salah satu langkah untuk mengawal kenaikan harga kos projek.</i> <i>Bagi memastikan perkara yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara tidak berulang, BPP telah mengeluarkan surat peringatan kepada Perunding untuk tidak mengeluarkan surat APK sebelum kelulusan didapatkan.</i> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p>	<p><u>Tindakan Penambahbaikan (Samb):-</u></p> <p><u>ii) Pemulangan Kembali Permohonan APK</u></p> <p>BPP telah membuat penambahbaikan dengan mengemukakan surat serta mendokumenkan proses penerimaan dan pemulangan Permohonan APK tersebut.</p> <p><u>Tindakan Susulan:-</u></p> <p>BPP telah menyelaras dan menyusul setiap Permohonan KPK/APK/KKS/WPS yang tertangguh sehingga selesai dan diperolehi dari Pihak Perunding. Disertakan Contoh Kronologi bagi projek SMK Taman Damansara Aliff, Johor Bahru seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1245 616 2033 1375"> <thead> <tr> <th>Item</th> <th>Tarikh</th> <th>Perkara</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>18 Mac 2014</td> <td>Mesyuarat Penyelaras Isu Berbangkit KPK/APK/KKS/WPS</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>10 April 2014</td> <td>Surat Peringatan dikeluarkan kepada Pihak Perunding</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>24 April 2014</td> <td>Mesyuarat Penyelaras Isu Berbangkit KPK/APK/KKS/WPS</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>24 April 2014</td> <td>Penerimaan Dokumen Sokongan dan Justifikasi bagi Permohonan APK dan KKS dari Perunding Irzak Engineer. Rujukan surat:IRZAK/SMKTDA/QSSB/07-02 (139) bertarikh 25 Mac 2014</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>24 April 2014</td> <td>Penerimaan Dokumen Sokongan dan Justifikasi bagi Permohonan APK dan KKS dari Perunding Quants Sekutu Sdn Bhd. Rujukan surat:QS/KPM/SRKTDA/kks-6tjsbb bertarikh 21 Mac 2014</td> </tr> <tr> <td>6</td> <td>24 April 2014</td> <td>Penerimaan Dokumen Sokongan dan Justifikasi bagi Permohonan APK dan KKS dari Perunding Nik Architect. Rujukan surat:(569)NA/SMKTDA/2008/Jilid 4 bertarikh 3 April 2014</td> </tr> <tr> <td>7</td> <td>24 April 2014</td> <td>Penerimaan Dokumen Sokongan dan Justifikasi bagi Permohonan APK dan KKS dari Perunding Mao. Rujukan surat:PMAO/2007/ME/39/SMKTDA bertarikh 11 April 2014.</td> </tr> </tbody> </table>	Item	Tarikh	Perkara	1	18 Mac 2014	Mesyuarat Penyelaras Isu Berbangkit KPK/APK/KKS/WPS	2	10 April 2014	Surat Peringatan dikeluarkan kepada Pihak Perunding	3	24 April 2014	Mesyuarat Penyelaras Isu Berbangkit KPK/APK/KKS/WPS	4	24 April 2014	Penerimaan Dokumen Sokongan dan Justifikasi bagi Permohonan APK dan KKS dari Perunding Irzak Engineer. Rujukan surat:IRZAK/SMKTDA/QSSB/07-02 (139) bertarikh 25 Mac 2014	5	24 April 2014	Penerimaan Dokumen Sokongan dan Justifikasi bagi Permohonan APK dan KKS dari Perunding Quants Sekutu Sdn Bhd. Rujukan surat:QS/KPM/SRKTDA/kks-6tjsbb bertarikh 21 Mac 2014	6	24 April 2014	Penerimaan Dokumen Sokongan dan Justifikasi bagi Permohonan APK dan KKS dari Perunding Nik Architect. Rujukan surat:(569)NA/SMKTDA/2008/Jilid 4 bertarikh 3 April 2014	7	24 April 2014	Penerimaan Dokumen Sokongan dan Justifikasi bagi Permohonan APK dan KKS dari Perunding Mao. Rujukan surat:PMAO/2007/ME/39/SMKTDA bertarikh 11 April 2014.
Item	Tarikh	Perkara																								
1	18 Mac 2014	Mesyuarat Penyelaras Isu Berbangkit KPK/APK/KKS/WPS																								
2	10 April 2014	Surat Peringatan dikeluarkan kepada Pihak Perunding																								
3	24 April 2014	Mesyuarat Penyelaras Isu Berbangkit KPK/APK/KKS/WPS																								
4	24 April 2014	Penerimaan Dokumen Sokongan dan Justifikasi bagi Permohonan APK dan KKS dari Perunding Irzak Engineer. Rujukan surat:IRZAK/SMKTDA/QSSB/07-02 (139) bertarikh 25 Mac 2014																								
5	24 April 2014	Penerimaan Dokumen Sokongan dan Justifikasi bagi Permohonan APK dan KKS dari Perunding Quants Sekutu Sdn Bhd. Rujukan surat:QS/KPM/SRKTDA/kks-6tjsbb bertarikh 21 Mac 2014																								
6	24 April 2014	Penerimaan Dokumen Sokongan dan Justifikasi bagi Permohonan APK dan KKS dari Perunding Nik Architect. Rujukan surat:(569)NA/SMKTDA/2008/Jilid 4 bertarikh 3 April 2014																								
7	24 April 2014	Penerimaan Dokumen Sokongan dan Justifikasi bagi Permohonan APK dan KKS dari Perunding Mao. Rujukan surat:PMAO/2007/ME/39/SMKTDA bertarikh 11 April 2014.																								

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> • Modul E-Surat telah dibangunkan secara dalaman di bawah Sistem Aplikasi Pejabat. • BPP telah membuat penambahbaikan dengan mengemukakan surat serta mendokumenkan proses penerimaan dan pemulangan permohonan APK tersebut. • BPP telah menyelaras dan menyusul setiap Permohonan KPK/APK/KKS/WPS yang tertangguh sehingga selesai dan diperolehi dari Pihak Perunding. • BPP telah memberi perhatian mengenai Pengurusan Permohonan APK ini dengan mengadakan Mesyuarat Penyelaras Isu Berbangkit KPK/APK/KKS/WPS. Pada mesyuarat tersebut, pihak kontraktor dan perunding akan diminta memberikan justifikasi kukuh tentang keperluan sesuatu APK tersebut. • BPP telah mengambil perhatian dan sentiasa berusaha untuk melicinkan pemprosesan dan pengurusan APK, memantau dan menyelaras Dokumen APK tersebut dengan mengadakan Mesyuarat Pemantauan, Mesyuarat Penyelaras Projek, Mesyuarat Penyelaras Isu Berbangkit KPK/APK/KKS/WPS dan mengeluarkan Surat Peringatan untuk mengawal dokumen-dokumen APK ini. <p>Pada pendapat Audit, daftar khusus perlu diwujudkan di Unit Teknikal bagi merekod semua urusan APK seperti tarikh permohonan, pemprosesan dan kelulusan APK.</p>	<p><u>Tindakan Penambahbaikan:-</u></p> <p>BPP telah memberi perhatian mengenai Pengurusan Permohonan APK ini dengan mengadakan Mesyuarat Penyelaras Isu Berbangkit KPK/APK/KKS/WPS. Pada mesyuarat tersebut, pihak kontraktor dan perunding diminta memberikan justifikasi kukuh tentang keperluan sesuatu APK tersebut.</p> <p><u>Tindakan Susulan:-</u></p> <p>BPP telah mengambil perhatian mengenai perkara yang dibangkitkan JAN ini agar tidak berulang, BPP telah mengeluarkan surat peringatan kepada perunding untuk tidak mengeluarkan surat APK sebelum kelulusan diperolehi. Berikut dilampirkan surat peringatan mengenai Peraturan Mengenai Perubahan Kerja (Variation Order) Dan Permohonan Arahan Perubahan Kerja (APK) rujukan:KP(BPP)T/78/367 Jilid 8(12) bertarikh 10 April 2014.</p> <p><u>Tindakan Susulan:-</u></p> <p>BPP telah mengambil perhatian dan sentiasa berusaha untuk melicinkan proses pengurusan APK, memantau dan menyelaras Dokumen APK tersebut melalui Mesyuarat Pemantauan, Mesyuarat Penyelaras Projek, Mesyuarat Penyelaras Isu Berbangkit KPK/APK/KKS/WPS dan mengeluarkan Surat Peringatan untuk mengawal dokumen-dokumen APK ini.</p>
8.5.2.1.a	<p>Kerja-Kerja Baru Di Luar Skop Kerja Asal</p> <p>Pihak Audit dimaklumkan oleh Perunding Arkitek projek di SK Lubok Antu iaitu Tetuan Affrin Architect & Associate Sdn. Bhd. semasa lawatan Audit pada 3 Julai 2013 bahawa tiga (3) perubahan kerja bagi membina dewan makan, kuarters dan asrama ini dilaksanakan berdasarkan keperluan dan permintaan daripada pihak sekolah dan PPD Lubok Antu. APK ini dimohon dan dilaksanakan dengan alasan terdapat pengurangan (<i>ommission</i>) dalam skop kerja asal berjumlah RM1.30 juta bagi pengukuran semula skop kerja <i>demolition works</i>, <i>temporary classroom</i> dan kerja luaran disebabkan pemindahan tapak cadangan asal. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan perubahan skop kerja tersebut telah</p>	<p>APK ini melibatkan bangunan sementara yang pada asalnya untuk dirobuhkan, didapati perlu diguna pakai semula sebagai asrama, dewan makan dan kuarters guru. Berdasarkan permohonan dari Guru Besar yang mengesahkan timbul keperluan mendesak kerana pihak pelajar yang datang dari jauh untuk bersekolah dan tiada asrama sedia-ada di tapak sekolah tersebut.</p> <p>Gambar berikut menjelaskan dimana keperluan mendesak timbul dari pihak pelajar yang datang dari jauh untuk bersekolah dan tiada asrama</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>diluluskan oleh Pegawai Pengawal atau pegawai yang dilantik dan sehingga 31 Disember 2013 permohonan APK tersebut masih belum diluluskan oleh Lembaga Perolehan.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Skop perubahan kerja APK untuk kerja membina dewan makan, asrama lelaki, kuarters guru ini merupakan keperluan mendesak untuk dibina di tapak bagi menampung pelajar setelah bangunan asal dirobohkan bagi tujuan pembinaan.</i> • <i>APK ini bukan penambahan skop tetapi bangunan sementara bagi membolehkan pelaksanaan projek ini dijalankan dan disiapkan dengan sempurna serta bertujuan melicinkan proses pembinaan (keperluan ditapak).</i> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Permohonan APK ini telah dibawa ke mesyuarat di peringkat Lembaga Perolehan pada 18 November 2013 dan 25 Februari 2014. Mesyuarat memutuskan permohonan tersebut ditangguh. Perkara ini sedang diambil tindakan oleh pihak perunding untuk melengkapkan surat sokongan dan justifikasi yang memperjelaskan keperluan APK ini dilaksanakan di tapak.</i> • <i>Permohonan APK ini dijangka akan dibawa semula untuk kelulusan Jawatankuasa APK/KPK/KKS/WPS bagi pengesyoran ke Lembaga Perolehan pada 21 Mei 2014. Seterusnya keputusan yang diperolehi akan diangkat ke Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan.</i> • <i>BPP telah mengambil langkah untuk menyusul setiap permohonan APK dengan mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Projek bagi mengawal pelaksanaan Kerja APK yang didapati menukar sebahagian besar skop kerja asal.</i> <p>Pada pendapat Audit, APK bagi kerja membina dewan makan, asrama lelaki dan kuarters guru adalah bangunan berbentuk kekal dan di luar skop kontrak sepatutnya mendapat kelulusan daripada UPE atau dibuat secara sebut harga/tender berasingan kerana kerja-kerja tersebut tidak termasuk dalam skop kerja asal.</p>	<p>sedia-ada di tapak sekolah tersebut.</p>  <p>Salah satu kampung berhampiran yang hanya menempatkan 1/3 daripada kapasiti SK Lubok Antu. Selebihnya adalah daripada pedalaman.</p>  <p>Tasik berhampiran yang perlu dilalui oleh pelajar untuk ke Lubok Antu. Purata mengambil masa 2 hari dari sekolah ke kampung berhampiran.</p>  <p>Pelajar perlu menaiki bot dan merentasi tasik untuk ke sekolah.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Permohonan APK ini akan dibawa semula untuk kelulusan Jawatankuasa APK/KPK/KKS/WPS bagi pengesyoran ke Lembaga Perolehan pada 30 Mei 2014. Seterusnya keputusan yang diperolehi akan diangkat ke Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan.
8.5.3.2	<p>Kerja/Bekalan Yang Dilaksanakan Kurang Memuaskan</p> <p>Semakan Audit mendapati kualiti kerja/bekalan bagi dua APK melibatkan dua daripada sembilan projek (22.22%) yang diaudit adalah kurang memuaskan.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014</p> <p><u>SMK Seremban 3, Negeri Sembilan</u></p> <p><i>APK No.6 – Isu kerja Dinding Penahan RC Wall dan Crib Wall tidak kemas kerana Dinding Penahan Kedua Diperlukan untuk menguatkan struktur dinding pertama.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>Rekabentuk asal dinding penahan jenis RC Wall tidak dapat menampung beban, maka rekabentuk telah digantikan dengan Crib Wall. Pembinaan crib wall dilakukan di tapak mengikut rekabentuk pakar namun masih terdapat pergerakan tanah. Kontraktor telah diarah untuk menambah satu (1) lapisan crib wall untuk menyokong pergerakan tanah tersebut tanpa tambahan kos. Pergerakan tanah dapat diatasi sepenuhnya dengan tambahan lapisan kedua (2) crib wall tersebut. Langkah pembaikan tersebut tiada kos tambahan terlibat.</i> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 18 April 2014</p> <p><u>SK San Semanju, Sri Aman Sarawak</u></p> <p><i>APK No.47- Workstation Guru Melendut dan Pedestal Telah Rosak dan tidak dipasang sumber kuasa.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>Kerja-kerja pembaikan dan penggantian ‘table top’ serta laci meja yang rosak telah disempurnakan.</i> <i>Workstation guru telah dipasang sumber kuasa</i> 	<p><u>SMK Seremban 3, Negeri Sembilan</u></p> <p>APK No.6 - Isu kerja Dinding Penahan RC Wall dan Crib Wall tidak kemas kerana Dinding Penahan Kedua Diperlukan untuk menguatkan struktur dinding pertama.</p> <p>Dinding Penahan jenis RC Wall tidak dibina dilokasi ini kerana rekabentuk telah digantikan dengan pembinaan Crib Wall. Penggantian ini adalah alternatif yang sesuai bagi cerun yang berketinggian lebih 5 meter serta dapat dipasang dengan cepat bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh berlaku.</p> <p>Pembinaan crib wall telah dilakukan ditapak mengikut reka bentuk pakar. Seterusnya bagi mengatasi masalah pergerakan tanah dari terjadi, pihak kontraktor telah diarah untuk menambah satu (1) lapisan crib wall untuk menyokong pergerakan tanah tersebut tanpa tambahan kos. Pergerakan tanah dapat diminimumkan dengan tambahan lapisan kedua (2) crib wall tersebut. Langkah pembaikan tersebut tiada kos tambahan terlibat.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div data-bbox="1256 959 1559 1315">  <p>GAMBAR TEMBOK PAGAR ASAL SEMASA KERJA-KERJA PEMBERSIHAN TAPAK PADA 2 JUN 2009</p> </div> <div data-bbox="1599 967 1951 1315">  <p>GAMBAR TEMBOK PAGAR ASAL YANG HUNTIH (GAMBAR TAPAK PADA 24 FEB 2010)</p> </div> </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, Kementerian dan Perunding perlu memastikan kerja pembaikan yang telah dilakukan mencapai tahap piawaian yang ditetapkan.</p>	<div data-bbox="1377 204 1899 550" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1451 552 1825 576">Gambar Crib Wall pada 31.12.2013</p> <p data-bbox="1243 608 1659 632"><u>SK San Semanju, Sri Aman Sarawak</u></p> <p data-bbox="1243 663 2033 715">APK No.47- Workstation Guru Melendut dan Pedestal Telah Rosak dan tidak dipasang sumber kuasa.</p> <p data-bbox="1243 746 2033 911">Semasa Lawatan Audit dilakukan, kerosakan tersebut berlaku dalam tempoh melepasi Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) dan Sijil Memperbaiki Kecacatan (CMGD) telah pun diperakukan. Kerosakan ini terjadi adalah disebabkan oleh Pengguna. Walaubagaimanapun, atas arahan BPP, Pihak Kontraktor telah mengambil tanggungjawab penuh dengan memperbaiki kerosakan tersebut tanpa kos.</p> <div data-bbox="1384 938 1944 1214" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1243 1222 2033 1270">Kerja-kerja pembaikan dan penggantian 'table top' serta laci meja yang rosak telah disempurnakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		 <p data-bbox="1330 488 1839 512"><i>Workstation guru telah dipasang sumber kuasa</i></p>
8.5.4.1	<p data-bbox="365 544 819 568">Maklumat APK Dan Dokumen Berkaitan</p> <p data-bbox="365 600 1167 900">Kontrak perjanjian antara Kerajaan dan Kontraktor serta Perunding merupakan dokumen utama yang perlu disediakan dan disimpan oleh pihak Kementerian dan pihak yang terlibat. Sebaik sahaja kontrak ditandatangani, dokumen asal dan salinannya hendaklah diedar kepada pihak berkaitan bagi tujuan rujukan. Dokumen utama yang disemak oleh pihak Audit adalah terdiri daripada kontrak perjanjian antara Kerajaan dengan Kontraktor, Arahan Perubahan Kerja, Laporan Kemajuan Projek, Baucar Bayaran dan fail berkaitan APK. Dokumen tersebut adalah penting bagi menentukan sama ada pelaksanaan APK dan bayaran adalah berdasarkan kelulusan dan mengikut skop, syarat dan spesifikasi yang telah ditetapkan.</p>	<p data-bbox="1191 600 1413 624"><u>Tindakan Susulan:-</u></p> <p data-bbox="1191 655 1984 735">BPP mengambil perhatian dan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan usaha untuk memperbaiki semua tindakan yang dilaksanakan pada masa hadapan.</p> <p data-bbox="1191 767 1984 871">BPP telah membuat penambahbaikan dari segi penyimpanan dokumen, dan memastikan kesemua dokumen tersebut dapat dikesan dan diperolehi serta dilampirkan. Segala dokumentasi yang diperlukan bagi pembayaran dapat disusul bagi proses pembayaran.</p>
8.5.4.2	<p data-bbox="365 936 1167 1238">Permohonan dokumen dan maklumat berkaitan APK dan projek-projek berkaitan telah dibuat bermula pada awal bulan Julai 2013 melalui surat, emel dan secara lisan Unit Rendah/Unit Teknikal dan Pengurus Projek di Bahagian Pembangunan Pelajaran serta Perunding Projek berkenaan. Bagi dokumen berkaitan APK yang diterima penyerahannya melibatkan tempoh Antara 18 hingga 92 hari selepas permohonan. Bagaimanapun sehingga pemerhatian audit dikeluarkan pada 4 Februari 2014, adalah didapati lima (5) APK belum diterima melibatkan tempoh 148 hari. Ketiadaan dokumen dan maklumat tersebut menyebabkan pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada peraturan berkaitan APK telah dipatuhi dan kepentingan Kerajaan telah dijaga.</p>	
8.5.4.3	<p data-bbox="365 1267 1167 1370">Pihak Audit dimaklumkan Unit Rendah dan Unit Teknikal Bahagian Pembangunan Pelajaran menghadapi kesukaran mengemukakan sebahagian dokumen berkenaan kerana tidak disimpan dengan teratur, belum dikemukakan oleh Perunding dan ruang penempatan dokumen</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>projek dan bayaran yang terhad.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>BPP telah memberi perhatian terhadap isu ini. Oleh kerana mempunyai jumlah projek sebanyak 1,500 projek yang mempunyai fail berjilid-jilid dan tidak dapat ditempatkan pada satu masa di Kementerian, tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan dengan membina perabot bina untuk mendapatkan ruang penyimpanan yang maksima.</i> • <i>Dokumen berkaitan APK tersebut akan diselaraskan semula semasa penyediaan Perakuan Muktamad.</i> • <i>BPP telah membuat penambahbaikan dari segi penyimpanan dokumen, walau bagaimanapun semasa ketika penyelesaian Perakuan Muktamad kesemua dokumen tersebut dapat dikesan dan diperolehi serta dilampirkan. Segala dokumentasi yang diperlukan bagi pembayaran dapat diselaraskan untuk proses pembayaran.</i> • <i>Tindakan penambahbaikan telah dilakukan, BPP telah menaiktaraf dan menambah rak-rak bagi ruang penyimpanan yang maksima.</i> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>BPP mengambil perhatian dan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan usaha memperbaiki keadaan ini.</i> • <i>BPP telah membuat penambahbaikan dari segi penyimpanan dokumen, dan memastikan kesemua dokumen tersebut dapat dikesan dan diperolehi serta dilampirkan. Segala dokumentasi yang diperlukan bagi pembayaran dapat disusul bagi proses pembayaran.</i> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan pembinaan dan menaiktaraf ruang penyimpanan dibuat dengan teratur dan semua dokumen didaftarkan, disusun dan indeks disediakan bagi memudahkan semakan dan rujukan masa hadapan.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perenggan 9 : Projek Pembinaan Sekolah Berasrama Penuh Dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.1.1.a	<p>Prestasi Projek Pembinaan - Pencapaian Kewangan</p> <p>Peruntukan keseluruhan bagi membina 15 projek pembinaan SBP dan kemudahan lain dari tahun 2008 hingga 2013 adalah berjumlah RM809.15 juta dan sejumlah RM699.85 juta (86.5%) telah dibelanjakan setakat bulan Oktober 2013.</p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>Walaupun Jabatan Audit berpandangan bahawa prestasi kewangan bagi pelaksanaan 15 projek SBP adalah memuaskan, namun BPP berpandangan prestasi tersebut akan lebih tinggi sekiranya projek SMS Gua Musang dapat disiapkan mengikut jadual. Walau bagaimanapun, projek ini masih dalam pelaksanaan dan kemajuan fizikal semasa adalah 83% dan dijangka siap pada Ogos 2014. Projek ini lewat dimulakan apabila kontraktor asal memohon untuk kontrak ditamatkan secara persetujuan bersama berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 apabila harga barang meningkat dan dalam masa yang sama terdapat masalah tapak yang berbatu menyebabkan kos menjadi lebih tinggi. Disebabkan penamatan kontrak ini, BPP terpaksa melantik kontraktor baru mengikut jadual baru dan pada masa ini kerja-kerja di tapak berjalan lancar.</p> <p>Namun berdasarkan kepada prestasi perbelanjaan sehingga 31 Disember 2013, KPM telah membelanjakan sebanyak RM 25,839,417.22 menjadikan keseluruhan peratus perbelanjaan sehingga tahun 2013 adalah 87.83%.</p> <p>Perbelanjaan bagi ketiga-tiga projek tersebut telah melebihi kos asal disebabkan kerja-kerja tambahan yang perlu dilaksanakan. Kerja-kerja tambahan ini adalah disebabkan oleh pertambahan skop yang perlu dilaksanakan yang tiada pada skop asal di dalam brif projek. Pertambahan skop juga disebabkan keperluan-keperluan daripada Pihak Berkuasa Tempatan, agensi teknikal, syarikat utiliti dan penyedia perkhidmatan (<i>service provider</i>).</p> <p>Bagi projek yang dilaksanakan secara Reka dan Bina, pertambahan kos yang berlaku hanya disebabkan terdapat keperluan bagi</p>
9.5.1.1.b	<p>Prestasi perbelanjaan bagi ketiga-tiga projek pembinaan SBP sehingga bulan Disember 2013 telah mencapai RM55.41 juta (99.3%) bagi SMS Banting dan RM56.56 juta (99.9%) bagi SMAP Bentong. Bagi projek pembinaan SMS Batu Pahat pula, perbelanjaan telah mencapai RM40.65 juta termasuk RM18.72 juta (94.8%) di bawah Kontraktor penyelamat. Tambahan/kurangan kos kontrak kesan dari perubahan kerja asal dan pelarasan harga yang diluluskan dan diselaraskan oleh KPM.</p>	
9.5.1.1.c	<p>BPP juga telah mengeluarkan peruntukan berjumlah RM12.50 juta kepada BPSBPSK bagi tujuan perolehan perabot mudah alih (<i>loose furniture</i>) di ketiga-tiga SBP melalui waran peruntukan yang dikeluarkan pada bulan Februari 2011 dan Februari 2012. Berdasarkan semakan Audit terhadap 44 baucar bayaran yang dikemukakan, sejumlah RM5.99 juta telah dibelanjakan.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p> <p><i>BPP berpandangan prestasi 15 projek SBP akan lebih tinggi sekiranya projek SMS Gua Musang dapat disiapkan mengikut jadual. Bagi projek yang diaudit, kerja tambahan disebabkan pertambahan skop yang perlu dilaksanakan yang tiada pada skop asal di dalam brif projek, keperluan daripada Pihak Berkuasa Tempatan, agensi teknikal, syarikat utiliti dan penyedia perkhidmatan (service provider). Sementara itu, baki peruntukan perabot dan peralatan yang tidak dibelanjakan antara tahun 2011 dan 2012 telah dipulangkan oleh BPSBPSK kepada BPP. Keperluan perabot dan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>peralatan di sekolah-sekolah tersebut telah dilengkapkan pada tahun yang berikutnya menggunakan peruntukan daripada BPSBPSK dan BPP.</p>	<p>perubahan skop yang tiada dalam skop asal terutamanya disebabkan pertukaran dari Sekolah Menengah Sains Bentong kepada SMAP Bentong. Pertambahan kerja yang disebabkan keperluan tambahan Pihak Berkuasa Tempatan, agensi teknikal, syarikat utiliti dan penyedia perkhidmatan (<i>service provider</i>) perlu ditanggung sendiri oleh kontraktor. Bagi SMS Batu Pahat, BPP mengesahkan bahawa perlantikan kontraktor penyiap telah menyebabkan peningkatan kos.</p> <p>Manakala bagi projek SMS Banting yang dilaksanakan secara konvensional, pertambahan kos disebabkan keperluan bahan Pihak Berkuasa Tempatan, agensi teknikal, syarikat utiliti dan penyedia perkhidmatan (<i>service provider</i>). Pertambahan keperluan tersebut telah menyebabkan Arahan Perubahan Kerja terpaksa diberikan disebabkan projek ini direkabentuk oleh perunding yang dilantik oleh KPM.</p> <p>Baki peruntukan perabot dan peralatan yang tidak dibelanjakan antara tahun 2011 dan 2012 telah dipulangkan pada BPP. Walau bagaimanapun, keperluan perabot dan peralatan di sekolah-sekolah tersebut telah dilengkapkan pada tahun yang berikutnya menggunakan peruntukan daripada BPSBPSK dan BPP. Butiran perbelanjaan dan peruntukan tambahan yang dipohon adalah seperti berikut:-</p> <p>i. SMS Banting:-</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ BPSBPSK telah menurunkan waran pada 29 Julai 2013 menggunakan peruntukan Pakej Rangsangan Khas sebanyak RM142,590.00 ▪ BPSBPSK telah memohon peruntukan tambahan bagi tahun 2014 pada 20 Mac 2014 sebanyak RM2,100,000.00. Waran peruntukan telah diturunkan oleh BPP pada 21 April 2014. <p>ii. SMAP Bentong</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ BPSBPSK juga telah menurunkan waran pada 29 Julai 2013 menggunakan peruntukan Pakej Rangsangan Khas sebanyak RM73,440.00. ▪ BPSBPSK telah memohon peruntukan tambahan bagi tahun

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>2014 pada 20 Mac 2014 sebanyak RM1,600,000.00. Waran peruntukan telah diturunkan oleh BPP pada 21 April 2014.</p> <p>iii. SMS Batu Pahat</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ BPSBPSK telah menurunkan waran pada 29 Julai 2013 menggunakan peruntukan Pakej Rangsangan Khas sebanyak RM118,440.00 ▪ BPSBPSK telah memohon peruntukan tambahan bagi tahun 2014 pada 20 Mac 2014 sebanyak RM1,700,000.00. Waran peruntukan telah diturunkan oleh BPP pada 21 April 2014. <p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <p>KPM akan memastikan agar peruntukan dapat dibelanjakan bagi tujuan memuktamadkan akaun. Kebanyakan baki peruntukan adalah bagi pembayaran akaun muktamad yang hanya boleh dibayar selepas CMGD dikeluarkan.</p>
9.5.1.2	<p>Pencapaian Fizikal</p> <p>Mengikut kontrak asal dan Surat Setuju Terima (SST), tempoh penyiapan projek adalah selama 24 bulan dari tarikh milik tapak bagi SMAP Bentong dan SMS Batu Pahat, manakala 30 bulan bagi SMS Banting. Semakan Audit mendapati ketiga-tiga projek pembinaan SBP yang diaudit telah melewati jadual asal yang ditetapkan dan diberi lanjutan masa antara 90 hingga 223 hari dari tarikh penyiapan asal. Pembinaan SMS Banting dan SMAP Bentong telah disiapkan setelah mendapat lanjutan masa 90 hari dan kedua-dua kontraktor tersebut telah dikecualikan daripada dikenakan LAD. Bagaimanapun, pembinaan SMS Batu Pahat telah tertangguh dan Kontraktor asal telah ditamatkan perkhidmatannya. Kontraktor penyelamat telah dilantik pada 7 September 2010 bagi menyiapkan projek tersebut dan dikenakan Gantirugi Yang Ditentukan Dan Ditetapkan [<i>Liquidated Ascertained Damages</i> (LAD)] berjumlah RM0.37 juta. Adalah didapati ketiga-tiga projek pembinaan SBP ini lewat diserahkan berbanding dengan tarikh asal projek patut disiapkan di antara 90 hingga 909 hari.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>KPM mengakui bahawa terdapat kelewatan dalam menyiapkan ketiga-tiga projek tersebut. Ia disebabkan pelbagai masalah yang dihadapi seterusnya menyebabkan Lanjutan Masa diluluskan kerana masalah tersebut di luar kawalan kontraktor dan dibenarkan mengikut kontrak.</p> <p>Bagi projek yang gagal disiapkan dalam tempoh yang diluluskan, denda LAD akan terus dikenakan sehingga projek tersebut siap sepenuhnya.</p> <p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <p>KPM sentiasa memberikan perhatian terhadap masalah-masalah yang dihadapi terutamanya yang menyebabkan Lanjutan Masa dan sentiasa berusaha agar masalah yang sama tidak berulang bagi projek yang lain.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>KPM mengakui bahawa terdapat kelewatan dalam menyiapkan ketiga-tiga projek tersebut. Ia disebabkan pelbagai masalah yang dihadapi seterusnya menyebabkan Lanjutan Masa diluluskan disebabkan masalah tersebut di luar kawalan Kontraktor dan dibenarkan mengikut kontrak. Bagi Projek yang gagal disiapkan dalam tempoh yang diluluskan, denda LAD akan terus dikenakan sehingga projek tersebut siap sepenuhnya.</i></p>	
<p>9.5.2.1</p>	<p>Pengurusan Pembinaan - Perjanjian Kontrak</p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit terhadap kontrak bagi projek pembinaan SMAP Bentong dan SMS Batu Pahat (Kontrak Penyelamat) telah lewat ditandatangani antara 85 dan 89 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam masa yang ditetapkan dan dicatatkan tarikh bagi memastikan suatu kontrak formal diwujudkan dan syarat kontrak dapat dikuatkuasakan dengan berkesan untuk menjaga kepentingan Kerajaan serta pelaksanaan projek berjalan dengan lancar.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014</p> <p><i>Bagi projek pembinaan SMAP Bentong, draf dokumen kontrak yang dimajukan ke KPM pada 26 Jun 2009 terdapat banyak pindaan yang perlu dibuat dan kontraktor mengambil masa yang lama untuk melengkapkan dokumen kontrak dengan sempurna menyebabkan kontrak lewat ditandatangani. Sementara itu, bagi dokumen kontrak projek pembinaan SMS Batu Pahat yang dilaksanakan oleh Kontraktor penyiap, kelewatan disebabkan rayuan oleh Kontraktor penyiap kepada KPM untuk menukarkan jenis kontrak dari Reka dan Bina kepada konvensional tetapi tidak dibenarkan.</i></p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>BPP sedar dokumen kontrak perlu ditandatangani segera selepas SST dikeluarkan. Berdasarkan syarat-syarat kontrak, perjanjian perlu ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan atau tiga (3) kali bayaran interim selepas SST dikeluarkan. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor selalunya mengambil masa yang panjang sebelum menandatangani dokumen tender tersebut kerana perlu membuat proses pelarasan harga pada Senarai Kuantiti.</p> <p>BPP sentiasa menggesa supaya kontraktor mengemukakan dokumen tender yang telah diselaraskan harga dalam tempoh sebulan selepas SST dikeluarkan. Kelewatan pelarasan harga pada dokumen tender ini akan menyebabkan dokumen kontrak lewat ditandatangani seterusnya boleh menyebabkan pembayaran interim kontraktor ditahan sekiranya melebihi 4 bulan.</p> <p>Penjelasan lanjut berhubung isu ini adalah seperti berikut:-</p> <p>SMS Banting</p> <p>Dokumen Kontrak Asal telah dihantar kepada KPM dan tarikh perjanjian ditandatangani telah dicatatkan dalam Dokumen Kontrak tersebut. Walau bagaimanapun, dokumen kontrak yang dirujuk semasa pemeriksaan audit merupakan salinan Dokumen Kontrak yang tidak mengandungi tarikh perjanjian ditandatangani.</p> <p>SMAP Bentong</p> <p>Draf dokumen kontrak telah dimajukan kepada pihak KPM pada 26hb Jun 2009 melalui surat FTA/PR/61/02(125). Namun, disebabkan terdapat banyak pindaan yang perlu dibuat dan kontraktor mengambil masa yang lama bagi melengkapkan dokumen kontrak dengan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>sempurna, maka ia telah lewat ditandatangani. Kelewatan yang berpunca daripada pihak kontraktor telah menyebabkan bayaran interim terpaksa ditahan sehingga dokumen kontrak ditandatangani.</p> <p>SMS Batu Pahat</p> <p>Kontrak bagi kontraktor asal yang telah ditamatkan adalah kontrak Reka & Bina. Terdapat rayuan oleh kontraktor penyiap untuk menukarkan jenis kontrak dari reka & bina kepada konvensional. Namun, selepas beberapa siri perbincangan, kontrak tersebut dikekalkan secara reka & bina.</p> <p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <p>Bagi mempercepatkan proses menandatangani dokumen kontrak, KPM telah mengarahkan perunding Ukur Bahan untuk membuat pelarasan harga kontrak sekiranya pihak kontraktor gagal menyelesaikan dalam tempoh 2 bulan.</p>
9.5.2.2	<p>Arahan Perubahan Kerja</p> <p>Perenggan 16.2.8 (d) Garis Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi ke-3 pula menetapkan perubahan kerja tidak boleh diarahkan selepas Tarikh Siap Kerja atau selepas Tarikh Siap Kerja yang dilanjutkan. Perubahan kerja hendaklah dimohon dan diluluskan dalam tempoh kontrak. Sehingga bulan Oktober 2013 sebanyak 20 APK telah dikeluarkan berjumlah RM4.52 juta. Adalah didapati Kontraktor bagi 2 projek pembinaan SMS Banting dan SMAP Bentong yang melibatkan 4 APK (20%) bernilai RM2.20 juta telah lewat membuat permohonan APK antara 187 hingga 775 hari, manakala KPM pula telah lewat meluluskan 11 APK antara 49 hingga 467 hari selepas projek siap. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada permohonan APK 3 dan APK 4 bagi SMAP Bentong diluluskan atau sebaliknya kerana tiada maklumat dikemukakan dan tempoh permohonan dan kelulusan untuk kesemua 8 APK bagi projek pembinaan SMS Batu Pahat, tarikh permohonan tidak diperolehi.</p> <p>Pada pendapat Audit, permohonan dan kelulusan APK perlu dibuat dengan teratur dalam tempoh yang ditetapkan serta diperakukan dengan segera bagi memuktamadkan kos sebenar projek pembinaan SBP selaras dengan Arahan Perbendaharaan 202 dan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 30 November 2011.</p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>APK No. 7 dan No. 8 bagi projek SMS Banting lewat dipohon disebabkan kelewatan perunding mengemukakan dokumen lengkap seperti butiran arahan perubahan kerja dan Lukisan Pembinaan. APK No.7 diterima dan dibentangkan pada Oktober 2011 manakala APK No. 8 hanya diterima pada Januari 2013.</p> <p>APK No. 8 merupakan Perubahan Kerja untuk Kerja-Kerja Arkitek dan Struktur. APK ini lewat dihantar kerana ia melibatkan kuantiti arahan kerja sebanyak 72 item. Kontraktor telah menghantar sebanyak 88 item arahan kerja berdasarkan perubahan dalam Lukisan Pembinaan dan Perunding Jurukur Bahan mengambil masa yang lama untuk menganalisis kesemua perubahan kerja, menyusun dan menyertakan kesemua dokumen sokongan. Dari 88 item perubahan kerja tambahan yang dituntut oleh Kontraktor, Jurukur Bahan hanya mengesyorkan sebanyak 69 item perubahan kerja tambahan dan 3 item perubahan kerja pengurangan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p> <p><i>Bagi projek pembinaan SMS Banting, APK 7 adalah untuk penukaran jenis cerucuk dari RC Piles kepada Sun Pile dan telah dihantar untuk kelulusan pada 2 November 2009. Bagaimanapun, APK 7 ditangguhkan kelulusan kerana nilainya melebihi RM1 juta dan diluluskan selepas APK1 hingga APK 6 dikeluarkan. APK 8 pula merupakan perubahan kerja untuk Kerja-kerja Arkitek dan Struktur dan kelewatan penghantaran kerana Kontraktor menghantar 88 item arahan kerja berdasarkan perubahan dalam Lukisan Pembinaan. Jurukur Bahan mengambil masa yang lama untuk menganalisis, menyusun dan menyertakan kesemua dokumen sokongan dan mengesyorkan 69 item perubahan kerja tambahan dan 3 item perubahan kerja pengurangan.</i></p> <p><i>Bagi projek pembinaan SMAP Bentong, APK 3 dan permohonan yang dikemukakan pada 9 Januari 2012 dibuat tidak secara rasmi manakala dokumen yang lengkap hanya dikemukakan kepada KPM pada 30 Disember 2013 kerana perunding Civil and Structure perlu mendapatkan ulasan bertulis dari Jabatan Kerja Raya Bentong, Pahang.</i></p>	<p>SMAP Bentong</p> <p>APK No.3 dan 4 telah dikemukakan kepada KPM pada 9 Januari 2012 melalui surat FTA/PR/61/02(233). Walau bagaimanapun, pada waktu itu permohonan tidak dapat dikemukakan secara rasmi kepada KPM kerana menunggu perunding C&S mendapatkan komen secara bertulis dari JKR Bentong. APK yang lengkap hanya dikemukakan ke KPM pada 30 Disember 2013. APK No. 3 dan 4 bagi SMAP Bentong akan dibentangkan untuk kelulusan pada 15 Mei 2014. Kelewatan adalah disebabkan BPP hanya menerima deraf dokumen dan pembetulan oleh perunding. Dokumen APK lengkap hanya diterima pada 30 Dis 2013.</p> <p>Bagi SMS Batu Pahat, tarikh tamat kontrak telah dilanjutkan sehingga 1 Mac 2012. Oleh itu, isu 8 APK lewat untuk SMS Batu Pahat adalah kurang tepat kerana:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. APK 1 - 6 telah diluluskan pada 21 Sep 2011. ii. APK 7 - 8 telah diluluskan pada 2 Feb 2012. <p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bagi mempercepatkan kelulusan, Jawatankuasa APK/KPK/KKS/WPS/PHK telah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap dua minggu. Ini bagi memastikan kelulusan dapat diberikan dalam tempoh kontrak dan kelulusan-kelulusan yang tertangguh bagi projek RMK-9 diberikan keutamaan. ii. YBhg. Datuk Dr. KSU KPM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit KPM pada 2 April 2014 telah mengarahkan satu Manual Prosedur Kerja Standard untuk dipatuhi dalam semua peringkat bermula daripada proses permohonan oleh kontraktor sehingga sijil Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dikeluarkan untuk dipatuhi oleh semua pihak. iii. Bagi memastikan perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit tidak berulang, BPP telah mengeluarkan surat peringatan kepada perunding untuk tidak mengeluarkan arahan bagi melaksanakan kerja sebelum kelulusan diperolehi. iv. YBhg. Datuk Dr. KSU KPM dalam Mesyuarat <i>Pre-Exit Conference</i>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>pada 29 April 2014 telah memutuskan dan membuat ketetapan bahawa bagi projek yang sedang berjalan, sebarang permohonan APK perlu dikemukakan sebelum CPC dikeluarkan dan sebarang permohonan selepas CPC dikeluarkan tidak akan dilayan.</p> <p>v. Sebagai langkah penambahbaikan, surat pekeliling mengenai pelaksanaan APK telah dikeluarkan oleh BPP supaya APK yang diluluskan sahaja boleh dilaksanakan di tapak No. Ruj. KP(BPP)T/78/367 Jilid 8 (12) bertarikh 10 April 2014.</p>
<p>9.5.2.3</p>	<p>Sijil Lanjutan Masa</p> <p>Kontraktor hendaklah mengemukakan Notis Permohonan Sijil Lanjutan Masa [Extension Of Time (EOT)] secara bertulis kepada Pegawai Penguasa sekiranya projek dijangka akan lewat disiapkan berdasarkan laporan kemajuan bulanan dan peratus siap kerja pada mesyuarat tapak terakhir sebelum tarikh projek sepatutnya disiapkan. KPM pula perlu meluluskan permohonan EOT sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan di dalam kontrak. Semakan Audit mendapati 6 EOT telah diberikan kepada Kontraktor yang mana terdapat 2 kes kelewatan permohonan EOT selama 54 hingga 144 hari; permohonan EOT 1 oleh Kontraktor GLR Builders Sdn. Bhd. tiada tarikh permohonan dicatat; dan kelewatan KPM dalam meluluskan permohonan di antara 111 hingga 196 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kontraktor perlu memohon EOT lebih awal sebelum tarikh siap asal/baru kontrak dan pihak KPM perlu membuat keputusan untuk meluluskan atau menolak di dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p> <p><i>Bagi projek pembinaan SMS Batu Pahat, kelewatan permohonan EOT disebabkan kegagalan Kontraktor penyiap mengemukakan EOT lebih awal dengan dokumen yang lengkap. Penilaian terhadap permohonan dan pengesyoran tempoh EOT dilakukan oleh pihak perunding sebaik permohonan diterima. Permohonan EOT akan disemak oleh pihak perunding dan BPP akan meneliti semula setiap permohonan berdasarkan dokumen sokongan yang diperlukan. Sekiranya tidak lengkap, permohonan akan ditangguhkan supaya dokumen tambahan dikemukakan bagi memastikan setiap EOT yang diluluskan adalah adil kepada Kontraktor dan tidak menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian.</i></p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>Projek SMS Batu Pahat adalah merupakan projek Reka & Bina dan tanggung jawab mengemukakan permohonan Lanjutan Masa (EOT) terletak pada kontraktor (GLR). GLR telah menerima nasihat daripada NRY Architect (perunding kontraktor) agar mengemukakan permohonan seawal 13/3/2009 melalui surat ruj: 23202/GLRSB/033. Permohonan EOT daripada kontraktor dikemukakan terus kepada KPM dan sebarang kelewatan adalah di bawah tanggung jawab kontraktor. Kelewatan di dalam penilaian permohonan adalah disebabkan kegagalan kontraktor melampirkan dokumen sokongan lengkap bagi permohonan mereka. Permohonan EOT No. 3 telah dikemukakan oleh Kontraktor pada 23/3/2012.</p> <p>BPP sememangnya teliti dalam mempertimbangkan permohonan EOT. Setiap permohonan tersebut diteliti berdasarkan dokumen-dokumen sokongan yang disertakan. Oleh itu, sekiranya dokumen sokongan tidak lengkap, permohonan ini terpaksa ditangguhkan untuk dokumen tambahan dikemukakan bagi memastikan setiap EOT yang diluluskan adalah adil kepada kontraktor dan dalam masa yang sama tidak menyebabkan kerajaan mengalami kerugian. Selain itu, permohonan EOT yang dikemukakan perlu melalui dua (2) peringkat jawatankuasa. Permohonan yang lengkap akan dibawa ke Jawatankuasa Pra-EOT terlebih dahulu. Dalam jawatankuasa ini, pihak kontraktor dan perunding perlu menerangkan justifikasi bagi setiap permohonan beserta dengan semua dokumen sokongan yang berkaitan. Jawatankuasa ini akan membuat pengesyoran kepada Jawatankuasa EOT yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p>BPP telah menyediakan satu Manual Prosedur Kerja Standard untuk dipatuhi dalam semua peringkat bermula daripada proses permohonan oleh kontraktor sehingga sijil kelulusan EOT dikeluarkan untuk dipatuhi oleh semua pihak.</p>	<p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <p>i. Bagi mempercepatkan kelulusan, YBhg. Datuk Dr. KSU KPM dalam Mesyuarat Jawatankuasa EOT pada 18 November 2013 telah membenarkan semua Pegawai Penguasa dibenarkan untuk menguruskan Jawatankuasa EOT berbanding yang dilaksanakan sebelum ini iaitu hanya dipengerusikan oleh KSU samada projek besar, sederhana atau kecil.</p> <p>ii. YBhg. Datuk Dr. KSU KPM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit KPM pada 2 April 2014 telah mengarahkan satu Manual Prosedur Kerja Standard untuk dipatuhi dalam semua peringkat bermula daripada proses permohonan oleh kontraktor sehingga sijil kelulusan EOT dikeluarkan untuk dipatuhi oleh semua pihak. Manual Prosedur Kerja Standard tersebut telah disediakan oleh BPP.</p> <p>iii. YBhg. Datuk Dr. KSU KPM dalam Mesyuarat <i>Pre-Exit Conference</i> pada 29 April 2014 telah memutuskan dan membuat ketetapan bahawa sebarang permohonan EOT perlu dipohon sebelum CPC dikeluarkan dan proses kelulusan hendaklah dibuat dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selepas CPC dikeluarkan.</p>
9.5.2.4	<p>Penyerahan Projek Siap</p> <p>Perakuan Siap Kerja [<i>Certificate of Practical Completion (CPC)</i>] akan dikeluarkan oleh KPM kepada Kontraktor apabila kerja telah siap sepenuhnya dan bangunan boleh digunakan dan diduduki serta telah memenuhi syarat sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam kontrak. Selaras dengan syarat kontrak, Kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis yang menyatakan bahawa kerja di tapak telah selesai disiapkan dengan sempurna kepada Pegawai Penguasa. Pegawai Penguasa juga hendaklah dalam tempoh 14 hari mengadakan pemeriksaan bersama Kontraktor sebelum memperakukannya.</p> <p>Semakan Audit mendapati, KPM telah mengambil milik projek sebaik sahaja projek siap dan diserahkan oleh Kontraktor bagi projek pembinaan SMS Banting dan SMS Batu Pahat. Bagaimanapun, bagi projek pembinaan SMAP Bentong, KPM lewat 131 hari mengambil milik projek selepas siap pembinaan pada 6 Julai 2011 yang hanya diambil alih pada 14 November 2011. Ini menyebabkan tempoh diduduki oleh pengguna sepanjang tempoh tanggungan kecacatan [<i>Defect Liability Period (DLP)</i>] yang layak sebanyak</p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>Sebelum sesebuah projek diambil milik, BPP sentiasa memastikan semua perunding bagi setiap disiplin yang terlibat telah membuat pengesyoran bahawa semua skop kerja yang terdapat dalam kontrak telah disiapkan dengan sempurna dan menepati kualiti yang ditetapkan. Ini bagi memastikan liabiliti terhadap projek tersebut ditanggung sepenuhnya oleh perunding. Selain daripada itu, BPP turut memastikan bahawa kelulusan daripada Bomba diperolehi terlebih dahulu bagi menjamin keselamatan pengguna.</p> <p>Bagi kelewatan yang dialami oleh projek SMAP Bentong adalah disebabkan kelewatan menerima pengesyoran daripada perunding Arkitek disebabkan pertikaian berkaitan yuran perunding sehingga menyebabkan perunding tersebut enggan mengesyorkan pengeluaran CPC.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>731 hari telah berkurangan sebanyak 131 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan KPM mengambil milik projek menyebabkan tempoh bagi mengesan dan membaiki kecacatan yang timbul dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan menjadi semakin singkat.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014</p> <p><i>Kelewatan yang dialami oleh projek SMAP Bentong adalah disebabkan kelewatan menerima pengesyoran daripada perunding Arkitek disebabkan pertikaian berkaitan yuran perunding sehingga menyebabkan perunding tersebut enggan mengesyorkan pengeluaran CPC.</i></p>	<p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <p>KPM sentiasa memastikan projek yang telah siap diserahkan dengan segera kepada pihak sekolah.</p>
<p>9.5.2.5</p>	<p>Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan</p> <p>Dokumentasi yang melibatkan borang-borang berkenaan penyerahan projek dan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (<i>Certificate of Completion and Compliance</i>) perlu disediakan dan dikemukakan kepada KPM selewat-lewatnya dalam tempoh 3 bulan selepas penyerahan projek. Semakan Audit terhadap 3 projek pembinaan SBP mendapati ketiga-tiga projek telah siap dan diserahkan kepada KPM iaitu masing-masing pada 24 November 2010 bagi SMS Banting, 6 Julai 2011 bagi SMAP Bentong dan 1 Mac 2012 bagi SMS Batu Pahat tetapi projek tersebut masih belum mendapat CCC walaupun KPM telah mengeluarkan peringatan kepada semua Perunding terlibat.</p> <p>Pada pendapat Audit, KPM hendaklah memantau Perunding supaya CCC diperakui untuk kesemua SBP bagi mematuhi Seksyen 70(27)(f) Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133) iaitu menduduki atau membenarkan untuk diduduki apa-apa bangunan atau apa-apa bahagiannya tanpa suatu perakuan siap dan pematuhan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p> <p><i>BPP menyedari bahawa ketiga-tiga sekolah SBP mengalami masalah dalam mendapatkan CCC disebabkan pihak perunding perlu melengkapkan borang-borang wajib (Borang G1-G21) sebelum mendapatkan pengesahan daripada agensi berkaitan. BPP telah mengambil beberapa inisiatif bagi</i></p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>BPP menyedari bahawa ketiga-tiga sekolah ini mengalami masalah dalam mendapatkan CCC. Masalah ini disebabkan pihak perunding perlu melengkapkan borang-borang wajib (Borang G1-G21) melalui pengesahan daripada agensi-agensi berkaitan. Menyedari masalah ini BPP telah mengambil beberapa inisiatif bagi membantu perunding seperti mengadakan mesyuarat penyelarasan dan mengemukakan surat kepada agensi berkaitan bagi mendapatkan pengesahan segera dan usaha ini dilakukan secara berterusan sehingga masalah selesai. Perincian masalah mendapatkan CCC ini mengikut sekolah adalah seperti berikut:-</p> <p>SMAP Bentong</p> <p>Borang G1 - G21 (CCC) telah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Bentong pada 08/07/2013. Walau bagaimanapun, masih terdapat borang-borang G1-G21 yang tidak diisi dengan lengkap oleh kontraktor yang menyebabkan pihak Majlis menolak CCC yang telah disediakan oleh Arkitek. Sehubungan dengan itu, pihak perunding arkitek telah diarahkan melengkapkan borang-borang yang masih tidak lengkap selewat-lewatnya sehingga 15.5.2014, tertakluk kepada kerjasama daripada pihak kontraktor dan perunding C&S.</p> <p>Pada masa ini perunding arkitek sedang menyelaraskan perkara-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>membantu perunding seperti mengadakan mesyuarat penyelarasan dan mengemukakan surat kepada agensi berkaitan bagi mendapatkan pengesahan segera dan usaha dilakukan secara berterusan sehingga masalah selesai.</i></p> <p><i>Bagi projek pembinaan SMS Banting, JKR Kuala Langat telah mengarahkan kerja-kerja pembinaan persimpangan jalan keluar masuk (junction treatment) ke tapak dilebarkan semasa pelaksanaan projek pada tahun 2009. Memandangkan terdapat lebih peruntukan, BPP kini sedang dalam proses bagi melantik Kontraktor baru melalui kontrak berasingan bagi melaksanakan kerja-kerja rawatan persimpangan. Kontraktor tersebut dapat dilantik sebelum 30 Jun 2014 dan kerja-kerja dijangka siap dalam tempoh 6 bulan. Bagi projek pembinaan SMAP Bentong, Borang G1-G21 (CCC) telah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Bentong pada 8 Julai 2013, bagaimanapun terdapat borang yang tidak diisi dengan lengkap oleh Kontraktor menyebabkan pihak Majlis menolak CCC yang telah disediakan oleh perunding arkitek. Bagi projek pembinaan SMS Batu Pahat, kelulusan borang G14 serta G15 (IWK), G19 (JPS) dan G20 (TM) masih belum diperolehi. Berdasarkan mesyuarat pemeriksaan akhir pada 27 Februari 2014, Kontraktor telah membaiki kecacatan pada loji rawatan kumbahan [Sewerage Treatment Plant (STP)] dan pemeriksaan IWK akan dijalankan selewat-lewatnya pada 1 Mei 2014, manakala pihak ketiga telahpun selesai melaksanakan kerja berkaitan urusan Telekom.</i></p>	<p>perkara yang berkaitan dengan semua perunding dan kontraktor. Sekiranya tindakan ini gagal, BPP akan mendapatkan nasihat PUU untuk menyelesaikan isu ini melalui tindakan undang-undang.</p> <p>SMS Batu Pahat</p> <p>CCC masih tidak dikeluarkan kerana kelulusan bagi borang G14 dan G15 (IWK), G19 (JPS) dan G20 (TM) masih belum diperolehi. Berdasarkan kepada mesyuarat pemeriksaan akhir pada 27 Februari 2014, kontraktor telahpun membaiki kecacatan yang berlaku pada STP dan pemeriksaan IWK akan dijalankan selewat-lewatnya 2 Mei 2014. Berkaitan dengan Telekom, pihak ketiga telahpun selesai melaksanakan kerja-kerja tersebut dan pemeriksaan oleh pihak Telekom akan dijalankan pada 30 April 2014. Manakala surat sokongan daripada JPS dan MPBP sedang diuruskan oleh pihak perunding dan dijangka selesai selewat-lewatnya 30 Mei 2014.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) 23402/KPM/043 bertarikh 6/3/13 dan 23402/KPM/044 bertarikh 10/4/13; 2) Jadual semakan CCC yang telah dikemaskini. <p>SMS Banting</p> <p>Menurut surat daripada JKR Kuala Langat bertarikh 30 September 2009 JKR mengarahkan supaya jalan masuk ke tapak dilebarkan. Jurukur Bahan telah mengemukakan anggaran kos rawatan persimpangan kepada KPM dalam Mesyuarat Penyelarasan Projek pada 24 Januari 2011. KPM bercadang menyerahkan pelaksanaan rawatan persimpangan itu kepada JKR dan C&S telah kemukakan draf surat itu kepada KPM. Namun, perkara ini masih belum selesai disebabkan kekangan peruntukan yang dihadapi.</p> <p>Memandangkan terdapat lebih peruntukan, BPP kini sedang dalam proses bagi melantik kontraktor baru melalui kontrak berasingan bagi melaksanakan kerja-kerja rawatan persimpangan tersebut. Kontraktor tersebut dapat dilantik sebelum 30 Jun 2014 dan kerja-kerja dijangka siap dalam tempoh 6 bulan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <p>KPM sentiasa memastikan bahawa semua projek yang dimulakan telah mempunyai Kebenaran Merancang (KM) bagi memastikan semua kehendak PBT/ Agensi teknikal telah dimasukkan di dalam skop kontrak. YBhg. Datuk Dr. KSU KPM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit Bil.2/2014 pada 8 April 2014 telah memutuskan bahawa Surat Setuju Terima hanya dikeluarkan selepas KM diperolehi.</p> <p>TARIKH/ TEMPOH JANGKAAN SELESAI</p> <p>SMS Batu Pahat : 30 Mei 2014 SMS Banting : 30 Jun 2014 SMAP Bentong : 30 Mei 2014</p>
9.5.2.6	<p>Perakuan Siap Membaiki Kecacatan</p> <p>Kerja pembinaan yang kurang memuaskan, kecacatan atau mutu kerja yang tidak menepati kontrak/spesifikasi kerja hendaklah dikenal pasti dan dimaklumkan kepada Kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan. Semakan Audit mendapati tempoh tanggungan kecacatan bagi ketiga-tiga projek telah pun tamat iaitu SMS Banting pada 24 Februari 2012, SMAP Bentong pada 6 Julai 2013 dan SMS Batu Pahat pada 1 Mac 2014. Bagi projek pembinaan SMS Banting, KPM telah mengeluarkan <i>Certificate Of Making Good Defects (CMGD)</i> kepada Kontraktor pada 20 November 2012. Bagaimanapun, CMGD bagi projek pembinaan SMAP Bentong dan SMS Batu Pahat, belum dikeluarkan oleh KPM.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan dan penyeliaan terhadap kerja-kerja pembaikan dalam tempoh DLP oleh Kontraktor perlu dilaksanakan dengan rapi dan laporan status pembaikan kecacatan perlu disemak oleh Perunding serta disusul sehingga selesai sebelum KPM mengeluarkan CMGD.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p> <p><i>Bagi projek pembinaan SMAP Bentong, CMGD belum dikeluarkan kerana pihak Kontraktor tidak melaksanakan kerja pembaikan kecacatan dengan sempurna semasa dalam tempoh DLP walaupun perunding arkitek telah memberi amaran secara lisan dan bertulis. KPM telah memberi notis peringatan kepada Kontraktor pada 28 Januari 2014 untuk melaksanakan kerja pembaikan. Bagaimanapun, Kontraktor masih gagal melaksanakannya</i></p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>SMAP Bentong</p> <p>CMGD untuk projek ini masih belum dikeluarkan kerana pihak kontraktor tidak melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecacatan dengan sempurna semasa dalam tempoh DLP. Pihak perunding Arkitek telah memberi amaran secara lisan dan bertulis tentang Pembaikan Kecacatan, tidak termasuk senarai kecacatan yang dikeluarkan oleh pihak Sekolah dan pihak Audit Negara.</p> <p>Sehingga kini pihak Kontraktor masih belum membuat pembaikan. KPM telah mengeluarkan notis bagi perlantikan pihak ketiga. Kos yang terlibat akan ditolak daripada bon pelaksanaan atau baki bayaran muktamad kontraktor. Pelaksanaan ini akan melibatkan kontraktor yang dilantik oleh JPN Pahang dan JKR.</p> <p>SMS Batu Pahat</p> <p>Sepanjang tempoh tanggungan kecacatan, perunding telah mengadakan mesyuarat serta mengeluarkan notis kepada kontraktor bagi memperbaiki kesemua kecacatan yang berlaku. Memandangkan tempoh kecacatan tamat pada 1 Mac 2014, satu lawatan bersama telah diadakan pada 27 Februari 2014 bagi mengenalpasti baki-baki kecacatan yang memerlukan pembaikan. Hasilnya, satu Senarai</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dan KPM telah mengeluarkan notis bagi pelantikan pihak ketiga bagi menjalankan kerja-kerja kecacatan.</p> <p>Sementara itu, bagi projek pembinaan SMS Batu Pahat, sepanjang tempoh tanggungan kecacatan pihak perunding telah mengadakan mesyuarat serta mengeluarkan notis kepada Kontraktor bagi memperbaiki kesemua kecacatan. Lawatan bersama telah diadakan pada 27 Februari 2014 dan Senarai Kecacatan Akhir telah dikeluarkan oleh perunding arkitek melalui surat bertarikh 4 Mac 2014 dan Kontraktor perlu membuat pembaikan dalam tempoh 3 bulan.</p>	<p>Kecacatan Akhir telah dikeluarkan pada 4 Mac 2014 dan kontraktor perlu membuat pembaikan dalam tempoh tiga (3) bulan.</p> <p>TARIKH/ TEMPOH JANGKAAN SELESAI</p> <p>SMS Batu Pahat : 3 Jun 2014 SMAP Bentong : 30 Mei 2014 (JPN Pahang) 30 Jun 2014 (JKR)</p>
<p>9.5.2.7</p>	<p>Lukisan Siap Bina</p> <p>Lukisan Siap Bina (<i>As Built Drawing</i>) hendaklah disediakan oleh Kontraktor dan dikemukakan kepada KPM satu set berserta dokumen asal dan salinan Lukisan Siap Bina dalam masa satu bulan selepas tarikh pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja. Mengikut semakan Audit dan maklum balas, KPM hanya menerima Lukisan Siap Bina bagi projek pembinaan SMAP Bentong pada 20 Mei 2013 dan bagi projek pembinaan SMS Batu Pahat pada 28 Ogos 2013 dengan kelewatan 651 dan 512 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kontraktor mesti mengemukakan Lukisan Siap Bina kepada KPM serta salinan kepada pihak yang berkenaan. Tanpa Lukisan Siap Bina, KPM tidak dapat menentukan binaan sebenar dan perubahan yang dilakukan pada pelan asal serta menyukarkan kerja penyenggaraan dan apabila berlaku kecemasan seperti kebakaran.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014</p> <p><i>Bagi projek pembinaan SMAP Bentong, kelewatan mengemukakan Lukisan Siap Bina disebabkan perunding arkitek enggan mengesahkan lukisan kerana isu tuntutan yuran tambahan dengan Kontraktor. Disebabkan perunding dilantik oleh Kontraktor, perkara tersebut diselesaikan tanpa perlu melibatkan KPM. Bagaimanapun, kedua-dua pihak gagal menyelesaikan isu pembayaran tersebut dan KPM melalui surat bertarikh 27 Mac 2014 telah mengarahkan perunding arkitek menyediakan Lukisan Siap Bina bagi kerja-kerja di bawah skop arkitek.</i></p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>BPP akan memastikan setiap kontraktor menyerahkan <i>As Built Drawing</i> dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan yang dibuat bagi memastikan <i>As Built Drawing</i> ini diserahkan adalah melalui mesyuarat-mesyuarat penyelarasan berkala dan surat peringatan kepada pihak kontraktor. Perincian isu penyerahan <i>As Built Drawing</i> bagi projek yang terlibat adalah seperti berikut:-</p> <p>SMS Banting</p> <p>Kontraktor sedang dalam proses menyediakan Dokumen Penyerahan yang lengkap kepada KPM. Semua dokumen untuk Dokumen Penyerahan yang merangkumi <i>As Built Drawing</i>, <i>Warranty</i> dan Manual Pengguna akan diserahkan kepada KPM sebelum atau pada 15 Mei 2014. Sekiranya kontraktor masih gagal menyerahkan kesemua dokumen tersebut, proses penutupan akaun kontraktor tidak akan dibuat.</p> <p>SMAP Bentong</p> <p>Kelewatan mengemukakan <i>As Built Drawing</i> adalah berpunca daripada keengganan perunding arkitek untuk mengesahkan lukisan tersebut kerana perunding arkitek menuntut yuran tambahan. Memandangkan isu ini melibatkan masalah dalaman antara perunding dan kontraktor, BPP akan terus melaksanakan tindakan sewajarnya bagi memastikan isu ini diselesaikan segera. Sekiranya usaha ini gagal, BPP akan mengambil tindakan berdasarkan peraturan kontrak sedia ada.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Namun, disebabkan kegagalan selepas tempoh yang diberikan, KPM telah mengarahkan perunding arkitek pada 27 Mac 2014 untuk menyediakan <i>As Built Drawing</i> tersebut dan pembayaran kepada perunding arkitek dibuat terus oleh KPM melalui potongan daripada kontrak kontraktor.</p> <p>TARIKH/ TEMPOH JANGKAAN SELESAI</p> <p>SMS Banting : 15 Mei 2014 SMAP Bentong : 30 Mei 2014</p>
<p>9.5.2.8.a</p>	<p>Pengurusan Dokumen Kontrak Dan Dokumen-dokumen Lain</p> <p>Dokumen utama yang perlu disemak oleh pihak Audit antaranya kontrak perjanjian, perjanjian antara Kerajaan dengan Perunding (projek konvensional), Lukisan Siap Bina, laporan kemajuan projek, fail projek, waran peruntukan, baucar bayaran dan dokumen berkaitan permohonan dan kelulusan EOT dan APK. Dokumen tersebut adalah penting bagi menentukan sama ada pelaksanaan kerja sebenar dan bayaran adalah berdasarkan kelulusan dan mengikut skop/syarat/spesifikasi yang telah ditetapkan serta dilaksanakan mengikut tempoh yang telah dipersetujui.</p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>BPP komited untuk membantu proses pengauditan yang dijalankan oleh pihak Audit. Namun begitu, pegawai-pegawai yang menguruskan projek perlu mengumpulkan dokumen yang relevan untuk dikemukakan kepada pihak Audit. Selain daripada itu, pegawai-pegawai juga perlu mengadakan mesyuarat dan sesi perbincangan dengan pihak perunding serta mengadakan lawatan ke sekolah bagi memastikan maklumat dan dokumen adalah lengkap, kemaskini dan berintegriti.</p>
<p>9.5.2.8.b</p>	<p>Permohonan dokumen dan maklumat berkaitan projek telah dibuat bermula awal bulan April 2013 melalui surat yang menetapkan tempoh yang perlu dikemukakan kepada pihak Audit dalam tempoh satu bulan. Selain itu, pihak Audit juga ada menghantar peringatan dan susulan melalui emel dan secara lisan dari semasa ke semasa kepada Setiausaha, Bahagian Pembangunan Pelajaran, KPM. Bagaimanapun, sehingga selesai pengauditan, beberapa dokumen dan maklumat utama projek ini tidak diperolehi. Ketiadaan dokumen dan maklumat berkaitan menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan dan mengesahkan sama ada kerja yang dilaksanakan mengikut reka bentuk dan spesifikasi.</p>	<p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <p>BPP sedar bahawa sistem pengurusan dokumen sedia ada perlu diperkemas lagi supaya urusan penyimpanan dan pencarian dokumen boleh dilakukan dengan lebih efisien. Walau bagaimanapun, usaha ini memakan sedikit masa disebabkan kekangan ruang penyimpanan dan juga sumber. Namun begitu, sebagai langkah jangka masa pendek BPP telah menyediakan rak-rak tambahan di ruang sedia ada bagi menyimpan dan menandakan dokumen tersebut.</p>
<p>9.5.2.8.c</p>	<p>Dokumen kontrak perlu direkodkan dan disimpan dengan teratur supaya ianya mudah dikesan dan dirujuk oleh pihak yang memerlukan. Pemeriksaan Audit ke Unit Teknikal, BPP pada 27 Januari 2014 mendapati Unit ini telah disediakan rak dan almari untuk menempatkan dokumen kontrak tetapi dokumen berkenaan tidak direkod dan diindekskan. Ketiadaan rekod/data dokumen yang sempurna menyukarkan pengesanan dan membawa kepada risiko kehilangan dokumen-dokumen penting ini. Unit ini juga masih memerlukan ruang/perabot bagi menempatkan dokumen kontrak yang banyak diterima dari semasa ke semasa.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pengurusan dokumen kontrak projek pembinaan SBP berkenaan penyimpanan, penempatan, perekodan dan perolehan dokumen daripada Perunding adalah kurang cekap dan kurang teratur menyebabkan pihak KPM tidak dapat mengemukakan dengan lengkap semua dokumen yang dikehendaki dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dan sehingga pengauditan selesai dilaksanakan.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p> <p><i>BPP memaklumkan, pegawainya memerlukan masa yang panjang untuk mengumpulkan dokumen-dokumen untuk dikemukakan kepada pihak Audit. Selain daripada itu, pegawainya juga perlu mengadakan mesyuarat dan sesi perbincangan dengan pihak perunding serta mengadakan lawatan ke sekolah bagi memastikan maklumat dan dokumen adalah lengkap, kemaskini dan berintegriti. BPP juga mengakui bahawa sistem pengurusan dokumen sedia ada perlu diperkemaskan lagi supaya urusan penyimpanan dan pencarian dokumen boleh dilakukan dengan lebih efisien, namun usaha ini memerlukan masa disebabkan ruang penyimpanan dan juga sumber. Sebagai langkah jangka masa pendek, BPP telah menyediakan rak-rak tambahan di ruang sedia ada bagi menyimpan fail dan menandakan dokumen tersebut.</i></p>	 <p>Almari/ Rak baru yang telah dibekalkan dan siap dipasang di Seksyen Teknikal bagi tujuan penyimpanan dokumen kontrak dan dokumen perjanjian perunding.</p>  <p>Almari/ Rak sedia ada yang telah diselenggara dan diindeks dengan tepat.</p>
<p>9.5.3.1</p>	<p>Kualiti Pembinaan - Reka Bentuk Projek / Spesifikasi Kerja Kurang Lengkap/Sesuai</p> <p>Reka bentuk projek dan spesifikasinya perlu mengambil kira kehendak pemilik, kesesuaian lokasi dan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan bagi memastikan sesi Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) yang kondusif, keselesaan pengguna, menjamin keselamatan pengguna dan aset Kerajaan serta ketahanan mengikut tempoh yang boleh diterima umum. Semakan Audit mendapati beberapa reka bentuk projek kurang sesuai serta pelaksanaan kerja tidak mengikut spesifikasi kontrak.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelemahan yang terdapat pada reka bentuk bagi projek pembinaan SBP telah menjejaskan keselesaan pengguna dan menandatangani risiko kecederaan, keselamatan dan kecurian.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>i. Laluan Masuk ke Padang (SMAP Bentong)</p> <p>Rekabentuk asal projek ini tidak menyediakan skop jalan kerana tiada keperluan pada masa itu memandangkan jalan masuk ke padang bola sepak adalah sama dengan jalan masuk ke STP. Oleh kerana terdapat syarat daripada IWK yang mengkehendaki STP dipagarkan, ia telah menyebabkan laluan kenderaan ke padang tersekat. Sebagai langkah penyelesaian, pihak perunding Arkitek mencadangkan supaya dibuat jalan masuk ke padang berhampiran pintu masuk utama sekolah untuk kegunaan penyelenggaraan.</p> <p>ii. Awning, Longkang dan Cermin Muka (SMS Batu Pahat)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Rekabentuk asal projek tidak menyediakan skop jalan kerana tiada keperluan pada masa itu memandangkan jalan masuk ke padang bola sepak adalah sama dengan jalan masuk ke STP. Oleh kerana terdapat syarat daripada IWK yang menghendaki STP dipagarkan, ia telah menyebabkan laluan kenderaan ke padang tersekat. Sebagai langkah penyelesaian, pihak perunding Arkitek mencadangkan supaya dibuat jalan masuk ke padang berhampiran pintu masuk utama sekolah untuk kegunaan penyelenggaraan.</i> • <i>perunding arkitek telah mengeluarkan lukisan pembinaan bagi susur gajah yang menunjukkan keperluan pembinaan longkang dan terdapat bukti penerimaan oleh Kontraktor. Kontraktor perlu membina longkang tersebut dan sebahagian daripada senarai kecacatan yang dikeluarkan;</i> • <i>pemasangan cermin muka termasuk dalam lukisan pembinaan bagi tandas. Oleh itu, kontraktor perlu memasang cermin muka tersebut dan perkara ini sebahagian daripada senarai kecacatan yang dikeluarkan;</i> • <i>pagar yang dibina di SMAP Bentong oleh Kontraktor tidak mengikut spesifikasi lukisan asal iaitu 1.8 meter tinggi. Pagar yang dipasang adalah 1.5 meter tinggi. Amaun RM114,752 merupakan amaun bagi keseluruhan skop fencing gate and boundray. Perunding memaklumkan, memandangkan keperluan yang mendesak untuk pembukaan sekolah tersebut, KPM telah bersetuju agar ia dimasukkan sebagai senarai kecacatan semasa projek diserahkan; dan</i> • <i>pembaikan pintu gelangsar di surau telah dilaksanakan oleh pihak ketiga dan berdasarkan lawatan KPM pada 27 Februari 2014 ianya telah diperbaiki.</i> 	<p>Lokasi <i>awning</i> yang dimaksudkan adalah merupakan kawasan terbuka “<i>semi-outdoor</i>” dengan ruang bukaan yang agak besar bagi menggalakkan pengedaran udara yang baik. Pemasangan ‘<i>awning</i>’ atau ‘<i>lean-to-roof</i>’ di lokasi tersebut amat tidak sesuai kerana tidak menepati ciri senibina bangunan dan akan menjejaskan rekabentuk fasad utama Bangunan Pentadbiran. Amat sukar untuk mengelakkan sama sekali tempias hujan dari memasuki ruang tersebut walaupun dipasang ‘<i>louvres</i>’ di bahagian atas bukaan. Cadangan penanaman pokok lanskap di sekitar kawasan terbabit dapat mengurangkan masalah tempias ketika hujan lebat.</p> <p>Terdapat konflik dalaman di antara kontraktor dan perundingnya dalam penyediaan longkang dan pemasangan cermin muka dan sebagai langkah penyelesaian, kontraktor telah diarahkan untuk membina longkang dan memasang cermin muka tersebut dan perkara ini adalah sebahagian daripada senarai kecacatan yang dikeluarkan.</p> <p>iii. Ampaian (SMAP Bentong)</p> <p>Semasa memuktamadkan rekabentuk, diputuskan bahawa kemudahan ampaian tidak diperlukan kerana asrama akan dibekalkan mesin basuh dan alat pengering (<i>coin operated washing machine</i>). Justeru, kemudahan ampaian tidak dimasukkan dalam rekabentuk asal. Walau bagaimanapun, semasa projek sedang berjalan dan atas arahan perunding arkitek, pihak kontraktor telah membina kemudahan ampaian. Namun begitu, kemudahan yang disediakan tidak mengikut spesifikasi. Perunding Arkitek kemudiannya telah mengambil tindakan susulan dengan menyediakan lukisan ampaian yang baru untuk diikuti namun tidak dipatuhi oleh kontraktor.</p> <p>iv. Pagar (SMAP Bentong)</p> <p>Berdasarkan teguran audit, pagar yang dibina oleh pihak kontraktor didapati tidak mengikut spesifikasi. Walau bagaimanapun, bayaran sebanyak RM114,752 telah dibuat berdasarkan keseluruhan skop <i>fencing gate and boundary</i>. Oleh kerana keperluan yang mendesak untuk pembukaan sekolah tersebut, KPM telah bersetuju agar ia dimasukkan sebagai sebahagian Senarai Kecacatan semasa projek diserahkan.</p> <p>Namun, memandangkan kerja tersebut tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi sepanjang tempoh tanggungan kecacatan (DLP), maka skop</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>pembaikan pagar ini telah dimasukkan dalam kerja-kerja pembaikan kecacatan yang akan dilaksanakan melalui pihak ketiga. Segala perbelanjaan yang terlibat akan dipotong daripada Bon Pelaksanaan kontraktor dan KPM akan menyelaraskan semula amaun tersebut dalam akaun muktamad.</p> <p>v. Pintu Gelangsar (SMS Batu Pahat)</p> <p>KPM telah mengambil tindakan dengan melantik pihak ketiga disebabkan kegagalan kontraktor memperbaiki beberapa kecacatan dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP). Segala kecacatan dan kualiti kerja yang kurang memuaskan telah diselesaikan oleh pihak ketiga dengan kos keseluruhan sebanyak RM376,672.00.</p> <p>TARIKH/ TEMPOH JANGKAAN SELESAI</p> <p>SMAP Bentong : 30 Mei 2014 SMS Batu Pahat : 3 Jun 2014</p>
9.5.3.2	<p>Kerja Elektrikal Dan Mekanikal Tidak Dilaksanakan / Diselesaikan Dengan Sempurna</p> <p>Kerja elektrikal dan mekanikal perlu dilaksanakan oleh Kontraktor selaras dengan ketetapan kontrak serta mematuhi peraturan dan piawaian yang ditetapkan bagi memastikan pengguna mendapat kemudahan yang terbaik dan tahap keselamatannya terjamin. Pemeriksaan Audit di ketiga-tiga SBP mendapati beberapa kerja pendawaian dan pemasangan kelengkapan elektrik kurang kemas dan teratur.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja elektrikal yang dilaksanakan oleh Kontraktor adalah kurang memuaskan seperti kerja-kerja pemasangan dan pendawaian elektrik. Kecacatan pemasangan punca elektrik boleh mendatangkan risiko kemalangan kepada pengguna.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>Semasa pengauditan dijalankan di SMS Banting, sistem pendawaian belum disambungkan kepada meja workstation kerana ianya belum dibekalkan oleh pembekal yang dilantik berasingan. Selepas meja dan peralatan komputer dibekalkan, pendawaian bagi power outlet telah dilaksanakan oleh pihak sekolah menggunakan peruntukan dari</i> 	<p>1. PENJELASAN AUDITI</p> <p>i. Pendawaian Elektrik Di Makmal Komputer (SMS Banting)</p> <p>Meja-meja dibekalkan oleh pembekal yang dilantik oleh BPSBPSK dan bukannya termasuk di dalam skop kontrak ini. Sehingga projek ini berakhir dan diserahkan kepada KPM, meja-meja masih belum dibekalkan kepada pihak sekolah. Oleh yang demikian, kontraktor tidak dapat memasang <i>Power Outlet</i> dan terpaksa meninggalkan kabel yang panjang di lantai. Kabel itu tidak dipotong supaya ia sampai ke aras permukaan meja. Pengurangan/penyelarasan harga akan dibuat kepada harga kontrak muktamad kelak.</p> <p>Semasa pengauditan dijalankan, kerja pendawaian belum disambungkan kepada meja-meja <i>workstation</i>. Walau bagaimanapun, kerja pendawaian telah disempurnakan sebaik sahaja meja-meja dibekalkan.</p> <p>ii. Kerja Elektrik Kurang Memuaskan/Selamat (SMAP Bentong)</p> <p>Kecacatan/kerosakan pada pemasangan soket telah dimasukkan ke</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>BPSBPSK;</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Kecacatan dan kerosakan pada pemasangan soket di SMAP Bentong telah dimasukkan ke dalam senarai kecacatan yang sepatutnya diperbaiki oleh Kontraktor sebelum CMGD dikeluarkan. Bagaimanapun, Kontraktor gagal melaksanakannya dan KPM bersetuju melantik Jabatan Kerja Raya Pahang (Cawangan Kejuruteraan Elektrik) memperbaiki semua kecacatan berkaitan bidang elektrikal;</i> • <i>Bagi projek Reka Dan Bina, skop kontrak adalah berdasarkan kepada lukisan dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam rekabentuk. Perunding M&E bagi projek SMS Batu Pahat mengesahkan bahawa pembekalan pemasangan pendawaian server tiada dalam skop kontrak asal. Kontraktor hanya perlu menyediakan pendawaian infra sahaja. Rak server juga tiada dalam skop kontrak tetapi telah dibekalkan oleh Kontraktor. Semakan dengan pihak sekolah mendapati tiada lagi keperluan pendawaian server memandangkan sekolah telah menggunakan perkhidmatan 1BestariNet. Pemasangan wayar menyambungkan LCD projektor dengan komputer telah dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik bagi pembaikan kecacatan kerja elektrik. Pihak JPN mengesahkan kabel bagi LCD projektor telah dipasang pada 7 Mac 2014. Kecacatan/kerosakan pada pemasangan soket telah diselesaikan oleh pihak ketiga yang dilantik dan berdasarkan lawatan pemeriksaan kecacatan akhir yang diadakan pada 27 Februari 2014, pembaikan telah diselesaikan. Ketiadaan suis tidak menjejaskan operasi penggunaan kerana alat kawalan jauh boleh digunakan untuk menghidupkan dan mematikan penghawa dingin tersebut.</i> 	<p>dalam senarai kecacatan yang sepatutnya diperbaiki oleh kontraktor sebelum CMGD dikeluarkan. Namun, disebabkan kegagalan kontraktor KPM telah bersetuju untuk melantik JKR (Cawangan Kejuruteraan Elektrik) bagi memperbaiki semua kecacatan berkaitan bidang elektrikal. BPP telah menurunkan waran peruntukan berjumlah RM325,000.00 kepada pihak JKR pada 16 April 2014.</p> <p>iii. Pendawaian Server, LCD dan Penghawa Dingin (SMS Batu Pahat)</p> <p>Bagi projek Reka dan Bina juga, skop kontrak adalah berdasarkan kepada <i>Need Statement</i> dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam rekabentuk. Perunding M&E telah mengesahkan bahawa pembekalan, pemasangan dan pendawaian server tiada dalam skop kontrak asal. Kontraktor hanya perlu menyediakan pendawaian infra sahaja. Rak server juga tiada dalam skop kontrak tetapi telah dibekalkan oleh kontraktor. Syarikat Dicity (M) Sdn. Bhd. merupakan pembekal yang dilantik bagi membekalkan sub server. Walau bagaimanapun, buat masa kini sekolah telah menggunakan perkhidmatan 1BestariNet.</p> <p>KPM telah mengambil tindakan dengan melantik pihak ketiga disebabkan kegagalan kontraktor memperbaiki beberapa kecacatan yang kritikal dan menyebabkan fungsi penggunaan terganggu walaupun tempoh tanggungan kecacatan (DLP) masih belum tamat. Pemasangan wayar bagi menyambungkan LCD projektor dengan komputer riba telah dilaksanakan oleh Panorama Gemilang Enterprise yang dilantik bagi pembaikan semua kecacatan yang berkaitan kerja-kerja elektrik dengan kos berjumlah RM85,500.00. Pihak JPN Johor mengesahkan kabel bagi LCD projektor telah dipasang pada 7 Mac 2014.</p> <p>Pemasangan suis bagi setiap penghawa dingin di bilik guru dan pusat sumber akan dipasang dalam tempoh pembaikan kecacatan iaitu selewat-lewatnya 3 Jun 2014. Namun demikian, ketiadaan suis ini tidak menjejaskan operasi penggunaan disebabkan pengguna boleh menggunakan alat kawalan jauh bagi menghidupkan dan mematikan penghawa dingin tersebut.</p> <p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <p>Bagi mengatasi kelewatan pembekalan perabot dan peralatan selepas sekolah diserahkan kepada pengguna, BPP telah memasukkan skop</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>bagi membekalkan perabot dan peralatan dalam kontrak kontraktor utama. Perkara ini telah dilaksanakan melibatkan semua pembinaan sekolah baru di bawah RMK-11.</p> <p>TARIKH/ TEMPOH JANGKAAN SELESAI</p> <p>SMS Batu Pahat : 3 Jun 2014</p>
<p>9.5.3.3</p>	<p>Kerja Pembinaan Kurang Berkualiti</p> <p>Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima pakai supaya bangunan dan ruang yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan dan penyeliaan Perunding yang kurang berkesan menyebabkan kerja Kontraktor tidak mematuhi spesifikasi dan piawaian yang ditetapkan. Kerja pembaikan kecacatan dan kerosakan perlu dijalankan segera bagi memastikan masalah ini tidak menjadi semakin serius dan dapat diatasi serta tidak berulang.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Di SMS Banting, Ground Treatment iaitu Prefabricated Vertical Drain dan surcaj telah dijalankan selama 6 bulan untuk menguatkan struktur tanah sebelum kerja-kerja pembinaan dapat dijalankan manakala apron direkabentuk secara suspended. Keretakan yang masih berlaku adalah minima dan kebanyakan pada dinding dan tiang adalah keretakan plaster manakala keretakan pada dinding longkang dan apron adalah kerana mendapan longkang tersebut.</i> • <i>Di SMAP Bentong, keretakan di struktur bangunan berlaku pada dummy column dan nonsuspended apron. Pihak Kontraktor gagal menyiapkan kerja-kerja pembaikan kecacatan sehingga lawatan pemeriksaan pada 27 Februari 2014.</i> • <i>Kerosakan/kecacatan yang berlaku pada gelanggang di SMAP Bentong tidak melibatkan kerja-kerja struktur sehubungan itu, BPP memutuskan agar pembaikan dilaksanakan oleh JPN Pahang bersama-sama pihak sekolah. Di SMS Batu Pahat, pembaikan gelanggang tenis telah dilaksanakan oleh pihak ketiga berkaitan kerja-kerja architecture dengan kos berjumlah RM174,660 dan berdasarkan</i> 	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>i. Keretakan Pada Struktur Bangunan (SMS Banting)</p> <p><i>Ground Treatment</i> iaitu <i>Prefabricated Vertical Drain</i> (PVD) dan surcaj telah dijalankan di SMS Banting selama 6 bulan untuk menguatkan struktur tanah sebelum kerja-kerja pembinaan dapat dijalankan. Apron juga direkabentuk secara <i>suspended</i>. Keretakan dalam tempoh kecacatan juga telah diperbaiki. Salinan <i>Settlement Monitoring</i> dan Laporan Rekabentuk Geoteknik telah dikemukakan kepada KPM pada 15 Jun 2009 untuk rujukan KPM.</p> <p>Keretakan yang masih berlaku adalah minima dan kebanyakan yang berlaku pada dinding dan tiang adalah keretakan plaster. Keretakan pada dinding longkang dan apron pula adalah kerana mendapan longkang tersebut. Namun begitu, sehingga kini infrastruktur yang lain; paip air, paip retikulasi pembentungan masih berfungsi dengan baik. Sebagai langkah penyelesaian jangka panjang, penyelenggaraan secara berkala perlu dibuat terhadap keretakan yang berlaku.</p> <p>ii. Kecacatan Pada Gelanggang (SMAP Bentong & SMS Batu Pahat)</p> <p>Bagi SMAP Bentong, memandangkan pihak kontraktor telah gagal memperbaiki kecacatan ini dalam tempoh yang ditetapkan, maka, kerja-kerja pembaikan ini akan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang akan dilantik oleh pihak KPM. Untuk makluman, disebabkan kerosakan/kecacatan yang berlaku pada gelanggang tidak melibatkan kerja-kerja struktur, BPP memutuskan agar pembaikan dilaksanakan oleh JPN Pahang bersama-sama pihak sekolah. Senarai muktamad bagi kerja-kerja pembaikan kecacatan tersebut akan dikemukakan kepada JPN Pahang bagi proses sebutharga sebelum 30 Mei 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>lawatan pemeriksaan kecacatan akhir yang diadakan pada 27 Februari 2014, ianya telah disempurnakan.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Di SMS Banting, Sewerage Treatment Plant (STP) telah beroperasi dengan sempurna dan telah memperolehi Surat Kelulusan Sokongan Indah Water Konsortium (IWK) pada 20 Mei 2011. Di SMAP Bentong, masalah STP yang tersumbat disebabkan bekalan elektrik bagi STP belum disambungkan kerana sekolah tidak memohon pemasangan meter oleh TNB. Bagaimanapun, pihak sekolah telah mengesahkan bahawa meter telah dipasang dan sistem STP berfungsi dengan baik. Bagi SMS Batu Pahat, pembaikan terhadap keseluruhan sistem dan logi STP telah dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik oleh JPN Johor dengan kos berjumlah RM57,900. Pihak sekolah telah mengesahkan bahawa STP tersebut telah beroperasi dengan sempurna;</i> • <i>Di SMS Banting, kerja-kerja water proofing telah dijalankan oleh sub kontraktor dan tempoh jaminan adalah 10 tahun selepas CPC. Bagi kes kebocoran dan resapan air di SMAP Bentong, pihak kontraktor gagal memperbaiki kecacatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang akan dilantik oleh KPM. Di SMS Batu Pahat, kes kebocoran serta resapan air telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada senarai kecacatan akhir dan Kontraktor perlu membaiki selewat-lewatnya pada 3 Jun 2014;</i> • <i>Di SMS Batu Pahat pembaikan terhadap pemasangan kipas ekzos telah dilaksanakan oleh pihak ketiga dengan kos berjumlah RM85,500;</i> • <i>Di SMAP Bentong, scupper drain gagal diperbaiki oleh Kontraktor dalam masa DLP dan kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang akan dilantik oleh KPM. Di SMS Batu Pahat pula, masalah ketiadaan scupper drain dan spout pipe akan dibina oleh Kontraktor dalam tempoh kecacatan selewat-lewatnya pada 3 Jun 2014.</i> 	<p>Bagi SMS Batu Pahat, Pembaikan bagi gelanggang tenis telah dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik dan telah disahkan oleh JPN Johor serta pihak sekolah bahawa masalah tersebut telah diatasi. Syarikat Fahrurazi Enterprise telah dilantik bagi pembaikan semua kecacatan yang berkaitan kerja-kerja <i>architecture</i> dengan kos berjumlah RM174,660.00. Berdasarkan kepada lawatan pemeriksaan kecacatan akhir yang diadakan di sekolah pada 27 Februari 2014, mendapati kerja-kerja pembaikan telah selesai disempurnakan. Bagi pembaikan bagi gelanggang bola tampar dan bola keranjang pula telah dimasukkan sebagai senarai kecacatan akhir dan kontraktor dikehendaki membaiki sebelum 3 Jun 2014.</p> <p>iii. Sewerage Treatment Plant (STP)</p> <p>Loji rawatan kumbahan bagi SMS Banting telah beroperasi dengan sempurna dan Surat Kelulusan Sokongan IWK juga telah diperolehi.</p> <p>Masalah STP yang tersumbat di SMAP Bentong disebabkan bekalan elektrik bagi STP tersebut masih belum disambungkan. Walau bagaimanapun, sistem STP telah berfungsi dengan baik setelah pemasangan meter dibuat oleh pihak sekolah.</p> <p>Pembaikan terhadap keseluruhan sistem dan loji STP di SMS Batu Pahat telah dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik oleh JPN Johor. JPN dan pihak sekolah telah mengesahkan bahawa STP tersebut telah beroperasi dengan sempurna. Syarikat Fakhri Jaya Enterprise telah dilantik bagi pembaikan loji rawatan kumbahan dengan kos berjumlah RM57,900.00. Berdasarkan kepada lawatan pemeriksaan kecacatan akhir yang diadakan di sekolah pada 27 Februari 2014 mendapati kerja-kerja pembaikan telah selesai disempurnakan.</p> <p>iv. Kebocoran / Resapan Air</p> <p>Kerja-kerja <i>water proofing</i> di SMS Banting telah dijalankan oleh sub-kontraktor iaitu TWC Engineering Specialties Sdn. Bhd. Tempoh jaminan bagi <i>water proofing</i> ialah 10 tahun selepas CPC. Walau bagaimanapun, memandangkan masih terdapat kebocoran, pihak TWC akan mengenalpasti kawasan yang terlibat bagi melakukan kerja-kerja baik pulih. Sepanjang tempoh jaminan, pihak sekolah telah</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>dinasihatkan menghubungi dan berurusan terus dengan syarikat tersebut sekiranya berlaku sebarang kebocoran/resapan pada dinding atau lantai.</p> <p>Bagi SMAP Bentong, memandangkan pihak kontraktor telah gagal memperbaiki kecacatan ini dalam tempoh yang ditetapkan, maka kerja-kerja pembaikan ini akan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang akan dilantik oleh pihak KPM sebelum 30 Jun 2014.</p> <p>Bagi SMS Batu Pahat, memandangkan tempoh kecacatan tamat pada 1 Mac 2014, satu lawatan bersama telah diadakan pada 27 Februari 2014 bagi mengenalpasti baki kecacatan yang memerlukan pembaikan. Senarai Kecacatan Akhir telah dikeluarkan dan kontraktor dikehendaki membaiki kecacatan tersebut sebelum 3 Jun 2014.</p> <p>v. Kipas Ekzos (SMAP Bentong dan SMS Batu Pahat)</p> <p>Pembaikan terhadap pemasangan kipas ekzos di SMS Batu Pahat telah dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik oleh JPN Johor. JPN dan pihak sekolah telah mengesahkan bahawa kipas ekzos tersebut telah dibaiki dengan sempurna. Syarikat Panorama Gemilang Enterprise telah dilantik bagi pembaikan kecacatan di bawah skop kerja elektrik dengan kos berjumlah RM85,500.00. Berdasarkan kepada lawatan pemeriksaan kecacatan akhir yang diadakan di sekolah pada 27 Februari 2014 mendapati kerja-kerja pembaikan telah selesai disempurnakan.</p> <p>Bagi SMAP Bentong, memandangkan pihak kontraktor telah gagal memperbaiki kecacatan ini dalam tempoh yang ditetapkan, maka kerja-kerja pembaikan ini akan dilaksanakan oleh pihak ketiga. Disebabkan kerosakan/kecacatan yang berlaku tidak melibatkan kerja-kerja struktur, pembaikan akan dilaksanakan oleh JPN Pahang. Senarai muktamad bagi kerja-kerja pembaikan kecacatan tersebut akan dikemukakan kepada JPN Pahang bagi proses sebutharga sebelum 30 Mei 2014.</p> <p>vi. Scupper Drain (SMAP Bentong dan SMS Batu Pahat)</p> <p>Di SMS Batu Pahat, bagi mengatasi masalah tersebut <i>scupper drain</i> dan <i>spout pipe</i> akan dibina oleh kontraktor dalam tempoh pembaikan kecacatan sebelum 3 Jun 2014. Kecacatan ini telah dimasukkan sebagai senarai kecacatan akhir yang dikeluarkan oleh perunding</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>arkitek pada 4 Mac 2014.</p> <p>Bagi SMAP Bentong, perunding Arkitek telah mengarahkan agar kontraktor membina saluran longkang kecil/<i>scupper drain</i> dalam tempoh DLP tetapi tidak dilaksanakan. Kerja-kerja pembaikan ini akan dilaksanakan oleh pihak ketiga. Disebabkan kerosakan/kecacatan yang berlaku tidak melibatkan kerja-kerja struktur, pembaikan akan dilaksanakan oleh JPN Pahang. Senarai muktamad bagi kerja-kerja pembaikan kecacatan tersebut akan dikemukakan kepada JPN Pahang bagi proses sebutharga sebelum 30 Mei 2014.</p> <p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pihak sekolah disarankan mengatur jadual penyelenggaraan bagi memastikan STP beroperasi dengan baik. Pihak pembekal pam STP dikehendaki melaksanakan pemeriksaan berjadual dan pembaikan akan dibuat sekiranya <i>warranty</i> pam tersebut masih sah. ii. Semua juruteknik di semua sekolah juga diarahkan agar menyemak manual pengguna dan <i>warranty</i> bagi memastikan penggunaan yang baik serta penyelenggaraan yang mengikut jadual. <p>TARIKH/ TEMPOH JANGKAAN SELESAI</p> <ol style="list-style-type: none"> i. SMS Batu Pahat : 3 Jun 2014 ii. SMAP Bentong : 30 Mei 2014
9.5.3.4	<p>Kerja Pembaikan Kecacatan / Kerosakan</p> <p>Kontraktor bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja/memperbaiki kesemua kecacatan/kerosakan yang dilaporkan oleh Perunding dan pihak sekolah dalam tempoh tanggungan kecacatan sehingga selesai dengan memuaskan. Pemeriksaan Audit mendapati ada kerja pembaikan kecacatan di SMAP Bentong dan SMS Batu Pahat tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, kerja-kerja pembaikan kecacatan di SMS Batu Pahat telah dibuat dengan menggunakan wang tahanan Kontraktor selaras dengan Klausa 47.0 (Defect After Completion) dengan melantik pihak ketiga dengan waran peruntukan bertarikh 23 Julai 2013 berjumlah RM376,672.</p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>SMAP Bentong</p> <p>Memandangkan pihak kontraktor masih gagal menyiapkan kerja-kerja pembaikan kecacatan, BPP telah mengeluarkan surat peringatan terakhir bertarikh 28 Januari 2014 yang memberi tempoh selama 30 hari bagi menyelesaikan isu tersebut. Lawatan pemeriksaan ke atas kerja-kerja pembaikan kecacatan oleh BPP telah diadakan pada 27 Februari 2014 dan didapati pihak kontraktor gagal menyiapkan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pihak Perunding telah melaksanakan pemantauan dan seliaan terhadap kerja pembaikan kecacatan di samping pihak sekolah yang melaporkan kerosakan melalui mesyuarat, surat dan secara lisan kepada Kontraktor. KPM hendaklah mempertingkatkan pemantauan bagi memastikan hasil kerja adalah berkualiti dan segala kecacatan diperbaiki dengan segera supaya kemudahan dapat dimanfaatkan secara optimum.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014</p> <p><i>Pihak Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja-kerja pembaikan kecacatan di SMAP Bentong dan BPP telah mengeluarkan surat peringatan terakhir bertarikh 28 Januari 2014 yang memberi tempoh selama 30 hari bagi menyelesaikan isu tersebut. Lawatan pemeriksaan ke atas kerja pembaikan kecacatan oleh Seksyen Teknikal telah diadakan pada 27 Februari 2014 dan didapati pihak Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja-kerja pembaikan kecacatan tersebut. Mesyuarat penyelarasan telah diadakan pada 4 Mac 2014. Selepas perbincangan dengan pihak JKR, BPP bersetuju menyerahkan kerja pembaikan kecacatan bagi skop elektrik dan struktur kepada JKR manakala kerja pembaikan kecacatan bagi skop tidak melibatkan struktur diserahkan kepada JPN Pahang dan sekolah.</i></p> <p><i>Bagi Projek Pembinaan SMS Batu Pahat, KPM telah melantik pihak ketiga menyiapkan kerja kecacatan disebabkan kegagalan Kontraktor memperbaiki beberapa kecacatan yang kritikal dan menyebabkan fungsi penggunaan terganggu walaupun tempoh DLP belum tamat. Waran peruntukan berjumlah RM376,672 diturunkan kepada JPN Johor pada 23 Julai 2013. Pihak JPN Johor melaporkan semua kerja-kerja telah siap sepenuhnya. Selanjutnya bagi pembaikan kecacatan yang lain, Senarai Kecacatan Akhir telah dikeluarkan pada 4 Mac 2014 dan Kontraktor diberikan tempoh selama 3 bulan untuk membuat pembaikan.</i></p>	<p>kerja-kerja pembaikan kecacatan tersebut. Oleh itu, satu mesyuarat penyelarasan telah diadakan pada 4 Mac 2014 bagi membincangkan pelantikan pihak ketiga bagi kerja-kerja pembaikan kecacatan tersebut. Pihak JKR telah dimaklumkan berkaitan keputusan KPM untuk melantik JKR bagi melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja pembaikan kecacatan tersebut.</p> <p>Berdasarkan perbincangan dengan pihak JKR, bagi mempercepatkan kerja-kerja pembaikan kecacatan, BPP telah mengambil langkah berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Kecacatan bagi skop elektrik <ul style="list-style-type: none"> - dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKR. - waran peruntukan berjumlah RM325,000.00 telah diturunkan kepada JKR pada 16 April 2014. - kerja pembaikan mengambil masa 6 bulan termasuk proses perolehan. ii. Kecacatan yang melibatkan struktur <ul style="list-style-type: none"> - dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Senggara Fasiliti Bangunan, JKR - BPP sedang memuktamadkan senarai kecacatan struktur dan akan dikemukakan kepada JKR sebelum 30 Jun 2014. iii. Kecacatan yang tidak melibatkan struktur <ul style="list-style-type: none"> - dilaksanakan oleh JPN Pahang dan sekolah. - BPP sedang memuktamadkan senarai kecacatan bukan struktur dan akan dikemukakan kepada JPN Pahang sebelum 30 Mei 2014. <p>SMS Batu Pahat</p> <p>Sepanjang tempoh tanggungan kecacatan, perunding telah mengadakan mesyuarat serta mengeluarkan notis kepada kontraktor bagi memperbaiki kesemua kecacatan yang berlaku. Namun, KPM telah mengambil tindakan dengan melantik pihak ketiga disebabkan kegagalan kontraktor memperbaiki beberapa kecacatan yang kritikal dan menyebabkan fungsi penggunaan terganggu walaupun tempoh tanggungan kecacatan (DLP) masih belum tamat. Waran peruntukan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>telah diturunkan kepada pihak JPN pada 23 Julai 2013 (No Waran:00634) berjumlah RM376,672.00 dan telah dibelanjakan sepenuhnya.</p> <p>Bagi pembaikan kecacatan yang lain, memandangkan tempoh kecacatan tamat pada 1 Mac 2014, satu lawatan bersama telah diadakan pada 27 Februari 2014 bagi mengenalpasti baki kecacatan yang memerlukan pembaikan. Hasilnya, satu Senarai Kecacatan Akhir telah dikeluarkan pada 4 Mac 2014 dan kontraktor diberikan tempoh selama tiga (3) bulan sehingga 3 Jun 2014 untuk membuat pembaikan.</p> <p>TARIKH/ TEMPOH JANGKAAN SELESAI</p> <p>SMAP Bentong : 30 Jun 2014 SMS Batu Pahat : 3 Jun 2014</p>
<p>9.5.4</p>	<p>Kemudahan Tidak Digunakan</p> <p>Setiap kemudahan yang disediakan seperti bilik, kuarters dan gelanggang permainan adalah berdasarkan <i>need statement</i> yang dikeluarkan oleh KPM dan mempunyai fungsi masing-masing untuk digunakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, KPM hendaklah memastikan kemudahan ruang/bilik digunakan secara optimum dan tindakan diambil untuk memastikan gelanggang permainan yang rosak dibaiki supaya aktiviti pelajar dapat diteruskan.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p> <p><i>Pembekalan meja dan kerusi komputer adalah diuruskan oleh BPSBPSK dan diluar daripada skop kontrak. Sehingga projek ini berakhir dan diserahkan kepada KPM, meja ini masih belum dibekalkan kepada pihak sekolah. Oleh yang demikian, Kontraktor tidak dapat memasang power outlet dan terpaksa meninggalkan kabel yang panjang dilantai. Kabel itu tidak dipotong supaya ia sampai ke aras permukaan meja kelak. Meja dan peralatan komputer telah dibekalkan oleh BPSBPSK dan pendawaian bagi power outlet telah dilaksanakan oleh pihak sekolah menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh BPSBPSK.</i></p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>Pengambilan pelajar pada tahun pertama sekolah dibuka hanya melibatkan pelajar tingkatan 1 dan 4 sahaja. Ini menyebabkan ruang/bilik serta kuarters tidak digunakan sepenuhnya. Selain itu, pembekalan perabot dan peralatan bagi makmal komputer yang masih belum lengkap semasa pengauditan dijalankan menyebabkan ia tidak digunakan.</p> <p>Namun, pada tahun ini kesemua ruang/bilik telah digunakan sepenuhnya memandangkan pengambilan pelajar telah meningkat serta kekurangan perabot dan peralatan juga telah diatasi. Kuarters juga telah diisi sepenuhnya disebabkan permohonan tambahan daripada guru-guru dan kakitangan.</p> <p>Bagi kerosakan/kecacatan yang melibatkan gelanggang permainan, penjelasan bagi setiap sekolah adalah seperti berikut :</p> <p>SMAP Bentong</p> <p>Memandangkan pihak kontraktor telah gagal memperbaiki kecacatan ini dalam tempoh yang ditetapkan, maka, kerja-kerja pembaikan ini</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>akan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang akan dilantik oleh pihak KPM. Disebabkan kerosakan/kecacatan yang berlatitudidak melibatkan kerja-kerja struktur, BPP memutuskan agar pembaikan dilaksanakan oleh JPN Pahang bersama-sama pihak sekolah. Senarai muktamad bagi kerja-kerja pembaikan kecacatan tersebut akan dikemukakan kepada JPN Pahang bagi proses sebutharga sebelum 30 Mei 2014.</p> <p>SMS Banting</p> <p>Kontraktor telah membaikpulih segala kerja-kerja yang terlibat dan mendapat pengesahan daripada pihak sekolah dan juga pihak perunding melalui Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD). Memandangkan kecacatan tersebut dipercayai berlaku selepas tempoh DLP, pembaikan akan dibuat melalui penyelenggaraan berkala.</p> <p>SMS Batu Pahat</p> <p>Pembaikan bagi gelanggang tenis telah dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik dan telah disahkan oleh JPN Johor serta pihak sekolah bahawa masalah tersebut telah diatasi. Syarikat Fahrurazi Enterprise telah dilantik bagi pembaikan semua kecacatan yang berkaitan kerja-kerja <i>architecture</i> dengan kos berjumlah RM174,660.00. Berdasarkan kepada lawatan pemeriksaan kecacatan akhir yang diadakan di sekolah pada 27 Februari 2014, mendapati kerja-kerja pembaikan telah selesai disempurnakan. Pembaikan bagi gelanggang bola tampar dan bola keranjang pula telah dimasukkan sebagai senarai kecacatan akhir dan kontraktor dikehendaki membaiki sebelum 3 Jun 2014.</p> <p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Bagi mengatasi kelewatan pembekalan perabot dan peralatan selepas sekolah diserahkan kepada pengguna, BPP telah memasukkan skop bagi membekalkan perabot dan peralatan dalam kontrak kontraktor utama. Ini adalah melibatkan semua projek yang dilaksanakan mulai RMK-11. ii. Kajian keperluan kuarters dilaksanakan semasa proses perancangan/ rekabentuk bagi memastikan kuarters yang dibina diisi sepenuhnya.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>TARIKH/ TEMPOH JANGKAAN SELESAI</p> <p>SMAP Bentong : 30 Mei 2014 SMS Batu Pahat : 3 Jun 2014</p>
<p>9.5.5</p>	<p>Sistem Pencegah Kebakaran Tidak Berfungsi</p> <p>Berdasarkan skop kerja, Kontraktor perlu menyediakan reka bentuk dan memasang sistem pencegah kebakaran yang sesuai mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat. Antara komponen sistem pencegah kebakaran yang perlu dibekalkan adalah seperti penggera kebakaran, pengesan kebakaran dan alat pemadam api. Semakan Audit mendapati sistem pencegah kebakaran tidak berfungsi di SMS Batu Pahat.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak sekolah hendaklah memastikan segala langkah keselamatan diambil dan dipertingkatkan serta memastikan sistem pengesan dan pencegahan kebakaran berfungsi.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014</p> <p><i>Pihak Kontraktor Projek Pembinaan SMS Batu Pahat gagal memperbaiki kecacatan dan kerosakan pada sistem pencegahan kebakaran. KPM telah melantik pihak ketiga bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut dan pembaikan telah siap sepenuhnya. Pengetua sekolah juga telah mengesahkan bahawa sistem tersebut telah berfungsi dengan baik.</i></p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>Disebabkan kegagalan pihak kontraktor memperbaiki kecacatan dan kerosakan pada sistem pencegahan kebakaran, KPM telah melantik pihak ketiga bagi melaksanakan kerja-kerja ini dengan kos sebanyak RM19,890.00 dan kerja pembaikan telah siap sepenuhnya. Kos tersebut dipotong daripada Bon Pelaksanaan kontraktor utama. Pengetua sekolah mengesahkan bahawa sistem tersebut telah berfungsi dengan baik.</p> <p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <p>Pihak sekolah telah diarahkan agar memastikan penyelenggaraan berkala sentiasa dibuat terhadap sistem pencegahan kebakaran bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan sempurna pada bila-bila masa.</p>
<p>9.5.6.2</p>	<p>Perolehan Perabot Makmal Komputer Dan Penggunaan Peralatan ICT</p> <p>Semakan Audit semasa lawatan di ketiga-tiga SBP mendapati kesemua makmal komputer belum dilengkapi dengan meja dan kerusi yang bersesuaian. Perolehan komputer dan peralatan ICT yang diuruskan oleh BPSBPSK, KPM telah diterima iaitu masing-masing di SMS Banting dan SMS Batu Pahat pada 18 Disember 2012 manakala SMAP Bentong pada 30 Oktober 2012. Lawatan Audit juga mendapati beberapa peralatan ICT yang telah dibekalkan tidak digunakan oleh pihak sekolah atau pihak yang berkenaan.</p> <p>Mengikut maklum balas daripada pihak sekolah, perolehan perabot meja dan kerusi untuk kegunaan di makmal komputer dan lokasi lain telah dibuat dan telah diterima dari pembekal. Pembayaran telah dibuat oleh pihak sekolah dengan menggunakan sebahagian daripada peruntukan untuk</p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>Di peringkat BPP, peruntukan yang secukupnya dengan masa yang mencukupi telah diturunkan kepada BPSBPSK bagi menguruskan pembekalan perabot peralatan bagi ketiga-tiga sekolah ini. Walau bagaimanapun, BPSBPSK telah membekalkan sebahagian perabot dan peralatan pada tahun 2013 menggunakan peruntukan Pakej Rangsangan Khas bagi mengatasi masalah kekurangan kerusi dan meja serta peralatan ICT di makmal komputer. Oleh itu, kesemua peralatan ICT telah dapat digunakan sepenuhnya.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bekalan perabot di bawah pakej rangsangan khas yang dikeluarkan oleh BPSBPSK pada bulan Julai dan Ogos 2013.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014</p> <p><i>Di SMS Banting dan SMS Batu Pahat, semua peralatan ICT telah digunakan selepas perolehan perabot dan peralatan serta pendawaian bagi power outlet dibuat oleh pihak sekolah.</i></p>	<p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <p>Bagi tahun 2014, BPSBPSK juga telah memohon peruntukan tambahan bagi melengkapkan keperluan perabot dan peralatan bagi sekolah-sekolah tersebut. Permohonan peruntukan tersebut adalah seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. SMS Banting : RM2.1juta ii. SMAP Bentong : RM1.6juta iii. SMS Batu Pahat : RM1.7juta <p>Waran peruntukan telah diturunkan oleh BPP pada 21 April 2014.</p> <p>TARIKH/ TEMPOH JANGKAAN SELESAI</p> <p>Peruntukan yang diturunkan oleh BPP dibelanjakan sebelum Disember 2014.</p>
<p>9.5.7.1</p>	<p>Pemantauan Projek Pembinaan SBP</p> <p>Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Bahagian Pembangunan Pelajaran, KPM adalah bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek pembinaan SBP secara keseluruhan manakala Perunding telah diberi kuasa sebagai wakil Pegawai Penguasa di tapak. Berdasarkan surat pelantikan dan semakan baucar bayaran, tugas Perunding adalah untuk memberi khidmat perundingan di dalam bidang masing-masing. Skop perkhidmatan termasuk reka bentuk terperinci; dokumentasi tender dan penilaian; pengurusan kontrak; dan penyeliaan kerja pembinaan sehingga projek siap. Perunding juga bertanggungjawab mengesahkan kerja telah siap dilaksanakan sebelum KPM meluluskan pembayaran kepada Kontraktor.</p>	<p>PENJELASAN AUDITI</p> <p>Bagi setiap CPC yang dikeluarkan, KPM sentiasa memastikan semua perunding yang terlibat mengeluarkan pengesyoran bahawa semua skop kerja yang terdapat dalam kontrak telah disiapkan dengan sempurna. Lawatan T&C yang diadakan oleh KPM adalah sebagai <i>check & balance</i> terhadap pengesyoran yang dibuat di mana pemeriksaan yang dilakukan adalah berdasarkan laporan oleh perunding.</p> <p>Perunding sebagai pihak profesional dan kompeten dalam bidang ini sepatutnya telah menyemak dengan terperinci dan akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua pengesyoran yang dibuat. Sekiranya KPM mendapati bahawa terdapat unsur-unsur kecuaiian atau penipuan dalam satu-satu pengesyoran, KPM akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap perunding tersebut. Antara tindakan yang boleh diambil adalah dengan mengarahkan perunding untuk menanggung semua kerugian di atas kecuaiian mereka melalui pemotongan terhadap yuran perunding, melaporkan kepada Lembaga Profesional yang berkaitan dan Kementerian Kewangan serta menyenaraihitamkan syarikat perunding tersebut daripada mana-mana projek kerajaan. KPM juga akan mempertimbangkan tindakan undang-</p>
<p>9.5.7.2</p>	<p>Pemantauan yang diadakan melalui mesyuarat tapak walaupun secara berkala masih kurang berkesan kerana masih terdapat kecacatan dan kerosakan di ketiga-tiga projek SBP yang diaudit. <i>Testing & Commissioning</i> (T&C) telah dijalankan dan CPC telah diperakukan serta dikeluarkan oleh KPM namun masih terdapat kerja yang belum dijalankan/diselesaikan oleh pihak Kontraktor. Pihak Perunding selaku pihak profesional yang dilantik seharusnya bertanggungjawab menjalankan pengesahan secara telus dan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kompeten. Selain daripada itu, KPM juga perlu membuat semakan fizikal secara rawak di tapak projek untuk memastikan pengesahan yang dijalankan oleh Perunding terhadap kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor adalah betul mengikut laporan kemajuan projek.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan dan pengesahan terhadap kerja pembinaan SBP oleh Perunding yang dilantik masih kurang berkesan kerana terdapat kerosakan dan kecacatan yang tidak diperbaiki oleh Kontraktor. Walaupun telah dilaporkan, beberapa kerja masih tidak dilaksanakan dan kerja yang kurang berkualiti.</p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014</p> <p><i>Bagi setiap CPC yang dikeluarkan untuk setiap kontrak, KPM memastikan bahawa semua perunding terlibat telah mengeluarkan pengesyoran bahawa semua skop kerja yang terdapat dalam kontrak telah disiapkan dengan sempurna. Lawatan T&C yang diadakan oleh pihak KPM adalah sebagai check and balance terhadap pengesyoran yang dibuat di mana pegawai KPM yang terlibat akan melakukan pemeriksaan rawak berdasarkan laporan pemeriksaan yang telah dilaksanakan oleh perunding. Sekiranya KPM mendapati bahawa terdapat unsur-unsur kecuaiian atau penipuan dalam sesuatu pengesyoran, KPM akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap perunding tersebut.</i></p> <p><i>Pemantauan yang dilaksanakan oleh KPM berdasarkan kepada lawatan tapak dan juga mesyuarat pemantauan. Sekiranya terdapat isu yang tidak dapat diselesaikan di peringkat perunding dan Kontraktor, mesyuarat penyelarasan akan diadakan. Bagaimanapun, disebabkan bebanan projek yang banyak serta kekangan bilangan pegawai semasa RMKe-9 dan awal RMKe-10, terdapat kelemahan oleh BPP dalam melaksanakan pemantauan serta membuat keputusan yang penting.</i></p>	<p>undang terhadap perunding tersebut bagi kes yang serius.</p> <p>Pemantauan yang dilaksanakan oleh KPM adalah berdasarkan kepada lawatan tapak dan juga mesyuarat pemantauan. Sekiranya didapati terdapat isu-isu yang tidak dapat diselesaikan di peringkat perunding dan kontraktor, maka mesyuarat penyelarasan akan diadakan. BPP komited dalam melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan KPM dapat disempurnakan dengan baik dan teratur mengikut kontrak, pekeliiling dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Bagi setiap CPC yang dikeluarkan, KPM sentiasa memastikan semua perunding yang terlibat mengeluarkan pengesyoran bahawa semua skop kerja yang terdapat dalam kontrak telah disiapkan dengan sempurna. Lawatan T&C yang diadakan oleh KPM adalah sebagai <i>check & balance</i> terhadap pengesyoran yang dibuat di mana pemeriksaan yang dilakukan adalah berdasarkan laporan oleh perunding.</p> <p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <p>Bagi pelantikan perunding baru, KPM telah memasukkan klausa di dalam perjanjian perunding yang membolehkan denda LAD dikenakan terhadap perunding yang tidak mematuhi jadual pelaksanaan projek. Perkara ini dilaksanakan bagi pelantikan bermula pada tahun 2014.</p> <p>TARIKH/ TEMPOH JANGKAAN SELESAI</p> <p>Tindakan penambahbaikan di atas telah mula dilaksanakan dalam perjanjian perunding bagi perunding yang dilantik mulai tahun 2014.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Jabatan Penyiaran Malaysia

Perenggan 10 : Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.1.1.a	<p>Pencapaian Kewangan</p> <p>Semakan Audit mendapati sehingga 30 Jun 2013, prestasi perbelanjaan projek adalah berjumlah RM88.04 juta (97.78%). Ini meliputi perbelanjaan pembangunan sejumlah RM58.47 juta dan perbelanjaan mengurus sejumlah RM29.57 juta. Baki peruntukan pembangunan yang belum dibelanjakan adalah sejumlah RM2.0 juta.</p>	
10.5.1.1.b	<p>Analisis Audit terhadap perbelanjaan mendapati sejumlah RM43.70 juta (49.64%) telah digunakan bagi membayar 170 program saluran TV1 dan TV2. Seterusnya sejumlah RM44.34 juta (50.36%) dibayar untuk 196 program saluran TVi. Penggunaan peruntukan pembangunan bagi saluran TV1 dan TV2 yang bukan dalam skop projek tidak mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Perbendaharaan.</p>	<p>Bagi mengatasi isu penggunaan peruntukan pembangunan bagi saluran TV1 dan TV2 sebanyak RM44.34 juta, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah mengemukakan surat permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada 9 April 2014. KKMM sedang menunggu maklumbalas mengenai perkara tersebut</p>
10.5.1.1.c	<p>Semakan Audit mendapati KKMM telah meluluskan perolehan secara rundingan terus sebanyak 426 program bagi saluran TVi berjumlah RM111.83 juta. Bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan hanya berjumlah RM90.04 juta. KKMM telah membuat komitmen melebihi peruntukan sejumlah RM21.79 juta bagi saluran TVi.</p>	<p>KKMM telah menguruskan bayaran bagi perolehan di TVi yang melebihi peruntukan sebanyak RM21.79 juta melalui peruntukan Belanja Mengurus. Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah mengadakan Bengkel Penyeragaman dan Perolehan Rancangan bagi tahun 2014 bagi tujuan penambahbaikan dan ketelusan dalam proses perolehan. RTM akan menyusuli resolusi bengkel tersebut untuk dipertimbangkan oleh pengurusan tertinggi KKMM dan RTM.</p>
10.5.1.1.d	<p>KKMM kekurangan sejumlah RM61.78 juta bagi membiayai tanggungan bersih. KKMM tidak memohon peruntukan pembangunan tambahan daripada Unit Perancang Ekonomi bagi membayar perolehan program yang telah diluluskan. Ini disebabkan KKMM tidak mempunyai rekod yang kemas kini bagi jumlah tanggungan saluran TVi.</p>	<p>KKMM dan RTM akan memastikan segala perbelanjaan dan bajet diuruskan dengan teratur berdasarkan peraturan kewangan semasa</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Bagi mengatasi isu penggunaan peruntukan pembangunan bagi saluran TV1 dan TV2 sebanyak RM43.70 juta, KKMM telah mengemukakan surat kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada 9 April 2014. KKMM sedang menunggu maklum balas.</i></p> <p><i>Bagi isu berkaitan komitmen melebihi peruntukan sejumlah RM21.79 juta, KKMM akan menguruskan bayaran melalui peruntukan mengurus. Selain itu, RTM telah mengadakan Bengkel Penyeragaman Dan Perolehan Rancangan Tahun 2014 bagi penambahbaikan dan ketulusan dalam proses perolehan. KKMM dan RTM akan menyusuli resolusi bengkel untuk pertimbangan pengurusan tertinggi.</i></p> <p><i>Di samping itu, perolehan program TV RTM untuk tahun 2015 akan dilaksanakan berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan sahaja. Sekiranya ada keperluan untuk menambah perolehan bilangan program TV yang tidak diperuntukkan, RTM akan melaksanakan perolehan tersebut melalui proses penjimatan atau pindah peruntukan daripada aktiviti lain mengikut keperluan semasa.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi PKPD adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan daripada aspek kawalan peruntukan dan perbelanjaan. Ini menyebabkan berlaku perbelanjaan di luar skop projek pembangunan, perolehan melebihi peruntukan dan rekod kewangan tidak diselenggara dengan baik. Bagaimanapun, RTM telah membelanjakan peruntukan keseluruhan sehingga 97.78%.</p>	
10.5.1.2.a	<p>Prestasi Fizikal</p> <p>Surat Setuju Terima (SST) menetapkan pembekal perlu menyiapkan program dalam tempoh 4 bulan hingga 12 bulan dari tarikh SST ditandatangani. Bagi saluran TVi sebanyak 426 program telah diluluskan untuk pelaksanaan. Sehingga 30 Jun 2013 sebanyak 196 program (46.01%) telah siap, 220 program (51.64%) masih dalam pelaksanaan dan 10 program (2.35%) telah dibatalkan.</p>	<p>Status terkini (sehingga 15 Mei 2014) sebanyak 42 program masih dalam pelaksanaan manakala program yang lain telah selesai.</p>
10.5.1.2.b	<p>Analisis Audit mendapati 149 program tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini melibatkan 71 program (16.67%) yang telah siap tetapi melebihi tempoh kontrak asal. Selain itu, 78 program (18.31%) masih dalam pelaksanaan tetapi telah melebihi tempoh kontrak asal. Kelewatan pelaksanaan antara 15 hari hingga 14 bulan.</p>	<p>Masalah ini timbul adalah kerana kurangnya pemantauan oleh pihak RTM dan KKMM. Bagi memantapkan lagi pengurusan kontrak ke atas Perolehan Filem, beberapa tindakan telah diambil antaranya seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Jawatankuasa Pelanjutan Tempoh Kontrak Pembekalan Program TV (Swasta dan <i>Syndicated</i>); dan b) Pemantauan melalui Sistem Pemantauan Kontrak Bersepadu (eKS).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.1.2.c	Arahan Perbendaharaan 201.1 (a) menyatakan Pegawai Pengawal boleh memberikan lanjutan tempoh kontrak bekalan tertakluk kepada peraturan dan syarat yang ditetapkan. Setakat 30 Jun 2013, sebanyak 36 program telah dilanjutkan tempoh kontrak. Antara sebab pembekal diberi lanjutan tempoh kontrak ialah kerana kesukaran mendapatkan kesesuaian masa para pelakon, faktor cuaca semasa menjalankan penggambaran dan masalah teknikal.	Perlanjutan tempoh kontrak bekalan Program TV dipertimbangkan berdasarkan justifikasi munasabah yang dikemukakan oleh pihak syarikat.
10.5.1.2.d	Semakan Audit mendapati 8 program telah diberi kelulusan selepas tamat tempoh sah laku kontrak antara 15 hari hingga 7 bulan.	<p data-bbox="1352 400 2033 507">KKMM telah menyasiat isu ini dan mendapati seorang pegawai telah mengambil tindakan melampaui bidang kuasa yang diberikan kepadanya. Surat tunjuk sebab telah dihantar kepada pegawai berkenaan pada 16 April 2014.</p> <p data-bbox="1352 539 2033 703">Dalam pada masa yang sama, KKMM telah menubuhkan Jawatankuasa Pelanjutan Tempoh Kontrak Pembekalan Program TV (Swasta dan <i>Syndicated</i>). Adalah diharapkan dengan tertubuhnya jawatankuasa ini, isu pemberian kelulusan lanjutan masa yang tidak selaras dengan peraturan dapat diatasi.</p>
10.5.1.2.e	Arahan Perbendaharaan 201.1 (a) (iii) menetapkan Pegawai Pengawal boleh meluluskan pelanjutan tempoh kontrak bekalan hanya sekali sahaja dan tempoh maksimum adalah sehingga 2 tahun. Bagi pelanjutan tempoh kontrak yang melebihi sekali perlu mendapat kelulusan Perbendaharaan. Semakan Audit terhadap 36 program yang diluluskan lanjutan tempoh kontrak mendapati 15 program diberi kelulusan lanjutan masa lebih daripada sekali. Ini termasuk program majalah bertajuk Nova oleh Syarikat HEZ Communication Sdn. Bhd. yang telah diberi lanjutan tempoh kontrak sebanyak 5 kali tanpa kelulusan daripada Perbendaharaan.	Dalam kes perlanjutan kontrak pembekalan program TV RTM peraturan AP201.1(a) adalah tidak terpakai. Pelanjutan kontrak program RTM hanya melibatkan pelanjutan tempoh masa sahaja dan tidak melibatkan kos tambahan. Oleh itu, KKMM mempunyai kuasa untuk melanjutkan kontrak berkenaan berdasarkan permohonan dan justifikasi syarikat.
10.5.1.2.f	Semakan Audit mendapati 42 program yang telah siap tetapi melebihi tempoh sah laku kontrak antara 24 hingga 217 hari tidak dikenakan sebarang penalti ganti rugi. Mengikut perkiraan Audit sejumlah RM182,142 denda LAD tidak dikutip dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.	<p data-bbox="1352 984 2033 1177">Masalah kutipan LAD timbul kerana kelemahan dalam surat setuju terima (SST) yang dikeluarkan kepada syarikat. Perkara ini berpunca dari kelemahan pegawai dalam melaksanakan tanggungjawab ini dimana SST yang seragam digunakan untuk semua jenis perkhidmatan. Tambahan pula, kaedah pengiraan LAD berdasarkan kepada SST sedia ada lebih sesuai untuk projek pembangunan fizikal.</p> <p data-bbox="1352 1209 2033 1316">Bagi mengatasi masalah ini, KKMM dan RTM telah mengadakan Mesyuarat Penyeragaman dan Penambaan pada 15 hingga 17 Mac 2014 dan memutuskan supaya syarikat-syarikat berkenaan dikenakan LAD.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Walau bagaimanapun, pengiraan LAD ini akan diperhalusi bagi memastikan kesesuaiannya. Adalah dijangkakan KKMM & RTM dapat menyelesaikan isu ini sebelum atau pada 30 Jun 2014. Buat sementara waktu, formula pengiraan LAD dicadangkan seperti berikut:-</p> $\text{Bilangan Hari Lewat} \times \text{BLR Terkini} \times \text{Nilai Kontrak} = \text{LAD}$ <hr/> <p style="text-align: center;">Tempoh Kontrak (Bil Hari) (Ikut Kategori Ranc.) Nilai Episod Gagal Siap</p>
<p>10.5.1.2.g</p>	<p>Semakan Audit mendapati fail pembekal, rekod perolehan dan rekod pemantauan program tidak dikemaskini. Antara rekod dan maklumat penting yang tidak lengkap seperti surat permohonan penangguhan lanjutan masa, surat sokongan lanjutan masa daripada RTM dan surat kelulusan KKMM. Selain itu, rekod mengenai tarikh terima <i>digital video disc</i> (DVD), pita beta digital dan kelulusan penilaian program tidak dikemaskini. Ini disebabkan RTM menghadapi kekurangan pegawai untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut. Akibatnya, prestasi pembekal tidak dapat dipantau dengan berkesan hingga terdapat kelewatan dalam memberi kelulusan lanjutan tempoh masa dan LAD tidak dapat dikutip.</p> <p>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>KKMM menyatakan kelewatan pelaksanaan program timbul kerana kurangnya pemantauan oleh pihak RTM dan KKMM. Bagi memantapkan pengurusan kontrak perolehan program, tindakan telah diambil dengan penubuhan Jawatankuasa Penilaian dan Semakan Kontrak (JKPDSK) Bekalan dan Perkhidmatan serta pemantauan melalui Sistem Pemantauan Kontrak Bersepadu (eKS).</i></p> <p><i>Bagi isu berkaitan pelanjutan tempoh kontrak, KKMM telah menyiasat dan mendapati seorang pegawai telah mengambil tindakan melampaui bidang kuasa yang diberikan. Surat Tunjuk Sebab telah dihantar kepada pegawai berkenaan pada 16 April 2014. Pada masa yang sama, KKMM telah menubuhkan Jawatankuasa Pelanjutan Tempoh Kontrak Pembekalan Program TV bagi mengatasi isu pemberian kelulusan lanjutan masa yang tidak selaras dengan peraturan.</i></p> <p>Masalah kutipan LAD adalah kerana wujudnya kelemahan dalam Surat Setuju</p>	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Pelanjutan Tempoh Kontrak Pembekalan Program TV (Swasta & <i>Syndicated</i>) Bagi Jabatan Penyiaran Malaysia Bil 1/2014 telah bersidang pada 30 April 2013 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), RTM. Mesyuarat memutuskan Kementerian akan mengenakan LAD kepada enam (6) syarikat dengan menggunakan formula LAD yang sedia ada seperti tertera di Surat Tawaran. Bagaimanapun, formula pengiraan LAD akan diperhalusi bagi memastikan kesesuaian dengan jenis perolehan. KKMM dan RTM menjangkakan masalah ini dapat diselesaikan sebelum atau pada 30 Jun 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Terima (SST) yang dikeluarkan kepada syarikat. Berdasarkan hasil Mesyuarat Penyeragaman dan Penambahbaikan yang diadakan pada 15 hingga 17 Mac 2014, KKMM dan RTM telah memutuskan supaya syarikat-syarikat berkenaan dikenakan LAD. Bagaimanapun, formula pengiraan LAD akan diperhalusi bagi memastikan kesesuaian dengan jenis perolehan. KKMM dan RTM menjangkakan masalah ini dapat diselesaikan sebelum atau pada 30 Jun 2014.</i></p> <p><i>Bagi memastikan setiap fail pembekal, rekod perolehan dan rekod pemantauan program dikemas kini, kriteria pengemaskinian rekod akan ditetapkan sebagai Key Performance Indicator (KPI) dan dimasukkan dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) pegawai-pegawai di KKMM dan RTM.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi fizikal program adalah kurang memuaskan kerana terdapat 71 program lewat disiapkan antara 15 hari hingga 14 bulan dan 42 program tidak dikenakan LAD walaupun telah melebihi tempoh sah laku kontrak. Selain itu, wujud kelemahan terhadap pematuhan prosedur lanjutan tempoh masa kontrak kerana rekod-rekod dan dokumen tidak disimpan dengan baik oleh KKMM dan RTM.</p>	
10.5.1.3.b	<p>Prestasi Penyiaran</p> <p>Analisis Audit terhadap 170 program mendapati sehingga 30 September 2013 hanya 20 program (11.76%) yang telah disiarkan semula di saluran TVi. RTM masih belum menyediakan jadual siaran bagi 150 program yang dibayar melalui peruntukan projek PKPD. Ini menunjukkan perbelanjaan bagi perolehan tidak memberi pulangan optima kepada saluran TVi.</p> <p>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>RTM menyatakan 67 program berkenaan akan dijadualkan siaran di saluran TVi mulai bulan Mei 2014 sehingga bulan Februari 2015, manakala baki 83 program akan dijadualkan kemudian.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi penyiaran program adalah memuaskan kerana sebanyak 196 program yang siap telah disiarkan di saluran TVi. Bagaimanapun, terdapat 150 program saluran TV1 dan TV2 yang dibayar menggunakan peruntukan projek PKPD masih belum disiarkan di saluran TVi.</p>	150 program telah dijadualkan untuk bersiaran di TVi bermula Mei 2014 hingga Februari 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.1.4.a	<p>Pencapaian Outcome/Impak</p> <p>RTM perlu menyediakan kajian pencapaian impak terhadap saluran TVi dengan mengambil kira pencapaian program yang telah disiarkan. RTM telah melaksanakan Kajian Sambutan Penonton dan Kajian Kumpulan Fokus pada tahun 2012. Kumpulan sasaran penonton bagi saluran TVi adalah generasi muda dan etnik di Sabah dan Sarawak. Semakan Audit terhadap laporan mendapati responden kajian tidak meliputi penonton di negeri Sabah dan Sarawak. Kajian tersebut merupakan kajian awal kerana tempoh operasi saluran TVi bermula sepenuhnya pada tahun 2012. Oleh itu, KKMM bercadang untuk melaksanakan kajian impak yang terkini dengan mengambil kira responden dari negeri Sabah dan Sarawak.</p>	<p>Sebanyak 2 kajian telah dilaksanakan iaitu:-</p> <p>a)Kajian Sambutan Penonton Terhadap TV1,TV2, TVi 2012; dan</p> <p>b)Kajian Kumpulan Fokus Mengenai Kandungan Rancangan TVi.</p>
10.5.1.4.b	<p>Hasil laporan kedua-dua kajian tersebut menunjukkan secara purata hanya 23% responden yang menonton saluran TVi. Namun begitu, 77% responden yang tidak menonton saluran TVi adalah disebabkan mereka tidak mengetahui kewujudan saluran TVi. Responden berpendapat RTM kurang menjalankan aktiviti promosi melalui medium televisyen, radio dan internet. Memandangkan kajian ini tidak mengambil kira responden di negeri Sabah dan Sarawak, menyebabkan hasil kajian tidak memberi gambaran sebenar terhadap pencapaian saluran TVi.</p> <p>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Kajian impak terhadap program yang disiarkan di saluran TVi berdasarkan kumpulan sasar akan dibuat pada suku tahun ke-empat 2014 dengan menggunakan kaedah Panel Rakyat dan Call Centre bawah KKMM. Selain itu, KKMM telah mengarahkan agen pengiklanan supaya mempergiatkan kempen promosi program RTM.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian outcome/impak program adalah memuaskan kerana RTM telah melaksanakan kajian pencapaian impak bagi saluran TVi. Bagaimanapun, laporan tersebut tidak meliputi penonton di negeri Sabah dan Sarawak. Ini menyebabkan impak program yang disiarkan kepada penonton tidak dapat diukur dengan tepat.</p>	<p>Kajian impak ke atas program TVi yang meliputi Sabah dan Sarawak akan dibuat pada suku tahun keempat 2014 menggunakan kaedah panel rakyat dan <i>call centre</i> di bawah KKMM.</p>
10.5.2.2.b	<p>Proses Pemilihan Melalui Sistem <i>Pitching</i></p> <p>Semakan Audit terhadap senarai perolehan program bagi saluran TVi mendapati 10 program berjumlah RM2.29 juta telah diluluskan oleh LPA dengan melalui kaedah penilaian <i>finished product</i> (program sedia untuk disiarkan) atau kaedah penilaian kertas cadangan oleh Jawatankuasa Panel Penilaian Rancangan RTM. KKMM tidak memohon kelulusan Perbendaharaan bagi menggunakan kaedah selain daripada proses <i>pitching</i>.</p>	<p>Perolehan di RTM adalah melalui kaedah rundingan terus yang terdiri dari 3 proses:-</p> <p>a) Sesi Saringan (<i>Pitching</i>);</p> <p>b) Penilaian Proposal oleh Jawatankuasa Panel Penilaian Rancangan RTM; dan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>c) Penilaian <i>Finished Product</i>.</p> <p>Selain daripada kaedah <i>pitching</i>, dua (2) kaedah perolehan lain iaitu melalui Penilaian Proposal dan Penilaian <i>Finished Product</i> oleh Jawatankuasa Panel Penilaian Rancangan RTM akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Ini termasuk 10 program yang tidak melalui proses <i>pitching</i>.</p> <p>Oleh itu, KKMM akan memohon kelulusan kepada Kementerian Kewangan untuk proses perolehan secara rundingan terus untuk penilaian proposal oleh Jawatankuasa Panel Penilaian Rancangan RTM dan Penilaian <i>Finished Product</i>.</p>
10.5.2.2.c	<p>Kertas cadangan akan dinilai daripada aspek jalan cerita, olahan dan pendekatan. Seterusnya, panel penilai RTM akan memberikan markah berdasarkan idea yang memenuhi keperluan saluran. Pembekal yang mendapat markah 80% ke atas akan diperakukan kepada LPA KKMM untuk pemilihan muktamad. Semakan Audit terhadap 2,096 program yang melebihi 80% markah mendapati sebanyak 426 program (20.32%) telah diluluskan oleh LPA KKMM bagi saluran TVi.</p>	<p>Kertas cadangan yang lulus penilaian tidak semestinya dipilih memandangkan keperluan ke atas ruang slot tayang adalah kecil berbanding dengan kertas cadangan yang lulus penilaian. Hanya cadangan yang terbaik sahaja terpilih.</p>
10.5.2.3.b	<p>Proses Mesyuarat Penerbitan</p> <p>Semakan Audit terhadap 35 sampel program mendapati purata tempoh masa yang diambil adalah selama 7 bulan dari proses <i>pitching</i> sehingga SST dikeluarkan. Proses perolehan program TV mengambil masa yang lama kerana jumlah permohonan yang diterima terlalu tinggi. Selain itu, RTM tidak menetapkan norma tempoh masa bagi setiap proses perolehan menyebabkan perancangan keperluan program tahunan tidak selaras dengan peruntukan. Akibatnya, perolehan program tidak dapat disiapkan dalam tahun semasa.</p> <p>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>KKMM akan memohon kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk proses perolehan secara rundingan terus melalui kaedah penilaian proposal oleh Jawatankuasa Panel Penilaian Rancangan RTM dan Penilaian Finished Product. Ini termasuk 10 program yang tidak melalui proses pitching.</i></p> <p><i>Berdasarkan hasil Bengkel Penyeragaman Dan Penambahbaikan Perolehan Rancangan Tahun 2014, RTM telah menetapkan tempoh had masa maksimum bagi setiap proses perolehan meliputi pendaftaran proposal, sesi saringan, pepadanan keperluan, Mesyuarat Jawatankuasa, penyediaan blanket untuk pertimbangan LPA,</i></p>	<p>Maklumbalas sama seperti di para 10.5.2.2.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>mesyuarat LPA, penyediaan surat niat dan mesyuarat penerbitan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan program adalah kurang memuaskan kerana terdapat 10 program tidak melalui proses <i>pitching</i>. Purata tempoh masa proses perolehan selama 7 bulan perlu dipercepatkan kerana boleh menjejaskan pencapaian sasaran siaran program. Selain itu, KKMM telah mematuhi peraturan Surat Perbendaharaan dari segi penurunan kuasa dan had nilai perolehan yang ditetapkan.</p>	
10.5.3.1.a	<p>Pengurusan Kontrak Formal</p> <p>Arahan Perbendaharaan 176.1 (b) menyatakan bagi perolehan melebihi RM50,000 satu kontrak formal perlu dibuat untuk memastikan kepentingan Kerajaan terjamin. Semakan Audit terhadap 426 program mendapati 413 program berjumlah RM111.30 juta tidak mempunyai kontrak formal. KKMM berpendapat SST yang diguna pakai memadai untuk menggantikan kontrak formal sebagai ikatan antara Kerajaan dengan pembekal. Akibat ketiadaan kontrak formal boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan di dalam perolehan ini tidak terjamin.</p>	<p>Tiada kontrak formal ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM50,000.00 kerana KKMM berpendapat SST memadai dan lengkap sebagai perjanjian antara kerajaan dan pembekal. KKMM beranggapan nilai perolehan kurang daripada RM200,000.00 tidak perlu satu kontrak formal untuk tempoh terhad (antara 3-6 bulan) dan SST adalah cukup untuk menjaga kepentingan kerajaan.</p> <p>KKMM akan membentangkan format kontrak formal yang lengkap pada Mesyuarat LPA bil. 3/2014.</p>
10.5.3.1.b	<p>Semakan Audit terhadap 35 sampel program mendapati semua SST telah disediakan oleh KKMM mengikut garis panduan yang telah ditetapkan serta telah disemak dan diluluskan oleh Penasihat Undang-undang (PUU). Bagaimanapun terdapat klausa yang tidak dinyatakan seperti pelanjutan tempoh kontrak, penangguhan dan perubahan kontrak. Akibatnya RTM akan menghadapi kesukaran dalam proses pemantauan terhadap pelaksanaan program.</p>	<p>Kementerian akan menggunakan kontrak formal bagi semua perolehan rancangan bagi semua saluran TV1, TV2 dan TVi mulai Mesyuarat LPA Bil. 3/2014. Oleh itu, penggunaan SST sebagai kontrak tidak timbul.</p>
10.5.3.1.c	<p>RTM bertanggungjawab mendapatkan harga pasaran bagi setiap kategori program untuk dijadikan asas kepada rundingan dengan pembekal. Semakan Audit mendapati RTM telah menggunakan jadual kadar bayaran program mengikut kategori sebagai asas pembayaran. Kadar bayaran program tersebut tidak melebihi harga siling yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.</p>	<p>RTM telah membuat kajian harga pasaran dan berasaskan hasil kajian tersebut KKMM telah menyediakan kadar harga siling tersebut dan telahpun diluluskan oleh Kementerian Kewangan.</p>
10.5.3.1.d	<p>Program saluran TVi bersiaran menerusi platform ASTRO saluran 180 secara 24 jam. RTM telah menandatangani kontrak sewaan dengan ASTRO pada 16 Mac 2009 berjumlah RM3.9 juta. Tempoh perjanjian adalah selama 3 tahun yang telah tamat pada 16 Mac 2012. Perbincangan antara KKMM dan RTM dengan pengurusan ASTRO pada 13 Jun 2012 telah bersetuju supaya kos sewaan tidak perlu dibayar mulai tahun 2012. Sebagai balasan, RTM akan mempromosikan produk ASTRO iaitu pakej NJOY melalui medium televisyen dan radio miliknya.</p>	<p>Kontrak formal antara ASTRO dan RTM sedang dalam proses penyediaan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Semakan Audit mendapati tiada kontrak formal ditandatangani antara kedua-dua pihak bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2012 hingga 2014. Ini boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan jika berlaku sebarang perselisihan di masa hadapan.</p> <p>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>KKMM akan membentangkan dan seterusnya menggunakan format kontrak formal yang lengkap pada Mesyuarat Lembaga Perolehan A Bil. 3/2014 .</i></p> <p><i>Selain itu, satu kontrak formal antara pihak Kerajaan dengan ASTRO sedang dirangka bagi membolehkan saluran TVi bersiaran menerusi platform ASTRO, saluran 180 selama 24 jam secara percuma. Pada masa yang sama, pihak Kerajaan akan mempromosikan produk NJOY di saluran RTM secara percuma. Kontrak dijangka akan ditandatangani sebelum atau pada 30 Jun 2014.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian kontrak adalah kurang memuaskan kerana tiada kontrak formal ditandatangani antara KKMM dengan pembekal. SST yang digunakan sebagai gantian kontrak formal tidak menyatakan klausa-klausa yang menjaga kepentingan Kerajaan. Selain itu, ketiadaan kontrak antara KKMM dengan pihak ASTRO boleh menimbulkan perselisihan antara kedua-dua belah pihak. Bagaimanapun, RTM telah mematuhi kadar bayaran program yang tidak melebihi harga siling yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.</p>	
10.5.3.2.a	<p>Pengurusan Bon Pelaksanaan</p> <p>SST dan Arahan Perbendaharaan 176.2 (a) telah menetapkan pembekal perlu mengemukakan bon pelaksanaan bagi perolehan melebihi RM200,000. Semakan Audit mendapati 75 program tidak dikemukakan bon pelaksanaan berjumlah RM0.86 juta bagi perolehan program tahun 2011 hingga 30 Jun 2013.</p>	<p>Pengurusan Tertinggi KKMM sedang membuat pemantauan malah telah meminta Unit Audit Dalam, KKMM membuat pemantauan terhadap tahap penggunaan sistem eKS tersebut. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap pegawai berkenaan sekiranya semua pangkalan data dan penggunaan sistem ini tidak disempurnakan sebelum 30 Jun 2014.</p>
10.5.3.2.b	<p>SST telah menetapkan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah berkuat kuasa sehingga 12 bulan selepas tamat tempoh kontrak. Semakan Audit terhadap rekod pemantauan perolehan program mendapati 53 bon pelaksanaan tidak meliputi tempoh jaminan 12 bulan selepas kontrak tamat. Nilai bon pelaksanaan yang terlibat adalah berjumlah RM0.68 juta.</p>	<p>Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 18 April 2014 telah memaklumkan bahawa pematuhan terhadap perenggan 51.1 (b) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 2007 adalah kekal. Walaubagaimanapun, KKMM boleh melepaskan bon pelaksanaan lebih awal selaras dengan perenggan 53.1 (a) dan (b) di dalam SPP berkenaan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.3.2.c	<p>SPP Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan sekiranya tempoh bagi kontrak dilanjutkan, maka pembekal hendaklah mengambil tindakan melanjutkan tempoh sah laku bon pelaksanaan bagi kontrak tersebut. Semakan Audit terhadap 4 program yang lewat jadual bagi tahun 2011 mendapati 2 program yang mendapat kelulusan pelanjutan kontrak tetapi tidak dilanjutkan tempoh sah laku bon pelaksanaan.</p>	<p>KKMM / RTM terlepas pandang terhadap perlanjutan bon pelaksanaan tersebut. Walau bagaimanapun, syarikat telah membekalkan program tersebut dengan sempurna. Pada masa hadapan, RTM akan memastikan kes seperti ini tidak akan berulang.</p>
10.5.3.2.d	<p>Cawangan Pengurusan Perolehan KKMM bertanggungjawab dalam memastikan rekod dan pengurusan bon pelaksanaan mematuhi peraturan kewangan. Semakan Audit mendapati kelemahan pengurusan bon pelaksanaan disebabkan kurang pemantauan terhadap rekod-rekod perolehan program. Ini menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin sekiranya obligasi dalam kontrak tidak dipatuhi.</p> <p>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Pengurusan bon pelaksanaan akan dipantau melalui Sistem Pemantauan Kontrak Bersepadu (eKS). Pengurusan Tertinggi KKMM telah mengarahkan Unit Audit Dalam untuk memantau tahap penggunaan sistem berkenaan. Tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pegawai bertanggungjawab sekiranya pangkalan data dan penggunaan sistem ini tidak disempurnakan sebelum 30 Jun 2014.</i></p> <p><i>Selain itu, berdasarkan maklum balas Kementerian Kewangan terhadap permohonan KKMM berhubung isu tempoh kuat kuasa bon pelaksanaan dan isu pelepasan awal bon pelaksanaan bagi bekalan filem/drama, perenggan 51.1 (b) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah kekal. Bagaimanapun, KKMM boleh melepaskan bon pelaksanaan lebih awal selaras dengan perenggan 53.1 (a) dan (b) di dalam SPP berkenaan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan bon pelaksanaan adalah kurang memuaskan kerana terdapat bon pelaksanaan tidak dikemukakan, tempoh jaminan tidak meliputi 12 bulan selepas tamat kontrak dan tempoh sah laku bon tidak dilanjutkan selepas lanjutan tempoh kontrak. Kelemahan tersebut boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.</p>	<p>Mulai Mei 2014, RTM telah menggunakan sistem Pemantauan Kontrak Bersepadu (eKS) dan dengan penggunaan sistem eKS akan membolehkan pemantauan kontrak dibuat dengan lebih rapi dan teratur.</p>
10.5.4.1.b	<p>Proses Penilaian Kandungan</p> <p>RTM mengenakan potongan harga kontrak kepada pembekal yang gagal mencapai gred A. Program yang memperoleh gred A menerima bayaran penuh manakala bagi gred yang lain akan dibuat potongan harga antara 2% hingga 9% daripada harga yang ditawarkan. Analisis Audit terhadap 233 program siap mendapati 172 program (73.82%) telah dikenakan potongan harga berjumlah RM1.48 juta.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, proses penilaian kandungan program adalah memuaskan kerana telah dapat mengesan 79.83% program yang tidak memenuhi tahap kualiti. Selanjutnya, 172 program telah dikenakan potongan harga kontrak berjumlah RM1.48 juta.</p>	
<p>10.5.4.2.a</p>	<p>Proses Penilaian Teknikal</p> <p>Setelah penilaian kandungan dijalankan, program dalam bentuk DVD akan dipindahkan ke medium pita beta digital. Seterusnya, proses penilaian teknikal terhadap pita akan dilaksanakan oleh Bahagian Kejuruteraan TV RTM. Penilaian ini bertujuan untuk menentukan mutu teknikal bahan atau spesifikasi teknikal di dalam SST telah dipatuhi. Analisis Audit mendapati antara kelemahan yang sering dikesan oleh panel penilaian teknikal adalah daripada aspek audio, video dan pencahayaan.</p>	
<p>10.5.4.2.b</p>	<p>Pita beta digital hendaklah dinilai dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan bagi kategori telemovie dan dokumentari manakala 60 hari bagi kategori drama bersiri, muzikal, majalah dan animasi. Laporan penilaian teknikal akan dikeluarkan kepada pembekal supaya tindakan penambahbaikan dapat diambil. Seterusnya, Unit Kandungan Dan Kreatif (UKK) RTM akan mengeluarkan Sijil Lulus <i>Quality Control</i> (QC) selepas pita beta digital diterima dengan sempurna. Sijil Lulus QC adalah merupakan dokumen penting yang dikemukakan oleh RTM kepada Bahagian Kewangan KKMM bagi tujuan pembayaran. Semakan Audit mendapati 58 program yang dinilai melebihi tempoh yang telah ditetapkan. Kelewatan antara 31 hingga 300 hari disebabkan Panel Penilaian Teknikal menerima jumlah program yang tinggi pada satu masa dan mengakibatkan program tidak dapat disiarkan mengikut jadual siaran.</p> <p>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Proses penambahbaikan penilaian teknikal akan dilaksanakan secara berterusan. Bagi mengatasi masalah beban tugas Panel Penilaian Teknikal, RTM akan mengadakan sesi taklimat khusus kepada pembekal baru untuk menjelaskan syarat yang wajib dipatuhi dalam mengemukakan cadangan program-program TV. Pada masa yang sama, RTM akan memuat naik pematuhan spesifikasi teknikal di dalam portal sebagai makluman kepada pembekal-pembekal. Manual Prosedur Kerja (SOP) berhubung perkara ini telah dibincang dalam Mesyuarat Penyeragaman dan Penambahbaikan Perolehan Rancangan Tahun 2014.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, proses penilaian teknikal adalah memuaskan kerana telah membuat tapisan teknikal secara teliti. Namun begitu penambahbaikan proses penilaian teknikal perlu dibuat agar dapat memenuhi tempoh yang telah ditetapkan.</p>	<p>RTM sedang menyediakan <i>Standard of Procedure</i> (SOP) mengenai proses penilaian teknikal dan SOP ini dijangka dapat memendekkan tempoh penilaian program.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>10.5.4.3.d</p>	<p>Proses Penyimpanan</p> <p>Semakan Audit mendapati pita-pita program luar negara sejak tahun 2001 dan telah tamat tempoh sewaan masih belum dituntut oleh pembekal walaupun surat peringatan telah dikeluarkan. Ini menyebabkan ruang simpanan tidak mencukupi bagi menampung keperluan ruangan penyimpanan pita hak milik RTM.</p> <p>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>RTM akan memberi peringatan terakhir kepada pembekal-pembekal supaya mengambil pita-pita yang telah tamat tempoh sewaan sebelum 31 Ogos 2014. Tindakan pelupusan akan dilaksanakan selepas tempoh berkenaan.</i></p> <p><i>Bagi mengatasi masalah ini, RTM akan menambah klausa dalam perjanjian dengan menyatakan pita program luar negara yang telah tamat tempoh sewaan hendaklah dituntut dalam tempoh sebulan selepas tarikh tamat tempoh sewaan sebelum tindakan pelupusan diambil.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, proses pengurusan penyimpanan pita beta digital adalah memuaskan kerana telah mematuhi prosedur penerimaan dan pengeluaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat pita-pita yang telah tamat tempoh sewaan sejak tahun 2001 masih belum dituntut oleh pembekal dan menyebabkan ruang penyimpanan pita menjadi terhad.</p>	<p>RTM telah mengeluarkan surat kepada pembekal-pembekal berkenaan dan akan membuat pelupusan segera ke atas pita-pita tersebut sekiranya tidak dituntut oleh pihak pembekal selepas tamat tempoh yang telah ditetapkan.</p>
<p>10.5.5.1.b</p>	<p>Pendaftaran Aset</p> <p>Semakan Audit mendapati 196 program saluran TVi berjumlah RM44.34 juta dan 170 program berjumlah RM43.70 juta bagi saluran TV1 dan TV2 tidak didaftarkan sebagai harta modal. Ini disebabkan RTM berpendapat program yang dibeli lebih sesuai direkodkan sebagai stok program dan bukan merupakan harta modal Kerajaan. Akibatnya Laporan Tahunan Harta Modal dan Inventori bagi RTM yang dilaporkan ke Kementerian tidak tepat kerana tidak mengambil kira perolehan program siaran milik Kerajaan.</p>	<p>KKMM berpandangan bahawa perolehan program tidak didaftarkan sebagai harta modal kerana perbelanjaan program tersebut menggunakan peruntukan di bawah kod objek 29000. Bagaimanapun, bagi memastikan penggunaan kod objek 29000 teratur, KKMM telah menghantar surat kepada Kementerian Kewangan pada 4 April 2014. KKMM sedang menunggu maklum balas daripada Kementerian Kewangan berhubung perkara tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.5.2.a	<p>Pemeriksaan Dan Pelupusan Aset</p> <p>PP Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan pemeriksaan aset hendaklah dilakukan ke atas fizikal, rekod dan penempatan sekurang-kurangnya sekali setahun. Tujuan pemeriksaan adalah untuk memastikan setiap aset mempunyai rekod yang lengkap, tepat, kemas kini dan aset berada dalam keadaan yang baik. Selain itu, Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) perlu dikemukakan kepada Ketua Jabatan Pemeriksaan Aset dilaksanakan. Semakan Audit mendapati RTM telah menjalankan pemeriksaan aset bagi tahun 2012 dan 2013. Semakan lanjut terhadap Laporan Pemeriksaan Harta Modal mendapati aset yang diperiksa oleh RTM tidak termasuk pita beta digital saluran TVi yang disimpan di dalam Perpustakaan TV. Ini boleh menyebabkan kesukaran dalam mengesahkan kewujudan fizikal aset sekiranya berlaku kehilangan, bencana alam, kebakaran dan pelupusan aset.</p>	<p>KKMM dan Kementerian Kewangan akan segera mengadakan perbincangan mengenai pendaftaran aset tidak ketara.</p>
10.5.5.2.b	<p>Semakan Audit mendapati terdapat 5,815 pita bernilai RM499,592 telah diluluskan pelupusan oleh Ketua Pengarah RTM pada 2 Julai 2012. Analisis Audit selanjutnya mendapati sebanyak 1,213 pita bernilai RM48,520 merupakan pita sewaan program luar negara (syndicated) yang telah tamat tempoh sewaan sejak tahun 1995 hingga 2000. Pita tersebut dilupuskan secara musnah pada 19 September 2012. RTM melupuskan pita-pita tersebut kerana pembekal yang terlibat tidak mengambil semula pita sewaan walaupun telah diberikan surat peringatan.</p> <p>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>KKMM berpandangan perolehan program tidak perlu didaftarkan sebagai harta modal kerana perbelanjaan bagi perolehan berkenaan telah menggunakan peruntukan bawah kod objek 29000. Selain itu, Jawatankuasa Pengumpulan Data Untuk Perakaunan Akruan yang bermesyuarat pada 14 April 2014 belum menentukan sama ada perolehan program perlu didaftarkan sebagai aset. Jawatankuasa telah merujuk isu ini kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Pada masa yang sama, KKMM juga telah menghantar surat kepada Kementerian Kewangan pada 4 April 2014 bagi mendapat pandangan dan penjelasan lanjut berhubung isu ini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan aset alih khususnya pendaftaran dan pemeriksaan aset adalah kurang memuaskan kerana pita beta digital tidak didaftarkan sebagai aset Kerajaan. Selain itu, pemeriksaan aset yang telah dijalankan oleh RTM tidak merangkumi pita beta digital dan laporan kedudukan aset RTM tidak tepat. Bagaimanapun RTM telah mematuhi tatacara pelupusan aset yang berkuat kuasa.</p>	<p>Walaupun pita beta digital tidak didaftarkan sebagai aset kerajaan, namun program berkenaan telah direkodkan dalam sistem Broadcast Management System (BMS) yang juga <i>link</i> dengan Unit Perpustakaan TV RTM.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.6.1.b	<p>Pemantauan Pelaksanaan Program Peringkat Kementerian</p> <p>CPP KKMM selaku urusetia Lembaga Perolehan KKMM akan menguruskan pengeluaran Surat Niat, SST, pengurusan bon pelaksanaan, kelulusan pelanjutan tempoh kontrak dan pengurusan pembatalan kontrak. Maklumat berkaitan pemantauan program diterima daripada RTM untuk tindakan selanjutnya. KKMM telah mewujudkan sistem pemantauan terhadap pelaksanaan program seperti menyediakan pangkalan data mengenai maklumat SST, pelanjutan kontrak dan bon pelaksanaan. Semakan Audit mendapati wujud kelemahan dalam sistem pangkalan data kerana tidak dikemaskini oleh pegawai berkenaan dan tiada bukti bahawa semakan oleh penyelia telah dilakukan terhadap rekod-rekod pemantauan.</p>	<p>Penurunan kuasa kepada pegawai pada ketika ini difikirkan tidak perlu kerana KKMM telah menubuhkan dua jawatankuasa seperti mana di perenggan 10.5.1.2.b.</p> <p>Walaubagaimanapun, cadangan ini akan dinilai semula dan sekiranya penurunan kuasa masih diperlukan, KKMM akan menyusuli tindakan.</p> <p>Maklumat di dalam sistem eKS telah dan sedang dikemas kini dan adalah dijangkakan dapat diselesaikan sebelum 30 Jun 2014. Pemantauan secara berkala akan dilakukan dan sekiranya pangkalan data tidak dikemas kini selepas 30 Jun 2014, tindakan tatatertib terhadap pegawai yang bertanggungjawab.</p>
10.5.6.2	<p>Pemantauan Pelaksanaan Program Peringkat Jabatan</p> <p>Unit Kandungan Dan Kreatif (UKK) bertanggungjawab secara langsung untuk mengurus dan memantau pelaksanaan program. Mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya setiap minggu oleh UKK bersama-sama wakil saluran TV bertujuan memantau kemajuan pelaksanaan program. Penyediaan butiran jadual kerja oleh pembekal adalah penting untuk memberi justifikasi pelanjutan masa penghantaran DVD. Semakan Audit mendapati pemantauan adalah kurang memuaskan kerana tiada dokumentasi masalah kelewatan dan butiran jadual kerja disediakan.</p> <p>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>KKMM berpandangan penurunan kuasa kepada pegawai adalah tidak perlu buat masa kini kerana dua jawatankuasa telah ditubuhkan untuk memantapkan pengurusan perolehan program. Selain itu, maklumat di dalam Sistem Pemantauan Kontrak Bersepadu (eKS) sedang dikemaskini dan dijangka selesai sebelum 30 Jun 2014.</i></p> <p><i>RTM juga dijangka akan mengguna pakai sistem eKS selepas kelulusan Mesyuarat Lembaga Perolehan A Bil.3/2014 bagi tujuan pemantauan kontrak.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pemantauan pelaksanaan program di peringkat KKMM dan RTM adalah kurang memuaskan kerana tiada penurunan kuasa sebagai wakil pentadbir kontrak serta maklumat di dalam pangkalan data yang tidak kemas kini.</p>	<p>Perkara ini boleh diatasi setelah RTM menggunakan sistem eKS. Di samping itu, satu Jawatankuasa Pemantauan dan Pelanjutan Kontrak telahpun diwujudkan bagi mentadbir kontrak-kontrak berkenaan.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Perenggan 11 : Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.1.2.a	Pada asalnya Kerajaan telah meluluskan siling peruntukan berjumlah RM70.69 juta di bawah RMKe-9. Bagaimanapun, siling peruntukan ini telah dimuktamadkan dengan nilai RM77 juta.	Permohonan Notis Perubahan Siling (NOC) bagi projek-projek <i>Private Finance Initiative</i> (PFI) Kementerian ini telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui surat rujukan KDN/PB/600-3/7 Jld.2 (11) bertarikh 7 April 2014 dan pihak Kementerian Kewangan akan mengadakan satu perbincangan berhubung perkara tersebut dalam masa terdekat.
11.5.1.2.b	<p>Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2013, sebanyak 17 Arahan Perubahan Kerja (APK) telah diluluskan berjumlah RM2.37 juta dan 42 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) telah diluluskan berjumlah RM3.99 juta. Selepas mengambil kira APK dan PHK, nilai kontrak asal yang berjumlah RM64 juta telah meningkat kepada RM70.36 juta, iaitu peningkatan sebanyak 9.9%. Selain daripada harga kontrak, Kementerian Dalam Negeri juga menanggung kos lain yang terlibat dengan projek ini berjumlah RM8.18 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi projek ini adalah kurang memuaskan kerana sehingga 31 Disember 2013, jumlah kos projek adalah melebihi peruntukan yang diluluskan di mana lebihan kos adalah sejumlah RM1.54 juta (2%) daripada siling peruntukan pembiayaan PFI yang telah dimuktamadkan berjumlah RM77 juta.</p>	
11.5.1.3	<p>Pencapaian Outcome</p> <p>Perakuan Serahan Kerja Siap telah dikeluarkan oleh JKR Wilayah Persekutuan pada 5 Jun 2013. Bagaimanapun, bangunan ini hanya diduduki sepenuhnya pada bulan Januari 2014. Dalam tempoh pembinaan, Balai Polis Sentul telah beroperasi sementara di premis yang disewa di SO1 Level 1, Putra Majestik AT. Lot 29 Sek 83, Jalan Kasipillay, Kuala Lumpur dengan kadar sewa RM12,252 sebulan. Tempoh sewaan adalah selama 3 tahun bermula pada 1 April 2010 hingga 30 Mac 2013. Bagaimanapun, tempoh sewaan ini telah dilanjutkan sehingga 30 Mac 2014 memandangkan perpindahan ke bangunan baru tidak dapat dilaksanakan mengikut masa yang dirancang.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan projek ini dan kelewatan perpindahan ke bangunan baru mengakibatkan pihak KDN terpaksa menanggung kos sewaan berjumlah RM73,512 yang dikira dari bulan Julai hingga Disember 2013.</p>	Kementerian mengakui teguran dan mengambil maklum akan pemerhatian audit. Pihak Kementerian akan memastikan perkara yang sama tidak berulang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 31 Mac dan 30 April 2014</p> <p><i>Kelewatan masuk ke IPD Sentul yang baru disebabkan oleh penyerahan kunci bangunan kepada pihak pengurusan IPD Sentul hanya diterima pada 25 November 2013 dan terdapat beberapa isu lain yang belum diselesaikan seperti tiada perkhidmatan talian telefon dan internet. IPD Sentul mula beroperasi sepenuhnya pada 2 Disember 2013. Tempoh sewaan balai sementara IPD Sentul telah dilanjutkan setahun lagi kepada 30 Mac 2014 kerana projek tersebut belum dapat disiapkan lagi pada ketika itu. Pada ketika ini kerja-kerja baik pulih Balai Polis Sementara (sewaan) kepada keadaan asal telah pun dibuat dan bangunan sewaan tersebut akan diserahkan kepada pemiliknya pada waktu terdekat sebelum tamat tempoh sewaan semasa. Bagi projek-projek kendalian JKR, pihak KDN akan menyediakan Standard Operating Procedure (SOP) bersama JKR berkaitan tatacara penyerahan projek bagi mengelakkan masalah ini berulang.</i></p>	
11.5.2.1.a	<p>Pengurusan Pembinaan - Pelantikan Kontraktor</p> <p>Mengikut Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 2 Julai 2003, bagi memastikan pelaksanaan projek secara rundingan terus tidak mengalami kelewatan, agensi dikehendaki memastikan rundingan dengan kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga dan tempoh siap serta lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh 6 bulan selepas Surat Niat dikeluarkan bagi nilai projek yang berjumlah melebihi RM10 juta. Tawaran melaksanakan projek ini secara rundingan terus akan terbatal secara automatik jika tempoh tersebut dilangkaui. Manakala Surat Arahan Perbendaraan bertarikh 30 Julai 2002 menyatakan Surat Niat hendaklah dikeluarkan dalam tempoh satu minggu selepas menerima kelulusan Kementerian Kewangan.</p>	Maklum balas terkini adalah sama seperti maklum balas yang dihantar pada 9 April 2014
11.5.2.1.b	<p>Semakan Audit mendapati Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh pada 24 September 2008 telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan Syarikat SAFF Builders Sdn. Bhd. Bagaimanapun, tidak ada bukti Surat Niat dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh masa yang diambil untuk memuktamadkan rundingan harga.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 09 April 2014</p> <p><i>Memandangkan projek ini merupakan projek konvensional secara rundingan terus, maka hanya memadai dengan mengeluarkan Surat Pelawaan Mengemukakan Tender. Ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>2007 yang menyatakan Surat Niat merupakan pernyataan hasrat Kerajaan untuk menerima tawaran daripada petender tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dan tidak mengikat kedua-dua pihak kepada satu kontrak.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 tidak menyatakan Surat Pelawaan Mengemukakan Tender adalah memadai bagi projek konvensional secara rundingan terus. Sebaliknya, Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 2 Julai 2003 dan 26 Mac 2008 jelas menyatakan Surat Niat hendaklah dikeluarkan bagi perolehan yang diluluskan secara rundingan terus.</p>	
11.5.2.3.b	<p>Perolehan Bahan/Barangan Import Tidak Mendapat Kelulusan Kementerian Kewangan</p> <p>Semakan Audit mendapati perolehan tiga bahan/barangan import yang sedia ada dalam negara (<i>ex-stock</i>) bernilai RM4.21 juta tidak mendapat kelulusan MOF sebelum perolehan bahan/barangan tersebut dibuat.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR hendaklah mendapatkan kelulusan daripada MOF terlebih dahulu bagi perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam negara (<i>ex-stock</i>) untuk digunakan bagi tujuan pembinaan projek ini. Ini adalah selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan dan hasrat Kerajaan untuk memastikan penggunaan bahan/barangan tempatan diutamakan.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 30 April 2014</p> <p><i>Pihak JKR tidak memohon kelulusan MOF kerana Sistem Fasad ini adalah buatan tempatan. Pihak Kontraktor bagi projek ini telah mendapat bekalan komponen fasad daripada pembekal tempatan (berdaftar di Malaysia). Panel cermin dan komposit aluminium adalah sebahagian daripada sistem reka bentuk fasad dan dilaksanakan oleh pembekal yang merupakan pengilang bagi kerja-kerja pembekalan dan pemasangan fasad di tapak. Pembekal tersebut telah membekalkan keseluruhan Sistem Fasad dengan mendapatkan bahan mentah iaitu panel cermin dan komposit daripada luar negara dan pembuatan bingkai serta kerja pemotongan panel-panel mengikut saiz yang diperlukan di tapak.</i></p>	Maklum balas terkini adalah sama seperti maklum balas yang dihantar pada 30 April 2014

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.2.4	<p>Pagar Keselamatan Tidak Dibina Di Hadapan Balai Polis</p> <p>Pembinaan pagar bagi Balai Polis adalah penting dari segi keselamatan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati pembinaan pagar keselamatan tidak meliputi keseluruhan kawasan kompleks di mana pagar keselamatan tidak dibina di hadapan balai.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembinaan pagar di hadapan Balai Polis adalah perlu sebagai langkah keselamatan memandangkan kedudukan Balai Polis ini berhampiran dengan jalan utama dan terdedah kepada pencerobohan. Selain itu, pos pengawal hendaklah juga dibina untuk mengawal orang ramai keluar masuk Balai Polis tersebut. Ini adalah selaras dengan Arahan Keselamatan Kerajaan.</p> <p>Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 31 Mac 2014 dan 30 April 2014</p> <p><i>Pembinaan pagar keselamatan di hadapan balai tidak termasuk dalam skop projek pada masa tersebut kerana mengamalkan konsep 'mesra pengguna' pada ketika itu. Lagipun, kawasan yang terlibat hanyalah melibatkan laluan masuk ke pintu utama kaunter pertanyaan Balai Polis Sentul sahaja yang beroperasi 24 jam dan ada anggota yang bertugas. Bagaimanapun, atas penelitian keadaan keselamatan semasa pihak PDRM telah mengambil inisiatif dengan membuat pelawaan sebut harga untuk pembinaan pagar keselamatan. Mesyuarat jawatankuasa dijangka akan bersidang pada minggu pertama bulan Mei 2014 dan pembinaannya akan dimulakan pada minggu kedua bulan Mei 2014. Kerja-kerja akan disiapkan dalam tempoh 45 hari. Untuk langkah keselamatan sementara, penghadang mudah alih 'crowd barrier' telah diletakkan di kawasan yang terlibat. Skop pembinaan pos pengawal telah dan sedang dilaksanakan untuk kompleks PDRM sekarang.</i></p>	<p>Pembinaan pagar keselamatan di hadapan balai tidak termasuk dalam skop projek kerana mengamalkan konsep 'mesra pengguna' sebagaimana yang dipersetujui semasa Mesyuarat Khas dan Taklimat Penyediaan Maklumbalas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 pada 5 Mei 2014 di Kementerian Kewangan.</p>
11.5.4.1	<p>Reka bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai</p> <p>Reka bentuk yang dihasilkan mestilah sesuai dan memenuhi keperluan pengguna. Lawatan Audit pada 29 dan 30 September 2013 serta 19 Mac 2014 mendapati beberapa reka bentuk pembinaan yang dihasilkan oleh perunding adalah tidak sesuai.</p>	<p>Surat Arahan kepada kontraktor untuk menyiapkan kerja-kerja pembaikan telah dikeluarkan berikutan projek masih dalam tempoh DLP. Kerja-kerja pembaikan sedang dilaksanakan sebelum tamat tempoh DLP pada 31 Mei 2014.</p>
11.5.4.2.a	<p>Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan</p> <p>JKR hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor untuk mengenal pasti sama ada terdapat kerosakan dan kecacatan. Lawatan Audit juga mendapati terdapat kerja pembinaan yang kualitinya adalah tidak memuaskan. Bagaimanapun, Kontraktor telah mengambil tindakan pembaikan</p>	<p>Maklum balas terkini adalah sama seperti maklum balas yang dihantar pada 30 April 2014</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	selepas teguran Audit.	
11.5.4.2.b	<p>Selain daripada itu, terdapat kelemahan/kecacatan yang masih dalam proses pembaikan oleh kontraktor.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak pelanggan dan JKR perlu melaporkan kecacatan kerja tersebut kepada kontraktor dengan segera dan memastikan kontraktor mengambil tindakan pembaikan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 30 April 2014</p> <p><i>Kerja-kerja pembaikan kecacatan dan kerosakan telah dilaksanakan secara berperingkat dan baki kecacatan akan siap sepenuhnya sebelum tempoh tanggungan kecacatan yang akan tamat pada 31 Mei 2014.</i></p>	
11.5.5.1	<p>Pemantauan</p> <p>Bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan lancar dan memuaskan, pendekatan pemantauan telah dilakukan oleh JKR adalah seperti mengadakan Mesyuarat Tapak Bina dan Mesyuarat Teknikal. Mesyuarat Tapak Bina diadakan untuk membincangkan masalah-masalah semasa melaksanakan kerja pembinaan. Mesyuarat Teknikal pula diadakan bertujuan untuk membincangkan dan menyelesaikan masalah berkaitan teknikal berkaitan kerja pembinaan.</p>	<p>Pihak JKR memantau prestasi juruperunding/kontraktor melalui mesyuarat Tapak, Teknikal dan surat peringatan. Namun dari masa ke masa, pihak pelanggan memohon pindaan/tambahan skop untuk mengambilkira keperluan semasa menyebabkan kelewatan berlaku.</p>
11.5.5.2	<p>Semakan Audit mendapati Mesyuarat Tapak telah diadakan sebanyak 36 kali dari tahun 2010 hingga 2013. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh JKR, kontraktor, Polis DiRaja Malaysia dan perunding yang dilantik. Manakala, Mesyuarat Teknikal telah diadakan sebanyak 17 kali dari tahun 2010 hingga 2012 dan dihadiri oleh JKR, kontraktor dan perunding yang dilantik. Bagaimanapun, masih terdapat kelewatan Perunding Elektrik menyiapkan dan memuktamadkan lukisan pembinaan yang menyebabkan lanjutan masa diberikan kepada kontraktor.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pemantauan yang dijalankan oleh pihak JKR terhadap perunding adalah kurang berkesan dan perlu dipertingkatkan. Perunding yang dilantik perlu mengambil tindakan segera terhadap isu-isu teknikal yang dibangkitkan dan mewujudkan koordinasi yang berkesan.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan Imigresen Malaysia

Perenggan 12 : Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pekerja Asing Dan Pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.3.1.b	<p>Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pekerja Asing Dan Pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara - Keperluan Menambah Baik Proses Permohonan Dan Kelulusan Kuota Pengambilan Pekerja Asing</p> <p>Sampel pengauditan yang dipilih adalah berdasarkan 640 dokumen permohonan terdiri daripada 14,841 dokumen permohonan kuota pengambilan pekerja asing bagi sektor pembinaan dan perkhidmatan (sub-sektor pencucian/pembersihan dan restoran) bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan November 2013 di Bahagian Pekerja Asing, KDN. Daripada 640 dokumen permohonan yang diminta hanya 169 (26.4%) dokumen telah dikemukakan kepada pihak Audit. Semakan Audit terhadap 169 dokumen permohonan tersebut mendapati dokumen permohonan yang dikemukakan untuk disemak juga tidak mengikut senarai sampel yang telah dipilih. Pihak Audit dimaklumkan bahawa dokumen permohonan berkenaan tidak dapat dikesan dan banyak di antaranya telah dimusnahkan kerana masalah ruang penyimpanan dokumen yang terhad. Pihak Audit juga mendapati dokumen permohonan tidak disimpan dengan teratur contohnya dokumen tidak disimpan mengikut tempoh tertentu sama ada mengikut tarikh <i>data entry</i>/kelulusan sebaliknya disusun mengikut jenis permohonan. Ini menyebabkan ia sukar dikesan.</p> <p>Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 27 Februari 2014</p> <p><i>Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN telah berpindah pejabat pada 1 Oktober 2011 dan telah melakukan kerja pengubahsuaian pejabat dan terlibat dengan Program 6P (Pemutihan) bermula dari bulan Oktober 2011 sehingga bulan Disember 2012. Sehubungan itu, fail berkenaan tidak dapat disusun dengan baik. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan telah diambil dan semua fail permohonan telah disusun mengikut tarikh surat kelulusan bersyarat.</i></p>	<p>Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN telah berpindah pejabat pada 1 Oktober 2011 dan telah melakukan kerja pengubahsuaian pejabat dan terlibat dengan Program 6P (Pemutihan) bermula dari bulan Oktober 2011 sehingga bulan Disember 2012. Sehubungan itu, fail berkenaan tidak dapat disusun dengan baik. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan telah diambil dan semua fail permohonan telah disusun mengikut tarikh surat kelulusan bersyarat.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.3.1.c	<p>Di OSC KDN, permohonan majikan untuk kuota pengambilan pekerja asing perlu mendapat kelulusan daripada Ahli Panel Pengambilan Pekerja Asing. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kelemahan dalam proses kelulusan sedia ada di OSC KDN. Kertas kerja berhubung penambahbaikan terhadap proses kerja di OSC KDN telah disediakan, dibentang, dibincang dan diputuskan dalam Mesyuarat JKKPA-PATI pada 17 Mac 2011. Satu mesyuarat lain untuk menyelaras dan memikirkan mekanisme serta kaedah pelaksanaan terhadap keputusan Mesyuarat JKKPA-PATI itu juga telah diadakan pada 3 Mei 2011. Antara cadangan dan keputusan mesyuarat penyelarasan tersebut adalah kuota kelulusan pekerja asing dan syarat kelayakan majikan perlu ditentukan oleh agensi kawal selia mengikut sektor dan sub-sektor yang berkenaan. Agensi kawal selia perlu diperkasakan peranannya di mana agensi kawal selia berkenaan perlu membuat tapisan permohonan pekerja asing dengan menentukan kuota kelulusan pekerja asing serta syarat kelayakan majikan. Selanjutnya mesyuarat menyebut mengenai keperluan penggunaan format Jawatankuasa Pegawai Dagang bagi memproses permohonan majikan di OSC KDN iaitu dengan mengadakan mesyuarat untuk memberi kelulusan kepada permohonan majikan setelah pengesahan dokumen dibuat oleh agensi kawal selia. Cadangan pelaksanaan terhadap penambahbaikan proses kerja adalah pada 1 Ogos 2011.</p>	<p>Kementerian mengakui bahawa terdapat permohonan yang diproses, tiada kelulusan ahli panel daripada agensi kawal selia sepertimana pemerhatian audit susulan pada 10 April 2014 terhadap 24 dokumen permohonan pengambilan pekerja asing. Perkara ini berlaku kerana ketidakhadiran panel bertugas dari agensi-agensi berkenaan. Pusat Kelulusan Setempat (OSC) menjalankan operasi setiap hari dan keputusan permohonan dimaklumkan hari yang sama kepada majikan. Semua permohonan pengambilan pekerja asing di Semenanjung Malaysia berpusat di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN. Selaku urus setia OSC pihak KDN meneruskan untuk memproses permohonan tersebut sekiranya panel agensi kawal selia tidak hadir memandangkan majikan yang hadir dari seluruh Semenanjung Malaysia telah hadir pada hari tersebut untuk memohon pekerja asing.</p> <p>Pegawai KDN akan merujuk Buku Dasar, Prosedur, Syarat-syarat Pengambilan Pekerja Asing sebagai garis panduan untuk mempertimbang permohonan di mana buku garis panduan tersebut merupakan syarat-syarat dan kaedah penilaian oleh agensi kawal selia berkaitan. Arahan kepada Pegawai-pegawai di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mempertimbangkan dan menjalankan tugas kelulusan-kelulusan di Pusat Kelulusan Setempat telah dikeluarkan oleh mantan Y.Bhg. KSU pada masa itu melalui surat bertarikh 29 Julai 2005.</p> <p>Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pemandang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 1 Julai 2013 telah bersetuju dengan pembentangan mengenai kertas makluman "Penambahbaikan Peranan Pusat Kelulusan Setempat (OSC)" oleh KDN dan bersetuju supaya semua agensi kawal selia perlu menempatkan pegawai sepenuh masa di OSC KDN. Perkara yang sama juga telah dimaklumkan kepada semua agensi kawal selia dan Kementerian Sumber Manusia dalam <i>Retreat</i> Pengurusan Warga Asing KDN pada 9 hingga 11 Februari 2014 dan dalam Mesyuarat Penyelarasan JKKPA-PATI pada 6 Februari 2014. KDN juga turut membangkitkan isu kehadiran pegawai di OSC dalam Mesyuarat Dasar, Prosedur dan Syarat-syarat Penggajian Pekerja Asing di Malaysia yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Sri KSU KPDNKK pada 6 Mac 2014.</p>
12.5.3.1.d	<p>Pada Mesyuarat JKKPA-PATI bertarikh 1 Julai 2013 juga dibentangkan kertas pertimbangan berhubung penambahbaikan peranan OSC KDN. Mesyuarat pada kali ini bersetuju untuk mengkaji semula kesesuaian dan keperluan kewujudan JAKPAMITI [<i>Jawatankuasa Khas Pekerja Asing MITI yang ditubuhkan pada 1 Ogos 2012 bertujuan untuk menyegerakan kelulusan kerana berlaku permintaan yang mendesak terhadap pekerja asing tanpa perlu mendapatkan Job Clearing System dan tanpa mengguna pakai nisbah kelayakan (ratio) atau kapasiti pengeluaran</i>]; kelulusan pekerja asing hanya dibuat di OSC KDN; dan agensi kawal selia perlu menempatkan pegawai sepenuh masa di OSC KDN. Persetujuan mesyuarat dibuat atas dasar untuk mengatasi sebarang isu kelewatan dan penyelewengan kelulusan.</p>	<p>Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pemandang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 1 Julai 2013 telah bersetuju dengan pembentangan mengenai kertas makluman "Penambahbaikan Peranan Pusat Kelulusan Setempat (OSC)" oleh KDN dan bersetuju supaya semua agensi kawal selia perlu menempatkan pegawai sepenuh masa di OSC KDN. Perkara yang sama juga telah dimaklumkan kepada semua agensi kawal selia dan Kementerian Sumber Manusia dalam <i>Retreat</i> Pengurusan Warga Asing KDN pada 9 hingga 11 Februari 2014 dan dalam Mesyuarat Penyelarasan JKKPA-PATI pada 6 Februari 2014. KDN juga turut membangkitkan isu kehadiran pegawai di OSC dalam Mesyuarat Dasar, Prosedur dan Syarat-syarat Penggajian Pekerja Asing di Malaysia yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Sri KSU KPDNKK pada 6 Mac 2014.</p>
12.5.3.1.e	<p>Auditan susulan pada 10 April 2014 terhadap 52 daripada 161 dokumen permohonan kelulusan kuota yang dikemukakan mendapati sebanyak 24 (46.1%) permohonan baru tidak disahkan oleh Ahli Panel Pengambilan Pekerja Asing iaitu 13 permohonan tanpa kelulusan ahli panel daripada Kementerian Sumber Manusia dan 8 permohonan tanpa kelulusan ahli panel daripada agensi kawal selia serta 3 permohonan tanpa kelulusan ahli panel daripada Kementerian Sumber Manusia dan agensi kawal selia. Sebaliknya ruangan kelulusan tersebut telah disahkan oleh pegawai KDN. Selain itu, lawatan Audit ke Bilik Temu duga Bahagian Pekerja Asing, KDN mendapati secara keseluruhannya proses kelulusan kuota pengambilan pekerja asing telah dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, tiada ahli panel yang ditempatkan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,</p>	<p>Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pemandang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 1 Julai 2013 telah bersetuju dengan pembentangan mengenai kertas makluman "Penambahbaikan Peranan Pusat Kelulusan Setempat (OSC)" oleh KDN dan bersetuju supaya semua agensi kawal selia perlu menempatkan pegawai sepenuh masa di OSC KDN. Perkara yang sama juga telah dimaklumkan kepada semua agensi kawal selia dan Kementerian Sumber Manusia dalam <i>Retreat</i> Pengurusan Warga Asing KDN pada 9 hingga 11 Februari 2014 dan dalam Mesyuarat Penyelarasan JKKPA-PATI pada 6 Februari 2014. KDN juga turut membangkitkan isu kehadiran pegawai di OSC dalam Mesyuarat Dasar, Prosedur dan Syarat-syarat Penggajian Pekerja Asing di Malaysia yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Sri KSU KPDNKK pada 6 Mac 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bagi kelulusan sektor perkhidmatan dan pertanian. Semakan Audit terhadap 3 akuan penerimaan bagi sektor perkhidmatan dan pertanian yang telah diluluskan pada hari tersebut mendapati ruangan agensi kawal selia telah disahkan oleh pegawai KDN.</p> <p>Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Kementerian mengakui bahawa terdapat permohonan yang diproses tiada kelulusan ahli panel daripada agensi kawal selia sepertimana pemerhatian audit susulan pada 10 April 2014 terhadap 24 dokumen permohonan pengambilan pekerja asing. Perkara ini berlaku kerana ketidakhadiran panel bertugas dari agensi-agensi berkenaan. Pusat Kelulusan Setempat (OSC) menjalankan operasi setiap hari dan keputusan permohonan dimaklumkan hari yang sama kepada majikan. Semua permohonan pengambilan pekerja asing di Semenanjung Malaysia berpusat di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN. Selaku urus setia OSC pihak KDN meneruskan untuk memproses permohonan tersebut sekiranya panel agensi kawal selia tidak hadir memandangkan majikan yang hadir dari seluruh Semenanjung Malaysia telah hadir pada hari tersebut untuk memohon pekerja asing.</i></p> <p><i>Pegawai KDN akan merujuk Buku Dasar, Prosedur, Syarat-syarat Pengambilan Pekerja Asing sebagai garis panduan untuk mempertimbang permohonan di mana buku garis panduan tersebut merupakan syarat-syarat dan kaedah penilaian oleh agensi kawal selia berkaitan. Arahan kepada Pegawai-pegawai di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mempertimbangkan dan menjalankan tugas kelulusan-kelulusan di Pusat Kelulusan Setempat telah dikeluarkan oleh mantan Y.Bhg. KSU pada masa itu melalui surat bertarikh 29 Julai 2005.</i></p> <p><i>Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pemandatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 1 Julai 2013 telah bersetuju dengan pembentangan mengenai kertas makluman "Penambahbaikan Peranan Pusat Kelulusan Setempat (OSC)" oleh KDN dan bersetuju supaya semua agensi kawal selia perlu menempatkan pegawai sepenuh masa di OSC KDN. Perkara yang sama juga telah dimaklumkan kepada semua agensi kawal selia dan Kementerian Sumber Manusia dalam Retreat Pengurusan Warga Asing KDN pada 9 hingga 11 Februari 2014 dan dalam Mesyuarat Penyelarasan JKKPA-PATI pada 6 Februari 2014. KDN juga turut membangkitkan isu kehadiran pegawai di OSC dalam Mesyuarat Dasar, Prosedur dan Syarat-syarat Penggajian Pekerja Asing di Malaysia yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri KSU KPDNKK pada 6 Mac 2014.</i></p>	<p>Surat pemberitahuan KDN kepada agensi-agensi kawal selia bertarikh 24 Julai 2013 berkenaan peranan agensi-agensi kawal selia memastikan pegawai panel temuduga hadir setiap hari di OSC serta surat pemberitahuan kali kedua bertarikh 24 April 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Surat pemberitahuan KDN kepada agensi-agensi kawal selia bertarikh 24 Julai 2013 berkenaan peranan agensi-agensi kawal selia memastikan pegawai panel temuduga hadir setiap hari di OSC serta surat pemberitahuan kali kedua bertarikh 24 April 2014.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, proses kelulusan kuota adalah kurang memuaskan kerana terdapat permohonan pekerja asing telah diluluskan tanpa kehadiran wakil agensi kawal selia dan Kementerian Sumber Manusia. Kehadiran ahli jawatankuasa bagi tujuan proses tersebut adalah penting bagi menjamin ketelusan proses kelulusan dan bagi memastikan ia dibuat berdasarkan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan mengikut Kementerian masing-masing.</p>	
<p>12.5.3.1.f</p>	<p>Selain itu, di OSC KDN naziran hanya dilakukan terhadap dokumen permohonan majikan yang diragui atau perlu dipastikan dengan lebih lanjut kesahihan permohonan tersebut. Naziran juga hanya dilakukan terhadap setiap permohonan majikan bagi pengambilan pekerja asing untuk bekerja di sektor perkhidmatan di bawah sub-sektor SPA. Tujuannya adalah untuk mengesahkan kesahihan permohonan tersebut. Namun, bagi proses kelulusan terhadap permohonan majikan lainnya di OSC KDN, hanya memerlukan majikan membawa semua dokumen permohonan berkaitan dan majikan akan ditemuduga oleh pegawai dari agensi kawal selia selaku Panel Penemuduga dan juga Panel Pengambilan Pekerja Asing. Pengesahan perakuan kelulusan diberikan pada hari yang sama oleh Panel Pengambilan Pekerja Asing tersebut. Ini sebenarnya mewujudkan tekanan untuk mengeluarkan perakuan kelulusan kerana pada masa yang sama perlu membuat penelitian yang rapi bagi setiap permohonan oleh majikan. Naziran tidak dilakukan terhadap permohonan ini dan kelulusan kuota pengambilan pekerja asing kepada majikan terletak kepada keputusan <i>unilateral</i> yang dibuat oleh ahli panel tersebut. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa tiada naziran atau pemeriksaan susulan dilakukan ke premis/lokasi majikan yang diluluskan untuk mengambil pekerja asing oleh Unit Naziran, Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN.</p> <p>Pada pendapat Audit, Unit Naziran perlu menjalankan pemeriksaan susulan secara berkala ke premis/lokasi majikan yang diluluskan mengambil pekerja asing bagi memastikan dan mengesahkan kesahihan semua maklumat di dokumen permohonan majikan tersebut. Ini memberi gambaran dan amaran kepada pihak majikan bahawa Kerajaan mempunyai mekanisme untuk memantau urusan pengambilan pekerja asing dan serius dalam usaha mengawal kemasukan pekerja asing supaya tidak melebihi keperluan dan mematuhi dasar serta syarat-syarat yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 29 April 2014</p>	<p>Peranan Unit Naziran di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing (BPPA) KDN adalah menjalankan aktiviti naziran seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Melaksanakan naziran terhadap syarikat dalam proses permohonan pekerja asing berdasarkan permintaan daripada agensi kawal selia; dan ii. Menjalankan siasatan aduan terhadap syarikat yang menggaji pekerja asing. <p>Unit ini hanya dianggotai oleh seramai 14 Pegawai Penguasa Imigresen yang perlu menjalankan naziran ke seluruh negara. Skop tugas Unit Naziran BPPA adalah pemantauan bagi permohonan yang sedang diproses untuk kelulusan sahaja. Pemantauan secara berkala setelah permohonan diluluskan perlu dijalankan bersama agensi kawal selia. Isu check and balance ini sewajarnya dilihat secara kolektif bersama agensi kawal selia. Ini ditambah dengan trend pengambilan pekerja asing yang sentiasa meningkat setiap tahun yang menyukarkan untuk naziran dijalankan ke atas setiap permohonan yang diluluskan. Sehubungan itu, cadangan ini dialu-alukan bagi tujuan penambahbaikan untuk memantau urusan pengambilan pekerja asing dan serius dalam usaha mengawal kemasukan pekerja asing supaya tidak melebihi keperluan dan mematuhi dasar serta syarat-syarat yang ditetapkan.</p> <p>Kementerian mengambil perhatian cadangan yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara dan berpandangan ia merupakan langkah yang baik dalam memastikan <i>check and</i></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Peranan Unit Naziran di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing (BPPA) KDN adalah menjalankan aktiviti naziran seperti berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>i. Melaksanakan naziran terhadap syarikat dalam proses permohonan pekerja asing berdasarkan permintaan daripada agensi kawal selia; dan</i> <i>ii. Menjalankan siasatan aduan terhadap syarikat yang menggaji pekerja asing.</i> <p><i>Unit ini hanya dianggotai oleh seramai 14 Pegawai Penguasa Imigresen yang perlu menjalankan naziran ke seluruh negara. Skop tugas Unit Naziran BPPA adalah pemantauan bagi permohonan yang sedang diproses untuk kelulusan sahaja. Pemantauan secara berkala setelah permohonan diluluskan perlu dijalankan bersama agensi kawal selia. Isu check and balance ini sewajarnya dilihat secara kolektif bersama agensi kawal selia. Ini ditambah dengan trend pengambilan pekerja asing yang sentiasa meningkat setiap tahun yang menyukarkan untuk naziran dijalankan ke atas setiap permohonan yang diluluskan. Sehubungan itu, cadangan ini dialu-alukan bagi tujuan penambahbaikan untuk memantau urusan pengambilan pekerja asing dan serius dalam usaha mengawal kemasukan pekerja asing supaya tidak melebihi keperluan dan mematuhi dasar serta syarat-syarat yang ditetapkan.</i></p> <p><i>Kementerian mengambil perhatian cadangan yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara dan berpandangan ia merupakan langkah yang baik dalam memastikan check and balance bagi permohonan yang telah diluluskan. Kementerian bersedia menjalankan naziran secara rawak terhadap syarikat/majikan yang telah memperoleh kelulusan pengambilan pekerja asing.</i></p>	<p><i>balance bagi permohonan yang telah diluluskan. Kementerian bersedia menjalankan naziran secara rawak terhadap syarikat/majikan yang telah memperoleh kelulusan pengambilan pekerja asing.</i></p>
<p>12.5.3.1.g</p>	<p>Mengikut dasar sedia ada berhubung pengambilan dan penggunaan khidmat pekerja asing yang diluluskan untuk kerja <i>semi-skilled/non-skilled</i> dalam semua sektor bagi jawatan barisan hadapan/<i>frontliners</i> adalah tidak dibenarkan sama sekali. Antara contoh jawatan yang tidak dibenarkan ialah pelayan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan majikan mematuhi syarat pas yang telah diluluskan.</p> <p>Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Semua kelulusan yang diberikan di bawah subsektor restoran hanya untuk jawatan tukang masak sahaja. Sekiranya pekerja berkenaan bekerja di barisan hadapan/frontliners, ia telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dan boleh diambil tindakan di bawah peraturan yang sama. Bagaimanapun, Kementerian mengakui semasa pemerhatian audit</i></p>	<p>Semua kelulusan yang diberikan di bawah subsektor restoran hanya untuk jawatan tukang masak sahaja. Sekiranya pekerja berkenaan bekerja di barisan hadapan/<i>frontliners</i>, ia telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dan boleh diambil tindakan di bawah peraturan yang sama.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>berlaku pelanggaran syarat pas namun operasi penguatkuasaan yang dijalankan pada 26 Februari 2014 di 4 buah restoran mendapati pemeriksaan telah dilakukan ke atas 63 orang pekerja. Hasil pemeriksaan mendapati kesalahan pekerja asing berkenaan tidak dapat dibuktikan dan menyukarkan tangkapan dilaksanakan serta hanya satu tangkapan telah dilakukan di atas kesalahan kerana tidak memiliki sebarang dokumen untuk tinggal dan berada di Malaysia.</i></p> <p><i>Kementerian bersetuju dengan pendapat Audit bahawa tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan majikan mematuhi syarat pas yang telah diluluskan. Kementerian telah pun melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara berterusan melalui Operasi Bersepadu Fasa 2 yang dijalankan dari tempoh 21 Januari hingga 24 April 2014 dan seramai 1,352 pekerja asing telah ditangkap atas kesalahan melanggar syarat pas.</i></p>	
12.5.3.2.b	<p>Pengurusan Maklumat/Data Pekerja Asing Melalui Sistem</p> <p>Semakan Audit mendapati sistem mengambil masa yang lama untuk mengeluarkan sesuatu laporan dan hanya boleh dicapai dan dijana pada 'satu satu masa tertentu' serta tidak bersifat 'bila bila masa yang diperlukan'. Ini menyebabkan pemeriksaan Audit terhadap maklumat/data tertentu adalah amat sukar dan terhad.</p>	<p>Sistem Visa Pas & myIMMs tidak mempunyai keupayaan khusus untuk menjana statistik (<i>spt Business Intelligence</i>). Sebagai langkah penambahbaikan, sistem khusus statistik telah dicadangkan untuk ditambah ke dalam sistem.</p>
12.5.3.2.c.i	<p>Tarikh permohonan yang dinyatakan dalam sistem sebenarnya merujuk kepada tarikh data dimasukkan ke dalam sistem bukan tarikh permohonan diterima daripada majikan. Melalui semakan ini, pihak Audit mengesan tempoh masa yang agak lama diambil untuk memasukkan sebahagian data pekerja asing ke dalam sistem. Semakan dibuat dengan mengambil kira tarikh dokumen permohonan diterima daripada majikan dengan tarikh maklumat dokumen permohonan dimasukkan ke dalam sistem.</p>	<p>JIM telah memohon tambahan <i>field</i> melalui <i>change request</i> untuk membolehkan maklumat permohonan dimasukkan semasa majikan mengemukakan permohonan.</p>
12.5.3.2.c.ii	<p>Kesan daripada mengambil kira tarikh permohonan yang dimaksudkan oleh sistem menyebabkan pihak Audit sukar mendapatkan dokumen sumber permohonan untuk disemak bagi tempoh masa yang dipilih. Ini kerana tarikh permohonan di dokumen sumber berkenaan adalah berbeza dan tidak dapat dijadikan satu tanda rujukan. Dokumen sumber permohonan juga tidak mencatat sebarang tarikh <i>key in</i> kecuali di Pejabat Imigresen Johor. Selain itu, banyak di antara dokumen sumber permohonan telah dimusnahkan dan masalah dokumen sumber yang tidak disimpan dengan teratur dan sempurna.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.3.2.c.iii	<p>Pekeliling Imigresen Malaysia Bil. 14 Tahun 2005 berkaitan piagam pelanggan baru bagi kelulusan permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) pekerja asing adalah 24 jam bagi permohonan VDR sebanyak satu hingga 100 orang pekerja asing dan 3 hari bekerja bagi permohonan VDR melebihi 100 orang pekerja asing. Berdasarkan 800 sampel permohonan yang dipilih terdapat 451 permohonan iaitu 56.4% yang mengambil masa melebihi 3 hari.</p> <ul style="list-style-type: none"> Tempoh masa yang wujud untuk memasukkan maklumat/data pekerja asing dan majikan ke dalam sistem serta dalam meluluskan suatu permohonan VDR, antaranya dikaitkan dengan bilangan permohonan VDR yang banyak diterima oleh JIM setiap hari dan sistem myIMMs yang tidak stabil. 	<p>Keadaan ini berlaku kerana masalah <i>backlog data entry</i> di semua cawangan JIM (Bahagian Pekerja Asing) ekoran migrasi sistem dari Visa Pas ke myIMMS. Apabila sistem Visa Pas ditutup sepenuhnya pada 1 April 2013, masalah <i>backlog</i> telah bertambah.</p> <p>Sistem kini telah kembali stabil dan <i>backlog</i> telah berjaya dikurangkan kepada 7 hari bekerja pada ketika ini.</p>
12.5.3.2.d	<p>Mesyuarat JKKPA-PATI bertarikh 17 Mac 2011 telah melaporkan statistik JIM dari tahun 2009 hingga bulan Jun 2010 menunjukkan 2.8 juta warga asing tidak meninggalkan negara selepas tamat tempoh yang dibenarkan (<i>overstay</i>). Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, pihak Audit tidak dikemukakan dengan statistik yang sama melalui sistem myIMMs.</p> <p>Pada pendapat Audit, oleh kerana aktiviti pengambilan pekerja asing dan pengeluaran PLKS amat berkait rapat dan bergantung kepada sistem, maka sistem yang dibangunkan dan diguna pakai untuk merekod maklumat pekerja asing perlulah stabil dan boleh dipercayai serta dicapai pada bila-bila masa yang diperlukan. Dengan sistem yang stabil ia dapat mewujudkan mekanisme kawalan dan pemantauan dalam menguruskan pekerja asing terutamanya untuk mengelakkan pekerja asing daripada menjadi pekerja asing tanpa izin. Oleh itu, pengurusan dan pengendalian pekerja asing perlu dipertingkatkan supaya lebih sistematik, cekap dan berkesan.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 27 Februari 2014</p> <p><i>Sistem Visa Pas & MyIMMs tidak mempunyai keupayaan khusus untuk menjana statistik seperti Business Intelligence. Sebagai langkah penambahbaikan, sistem khusus statistik telah dicadangkan untuk ditambah ke dalam sistem.</i></p> <p><i>JIM telah memohon tambahan field melalui change request untuk membolehkan maklumat permohonan dimasukkan semasa majikan mengemukakan permohonan.</i></p> <p><i>Selain itu, kelewatan memasukkan data ke dalam sistem myIMMs kerana masalah backlog data entry di semua cawangan JIM (Bahagian Pekerja Asing) ekoran migrasi sistem dari Visa Pas ke myIMMs. Apabila sistem Visa & Pas ditutup sepenuhnya pada 1 April 2013, masalah backlog telah bertambah. Sebagai langkah penyelesaian</i></p>	<p>Sistem Visa Pas & MyIMMs tidak mempunyai keupayaan khusus untuk menjana statistik seperti <i>Business Intelligence</i>. Sebagai langkah penambahbaikan, sistem khusus statistik telah dicadangkan untuk ditambah ke dalam sistem.</p> <p>JIM telah memohon tambahan <i>field</i> melalui <i>change request</i> untuk membolehkan maklumat permohonan dimasukkan semasa majikan mengemukakan permohonan.</p> <p>Selain itu, kelewatan memasukkan data ke dalam sistem myIMMs kerana masalah <i>backlog data entry</i> di semua cawangan JIM (Bahagian Pekerja Asing) ekoran migrasi sistem dari Visa Pas ke myIMMs. Apabila sistem Visa & Pas ditutup sepenuhnya pada 1 April 2013, masalah <i>backlog</i> telah bertambah.</p> <p>Sebagai langkah penyelesaian jangka pendek, pegawai sambilan harian telah diambil untuk kerja-kerja data entry selain pinjaman pegawai dari bahagian lain. Sistem kini telah kembali stabil dan <i>backlog</i> telah berjaya dikurangkan kepada 7 hari bekerja ketika ini.</p> <p>Sebagai langkah penyelesaian jangka panjang, JIM telah memperkenalkan e-Services/e-VDR di mana majikan boleh memasukkan data secara online. <i>Construction Labour Exchange Berhad</i> (CLAB) adalah syarikat pertama yang diberikan kemudahan ini bagi tujuan pengujian sistem.</p> <p>Sejak awal tahun ini, ianya telah diperluaskan kepada syarikat yang terpilih sebelum sistem stabil sepenuhnya untuk</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>jangka pendek, pegawai sambilan harian telah diambil untuk kerja-kerja data entry selain pinjaman pegawai dari bahagian lain. Sistem kini telah kembali stabil dan backlog telah berjaya dikurangkan kepada 7 hari bekerja ketika ini. Sebagai langkah penyelesaian jangka panjang, JIM telah memperkenalkan e-Services/e-VDR di mana majikan boleh memasukkan data secara online. Construction Labour Exchange Berhad (CLAB) adalah syarikat pertama yang diberikan kemudahan ini bagi tujuan pengujian sistem. Sejak awal tahun ini, ianya telah diperluaskan kepada syarikat yang terpilih sebelum sistem stabil sepenuhnya untuk diperluaskan kepada semua syarikat. Dengan pewujudan Sistem Foreign Worker Centralised Management System (FWCMS) proses permohonan, pengurusan serta pemantauan ke atas pekerja asing akan dilakukan secara atas talian di mana prosedur permohonan akan menjadi lebih pantas.</i></p> <p><i>Selain itu, masalah penyimpanan dokumen di pejabat JIM Shah Alam adalah kerana ruang pejabat yang kecil dan sempit. JIM Selangor sedang menyediakan justifikasi cadangan perpindahan ke pejabat baru di bangunan MRCA sebelum dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat JIM.</i></p>	<p>diperluaskan kepada semua syarikat. Dengan pewujudan Sistem Foreign Worker Centralised Management System (FWCMS) proses permohonan, pengurusan serta pemantauan ke atas pekerja asing akan dilakukan secara atas talian di mana prosedur permohonan akan menjadi lebih pantas.</p> <p>Selain itu, masalah penyimpanan dokumen di pejabat JIM Shah Alam adalah kerana ruang pejabat yang kecil dan sempit. JIM Selangor sedang menyediakan justifikasi cadangan perpindahan ke pejabat baru di bangunan MRCA sebelum dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat JIM.</p>
12.5.3.3.a	<p>Pemantauan</p> <p>Tiada jadual naziran secara berkala dilaksanakan dan tidak ada unit naziran secara khusus diwujudkan untuk memastikan pekerja asing dan majikan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam pengurusan pekerja asing.</p>	<p>JPA telah meluluskan penambahan perjawatan kepada Bahagian Pekerja Asing JIM secara berfasa iaitu 99 perjawatan untuk tahun 2013, dan 384 perjawatan untuk 2014. Dengan penambahan ini, penubuhan Unit Naziran dan Siasatan di seluruh cawangan Jabatan Imigresen Malaysia akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.</p>
12.5.3.3.b	<p>Kecuali bagi JIM Negeri Johor yang menyerahkan tugas naziran kepada Bahagian Penguatkuasaan dan JIM Negeri Pulau Pinang yang menyerahkan tugas naziran kepada Bahagian Unit Komunikasi Korporat, pihak Audit dimaklumkan naziran di 2 lagi pejabat JIM negeri yang lain hanya dilaksanakan secara <i>ad-hoc</i> yang ahlinya dilantik dari kalangan pegawai sedia ada disebabkan kekangan tenaga kerja.</p>	
12.5.3.3.c	<p>Pekerja asing yang telah tamat tempoh tidak dapat dipantau kerana sistem myIMMs tidak responsif kepada pihak JIM supaya tindakan sewajarnya dapat diambil. Pekerja asing tersebut hanya boleh dikenal pasti jika ditangkap semasa pihak JIM menjalankan operasi serbuan.</p>	<p>Integrasi menggunakan modul kawalan (myIMMs) atau melalui sistem kawalan urusniaga 4200 "Urusniaga Pengesahan COM" dengan pintu keluar/ masuk juga telah bermula pada 1 Disember 2013. Ini bagi memastikan pekerja asing yang mempunyai COM direkodkan di dalam sistem.</p>
12.5.3.3.d	<p>Bagi pekerja asing yang dikeluarkan Memo Periksa Keluar/<i>Check Out Memo</i> (COM) pula, rekod pengeluaran COM ada diwujudkan sama ada di dalam sistem myIMMs dan juga rekod yang difailkan di Ibu pejabat JIM dan 4 lagi Pejabat Imigresen Negeri. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada tindakan pemantauan bagi COM yang telah dipulangkan dari pintu keluar atau yang telah <i>dikely-in</i> ke dalam sistem bagi memastikan pekerja asing tersebut telah keluar dari Malaysia.</p>	<p>Melalui sistem <i>Foreign Worker Centralised Management System</i> (FWCMS) yang akan diperkenalkan, maklumat pekerja yang di COM dan yang keluar atau tidak dari negara ini boleh dipadankan di dalam sistem dimana data boleh di <i>generate</i> melalui <i>dashboard reporting</i>. Maklumat ini boleh disalurkan kepada Bahagian Penguatkuasaan untuk tindakan susulan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, bagi mengelakkan lambakan pekerja asing tanpa izin di dalam negara dan memastikan majikan lebih bertanggungjawab, Bahagian Pekerja Asing JIM perlu bertindak proaktif dengan melaksanakan aktiviti naziran berkala ke premis majikan dan satu kaedah memantau COM yang dikeluarkan perlu diwujudkan agar dapat mengawal keluar masuk pekerja asing.</p> <p>Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 29 April 2014</p> <p><i>Kementerian mengakui teguran Audit berhubung keperluan aktiviti naziran berkala ke premis majikan dan memantau COM yang dikeluarkan. Sebanyak 748 perjawatan baru yang telah diluluskan oleh JPA (Waran Perjawatan Bil. K12 Tahun 2014) dan sebanyak 99 perjawatan akan ditempatkan di Bahagian Pekerja Asing, JIM. Dengan penambahan ini, penubuhan Unit Naziran dan Siasatan di seluruh Cawangan JIM akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.</i></p>	

**(PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
PERSEKUTUAN)**

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

KEMENTERIAN KEWANGAN

Perenggan 14 : Pengurusan Inno Biologics Sdn. Bhd

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																						
14.5.1.3.b	<p>Prestasi Aliran Tunai</p> <p>Penyata Aliran Tunai IBL bagi tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012 menunjukkan aliran tunai positif daripada aktiviti operasi syarikat sungguhpun mencatatkan penurunan aliran tunai daripada aktiviti operasi sebanyak 74.9% pada tahun 2011 dan 70.7% pada tahun 2012. IBL juga mengalami defisit aliran tunai bagi aktiviti pembiayaan di mana tunai syarikat digunakan bagi membayar faedah pinjaman dan penggunaan dana geran. Pada akhir tahun kewangan 2012, syarikat mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM0.70 juta. Manakala pada akhir tahun kewangan 2010 dan 2011, tunai dan persamaan tunai syarikat masing-masing berjumlah RM0.41 juta dan RM0.33 juta. Secara keseluruhannya, aliran tunai IBL masih menunjukkan kedudukan yang positif bagi 3 tahun berturut-turut.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan IBL bagi tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012 berada pada tahap kurang memuaskan di mana syarikat mengalami kerugian berterusan. Ini kerana sepanjang tempoh kewangan tersebut, pendapatan daripada kontrak pengilangan, kontrak penyelidikan serta latihan tidak menyumbang hasil yang tinggi kepada pendapatan syarikat. IBL perlu lebih proaktif dalam menjana hasil kepada pendapatan syarikat dan mengurangkan kebergantungan kepada kontrak pengilangan tanpa menghasilkan produk komersial. Ini menyebabkan syarikat belum mampu menjana pendapatan kukuh secara berterusan. Pada 31 Disember 2012, IBL mempunyai liabiliti semasa bersih berjumlah RM87.02 juta dan defisit dalam ekuiti pemegang saham berjumlah RM27.72 juta (2011 : RM75.36 juta dan lebihan dalam ekuiti pemegang saham berjumlah RM3.09 juta). Ini menjadikan prestasi kewangan IBL pada tahun 2012 tidak menunjukkan kedudukan kewangan yang memberangsangkan.</p> <p>Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014</p> <p>Pada 24 Jun 2013 pihak IBL telah pun menandatangani LOA/kontrak pengilangan daripada syarikat Korea bagi kontrak pengilangan bahan gred klinikal. Pihak IBL juga telah merekodkan invoice milestone berjumlah RM0.12 juta pada tahun 2013. Kerja</p>	<p>Status kewangan tahun 2013 adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Butiran</th> <th style="text-align: center;">2013 (RM Juta)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pendapatan</td> <td style="text-align: right;">0.38</td> </tr> <tr> <td>Kos Jualan</td> <td style="text-align: right;">(6.74)</td> </tr> <tr> <td>Pendapatan Kasar</td> <td style="text-align: right;">(6.36)</td> </tr> <tr> <td>Pendapatan Lain</td> <td style="text-align: center;">-</td> </tr> <tr> <td>Belanja Pentadbiran</td> <td style="text-align: right;">(15.56)</td> </tr> <tr> <td>Untung/(Rugi) Operasi</td> <td style="text-align: right;">(21.92)</td> </tr> <tr> <td>Kos Kewangan</td> <td style="text-align: right;">2.84</td> </tr> <tr> <td>Untung/(Rugi) Sebelum Cukai</td> <td style="text-align: right;">(24.76)</td> </tr> <tr> <td>Belanja Cukai</td> <td style="text-align: center;">-</td> </tr> <tr> <td>Untung/(Rugi) Selepas Cukai</td> <td style="text-align: right;">(24.76)</td> </tr> </tbody> </table>	Butiran	2013 (RM Juta)	Pendapatan	0.38	Kos Jualan	(6.74)	Pendapatan Kasar	(6.36)	Pendapatan Lain	-	Belanja Pentadbiran	(15.56)	Untung/(Rugi) Operasi	(21.92)	Kos Kewangan	2.84	Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	(24.76)	Belanja Cukai	-	Untung/(Rugi) Selepas Cukai	(24.76)
Butiran	2013 (RM Juta)																							
Pendapatan	0.38																							
Kos Jualan	(6.74)																							
Pendapatan Kasar	(6.36)																							
Pendapatan Lain	-																							
Belanja Pentadbiran	(15.56)																							
Untung/(Rugi) Operasi	(21.92)																							
Kos Kewangan	2.84																							
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	(24.76)																							
Belanja Cukai	-																							
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	(24.76)																							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pengilangan ini bermula pada bulan November 2013 dan dijangkakan akan siap pada bulan Julai 2014. Nilai kontrak ini berjumlah RM2.17 juta.</p>	
<p>14.5.2.1.d</p>	<p>Prestasi Aktiviti - Pendapatan Dan Perbelanjaan Sebenar Berbanding Sasaran</p> <p>Jumlah pendapatan daripada operasi utama IBL bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 secara amnya tidak mencapai anggaran pendapatan yang disasarkan. Peratus pencapaian antara pendapatan sebenar dengan anggaran pendapatan utama adalah kurang memuaskan dan menurun setiap tahun iaitu 39.9% pada tahun 2010, 13.09% pada tahun 2011 dan hanya 4.08% pada tahun 2012.</p> <p>Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014</p> <p>Model perniagaan IBL adalah bersandarkan kepada perkhidmatan kontrak pengilangan sahaja. Model perniagaan ini tidak dapat bertahan untuk jangka masa panjang berdasarkan kepada cabaran yang dihadapi syarikat. Pengurusan semasa merasakan sudah sampai masanya untuk IBL merombak model perniagaan agar syarikat boleh berdaya saing di masa yang akan datang. Justeru, hasil daripada beberapa perbincangan dan disusuli dengan bengkel brainstorming bersama Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham (MOF), pihak syarikat telah membentangkan pelan pemulihan syarikat (Business Turnaround Plan) dan mendapat mandat untuk melaksanakan pelan tersebut. Business Turnaround Plan yang dikemukakan merangkumi 2 strategi teras iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Perkhidmatan Kontrak Pengilangan akan dilaksanakan melalui program offset Kerajaan:- <ul style="list-style-type: none"> • IBL telah pun dikenal pasti sebagai salah satu daripada <i>offset beneficiary</i> untuk program <i>offset</i> Kerajaan. • MIGHT selaku sekretariat kepada program offset telah pun mengenal pasti beberapa pembelian strategik Kerajaan yang berpotensi untuk diterjemahkan kepada program offset untuk IBL dan masih lagi di peringkat perbincangan antara MIGHT dan kontraktor yang terlibat. ii. Pembangunan Produk Dalam (Internal Product Development) <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Produk Dalam merupakan satu strategi baru yang diperkenalkan oleh pengurusan semasa. IBL tidak boleh bergantung kepada khidmat pengilangan kontrak dan perlu mempelbagaikan sumber pendapatannya. • Bagi strategi ini, syarikat telah merangka 2 strategi teras untuk 	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dilaksanakan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. <i>Co-Marketing</i> b. <i>Co-Development</i> <ul style="list-style-type: none"> • Produk – produk yang ingin diketengahkan oleh IBL adalah berasaskan ubatan biologik. <p>Pencapaian Terkini:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perkhidmatan Kontrak Pengilangan akan dilaksanakan melalui program <i>offset</i> Kerajaan. Hasil daripada perbincangan susulan, IBL menerusi MIGHT telah mengenal pasti beberapa peluang untuk perkhidmatan kontrak pengilangan ini dilaksanakan melalui program <i>offset</i> Kerajaan iaitu: <ul style="list-style-type: none"> a. Mass Rapid Transit (MRT) – Berpotensi untuk IBL bekerjasama dengan SIEMENS untuk peluang kontrak pengilangan dan pembangunan/pelesenan produk biologik yang dianggarkan sekitar RM100 juta. b. Littoral Combat Ship (LCS) – Projek pembelian ini telahpun dipersetujui oleh Kerajaan. MIGHT sedang dalam perbincangan dengan kontraktor utama bagi mengenal pasti peluang <i>offset</i> yang boleh diketengahkan kepada IBL. <p>Buat masa ini, IBL sedang giat menyiapkan kontrak pengilangan untuk produk biologik novel daripada Pharmabcine Korea bagi merawat kanser otak. Kontrak yang bernilai RM3 juta ini dijangka selesai pada bulan Jun 2014.</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. Pembangunan Produk Dalaman (<i>Internal Product Development</i>) IBL – STADA (<i>Co-Marketing</i>) <p>Kurang daripada setahun pelaksanaan <i>Business Turnaround Plan</i>, pengurusan IBL telah berjaya memperoleh hak pelesenan eksklusif daripada STADA Germany bagi memasarkan produk EPO (<i>Erythropoietin</i>) untuk pasaran Malaysia. Pihak syarikat kini sedang giat berbincang untuk meluaskan pasaran produk ini ke Singapura dan juga Brunei Darussalam. Di samping itu juga, IBL berpotensi mendapat hak untuk mengilang produk EPO dalam skala komersil jikalau berjaya memasarkan produk ini mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.</p>	<p>Masih lagi diperingkat perbincangan susulan dengan pihak MIGHT. Pihak syarikat telahpun mengenal pasti syarikat yang mempunyai potensi untuk menjadi rakan kerja IBL. Senarai syarikat ini telah pun diberikan kepada pihak MIGHT supaya mereka boleh berbincang dengan agensi dan kementerian yang berkenaan.</p> <p>Kerja-kerja kontrak ini masih lagi berjalan.</p> <p>Peringkat pertama pendaftaran produk ini telah pun berjaya dilaksanakan pada 6/5/2014 dan selepas ini bermulalah peringkat kedua.</p> <p>Dijangkakan kelulusan ini akan diperolehi pada bulan Oktober 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>EPO digunakan bagi merawat pesakit buah pinggang kronik yang menjalani rawatan dialisis. Kerajaan Malaysia membelanjakan sekitar RM100 juta setahun untuk membeli EPO ini yang pada ketika ini pembekalannya didominasi oleh 2 syarikat farmaseutikal terkemuka dunia. IBL kini dalam persiapan untuk memasuki tender untuk memasarkan produk ini ke hospital dan klinik kerajaan di seluruh Malaysia. Segala urusan pendaftaran produk ini telah disempurnakan dan kini menunggu kelulusan daripada Biro Farmaseutikal Kebangsaan (BFK) yang dijangkakan pada bulan Oktober 2014.</p> <p>Hubungan strategik bersama STADA tidak berakhir dengan produk EPO sahaja. IBL kini sedang dalam rundingan akhir untuk memasarkan satu lagi produk iaitu biosimilar Rituximab. Perjanjian ini bakal dimeterai sebelum penghujung suku tahun ketiga 2014.</p> <p>iii. IBL – AryoGen (<i>Co-Marketing dan Co-Development</i>)</p> <p>Baru-baru ini IBL telah memeterai perjanjian persefahaman dengan sebuah syarikat farmaseutikal terkemuka Iran, AryoGen Biopharma Co. Sebagai permulaan, perjanjian strategik ini merangkumi pembangunan dan pemasaran tiga produk biosimilar iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. <i>Etanercept – Altebrel</i> b. <i>AryoSeven – Factor IIV</i> c. <i>Herceptin – Trastuzumab</i> <p>Delegasi dari AryoGen akan membuat lawatan rasmi ke IBL dalam masa terdekat untuk menilai fasiliti cGMP IBL. Perjanjian serta pertukaran dokumen teknikal akan dilakukan selepas itu dan segala proses perpindahan teknologi akan dilakukan selepas segala terma dan syarat bersama dipersetujui.</p> <p>IBL kini dalam fasa untuk mencari beberapa lagi rakan teknikal strategik bagi tujuan pembangunan produk dan perluasan aktiviti pemasaran. Buat permulaan, aktiviti pemasaran produk akan dikhususkan buat Malaysia dan akan diperluaskan ke rantau ASEAN dan Asia Pasifik. IBL bertekad untuk menjadi salah satu peneraju utama dalam bidang penjagaan kesihatan yang disegani dan amat yakin ianya bakal dicapai sedikit masa lagi.</p>	<p>Perjanjian dengan syarikat AryoGen dijangka akan dimeterai pada bulan Jun 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.2.2.a.i	<p>Pengurusan Aktiviti - Kontrak Pengilangan – Bayaran Kontrak Masih Belum Disempurnakan Oleh Pelanggan</p> <p>Pada 25 Oktober 2007, <i>Product Development And Clinical Manufacturing Master Agreement (Master Agreement)</i> bagi menyediakan khidmat penyelidikan dan pengilangan produk Etanercept, Darbepoetin Alpha, Tenectaplace dan Bevacizumab telah ditandatangani antara IBL dan Avesta Biotherapeutics & Research Pvt. Ltd. (kini dikenali sebagai <i>Avesthagen Limited</i>). Tujuan serta objektif bagi program penyelidikan ini sebagaimana dinyatakan dalam <i>Master Agreement</i> antara lainnya adalah bagi mendapatkan data klinikal berkaitan kajian ke atas pesakit di Malaysia dan mendapatkan kelulusan bagi mengkomersialkan hasil kajian tersebut. Seterusnya, IBL telah menandatangani <i>Supplemental Agreement</i> bersama Avesthagen Limited (Avesthagen) pada 5 Mac 2010 bagi meminda terma peruntukan <i>Master Agreement</i>. Antara terma yang dipinda adalah senarai produk yang dikilangkan adalah Darbepoetin Alpha dan Etanercept dan jadual pembayaran bagi pengilangan produk tersebut. Pada 20 Mei 2010, <i>2nd Supplemental Agreement</i> telah ditandatangani bagi pindaan terma jadual harga pengilangan produk Darbepoetin Alpha bagi 4 runs yang berasingan pada kos RM1.5 juta serta semua kos bagi bahan mentah, barang habis guna, <i>reagents, potency assays/bioassays</i> dan <i>test kit</i> serta tambahan 5% atas nilai kos perlu ditanggung oleh Avesthagen. Berdasarkan <i>Master Agreement</i> serta <i>Supplemental Agreement</i> pertama dan kedua, IBL telah selesai menyiapkan pengeluaran Darbepoetin Alpha pada awal tahun 2011.</p> <p>Berdasarkan <i>Master Agreement</i> dan <i>Supplemental Agreement</i>, Avesthagen perlu membayar kos perkhidmatan serta kos bahan mentah bernilai RM2.99 juta dan bayaran perlu dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh invois dikeluarkan. Sehingga bulan Januari 2014, terdapat 13 invois bernilai RM2.67 juta yang dikeluarkan antara bulan Jun 2010 hingga bulan April 2011 masih belum dibayar dengan kelewatan antara 1,012 hingga 1,301 hari.</p> <p>Bagi menuntut jumlah tunggakan tersebut, <i>Notice of Demand</i> telah dikeluarkan kepada Avesthagen/Avestha pada bulan Mac 2012. Pada bulan Mac 2012 juga, pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IBL telah mengadakan lawatan ke syarikat berkenaan namun kedua-dua pihak tidak dapat mencapai penyelesaian. Seterusnya, pada bulan September 2013, teleconference telah diadakan antara kedua-dua pihak. Namun, Avesthagen/Avestha masih belum mengemukakan sebarang penyelesaian secara rasmi bagi membayar amaun tunggakan kepada IBL. Melalui mesyuarat Lembaga Pengarah IBL pada 29 Mei 2012, Lembaga Pengarah telah meluluskan sejumlah RM2.09 juta daripada tunggakan tersebut sebagai hapus kira hutang lapuk bagi invois yang dikeluarkan kepada Avesthagen pada tahun 2010.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Semakan kepada <i>Master Agreement</i> dan <i>Supplemental Agreement 1 & 2</i>, pihak Audit mendapati Klausula Jaminan tidak dimasukkan dalam kontrak perjanjian sekiranya pelanggan tidak dapat membayar caj perkhidmatan serta kos terlibat.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan IBL sepatutnya mengambil tindakan undang-undang ke atas Avesthagen yang telah melanggar terma kontrak dengan mengambil kira kos dan masa yang terlibat. Selain itu, hapus kira hutang lapuk hanya perlu dilakukan apabila segala langkah mengutip semula hutang telah diambil.</p> <p>Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 30 April 2014</p> <p>Kontrak daripada Avesthagen merupakan kontrak pengilangan pertama untuk IBL. Data dan proses yang diperolehi daripada kontrak ini telah digunakan oleh pihak IBL dalam memperoleh akreditasi daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (NPCB) bagi pensijilan Amalan Pengilangan Baik Premis Kilang Bahan Aktif Farmaseutikal (cGMP). Kontrak ini juga menjadi pengukur bagi pembangunan kakitangan dan juga pendedahan terhadap aktiviti bioproses.</p> <p>Pihak IBL akan mengambil tindakan undang-undang ke atas Avesthagen dan bagi mengelakkan perkara yang sama berulang, klausula jaminan akan dimasukkan dalam kontrak perjanjian sekiranya pelanggan tidak dapat membayar caj perkhidmatan serta kos terlibat.</p>	<p>Proses tindakan undang-undang keatas pihak Avesthagen masih lagi berjalan. Proses ini mungkin memakan masa yang agak lama.</p>
<p>14.5.2.2.a.ii</p>	<p>Tiada Prosedur Jelas Berkaitan Perjanjian Penyelidikan</p> <p>Bagi menjaga kepentingan pihak yang terlibat, surat setuju terima serta kontrak (sekiranya bersesuaian) perlu disempurnakan. Bagi aktiviti penyelidikan yang ditawarkan kepada pelanggan, adalah didapati tiada surat setuju terima serta kontrak dikeluarkan kepada pelanggan bagi terimaan hasil berjumlah RM59,908.54 (2010); RM77,040 (2011); RM300,808 (2012) dan RM132,450 (2013). Melalui semakan fail, hanya inuis dan kertas cadangan daripada syarikat dikemukakan tanpa ada bukti persetujuan daripada kedua-dua pihak serta minit berkaitan perbincangan kedua-dua pihak juga tidak disediakan. Perkara ini berlaku kerana tiada prosedur yang jelas berkaitan perjanjian penyelidikan yang ditawarkan oleh IBL.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan IBL perlu memastikan prosedur kerja disediakan bagi perkhidmatan penyelidikan untuk menjamin kepentingan syarikat dan pelanggan.</p> <p>Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Amalan syarikat berkaitan dengan kontrak tempatan, terutamanya daripada agensi kerajaan adalah memadai dengan penerimaan LO (<i>letter offer</i>)/PO (<i>purchase order</i>) sebagai terma dan syarat sah kontrak.</p> <p>Bagaimanapun pihak syarikat mengambil serius pandangan daripada pihak Audit dalam menjamin kepentingan syarikat dan pelanggan bagi kontrak yang ditawarkan di masa hadapan. Pihak pengurusan akan merangka satu prosedur khusus untuk kontrak penyelidikan.</p> <p>Pihak syarikat bersetuju dengan cadangan daripada pihak Audit dan mencadangkan supaya nilai kontrak melebihi nilai RM0.5 juta dan ke atas haruslah dilaksanakan menerusi kontrak perjanjian.</p>	<p>Pihak syarikat telah pun merangka prosedur khusus untuk kontrak penyelidikan.</p>
<p>14.5.2.2.a.iii</p>	<p>Peralatan Makmal – <i>Liquid Chromotography Tandem Mass Spectrometer (LCMS/MS) System</i> Tidak Digunakan Secara Optimum</p> <p>Setiap pembelian peralatan makmal perlu digunakan secara optimum bagi menghasilkan value for money atas perbelanjaan yang dikeluarkan oleh syarikat. Hasil semakan ke atas sampel peralatan makmal yang bernilai melebihi RM500,000 mendapati 2 peralatan makmal iaitu 6510 Q TOF LC dan 6410 Triple Quad LC/MS telah dilabelkan sebagai <i>Equipment Not In Use</i> dari 9 Mei 2010 dan 1 Mac 2012. Dua set <i>Liquid Chromotography Tandem Mass Spectrometer (LCMS/MS) System</i> yang ditempatkan di Makmal Eukarya telah dibeli pada tahun 2009 dengan harga RM1.97 juta bagi kegunaan makmal <i>Quality Control</i> dan <i>Protein Science</i> (IBL) serta makmal Inno Bio Diagnostics Sdn. Bhd. untuk menjalankan analisis yang berkaitan antaranya <i>Post Translation Modifications (PTM) Analysis</i> dan <i>Pharmaceuticals Analysis</i>. Berdasarkan semakan terhadap <i>Log Book Equipment History</i> dari tahun 2010 hingga 2013, adalah didapati kedua-dua set LCMS/MS ini hanya digunakan sebagai latihan kepada penyelidik di <i>Bahagian Quality Control</i>. Berdasarkan temu bual dengan pegawai <i>Quality Control</i> IBL, kedua-dua peralatan ini tidak digunakan secara optimum kerana tiada permintaan daripada pelanggan.</p> <p>Semakan lanjut mendapati, kelulusan pembelian peralatan ini telah diperolehi melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah IBV Bil. 1/2009 bertarikh 20 Januari 2009 dan proses tender adalah teratur.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan IBL perlu mengambil langkah proaktif seperti mempromosikan penggunaan peralatan ini kepada universiti/institut penyelidikan bagi menggalakkan penyewaan dan seterusnya dapat mengoptimumkan tahap penggunaan peralatan tersebut.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014</p> <p>Oleh kerana peluang kontrak amat terhad pada tahun 2010, 2011 dan 2012 pihak syarikat tidak dapat menawarkan perkhidmatan peralatan tersebut. Pihak syarikat mengambil maklum pandangan pihak Audit dan akan mempergiat promosi bagi perkhidmatan peralatan.</p>	<p>Pihak syarikat telahpun mula mempromosikan peralatan ini di Bio Borneo yang berlangsung pada 5 – 7 Mei 2014 di Kuching, Sarawak.</p>
<p>14.5.2.2.b</p>	<p>Pengurusan Geran Penyelidikan Daripada Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi</p> <p>IBL telah menerima 7 geran daripada Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI). Tiga dana geran yang diterima adalah di bawah projek <i>Science Fund</i>, satu dana di bawah projek IRPA, satu di bawah kerjasama dengan Malaysian Genom Institute (MGI) dan 2 dana di bawah Techno Fund. Geran di bawah <i>Science Fund</i> bermaksud geran yang diberikan adalah untuk memajukan projek penyelidikan dan pembangunan yang boleh menyumbang kepada penemuan idea baru dan pengetahuan dalam bidang sains gunaannya terutamanya kepada kajian inovatif berimpak tinggi. Geran dengan kerjasama bersama MGI pula bermaksud geran yang diberikan oleh organisasi yang tidak menjana keuntungan. Organisasi tersebut menjalankan penyelidikan asas dan translasi bertujuan untuk menjana harta intelek dan teknologi baru untuk pembangunan ekonomi. Sementara <i>Techno Fund</i> pula adalah satu skim geran bertujuan menggalakkan pertumbuhan dan kejayaan inovasi bagi syarikat Malaysia dengan meningkatkan tahap dan pengkomersialan pembangunan dan penyelidikan. Skim ini menyediakan peruntukan untuk pembangunan teknologi sehingga ke tahap pra-komersial untuk mewujudkan peluang perniagaan baru dan menjana pertumbuhan ekonomi negara.</p>	
<p>14.5.3.1</p>	<p>Manual Prosedur/Peraturan Pengurusan</p> <p>Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam menentukan dasar dan operasi syarikat serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Prosedur pengurusan utama dan sokongan syarikat adalah tertakluk kepada <i>Manual Prosedur bagi Terms & Condition of Employment (Group)</i>, <i>Manual Authority (Group)</i>, dan <i>Standard Procedure for Biomanufacturing, Facility Engineering, Quality Assurance & Quality Control (cGMP requirement)</i>. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada prosedur ditetapkan bagi pengurusan aset syarikat. Aset di bawah cGMP dikawal dan dipantau oleh bahagian berkenaan dan mempunyai daftar khusus selain daripada daftar yang diselenggara oleh Bahagian Kewangan. Manakala Aset ICT tidak mempunyai daftar khusus yang menyatakan lokasi penempatan serta pelabelan aset.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pengurusan IBL bertanggungjawab menyeragamkan prosedur pengurusan aset syarikat bagi memudahkan pengenalpastian aset serta mengelakkan kehilangan aset.</p> <p>Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014 Dan 30 April 2014</p> <p>Pihak IBL akan menyeragamkan prosedur pengurusan aset syarikat bagi memudahkan pengenalpastian aset serta mengelakkan kehilangan aset. Penggunaan perisian komputer yang sedia ada (HardCat) akan diperluaskan dan dikemaskinikan supaya akan lebih teratur dan lengkap di masa hadapan. Proses ini dijangka akan selesai pada bulan Jun 2014.</p>	<p>Proses ini dijangka akan selesai pada bulan Jun 2014.</p>
<p>14.5.3.2.a</p>	<p>Tadbir Urus Korporat</p> <p>Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan pengurusan syarikat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi memastikan objektif penubuhan syarikat dapat dicapai. Semakan Audit terhadap amalan tadbir urus IBL mendapati perkara berikut:-</p> <p><i>GLC Transformation Manual : The Green Book – Enhancing Board Effectiveness</i> menyarankan kekerapan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah secara purata antara 6 hingga 8 kali setahun serta berdasarkan keperluan persekitaran perniagaan syarikat. Semakan Audit mendapati, mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2013 dan 2012 telah diadakan masing-masing sebanyak 3 kali dan 5 kali. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah IBL hanya bermesyuarat sebanyak 2 kali masing-masingnya pada tahun 2010 dan 2011. Ini menyebabkan pada tahun 2010 dan 2011, Lembaga Pengarah tidak dapat memantau prestasi serta permasalahan syarikat secara tetap.</p>	
<p>14.5.3.2.b</p>	<p>Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah ke mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013 adalah memuaskan kecuali seorang Ahli Lembaga Pengarah tidak pernah menghadiri mesyuarat ALP bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Ahli Lembaga Pengarah ini tidak menghadiri mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tanpa menetapkan pengganti yang dilantik bagi pihaknya. Berdasarkan senarai pembayaran elaun, Ahli Lembaga Pengarah berkenaan menerima elaun Lembaga Pengarah serta elaun mesyuarat yang diberikan berdasarkan kehadiran.</p>	
<p>14.5.3.2.c</p>	<p>Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2007 menekankan setiap Ahli Lembaga Pengarah perlu mempunyai skil dan pengalaman bagi membantu dalam pengurusan strategik syarikat, pengurusan prestasi serta pengurusan sumber. Adalah didapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2011, Ahli Lembaga Pengarah IBL telah menghadiri</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	1 hingga 5 <i>conference</i> berkaitan tugas. Bagaimanapun, tiada sebarang latihan/conference yang telah dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah pada tahun 2012 dan 2013.	
14.5.3.2.d	<p>Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Pihak Audit mendapati, fungsi <i>check and balance</i> operasi syarikat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan IBV yang ditubuhkan pada bulan April 2007. Beberapa perkara yang perlu diberi perhatian seperti berikut:-</p> <p>i. Berdasarkan <i>Term of Reference</i> Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan, jawatankuasa perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Adalah didapati jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekali setahun bagi membincangkan akaun yang telah diaudit. Bagaimanapun, permasalahan operasi syarikat tidak dibentangkan secara berterusan kepada jawatankuasa ini.</p> <p>ii. Pelaksanaan <i>Internal Quality And Audit Procedure</i> dilaksanakan oleh Bahagian Quality Control dan Quality Assurance, IBL. Bagaimanapun, pemantauan hanya terhad kepada pelaksanaan prosedur kawalan kualiti cGMP.</p> <p>Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat IBL perlu diperbaiki dengan mematuhi keperluan bilangan mesyuarat dan meningkatkan peranan Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan.</p> <p>Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014</p> <p>Syarikat mengambil maklum tentang keperluan untuk mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah sekurang – kurangnya 6 kali setahun. Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan akan melaksanakan saranan tersebut berkuat kuasa tahun 2014. Selain itu, pengurusan syarikat akan memastikan Ahli Lembaga Pengarah menghadiri conference berkaitan tugas.</p>	<p>Tindakan serta merta telahpun diambil. Berikut adalah tarikh Mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah dijalankan dan akan dijadualkan sepanjang tahun 2014:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bil 1/2014 – 18/2/2014 2. Bil 2/2014 - 14/5/2014 3. Bil 3/2014 – 17/7/2014 4. Bil 4/2014 – 26/8/2014 5. Bil 5/2014 – 18/9/2014 6. Bil 6/2014 – 27/10/2014 7. Bil 7/2014 – 16/12/2014

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>14.5.3.3</p>	<p>Pencapaian <i>Key Performance Indicator</i> (KPI)</p> <p>Kejayaan sesebuah syarikat dinilai dengan membuat ukuran pencapaian terhadap aktiviti syarikat. IBL tidak mempunyai KPI berasingan tetapi pencapaian aktiviti dimasukkan sebagai KPI Kumpulan IBV. Pencapaian kepada setiap pengukuran KPI disediakan dan dikemukakan Kementerian Kewangan, bagaimanapun tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sama ada dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah IBL atau syarikat induk iaitu IBV.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian KPI perlu dibentangkan di mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah bagi memastikan pencapaian syarikat dapat dinilai, tindakan susulan dapat diambil serta pelan tindakan yang lebih komprehensif dapat dirangka.</p> <p>Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014</p> <p>Bermula pada tahun 2014, pihak pengurusan akan membentangkan pencapaian KPI serta pelan yang lebih komprehensif bagi setiap objektif strategik berserta dengan sasaran yang lebih jelas.</p>	<p>Pencapaian KPI serta pelan yang komprehensif akan dibentangkan pada setiap mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.</p>
<p>14.5.3.4</p>	<p>Perancangan Strategik Syarikat</p> <p>Syarikat perlu menyediakan rancangan korporat (pelan perniagaan) dan menetapkan strateginya bagi mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Adalah didapati, rancangan korporat Kumpulan IBV - <i>Business Turnaround Plan</i> telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Bil. 29 Tahun 2012 pada 20 November 2012. Bagi aktiviti yang melibatkan IBL, pihak Audit mendapati, sehingga bulan Januari 2014 Distribution Agreement dengan STADA Pharmaceuticals (Asia) Ltd telah ditandatangani pada bulan September 2013 dan permohonan kelulusan daripada Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan bagi produk EPO Stada 2000 telah dikemukakan pada bulan Disember 2013.</p> <p>Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014</p> <p><u>Objektif Penubuhan Inno Biologics Sdn. Bhd.</u></p> <p>Penubuhan IBL adalah selaras dengan Dasar Bioteknologi Negara yang dilancarkan pada 2005 yang antara lainnya menekankan pembangunan penjagaan kesihatan bioteknologi, pembangunan bioteknologi perindustrian, penyelidikan dan pembangunan serta pemerolehan teknologi dan pembangunan modal insaniah.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>IBL adalah sebuah syarikat kontrak pengilangan bioteknologi berasaskan sel mamalia yang berkeupayaan untuk menghasilkan produk biofarmaseutikal yang bukan sahaja selamat dan efektif malah dengan harga yang berpatutan. IBL berupaya merealisasikan hasrat ini melalui tiga langkah utama:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Sebagai pengilang kontrak biofarmaseutikal bertaraf antarabangsa dan disegani di rantau ini; ii. Memantapkan usaha penyelidikan serta pengkomersilan ubatan biosimilar dan anti kanser sejajar dengan permintaan pasaran Malaysia serta global; dan iii. Menjalinkan kerjasama strategik untuk perlesenan teknologi dan kepakaran untuk pembangunan produk biofarmaseutikal dengan kepakaran dari dalam dan luar Negara. <p>Terapi antibodi berasaskan sel mamalia adalah satu alternatif perubatan yang telah terbukti secara klinikal mampu memberikan kesan lebih baik berbanding terapi konvensional. Oleh kerana kosnya yang tinggi, rawatan sebegini hanya mampu ditawarkan kepada golongan yang berkemampuan sahaja. Ubatan biofarmaseutikal pada amnya didefinisikan sebagai molekul biologi besar, seperti protein yang digunakan untuk menyasar mekanisme dan perjalanan sesuatu penyakit. Ia lebih efektif daripada kaedah kemoterapi yang menggunakan sinar radiasi untuk memusnahkan bukan sahaja sel kanser tetapi juga sel yang normal disekelilingnya.</p> <p>Ubatan berasaskan bioteknologi memang diramal untuk mendominasi kaedah rawatan di masa akan datang. Sebagai bukti, ubatan farmaseutikal bioteknologi secara global menyumbang 10 – 15% daripada keseluruhan longgokan ubatan yang ada di pasaran dan sektor ini mendahului sektor lainnya dari segi pertumbuhan prestasinya (Epicom, 2009).</p> <p><u>Cabaran</u></p> <p>Sebagai sebuah syarikat pesaing baru, IBL tidak terlepas daripada melalui cabaran getir dalam industri bioteknologi berasaskan penjagaan kesihatan ini. Antaranya ialah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mengatasi isu pengawalseliaan dari badan kawal selia tempatan dan antarabangsa. IBL sedar keperluan kritikal buat pengilang farmaseutikal untuk menawarkan penyelesaian yang praktikal dan berkesan bagi memenuhi piawaian yang telah ditetapkan. Industri penjagaan kesihatan telah dikenal pasti sebagai salah satu “Highly Regulated Industry” di mana IBL perlu mematuhi garis panduan ketat yang telah ditetapkan oleh badan 	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>persijilan tempatan dan antarabangsa. IBL hanya boleh beroperasi apabila mendapat akreditasi cGMP daripada Bahagian Farmaseutikal Kebangsaan (BFK) dan berjaya memperolehnya pada tahun 2011. Justeru, IBL hanya boleh memulakan operasi perniagaannya bermula pada tahun persijilan akreditasi tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. Kerosotan ekonomi semasa telah memberi kesan yang ketara kepada syarikat – syarikat farmaseutikal global. Penggabungan Syarikat Farmaseutikal gergasi seperti Roche & Genentech, Pfizer & Wyeth dan beberapa syarikat lain telah mengakibatkan lebih kapasiti untuk kontrak pengilangan ubatan biologi. Hasil daripada lebih ini, aktiviti penyumberan luar terlalu terhad untuk aktiviti kontrak pengilangan dan memberi impak yang besar kepada syarikat kontrak pengilangan seperti IBL. iii. Membentuk “track record” di mana ianya adalah salah satu daripada kriteria penting bagi pelabur serta pelanggan dalam memilih sesebuah pengilang kontrak bagi tujuan khidmat luar. iv. Terdapat persepsi daripada sesetengah pelabur tempatan bahawa pelaburan di dalam bidang bioteknologi kurang ganjarannya. Sebaliknya bidang bioteknologi memerlukan tempoh matang yang panjang, datang dengan risiko yang tinggi tetapi mampu untuk membawa pulangan yang lumayan. v. Tambahan pula, konsep pengilangan kontrak ini adalah sesuatu yang baru bagi kebanyakan mereka dan ianya mengambil masa untuk memahami konsep dan model perniagaan ini. Pendidikan serta aktiviti kesedaran adalah sebahagian daripada aktiviti utama yang dilaksanakan oleh IBL bagi meyakinkan para pelanggan serta pihak yang berkepentingan tentang potensi model perniagaan ini. vi. Persaingan sengit di persada antarabangsa di mana perniagaan pembuatan kontrak biofarmaseutikal ini didominasi oleh syarikat terutamanya daripada Amerika Utara, Eropah, Jepun dan juga Korea. Ini ditambah pula dengan masalah persepsi yang mengaitkan isu kualiti jika kontrak pembuatan diberikan kepada syarikat daripada negara membangun seperti Malaysia dan sekali gus memberi kelebihan kepada syarikat yang datang daripada negara maju lain. 	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>14.5.3.5</p>	<p>Pengurusan Pinjaman</p> <p>Bagi membiayai kos pembinaan makmal cGMP, IBL telah membuat pinjaman berjangka daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) pada tahun 2004 berjumlah RM42 juta. Pinjaman ini sepatutnya mula dibayar pada tahun 2006. Dari tahun 2007 hingga Ogos 2010, IBL telah membuat bayaran berjumlah RM22.73 juta kepada BPMB. Berdasarkan defisit aliran tunai, pada bulan April 2011, BPMB telah meluluskan permohonan IBL untuk menjadual semula terma pinjaman dengan bayaran faedah dan prinsipal bermula bulan Februari 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, IBL perlu merancang dan membangunkan aktiviti utama untuk menjana pendapatan yang tinggi secara berterusan bagi memastikan bayaran balik pinjaman dibuat mengikut jadual.</p> <p>Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 30 April 2014</p> <p>Pihak syarikat dalam proses perbincangan dengan pihak Kementerian Kewangan dan juga pihak BPMP bagi pengurusan pinjaman ini.</p>	<p>Perbincangan dengan pihak BPMP telahpun dilakukan dan perbincangan dengan pihak Kementerian Kewangan akan dilakukan pada masa terdekat.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

KEMENTERIAN KEWANGAN

Perenggan 15 : Pengurusan Felcra Sdn. Bhd

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
15.5.1.1.b	<p>Analisis Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi</p> <p>Keuntungan syarikat yang disumbangkan daripada aktiviti perladangan banyak dipengaruhi oleh kenaikan dan penurunan harga komoditi kelapa sawit dunia. Peningkatan keuntungan pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh peningkatan harga kelapa sawit dunia dan peningkatan pengeluaran kelapa sawit oleh ladang di bawah seliaan FELCRA. Punca utama penurunan paras keuntungan syarikat pada tahun 2012 adalah disebabkan penurunan harga komoditi sawit (buah tandan segar) pada tahun 2012. Purata harga buah tandan segar (BTS) pada tahun 2012 menurun sebanyak RM115.24/mt (15.8%) kepada sekitar RM542.21/mt berbanding tahun 2011 pada kadar RM659.45/mt. Selain itu, kerugian berjumlah RM12.71 juta pada tahun 2012 daripada aktiviti perkilangan kelapa sawit turut menjejaskan keuntungan syarikat. Bagaimanapun, terdapat peningkatan dalam pendapatan lain iaitu peningkatan pendapatan faedah berjumlah RM9.26 juta, dividen daripada subsidiari berjumlah RM5.0 juta dan sewaan premis berjumlah RM7.7 juta pada tahun 2012 berbanding tahun 2011.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 22 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p> <p>Sumber pendapatan dan perolehan syarikat disumbangkan oleh 4 aktiviti utama iaitu dari perladangan; perkilangan; strategic business unit; dan lain-lain pendapatan. Walau bagaimanapun sumber pendapatan syarikat sebahagian besarnya adalah disumbangkan oleh 2 aktiviti utama iaitu perladangan dan perkilangan. Kedudukan harga pasaran yang turun naik telah menjejaskan keuntungan syarikat khususnya pada tahun 2012 dan seterusnya pada tahun 2013.</p> <p>Syarikat telah menyusun strategi jangka pendek untuk penambahbaikan produktiviti ladang antaranya adalah meningkatkan produktiviti pekerja daripada 1.5 tan metrik sehari kepada 2 tan metrik sehari; meningkatkan pendapatan penyediaan tapak semaian dan meningkatkan pendapatan syarikat melalui aktiviti pengeluaran baja bulk blend dan baja organik (BOF).</p>	<p>Strategi Jangka Pendek – Peningkatan Pendapatan Syarikat</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Aktiviti</th> <th style="text-align: center;">Tempoh/ Jadual Pelaksanaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> <p>Produktiviti Ladang</p> <ul style="list-style-type: none"> - 2 tan/hari/pekerja <p>Penambahan Pendapatan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pendapatan tapak semaian RM 4.90 Juta - pendapatan baja bulk blend RM4.90 Juta - Pendapatan baja organik RM10.50 Juta </td> <td style="text-align: center; vertical-align: middle;">2014</td> </tr> <tr> <td> <p>Effisiensi Kilang</p> <ul style="list-style-type: none"> - Oil Recovery Efficiency” ke tahap lebih 93% dengan pengawalan “Oil Losses” kurang daripada 1.5% - penerimaan biji leri melebihi 2% </td> <td style="text-align: center; vertical-align: middle;">2014</td> </tr> <tr> <td> <p>Dried Long Fiber</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kilang Sawit Maran - Kilang Bukit Kepong </td> <td style="text-align: center; vertical-align: middle;">Beroperasi Julai 2014</td> </tr> </tbody> </table>	Aktiviti	Tempoh/ Jadual Pelaksanaan	<p>Produktiviti Ladang</p> <ul style="list-style-type: none"> - 2 tan/hari/pekerja <p>Penambahan Pendapatan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pendapatan tapak semaian RM 4.90 Juta - pendapatan baja bulk blend RM4.90 Juta - Pendapatan baja organik RM10.50 Juta 	2014	<p>Effisiensi Kilang</p> <ul style="list-style-type: none"> - Oil Recovery Efficiency” ke tahap lebih 93% dengan pengawalan “Oil Losses” kurang daripada 1.5% - penerimaan biji leri melebihi 2% 	2014	<p>Dried Long Fiber</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kilang Sawit Maran - Kilang Bukit Kepong 	Beroperasi Julai 2014
Aktiviti	Tempoh/ Jadual Pelaksanaan									
<p>Produktiviti Ladang</p> <ul style="list-style-type: none"> - 2 tan/hari/pekerja <p>Penambahan Pendapatan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pendapatan tapak semaian RM 4.90 Juta - pendapatan baja bulk blend RM4.90 Juta - Pendapatan baja organik RM10.50 Juta 	2014									
<p>Effisiensi Kilang</p> <ul style="list-style-type: none"> - Oil Recovery Efficiency” ke tahap lebih 93% dengan pengawalan “Oil Losses” kurang daripada 1.5% - penerimaan biji leri melebihi 2% 	2014									
<p>Dried Long Fiber</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kilang Sawit Maran - Kilang Bukit Kepong 	Beroperasi Julai 2014									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																		
	<p>Manakala strategi meningkatkan pendapatan syarikat untuk tempoh jangka panjang adalah dengan meningkatkan aktiviti tanam semula; pembelian ladang matang dan pembukaan ladang baru.</p> <p>Bagi aktiviti perkilangan, FELCRA Berhad telah mengatur strategi jangka pendek seperti Meningkatkan efisiensi Kilang iaitu peningkatan margin OER lebih daripada 0.5% dan peningkatan "Oil Recovery Efficiency" ke tahap lebih 93% dengan pengawalan "Oil Losses" kurang daripada 1.5%; penerimaan biji lerai melebihi 2% dari bekalan buah tandan segar untuk semua kilang dan Memperkemarkan sistem dan struktur pengurusan khususnya dalam aspek pemantauan operasi kilang. Untuk strategi jangka panjang antaranya adalah menjalankan usaha sama kilang penapis minyak di Lumut, Perak dengan syarikat dari Korea (BK group) dengan kapasiti 2,000mt sehari; usaha sama EFB carbonized pallet di kilang sawit Seberang Perak dengan syarikat Korea; pembinaan 3 buah loji dried long fibre yang mula beroperasi pada bulan Julai 2014; membina secara usaha sama loji biogas di kilang-kilang FELCRA Berhad pada bulan Januari 2015 dan beroperasi pada bulan Ogos 2015 dan membina secara usaha sama kilang EFB carbonized pallet di kilang sawit Seberang Perak pada bulan Januari 2015 dan mula beroperasi pada bulan Jun 2016.</p> <p>Beberapa strategi jangka panjang bagi lain-lain aktiviti syarikat adalah seperti menceburi bidang venture baru seperti pembangunan hartanah di Grik, Bidor dan Langkawi; dan Kolej FELCRA yang akan beroperasi pada bulan Jun 2014 di Seberang Perak dengan pengambilan pelajar baru seramai 43 orang dalam bidang Sijil Landskap dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak.</p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun syarikat mencatatkan keuntungan selepas cukai namun pendapatan syarikat mengalami penurunan yang ketara pada tahun 2012 berbanding 2011.</p>	<p>- Kilang Melikai</p>																																		
		<p>Strategi Jangka Panjang – Peningkatan Pendapatan Syarikat</p>																																		
		<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1305 392 1753 456">Aktiviti</th> <th colspan="2" data-bbox="1753 392 1977 456">Tempoh/ Jadual Pelaksanaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1305 456 1753 655">Program Tanam Semula</td> <td data-bbox="1753 456 1877 504">Tahun</td> <td data-bbox="1877 456 1977 504">Luas</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1305 504 1753 576"></td> <td data-bbox="1753 504 1877 576">2014</td> <td data-bbox="1877 504 1977 576">25,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1305 576 1753 655"></td> <td data-bbox="1753 576 1877 655">2015</td> <td data-bbox="1877 576 1977 655">25,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1305 655 1753 831">Pembelian ladang Matang 20,000 hektar</td> <td colspan="2" data-bbox="1753 655 1977 831">2015</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1305 831 1753 871">Pembukaan Ladang getah baru di Cambodia seluas 16,000 hektar</td> <td colspan="2" data-bbox="1753 831 1977 871">2014 – 2015</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1305 871 1753 911">Operasi Kolej FELCRA</td> <td colspan="2" data-bbox="1753 871 1977 911">Julai 2014</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1305 911 1753 959">Usahasama kilang Penapis Minyak Sawit di Lumut</td> <td colspan="2" data-bbox="1753 911 1977 959">Jun 2015</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1305 959 1753 1007">Usahasama Empty Fruit Buncef (EFB) carbonized Pallet</td> <td colspan="2" data-bbox="1753 959 1977 1007">Jan 2015</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1305 1007 1753 1054">Loji Biogas di Kilang Sawit</td> <td colspan="2" data-bbox="1753 1007 1977 1054">Ogos 2015</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1305 1054 1753 1238">Pembangunan Hartanah - Bidor, Perak - Grik, Perak - Langkawi</td> <td colspan="2" data-bbox="1753 1054 1977 1238">2015</td> </tr> </tbody> </table>		Aktiviti	Tempoh/ Jadual Pelaksanaan		Program Tanam Semula	Tahun	Luas		2014	25,000		2015	25,000	Pembelian ladang Matang 20,000 hektar	2015		Pembukaan Ladang getah baru di Cambodia seluas 16,000 hektar	2014 – 2015		Operasi Kolej FELCRA	Julai 2014		Usahasama kilang Penapis Minyak Sawit di Lumut	Jun 2015		Usahasama Empty Fruit Buncef (EFB) carbonized Pallet	Jan 2015		Loji Biogas di Kilang Sawit	Ogos 2015		Pembangunan Hartanah - Bidor, Perak - Grik, Perak - Langkawi	2015	
Aktiviti	Tempoh/ Jadual Pelaksanaan																																			
Program Tanam Semula	Tahun	Luas																																		
	2014	25,000																																		
	2015	25,000																																		
Pembelian ladang Matang 20,000 hektar	2015																																			
Pembukaan Ladang getah baru di Cambodia seluas 16,000 hektar	2014 – 2015																																			
Operasi Kolej FELCRA	Julai 2014																																			
Usahasama kilang Penapis Minyak Sawit di Lumut	Jun 2015																																			
Usahasama Empty Fruit Buncef (EFB) carbonized Pallet	Jan 2015																																			
Loji Biogas di Kilang Sawit	Ogos 2015																																			
Pembangunan Hartanah - Bidor, Perak - Grik, Perak - Langkawi	2015																																			

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini			
15.5.1.2	<p>Analisis Nisbah</p> <p>Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat FELCRA, analisis nisbah semasa, margin keuntungan bersih, nisbah pulangan atas aset dan nisbah pulangan atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun 2010, 2011 dan 2012.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan khususnya pengurusan operasi syarikat, FELCRA Berhad telah memberi penekanan kepada tiga kaedah penjimatan kos operasi seperti penjimatan kos operasi ladang, kilang dan kos operasi pengurusan.</p> <p>Pada pendapat Audit, analisis nisbah bagi 3 tahun menunjukkan prestasi kewangan syarikat adalah sederhana. FELCRA perlu memastikan pengurusan kos operasi dan aset sedia ada digunakan lebih cekap supaya syarikat dapat menjana prestasi kewangan yang lebih baik.</p>	Status Prestasi Kewangan Felcra Berhad Sehingga Mac 2014			
			2013	MAC 2013	MAC 2014
			RM Juta	RM Juta	RM Juta
		PENDAPATAN	940.12	187.68	202.60
		KOS OPERASI	(715.54)	(135.85)	(134.22)
		UNTUNG OPERASI	224.59	51.83	68.38
		LAIN-LAIN			
		PENDAPATAN	36.57	4.39	6.83
		KOS PENGURUSAN	(241.75)	(45.12)	(42.68)
		EBITDA	19.41	11.10	32.53
		PERUNTUKAN			
		ROSOTNILAI	31,70	-	(0.25)
		KEUNTUNGAN/(KERU			
		GIAN) DARI SYKT	1.67	-	-
		BERSEKUTU			
		SUSUTNILAI	(44.62)	(11.60)	(10.83)
		PULANGAN ATAS			
		SIMPANAN	62.20	14.02	14.33
		FAEDAH ATAS			
		PINJAMAN	(4.83)	(0.67)	(0.41)
		KEUNTUNGAN			
		SELEPAS SIMPANAN			
		TETAP	65.52	12.85	35.37
		CUKAI	(19.52)	(3.99)	(10.96)
		UNTUNG SELEPAS			
		CUKAI	45.99	8.86	24.41
		MARGIN			
		UNTUNG	23.89		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini															
		OPERASI(%)		27.85	33.75												
15.5.1.4	<p>Faedah Daripada Geran Kerajaan</p> <p>Prestasi kewangan FELCRA adalah memuaskan kerana mampu menjana keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu RM86.84 juta, RM153.46 juta, RM81.95 juta iaitu bagi tahun 2010, 2011 dan 2012. Analisis Audit mendapati lain-lain pendapatan adalah berjumlah RM71.77 juta (82.6%), RM97.05 juta (55.9%) dan RM115.24 juta (143.1%) daripada keseluruhan keuntungan sebelum cukai syarikat masing-masing pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Walaupun pada tahun 2012 syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM81.95 juta, aktiviti utama FELCRA mengalami kerugian berjumlah RM35.29 juta. Analisis Audit seterusnya mendapati pendapatan daripada faedah atas pelaburan simpanan tetap yang sebahagian adalah geran peruntukan yang diberikan oleh KKLW merupakan penyumbang terbesar iaitu RM37.9 juta (52.8%), RM66.46 juta (68.5%) dan RM75.72 juta (64.6%) daripada jumlah lain-lain pendapatan pada tahun 2010, 2011 dan 2012 masing-masing.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>FELCRA Berhad masih menunjukkan keuntungan syarikat pada kedudukan positif. Syarikat sedar dengan kedudukan ini dan dalam masa yang sama FELCRA Berhad juga dilihat telah berjaya bukan sahaja melaksanakan tanggungjawab sebagai syarikat perniagaan dalam bidang perladangan, namun juga berjaya dalam memberi faedah kepada kumpulan sasar iaitu peserta-peserta FELCRA seramai lebih kurang 98,000 orang. Ini telah ditunjukkan melalui pengagihan dividen dari RM542.90 juta, RM912.00 juta dan RM543.20 juta untuk tahun 2010, 2011 dan 2013 masing-masing.</p> <p>Pada pendapat Audit, keuntungan yang dicatatkan oleh FELCRA secara signifikan disumbangkan oleh lain-lain pendapatan yang meliputi pendapatan faedah daripada simpanan tetap. FELCRA perlu berusaha untuk meningkatkan pendapatan daripada aktiviti operasi bagi membolehkan syarikat berdaya saing dan mencapai objektif penubuhannya.</p>	<p>Prestasi Keuntungan Operasi Sehingga Mac 2014</p> <table border="1" data-bbox="1305 368 1989 624"> <thead> <tr> <th data-bbox="1305 368 1594 509"></th> <th data-bbox="1594 368 1720 509">Dis 2013</th> <th data-bbox="1720 368 1863 509">Mac 2013</th> <th data-bbox="1863 368 1989 509">Mac 2014</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1305 509 1594 564">EBITDA (RM Juta)</td> <td data-bbox="1594 509 1720 564">19.41</td> <td data-bbox="1720 509 1863 564">11.10</td> <td data-bbox="1863 509 1989 564">32.53</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1305 564 1594 624">Margin Untung Operasi (%)</td> <td data-bbox="1594 564 1720 624">23.89</td> <td data-bbox="1720 564 1863 624">27.85</td> <td data-bbox="1863 564 1989 624">33.75</td> </tr> </tbody> </table>					Dis 2013	Mac 2013	Mac 2014	EBITDA (RM Juta)	19.41	11.10	32.53	Margin Untung Operasi (%)	23.89	27.85	33.75
	Dis 2013	Mac 2013	Mac 2014														
EBITDA (RM Juta)	19.41	11.10	32.53														
Margin Untung Operasi (%)	23.89	27.85	33.75														
15.5.2.1.b	<p>Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)</p> <p>Berdasarkan kepada laporan pencapaian KPI yang dikemukakan kepada MKD, pihak Audit mendapati strategi KPI untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat luar bandar (peserta) dengan meningkatkan produktiviti kelapa sawit dan getah ladang peserta berjaya dicapai pada tahun 2011, 2012, dan 2013 pada 85.0%</p>																

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini						
	<p>hingga 94.7%. Bagaimanapun, sasaran KPI untuk meningkatkan keuntungan projek yang ditadbir oleh FELCRA pada tahun 2012 dan 2013 hanya mencapai 46.9% dan 72.9% daripada sasaran masing-masing. Sasaran KPI untuk meningkatkan keuntungan syarikat juga tidak dicapai pada tahun 2012 dan 2013 iaitu hanya 51.7% dan 76.6% daripada sasaran masing-masing. Bagaimanapun secara keseluruhannya menggunakan wajaran pencapaian KPI bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing adalah pada 94.18%, 84.96% dan 86.12% daripada sasaran.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>Strategi penambahbaikan KPI adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Meningkatkan keuntungan projek peserta yang diuruskan oleh FELCRA dengan menggariskan pelan tindakan komprehensif iaitu peningkatan produktiviti dan pengurangan kos pengeluaran ladang peserta melalui peningkatan produktiviti harian; melaksanakan program tanam semula dengan agresif; memantau pematuhan Good Agronomic Practices (GAP) dan SOP; dan penggunaan mekanisasi bagi menggantikan kebergantungan kepada buruh. b. Meningkatkan KPI keuntungan syarikat dengan menyediakan Pelan Tindakan Komprehensif FELCRA Berhad yang telah dan sedang dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti serta pengurangan kos pengeluaran di ladang-ladang kepunyaan FELCRA Berhad seperti mana di laksanakan kepada ladang peserta di atas. Namun terdapat beberapa program tambahan iaitu pembelian ladang matang; pembukaan ladang baru dalam dan luar negara seperti Cambodia; penyediaan tapak semaian sendiri; dan pengeluaran baja Bulk Blend dan Baja Organik (BOF) yang diuruskan sendiri oleh FELCRA dan anak syarikatnya. c. Meningkatkan Keberkesanan Kilang dengan melaksanakan program-program seperti peningkatan margin OER lebih daripada 0.5% dan peningkatan "Oil Recovery Efficiency" ke tahap lebih 93% dengan pengawalan "Oil Losses" kurang daripada 1.5%; Penerimaan biji lerai melebihi 2% dari bekalan buah tandan segar untuk semua kilang; dan memperkemarkan sistem dan struktur pengurusan khususnya dalam aspek pemantauan operasi kilang. d. Mempelbagaikan aktiviti hiliran. e. Memperkenalkan Coporate KPI iaitu pemantauan secara bulanan dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah Syarikat dan dilaporkan kepada Menteri Kewangan 	<table border="1" data-bbox="1361 236 2018 411"> <thead> <tr> <th data-bbox="1361 236 1653 292">Aktiviti</th> <th data-bbox="1653 236 2018 292">Tempoh/Perlaksanaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1361 292 1653 355">Corporate KPI bulanan</td> <td data-bbox="1653 292 2018 355">Dilaporkan kepada Lembaga Pengarah</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1361 355 1653 411">Corporate KPI kepada MOF</td> <td data-bbox="1653 355 2018 411">Setiap suku tahun kepada MOF</td> </tr> </tbody> </table> <p>Melalui pelaporan KPI secara berkala ini, pemantauan syarikat dan Kumpulan akan dilaksanakan dengan lebih berkesan.</p>	Aktiviti	Tempoh/Perlaksanaan	Corporate KPI bulanan	Dilaporkan kepada Lembaga Pengarah	Corporate KPI kepada MOF	Setiap suku tahun kepada MOF
Aktiviti	Tempoh/Perlaksanaan							
Corporate KPI bulanan	Dilaporkan kepada Lembaga Pengarah							
Corporate KPI kepada MOF	Setiap suku tahun kepada MOF							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
	<p>Diperbadankan pada setiap suku tahun.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak pengurusan FELCRA perlu menilai semula faktor yang menyebabkan KPI bagi setiap elemennya yang tidak dapat dicapai seperti yang disasarkan serta menetapkan satu pelan tindakan yang lebih komprehensif.</p>									
15.5.2.2.a	<p>Prestasi Aktiviti Komersil - Aktiviti Perladangan</p> <p>Semakan Audit mendapati berlaku penurunan pendapatan daripada aktiviti perladangan berjumlah RM37.67 juta (38.7%) pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Manakala tahun 2013 berlaku penurunan pendapatan daripada aktiviti ini berjumlah RM15.11 juta (28.7%) bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012. Antara faktor yang dikenal pasti mengurangkan pendapatan aktiviti perladangan adalah penurunan hasil ladang kerana umur pokok yang tidak lagi ekonomik iaitu melebihi 20 tahun dan pembajaan yang tidak mengikut jenis, kuantiti dan masa yang disyorkan. Kedua-dua faktor ini memberi kesan kepada tahap kesuburan dan kualiti buah kelapa sawit yang dihasilkan. Penurunan pendapatan daripada aktiviti perladangan telah memberi kesan terhadap penurunan pendapatan syarikat.</p>	<p>a. Aktiviti Perladangan(Estet)</p> <p>Keuntungan daripada Estet mengikut tahun:</p> <table border="1" data-bbox="1317 539 1980 938"> <thead> <tr> <th data-bbox="1317 539 1603 715">TAHUN</th> <th data-bbox="1603 539 1980 715">CAPAI (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1317 715 1603 810">Disember 2013 (Telah Diaudit)</td> <td data-bbox="1603 715 1980 810">42.60</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1317 810 1603 874">Jan-Mac 2013</td> <td data-bbox="1603 810 1980 874">13.46</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1317 874 1603 938">Jan-Mac 2014</td> <td data-bbox="1603 874 1980 938">17.63</td> </tr> </tbody> </table>	TAHUN	CAPAI (RM)	Disember 2013 (Telah Diaudit)	42.60	Jan-Mac 2013	13.46	Jan-Mac 2014	17.63
TAHUN	CAPAI (RM)									
Disember 2013 (Telah Diaudit)	42.60									
Jan-Mac 2013	13.46									
Jan-Mac 2014	17.63									
15.5.2.2.b	<p>Aktiviti Pemprosesan Komoditi Dan Hiliran</p> <p>Aktiviti pemprosesan komoditi dan hiliran adalah aktiviti yang melibatkan pemprosesan buah kelapa sawit, pemprosesan getah, pemprosesan benih padi dan baja bio organik. Semakan Audit mendapati pendapatan daripada aktiviti pemprosesan komoditi dan hiliran telah menurun sejumlah RM198.30 juta pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 dan terus menurun sejumlah RM155.75 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Penurunan pendapatan daripada aktiviti ini disebabkan oleh penurunan pendapatan aktiviti pemprosesan buah kelapa sawit iaitu RM889.53 juta, RM669.48 juta dan RM470.92 juta pada tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>Pendapatan ladang bergantung sepenuhnya terhadap produktiviti, kawalan kos dan harga. Faktor-faktor yang mempengaruhi penurunan prestasi hasil ladang komersil (Estet FELCRA Berhad) bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah sebagaimana berikut:-</p> <p>a. Produktiviti Hasil</p> <p>Didapati bahawa produktiviti hasil pada tahun 2012 mengalami penurunan sebanyak 2.46 mt/ha atau 10.5% berbanding tahun 2011 dan seterusnya penurunan sebanyak 0.41 mt/ha atau 1.95 % pada tahun 2013 berbanding tahun</p>	<p>b. Prestasi pendapatan dari Kumpulan Perkilangan seperti jadual berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1317 1066 1980 1193"> <thead> <tr> <th data-bbox="1317 1066 1603 1129">Sehingga Mac 2014</th> <th data-bbox="1603 1066 1980 1129">Sehingga Mac 2013</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1317 1129 1603 1193">RM131.07 Juta</td> <td data-bbox="1603 1129 1980 1193">RM99.23 Juta</td> </tr> </tbody> </table>	Sehingga Mac 2014	Sehingga Mac 2013	RM131.07 Juta	RM99.23 Juta				
Sehingga Mac 2014	Sehingga Mac 2013									
RM131.07 Juta	RM99.23 Juta									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>2012. Senario penurunan ini turut dialami oleh industri sawit Negara di mana data yang dikeluarkan oleh MPOB menunjukkan penurunan sebanyak 1.91 mt/ha atau 8.56% pada tahun 2012.</p> <p>b. Harga BTS Harga buah tandan segar (BTS) juga mengalami penurunan sejumlah RM131/mt atau 19.49% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 dan dan seterusnya menurun sejumlah RM114/mt atau 21.07% pada tahun 2013 berbanding tahun 2012.</p> <p>Pengurusan FELCRA Berhad telah menyiapkan pelan strategi seperti berikut:-</p> <p>a. Pematuhan Good Agronomic Practices (GAP) bagi pengurusan rumpai; pengurusan aplikasi pembajaan; Penyelenggaraan ladang dan tanaman; Pengurusan tenaga kerja dan Pengurusan hasil.</p> <p>b. Menjalankan program tanam semula berdasarkan kepada polisi FELCRA Berhad seperti umur berhasil pokok melebihi 20 tahun bagi sawit dan 25 tahun bagi getah; dirian pokok/ hektar (SPH) kurang 100 pokok/hektar bagi sawit dan 120 pokok/hektar bagi getah; dan produktiviti hasil kurang 13 mt/hektar/tahun bagi sawit dan 840 kg/hektar/tahun bagi getah.</p> <p>c. Penggunaan baja–baja NPK premium dan baja organik bagi meningkatkan kesuburan pokok.</p>	
15.5.2.3.a	<p>Prestasi Aktiviti Tanggungjawab Sosial</p> <p>Berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-10, Pelan Perniagaan dan unjuran yang disediakan setiap tahun, FELCRA akan mengenal pasti aktiviti yang perlu dilaksanakan mengikut peruntukan geran atau pinjaman yang diberikan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2011 sebanyak 90 projek (32.1%) siap dilaksanakan berbanding 280 projek yang dirancang. Pada tahun 2012, sebanyak 30 projek (11.4%) siap dilaksanakan berbanding 264 projek yang dirancang. Manakala pada tahun 2013 sebanyak 144 projek (68.9%) siap dilaksanakan berbanding 209 projek yang dirancang. Perbelanjaan bagi tahun 2011 adalah berjumlah RM35.30 juta (16.7%) berbanding peruntukan berjumlah RM210.76 juta. Perbelanjaan bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM16.74 juta (13.2%) berbanding peruntukan berjumlah RM126.76 juta. Manakala pada tahun 2013 perbelanjaan berjumlah RM193.28 juta (79.1%) berbanding peruntukan berjumlah RM244.21 juta.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 22 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p>	<p>Kedadaan ini berlaku kepada dua aktiviti utama iaitu bagi projek baru Penyatuan dan Pemulihan dan Tanam Semula. Pengurusan FELCRA Berhad telah menetapkan tempoh masa pembangunan ladang bagi pelaksanaan projek baru P&P dan Tanam Semula adalah 18 bulan bagi kelapa sawit dan 24 bulan bagi tanaman getah. Pencapaian sebenar bagi tahun 2011 adalah 210 projek berbanding sasaran 193 projek dan bagi tahun 2012 pencapaian sebenar adalah 190 projek berbanding sasaran 192 projek.</p> <p>Manakala bagi Program Tanam Semula kawasan getah, kecenderungan untuk masa yang lebih lama akan berlaku kerana melibatkan penjualan kayu getah terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembangunan dapat dimulakan. Proses penjualan kayu getah banyak dipengaruhi oleh harga kayu</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini									
	<p>Keadaan ini berlaku kepada dua aktiviti utama iaitu bagi projek baru Penyatuan dan Pemulihan dan Tanam Semula. Pengurusan FELCRA Berhad telah menetapkan tempoh masa pembangunan ladang bagi pelaksanaan projek baru P&P dan Tanam Semula adalah 18 bulan bagi kelapa sawit dan 24 bulan bagi tanaman getah. Pencapaian sebenar bagi tahun 2011 adalah 210 projek berbanding sasaran 193 projek dan bagi tahun 2012 pencapaian sebenar adalah 190 projek berbanding sasaran 192 projek.</p> <p>Manakala bagi Program Tanam Semula kawasan getah, kecenderungan untuk masa yang lebih lama akan berlaku kerana melibatkan penjualan kayu getah terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembangunan dapat dimulakan. Proses penjualan kayu getah banyak dipengaruhi oleh harga kayu getah di pasaran sebagaimana berlaku kejatuhan harga kayu getah yang drastik dalam tempoh tahun 2011 hingga 2013.</p>	<p>getah di pasaran sebagaimana berlaku kejatuhan harga kayu getah yang drastik dalam tempoh tahun 2011 hingga 2013.</p>									
<p>15.5.3.1.a</p>	<p>Pengurusan Aktiviti Perladangan - Estet Kelapa Sawit</p> <p>FELCRA mempunyai 6 estet kelapa sawit yang diuruskan oleh FELCRA Urus Estet Sdn. Bhd. (FUESB) iaitu satu ladang di Changkat Jong, Perak dan 5 ladang lagi di Negeri Sabah. Keuntungan daripada aktiviti perladangan adalah milik FELCRA sepenuhnya bagi menampung kos operasi dan pembayaran dividen kepada pemegang saham dan ia merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan syarikat.</p> <p>Berdasarkan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP), tempoh yang sesuai bagi penanaman semula kelapa sawit adalah apabila dirian pokok/hektar kurang dari 100 pokok, tahun berhasil melebihi 20 tahun dan hasil setahun kurang 13 tan metrik/hektar. Pokok kelapa sawit akan mula mengeluarkan hasil pada tahun ketiga ditanam dan aktiviti akan mula menjadi tidak ekonomik apabila tahun bertanam mencecah 23 tahun kerana kos penuaian yang tinggi. Kelima-lima estet milik FELCRA dibeli daripada pihak swasta pada tahun 1999 dan 2000 dan maklumat tahun bertanam diberikan oleh penjual estet berkenaan. Ladang Estet Perdana, Sabah keluasan berhasil 1,574 hektar mempunyai purata tahun bertanam 18 tahun, Estet Sg. Lokan, Sabah keluasan berhasil 1,020 hektar mempunyai purata tahun bertanam 14 tahun manakala bagi Estet Pertama, Sabah yang keluasan berhasil 1,491 hektar tiada maklumat mengenai tahun bertanam. Semakan Audit mendapati pendapatan daripada aktiviti perladangan menurun sejumlah RM37.89 juta (24.0%) menjadi RM119.82 juta pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 dan menurun sejumlah RM27.12 juta (22.6%) menjadi RM92.7 pada tahun 2013 berbanding tahun 2012.</p>	<p>Bagi mengatasi isu produktiviti rendah, Pengurusan telah merancang untuk melaksanakan program penanaman semula secara berperingkat di ladang-ladang estet berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1308 786 1977 959"> <thead> <tr> <th data-bbox="1308 786 1565 871">Program Tanam Semula</th> <th data-bbox="1565 786 1771 871">Luas</th> <th data-bbox="1771 786 1977 871">Tempoh/ Perlaksanaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1308 871 1565 927">Estet Changkat Jong</td> <td data-bbox="1565 871 1771 927">316 Hektar</td> <td data-bbox="1771 871 1977 927">2014-2015</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 927 1565 959">Estet Sungai Lokan</td> <td data-bbox="1565 927 1771 959">589 Hektar</td> <td data-bbox="1771 927 1977 959">2015</td> </tr> </tbody> </table>	Program Tanam Semula	Luas	Tempoh/ Perlaksanaan	Estet Changkat Jong	316 Hektar	2014-2015	Estet Sungai Lokan	589 Hektar	2015
Program Tanam Semula	Luas	Tempoh/ Perlaksanaan									
Estet Changkat Jong	316 Hektar	2014-2015									
Estet Sungai Lokan	589 Hektar	2015									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini						
	<p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>Estet–estet milik penuh FELCRA Berhad merupakan antara penyumbang kepada pendapatan Syarikat. Bagi tahun 2013, jumlah pendapatan yang disumbangkan oleh Estet adalah sebanyak RM 92.7 juta atau 8.47% daripada pendapatan syarikat. Penurunan ini adalah disebabkan umur pokok di sebahagian estet yang telah melebihi prime age pokok sawit. Penurunan harga komoditi sawit juga telah mempengaruhi pendapatan estet.</p> <p>Langkah penambahbaikan bagi mengimbangi penurunan produktiviti hasil estet, pelaksanaan tanam semula telah di laksanakan sebanyak 2,875 hektar daripada 12,150 hektar atau 23.60 peratus. Program tanam semula selanjutnya akan dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.</p>							
<p>15.5.3.1.b</p>	<p>Lawatan Audit di projek FELCRA Sg. Lokan, Sabah mendapati pokok kelapa sawit yang telah ditanam selama 14 tahun adalah sangat tinggi. Purata pengeluaran per hektar adalah 15.95 tan metrik bagi tahun 2012. Dipercayai projek ini mempunyai tahun bertanam yang lebih lama kerana kuantiti pengeluaran per hektar yang rendah berbanding biasa dan ketinggian pokok yang tinggi daripada biasa.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 22 April 2014 Dan 2 Mei 2014</p> <p>Estet Sg. Lokan diwujudkan daripada gabungan 4 buah ladang yang dibeli dari pihak swasta di antara tahun 2000 hingga 2001. Semasa pembelian ladang–ladang tersebut, pokok–pokok sawit telah sedia ada dan mempunyai peringkat umur pokok yang berbeza. Dari maklumat yang diperolehi, peringkat penanaman di Estet Sg. Lokan adalah di antara dari tahun 1996 hingga 2000.</p> <p>Bagi mengatasi masalah tersebut pengurusan telah melaksanakan tanam semula di estet–estet FELCRA seluas 2,875 hektar daripada 12,150 hektar atau 23.60 peratus bermula tahun 2006. Pengurusan telah merancang untuk menanam semula di Estet Sg Lokan seluas 586 hektar mulai 2015. Tumpuan amalan Good Agronomic Practices (GAP) dalam pelaksanaan tanam semula akan diberikan terhadap aktiviti–aktiviti membersihkan kawasan; pembangunan teres; jarak tanaman; jalan ladang, penanaman KPB; dan penanaman pokok.</p> <p>Pada pendapat Audit, penanaman semula mengikut <i>Good Agronomic Practices</i> perlu dilaksanakan segera bagi menjamin keuntungan daripada aktiviti perladangan di masa hadapan.</p>	<p>Pokok yang ditanam tidak mengikut SOP maka FELCRA Bhd. telah merancang untuk melaksanakan program tanam semula seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1361 695 2040 890"> <thead> <tr> <th data-bbox="1361 695 1624 778">Program Tanam Semula</th> <th data-bbox="1624 695 1832 778">Luas</th> <th data-bbox="1832 695 2040 778">Tempoh/ Perlaksanaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1361 778 1624 890">Estet Sungai Lokan</td> <td data-bbox="1624 778 1832 890">589 Hektar</td> <td data-bbox="1832 778 2040 890">2015</td> </tr> </tbody> </table> <p>Pematuhan <i>Good Agronomic Practices</i> (GAP) secara berterusan.</p>	Program Tanam Semula	Luas	Tempoh/ Perlaksanaan	Estet Sungai Lokan	589 Hektar	2015
Program Tanam Semula	Luas	Tempoh/ Perlaksanaan						
Estet Sungai Lokan	589 Hektar	2015						

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																														
<p>15.5.3.1.c</p>	<p>Pembajaan sangat penting bagi memastikan pokok mendapat pemakanan (nutrien) yang cukup dan seimbang bagi pertumbuhan yang sempurna dan memaksimumkan produktiviti BTS. Pengesyoran baja dibuat oleh FELCRA Plantation and Services Sdn. Bhd. (FPSSB) melalui laporan hasil daripada kajian yang dibuat ke atas umur pokok, daun, jenis tanah dan cuaca. Semakan Audit mendapati daripada 8,637.29 tan metrik baja yang disyorkan oleh FPSSB hanya 6,737.89 tan metrik (78.0%) baja yang diterima malah baja yang dihantar lewat daripada masa pembajaan sebenar dan jenis baja yang disyorkan. Lawatan Audit ke stor penyimpanan baja di Estet Perdana, Pertama dan Sg. Lokan, Sabah mendapati stor baja tidak mempunyai baja. Pembajaan yang tidak teratur boleh mengakibatkan kesihatan pokok terjejas di mana daun menjadi kuning, patah dan produktiviti pokok rendah dan boleh menurunkan produktiviti kelapa sawit di estet ini sepertimana yang ditunjukkan oleh prestasi pendapatan ladang yang kian menurun. Isu kelemahan pengurusan baja ada dibangkitkan oleh Audit di dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008, antaranya seperti kelewatan penerimaan, perolehan baja oleh FELCRA dan aktiviti pembajaan di 6 daripada 8 ladang yang dilawati tidak mengikut jadual.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>Pengurusan Estet telah menggunakan baja NPK Premium (13:13:21:1.5) dengan kadar 6 kg/pokok/tahun. Pembajaan tambahan sebanyak 1 hingga 1.5 kg/pokok/tahun telah dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan sebenar nutrien berasaskan analisa tanah dan daun. Berdasarkan maklumat di atas, kadar baja yang dibekalkan adalah mencukupi sebagaimana analisa perbandingan penggunaan baja tunggal dan NPK Premium.</p> <p>Antara langkah langkah–langkah penambahbaikan adalah pembekalan baja mengikut kuantiti yang disyorkan serta menepati jadual penghantaran yang ditetapkan; pengurusan stok adalah mengikut Konsep “FIFO” (First In First Out); penggunaan mekanisasi (fertilizer spreader) dalam penaburan baja di kawasan yang sesuai; kaedah pembajaan secara subsoil dilaksanakan di kawasan berisiko cuaca tidak menentu; menguatkuasakan SOP pengurusan stok baja dan aplikasi penaburan pembajaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, FELCRA perlu memberi penekanan dalam pengawasan sistem pembajaan di estet milik FELCRA memandangkan ia merupakan faktor penting dalam memastikan tumbesaran pokok tidak terbantut dan seterusnya memberi kesan terhadap pengeluaran buah kelapa sawit yang berkualiti.</p>	<p>Program pembajaan 2014 mengikut estet</p> <p>Program pembajaan bagi semua estet FELCRA Berhad tahun 2014 adalah menggunakan pengesyoran pembajaan tunggal seperti berikut:-</p> <p>Estet Sungai Lokan</p> <table border="1" data-bbox="1310 497 1966 981"> <thead> <tr> <th>Jenis Baja</th> <th>Kadar/kg / PK/Thn.</th> <th>Psg.1 Kg/Pk</th> <th>Psg.2 Kg/Pk</th> <th>Jumlah MT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>SOA</td> <td>3.830</td> <td>1.915</td> <td>1.915</td> <td>437.60</td> </tr> <tr> <td>MOP</td> <td>3.700</td> <td>1.850</td> <td>1.850</td> <td>421.00</td> </tr> <tr> <td>RP</td> <td>1.400</td> <td>1.400</td> <td>0</td> <td>112.10</td> </tr> <tr> <td>Kie</td> <td>1.180</td> <td>1.180</td> <td>0</td> <td>116.30</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>10.11/kg/ Pk/thn</td> <td></td> <td></td> <td>1,087 MT</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Baja	Kadar/kg / PK/Thn.	Psg.1 Kg/Pk	Psg.2 Kg/Pk	Jumlah MT	SOA	3.830	1.915	1.915	437.60	MOP	3.700	1.850	1.850	421.00	RP	1.400	1.400	0	112.10	Kie	1.180	1.180	0	116.30	Jumlah	10.11/kg/ Pk/thn			1,087 MT
Jenis Baja	Kadar/kg / PK/Thn.	Psg.1 Kg/Pk	Psg.2 Kg/Pk	Jumlah MT																												
SOA	3.830	1.915	1.915	437.60																												
MOP	3.700	1.850	1.850	421.00																												
RP	1.400	1.400	0	112.10																												
Kie	1.180	1.180	0	116.30																												
Jumlah	10.11/kg/ Pk/thn			1,087 MT																												

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																											
		<p data-bbox="1355 256 1520 284">Estet Pertama</p> <table border="1" data-bbox="1355 316 2018 799"> <thead> <tr> <th data-bbox="1364 316 1473 437">Jenis Baja</th> <th data-bbox="1473 316 1608 437">Kadar/kg / PK/Thn.</th> <th data-bbox="1608 316 1738 437">Psg.1 Kg/Pk</th> <th data-bbox="1738 316 1861 437">Psg.2 Kg/Pk</th> <th data-bbox="1861 316 2018 437">Jumlah MT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1364 437 1473 496">SOA</td> <td data-bbox="1473 437 1608 496">3.940</td> <td data-bbox="1608 437 1738 496">1.970</td> <td data-bbox="1738 437 1861 496">1.970</td> <td data-bbox="1861 437 2018 496">818.50</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1364 496 1473 555">MOP</td> <td data-bbox="1473 496 1608 555">4.200</td> <td data-bbox="1608 496 1738 555">2.100</td> <td data-bbox="1738 496 1861 555">2.100</td> <td data-bbox="1861 496 2018 555">873.40</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1364 555 1473 614">RP</td> <td data-bbox="1473 555 1608 614">1.700</td> <td data-bbox="1608 555 1738 614">1.700</td> <td data-bbox="1738 555 1861 614">0</td> <td data-bbox="1861 555 2018 614">336.70</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1364 614 1473 673">Kie</td> <td data-bbox="1473 614 1608 673">1.000</td> <td data-bbox="1608 614 1738 673">1.000</td> <td data-bbox="1738 614 1861 673">0</td> <td data-bbox="1861 614 2018 673">207.10</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1364 673 1473 799">Jumlah</td> <td data-bbox="1473 673 1608 799">10.84/kg/ Pk/thn</td> <td data-bbox="1608 673 1738 799"></td> <td data-bbox="1738 673 1861 799"></td> <td data-bbox="1861 673 2018 799">2,235.70 MT</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="1355 858 1520 885">Estet Perdana</p> <table border="1" data-bbox="1355 917 2018 1283"> <thead> <tr> <th data-bbox="1364 917 1473 1038">Jenis Baja</th> <th data-bbox="1473 917 1608 1038">Kadar/kg / PK/Thn.</th> <th data-bbox="1608 917 1738 1038">Psg.1 Kg/Pk</th> <th data-bbox="1738 917 1861 1038">Psg.2 Kg/pk</th> <th data-bbox="1861 917 2018 1038">Jumlah MT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1364 1038 1473 1098">SOA</td> <td data-bbox="1473 1038 1608 1098">4.400</td> <td data-bbox="1608 1038 1738 1098">2.200</td> <td data-bbox="1738 1038 1861 1098">2.200</td> <td data-bbox="1861 1038 2018 1098">818.40</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1364 1098 1473 1157">MOP</td> <td data-bbox="1473 1098 1608 1157">4.000</td> <td data-bbox="1608 1098 1738 1157">2.000</td> <td data-bbox="1738 1098 1861 1157">2.200</td> <td data-bbox="1861 1098 2018 1157">719.50</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1364 1157 1473 1216">RP</td> <td data-bbox="1473 1157 1608 1216">1.400</td> <td data-bbox="1608 1157 1738 1216">1.400</td> <td data-bbox="1738 1157 1861 1216">0</td> <td data-bbox="1861 1157 2018 1216">281.50</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1364 1216 1473 1283">Kie</td> <td data-bbox="1473 1216 1608 1283">1.200</td> <td data-bbox="1608 1216 1738 1283">1.200</td> <td data-bbox="1738 1216 1861 1283">0</td> <td data-bbox="1861 1216 2018 1283">79.80</td> </tr> </tbody> </table>					Jenis Baja	Kadar/kg / PK/Thn.	Psg.1 Kg/Pk	Psg.2 Kg/Pk	Jumlah MT	SOA	3.940	1.970	1.970	818.50	MOP	4.200	2.100	2.100	873.40	RP	1.700	1.700	0	336.70	Kie	1.000	1.000	0	207.10	Jumlah	10.84/kg/ Pk/thn			2,235.70 MT	Jenis Baja	Kadar/kg / PK/Thn.	Psg.1 Kg/Pk	Psg.2 Kg/pk	Jumlah MT	SOA	4.400	2.200	2.200	818.40	MOP	4.000	2.000	2.200	719.50	RP	1.400	1.400	0	281.50	Kie	1.200	1.200	0	79.80
Jenis Baja	Kadar/kg / PK/Thn.	Psg.1 Kg/Pk	Psg.2 Kg/Pk	Jumlah MT																																																									
SOA	3.940	1.970	1.970	818.50																																																									
MOP	4.200	2.100	2.100	873.40																																																									
RP	1.700	1.700	0	336.70																																																									
Kie	1.000	1.000	0	207.10																																																									
Jumlah	10.84/kg/ Pk/thn			2,235.70 MT																																																									
Jenis Baja	Kadar/kg / PK/Thn.	Psg.1 Kg/Pk	Psg.2 Kg/pk	Jumlah MT																																																									
SOA	4.400	2.200	2.200	818.40																																																									
MOP	4.000	2.000	2.200	719.50																																																									
RP	1.400	1.400	0	281.50																																																									
Kie	1.200	1.200	0	79.80																																																									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
		Jumlah	11/kg/ Pk/thn			1,899.20 MT				
		SOA - Sulphate Of Ammonia MOP - Muriate Of Potash RP - Rock Phosphate Kie - Kieserite								
		Program Pembajaan								
		J.Baja	Pusingan 1/2014	Pusingan 2/2014						
		SOA	Feb/Mac	Ogos/Sept						
		MOP	Mac/April	Sept/Okt						
		RP	Mei/Jun	-						
		Kie	Jun/Julai	-						
15.5.3.2.a	<p>Pengurusan Aktiviti Pemprosesan Buah Kelapa Sawit</p> <p>Antara aktiviti utama pemprosesan komoditi dan hiliran adalah aktiviti kilang pemprosesan buah kelapa sawit untuk menghasilkan minyak sawit mentah (CPO). 90% peratus buah kelapa sawit yang diterima oleh kilang sawit FELCRA adalah daripada ladang P&P peserta FELCRA. Aktiviti ini mengalami kerugian 3 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2011, aktiviti mencatat kerugian berjumlah RM0.38 juta di mana 3 daripada 8 buah kilang sawit yang beroperasi mengalami kerugian berjumlah RM12.77 juta. Pada tahun 2012, aktiviti ini juga mengalami kerugian berjumlah RM12.71 juta di mana 5 daripada 8 buah kilang sawit yang beroperasi mengalami kerugian sehingga mencapai RM19.67 juta. Pada tahun 2013, aktiviti ini sekali lagi mengalami kerugian berjumlah RM4.75 juta. Kerugian daripada aktiviti ini memberi kesan kepada penurunan pendapatan syarikat secara keseluruhan pada setiap tahun.</p> <p>Semakan Audit terhadap aktiviti pengurusan kilang sawit mendapati seperti berikut:-</p>	<p>Langkah Penambahbaikan Kilang</p> <table border="1" data-bbox="1308 1007 1951 1318"> <thead> <tr> <th data-bbox="1308 1007 1677 1062">Aktiviti</th> <th data-bbox="1677 1007 1951 1062">Tempoh/ Perlaksanaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1308 1062 1677 1166">Pemantauan Operasi Kilang dengan kewujudan <i>Mill Controller</i></td> <td data-bbox="1677 1062 1951 1166">Setiap 2 minggu</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 1166 1677 1254">Pemantauan Kaedah jualan hasil kilang yang lebih efisien</td> <td data-bbox="1677 1166 1951 1254">Harian</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 1254 1677 1318">Pengawasan kos operasi dan pentadbiran</td> <td data-bbox="1677 1254 1951 1318">Harian</td> </tr> </tbody> </table>	Aktiviti	Tempoh/ Perlaksanaan	Pemantauan Operasi Kilang dengan kewujudan <i>Mill Controller</i>	Setiap 2 minggu	Pemantauan Kaedah jualan hasil kilang yang lebih efisien	Harian	Pengawasan kos operasi dan pentadbiran	Harian
Aktiviti	Tempoh/ Perlaksanaan									
Pemantauan Operasi Kilang dengan kewujudan <i>Mill Controller</i>	Setiap 2 minggu									
Pemantauan Kaedah jualan hasil kilang yang lebih efisien	Harian									
Pengawasan kos operasi dan pentadbiran	Harian									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kelemahan Aktiviti Pemprosesan Buah Kelapa Sawit</p> <p>Aktiviti pemprosesan buah kelapa sawit hendaklah diuruskan dengan baik dengan meningkatkan kualiti dan kuantiti CPO yang dihasilkan iaitu dengan memastikan buah kelapa sawit diproses segera dalam tempoh 24 jam dari masa penuaian. Lawatan Audit ke Kilang Sawit Seberang Perak dan Kilang Sawit Nasaruddin, Perak mendapati buah kelapa sawit yang diterima tidak diproses segera dan buah kelapa sawit ini dilonggokkan di ram penurunan buah sehingga menyebabkan buah rosak dan menjadi hitam. Selain itu buah kelapa sawit yang lerai tidak diuruskan dengan baik di mana banyak buah lerai yang diturunkan dari lori digilis lori yang lalu lalang di situ.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>Pihak pengurusan FELCRA Berhad telah mengambil langkah penambahbaikan bagi Kumpulan Perkilangan dengan menetapkan plan tindakan kilang seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Memperkemaskan sistem dan struktur pengurusan khususnya dalam aspek pemantauan operasi kilang dengan mewujudkan pegawai pemantau kilang (<i>Mill Controller</i>) seramai 2 orang dengan kekerapan pemeriksaan pemerosesan setiap 2 minggu dan memperkemaskan sistem pelaporan di peringkat ibu Pejabat melalui penghantaran data pemerosesan secara online setiap hari bagi tujuan penilaian prestasi Kumpulan Perkilangan. b. Melaksanakan kaedah jualan hasil kilang yang efisien melalui 2 pendekatan iaitu <i>stock management</i> di mana stok hasil kilang dipantau setiap hari bertujuan mengurangkan risiko perubahan nilai stok yang akan menjejaskan keuntungan kilang; dan mendapatkan maklum balas harga komoditi dari pasaran terbuka melalui jaringan pasaran kilang penapis dan juga pihak ketiga seperti <i>surveyor</i> dan <i>broker</i> yang aktif dalam pasaran. c. Meletak sasaran 90% dan memantau secara bulanan pencapaian (KPI) setiap kilang dan bahagian yang terlibat berdasarkan amalan piawaian industri bermula Januari 2014. d. Pengawalan kos pengurusan kilang dan pentadbiran berpandukan bajet tahunan dan piawaian industri. <p>Pada pendapat Audit, pihak pengurusan kilang perlu meningkatkan pemantauan ke</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
	atas kakitangan kilang bagi memastikan kawalan pengurusan buah yang diproses lebih berkesan dan dapat meningkatkan produktiviti kilang sawit dan seterusnya meningkatkan hasil pengeluaran FELCRA.					
15.5.3.2.b.i	<p>Pengurusan Penjualan Kilang Sawit</p> <p>Kilang sawit adalah penting bagi FELCRA untuk memenuhi keperluan pemrosesan buah kelapa sawit yang dihasilkan oleh ladang milik peserta FELCRA. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan kilang sawit mendapati kerugian keseluruhan kilang sawit adalah berjumlah RM0.38 juta, RM12.71 juta dan RM4.75 juta bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing. Analisis berikutnya mendapati 4 daripada 7 buah kilang sawit pada tahun 2013 mengalami kerugian berbanding 5 daripada 8 buah kilang sawit pada tahun 2012. Lembaga Pengarah melalui mesyuarat pada tahun 2012 kali ke 124 dan pada tahun 2013 kali ke 134 dan 136 telah memutuskan untuk menjual 3 kilang sawit yang mengalami kerugian iaitu Kilang Sawit Samarahan, Sarawak, Kilang Sawit Jayaputra, Pahang dan Kilang Sawit Selama, Perak. Semakan Audit selanjutnya terhadap penjualan Kilang Sawit Selama, Perak dan Samarahan, Sarawak adalah seperti berikut:-</p> <p>i. Penjualan Kilang Sawit Selama, Perak</p> <ul style="list-style-type: none"> Kilang Sawit Selama, Perak yang dibina dengan kos berjumlah RM29.2 juta telah mula beroperasi pada bulan April 2011 dan mencatatkan kerugian berjumlah RM1.96 juta, RM6.12 juta dan RM2.35 juta bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing. Mesyuarat Lembaga Pengarah ke 132 pada 15 Januari 2013 telah memutuskan bahawa Kilang Sawit Selama, Perak diberhentikan operasi mulai 1 Februari 2013. Seterusnya melalui mesyuarat Lembaga Pengarah ke 134 pada 11 Mac 2013 memutuskan penjualan kilang sawit tersebut kepada pihak swasta. Semakan Audit mendapati pada bulan Jun 2013, kilang tersebut telah dijual kepada syarikat swasta pada harga RM32.5 juta bersama aset/mesin/jentera adalah masih baru dan menggunakan teknologi yang terkini. Kesan daripada penjualan, seramai 50 orang pekerja diberikan notis pemberhentian kerja dan diberikan pampasan oleh FELCRA berjumlah RM66,093. Punca utama kilang ini mengalami kerugian adalah disebabkan oleh kilang beroperasi 4,000 metrik tan buah kelapa sawit sahaja iaitu 30% daripada kapasiti sebenar 12,000 tan metrik sebulan disebabkan kekurangan buah kelapa sawit. Kesukaran mendapatkan buah kelapa sawit untuk diproses disebabkan faktor persaingan di antara kilang sawit berdekatan yang membayar kadar perahan (OER) yang tinggi kepada peladang iaitu pada kadar 19% hingga 25% OER berbanding 	<p>FELCRA Berhad telah menetapkan sasaran pada tahun 2014 dalam mengambil langkah kawalan kos penyelenggaraan ke atas kilang-kilang FELCRA Berhad sepertimana jadual berikut:</p> <p>Langkah Pengawasan Kos Penyelenggaraan Kilang</p> <table border="1" data-bbox="1310 534 1921 742"> <thead> <tr> <th data-bbox="1310 534 1617 630">Aktiviti</th> <th data-bbox="1617 534 1921 630">Tempoh/ Pelaksanaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1310 630 1617 742">Kadar asas bagi Kos Penyelenggaraan setiap kilang adalah tidak melebihi RM9.50/ tan</td> <td data-bbox="1617 630 1921 742">Telah dimulakan pada Jan 2014</td> </tr> </tbody> </table> <p>Harga jualan kilang sawit Selama berjumlah RM32.50 juta telah diterima pada tahun 2013.</p> <p>Perkongsian keuntungan bagi akaun 2013 Kilang Sawit Samarahan telah diterima oleh FELCRA Berhad berjumlah RM1.50juta pada 31.03.2014.</p>	Aktiviti	Tempoh/ Pelaksanaan	Kadar asas bagi Kos Penyelenggaraan setiap kilang adalah tidak melebihi RM9.50/ tan	Telah dimulakan pada Jan 2014
Aktiviti	Tempoh/ Pelaksanaan					
Kadar asas bagi Kos Penyelenggaraan setiap kilang adalah tidak melebihi RM9.50/ tan	Telah dimulakan pada Jan 2014					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kilang Sawit Selama, Perak yang hanya membayar pada kadar purata 19.1% OER. Selain itu, berdasarkan semakan Audit terhadap rekod pengeluaran buah dari 2 kawasan FELCRA terdekat iaitu Pejabat kawasan Sungai Malau dan Kg. Perlis mendapati purata pengeluaran buah kelapa sawit sebulan hanya 2,794 tan metrik (2011), 2,701.90 tan metrik (2012) dan 2,488.45 tan metrik (2013) iaitu jumlah yang masih tidak mencukupi untuk memenuhi kemampuan pemprosesan Kilang Sawit Selama, Perak.</p>	
15.5.3.2.b.ii	<p>Penjualan Kilang Sawit Samarahan, Sarawak</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kilang Sawit Samarahan, Sarawak telah dijual kepada Syarikat Usahasama FELCRA dengan Syarikat Swasta yang diberi nama FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd. pada harga RM20 juta pada bulan April 2012. Berdasarkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 134 antara faktor kerugian kilang sawit adalah disebabkan pengurusan kilang yang lemah kerana Kadar Perahan Minyak (OER) dicapai rendah iaitu purata 18.9% berbanding unjuran 19.8% dan purata kadar perahan isi sawit (KER) juga rendah iaitu pada 3.9% berbanding 4.0% unjuran. Melalui mesyuarat tersebut juga, Lembaga pengarah bersetuju atas pengesyoran penjualan kilang sawit ini kepada FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd. dan melabur dalam syarikat Usahasama itu sebanyak RM6 juta serta mengeluarkan modal berjumlah RM900,000 sebagai modal operasi kilang tersebut dengan justifikasi seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> - Harga tawaran pembelian kilang sawit pada harga RM20 juta adalah munasabah. - Syarikat swasta bersetuju untuk memberikan saham percuma bernilai RM2.5 juta kepada FELCRA bagi cadangan usaha sama dalam pembinaan kilang sawit baru di Mukah Sarawak. - Syarikat usaha sama komited untuk memberikan pulangan minimum RM1.5 juta setahun atau 30% daripada keuntungan syarikat usaha sama ini yang mana lebih tinggi. - Konsep usaha sama ini dilihat satu strategi pengukuhan operasi kilang kerana rakan kongsi lebih berpengalaman dalam pembelian dan pemasaran buah kelapa sawit. - Syarikat usaha sama bersedia untuk memberi latihan kepada staff FELCRA dalam bidang pengurusan, kepakaran teknikal, teknologi ICT dan hal ehwal pengendalian kilang sawit. 	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> • Akibat daripada penjualan 3 kilang sawit baru, FELCRA perlu menyenggara 5 buah kilang sawit lama yang masih beroperasi yang berusia antara 9 hingga 31 tahun. Analisis Audit selanjutnya mendapati FELCRA membelanjakan sejumlah RM2.25 juta, RM8.11 juta dan RM1.35 juta bagi kos penyenggaraan dan naik taraf bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing. Lawatan Audit ke Kilang Sawit Nasaruddin, Perak yang telah beroperasi selama 31 tahun mendapati keadaan kilang tidak memuaskan di mana banyak paip yang telah bocor. <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>Rasional penjualan Kilang Sawit Felcra Berhad Selama adalah kerana kilang telah mengalami kerugian semenjak memulakan operasi dari tahun 2011 sehingga awal 2013 sebanyak RM12.13 juta. Punca-punca yang menyebabkan kerugian adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Kekurangan bekalan buah tandan segar berbanding keperluan sebenar iaitu sebanyak 144,000 mt setahun berbanding bekalan sebenar yang diterima. Break-even bekalan BTS yang diperlukan adalah sebanyak 10,000 mt sebulan. b. Persaingan untuk mendapat bekalan buah tandan segar dari pihak luar (kilang berdekatan) amat mencabar dan tawaran. <p>Keputusan yang dibuat oleh pihak pengurusan menjual kilang adalah untuk mengelakkan kerugian berterusan.</p> <p>Rasional usahasama Kilang Sawit Felcra Berhad Samarahan adalah kerana kilang telah mengalami kerugian sebanyak RM18.35 juta semenjak memulakan operasi pada tahun 2007 sehingga bulan April 2012. Punca-punca kerugian adalah disebabkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Bekalan buah tandan segar yang tidak mencukupi berbanding keperluan sebenar iaitu 216,000MT setahun. b. Kadar perahan (OER) yang dicapai adalah rendah iaitu 18.88% berbanding yang dibayar 19.75%. <p>Keputusan yang dibuat oleh pengurusan tertinggi untuk menguruskan kilang secara usaha sama adalah untuk mengelakkan kerugian berterusan kepada Felcra Berhad. Langkah usaha sama dapat memberi pulangan minima RM1.5 juta setahun atau 30%</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini															
	<p>daripada keuntungan.</p> <p>Pihak pengurusan kilang telah memperkemaskan aktiviti pemasaran melalui kerjasama dengan pengeluar/pembekal buah luar dengan strategi seperti memberi insentif penghantaran buah leri ke kilang FELCRA yang kompetitif; memberi insentif/subsidi pengangkutan kepada pembekal buah tandan segar; dan memberi lebih peluang kepada pembekal kecil-kecilan dengan tawaran kadar perahan yang baik.</p> <p>Pada pendapat Audit, FELCRA sepatutnya mengkaji dengan lebih mendalam asas dan justifikasi penjualan kilang sawit yang baru dibina. Walaupun penjualan kilang sawit mendapat keuntungan, namun dari segi jangka panjang, objektif pembinaan kilang sawit untuk memenuhi keperluan pemprosesan buah kelapa sawit di ladang peserta FELCRA tidak tercapai. Selain itu, aktiviti pemasaran yang lebih baik perlu dilakukan supaya dapat menarik peladang yang bukan dari ladang peserta FELCRA.</p>																
15.5.4.2.b	<p>Prestasi Penanaman Semula Tidak Mencapai Sasaran</p> <p>Semakan Audit mendapati bilangan projek penanaman semula tidak mencapai sasaran di mana daripada 138 projek yang dirancang sepanjang tahun 2011 hingga 2013 sebanyak 93 projek (67.4%) dilaksanakan. Peserta yang terlibat adalah seramai 9,046 orang (54.82%) berbanding seramai 16,502 peserta yang disasar. Bagaimanapun keluasan penanaman semula adalah 22,532 hektar (103.4%) berbanding 21,801 hektar yang dirancang. Keseluruhan kos penanaman semula projek pemulihan dan pembangunan menelan belanja sejumlah RM446.91 juta bagi tempoh 2011 hingga 2013.</p>	<p>FELCRA Berhad telah merancang untuk mempercepatkan usaha-usaha penanaman semula dengan mensasarkan 50,000 hektar dilaksanakan dalam tempoh 2014-2015.</p> <p>Program penanaman semula diklasifikasikan mengikut suku tahun dan pada tahun 2014 status terkini adalah seperti berikut:-</p>															
15.5.4.2.c	<p>Antara sebab FELCRA tidak dapat melaksanakan penanaman semula kerana kesukaran mendapat persetujuan daripada peserta bagi tujuan penanaman semula. Antara masalah yang dihadapi adalah peserta keluar, peserta meninggal dunia dan kesukaran mendapatkan persetujuan semua waris peserta. Penanaman semula yang tidak dapat dilaksanakan akan menyebabkan tanah menjadi terbiar kerana tidak ekonomi untuk diuruskan. Bilangan pokok per hektar semakin menurun, hasil semakin menurun, pokok sawit semakin tinggi dan sukar dituai. Tanah peserta akan kembali terbiar dan peserta tidak mendapat manfaat dividen daripada projek.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 22 April 2014</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, FELCRA menyediakan senarai projek yang telah menepati kriteria tanam semula bagi tempoh 5 tahun dan mengkategorikan projek-</p>	<p>Program Tanam Semula 2014 – 25,000 Hektar Mengikut Suku Tahunan</p> <table border="1" data-bbox="1361 1034 2040 1236"> <thead> <tr> <th>Suku Tahun</th> <th>Rancang (Luas Hektar)</th> <th>Capai (Luas Hektar)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jan - Mac</td> <td>6,250</td> <td>6,030</td> </tr> <tr> <td>April - Jun</td> <td>6,250</td> <td>6,166</td> </tr> <tr> <td>*Sept - Dis</td> <td>12,500</td> <td>Di dalam Perancangan</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>25,000</td> <td>12,196</td> </tr> </tbody> </table>	Suku Tahun	Rancang (Luas Hektar)	Capai (Luas Hektar)	Jan - Mac	6,250	6,030	April - Jun	6,250	6,166	*Sept - Dis	12,500	Di dalam Perancangan	Jumlah	25,000	12,196
Suku Tahun	Rancang (Luas Hektar)	Capai (Luas Hektar)															
Jan - Mac	6,250	6,030															
April - Jun	6,250	6,166															
*Sept - Dis	12,500	Di dalam Perancangan															
Jumlah	25,000	12,196															

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>projek tersebut mengikut skala 1 (lemah-peserta gagal dikesan/lot berselerak/peserta keluar) hingga 5 (projek sangat baik-100% peserta bersetuju). Tujuan mengkategorikan projek yang dirancang tanam semula adalah supaya perancangan dan pelaksanaan kerja lebih fokus terhadap projek-projek yang berskala tinggi terlebih dahulu (skala 3 - 5).</p> <p>a. Bagi tahun 2014, seluas 25,000 hektar telah disasarkan bagi program tanam semula. Untuk suku tahun pertama tahun 2014, seluas 6,030 hektar telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan bagi suku tahun kedua pula seluas 6,166 hektar telah diluluskan dan menjadikan jumlah keseluruhan 12,196 hektar. Peratus pencapaian sehingga bulan April tahun 2014 adalah sebanyak 48.78%.</p> <p>b. Berdasarkan pada skala di atas baki seluas 2,274 hektar berada pada skala 3, iaitu 2,390 hektar pada skala 4 dan sebanyak 6,230.13 hektar pada skala 5 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 10,894.13 hektar.</p> <p>c. Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Tanam Semula di peringkat Ibu Pejabat dan Wilayah bertujuan memantau dan memastikan pelaksanaan program tanam semula berjalan lancar mengikut perancangan, memberi khidmat nasihat dan bimbingan berkaitan tanam semula dengan melaksanakan amalan pertanian yang baik (GAP) berlandaskan SOP Perladangan, meneliti serta menimbang penyelesaian isu dan masalah yang berbangkit dalam perancangan dan pelaksanaan program tanam semula dan memastikan semua Bahagian yang terlibat memberi komitmen yang tinggi dalam menjayakan perancangan dan pelaksanaan program tanam semula.</p> <p>d. Bagi mempercepatkan proses pelaksanaan tanam semula, kerja-kerja penyediaan BQ dan pelan "precom" dibuat lebih awal supaya pelaksanaan kerja-kerja pembangunan tanam semula dilakukan selari dengan kelulusan Lembaga Pengarah.</p> <p>e. Mengadakan majlis taklimat dan dialog tanam semula kepada peserta dengan lebih sistematik dan komprehensif melibatkan semua Bahagian yang terlibat dengan program tanam semula agar maklumat yang diberikan jelas dan difahami oleh peserta. Susulan majlis dialog sebanyak 3 kali diadakan bagi peserta projek yang belum mencapai persetujuan 100 peratus.</p> <p>f. Bagi program tanam semula khusus untuk pewaris yang tidak dapat dikesan, SOP tambahan (Sub Manual Tanam Semula) disediakan bagi mempercepatkan proses tanam semula yang melibatkan komitmen dari semua peringkat Pengurusan Kawasan, Wilayah dan semua Bahagian di Ibu Pejabat.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
	<p>g. Jumlah keluasan minima untuk dibangunkan tanam semula telah dikurangkan daripada 40 hektar kepada 20 hektar. Ini adalah bertujuan supaya lebih banyak projek dapat dimajukan dan mencapai sasaran yang ditetapkan.</p> <p>h. Mengadakan <i>Memorandum Of Understanding</i> (MOU) tanam semula antara FELCRA Berhad bersama RISDA dan FELCRA Berhad bersama JAKOA yang dipantau oleh KKLW bertujuan agar pelaksanaan program tanam semula di bawah agensi berkenaan berjalan lancar seperti mana yang dirancang.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian program penyatuan dan pemulihan dan penanaman semula adalah baik bagi tahun 2011 dan 2012. Bagaimanapun penyusutan prestasi bagi tahun 2013 perlu diberi penekanan bagi memastikan objektif Kerajaan memajukan tanah terbiar dapat dicapai.</p>					
<p>15.5.4.3.a.i</p>	<p>Pengurusan Ladang Kelapa Sawit - Penanaman Di Kawasan Tanah Yang Kurang Sesuai</p> <p>SOP menyatakan adalah menjadi polisi syarikat untuk memastikan pembangunan ladang baru mestilah melalui proses perancangan yang rapi supaya ladang-ladang berdaya maju dan berproduktiviti tinggi. Lawatan Audit ke Perak, Sarawak dan Johor mendapati daripada 47 projek yang dilawati 15 projek mempunyai tanah yang tidak sesuai ditanam kelapa sawit seperti tanah jenis gambut dan menyebabkan pokok tumbang. Aktiviti penuaian sukar dilaksanakan kerana jentera pembawa buah tidak dapat masuk ke lorong tuaian dan pekerja perlu mengambil buah dengan membawa bakul yang merumitkan dan memakan masa. Pemantauan yang lebih rapi juga perlu dilakukan oleh pengurus ladang ke atas mendapan tanah gambut dengan pemasangan alat pengukur mendapan bagi memastikan tahap mendapan terkawal dan pokok sawit tidak tenggelam terlalu dalam. Kesannya pembangunan tanah gambut telah meningkatkan kos pembangunan ladang, meningkatkan kos operasi, meningkatkan kos pinjaman, projek lewat mendatangkan hasil dan dividen juga akan lewat diterima peserta.</p>	<p>FELCRA Berhad telah menyediakan peruntukan banjir pada tahun 2014 sepertimana berikut:-</p> <p style="text-align: center;">Peruntukan Pemulihan Banjir bagi tahun 2014</p> <table border="1" data-bbox="1361 842 2040 986"> <thead> <tr> <th data-bbox="1361 842 1803 898">Lokasi</th> <th data-bbox="1803 842 2040 898">Peruntukan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1361 898 1803 986">Ladang – Ladang FELCRA Behad</td> <td data-bbox="1803 898 2040 986">15,141,346</td> </tr> </tbody> </table> <p>Peruntukan banjir yang telah diluluskan pada tahun 2014 mengikut wilayah seperti berikut:-</p>	Lokasi	Peruntukan (RM)	Ladang – Ladang FELCRA Behad	15,141,346
Lokasi	Peruntukan (RM)					
Ladang – Ladang FELCRA Behad	15,141,346					
<p>15.5.4.3.a.ii</p>	<p>Selain itu, Lawatan Audit ke 12 projek di FELCRA Nasaruddin Perak mendapati satu projek ditenggelami air. Berdasarkan temu bual Audit bersama pengurus ladang, banjir yang berlaku lebih bersifat bermusim yang biasanya berlaku ketika musim hujan lebat. Namun begitu, kawasan yang sering mengalami banjir akan menyukarkan kerja penanaman benih sawit, pembajaan, tuaian dan penyenggaraan pelepah.</p>					
<p>15.5.4.3.a.iii</p>	<p>Masalah kesesuaian tanah untuk penanaman kelapa sawit sering menjadi masalah kepada pihak FELCRA. Oleh kerana objektif penubuhan dan obligasi sosial utama</p>					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																														
	<p>FELCRA adalah untuk penyatuan dan pemulihan tanah terbiar menjadi tanah komersil, maka projek penanaman kelapa sawit masih juga diteruskan walaupun tanah tidak sesuai, melibatkan kos yang tinggi dan memberikan pulangan yang rendah. Semakan Audit juga mendapati walaupun tanah gambut adalah tidak sesuai, pihak FELCRA tetap menyediakan SOP bagi penanaman kelapa sawit di kawasan tanah gambut dan SOP ini dipatuhi oleh pengurus ladang.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>Kebanyakan tanah-tanah terbiar yang dibangunkan adalah tanah yang marginal iaitu berbukit, berpaya dan berhampiran sungai serta gambut dalam. Di samping itu, penetapan tanah – tanah yang hendak dibangunkan adalah ditentukan oleh pemilik sendiri dan juga Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Pengurusan telah melaksanakan amalan pembangunan tanah yang bersesuaian dan terbaik di samping mengamalkan konsep sistem saham bagi memaksimumkan pulangan kepada peserta. Berdasarkan pengalaman sedia ada, Pengurusan bersedia untuk membangunkan tanah–tanah bersifat marginal namun memerlukan sumber peruntukan geran bagi menampung sebahagian kos pembangunan ladang yang tinggi terutamanya aspek infra ladang. Sekiranya peruntukan geran tidak diperoleh, maka Pengurusan akan mengambil langkah lebih selektif dalam memilih tanah – tanah yang akan dimajukan pada masa hadapan.</p> <p>Langkah – langkah penambahbaikan adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Kerja-kerja mencuci dan mendalamkan parit dilaksanakan secara berkala di semua ladang-ladang FELCRA. b. Memperuntukkan bajet setiap tahun untuk penyelenggaraan infra ladang. c. Bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS). d. Agihan geran peruntukan pemulihan banjir kepada projek–projek yang memerlukan di antara RM11 hingga RM12 juta per tahun. <p>Pada pendapat Audit, kesungguhan FELCRA dalam membangunkan tanah yang terbiar milik peserta patut dihargai. Bagaimanapun, pihak Audit mengesyorkan sebelum projek ditentukan dan jenis tanaman dilaksanakan dengan menyeluruh, kajian terhadap tanah dan aktiviti pemulihan tanah serta perancangan sistem perparitan yang teratur perlu dilaksanakan bagi memastikan kejayaan projek.</p>	<table border="1" data-bbox="1308 301 1991 812"> <thead> <tr> <th data-bbox="1308 301 1397 432">BIL</th> <th data-bbox="1397 301 1615 432">WILAYAH</th> <th colspan="2" data-bbox="1615 301 1991 432">PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1308 432 1397 472">1</td> <td data-bbox="1397 432 1615 472">UTARA</td> <td colspan="2" data-bbox="1615 432 1991 472">748,506.80</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 472 1397 512">2</td> <td data-bbox="1397 472 1615 512">PERAK</td> <td colspan="2" data-bbox="1615 472 1991 512">2,535,023.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 512 1397 552">3</td> <td data-bbox="1397 512 1615 552">TENGAH</td> <td colspan="2" data-bbox="1615 512 1991 552">1,355,212.32</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 552 1397 592">4</td> <td data-bbox="1397 552 1615 592">JOHOR</td> <td colspan="2" data-bbox="1615 552 1991 592">1,864,716.77</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 592 1397 632">5</td> <td data-bbox="1397 592 1615 632">PAHANG</td> <td colspan="2" data-bbox="1615 592 1991 632">2,818,665.62</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 632 1397 671">6</td> <td data-bbox="1397 632 1615 671">TIMUR</td> <td colspan="2" data-bbox="1615 632 1991 671">1,725,915.69</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 671 1397 711">7</td> <td data-bbox="1397 671 1615 711">SARAWAK</td> <td colspan="2" data-bbox="1615 671 1991 711">1,869,953.49</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 711 1397 751">8</td> <td data-bbox="1397 711 1615 751">SABAH</td> <td colspan="2" data-bbox="1615 711 1991 751">1,123,342.31</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 751 1397 791">9</td> <td data-bbox="1397 751 1615 791">ESTET</td> <td colspan="2" data-bbox="1615 751 1991 791">1,100,010.00</td> </tr> <tr> <td colspan="2" data-bbox="1308 791 1615 812">JUMLAH</td> <td colspan="2" data-bbox="1615 791 1991 812">15,141,346.00</td> </tr> </tbody> </table>			BIL	WILAYAH	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)		1	UTARA	748,506.80		2	PERAK	2,535,023.00		3	TENGAH	1,355,212.32		4	JOHOR	1,864,716.77		5	PAHANG	2,818,665.62		6	TIMUR	1,725,915.69		7	SARAWAK	1,869,953.49		8	SABAH	1,123,342.31		9	ESTET	1,100,010.00		JUMLAH		15,141,346.00	
BIL	WILAYAH	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)																																														
1	UTARA	748,506.80																																														
2	PERAK	2,535,023.00																																														
3	TENGAH	1,355,212.32																																														
4	JOHOR	1,864,716.77																																														
5	PAHANG	2,818,665.62																																														
6	TIMUR	1,725,915.69																																														
7	SARAWAK	1,869,953.49																																														
8	SABAH	1,123,342.31																																														
9	ESTET	1,100,010.00																																														
JUMLAH		15,141,346.00																																														

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.4.3.b	<p>Kelemahan Pengurusan Penuaian Buah</p> <p>Aktiviti penuaian buah kelapa sawit hendaklah dilaksanakan dengan cekap, tepat pada masanya dengan menghasilkan buah tandan segar (BTS) yang berkualiti tinggi iaitu mengandungi 90% tandan masak dan tidak lebih 10% tandan mengkal; kurang 5% tandan tangkai panjang; dan tiada jenis tandan-tandan lain. Berdasarkan semakan Audit pada borang pengredan di kilang mendapati BTS yang dituai di ladang FELCRA Nassaruddin, Perak, FELCRA Batu 15, Mersing dan Pagoh 3, Johor tidak berkualiti kerana terdapat kes tandan kosong, tandan lama serta lebih peratus tandan mengkal dan tangkai panjang. Daripada 10 sampel nota penghantaran FELCRA Nasaruddin terdapat 5 (50%) kes penolakan tandan mengkal, 10 (100%) kes tandan kosong, 8 (80%) kes tandan tangkai panjang, 4 (40%) kes tandan lama. Bagi FELCRA Batu 15, Mersing, Johor, daripada 10 nota penghantaran, terdapat 10 (100%) kes tandan mengkal, 8 (80%)kes tandan tangkai panjang dan 4(40%) tandan lama. Di FELCRA Pagoh 3, Johor, daripada 10 nota hantaran, terdapat 10 (100%) kes tandan mengkal, dan 10 (100%)kes tandan tangkai panjang. Manakala di FELCRA Sungai Sui, Sarawak, semakan tidak dapat dilaksanakan kerana borang grader tidak disertakan bersama nota hantaran. Kes penolakan yang paling banyak adalah tandan mengkal dan tandan panjang dipercayai disebabkan sistem pembayaran upah kepada pekerja dibuat berdasarkan berat buah yang dituai.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>FELCRA Berhad telah menyediakan SOP untuk tanaman sawit, getah dan padi sebagai garis panduan kepada Pengurusan Perladangan dan telah dikuatkuasakan bermula tahun 2008. Bagi memastikan penuaian buah tandan segar dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan, SOP tanaman sawit sebagaimana di bawah telah dikuatkuasakan. Surat arahan pelaksanaan penguatkuasaan disiplin pengeluaran hasil berasaskan SOP yang ditetapkan telah dikeluarkan kepada semua Pengurusan Wilayah pada 22 April 2014 dan berkuat kuasa serta merta.</p> <p>Langkah-langkah penambahbaikan adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> Surat arahan menguatkuasakan pelaksanaan pre grading buah tandan segar oleh mandur hasil telah dikeluarkan pada 22 April 2014 dan berkuat kuasa serta merta. Melaksanakan spot check secara berkala oleh Pengurusan Wilayah dan Ibu Pejabat serta menguatkuasakan pelaksanaan sistem insentif dan denda. Surat peringatan kepada Pengurusan Kawasan terhadap kualiti buah tandan segar yang dikeluarkan. 	<p>Surat arahan pelaksanaan penguatkuasaan disiplin pengeluaran hasil berasaskan SOP yang ditetapkan telah dikeluarkan kepada semua Pengurusan Wilayah pada 22 April 2014 dan berkuatkuasa serta merta.</p> <p>SOP berkaitan disiplin penuaian sawit telah dikeluarkan untuk memastikan pematuhan kepada ladang pada 22 April 2014. SOP tanaman sawit sebagaimana di bawah telah dikuatkuasakan.</p> <ol style="list-style-type: none"> Kaedah Penuaian – 6C1/S/2008 Piawai Kemasakan – 6C2/S/2008 Pemunggaran, Pengendalian & Penghantaran BTS - 6G1/S/2008 Penghantaran & Penerimaan BTS di Kilang - 6H1/S/2008 Grading Standard Di Kilang – 6H2/S/2008

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>d. Peringatan harian kepada penuai melalui roll – call pagi.</p> <p>e. Melaksanakan transformasi pengurusan ladang dengan mengasingkan tugas perladangan dan tugas sosial di peringkat Kawasan.</p> <p>Pada pendapat Audit pengurus ladang hendaklah memantau aktiviti penuaian yang dilaksanakan oleh penuai di ladang dengan lebih rapi bagi memastikan aktiviti ini dilaksanakan dengan teratur dan tidak merugikan peserta FELCRA.</p>	
15.5.4.3.c.i	<p>Kelemahan Kawalan Pengurusan Penghantaran Buah Kelapa Sawit</p> <p>Pengurus ladang hendaklah memastikan kesemua hasil dapat dihantar ke kilang dengan selamat dalam tempoh 24 jam selepas dituai. Kawalan yang perlu dilaksanakan adalah membina Boom Gate disetiap jalan masuk, parit sempadan, dan alat penimbang (weightbridge); menghadkan masa pengeluaran buah, merekodkan maklumat penghantaran dan menggunakan seal keselamatan pada lori. Semakan Audit di 5 ladang mendapati 30 (60%) daripada 50 nota hantaran tidak diisi dengan lengkap seperti butiran masa buah keluar dari ladang, berat buah/bilangan tandan, nombor seal dan maklumat penerima tidak dicatatkan dalam nota hantaran. Lawatan Audit juga mendapati tiada alat penimbang disediakan di ladang bagi melaksanakan penimbangan kenderaan/lori. Kelemahan kawalan penghantaran ini mendedahkan kepada risiko kehilangan buah kelapa sawit dan kelewatan penghantaran BTS ke kilang.</p>	<p>Surat arahan pelaksanaan penguatkuasaan disiplin pengeluaran hasil berasaskan SOP yang ditetapkan telah dikeluarkan kepada semua Pengurusan Wilayah pada 22 April 2014 dan berkuatkuasa serta merta.</p> <p>SOP keselamatan hasil 6S1/S/ 2008 berkaitan penghantaran / penghasilan.</p>
15.5.4.3.c.ii	<p>Lawatan Audit di Kilang Sawit Samarahan, Sarawak, Kilang Sawit Seberang Perak dan Nasaruddin, Perak yang menerima buah dari Ladang FELCRA Seberang Perak dan FELCRA Nasaruddin mendapati lori penghantar BTS tidak ditutup dengan jaring dan tag keselamatan tidak digunakan. Selain itu, pemandu lori warganegara asing yang ditemu bual tidak mempunyai lesen memandu.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>SOP telah menetapkan bahawa semua penghantaran BTS ke kilang sama ada ke kilang FELCRA Berhad atau kilang pihak ketiga atau pembeli buah tandan perlu memasang seal dan jaring pada lori pengangkutan. Surat arahan pelaksanaan penguatkuasaan disiplin pengeluaran hasil berasaskan SOP yang ditetapkan telah dikeluarkan kepada semua Pengurusan Wilayah pada 22 April 2014 dan berkuat kuasa serta merta.</p> <p>Bagi meningkatkan keselamatan semasa penghantaran hasil, pengurusan telah merancang beberapa langkah sebagaimana berikut:</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini						
	<p>a. Mengeluarkan surat arahan menguatkuasakan penggunaan seal dan jaring di semua ladang–ladang FELCRA Berhad termasuk ladang–ladang yang berhampiran dengan kilang mulai 22 April 2014 dan berkuat kuasa serta merta.</p> <p>b. Menyemak semula SOP dan mengemas kini peraturan–peraturan penghantaran buah tandan segar ke kilang atau pembeli terutamanya dalam pengendalian Nota Hantaran buah tandan segar.</p> <p>c. Penguatkuasaan denda dan tindakan tatatertib.</p> <p>Pada pendapat Audit, kawalan penghantaran BTS melalui penggunaan nota hantaran, jaring dan tag keselamatan sangat penting dan perlu dikuatkuasakan bagi memastikan BTS sampai di kilang dalam masa yang ditetapkan dan risiko kehilangan BTS dapat dielakkan.</p>							
<p>15.5.4.4.a</p>	<p>Pengurusan Penyampaian Dividen Kepada Peserta</p> <p>Dividen merupakan imbuhan yang akan dibayar kepada peserta berdasarkan keuntungan hasil ladang kelapa sawit daripada program P&P dan tanam semula mengikut keluasan tanah peserta. Semakan Audit mendapati daripada sejumlah RM1.56 bilion dividen yang diisytihar bagi tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM82.89 juta (5.32%) dividen tidak dapat diserahkan kepada peserta antaranya disebabkan peserta tidak dapat dikesan, tiada nombor akaun, peserta telah meninggal dunia dan belum membuat perubahan kuasa hak atas tanah. Lawatan Audit ke Ibu Pejabat Wilayah Perak mendapati tindakan penyelesaian seperti menguruskan proses pertukaran kuasa ada dilaksanakan.</p>	<p>Dividen tidak diagih sentiasa dipantau dan status terkini adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1368 786 2018 927"> <thead> <tr> <th data-bbox="1368 786 1552 871">Tahun 2011-2013</th> <th data-bbox="1552 786 1767 871">Selesai</th> <th data-bbox="1767 786 2018 871">Semasa (Mac 2014) Belum Selesai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1368 871 1552 927">RM82.89 Juta</td> <td data-bbox="1552 871 1767 927">RM 24.82 Juta</td> <td data-bbox="1767 871 2018 927">RM58.07 Juta</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun 2011-2013	Selesai	Semasa (Mac 2014) Belum Selesai	RM82.89 Juta	RM 24.82 Juta	RM58.07 Juta
Tahun 2011-2013	Selesai	Semasa (Mac 2014) Belum Selesai						
RM82.89 Juta	RM 24.82 Juta	RM58.07 Juta						
<p>15.5.4.4.b</p>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati jumlah dividen yang belum diserahkan kepada peserta di Negeri Sabah adalah berbeza dengan jumlah di Ibu Pejabat FELCRA. Jumlah dividen yang masih belum diserahkan kepada peserta bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 di Negeri Sabah adalah berjumlah RM5.10 juta manakala jumlah dividen yang dinyatakan oleh ibu pejabat FELCRA berjumlah RM1.16 juta, terdapat perbezaan berjumlah RM3.94 juta.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>Berikut dinyatakan baki dividen belum agih mengikut tahun 2011, 2012 dan 2013 yang diselesaikan sehingga bulan Mac tahun berikutnya adalah RM1.87 juta, RM27.13 juta dan RM3.10 juta masing-masing menjadikan jumlah baki dividen belum diagih adalah</p>	<p>Penyelesaian dividen bagi negeri Sabah disasarkan selesai pada Disember 2014 kerana ianya perlu mendapatkan pengesahan pemilikan sebenar dari Pejabat Tanah Sabah.</p>						

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sejumlah RM32.10 juta.</p> <p>Antara tindakan penambahbaikan bagi kes luar kawalan adalah membuat carian nama di Pejabat Tanah dan Daerah; semakan di Jabatan Pendaftaran Negara; penambahbaikan perjanjian; mengiklankan di portal FELCRA Berhad; dan membuat notis pemakluman di papan kenyataan di Pejabat Tanah Dan Daerah serta Pejabat Penghulu. Bagi kes dalam kawalan, antara langkah yang diambil adalah menjurnalkan dividen atas lot-lot kosong; melunaskan baki hutang kos pembangunan bagi lot-lot peserta yang menarik diri; mengagihkan dividen yang tidak diagih kepada pembeli yang telah sah menjadi peserta; dan mengaturkan kerjasama dengan pihak bank menemukan pihak peserta untuk membuka akaun bank dan seterusnya agihan dividen dapat dilaksanakan secara online. Sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh seorang lembaga pengarah telah dibentuk oleh lembaga pengarah untuk menyelesaikan masalah dividen tidak dituntut.</p> <p>Laporan dividen tertunggak bagi Negeri Sabah sehingga tahun 2013 adalah RM2.29 juta, RM2.70 juta dan RM0.10 juta masing-masing bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 menjadikan jumlah keseluruhan RM5.10 juta sebagaimana penemuan Audit.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak FELCRA perlu lebih serius dengan tindakan yang lebih proaktif bagi menangani masalah penyerahan dividen kerana ia memberi kesan negatif kepada imej FELCRA dan Kerajaan.</p>	
15.5.4.5	<p>Kelemahan Projek Pembaikan Rumah</p> <p>Pada tahun 2012, sebanyak 1,540 projek baik pulih rumah diluluskan di Negeri Sabah oleh KKLW di bawah Projek Bantuan Rumah 2012 dengan peruntukan berjumlah RM3.05 juta. Sehingga 21 Oktober 2013 sebanyak 1,469 projek (100%) telah siap sepenuhnya, 58 Projek (90%-99%) siap dan 13 projek (75%-89%) siap. Berdasarkan Garis Panduan PBR (RMKe-10) KKLW Bil. 1/2012, kadar maksima kos bantuan bagi skop baik pulih rumah di Semenanjung Malaysia adalah sejumlah RM11,000 manakala di Sabah/Sarawak/W.P. Labuan sejumlah RM12,000. Bagaimanapun, kadar kos bantuan baik pulih rumah hendaklah dikira berdasarkan kos pembaikan sebenar. Semakan Audit ke atas 4 kontrak pembaikan rumah di Kuala Kangsar, Perak dan Putatan, Sabah mendapati 2 kontrak pembaikan rumah bernilai RM336,000 yang melibatkan sebanyak 28 buah rumah di Negeri Sabah dibayar dengan kos <i>lump sum</i> dengan bayaran RM12,000 bagi setiap rumah. Butiran keperluan pembaikan yang dinyatakan dalam borang penilaian tidak diisi dengan kuantiti dan kualiti bahan yang diperlukan dan ini menyebabkan risiko pembayaran melebihi kos sebenar yang akhirnya menyebabkan Kerajaan tidak mendapat <i>Value For Money</i>. Melalui laporan Ketua Audit Negara tahun 2008, isu seperti spesifikasi kerja pembaikan yang tidak</p>	SOP telah diperkemas dan diseragamkan ke seluruh negara bermula Mac 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dinyatakan dengan jelas dan skop kerja yang ditentukan secara lump sum telah dibangkitkan yang mengakibatkan pelaksanaan kerja tidak berkualiti oleh kontraktor. Lawatan Audit mendapati rumah yang dibaiki adalah berbeza dan memerlukan keperluan pembaikan yang berbeza.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>Garis Panduan KKLW bagi Program Bantuan Rumah dengan kadar maksimum kos bantuan baik pulih rumah di Sabah/Sarawak/W.P. Labuan berjumlah RM12,000 seunit yang dikira berdasarkan kos pembaikan sebenar.</p> <p>Langkah penambahbaikan adalah dengan meningkatkan penilaian terhadap kerja-kerja pembaikan sebelum dilaksanakan. Syarikat juga telah memperkemaskan kaedah pendokumentasi dalam penyediaan Bill Of Quantities (BQ) yang lengkap dengan penetapan kadar harga semasa. Senarai item kerja baik pulih telah ditambah baik bagi menggantikan BQ terdahulu. Langkah-langkah yang telah dan diambil seperti penggunaan BQ yang lengkap dengan penetapan harga semasa; juruteknik perlu memastikan keperluan sebenar butiran pembaikan disetiap rumah; dan kerja-kerja baik pulih yang akan dilaksanakan adalah berdasarkan keperluan sebenar dengan kos tidak melebihi RM12,000 sebuah.</p> <p>Pada pendapat Audit, FELCRA perlu meneliti pelaksanaan projek pembaikan rumah dengan memastikan setiap projek dinilai dengan teliti sebelum kerja-kerja pembaikan dilaksanakan.</p>	
15.5.5.1	<p>Pematuhan Terhadap Tadbir Urus Korporat Kawalan dan Pengurusan Kewangan - Bayaran Saguhati Kepada Lembaga Pengarah Dalam Bentuk <i>In-Kind</i></p> <p>Lembaga Pengarah hendaklah menggunakan dana syarikat dengan tujuan memajukan syarikat dan setiap pembayaran kepada Lembaga Pengarah perlulah mendapat persetujuan daripada Kementerian Kewangan selaku pemegang saham terbesar. Semakan Audit mendapati permohonan cadangan pembayaran honorarium berjumlah RM20,000 kepada setiap Ahli Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 20 Ogos 2010. Bagaimanapun, Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah pada 21 Julai 2011 telah bersetuju supaya pemberian sugu hati/in-kind kepada Lembaga Pengarah berjumlah RM133,333 di mana RM20,000 bagi setiap Lembaga Pengarah dan RM30,000 bagi Pengerusi Lembaga Pengarah bagi tahun berakhir Disember 2010. Manakala Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.137 bertarikh 19 Jun 2013 memutuskan bagi tahun berakhir Disember 2011, bayaran in-kind adalah berjumlah</p>	<p>Garis panduan tatacara bayaran <i>in kind</i> akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada bulan Jun 2014.</p> <p>Langkah segera yang diambil oleh pengurusan FELCRA Berhad adalah mengeluarkan arahan pada 09 Mei 2014 kepada semua anak-anak syarikat supaya tidak membuat bayaran suguhati atau <i>in kind</i> sehingga satu garis panduan disediakan dan mendapat kelulusan Kementerian</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>RM257,500 iaitu sejumlah RM30,000 bagi setiap Ahli Lembaga Pengarah dan RM50,000 bagi Pengerusi Lembaga Pengarah. Selain itu, Mesyuarat EXCO bil. 11/2013 bertarikh 4 Julai 2013 telah bersetuju supaya bayaran in-kind juga diberi kepada Setiausaha Syarikat bagi tahun 2012 dengan jumlah keseluruhan bayaran saguehati/in-kind berjumlah RM332,500. Asas pemberian ini adalah berdasarkan daripada sokongan padu dan kerja keras barisan Lembaga Pengarah dalam memastikan syarikat dapat beroperasi dengan cemerlang dari semasa ke semasa. Pembayaran ini memberi kesan kepada peningkatan kos operasi FELCRA dan pengurangan pembayaran dividen kepada pemegang saham.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>Lembaga Pengarah memutuskan untuk membuat bayaran In Kind setelah mengambil kira pencapaian kesemua aspek penting kewangan syarikat yang terdiri daripada keuntungan syarikat; keuntungan/ dividen yang diagih kepada peserta; bayaran dividen kepada MOF; bayaran cukai korporat; dan bayaran bonus kepada staf. Bayaran in kind kepada Ahli Lembaga Pengarah adalah sebagai insentif kerana kejayaan melaksanakan tanggungjawab utama iaitu memberi keuntungan/dividen kepada peserta di samping kemampuan kewangan syarikat memperolehi keuntungan yang boleh diagih kepada Kerajaan dalam bentuk dividen, cukai dan bonus kepada staf. Di samping itu bayaran in kind dibuat kerana tiada bayaran honorarium yang dibayar kepada mereka. Jumlahnya adalah sangat kecil berbanding dengan keuntungan sebelum cukai yang dicapai pada tahun-tahun tersebut. Di samping jumlah yang kecil, pengurusan juga mendapati tiada larangan tertentu yang diterbitkan oleh pemegang saham bagi bayaran tersebut. Langkah meningkatkan amalan urus tadbir syarikat yang baik akan dibuat dengan menyediakan garis panduan bayaran untuk perakuan mesyuarat Lembaga Pengarah akan datang pada bulan Jun 2014. Garis panduan ini seterusnya akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat kelulusan.</p> <p>Pada pendapat Audit bayaran sague hati kepada Lembaga Pengarah dapat dilihat dengan lebih telus dengan alasan yang munasabah sekiranya mendapat kelulusan dari pihak Kementerian Kewangan sewajarnya sebagai pemegang saham utama.</p>	
15.5.5.2.i	<p>Pemantauan Subsidiari</p> <p>Sehingga 31 Disember 2013, FELCRA mempunyai 18 syarikat subsidiari di mana kesemuanya aktif. Keuntungan bersih selepas cukai syarikat subsidiari berjumlah RM37.05 juta, RM40.57 juta dan RM35.07 juta masing-masing bagi tahun kewangan beraudit 2010, 2011 dan 2012.</p>	<p>Dividen syarikat subsidiari FELCRA Berhad mengikut tahun kewangan 2012 telah dijelaskan kepada FELCRA Berhad.</p> <p>Manakala bagi tahun kewangan 2013, syarikat subsidiari</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.5.2.ii	<p>Sebanyak 8 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM6.64 juta pada tahun 2010; 9 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM11.55 juta pada tahun 2011 dan 11 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM16.51 juta pada tahun 2012.</p> <p>Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014</p> <p>Semua syarikat subsidiari telah membayar dividen kepada syarikat induk bagi tahun 2012. Bagi tahun 2013, syarikat subsidiari dikehendaki membayar dividen semasa Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan diadakan pada bulan Mei 2014. Sehingga kini syarikat subsidiari Permodalan FELCRA telah pun membayar dividen sebanyak RM956,244.00.</p> <p>Pada pendapat Audit, FELCRA perlu berusaha untuk memastikan setiap subsidiarinya membayar dividen kepadanya. Ini boleh menambahkan pendapatan FELCRA dan sebarang pengecualian perlu diperoleh daripada Kementerian Kewangan sekiranya bayaran dividen tidak dapat dibuat.</p>	<p>dikehendaki membayar dividen semasa Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan diadakan pada bulan Mei.</p>

(AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN)

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

LEMBAGA KOKO MALAYSIA

Perenggan 2 : Pengurusan Pembinaan Pusat Teknologi Inovatif Koko

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>2.4.1.4.b</p>	<p>Bangunan Fasa 1 Diduduki Sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan Diterima</p> <p>Semakan Audit mendapati Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 2 Jun 2010 dan bangunan telah mula diduduki oleh pegawai penyelidik pada 1 Oktober 2010 serta diduduki sepenuhnya pada 15 Mac 2011. Bagaimanapun, CCC hanya diterima pada 17 Disember 2013 kerana kelewatan pembaikan jalan utama ke PITK oleh kontraktor seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Nilai. Selain itu, LKM masih dalam proses untuk mendapatkan Sijil Halal JAKIM.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi projek pembinaan Fasa 1 adalah kurang memuaskan disebabkan peningkatan kos yang tinggi dan kecacatan yang masih berlaku selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) hanya diterima pada 17 Disember 2013 tetapi bangunan telah mula diduduki pada 1 Oktober 2010 oleh pegawai penyelidik dan diduduki sepenuhnya pada 15 Mac 2011. Ini ada bertentangan dengan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.</p> <p>Maklum Balas Daripada LKM Diterima Pada 16 April 2014 dan 2 Mei 2014.</p> <p><i>LKM memaklumkan permohonan Sijil Halal telah dihantar kepada Pejabat JAKIM Negeri Sembilan pada 22 Januari 2014. JAKIM memaklumkan Sijil Halal akan dikeluarkan dalam tempoh 2 bulan.</i></p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>Sijil Perakuan Siap Kerja telah diterima pada 2 Jun 2010. Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah mengambil keputusan untuk berpindah secara berperingkat dari PPHK, Bangi ke PITK Nilai mulai 11 Januari 2011 bagi membolehkan kerja-kerja penyelidikan dilaksanakan menggunakan kemudahan yang lebih baik. Ini adalah memandangkan kemudahan di PPHK Bangi adalah terhad dan mempunyai ruang yang sempit serta sesak.</p> <p>Kelewatan urusan penerimaan CCC adalah berpunca dari kerosakan jalan utama yang perlu diperbaiki oleh kontraktor terlebih dahulu dan ia tidak berkait dengan spesifikasi dan kualiti pembinaan bangunan.</p> <p>Sijil Pengesahan Halal LKM masih berkuatkuasa sehingga 15 Februari 2015.</p> <p>Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah mengambil keputusan untuk berpindah secara berperingkat dari PPHK, Bangi ke CITC Nilai mulai 11 Januari 2011 setelah <i>Certificate of Practical Completion (CPC)</i> diperolehi pada 2 Jun 2010 bagi membolehkan kerja-kerja penyelidikan dilaksanakan menggunakan kemudahan yang lebih baik. Ini adalah memandangkan kemudahan di PPHK Bangi adalah terhad dan mempunyai ruang yang sempit serta sesak. Bangunan Fasa 1 juga perlu diduduki bagi mengenalpasti sebarang kecacatan pada bangunan tersebut memandangkan tempoh kecacatan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>bangunan adalah 1 tahun bermula dari tarikh CPC dikeluarkan. Kelewatan mendapat Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) pula adalah berpunca dari kerosakan pada jalan utama yang perlu diperbaiki oleh kontraktor dan tidak melibatkan kecacatan kepada struktur binaan bangunan Fasa 1.</p> <p>Walau bagaimanapun, Jabatan Audit Negara memerlukan maklumat tambahan yang menunjukkan aktiviti perpindahan LKM. Maklum balas tambahan yang dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 12 Mei 2014 adalah seperti berikut:</p> <p>Bukti yang menunjukkan aktiviti perpindahan LKM adalah seperti Memo Perhubungan LKM Rujukan LKM/P&K/13/16/1/2 bertarikh 11 Januari 2011.</p>
2.4.2.4	<p>Pihak Audit mendapati tiada penyaluran peruntukan untuk projek Fasa 2A daripada Kementerian Kewangan dan tiada permohonan peruntukan dikemukakan kepada EPU untuk pembinaan projek Fasa 2B.</p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>LKM telah memohon pertambahan siling kepada EPU bagi melaksanakan projek Nilai dan telah diluluskan sebanyak RM10 juta oleh EPU di bawah Kajian Separuh Penggal RMK9. Walaubagaimanapun, peruntukan tersebut masih tidak mencukupi bagi membangunkan PITK Fasa 2. Di samping itu, LKM juga memohon peruntukan di bawah RMK10 namun tidak diluluskan.</p>
2.4.2.5	<p>Semakan Audit mendapati peruntukan berjumlah RM37 juta bagi pembinaan PITK (Fasa 1 dan 2) hanya berbaki RM3.28 juta setelah mengambil kira kos projek Fasa 1 sejumlah RM33.72 juta. LKM tidak membuat permohonan tambahan peruntukan secara khusus kepada Kementerian Kewangan untuk membiayai projek pembinaan Fasa 2 berjumlah RM24.34 juta tetapi ada memohon peruntukan di bawah RMK-10 bagi projek-projek pembangunan. Semakan terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengelola bagi tempoh 2009 hingga 2010 mendapati LKM juga tidak pernah memohon untuk menggunakan sumber dalaman bagi melaksanakan projek ini. Berdasarkan surat pelantikan perunding, Ketua Pengarah pada masa itu memaklumkan bahawa peruntukan sejumlah RM18 juta telah diluluskan oleh LKM untuk projek pembinaan Fasa 2. Pembinaan projek Fasa 2 diteruskan dengan melantik kontraktor Daya Puri Resources Sdn. Bhd. bermula pada 26 Ogos 2010. Projek ini sepatutnya siap pada 22 Februari 2012 tetapi disebabkan pindaan tarikh mula kerja dari 26 Ogos 2010 ke 3 Januari 2011 dan isu-isu teknikal, kontraktor telah memohon lanjutan masa. Pada 21 Disember 2011, Ketua Pengarah telah meluluskan lanjutan masa selama 679 hari daripada tarikh siap asal ke 31 Disember</p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>Antara usaha LKM bagi meneruskan projek ini ialah dengan merujuk isu kewangan ini kepada EPU dan MOF. Namun tiada lagi peruntukan tambahan setelah pihak EPU meluluskan tambahan peruntukan sebanyak RM10 juta di bawah RMK9.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	2013.	
2.4.2.6	Pada 15 Mac 2012, LKM telah menangguhkan pelaksanaan projek Fasa 2 kerana masalah kewangan. Penangguhan ini telah mengakibatkan bangunan berkenaan terbengkalai.	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>LKM menangguhkan projek PITK kerana:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Masalah peruntukan; dan (ii) Kontraktor enggan mengubah skop projek pembinaan Blok H dan J tanpa Blok A berikutan pengurangan harga kontrak dari RM24 juta kepada RM7 juta.
2.4.2.7.b	<p>Penjualan Pusat Penyelidikan Hiliran Koko (PPHK), Bangi Untuk Menampung Projek PITK</p> <p>Semasa lawatan Audit pada 25 November 2013, bangunan ini hanya 80% siap dibina dan digunakan untuk menyimpan peralatan dan mesin yang dipindahkan dari PPHK, Bangi.</p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>Sebelum penjualan PPHK Bangi, semua coklat blok dihasilkan di PPHK Bangi dan Blok G (Koko Bistro) PITK di mana aktiviti latihan, demonstrasi dan pembuatan coklat juga dilaksanakan.</p> <p>Blok H di PITK, Nilai merupakan bangunan bagi menggantikan penghasilan blok coklat di PPHK Bangi. Oleh itu, LKM perlu memindahkan aktiviti pengeluaran blok coklat ini dari PPHK Bangi ke PITK, Nilai bagi mewujudkan satu pusat pemrosesan coklat blok. Setelah PPHK Bangi dijual kepada MPOB, semua peralatan di PPHK Bangi perlu dipindahkan ke PITK, Nilai dan disimpan di Blok H iaitu tempat di mana peralatan tersebut akan dipasang kelak.</p>
2.4.2.7.c	<p>Penangguhan pembinaan Blok H memberikan implikasi seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peralatan dan mesin yang telah dipindahkan dari Pusat Penyelidikan Hiliran Koko, Bangi bernilai RM9.39 juta tidak dapat dipasang dan digunakan oleh LKM serta pihak industri. ii. Peralatan dan mesin yang disimpan dalam Blok H akan terdedah kepada risiko kerosakan kerana tidak digunakan dan tiada penyenggaraan berkala. iii. Penjualan PPHK Bangi menyebabkan penghasilan blok coklat telah berkurangan dan tidak dapat memenuhi permintaan usahawan yang berdaftar dengan LKM. Penghasilan blok coklat hanya dikeluarkan di pusat 	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>Peralatan dan mesin berkenaan akan dipasang seiring semasa pendawaian elektrik dan mekanikal di bangunan tersebut dilaksanakan. Berhubung dengan pembinaan Blok H, pada masa ini pihak perunding sedang menyediakan dokumen tender dan pelantikan kontraktor dijangka pada bulan Julai 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pengeluaran koko bistro (Blok K) dalam skala yang kecil. Sehingga bulan Januari 2014, seramai 160 usahawan yang berdaftar dengan LKM.</p>	<p>Hasil jualan blok coklat berkurangan disebabkan oleh perpindahan Pusat Pemprosesan Blok Coklat dari PPHK Bangi ke PITK, Nilai. Perpindahan ini adalah perlu dilaksanakan bagi membolehkan perkhidmatan yang lebih baik diberikan kepada usahawan coklat di masa akan datang.</p> <p>Walaupun pengeluaran blok coklat LKM adalah berkurangan, para usahawan masih boleh mendapatkan bekalan blok coklat dari syarikat swasta.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, Jabatan Audit Negara memerlukan maklumat tambahan dan Maklum balas tambahan yang dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 12 Mei 2014 adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membangunkan usahawan coklat termasuklah dengan menawarkan bekalan blok coklat pada kadar yang kompetitif. • Keperluan bekalan blok coklat dari pihak swasta adalah bersifat sementara waktu sehingga Bangunan Pilot Plant siap. Pada masa ini, LKM telah melantik juruperunding bagi meneruskan pembinaan bangunan tersebut. • Perbandingan harga blok coklat yang ditawarkan oleh LKM adalah lebih rendah berbanding swasta seperti Lampiran yang dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.
<p>2.4.2.7.d</p>	<p>Analisis Audit mendapati pengeluaran produk blok coklat yang dibekalkan kepada usahawan koko berdaftar pada tahun 2013 hanya berjumlah RM46,451 berbanding hasil pada tahun 2012 berjumlah RM118,052 iaitu penurunan sejumlah RM71,601 atau 60.6%.</p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>Hasil jualan blok coklat berkurangan disebabkan oleh perpindahan Pusat Pemprosesan Blok Coklat dari PPHK Bangi ke PITK, Nilai. Perpindahan ini adalah perlu dilaksanakan bagi membolehkan perkhidmatan yang lebih baik diberikan kepada usahawan coklat di masa akan datang.</p> <p>Walaupun pengeluaran blok coklat LKM adalah berkurangan, para usahawan masih boleh mendapatkan bekalan blok coklat dari syarikat swasta.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>2.4.2.7.e</p>	<p>Semakan Audit terhadap rekod penggunaan peralatan dan mesin uji kaji kilang rintis koko semasa ia ditempatkan di PPHK Bangi mendapati sebanyak 7 syarikat dan penyelidik LKM menggunakan kemudahan peralatan ini. Ke kerapannya syarikat yang menggunakan kemudahan ini adalah sehingga 38 kali setahun. Selain itu, kemudahan makmal rintis coklat digunakan oleh 14 syarikat dan penyelidik LKM. Penangguhan pembinaan Blok H dan peralatan dari PPHK Bangi yang tidak dapat dipasang menyebabkan syarikat-syarikat ini tidak dapat menyewa bagi penggunaan peralatan tersebut. Secara tidak langsung, ini menjejaskan pendapatan LKM.</p> <p>Pada pendapat Audit, matlamat LKM untuk membina Pusat Inovasi Dan Teknologi Koko sebagai tempat pengkomersialan koko masih belum tercapai disebabkan projek terbengkalai kerana peruntukan yang tidak mencukupi.</p> <p>Maklum Balas Daripada LKM Diterima Pada 16 April 2014 dan 2 Mei 2014.</p> <p><i>LKM memaklumkan projek Fasa 2 telah diteruskan dengan anggapan RM18 juta akan diluluskan oleh EPU di bawah RMK-9 pada tahun 2009 dan 2010. Namun begitu permohonan tersebut tidak diluluskan oleh EPU. LKM masih mahu menyiapkan projek ini dengan Blok A (Pavilion), Blok H (Pilot Plant) dan Blok J (Amenities) pada tahun 2012 dengan harapan akan mendapat kelulusan dan peruntukan sebanyak RM18 juta dari EPU tetapi masih tidak diluluskan. Keadaan ini telah menyebabkan skop projek terpaksa diubah di mana pembinaan bangunan hanya difokuskan kepada keperluan kritikal LKM iaitu Blok H dan J manakala Blok A ditangguhkan tetapi tidak dipersetujui oleh kontraktor.</i></p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>LKM Bersetuju dengan penemuan audit berdasarkan maklum balas yang dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 16 April 2014 dan 2 Mei 2014.</p>
<p>2.4.3.2</p>	<p>Pelantikan Perunding</p> <p>Surat pelantikan bertarikh 23 Julai 2009 telah dikeluarkan kepada 4 perunding untuk projek pembinaan Fasa 2. Dua syarikat perunding merupakan perunding bagi pembinaan PITK Fasa 1 manakala 2 lagi adalah syarikat perunding yang baru. Berdasarkan daftar kontrak LKM, dokumen perjanjian antara LKM dan perunding ada disediakan. Bagaimanapun, dokumen ini tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit untuk semakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan skop kerja, kos perkhidmatan dan syarat pembayaran perkhidmatan perunding.</p>	<p>Maklumbalas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 16 April 2014</p> <p>Perlantikan perunding (Arkitek dan QS) pada 23 Julai 2009 adalah sambungan daripada projek Nilai Fasa 1 sejak tahun 2007 dan skop kerja mereka adalah jelas. Manakala pelantikan perunding (M&E dan C&S) adalah pada 23 Julai 2009 dengan skop kerja yang jelas mengikut pengkhususan kerja mereka.</p> <p>Jabatan Audit Negara berpuas hati dengan maklum balas LKM pada 16 April 2014 dan tiada maklum balas tambahan dipohon.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>2.4.3.4</p>	<p>Semakan Audit mendapati pelantikan 4 perunding tersebut telah dibuat oleh mantan Ketua Pengarah LKM pada 23 Julai 2009 tanpa melalui Lembaga Perolehan A. Selain itu, surat pelantikan 4 perunding tersebut memaklumkan bahawa peruntukan yang diluluskan bagi projek pembinaan Fasa 2 adalah berjumlah RM18 juta tetapi tidak termasuk bayaran bagi fi perkhidmatan perunding.</p> <p>Pada pendapat Audit, pelantikan perunding adalah tidak teratur kerana tidak dibuat melalui Lembaga Perolehan A. Selain itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada perjanjian pelantikan perunding ada menjaga kepentingan LKM dan Kerajaan kerana tidak dikemukakan untuk semakan.</p> <p>Maklum Balas Daripada LKM Diterima Pada 16 April 2014, 28 April 2014 dan 2 Mei 2014.</p> <p><i>LKM memaklumkan pelantikan perunding (Arkitek dan QS) pada 23 Julai 2009 adalah sambungan daripada projek Nilai Fasa 1 sejak tahun 2007 dan skop kerja mereka adalah jelas. Pelantikan perunding (M&E dan C&S) juga pada 23 Julai 2009 dengan skop kerja yang jelas mengikut pengkhususan kerja mereka. Bagaimanapun pada 31 Mac 2014, perunding awam dan struktur iaitu Perunding Teknovasi Sdn. Berhad telah ditamatkan perkhidmatannya.</i></p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>Perlantikan perunding asal bagi pembangunan Nilai Fasa 1 pada tahun 2007 adalah mematuhi prosedur dan peraturan yang berkuatkuasa.</p> <p>Bagi pelaksanaan PITK Fasa 2, LKM tidak melantik juruperunding baharu sebaliknya menyambung perkhidmatan juruperunding Fasa 1. Perlantikan juruperunding pada 23 Julai 2009 merupakan sambungan juruperunding daripada lantikan pada tahun 2007 dan bukanlah perlantikan baharu.</p> <p>Walau bagaimanapun, Jabatan Audit Negara memerlukan maklumat tambahan dan Maklum balas tambahan yang dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 12 Mei 2014 adalah seperti berikut:</p> <p>LKM telah melaksanakan tindakan pembetulan dalam proses pelantikan juruperunding dan penyediaan perjanjian bagi penyambungan pembinaan Blok H dan J seperti dokumen yang dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.</p>
<p>2.4.4.2</p>	<p>Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak Bagi Fasa 1</p> <p>Semakan Audit mendapati Lembaga Perolehan A LKM diberi kuasa untuk meluluskan tender projek Fasa 1. Pada 25 Februari 2010, Lembaga Perolehan A LKM telah meluluskan sebanyak 10 APK berjumlah RM2.31 juta. Bagaimanapun, borang perubahan kerja yang dilampirkan tiada tandatangan pegawai penguasa dan ahli jawatankuasa yang meluluskan arahan tersebut. Selain itu, sebanyak 14 PHK yang melibatkan perubahan kepada harga kontrak telah dilaksanakan untuk projek Fasa 1 berjumlah RM7.42 juta. Semakan lanjut mendapati Borang Pelarasan Harga No.1 hingga 5 tidak ditandatangani oleh pegawai penguasa atau wakilnya manakala 9 Borang Pelarasan Harga tidak dapat dikesan untuk pengauditan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan Arahan Perubahan Kerja Dan Pelarasan Harga Kontrak adalah kurang memuaskan kerana borang arahan tidak mendapat kelulusan sewajarnya boleh menimbulkan pertikaian antara LKM dan kontraktor sekiranya sesuatu perkara yang tidak diinginkan berlaku.</p> <p>Maklum Balas Daripada LKM Diterima Pada 16 April 2014 dan 2 Mei 2014.</p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>Semua Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak dibincangkan di dalam mesyuarat tapak projek sebelum dipersetujui oleh semua pihak (juruperunding, kontraktor dan LKM). Walaupun Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak tidak ditandatangani namun semua Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak tersebut telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan A, LKM.</p> <p>Walau bagaimanapun, Jabatan Audit Negara memerlukan maklumat tambahan dan Maklum balas tambahan yang dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 12 Mei 2014 adalah seperti berikut:</p> <p>Bukti Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dan Arahan Perubahan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>LKM memaklumkan sepanjang tempoh projek PITK Nilai Fasa I dan II, sehingga 2011, semua kelulusan Lembaga Perolehan A adalah dianggap sebagai telah diluluskan oleh Lembaga Pengelola kerana pengerusi dan sebahagian ahlinya terdiri dari orang yang sama.</i></p>	<p>Kerja (APK) adalah seperti:-</p> <p>(i) Minit Mesyuarat Lembaga Perolehan Kali Ke-4, bertarikh 21 Ogos 2008;</p> <ul style="list-style-type: none"> • AGENDA 4.1 DAN 4.2 TENDER T/LKM/K/11/2007 – CADANGAN PEMBANGUNAN KOMPLEKS PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN HILIRAN KOKO DI ATAS LOT PT 12621, PT 28098 & PT 28099 DI NILAI, MUKIM LABU, DAERAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS • Keputusan mengenai kelulusan PHK dan APK adalah seperti Perkara 4.1 (f) dan (g), dengan keputusan Mesyuarat seperti di 4.1 D (a) di muka surat 9, Minit Mesyuarat Lembaga Perolehan Kali-4. <p>(ii) Minit Mesyuarat Lembaga Perolehan Kali Ke-6, bertarikh 26 Jun 2009;</p> <ul style="list-style-type: none"> • AGENDA 4.3 CADANGAN PELAKSANAAN KERJA-KERJA PERUBAHAN / TAMBAHAN (VARIATIONS) BAGI KONTRAK NO. KON/LKM/K-70(2008) – CADANGAN PEMBANGUNAN KOMPLEKS PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN KOKO FASA 1 DI ATAS LOT PT. 12621, PT. 28098 & PT. 28099 DI NILAI, MUKIM LABU, DAERAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS – KERJA-KERJA MEKANIKAL & ELEKTRIKAL • Keputusan mengenai kelulusan APK adalah seperti di Perkara 4.3 (B) (c) (vi) iaitu APK No. 1 hingga 5. <p>(iii) Minit Mesyuarat Lembaga Perolehan Kali Ke-7, bertarikh 11 November 2009;</p> <ul style="list-style-type: none"> • KERTAS MAKLUMAN, AGENDA 3.3 DAN KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN, AGENDA 4.0 PARA 4.3 CADANGAN PELAKSANAAN KERJA-KERJA PERUBAHAN / TAMBAHAN (VARIATIONS)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>BAGI KONTRAK NO. KON/LKM/K-81(2007) – CADANGAN PEMBANGUNAN KOMPLEKS PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KOKO FASA 1 DI ATAS LOT PT12621, PT28098 & PT28099 DI NILAI, MUKIM LABU, DAERAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN – KERJA-KERJA MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL</p> <ul style="list-style-type: none"> Keputusan mengenai kelulusan APK dan jumlah terkumpul keseluruhan dari APK No.1 – APK No.7 adalah seperti di Perkara 4.0 D (a). <p>(iv) Minit Mesyuarat Lembaga Perolehan Kali Ke-8, bertarikh 25 Februari 2010;</p> <ul style="list-style-type: none"> AGENDA 4.0 CADANGAN PELAKSANAAN KERJA-KERJA PERUBAHAN / TAMBAHAN (VARIATIONS) BAGI KONTRAK NO. KON/LKM/K-81(2007) – CADANGAN PEMBANGUNAN KOMPLEKS PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KOKO FASA 1 DI ATAS LOT PT12621, PT28098 & PT28099 DI NILAI, MUKIM LABU, DAERAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN – KERJA-KERJA MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL <p>Keputusan mengenai kelulusan APK dan jumlah terkumpul keseluruhan dari APK No.1 – APK No.9 dan keputusan mengenai PHK No.1 hingga No.5 masing-masing adalah seperti di Perkara 4.1 B (e) (x) dan (xi) dengan keputusan Mesyuarat seperti di Perkara 4.1 D (a).</p>
2.4.5.2	<p>Kualiti Kerja Pembinaan Yang Kurang Memuaskan</p> <p>Lawatan Audit pada 27 November 2013 di bangunan kilang rintis produk kosmetik dan penjagaan (Blok G) mendapati berlaku keretakan di bumbung konkrit rata dan terdapat kesan resapan air pada siling di bawah bumbung konkrit rata tersebut. Selain itu, pihak Audit mendapati pemasangan tingkap yang tidak sempurna, lantai jubin pecah dan kesan resapan air di siling bangunan pentadbiran (Blok B).</p> <p>Maklum Balas Daripada LKM Diterima Pada 16 April 2014 dan 2 Mei 2014.</p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>LKM bersetuju dengan penemuan audit dan tindakan pembetulan telah diambil pada April 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>LKM memaklumkan tindakan pembetulan telah diambil pada bulan April 2014.</i>	
2.4.5.4	<p>Selain itu, penggunaan saiz wayar pbumian yang terlalu kecil bagi pbumian utama pada papan suis adalah tidak sesuai. Pengalir perlindungan hendaklah mempunyai saiz keratan rentas yang mencukupi bagi memastikan sistem pbumian dapat berfungsi dengan lebih berkesan. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati spesifikasi penggunaan saiz wayar pbumian utama tidak dinyatakan. Bagaimanapun, di dalam lakaran <i>as built drawing</i> yang disediakan oleh perunding menyatakan saiz wayar pbumian adalah berdasarkan keperluan Tenaga Nasional Berhad (TNB).</p> <p>Maklum Balas Daripada LKM Diterima Pada 16 April 2014 dan 2 Mei 2014.</p> <p><i>LKM memaklumkan semakan BQ dalam lakaran As Built Drawing menunjukkan tiada spesifikasi saiz dalam keratan rentas wayar pbumian (Earthing Cable).</i></p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>Wayar pbumian telah diganti kepada saiz yang lebih sesuai.</p>
2.4.5.5	<p>Pihak Audit juga mendapati <i>air terminal</i> bagi sistem penebat kilat yang dipasang adalah kurang sesuai kerana zon perlindungan kilat tidak mencukupi untuk melindungi bangunan tersebut daripada kilat. Ini telah mengakibatkan PITK sering mengalami masalah gangguan bekalan elektrik.</p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>LKM bersetuju dengan penemuan audit dan tindakan pembetulan telah diambil pada April 2014.</p>
2.4.5.6	<p>LKM telah menanggung kos pembaikan tambahan berjumlah RM60,325 bagi memastikan keadaan bangunan di PITK berada dalam keadaan baik dan selamat untuk diduduki.</p> <p>Pada pendapat Audit, kualiti kerja pembinaan adalah kurang memuaskan kerana kurang pemantauan oleh LKM terhadap kerja perunding semasa kerja pembinaan dijalankan.</p> <p>Maklum Balas Daripada LKM Diterima Pada 16 April 2014 dan 2 Mei 2014.</p> <p><i>LKM memaklumkan kerosakan berlaku selepas tamat tempoh kecacatan.</i></p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>Kerosakan berlaku selepas tamat tempoh kecacatan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.6.2	<p>Bagi tempoh 2007 hingga 2011 pengurusan LKM tidak memaklumkan mengenai perancangan dan pelaksanaan projek pembinaan PITK ini kepada Lembaga Pengelola. Perkara ini hanya dibincangkan apabila timbulnya masalah tiada peruntukan pada tahun 2012. Selain itu, pihak Audit mendapati projek pembinaan Fasa 1 dan 2 telah dibincangkan dalam Mesyuarat JPP LKM. Bagaimanapun, projek pembinaan Fasa 1 tidak diminitkan secara terperinci manakala perkara mengenai peruntukan dan kemajuan kerja bagi projek pembinaan Fasa 2 tidak diminitkan. Ini menyebabkan KPPK tidak dapat memantau projek pembinaan PITK dengan lebih berkesan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan projek pembinaan PITK adalah kurang berkesan kerana prestasi dan masalah projek tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengelola secara berkala bagi memastikan tindakan penyelesaian diambil dengan segera.</p> <p>Maklum Balas Daripada LKM Diterima Pada 16 April 2014 dan 2 Mei 2014.</p> <p><i>LKM memaklumkan mulai tahun 2012, pemantauan secara berkala semua projek dilaksanakan secara teratur dengan kerjasama erat antara Kementerian dan Agensi dalam semua projek pembangunan. Pemantauan di peringkat LKM ialah JPPP yang dipengerusikan oleh YBrS Dr KP pada setiap bulan sebelum pemantauan di peringkat Kementerian melalui JTPK yang dipengerusikan oleh YBhg Datuk Seri KSU.</i></p>	<p>Maklum balas Lembaga Koko Malaysia kepada Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2014</p> <p>Mulai tahun 2012, pemantauan semua projek pembangunan secara berkala dilaksanakan secara lebih teliti dan rapi dengan kerjasama erat di antara Kementerian dan Agensi. Pemantauan di peringkat LKM ialah melalui Jawatankuasa Perancang dan Pelaksanaan Projek Pembangunan (JPPP) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah pada setiap bulan sebelum pemantauan di peringkat Kementerian melalui Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT

Perenggan 3 : Pengurusan Penguatkuasaan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																		
3.4.1.1.b	<p>Prestasi Aktiviti Penguatkuasaan - Aktiviti Penguatkuasaan</p> <p>Semakan Audit mendapati SPAD Zon Utara dan Timur tidak menetapkan perancangan aktiviti penguatkuasaan bagi tahun 2012. Pihak Audit juga mendapati SPAD Zon Selatan hanya melaksanakan 140 atau 31.8% daripada 440 aktiviti dirancang pada tahun 2012. Bagaimanapun, pencapaian aktiviti penguatkuasaan di semua zon pada tahun 2013 adalah baik iaitu melebihi 95%.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Pada tahun 2012 perancangan operasi telah dilaksanakan berdasarkan kepada Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang ditetapkan. Kesemua zon diberi sasaran berdasarkan jumlah operasi.</p> <p>Pelaksanaan operasi dan aktiviti adalah dibuat oleh Ketua penguatkuasa zon dan maklumat ini adalah terhad bagi mengelakkan kebocoran maklumat. Ketua penguatkuasa zon utara dan timur tidak ditemuduga bagi penemuan audit ini.</p> <p>Berikut adalah SKT 2012 yang telah dirancangan :</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th colspan="4" style="text-align: center;">KPI BAHAGIAN PENGUATKUASA SPAD 2012</th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;">PERKARA</th> <th style="text-align: center;">WILAYAH</th> <th style="text-align: center;">JUMLAH OPS</th> <th style="text-align: center;">Perancangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="4" style="text-align: center; vertical-align: middle;">Jumlah operasi bersama agensi penguatkuasa yang lain & operasi SPAD</td> <td style="text-align: center;">Tengah</td> <td style="text-align: center;">12</td> <td rowspan="4" style="text-align: center; vertical-align: middle;">1 Operasi dijalankan setiap bulan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Utara</td> <td style="text-align: center;">12</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Selatan</td> <td style="text-align: center;">12</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Timur</td> <td style="text-align: center;">12</td> </tr> </tbody> </table> <p>*Nota: Perancangan aktiviti tidak berdasarkan SKT</p> <p><u>Status Terkini</u></p> <p>Mulai pada tahun 2013, perancangan operasi telah dilaksanakan dan didokumenkan berpandukan kepada pencapaian SKT 2012 sebagai penanda aras.</p>	KPI BAHAGIAN PENGUATKUASA SPAD 2012				PERKARA	WILAYAH	JUMLAH OPS	Perancangan	Jumlah operasi bersama agensi penguatkuasa yang lain & operasi SPAD	Tengah	12	1 Operasi dijalankan setiap bulan	Utara	12	Selatan	12	Timur	12
KPI BAHAGIAN PENGUATKUASA SPAD 2012																				
PERKARA	WILAYAH	JUMLAH OPS	Perancangan																	
Jumlah operasi bersama agensi penguatkuasa yang lain & operasi SPAD	Tengah	12	1 Operasi dijalankan setiap bulan																	
	Utara	12																		
	Selatan	12																		
	Timur	12																		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																								
		Pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan oleh Zon sehingga kini masih terus berpandukan kepada Sasaran Kerja Tahunan (SKT).																								
3.4.1.1.d	<p>Pihak Audit mendapati aktiviti penguatkuasaan tidak dapat dijalankan secara menyeluruh dan pegawai terpaksa mengutamakan kes aduan berbanding aktiviti penguatkuasaan lain di samping penyediaan kertas siasatan. Berdasarkan analisis Audit, secara purata seorang pegawai bertanggungjawab memantau antara 124 hingga 528 lesen yang dikeluarkan kepada pengendali. Sehubungan itu, SPAD menghadapi kekangan perjawatan berbanding bilangan lesen pengendali yang dikeluarkan kerana aktiviti penguatkuasaan perlu dilaksanakan terhadap semua pengendali bagi memastikan syarat lesen sentiasa dipatuhi.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Aktiviti penguatkuasaan SPAD telah dilaksanakan secara selektif disebabkan kekangan anggota dan kenderaan. Sehubungan itu, untuk merealisasikan aktiviti penguatkuasaan dan memberi impak kepada <i>stakeholder</i>, kehadiran penguatkuasa di lokasi aduan adalah sangat diperlukan.</p> <p>Pecahan Keanggotaan Bahagian Penguatkuasaan berdasarkan tahun adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1227 592 1805 836"> <thead> <tr> <th>Zon / Anggota</th> <th>2011</th> <th>2012</th> <th>2013</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Selatan</td> <td>4</td> <td>5</td> <td>22</td> </tr> <tr> <td>Tengah</td> <td>60</td> <td>66</td> <td>95</td> </tr> <tr> <td>Timur</td> <td>4</td> <td>5</td> <td>13</td> </tr> <tr> <td>Utara</td> <td>4</td> <td>5</td> <td>22</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>72</td> <td>81</td> <td>152</td> </tr> </tbody> </table> <p>Namun demikian, dalam tempoh 3 tahun Bahagian Penguatkuasa telah melaksanakan sejumlah 15,828 operasi dan 378,344 pemeriksaan terhadap semua jenis kenderaan perkhidmatan awam.</p> <p><u>Status Terkini</u></p> <p>Disamping aktiviti rondaan, penetapan tetap anggota telah dilaksanakan di tempat tumpuan seperti Pudu Sentral, TBS, KLIA untuk menguatkuasakan APAD 2010 di kawasan tersebut pada tahun 2013.</p> <p>Rondaan berkenderaan juga dirancang dan dilaksanakan di tempat-tempat lain yang menjadi tumpuan secara berkala mengikut jadual yang telah ditetapkan.</p>	Zon / Anggota	2011	2012	2013	Selatan	4	5	22	Tengah	60	66	95	Timur	4	5	13	Utara	4	5	22	Jumlah	72	81	152
Zon / Anggota	2011	2012	2013																							
Selatan	4	5	22																							
Tengah	60	66	95																							
Timur	4	5	13																							
Utara	4	5	22																							
Jumlah	72	81	152																							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.1.2.b	<p>Pengauditan Pemuatan Keselamatan</p> <p>Semakan Audit mendapati sebanyak 43 syarikat telah diaudit oleh SPAD berbanding sasaran sebanyak 44 syarikat pada tahun 2011. Pada tahun 2012, sebanyak 169 syarikat diaudit melebihi sasaran sebanyak 156 syarikat. Bagaimanapun sehingga bulan Oktober 2013, tiada pengauditan dijalankan oleh SPAD. Selain itu, pengauditan yang dijalankan pada tahun 2011 dan 2012 hanya melibatkan syarikat bas ekspres.</p> <p>Pada pendapat Audit, aktiviti penguatkuasaan SPAD adalah kurang memuaskan kerana tidak dijalankan secara menyeluruh. Ini menyebabkan objektif SPAD untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam darat kurang berkesan.</p> <p>Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 2 Dan 14 April 2014.</p> <p>SPAD memaklumkan Bahagian Penguatkuasaan telah menjalankan sebanyak 15,515 aktiviti penguatkuasaan dan telah mengenal pasti sebanyak 12,680 kesalahan dari tahun 2011 sehingga 2013. Selain itu, SPAD memaklumkan pengauditan berdasarkan ICOP SHE telah mula dilaksanakan pada bulan Jun 2011 dengan kekuatan anggota seramai 10 orang berbanding keseluruhan 62 orang penguatkuasa. Bagaimanapun, proses pengauditan telah ditangguhkan sehingga bulan Oktober 2013 untuk semakan semula ICOP SHE. Kini ianya telah mula dikuatkuasakan semula. Tumpuan pengauditan adalah terhadap bas ekspres memandangkan ia merupakan mod pengangkutan pilihan orang awam. Pengauditan terhadap kenderaan perkhidmatan awam yang lain akan dilaksanakan secara berperingkat.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>SPAD ICOP hanya dijadikan syarat lesen pada Ogos 2013. Keperluan pemuatan kepada SPAD ICOP hanya berkuatkuasa seperti berikut :</p> <p>Pelaksanaan Kod Amalan Industri SPAD – Keselamatan Untuk Pengendali Bas (Pekeliling 6/2013)</p> <p>Pelaksanaan Kod Amalan Industri SPAD – Keselamatan Untuk Pengendali Kenderaan Barangan (Pekeliling 11/2013)</p> <p>Audit yang dijalankan pada tahun 2011 dan 2012 adalah bertujuan memberi kesedaran dan pengenalan kepada pengendali terhadap keperluan ICOP SHE (DOSH)</p> <p>SPAD ICOP dibangunkan dalam tahun 2013 bagi menggantikan ICOP SHE (DOSH) sebagai piawaian. Aktiviti audit ditangguhkan sehingga SPAD ICOP siap.</p> <p>Pengauditan ditumpukan kepada syarikat bas ekspres kerana dengan kekangan anggota penguatkuasa keutamaan diberi kepada mod yang berisiko paling tinggi.</p> <p><u>Status Terkini</u></p> <p>Sejumlah 171 syarikat bas ekspres akan diaudit bersesuaian dengan kehendak SPAD ICOP melibatkan kekuatan anggota penguatkuasa seramai 28 orang seluruh Malaysia</p> <p>Audit terhadap Syarikat Bas Ekpress tersebut dijangka akan selesai pada Disember 2014.</p> <p>Latihan berkenaan SPAD ICOP sedang dijalankan kepada pengendali kenderaan barangan dan lawatan audit dijangka bermula pada tahun 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.2.1	<p>Kelewatan Menyelesaikan Kes Penguatkuasaan</p> <p>Manual Prosedur Kerja SPAD telah menetapkan semasa operasi dijalankan, Notis 79 (Notis Penyitaan Dokumen) dan satu panggilan temu siasat akan dikeluarkan kepada pengendali/pemandu yang melakukan kesalahan. Fail kes akan dibuka dan Laporan Pemeriksaan Penguatkuasa, Notis 225 (Notis Temu Siasat) dan pernyataan bahan bukti akan difailkan. Kertas siasatan yang lengkap akan diserahkan kepada Pegawai Undang-undang (PUU) SPAD dan seterusnya perlu mendapatkan keizinan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk penetapan sama ada kesalahan dikenakan kompaun atau dibawa ke mahkamah.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Manual Prosedur Kerja SPAD adalah berdasarkan peruntukan dibawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang memerlukan keizinan TPR. Oleh yang demikian, penyediaan kertas siasatan yang memerlukan temu siasat tidak dapat dielakkan.</p>
3.4.2.2	<p>Semakan Audit mendapati antara kesalahan yang sering dilakukan oleh pengendali/pemandu adalah ketiadaan permit yang sah atau permit tamat tempoh dan membawa muatan melebihi had yang dibenarkan.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Kesalahan berhubung dengan permit/dokumen adalah kesalahan yang tertinggi. Namun, kesalahan yang sering berlaku berhubung dengan ia adalah kegagalan mengemukakan salinan lesen pengendali dan permit perkhidmatan semasa diperiksa dan bukannya ketiadaan permit yang sah (91 kes sahaja).</p>
3.4.2.3	<p>Semakan Audit terhadap 11,453 fail kes yang dibuka dari tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 mendapati sebanyak 6,123 atau 53.5% kes telah selesai dan 5,330 atau 46.5% kes masih dalam proses semakan Pegawai Undang-Undang dan dalam proses pendakwaan.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Proses semakan PUU secara purata mengambil masa 7 hari manakala proses pendakwaan mengambil masa secara purata 2 bulan kerana ianya bergantung kepada kesediaan pihak mahkamah, Timbalan Pendakwa Raya (TPR) serta Orang di tuduh.</p> <p>Pecahan jumlah kes sebanyak 5330 adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1195 dalam semakan Zon • 2715 dalam semakan akhir Zon • 783 dalam semakan PUU SPAD • 633 dalam semakan TPR untuk izin <p>Bagi sesetengah negeri, fail kes yang lengkap IP tidak dapat diserahkan sekali gus kepada TPR kerana had jumlah penghantaran kes fail adalah ditetapkan oleh pihak (TPR).</p> <p><u>Status Terkini</u></p> <p>Untuk mempercepatkan proses pengambilan tindakan terhadap pesalah, SPAD telah menubuhkan Panel Pembatalan dan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Penggantungan yang mengambil masa purata selama 7 hari bagi memutuskan tindakan.</p> <p>Mulai 2014, Bahagian Penguatkuasa akan terus berusaha untuk menyiapkan setiap IP dalam tempoh 60 hari dikira dari tarikh kehadiran pemandu/pengendali untuk ditemusiat sehingga fail kes diserahkan kepada PUU SPAD.</p>
3.4.2.4	<p>Seksyen 235(2) dan 241(1) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 menetapkan semua kompaun dan denda kerana telah melakukan kesalahan yang ditetapkan memerlukan keizinan bertulis daripada Timbalan Pendakwa Raya. Pihak Audit mendapati Manual Prosedur Kerja Bahagian Penguatkuasaan SPAD tidak menetapkan tempoh masa kes diselesaikan. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan Bahagian Penguatkuasaan telah menetapkan tempoh penyelesaian kes 60 hari daripada tarikh pengendali/pemandu hadir temu siasat sehingga kertas siasatan dikemukakan kepada Pegawai Undang-undang SPAD untuk semakan sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Timbalan Pendakwa Raya. Semakan Audit terhadap 179 kes tangkapan dari tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 mendapati sebanyak 103 atau 57.5% kes lewat diselesaikan melebihi 60 hari. Sebanyak 58 kes lewat antara 61 hingga 240 hari, 30 kes lewat antara 241 hingga 420 hari dan 15 kes lewat 421 hingga 600 hari.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Proses penyediaan IP dikira dari tarikh pengendali/pemandu hadir untuk temu siasat sehingga tarikh IP tersebut diserahkan kepada Bahagian Perundangan.</p> <p><u>Status terkini</u></p> <p>Setakat Mac 2013, kesemua IP bagi kes yang lewat telah dilengkapkan dan dipanjangkan ke Bahagian Perundangan dan seterusnya TPR bagi proses pendakwaan.</p>
3.4.2.5	<p>Pihak Audit dimaklumkan penyelesaian kes yang lama disebabkan oleh kegagalan pengendali/pemandu hadir untuk temu siasat dalam tempoh yang ditetapkan, pengendali/pemandu tidak dapat dihubungi kerana pertukaran alamat dan kekangan perjawatan SPAD. Selain itu, keperluan dan kehendak daripada Timbalan Pendakwa Raya setiap negeri adalah berbeza. SPAD juga lebih mengutamakan kes-kes aduan berbanding kes tangkapan bagi mengelakkan persepsi negatif orang awam terhadap SPAD.</p>	
3.4.2.6	<p>Semakan lanjut mendapati SPAD telah menyelenggara maklumat kertas siasatan menggunakan aplikasi Google Mail (Gmail). Bagaimanapun, maklumat tersebut tidak dikemas kini dengan lengkap seperti tarikh hadir temu siasat, tarikh penyerahan kertas siasatan kepada Pegawai Undang-undang dan Timbalan Pendakwa Raya serta tarikh penyelesaian kes. Selain itu, terdapat maklumat yang dikemas kini berbeza dengan kertas siasatan. Pihak Audit juga mendapati sebahagian minit yang disertakan dalam kertas siasatan tidak dicatatkan tarikh bagi memantau dan memastikan kes diselesaikan dengan segera.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan penyelesaian kes adalah tidak memuaskan</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Sistem SIKAP yang diwarisi dari LPKP tidak berupaya mengurus data berkenaan pergerakan IP/kes yang dibuka. Oleh yang demikian, <i>GMAIL</i> telah digunakan sebagai satu inisiatif untuk memantau status pergerakan IP/kes oleh Bahagian Penguatkuasa sementara menunggu kewujudan SPAD <i>Operator Licensing System</i> (SPOLS).</p> <p>Ketidaktepatan fakta dalam Sistem <i>GMAIL</i> telah berlaku kerana kemasukan data dibuat secara manual oleh pegawai yang lazimnya mempunyai beban kerja yang tinggi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kerana kaedah pemantauan tidak diwujudkan bagi memantau tempoh penyelesaian kes secara berkesan.</p> <p>Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 2 Dan 14 April 2014.</p> <p>SPAD memaklumkan Manual Prosedur Kerja menggariskan proses siasatan seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Keluarkan Notis Penyitaan Dokumen atau Notis Panggilan Temusiasat- ii. Isi Laporan Pemeriksaan. iii. Buka Fail Siasatan. iv. Rekod keterangan mengikut Sek 225. v. Semakan Kertas Siasatan (IP) Oleh Pegawai Undang-Undang SPAD. vi. Keizinan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) - Kompaun atau Mahkamah. <p>Sebanyak 783 kes masih menunggu semakan Pegawai Undang-Undang disebabkan oleh kekangan bilangan Pegawai Undang-Undang. Penghantaran Kes Fail adalah ditentukan oleh Pejabat TPR. Manual Prosedur Kerja untuk menyiapkan IP adalah 60 hari dari tarikh pengendali/pemandu hadir temu siasat. Tatacara ini telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014. Task-Force telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2012 dan berjaya untuk menyelesaikan semua kes tertunggak bagi tahun 2011 dan 2012.</p> <p>Bahagian Penguatkuasaan menghadapi kekangan dalam aspek keanggotaan, kemahiran dan sistem teknologi maklumat. Bagaimanapun, Bahagian Penguatkuasaan berusaha untuk menyiapkan kes siasatan dengan segera. Kelewatan yang disebabkan oleh pihak lain tidak sewajarnya dibebankan kepada Bahagian Penguatkuasaan. Selain itu, tindakan penambahbaikan akan/sedang diambil bagi membantu Bahagian Penguatkuasaan memantau status pergerakan IP secara keseluruhannya.</p>	<p><u>Status Terkini</u></p> <p>SPOLS yang merupakan suatu sistem pengurusan operasi dan pelesenan sedang dibangunkan oleh Bahagian IT dan pada masa ini di dalam proses pemilihan kontraktor. Sistem ini akan membolehkan perjalanan kes dipantau sehingga selesai.</p>
3.4.3.2	<p>Tiada Tempat Khas Bagi Penyimpanan Kenderaan Sita</p> <p>Semakan Audit mendapati SPAD tidak mempunyai tempat khas untuk menyimpan kenderaan yang telah disita. Lawatan Audit pada bulan Oktober dan November 2013 mendapati kenderaan sita ditempatkan di ruang parkir dan kawasan sekitar pejabat serta kandang sita dan Stesen Penimbang JPJ untuk sementara waktu. Ini disebabkan SPAD menghadapi kekangan</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Sementara menunggu kemudahan dan prasarana yang sesuai, SPAD telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan <i>Blue Ocean Strategy</i> di mana kemudahan agensi-agensi lain diguna oleh SPAD.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kewangan kerana kos untuk mendapatkan tanah komersial dan persendirian bagi menempatkan kenderaan sita adalah tinggi. SPAD telah mengambil inisiatif memohon kerjasama daripada agensi Kerajaan lain di bawah konsep Blue Ocean Strategy bagi mengguna pakai kemudahan dan tempat penyimpanan kenderaan sita sedia ada. Manual Prosedur Kerja Penyelarasan Penguatkuasaan Agensi-Agensi Penguatkuasaan Pengangkutan Jalan Malaysia telah dimeterai pada 9 Oktober 2012 melibatkan kerjasama dalam operasi penguatkuasaan. Manual Prosedur Kerja ini telah dipersetujui antara Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPJ), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan SPAD. Bagaimanapun, SPAD menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kerjasama daripada agensi Kerajaan yang berkaitan.</p>	<p><u>Status Terkini</u></p> <p>SPAD dari masa ke semasa akan meneruskan kerjasama dengan agensi penguatkuasa yang lain bagi mengguna pakai kemudahan dan tempat penyimpanan kenderaan sitaan sedia ada.</p> <p>SPAD juga telah memperolehi tapak sitaan di Mukim Labu, Nilai (berhampiran KLIA) hasil kerjasama dengan Bahagian Perlindungan Saksi, JPM dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya selewat-lewatnya pada akhir tahun 2014.</p>
<p>3.4.3.3</p>	<p>Pihak Audit dimaklumkan ketiadaan tempat penyimpanan kenderaan sita menyebabkan kenderaan berat seperti bas dan lori yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 80 dan 81 tidak dapat disita. SPAD juga menerima aduan daripada JPJ kerana meletakkan kenderaan sita terlalu lama dan melebihi kuota yang dibenarkan seperti yang ditetapkan dalam surat kebenaran meletakkan kenderaan sita yang dikeluarkan oleh JPJ. Selain itu, SPAD memaklumkan pihaknya menerima aduan daripada pemilik premis kerana meletakkan kenderaan sita di kawasan parkir pejabat.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kenderaan sita adalah kurang memuaskan kerana ketiadaan tempat khas bagi penyimpanan kenderaan sita, kawasan penyimpanan tidak berpagar dan boleh diakses oleh orang awam.</p> <p>Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 2 Dan 14 April 2014.</p> <p>SPAD memaklumkan pihaknya telah memperolehi tapak sita di Mukim Labu, Nilai yang dijangka akan beroperasi pada awal bulan Mei 2014. Keluasan tapak sita 5 ekar cukup untuk menampung sitaan kenderaan berat maksimum sebanyak 20 buah bas dan 20 buah lori pada satu-satu masa.</p> <p>SPAD juga memaklumkan akan meneruskan usaha sama dengan agensi penguatkuasa lain bagi mengguna pakai kemudahan dan tempat penyimpanan kenderaan sita sedia ada.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.4.2	<p>Kenderaan Sita Yang Telah Dilucut Hak Belum Dilupuskan</p> <p>Semakan Audit mendapati sebanyak 21 kenderaan telah dilucut hak oleh mahkamah terdiri daripada 6 kenderaan yang dilucut hak pada tahun 2012 dan 15 kenderaan sehingga bulan Oktober 2013. Kenderaan tersebut masih disimpan dan belum diambil tindakan pelupusan antara 1 hingga 16 bulan dari tarikh lucut hak. Prosedur pelupusan kenderaan pula masih di peringkat draf dan semakan bagi mendapatkan kelulusan Suruhanjaya.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Dasar pelupusan kenderaan akan dibentangkan kepada Anggota Suruhanjaya bagi kelulusan sebelum dilaksanakan selewat-lewatnya pada bulan Julai 2014.</p> <p><u>Status Terkini</u></p>
3.4.4.3	<p>Lawatan Audit dari bulan Oktober sehingga Disember 2013 mendapati kenderaan sita yang telah dilucut hak masih belum diambil tindakan pelupusan dan disimpan di tempat yang tidak selamat. Keadaan ini menyebabkan nilai semasa kenderaan berkurangan kerana susut nilai serta kenderaan tersebut menjadi tidak ekonomik untuk dilupuskan secara jualan sekiranya ia disimpan terlalu lama.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pelupusan kenderaan yang dilucut hak adalah kurang memuaskan kerana prosedur pelupusan masih belum dimuktamad dan diluluskan. Ini menyebabkan kenderaan yang dilucut hak masih belum diambil tindakan pelupusan.</p> <p>Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 2 Dan 14 April 2014.</p> <p>SPAD memaklumkan polisi pelupusan barang rampasan/lucut hak telah disediakan dan menunggu kelulusan pengurusan tertinggi SPAD. Polisi ini dijangka akan berkuat kuasa pada bulan September 2014.</p>	<p><u>Status Terkini</u></p> <p>Pembentangan dasar untuk kelulusan Anggota Suruhanjaya akan dibuat pada mesyuarat Anggota SPAD pada bulan Jun 2014.</p>
3.4.5.2	<p>Pengurusan Aduan Tidak Dipantau</p> <p>Semakan Audit terhadap maklumat aduan melalui Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam Bersepadu (iSPAAA) mendapati 3,835 kes aduan lewat diselesaikan antara 31 hingga 90 hari dan 4,366 aduan lewat diselesaikan melebihi 90 hari daripada 17,920 aduan yang dilaporkan sehingga 31 Oktober 2013. Pihak Audit dimaklumkan kelewatan menyelesaikan kes-kes aduan ini adalah disebabkan pengendali/pemandu gagal hadir temu siasat dalam tempoh yang ditetapkan dan maklumat aduan yang diterima adalah terlalu umum.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Kekangan keanggotaan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan pemprosesan aduan di samping faktor-faktor luar yang menjurus kepada pembuktian aduan seperti ketidakhadiran pengendali/pemandu, aduan yang tidak cukup fakta dan keengganan pengadu untuk hadir temu siasat.</p>
3.4.5.3	<p>Semakan lanjut mendapati kedudukan kes kelewatan aduan boleh dipantau daripada Sistem iSPAAA. Bagaimanapun, data kes aduan yang diterima tidak dipantau dan dibincangkan dari semasa ke semasa. Tiada mesyuarat</p>	<p>Kekuatan anggota yang diaturgerak bagi unit Aduan sehingga Oktober 2013 seperti berikut:-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																												
	<p>dijalankan di peringkat Bahagian Penguatkuasaan SPAD bagi membincangkan kedudukan kes-kes aduan yang belum selesai dan tindakan lanjut yang perlu diambil. Ini boleh menyebabkan banyak kes aduan yang tidak diselesaikan dan menimbulkan persepsi negatif orang awam terhadap perkhidmatan SPAD.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap kes aduan adalah kurang memuaskan kerana tiada mekanisme pemantauan diwujudkan. Ini menyebabkan kes aduan tidak dapat diselesaikan mengikut prosedur yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Darpada SPAD Diterima Pada 2 Dan 14 April 2014.</p> <p>SPAD memaklumkan kekangan keanggotaan adalah faktor utama kelewatan memproses aduan dan faktor lain seperti pengendali dan pemandu tidak hadir temu siasat, fakta aduan tidak mencukupi dan tidak ditapis atau tiada kawalan terhadap keperluan fakta kes menyebabkan banyak kes tertunggak.</p> <p>SPAD juga memaklumkan pada peringkat awal pengendalian kes aduan yang diterima adalah bersifat terlalu umum. Bagaimanapun, Bahagian Penguatkuasaan telah mengambil tindakan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Aduan yang tidak mempunyai fakta pembuktian yang mencukupi untuk siasatan akan digugurkan dan Surat Peringatan akan dikeluarkan. • Tindakan proaktif diambil bagi menangani kes aduan ini sama ada diselesaikan dengan cara pendakwaan, penggantungan atau pembatalan lesen, pelaksanaan operasi dan pemantauan. • Pendekatan bagi mendapatkan keterangan daripada pengadu dilaksanakan sama ada secara memanggil pengadu hadir ke pejabat SPAD, Pegawai SPAD ke lokasi pengadu atau melalui emel. • Tindakan pentadbiran seperti menanggung urus niaga (beku dalam Sistem SIKAP) telah/akan diteruskan. 	<table border="1" data-bbox="1294 228 1901 408"> <thead> <tr> <th rowspan="2">BIL</th> <th rowspan="2">ZON</th> <th colspan="3">ANGGOTA ADUAN</th> </tr> <tr> <th>2011</th> <th>2012</th> <th>2013</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>TENGAH</td> <td>6</td> <td>17</td> <td>18</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>UTARA</td> <td>4</td> <td>4</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>SELATAN</td> <td>4</td> <td>4</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>TIMUR</td> <td>2</td> <td>2</td> <td>3</td> </tr> </tbody> </table> <p>Mekanisme pemantauan kes-kes aduan adalah melalui Mesyuarat Pengurus Besar Bahagian Penguatkuasaan telah dilaksanakan sebanyak 9 kali pada tahun 2011 hingga 2013.</p> <p>Setiap mesyuarat juga telah diminitkan. Untuk makluman, prestasi aktiviti penguatkuasaan serta pencapaian dalam aspek penyelesaian kes telah dan sentiasa dipantau pada setiap bulan.</p> <p><u>Status Terkini</u></p> <p>Satu jawatan kuasa teknikal bagi membangunkan SOP pengurusan aduan telah ditubuhkan dan sedang diperingkat penggubalan draf pertama SOP. Sementara itu, Mesyuarat Pengurus Besar Bahagian Penguatkuasaan yang meliputi isu aduan serta aktiviti penguatkuasaan akan terus diadakan mengikut perancangan.</p>	BIL	ZON	ANGGOTA ADUAN			2011	2012	2013	1	TENGAH	6	17	18	2	UTARA	4	4	4	3	SELATAN	4	4	5	4	TIMUR	2	2	3
BIL	ZON	ANGGOTA ADUAN																												
		2011	2012	2013																										
1	TENGAH	6	17	18																										
2	UTARA	4	4	4																										
3	SELATAN	4	4	5																										
4	TIMUR	2	2	3																										

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>3.4.6.2</p>	<p>Kompaun</p> <p>Semakan Audit mendapati sejumlah RM868,798 daripada RM2.72 juta atau 31.9% kompaun belum dijelaskan dari tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Kes kompaun yang melebihi 60 hari diberi lanjutan 30 hari sebelum diangkatkan untuk proses pendakwaan.</p> <p>RM868,798 yang gagal dibayar oleh pesalah telah luput memandangkan ianya diangkat untuk proses pendakwaan.</p> <p>Kelemahan sistem SIKAP yang tidak mampu dikemaskini akan menunjukkan kes-kes kompaun masih belum dijelaskan.</p> <p><u>Status Terkini</u></p> <p>Tindakan pendakwaan akan terus diambil kepada pesalah yang gagal menjelaskan kompaun selepas tempoh 90 hari.</p>
<p>3.4.6.3</p>	<p>Semakan lanjut mendapati SPAD Zon Timur mencatatkan jumlah kompaun belum dijelaskan tertinggi iaitu sejumlah RM425,748 atau 49% diikuti oleh Zon Tengah sejumlah RM294,750 atau 33.9%.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Kes kompaun yang tidak dijelaskan telah dibawa dan didaftarkan di mahkamah untuk pendakwaan. Namun, Sistem SIKAP tidak mampu dikemaskini menyebabkan ianya masih berstatus “Belum Jelaskan Kompaun”.</p> <p><u>Status Terkini</u></p> <p>Zon Timur dan Zon Tengah telah dan akan terus mengambil tindakan sewajarnya kepada pesalah yang gagal menjelaskan kompaun dalam tempoh yang ditetapkan.</p>
<p>3.4.6.4</p>	<p>Analisis Audit terhadap kompaun yang telah dijelaskan sehingga bulan Oktober 2013 mendapati sebanyak 115 kompaun lewat dijelaskan antara 7 hingga 9 bulan, 55 kompaun lewat antara 10 hingga 12 bulan dan 29 kompaun lewat melebihi 12 bulan.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Tindakan pendakwaan telah dan akan terus diambil terhadap Pengendali/Pemandu yang gagal membayar kompaun dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Tindakan susulan untuk memaklumkan kepada Pengendali/Pemandu untuk membayar kompaun juga telah diambil. Tindakan yang dimaksudkan adalah seperti Surat Peringatan/Notis Pemberitahuan Pembayaran Kompaun dan menghubungi Pengendali sebagai Peringatan untuk Pembayaran Kompaun.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																														
3.4.6.5	Semakan Audit mendapati sehingga 31 Oktober 2013, sebanyak 583 atau 78.9% daripada 739 kompaun yang belum dijelaskan telah melebihi 2 bulan. Analisis Audit mendapati sebanyak 114 kompaun lewat antara 7 hingga 9 bulan, 47 kompaun lewat antara 10 hingga 12 bulan dan 61 kompaun lewat melebihi 12 bulan.	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Tindakan ke atas kes kompaun yang dikatakan lewat telah diambil tindakan berakhir 31 Disember 2013 adalah berstatus seperti berikut:-</p>																														
3.4.6.6	<p>Pihak Audit dimaklumkan tiada tindakan khusus diambil terhadap pengendali yang gagal menjelaskan bayaran kompaun. Sistem SIKAP akan membekukan transaksi lesen pengendali seperti yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Kerja Bahagian Penguatkuasaan sekiranya kompaun belum dijelaskan. Oleh itu, kompaun tersebut akan dapat dipungut walaupun melebihi tempoh yang ditetapkan kerana pengendali terpaksa menjelaskan bayaran kompaun sebelum lesen boleh diperbaharui. Bagaimanapun, semakan lanjut terhadap status pembekuan dalam Sistem SIKAP bagi kompaun yang belum dijelaskan mendapati hanya sebanyak 75 kompaun berstatus beku manakala baki 490 kompaun berstatus aktif dan 18 kompaun berstatus batal.</p> <p>Pada pendapat Audit, SPAD tidak memantau pembayaran kompaun dengan berkesan. Kawalan melalui pembekuan transaksi lesen pengendali dalam Sistem SIKAP adalah lemah kerana kompaun hanya dibayar apabila pengendali memperbaharui lesen.</p> <p>Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 2 Dan 14 April 2014.</p> <p>SPAD memaklumkan tempoh bagi penyelesaian kompaun yang dikeluarkan melalui Borang 1 adalah selama 60 hari dengan tawaran tambahan tempoh penyelesaian selama 30 hari lagi. Selepas tempoh tersebut, tindakan untuk mendapatkan keizinan pendakwaan akan dipohon. Bagaimanapun, tanpa mengambil kira tindakan untuk mendapatkan keizinan pendakwaan, kes yang direkodkan dalam Sistem SIKAP masih berstatus kompaun walaupun telah mendapat keizinan pendakwaan kerana sistem ini belum dinaiktaraf dan tidak mampu mendaftar butiran status kes secara nyata. Ini menyebabkan data bilangan hari untuk menjelaskan kompaun terus meningkat. Penyata kes kompaun yang belum dijelaskan bagi setiap zon adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wilayah Timur (121 Kes): 113 kes masih dalam tempoh 60 hari dan 8 Kes melebihi 60 hari dan tindakan pendakwaan telah diambil. • Wilayah Tengah (432 Kes): 26 telah bayar kompaun dan 406 kes dalam proses tindakan pendakwaan. • Wilayah Selatan (45 Kes): 8 kes masih dalam proses tindakan pendakwaan, 7 kes selesai pendakwaan dan 30 kes telah membayar 	<table border="1" data-bbox="1352 360 2036 620"> <thead> <tr> <th>Zon</th> <th>Jumlah Kes Dalam Sistem</th> <th>Bayar</th> <th>Proses Pendakwaan*</th> <th>Selesai Pendakwaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tengah</td> <td>432</td> <td>26</td> <td>406</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Utara</td> <td>81</td> <td>10</td> <td>71</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Timur</td> <td>25</td> <td>13</td> <td>12</td> <td>1 (DNAA)</td> </tr> <tr> <td>Selatan</td> <td>45</td> <td>30</td> <td>8</td> <td>7</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>583</td> <td>79</td> <td>497</td> <td>8</td> </tr> </tbody> </table> <p>*Nota: IP sedang disediakan bagi tujuan pendakwaan</p> <p>Manual prosedur Kerja Bahagian Penguatkuasaan yang sedia ada telah menetapkan tindakan mahkamah hendaklah diambil sekiranya gagal menjelaskan kompaun. Tindakan membekukan transaksi telahpun diambil terlebih awal sebaik sahaja mendapat keizinan tindakan kompaun atau pendakwaan daripada pihak Pendakwaan Negeri.</p> <p>Proses pendakwaan akan terus dimohon selepas tempoh 90 hari pengendali gagal membayar kompaun.</p>	Zon	Jumlah Kes Dalam Sistem	Bayar	Proses Pendakwaan*	Selesai Pendakwaan	Tengah	432	26	406		Utara	81	10	71		Timur	25	13	12	1 (DNAA)	Selatan	45	30	8	7	Jumlah	583	79	497	8
Zon	Jumlah Kes Dalam Sistem	Bayar	Proses Pendakwaan*	Selesai Pendakwaan																												
Tengah	432	26	406																													
Utara	81	10	71																													
Timur	25	13	12	1 (DNAA)																												
Selatan	45	30	8	7																												
Jumlah	583	79	497	8																												

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kompaun.</p> <ul style="list-style-type: none"> Wilayah Utara 45 (81 Kes): 10 Kes telah dibayar kompaun, 71 kes dalam proses semakan pendakwaan. <p>SPAD juga memaklumkan tindakan pentadbiran iaitu menanggung urus niaga (beku dalam Sistem SIKAP) diambil terhadap pengendali yang gagal membayar kompaun. Selain itu, pengendali yang tidak membayar kompaun telah dan akan didakwa di Mahkamah. Tindakan susulan untuk memaklumkan kepada pengendali/pemandu untuk membayar kompaun telah diambil seperti mengeluarkan surat peringatan/notis pemberitahuan pembayaran kompaun dan menghubungi pengendali sebagai peringatan.</p>	
3.4.7.1.b.i	<p>Kemudahan dan Keperluan Logistik - Stor Penyimpanan Bahan Bukti/Dokumen</p> <p>Lawatan Audit ke SPAD Zon Tengah mendapati bahan bukti seperti kunci kereta sita, walkie-talkie sita dan wang risikan disimpan dalam kabinet berkunci di bilik pegawai logistik. Bilik berkenaan hanya boleh diakses oleh pegawai dilantik dan daftar bahan bukti telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, bilik tersebut telah diubah suai dari bilik suis disebabkan kekurangan ruang pejabat di SPAD Zon Tengah. Ini boleh mengakibatkan kemusnahan bahan bukti kerana risiko kebakaran adalah tinggi.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Penyediaan bilik yang sesuai akan dilakukan sebaik sahaja ruang tambahan diperolehi.</p> <p>Cadangan bagi penyewaan bangunan tambahan sedang disediakan untuk kelulusan.</p> <p>Kawalan ke atas stor tersebut telah diadakan dengan mengadakan kunci dan hanya boleh diakses oleh pegawai yang bertanggungjawab sahaja.</p> <p><u>Status terkini</u></p> <p>Cadangan bagi penyewaan bangunan tambahan sedang disediakan untuk kelulusan.</p>
3.4.7.1.b.ii	<p>Lawatan Audit ke SPAD Zon Tengah juga mendapati Borang Kompaun disimpan dalam stor senjata yang boleh diakses oleh semua pegawai. Selain itu, bekalan pejabat juga disimpan di laluan pintu kecemasan. Keadaan ini boleh menyebabkan kesukaran menyelamatkan diri ketika berlaku kecemasan atau kebakaran. Pihak Audit dimaklumkan ruang stor adalah terhad dan pegawai terpaksa menggunakan ruang yang ada bagi menempatkan dokumen dan peralatan.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Bahagian Penguatkuasa akan memastikan barang-barang tersebut disimpan dalam keadaan yang selamat, terkawal dan bilik tersebut hanya boleh diakses oleh pegawai yang bertanggungjawab sahaja.</p> <p>Buat masa ini, Bahagian Penguatkuasa menggunakan segala ruang yang ada untuk menyimpan barang-barang yang dibekalkan ke Bahagian Penguatkuasa. Ini adalah kerana kekangan ruang pejabat yang sedang dihadapi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><u>Status terkini</u></p> <p>Laluan pintu kecemasan telah dikosongkan bagi menjamin keselamatan pegawai jika berlakunya kecemasan.</p>
3.4.7.1.b.iii	<p>Lawatan Audit ke SPAD Zon Timur mendapati peralatan penguatkuasaan seperti baton light, kon dan papan tanda bagi sekatan jalan raya telah disimpan dalam kereta kerana ruang stor yang terhad. Selain itu, generator dan kaki portable weigher untuk menimbang kenderaan berat telah disimpan di bawah tangga pejabat. Keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya kehilangan dan kerosakan aset tersebut.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Buat masa ini, Bahagian Penguatkuasa menggunakan segala ruang yang ada untuk menyimpan barang-barang yang dibekalkan ke Bahagian Penguatkuasa. Ini adalah kerana kekangan ruang pejabat yang dihadapi.</p> <p>Bahagian Penguatkuasa akan memastikan barang-barang tersebut disimpan dalam keadaan yang selamat, terkawal. Kereta tersebut hanya boleh diakses oleh pegawai yang bertanggungjawab sahaja.</p>
3.4.7.2.b	<p>Keperluan Peralatan</p> <p>Pihak Audit mendapati pegawai penguatkuasa tidak dibekalkan dengan alat perhubungan dan mobile operation vehicle bagi melaksanakan aktiviti penguatkuasaannya. Bahagian Penguatkuasaan telah membuat permohonan keperluan mobile operation vehicle kepada Ibu Pejabat SPAD pada 12 November 2012. Bagaimanapun, permohonan tersebut masih dalam proses pertimbangan pihak Ibu Pejabat berdasarkan peruntukan yang diperlukan kerana kos yang agak tinggi.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>SPAD tidak mempunyai peruntukan kewangan bagi pembelian alat perhubungan dan MOV. Peruntukan yang diperlukan adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Alat Perhubungan : RM 500,000.00 - 1 x Unit MOV : RM 200,000.00
3.4.7.3.b	<p>Kemudahan Bilik Temu Siasat</p> <p>Lawatan Audit ke pejabat SPAD yang beroperasi di Pejabat JPJ Taman Daya, Johor Bahru mendapati tiada bilik khas bagi temu siasat disediakan. Sesi temu siasat hanya diadakan dalam ruang pejabat pegawai penguatkuasa yang sempit dengan keluasan 7.62 meter persegi yang menempatkan seramai 11 pegawai penguatkuasa. Ini menyebabkan pengendali/pemandu terpaksa menunggu lama kerana hanya seorang pengendali/pemandu boleh ditemu siasat dalam satu sesi. Selain itu, keadaan ini menyebabkan pengendali/pemandu kurang selesa dan mengganggu pegawai penguatkuasa untuk melaksanakan tugas.</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Perancangan tahun 2014 bagi Wilayah Selatan adalah melibatkan pembukaan pejabat baru SPAD di Menara Cyberport Johor Bharu.</p> <p><u>Status Terkini</u></p> <p>Pejabat SPAD di JPJ akan ditutup dan dipindahkan di lokasi yang telah dinyatakan di atas.</p>
3.4.7.3.c	<p>Pihak Audit dimaklumkan SPAD Zon Selatan menempatkan pegawai penguatkuasa di Pejabat JPJ Taman Daya, Johor Bahru untuk memudahkan pengendali/pemandu hadir temu siasat. Ini adalah kerana kebanyakan kes</p>	<p>Kerja-kerja pengubahsuaian dijangka siap pada awal suku ke-4 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kesalahan adalah di kawasan Johor Bahru. Bagaimanapun, ruang pejabat adalah terhad kerana dikongsi bersama pegawai Bahagian Pelesenan.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyimpanan bahan bukti dan dokumen, keperluan peralatan penguatkuasaan dan ruang bilik temu siasat adalah kurang memuaskan kerana ia menjejaskan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan.</p> <p>Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 2 Dan 14 April 2014.</p> <p>SPAD memaklumkan peruntukan sejumlah RM50,000 bagi perolehan alat perhubungan dan RM200,000 bagi satu unit Mobile Operation Vehicle telah diperuntukkan pada akhir tahun 2013. Spesifikasi bekalan dan perkhidmatan sedang dijalankan dan dijangka perolehan dilaksanakan dalam pertengahan tahun 2014. Selain itu, perancangan tahun 2014 bagi Zon Selatan adalah melibatkan pembukaan pejabat baru SPAD di Menara Cyberport Johor Bharu. Pejabat SPAD di JPJ akan ditutup dan dipindahkan ke lokasi ini sebaik kerja pengubahsuaian disiapkan pada awal suku keempat 2014.</p> <p>SPAD juga memaklumkan stor berasingan akan disediakan sekiranya peruntukan diberikan untuk penyewaan bangunan diluluskan. Bagaimanapun, buat masa ini, Bahagian Penguatkuasaan menggunakan ruang yang ada untuk menyimpan bahan bukti dan peralatan serta akan memastikan ia disimpan dengan selamat. Kawalan terhadap stor telah diwujudkan dengan menyediakan kunci dan hanya boleh diakses oleh pegawai yang bertanggungjawab sahaja.</p>	
3.4.8.1	<p>Penilaian Tahap Kepuasan Pegawai / Anggota Penguatkuasa SPAD</p> <p>Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 310 pegawai di Bahagian Penguatkuasaan SPAD yang terdiri daripada 133 pegawai di Zon Tengah, 58 pegawai di Zon Selatan, 55 pegawai di Zon Timur dan 64 pegawai di Zon Utara bagi menilai tahap kepuasan pegawai terhadap keperluan asas, keperluan menjalankan tugas serta hubungan/kerjasama agensi penguatkuasa yang lain. Analisis Audit mendapati perkara berikut:</p> <p>Secara keseluruhannya, tahap kepuasan pegawai/anggota penguatkuasa SPAD terhadap keperluan asas, keperluan menjalankan tugas serta hubungan/kerjasama agensi penguatkuasa yang lain adalah baik. Bagaimanapun, sebanyak 73.5% responden tidak berpuas hati terhadap kemudahan kenderaan jabatan yang disediakan untuk kegunaan operasi dan tugas luar pejabat. Sebanyak 51.6% responden pula tidak berpuas hati</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Kekangan kewangan merupakan punca utama kenderaan dan penggunaan ruang pejabat tidak dapat disediakan secara optima.</p> <p><u>Status terkini</u></p> <p>Perpindahan pejabat baru bagi Zon Selatan dijangka pada suku akhir tahun 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	terhadap keadaan ruang pejabat serta jaminan keselamatan yang diterima oleh pegawai penguatkuasa ketika bertugas.	
3.4.8.2	<p>Analisis lanjut terhadap komen dan cadangan bagi penambahbaikan aktiviti penguatkuasaan mendapati perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemberian pakaian seragam yang lebih sesuai dan berkualiti perlu diberi setiap tahun; • Membeli kenderaan yang bersesuaian bagi menampung pertambahan anggota supaya aktiviti penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan; • Membekal peralatan bantuan operasi seperti alat perhubungan komunikasi, kamera, khemah, lampu dan sebagainya; • Pertambahan anggota menyebabkan peralatan pejabat seperti meja, kerusi dan komputer tidak mencukupi di sesetengah zon; • Ruang kerja yang tidak kondusif di sesetengah zon boleh mempengaruhi hasil dan kualiti kerja pegawai penguatkuasa; • Mewujudkan cawangan SPAD di setiap negeri untuk kemudahan pengguna dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan; dan • Memberi latihan yang berkaitan dengan bidang penguatkuasaan dan seni mempertahankan diri. <p>Pada pendapat Audit, tahap kepuasan pegawai/anggota penguatkuasa SPAD terhadap keperluan asas, keperluan menjalankan tugas serta hubungan/kerjasama agensi penguatkuasa yang lain adalah baik. Bagaimanapun, pegawai/anggota penguatkuasa tidak berpuas hati terhadap kemudahan kenderaan jabatan yang disediakan dan keadaan ruang pejabat serta jaminan keselamatan yang diterima oleh pegawai penguatkuasa ketika bertugas.</p> <p>Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 2 Dan 14 April 2014.</p> <p>SPAD memaklumkan Bahagian Penguatkuasaan sedang dan telah merancang pembelian kenderaan jabatan untuk tugas penguatkuasaan. Selain itu, kemudahan peralatan untuk tujuan operasi telah dan sedang diuruskan serta tertakluk kepada kelulusan Bahagian Kewangan SPAD. Permohonan kelengkapan pejabat telah dimajukan kepada Bahagian Pentadbiran SPAD dan dalam proses perolehan tertakluk kepada kelulusan Bahagian Kewangan SPAD. SPAD juga memaklumkan modul latihan berkaitan bidang penguatkuasaan dan seni mempertahankan diri telah</p>	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Penambahbaikan berkenaan kenderaan, ruang pejabat dan pakaian seragam adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diluluskan.</p> <p>Pakaian seragam yang disediakan adalah menepati spesifikasi yang setanding dengan agensi penguatkuasa lain.</p> <p>Keselamatan ketika bertugas dapat dijamin melalui pembekalan senjata kepada anggota penguatkuasa. Proses perolehan sedang dilaksanakan.</p> <p>Modul Latihan berkaitan Bidang Penguatkuasaan dan Seni Mempertahankan Diri telah dilaksanakan khasnya ketika Kursus Asas Pegawai Penguatkuasa dan Kursus Lanjutan Pegawai Penguatkuasa. Senarai Latihan yang telah dimajukan kepada pihak Audit sebelum ini.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dilaksanakan khasnya ketika Kursus Asas Pegawai Penguatkuasa dan Kursus Lanjutan Pegawai Penguatkuasa.	
3.4.9.2	<p>Pemantauan</p> <p>Semakan Audit mendapati aktiviti penguatkuasaan termasuk jenis penguatkuasaan bulanan dan statistik kesalahan mengikut mod pengangkutan awam telah dibincang dalam Mesyuarat Suruhanjaya setiap bulan. Bagaimanapun, mesyuarat secara berkala di peringkat Bahagian Penguatkuasaan SPAD tidak diadakan manakala tiada mesyuarat dijalankan di peringkat Suruhanjaya bagi membincangkan kedudukan kes-kes aduan yang belum selesai dan tindakan lanjut yang perlu diambil. Ini boleh menyebabkan banyak kes aduan yang tidak diselesaikan. Status tempoh penyelesaian kes juga tidak dibincangkan bagi memastikan kes diselesaikan dengan segera.</p> <p>Pada pendapat Audit, SPAD telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap aktiviti penguatkuasaannya melalui Mesyuarat Bahagian Penguatkuasaan dan Suruhanjaya. Bagaimanapun, pemantauan adalah tidak menyeluruh kerana kes aduan dan tangkapan tidak dibincangkan menyebabkan tempoh penyelesaian kes mengambil masa yang lama.</p> <p>Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 2 Dan 14 April 2014.</p> <p>SPAD memaklumkan Mesyuarat Pengurus Besar Bahagian Penguatkuasaan dilaksanakan dari semasa ke semasa. Maklumat prestasi aktiviti penguatkuasaan dan pencapaian dalam aspek penyelesaian kes telah dan sentiasa dipantau setiap bulan kerana ia perlu dimaklumkan kepada ahli Suruhanjaya SPAD yang bermesyuarat pada setiap bulan. Kaedah pemantauan lain yang diambil adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mekanisme pemantauan yang dilaksanakan adalah berdasarkan aduan yang diterima. ii. Menetapkan KPI terhadap semua Jabatan/Wilayah/Unit. iii. Pemantauan dilaksanakan melalui Mesyuarat Staf. iv. Laporan bulanan kepada Suruhanjaya. v. Pemantauan secara lisan. 	<p><u>Penjelasan</u></p> <p>Mesyuarat Pengurus Besar Bahagian Penguatkuasaan telah dilaksanakan sebanyak 9 kali pada tahun 2011 hingga 2013.</p> <p>Setiap mesyuarat juga telah diminitkan.</p> <p>Prestasi aktiviti penguatkuasaan serta pencapaian dalam aspek penyelesaian kes telah dan sentiasa dipantau pada setiap bulan.</p> <p><u>Status terkini</u></p> <p>Data dan maklumat berkaitan aduan akan dibentangkan kepada Anggota Suruhanjaya SPAD sebagai sebahagian daripada laporan pengurusan.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

PERBADANAN ASET KERETAPI

Perenggan 4 : Pengurusan Aset

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.1.1.c	<p>Bekalan Alat Ganti EMU Lewat Diterima</p> <p>Semakan Audit mendapati semua alat ganti telah dibekalkan secara berperingkat dan disimpan di gudang milik KTMB di Depoh EMU Sentul, Kuala Lumpur dan gudang milik pihak swasta yang disewa oleh CSR ZELC di Pelabuhan Klang, Selangor. Bagaimanapun, kesemua alat ganti berkenaan telah lewat diterima antara 18 hingga 179 hari daripada tarikh yang ditetapkan dalam perjanjian. Sehingga bulan Januari 2014, sejumlah RM30.15 juta telah dibayar kepada CSR ZELC dan baki berjumlah RM10.05 juta masih dalam proses penyediaan dokumen bayaran. Pihak KTMB memaklumkan denda sejumlah RM201,000 akan dikenakan kepada CSR ZELC dengan membuat penolakan terhadap baki bayaran akhir. Denda dikira berdasarkan kelewatan selama satu bulan daripada tempoh akhir kontrak pada bulan Disember 2013 sehingga bekalan akhir diterima pada bulan Januari 2014. Mengikut perkiraan Audit, denda yang boleh dikenakan kepada CSR ZELC adalah berjumlah RM425,450 dengan perbezaan sejumlah RM224,450.</p> <p>Pada pendapat Audit, perkiraan denda oleh KTMB adalah tidak selaras dengan kehendak perjanjian yang dimeterai menyebabkan perbezaan denda sejumlah RM224,450 yang merupakan satu kehilangan hasil.</p> <p>Maklum balas Diterima daripada KTMB Pada 17 April 2014.</p> <p><i>KTMB memaklumkan jumlah denda yang akan dikenakan kepada CSR ZELC adalah sejumlah RM435,500 berdasarkan tarikh penerimaan alat ganti terakhir berbanding tarikh tamat kontrak. PAK akan merujuk kepada Penasihat Undang-Undang, Kementerian Pengangkutan mengenai kaedah perkiraan denda.</i></p>	<p>Jumlah LAD yang dituntut kepada syarikat CSR ZELC untuk bekalan alat ganti EMU lewat diterima adalah RM1,561,100.00. Perkara ini mengambil kira klausa 23.0 dibaca bersama klausa 11.0, 7.1 dan 10.1.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.2.3	<p>Semakan Audit mendapati penyenggaraan jenis <i>maintenance level 1</i> dan <i>maintenance level 2 (balanced maintenance)</i> secara mingguan serta bulanan adalah mengikut jadual rancangan penyenggaraan. Bagaimanapun, penyenggaraan <i>servicing</i> pada tahun 2012 tidak dilaksanakan pada bulan Ogos dan Disember manakala bagi tahun 2013, penyenggaraan tidak dilaksanakan pada bulan Februari, Mei dan Julai. Penyenggaraan <i>servicing</i> tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana kekurangan depoh penyenggaraan. PAK hanya mempunyai 2 depoh penyenggaraan EMU iaitu di Sentul, Kuala Lumpur dan Tanjung Malim, Perak.</p>	<p>Untuk penjelasan, penyenggaraan <i>servicing</i> pada bulan Ogos dan Disember tahun 2012 telah dilaksanakan mengikut jadual perancangan penyenggaraan. Begitu juga bagi bulan Februari, Mei dan Julai 2013. Bagaimanapun, <i>servicing</i> tidak dapat dilakukan sepenuhnya pada bulan berkenaan disebabkan penggunaan yang mendesak dan KTMB tidak dapat menghantar koc dan EMU tersebut ke depoh.</p>
4.4.2.4	<p>Semakan lanjut mendapati sehingga bulan Disember 2013, sejumlah RM99.94 juta telah dibayar kepada kontraktor yang merangkumi wang pendahuluan dan bayaran kemajuan pertama hingga ke-6. Bayaran adalah berdasarkan <i>Standard Service Payments (SSP)</i> yang ditetapkan dalam perjanjian walaupun penyenggaraan sebenar kurang daripada yang dirancang. Adalah didapati <i>improper payment</i> berlaku kerana tiada potongan bayaran dibuat walaupun penyenggaraan <i>servicing</i> tidak dilaksanakan bagi 5 bulan pada tahun 2012 dan 2013. Ini disebabkan tidak ada perincian bayaran mengikut kerja penyenggaraan dalam SSP dan kadar bayaran yang ditetapkan adalah secara purata mengikut suku pertama hingga bayaran akhir. Selain itu, pihak Audit tidak dapat menentukan justifikasi terhadap penetapan kadar bayaran yang hanya dibuat secara purata.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran penyenggaraan koc EMU adalah kurang memuaskan kerana PAK telah membuat pembayaran terhadap kerja penyenggaraan yang tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh kontraktor.</p> <p>Maklum balas Diterima daripada KTMB Pada 17 April 2014.</p> <p><i>PAK memaklumkan penyenggaraan harian melibatkan penyemakan secara visual bagi mengesan kerosakan sebelum kereta api beroperasi. Pemandu kereta api juga telah dilatih untuk membuat pemeriksaan harian sebelum memulakan operasi kereta api sebagai tambahan kepada kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Tidak berlaku improper payment kerana bayaran penyenggaraan yang ditetapkan dalam perjanjian adalah secara lump sum dan bayaran perlu dijelaskan walaupun kereta api tidak dibuat penyenggaraan harian. Penambahbaikan akan dibuat terhadap syarat kontrak yang dibuat pada masa hadapan dengan menetapkan kaedah pemotongan bayaran untuk penyenggaraan yang tidak dilaksanakan.</i></p>	<p>Isu <i>'improper payment'</i> tidak berlaku di pihak PAK memandangkan PAK selaku Pejabat Pembayar sahaja yang mana akan membuat bayaran ke atas tuntutan yang telah disahkan dan diperakukan oleh KTMB selaku pihak yang melaksanakan pemantauan projek. PAK berpandangan isu yang dibangkitkan lebih cenderung kepada <i>'improper management'</i> memandangkan berlaku ketidakupayaan memenuhi keperluan teknikal bagi tujuan penyenggaraan seperti dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara. PAK membuat bayaran atas dasar suci hati memandangkan segala tuntutan telah terlebih dahulu disemak, disahkan dan diperakukan oleh KTMB selaras dengan Arahan Perbendaharaan 59.</p> <p>Pembayaran bagi projek ini dibuat secara <i>lump sum</i> kerana hasrat Kerajaan dalam kontrak ini adalah untuk memastikan penyenggaraan dibuat ke atas 38 <i>Six Car Set (SCS)</i> bagi memenuhi Skop Perjanjian (<i>Scope of Agreement</i>) pembelian 38 SCS ini. Manakala Skop Perjanjian pula telah ditentukan oleh pihak KTMB. Justeru, pembayaran dibuat berdasarkan kepada ketetapan yang telah dinyatakan dalam <i>Part 1 of Schedule 4</i>.</p> <p>Adalah menjadi tanggungjawab KTMB untuk memastikan kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan sebagaimana keperluan kontrak. KTMB perlu memenuhi obligasi sepertimana yang ditetapkan dalam kontrak dan pembayaran ke atas kerja-kerja penyenggaraan hanya dibuat oleh PAK setelah mendapat pengesahan dan perakuan daripada KTMB.</p> <p>Bagi mengelak isu seperti ini berulang, penambahbaikan akan dibuat terhadap syarat kontrak pada masa hadapan dengan menetapkan kaedah pemotongan bayaran untuk penyenggaraan yang tidak dilaksanakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.3.2.a.iii	<p>Bayaran Pelupusan Lewat Dijelaskan Kepada PAK</p> <p>Semakan Audit mendapati pada tahun 2011 sehingga 2013, Hidmalayan (M) Sdn. Berhad lewat membuat bayaran pelupusan kepada PAK antara 49 hingga 342 hari berjumlah RM2.37 juta.</p>	<p>PAK telah membuat tuntutan denda bayaran lewat pada 9 April 2014 dan 29 April 2014 (rujuk surat PAK bilangan PAK/S/3/030-1 (25).</p>
4.4.3.2.a.iv	<p>Semakan lanjut mendapati PAK tidak mengenakan denda walaupun kontraktor lewat membuat bayaran melebihi 14 hari daripada tarikh timbang. Mengikut perkiraan Audit, PAK boleh mengenakan denda terhadap kontraktor pada kadar 8% setahun berjumlah RM112,437 bagi tahun 2011 sehingga 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, kutipan bayaran pelupusan adalah kurang memuaskan kerana kelewatan kontraktor membuat bayaran. Selain itu, PAK juga tidak mengenakan denda bagi kelewatan bayaran tersebut.</p> <p>Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.</p> <p><i>PAK memaklumkan tuntutan denda bayaran lewat sejumlah RM50,118 telah dikemukakan kepada pihak Hidmalayan (M) Sdn. Berhad pada 9 April 2014. Denda dikira pada kadar 8% setahun daripada jumlah harga barang yang dilupuskan. PAK telah membuat penambahbaikan terhadap perjanjian baru dengan menetapkan kontraktor membayar wang pendahuluan sejumlah RM500,000 sebelum membuat pelupusan bahan lusuh bagi mengelakkan tunggakan bayaran.</i></p>	
4.4.3.2.a.iii	<p>Pelanjutan Kontrak Pelupusan Dibuat Walaupun Kontraktor Belum Menjelaskan Tunggakan</p> <p>Semakan Audit mendapati pada 12 April 2013, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelanjutan kontrak pelupusan antara PAK dengan Hidmalayan (M) Sdn. Berhad walaupun kontraktor mempunyai tunggakan sejumlah RM530,461 sehingga 15 Mac 2013. Kontrak dilanjutkan selama 3 tahun mulai 28 Mac 2013 sehingga 27 Mac 2016 kerana terdapat kerja pelupusan yang masih belum selesai.</p> <p>Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.</p> <p><i>PAK memaklumkan pelanjutan kontrak pelupusan dengan Hidmalayan (M) Sdn. Berhad telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 12 April 2013. Bagaimanapun, Hidmalayan (M) Sdn. Berhad hanya dibenarkan melaksanakan kerja pelupusan mulai pada 16 Julai 2013 setelah melunaskan semua tunggakan bayaran pelupusan.</i></p>	<p>Hidmalayan (M) Sdn Bhd hanya dibenarkan melaksanakan kerja pelupusan mulai pada 16 Julai 2013 setelah melunaskan semua tunggakan bayaran pelupusan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.3.2.b.i	<p>Bahan Luluh Terbiar</p> <p>Lawatan Audit ke depoh simpanan bahan luluh di Pinang Tunggal, Kedah mendapati bahan luluh seperti kayu landasan dan rel kereta api masih belum dikeluarkan dari tapak pelupusan oleh kontraktor yang dilantik iaitu Hidmalayan (M) Sdn. Berhad. Bahan luluh yang dibiarkan terlalu lama di tempat terbuka menyebabkan kerosakan dan penyusutan nilai.</p> <p>Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.</p> <p><i>PAK memaklumkan pelaksanaan kontrak pelupusan bahan luluh di Zon Utara yang terlibat dengan Projek Landasan Berkembar Ipoh -Padang Besar dan Seremban - Gemas telah dilaksanakan mulai 16 Julai 2013 dan dibuat secara berperingkat. Pengeluaran arahan kebenaran kerja pelupusan kepada Hidmalayan (M) Sdn. Berhad adalah tertakluk kepada penerimaan makluman daripada perunding bagi Projek Landasan Berkembar mengenai bahan luluh yang sedia untuk dilupuskan. Sehingga 31 Mac 2014, pelupusan bahan luluh telah dilaksanakan di Depoh Loko Perai, Bedong, Kedah, Yad Dato' Kumbar, Yad Pinang Tunggal, Yad Tanjung Rambutan, Yad Taiping, Yad Jarak dan Gurun. Bahan luluh yang dilupuskan terdiri daripada kayu, besi, rel landasan, peralatan semboyan dan peralatan telekomunikasi.</i></p>	<p>Semasa lawatan Jabatan Audit Negara bertarikh 13 November 2013 di Stesen Keretapi Pasir Gudang tersebut, kontraktor PAK iaitu Safe Recycle (M) Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pelupusan di jajaran Gemas - Johor Bahru sedang melaksanakan kerja-kerja pelupusan di Stesen Batu Anam. Pelaksanaan pelupusan adalah bermula dari Gemas menuju ke selatan semenanjung iaitu Johor Bahru mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan oleh PAK.</p> <p>Bagi bahan luluh di Stesen Keretapi Pasir Gudang, PAK dimaklumkan oleh KTMB bahawa pihaknya telah menggunakan bahan luluh tersebut bagi kegunaan kerja-kerja pembaikan tebing landasan dan <i>guard rail</i> jambatan di antara Kempas Baru-Plentong-Pasir Gudang, serta penyimpanan di stor Pasir Gudang dan Kempas Baru. Walau bagaimanapun, kegunaan dan perpindahan tersebut tidak dimaklumkan kepada pihak PAK. Stesen Keretapi Pasir Gudang pula tidak termasuk dalam lawatan tapak PAK yang dijadualkan.</p> <p>PAK telah melantik perunding Alam Asset Management (M) Sdn. Bhd. untuk melaksanakan penyemakan inventori aset luluh pada tahun 2012. Bagi tujuan pemantauan, PAK telah mengadakan lawatan tapak sepanjang tahun 2013 di Zon Tengah Ipoh-Seremban, Zon Selatan Gemas-Johor Bahru dan Zon Timur Gemas-Tumpat secara ad hoc seperti berikut:</p> <p>Zon Tengah, Ipoh – Seremban</p> <ul style="list-style-type: none"> • Stesen Keretapi Kuala Lumpur - 23 April 2013 • Stesen Keretapi Sentul - 23 April 2013 • Stesen Keretapi Subang Jaya - 23 April 2013 <p>Zon Timur, Gemas – Tumpat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Stesen Keretapi Chegar Perah - 25 April 2013 • Stesen Keretapi Gua Musang - 25 April 2013 • Stesen Keretapi Kuala Krai - 26 April 2013

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Zon Selatan, Gemas – Johor Bahru</p> <ul style="list-style-type: none"> • Stesen Keretapi Batu Anam - 2 Mei 2013 • Stesen Keretapi Kluang - 2 Mei 2013 • Stesen Keretapi Johor Bharu - 3 Mei 2013 <p>PAK juga akan membuat dasar pemantauan aset serta membuat perancangan audit di tapak secara berkala iaitu sebanyak tiga (3) kali setahun mulai tahun 2014.</p> <p>PAK telah menubuhkan Pasukan Pemantauan Aset selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah PAK Kali Ke-61 pada 29 April 2014. Terma Rujukan bagi Pasukan Pemantauan Aset ialah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menjadualkan program pemeriksaan besi lusuh milik PAK; ii. Mengadakan pemeriksaan berkala sebanyak 4 kali setahun; dan iii. Membuat laporan berdasarkan pemeriksaan yang diadakan.
<p>4.4.3.2.b.ii</p>	<p>Selain itu, lawatan Audit ke stesen kereta api di Tanah Merah, Wakaf Bharu, Tumpat, Manek Urai dan Kempas Baru mendapati bahan lusuh seperti kayu landasan, rel dan skru yang tidak digunakan terbiar tanpa tindakan pelupusan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan pelupusan adalah kurang memuaskan kerana kelewatan melupuskan bahan lusuh yang terletak dari Gemas sehingga Tumpat di Zon Timur telah menyebabkan bahan lusuh rosak dan mengalami kemerosotan nilai.</p> <p>Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.</p> <p><i>PAK memaklumkan tender pelupusan pelbagai barang lusuh bagi Gemas-Tumpat di Zon Timur dan Ipoh – Seremban di Zon Tengah telah dibatalkan pada 1 November 2013 kerana terdapat penender yang tidak bersetuju pelanjutan tempoh sah laku tender. Lembaga Pengarah PAK telah bersetuju supaya pelupusan bagi kedua-dua zon tersebut dilaksanakan semula secara tender terbuka. PAK akan menawarkan semula tender pada bulan Jun 2014. Selain itu, surat masuk tapak telah dikeluarkan kepada kontraktor Safe Recycle bertarikh 6 November 2013 untuk melaksanakan kerja pelupusan di Stesen Keretapi Segamat, Johor.</i></p>	<p>PAK telah melantik perunding Alam Asset Management (M) Sdn. Bhd. untuk melaksanakan penyemakan inventori aset lusuh pada tahun 2012. Bagi tujuan pemantauan, PAK telah mengadakan lawatan tapak sepanjang tahun 2013 di Zon Tengah Ipoh-Seremban, Zon Selatan Gemas-Johor Bahru dan Zon Timur Gemas-Tumpat secara adhoc seperti berikut:-</p> <p>Zon Tengah, Ipoh – Seremban</p> <ul style="list-style-type: none"> • Stesen Keretapi Kuala Lumpur - 23 April 2013 • Stesen Keretapi Sentul - 23 April 2013 • Stesen Keretapi Subang Jaya - 23 April 2013 <p>Zon Timur, Gemas – Tumpat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Stesen Keretapi Chegar Perah - 25 April 2013 • Stesen Keretapi Gua Musang - 25 April 2013 • Stesen Keretapi Kuala Krai - 26 April 2013 <p>Zon Selatan, Gemas – Johor Bahru</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<ul style="list-style-type: none"> • Stesen Keretapi Batu Anam - 2 Mei 2013 • Stesen Keretapi Kluang - 2 Mei 2013 • Stesen Keretapi Johor Bharu - 3 Mei 2013 <p>PAK juga akan membuat dasar pemantauan aset serta membuat perancangan audit di tapak secara berkala iaitu sebanyak tiga (3) kali setahun mulai tahun 2014.</p> <p>PAK juga akan menubuhkan pasukan pemantauan aset dengan menambah bilangan pekerja bagi memantau pergerakan aset di seluruh jajaran keretapi.</p> <p>Senarai Pasukan Pemantauan Aset akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PAK Kali Ke-61 pada 29 April 2014. Terma Rujukan bagi Pasukan Pemantauan Aset ialah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menjadualkan program pemeriksaan besi lusuh milik PAK; ii. Mengadakan pemeriksaan berkala sebanyak 4 kali setahun; dan iii. Membuat laporan berdasarkan pemeriksaan yang diadakan. <p>Tender bagi pelupusan barang lusuh di Zon Timur (Gemas-Tumpat) dan Zon Tengah (Ipoh-Seremban) dijadualkan pada bulan Jun 2014.</p>
4.4.3.2.d	<p>Lokasi Bahan Lusuh Tidak Dapat Dikenal Pasti</p> <p>lawatan Audit pada 13 November 2013 ke stesen tersebut mendapati tiada bahan lusuh yang disimpan di stesen tersebut. Pengurus Stesen Keretapi Pasir Gudang memaklumkan bahan lusuh tersebut telah dipindahkan ke Stesen Keretapi Plentong, Johor. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan lokasi sebenar bahan lusuh kerana tiada rekod diselenggara berkaitan pergerakan bahan lusuh tersebut dan tiada laporan pelupusan terhadap bahan lusuh tersebut. Lawatan Audit ke Stesen Plentong, Johor juga mendapati bahan lusuh berkenaan tidak disimpan di stesen tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod pergerakan bahan lusuh adalah kurang memuaskan kerana rekod tidak dikemas kini menyebabkan lokasi bahan lusuh tidak dapat dikenal pasti.</p>	<p>PAK telah melantik perunding Alam Asset Management (M) Sdn. Bhd. untuk melaksanakan penyemakan inventori aset lusuh pada tahun 2012. Bagi tujuan pemantauan, PAK telah mengadakan lawatan tapak sepanjang tahun 2013 di Zon Tengah Ipoh-Seremban, Zon Selatan Gemas-Johor Bahru dan Zon Timur Gemas-Tumpat secara adhoc seperti berikut:</p> <p>Zon Tengah, Ipoh – Seremban</p> <ul style="list-style-type: none"> • Stesen Keretapi Kuala Lumpur - 23 April 2013 • Stesen Keretapi Sentul - 23 April 2013 • Stesen Keretapi Subang Jaya - 23 April 2013

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.</p> <p><i>KTMB memaklumkan kayu dan rel landasan tersebut telah digunakan untuk menahan hakisan tanah bagi mengelakkan tebing runtuh di landasan kereta api antara Kempas Baru - Plentong - Pasir Gudang. Selain itu, rel landasan digunakan sebagai guard rail di jambatan Wilayah Selatan di kawasan Stesen Keretapi Plentong. Selain itu, KTMB telah memindahkan rel, kayu landasan, kayu palang dan fittings dari Yad Pasir Gudang ke beberapa lokasi antaranya stor Pasir Gudang dan stor Kempas Baru.</i></p>	<p>Zon Timur, Gemas – Tumpat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Stesen Keretapi Chegar Perah - 25 April 2013 • Stesen Keretapi Gua Musang - 25 April 2013 • Stesen Keretapi Kuala Krai - 26 April 2013 <p>Zon Selatan, Gemas – Johor Bahru</p> <ul style="list-style-type: none"> • Stesen Keretapi Batu Anam - 2 Mei 2013 • Stesen Keretapi Kluang - 2 Mei 2013 • Stesen Keretapi Johor Bharu - 3 Mei 2013 <p>PAK juga akan membuat dasar pemantauan aset serta membuat perancangan audit di tapak secara berkala iaitu sebanyak tiga (3) kali setahun mulai tahun 2014.</p> <p>PAK juga akan menubuhkan pasukan pemantauan aset dengan menambah bilangan pekerja bagi memantau pergerakan aset di seluruh jajaran keretapi.</p> <p>Senarai Pasukan Pemantauan Aset akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PAK Kali Ke-61 pada 29 April 2014. Terma Rujukan bagi Pasukan Pemantauan Aset ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menjadualkan program pemeriksaan besi lusuh milik PAK; ii. Mengadakan pemeriksaan berkala sebanyak 4 kali setahun; dan iii. Membuat laporan berdasarkan pemeriksaan yang diadakan.
4.4.4.1.b	<p>Keperluan Kewangan</p> <p>Semakan Audit mendapati penyediaan kuarters kepada kakitangan KTMB dan penyenggaraan kuarters diurus serta diselia oleh Unit Pengurusan Kemudahan, KTMB. Bagi tahun 2011 sehingga 2013, KTMB telah membelanjakan sejumlah RM3.45 juta iaitu melebihi sejumlah RM0.85 juta daripada peruntukan yang diluluskan oleh KTMB berjumlah RM2.60 juta untuk penyenggaraan dan pembaikan kecil kuarters. Keadaan ini berlaku kerana kos penyenggaraan yang tinggi berbanding peruntukan KTMB dan tiada bajet diperuntukkan untuk kerja pembaikan serta penyenggaraan kuarters dalam peruntukan mengurus PAK.</p>	<p>Memandangkan kuarters diduduki oleh KTMB, pihak KTMB hendaklah menyediakan peruntukan penyenggaraan kuarters yang mencukupi bagi memastikan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan dapat dilaksanakan dengan baik.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, peruntukan penyenggaraan kuarters yang mencukupi amat penting bagi memastikan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan dapat dilaksanakan dengan baik.</p>	
<p>4.4.4.2.b.i</p>	<p>Kuarters Rosak Dan Terbiar</p> <p>Lawatan Audit mendapati kuarters milik PAK di Johor, Kelantan dan Perak telah rosak serta tidak diduduki. Selain itu, terdapat satu unit kuarters di Pelabuhan Klang dan satu unit di Tumpat, Kelantan telah ditinggalkan dalam keadaan terbiar. Ini berlaku kerana tiada pemantauan dan tindakan diambil oleh Unit Pengurusan Kemudahan KTMB bagi memastikan penyenggaraan kuarters berada pada tahap yang memuaskan. Sehingga tarikh pemeriksaan Audit, tiada tindakan diambil untuk membaiki kerosakan atau membuat pelupusan kuarters.</p>	<p>PAK dalam proses pengemaskinian maklumat berkaitan kuarters kerana maklumat sedia ada adalah bagi tahun 2005. PAK telah menyediakan Pelan Tindakan Pengurusan Kuarters yang bermula pada bulan April 2014. Pelan Tindakan ini merangkumi penyediaan bajet, menubuhkan pasukan pelaksana pengurusan kuarters bagi mengemas kini maklumat kuarters, bancian dan penyediaan Laporan Akhir. Kerja dijangka selesai dan laporan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2014.</p>
<p>4.4.4.2.b.ii</p>	<p>Kuarters Usang</p> <p>Lawatan Audit mendapati kuarters milik PAK yang terletak berhampiran dengan Stesen Keretapi Paloh, Johor dan Stesen Keretapi Segamat, Johor masih diduduki oleh kakitangan KTMB walaupun kuarters dalam keadaan usang. Selain itu, kuarters di Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan, Pulau Pinang dan Kedah juga dalam keadaan usang tetapi masih diduduki oleh kakitangan KTMB. PAK belum mempunyai perancangan untuk membaiki atau menaik taraf kuarters berkenaan supaya menjadi kawasan kediaman yang lebih kondusif.</p>	<p>PAK dalam proses pengemaskinian maklumat berkaitan kuarters kerana maklumat sedia ada adalah bagi tahun 2005. PAK telah menyediakan Pelan Tindakan Pengurusan Kuarters yang bermula pada bulan April 2014. Pelan Tindakan ini merangkumi penyediaan bajet, menubuhkan pasukan pelaksana pengurusan kuarters bagi mengemas kini maklumat kuarters, bancian dan penyediaan Laporan Akhir. Kerja dijangka selesai dan laporan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2014.</p>
<p>4.4.4.2.b.iii</p>	<p>Kuarters Tidak Digunakan</p> <p>Lawatan Audit mendapati sebuah kuarters milik PAK di Lorong Titiwangsa, Kuala Lumpur dan berhampiran Stesen Keretapi Tapah, Perak masih dalam keadaan baik tetapi tidak digunakan atau didiami.</p> <p>Pada pendapat Audit, penjagaan kuarters adalah kurang memuaskan kerana keadaan kuarters yang rosak, terbiar, usang dan tidak didiami menyebabkan kemudahan kuarters yang disediakan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.</p> <p>Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.</p> <p><i>PAK memaklumkan pihaknya dalam proses pengemaskinian maklumat berkaitan</i></p>	<p>PAK dalam proses pengemaskinian maklumat berkaitan kuarters kerana maklumat sedia ada adalah bagi tahun 2005. PAK telah menyediakan Pelan Tindakan Pengurusan Kuarters yang bermula pada bulan April 2014. Pelan Tindakan ini merangkumi penyediaan bajet, menubuhkan pasukan pelaksana pengurusan kuarters bagi mengemas kini maklumat kuarters, bancian dan penyediaan Laporan Akhir. Kerja dijangka selesai dan laporan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>kuarters kerana maklumat sedia ada adalah bagi tahun 2005. PAK telah menyediakan Pelan Tindakan Pengurusan Kuarters yang bermula pada bulan April 2014. Pelan Tindakan ini merangkumi penyediaan bajet, menubuhkan pasukan pelaksana pengurusan kuarters bagi mengemas kini maklumat kuarters, bancian dan penyediaan Laporan Akhir. Kerja dijangka selesai dan laporan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2014.</i></p>	
<p>4.4.5</p>	<p>Pengawalan Tanah Oleh PAK</p> <p>Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1987, sekiranya projek pembangunan tidak dapat dilaksanakan dengan segera maka pemilik bertanggungjawab menjaga dan menguruskan tanah dengan baik bagi memastikan kebersihan tanah terpelihara dan mengelakkan daripada pencerobohan. Lawatan Audit ke tanah milik PAK mendapati papan tanda hak milik tanah tidak dipamer dan tanah terbiar.</p>	<p>PAK telah menyediakan satu pelan tindakan bagi mengesan tanah-tanah terbiar dan akan melaksanakan pemasangan papan tanda apabila maklumat lengkap diperolehi.</p>
<p>4.4.5.1</p>	<p>Papan Tanda Hak Milik Tanah Tidak Dipamer</p> <p>Papan tanda tidak dipamer untuk memaklumkan kepada orang awam bahawa tanah tersebut dimiliki oleh PAK dan pencerobohan akan didakwa.</p> <p>Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.</p> <p><i>PAK memaklumkan Lembaga Pengarah telah meluluskan peruntukan berjumlah RM258,750 untuk projek pemasangan papan tanda di seluruh negara.</i></p>	<p>PAK telah selesai menanda lokasi untuk pemasangan papan tanda di Melaka, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Perak dan Pahang. Baki penentuan lokasi untuk Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan Johor dijangka selesai pada penghujung bulan Jun 2014.</p> <p>Pemasangan papan tanda akan dimulakan di Melaka dan Kuala Lumpur pada minggu kedua Jun 2014.</p> <p>Pemasangan papan tanda untuk semua tanah-tanah PAK akan dijangka selesai pada tahun 2014.</p> <p>Bagi tujuan ini, Lembaga Pengarah PAK telah meluluskan perbelanjaan sebanyak RM258,750.00.</p>
<p>4.4.5.2.a</p>	<p>Tanah Terbiar</p> <p>Lawatan Audit mendapati tanah milik PAK di Nyior, Johor dipenuhi semak samun. Selain itu, terdapat sebuah bengkel membaiki kereta api seluas 800 meter persegi yang tidak digunakan dan terbiar di Stesen Keretapi Kluang.</p>	<p>PAK akan mengambil tindakan pemasangan papan tanda bagi tanah di Nyior, Johor. Bengkel lama yang terletak di Stesen Kluang telah dilupuskan oleh kontraktor yang dilantik oleh PAK pada 14 Mac 2014.</p> <p>Tindakan pelupusan selesai pada 14 Mac 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.5.2.b	<p>Pihak Audit mendapati tapak kuarters di Tapah, Kuala Krai dan Gua Musang serta tapak stesen kereta api lama di Bagan Serai telah terbiar.</p> <p>Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.</p> <p><i>PAK memaklumkan tindakan segera akan diambil untuk menawarkan penyewaan atau tujuan lain yang bersesuaian dengan kedudukan tanah. Bengkel lama yang terbiar di Stesen Keretapi Kluang akan dilupuskan oleh kontraktor yang dilantik dan surat masuk tapak telah dikeluarkan pada 3 Mac 2014 serta kerja dijangka selesai pada 14 Mac 2014.</i></p>	<p>PAK dalam proses mengemaskini maklumat berkaitan kuarters kerana maklumat sedia ada adalah bagi tahun 2005. PAK telah menyediakan pelan tindakan pengurusan kuarters yang bermula pada bulan April 2014. Pelan tindakan ini merangkumi penyediaan bajet, menubuhkan pasukan pelaksana pengurusan kuarters bagi mengemaskini maklumat kuarters, bancian dan penyediaan laporan akhir. Kerja dijangka selesai dan laporan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah PAK pada bulan Disember 2014. Manakala tapak stesen keretapi di Bagan Serai, PAK akan mengambil tindakan segera untuk menawarkan penyewaan atau tujuan lain yang bersesuaian dengan kedudukan tanah.</p> <p>Tindakan pengemaskinian kuarters dijangka selesai pada Disember 2014.</p>
4.4.5.3.a	<p>Penempatan Setinggalan</p> <p>Tanah milik PAK di Kelantan didapati telah diceroboh dan menjadi penempatan setinggalan yang mendapat bekalan air dan tenaga elektrik.</p> <p>Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.</p> <p><i>PAK memaklumkan bancian sedang dijalankan di sepanjang jajaran Negeri Kelantan dari 3 Mac hingga 18 April 2014 bagi mendapatkan maklumat penduduk setinggalan di tanah keretapi. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, PAK akan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Kelantan bagi mengambil tindakan penyelesaian terhadap isu pencerobohan yang menjejaskan operasi perkeretapian.</i></p>	<p>Pencerobohan telah berlaku sejak di bawah pentadbiran KTMB. PAK tidak pernah memberi kebenaran kepada syarikat pembekal untuk membekalkan bekalan air dan tenaga elektrik kepada setinggalan-setinggalan berkenaan.</p> <p>Bancian dijalankan di sepanjang jajaran Negeri Kelantan dari 3 Mac 2014 hingga 16 Mei 2014 bagi mendapatkan maklumat pendudukan setinggalan di tanah keretapi. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, PAK akan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Kelantan bagi mengambil tindakan penyelesaian isu pencerobohan yang menjejaskan operasi perkeretapian.</p>
4.4.5.3.b	<p>Kawasan Pertanian Dan Premis Komersial</p> <p>Lawatan Audit ke Tapah dan Bagan Serai, Perak mendapati tanah milik PAK telah diceroboh dan dijadikan kawasan pertanian bagi penanaman pokok limau kasturi dan kelapa sawit. Pihak Audit juga mendapati tanah milik PAK di Bagan Serai, Perak dan Prai, Pulau Pinang telah dijadikan premis komersial. Selain itu, tanah PAK di Pasir Mas, Kelantan telah didirikan terminal bas dan tanah di Prai, Pulau Pinang telah diceroboh untuk pembangunan tanpa kelulusan PAK.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengawalan tanah adalah kurang memuaskan kerana tanah telah dicerobohi untuk tujuan penempatan setinggalan, pertanian dan komersial.</p>	<p>Berdasarkan semakan mendapati tanah PAK di Prai telah dijadikan <i>stacking yard</i> Projek PLBE Ipoh-Padang Besar.</p> <p>PAK telah mengadakan perjumpaan dengan penduduk bagi pencerobohan tanah jabaran Teluk Intan ke Tapah Road pada 5 April 2014 di Dewan Orang Ramai Degong, Langkap Perak. Borang permohonan telah diedarkan kepada pihak berkenaan dan akan dikembalikan kepada pemungut sewa yang telah dilantik oleh PAK. Pak telah mengaturkan perjumpaan bagi</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.</p> <p><i>PAK memaklumkan telah mengambil tindakan berhubung pencerobohan tanah PAK untuk tujuan pertanian dan komersial seperti berikut:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mengenal pasti pihak yang menceroboh;</i> • <i>Mengadakan sesi perjumpaan dengan pihak berkenaan bagi menerangkan opsyen penyewaan tanah;</i> • <i>Melaksanakan tindakan penguatkuasaan; dan</i> • <i>Melantik pemungut sewa bagi memungut hasil penyewaan dan memantau kegiatan pencerobohan tanah-tanah PAK.</i> <p><i>PAK juga memaklumkan syarikat bas berkenaan bersetuju untuk membuat penyewaan dengan PAK melalui suratnya bertarikh 15 April 2014.</i></p>	<p>tanah di Bagan Serai pada 7 Mei 2014.</p> <p>PAK telah mengeluarkan notis pengosongan tapak bertarikh 23 April 2014 kepada Malayan Sugar Manufacturing. Tindakan penguatkuasaan akan diambil jika gagal mematuhi notis tersebut.</p> <p>Pihak syarikat bas telah bersetuju untuk membuat penyewaan dengan PAK melalui suratnya bertarikh 15 April 2014. Borang permohonan penyewaan telah diterima pada 23 Paril 2014.</p>
4.4.6.1.f	<p>Peletak Hak Tanah Rizab Dan Tanah Berhak Milik</p> <p>Semakan Audit mendapati mulai tahun 2004, PAK telah mula mengambil tindakan untuk membuat peletak hak 329 lot tanah hak milik bernilai RM1.01 bilion dan mewartakan 1,101 tanah rizab bernilai RM7.37 bilion. Sehubungan itu, PAK telah mengeluarkan surat kepada semua Pejabat Tanah dan Galian di Semenanjung Malaysia memaklumkan bahawa tanah tersebut adalah miliknya. Sehingga bulan September 2013, sebanyak 238 daripada 329 atau 72.3% lot tanah hak milik telah dapat ditukar milik daripada KTMB dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada PAK manakala baki sebanyak 91 lot atau 27.7% belum ditukar milik. Selain itu, sebanyak 161 daripada 1,101 atau 14.6% lot tanah rizab telah diukur dan diwartakan, 856 lot belum diukur dan diwartakan serta 84 lot tanah tidak mempunyai salinan warta. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan tanah rizab adalah kurang memuaskan kerana hanya 161 atau 14.6% daripada 1,101 lot tanah rizab telah diukur dan diwartakan.</p> <p>Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.</p> <p><i>PAK memaklumkan sehingga 25 Mac 2014, sebanyak 3 lot tanah berhak milik yang telah diletak hak kepada PAK iaitu satu lot tanah di Mukim Kampung Laut, Jajahan Tumpat Kelantan dan 2 lot tanah di Bandar Prai, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Baki sebanyak 88 lot tanah dalam proses perletakkan hak milik.</i></p>	<p>Sejak tahun 2004 hingga September 2013, PAK lebih fokus kepada kerja-kerja peletakan hak di mana sebanyak 238 lot daripada 329 lot telah diselesaikan berbanding dengan pewartaan tanah rizab hanya 161 lot daripada 1,101 lot.</p> <p>Dalam tempoh September 2013 hingga Mac 2014 sebanyak 3 lot tanah berhak milik yang telah diletak hak kepada PAK iaitu satu lot tanah di Mukim Kampung Laut, Jajahan Tumpat Kelantan dan 2 lot tanah di Bandar Prai, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Baki sebanyak 88 lot tanah dalam proses perletakkan hak milik.</p> <p>Prosedur peletakan hak mengambil masa yang lama kerana berurusan dengan Pejabat Tanah Dan Daerah, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri. Selain itu juga, proses ini melibatkan kos yang tinggi untuk bayaran ukur dan premium tanah kepada Kerajaan Negeri.</p> <p>1) Penambahbaikan</p> <p>Bagi yang tiada salinan warta sebanyak 84 lot, PAK telah</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>PAK akan menyelesaikan isu peletakkan hak dan pewartaan tanah rizab seperti berikut:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Menjalankan siasatan mulai bulan April 2014 di Pejabat Peguam Negara dan Arkib Negara bagi mendapatkan salinan warta yang tiada dalam simpanan PAK;</i> • <i>Mengeluarkan surat dan mengadakan perbincangan serta lawatan ke Pejabat Tanah dan Daerah (PTD);</i> • <i>Menyelesaikan kerja ukur bagi 8 lot di Perak dan menyediakan dokumen serta pelan mengikut negeri; dan</i> • <i>Melantik Pekerja Sambilan Harian bagi membantu PAK menyediakan dokumen dan melakukan siasatan di Jabatan Arkib Negara.</i> <p><i>PAK telah mengemukakan permohonan pewartaan tanah rizab kepada Pejabat Tanah Dan Daerah bagi 9 lot tanah di Daerah Petaling, Gombak, Hulu Selangor dan Klang serta 2 plot tanah di Daerah Petaling. PAK juga telah melaksanakan kerja ukur tanah bagi permohonan pemberimilikan kekal di Perak dan dijangka selesai pada 18 April 2014.</i></p>	<p>mengambil tindakan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan siasatan mulai bulan April 2014 di Jabatan Arkib Negara bagi mendapatkan salinan warta yang tiada dalam simpanan PAK; • Jika tidak dapat dikesan PAK akan memohon pemberimilikan dengan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) berkenaan. <p>Bagi tanah yang belum diukur dan belum diwarta sebanyak 856 lot, PAK akan membuat tindakan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan pelan pra perhitungan yang akan dikemukakan kepada Pejabat Tanah Dan Daerah untuk permohonan pewartaan. PAK telah mengemukakan permohonan pewartaan kepada Pejabat Tanah sebanyak 9 lot tanah di Daerah Petaling, Gombak, Hulu Selangor dan Klang serta 2 plot tanah di Daerah Petaling. • Menyediakan kerja ukur tanah rizab berkenaan bagi penyediaan hakmilik. Bagi Negeri Perak kerja ukur bagi permohonan pemberimilikan kekal dan telah selesai pada 18 April 2014. Tindakan susulan adalah mengemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Negeri. <p>2) Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai tindakan</p> <p>Bagi mendapatkan salinan warta dijangka selesai pada September 2014.</p> <p>PAK akan mengemukakan permohonan pewartaan kepada pejabat Tanah secara berperingkat mengikut negeri dan keseluruhan dijangka selesai pada tahun 2017.</p> <p>Kerja-kerja pengukuran tanah di Negeri Perak telah selesai pada 18 April 2014. Permohonan pemberimilikan akan dikemukakan kepada JKPTG pada 10 Mei 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.7.2	Semakan Audit mendapati PAK menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 bagi menguruskan asetnya. Aset tak alih PAK direkodkan dalam <i>Aset and Information System</i> yang dibangunkan oleh konsultan pada tahun 2005. Bagaimanapun, data dalam sistem ini hanya boleh disemak dan dicetak tetapi tidak boleh dikemas kini.	PAK dalam proses pembangunan sistem pengurusan aset yang dapat membantu merekodkan aset-aset PAK. Sistem yang dibangunkan ini juga akan mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dalam sistem terdahulu bagi memastikan maklumat dapati dikemaskini. Sistem ini dijangka siap pada penghujung tahun 2015.
4.4.7.3	<p>Lawatan Audit pada bulan November dan Disember 2013 mendapati 18 unit kuarters PAK di negeri Perak, Perlis serta Johor telah dilupuskan sebelum tahun 2012. Bagaimanapun, daftar kuarters dalam sistem SAGA tidak dikemas kini dan menunjukkan nilai buku bersih antara RM9,650 hingga RM48,249. Selain itu, sebanyak 31 unit kuarters yang usang dan rosak masih menunjukkan nilai buku bersih antara RM965 hingga RM38,600 yang sepatutnya bernilai RM1 seunit. Perkara ini juga merupakan asas pendapat Juruaudit terhadap Sijil Penafian yang telah dikeluarkan bagi Penyata Kewangan PAK tahun 2012.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod aset adalah lemah kerana aset PAK tidak dikemas kini dan tidak dapat dikenal pasti.</p>	Semua kuarters telah diserahkan kepada pihak KTMB untuk diuruskan termasuklah pengurusan kemasukan/keluar penghuni kuarters, kutipan sewa dan penyelenggaraan. Oleh itu, untuk menambah baik pengurusan kuarters ini, PAK dalam proses pengemaskinian maklumat berkaitan kuarters kerana maklumat sedia ada adalah bagi tahun 2005. PAK telah menyediakan Pelan Tindakan Pengurusan Kuarters yang bermula pada bulan April 2014. Pelan Tindakan ini merangkumi penyediaan bajet, menubuhkan pasukan pelaksana pengurusan kuarters bagi mengemas kini maklumat kuarters, bancian dan penyediaan Laporan Akhir. Kerja dijangka selesai dan laporan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2014.
4.4.8.2	<p>Pemantauan</p> <p>Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah ada membincangkan isu dan masalah mengenai aset kereta api antaranya pembangunan tanah, pencerobohan tanah sebagai penempatan setinggan dan pelupusan bahan lusuh kereta api. Selain itu, Laporan Pelupusan Bahan Lusuh Kereta Api dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pelupusan Aset yang bermesyuarat sebanyak 4 kali setahun. Bagaimanapun, PAK tidak menjalankan pemantauan terhadap pengurusan kuarters miliknya yang didiami oleh kakitangan KTMB.</p>	Semua kuarters telah diserahkan kepada pihak KTMB untuk diuruskan termasuklah pengurusan kemasukan/keluar penghuni kuarters, kutipan sewa dan penyelenggaraan. Oleh itu, untuk menambah baik pengurusan kuarters ini, PAK dalam proses pengemaskinian maklumat berkaitan kuarters kerana maklumat sedia ada adalah bagi tahun 2005. PAK telah menyediakan Pelan Tindakan Pengurusan Kuarters yang bermula pada bulan April 2014. Pelan Tindakan ini merangkumi penyediaan bajet, menubuhkan pasukan pelaksana pengurusan kuarters bagi mengemas kini maklumat kuarters, bancian dan penyediaan Laporan Akhir. Kerja dijangka selesai dan laporan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.8.3	Semakan lanjut mendapati PAK telah menubuhkan Unit Penguatkuasaan secara pentadbiran pada tahun 2013 yang bertanggungjawab membuat pemeriksaan terhadap tanah dan bangunan serta melaporkan kepada pihak pengurusan PAK sekiranya berlaku sebarang pencerobohan. Bagaimanapun, Unit ini hanya mempunyai seorang Pegawai Tabir Gred N41 yang menyebabkan aktiviti penguatkuasaan tidak dapat dijalankan dengan menyeluruh dan berkesan.	Dalam melaksanakan penguatkuasaan, PAK dibantu oleh agensi seperti PBT, Pejabat Tanah dan Daerah, PDRM, RELA dan KTMB. Bagi mengukuhkan fungsi pemantauan, PAK akan menambah bilangan pegawai melalui pengambilan pegawai kontrak sebagai langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah tersebut.

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

LEMBAGA GETAH MALAYSIA

Perenggan 5 : Pengurusan Peralatan Penyelidikan Dan Komersial

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.1.2	<p>Tiada Penyelarasan Antara Perolehan Peralatan Dan Pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat</p> <p>Projek pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat di Kompleks tersebut hanya bermula pada bulan Mei 2013 dan dijangka siap pada bulan November 2014 sedangkan perolehan peralatan telah dibuat pada tahun 2009. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Projek sehingga bulan November 2013 mendapati prestasi projek hanya mencapai 21% berbanding 33% yang disasarkan kerana masalah hujan menyebabkan kelewatan pemasangan cerucuk bagi pembinaan <i>retaining wall</i>.</p>	<p>Sehingga 30 April 2014 kemajuan fizikal yang dirancang adalah 52% manakala kemajuan fizikal sebenar adalah 41%, lewat sebanyak 11% bersamaan 51 hari. Faktor utama kelewatan ini adalah disebabkan keadaan hujan di tapak.</p>
5.4.1.3	<p>Komponen bagi peralatan telah diterima secara berperingkat mulai bulan Jun 2010 sehingga bulan Oktober 2010. LGM telah membuat bayaran sejumlah RM5.09 juta atau 97.5% dan wang tahanan sejumlah RM0.13 juta atau 2.5% masih belum dibayar. Bagaimanapun, peralatan tersebut tidak dapat digunakan dan disimpan di Stesen Penyelidikan Sungai Buloh, premis pembekal dan pihak yang dilantik oleh pembekal. Perkara ini telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 dan sehingga kini kedudukan peralatan tidak berubah.</p>	<p>Kesemua peralatan masih disimpan dipremis ditetapkan. Pemantauan dan penyelenggaraan penyimpanan peralatan dibuat untuk persediaan pemasangan peralatan selari dengan kemajuan pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat. Pemasangan peralatan dijangka bermula pada bulan Jun 2014.</p>
5.4.1.4	<p>Pihak Audit dimaklumkan bahawa pembekal peralatan ada mengemukakan cadangan sebut harga bagi kerja pembaikan/<i>recondition</i> peralatan memandangkan kerja pemasangan peralatan tertangguh melebihi 2 tahun akibat kelewatan pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat. Selain itu, LGM juga bercadang untuk melantik juruperunding mekanikal dan elektrik bagi projek pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat untuk membuat penilaian teknikal terhadap jumlah sebenar yang patut dibayar kepada pembekal bagi pembaikan peralatan tersebut. Bagaimanapun, sebut harga daripada pembekal dan pelantikan perunding masih belum dimuktamadkan oleh LGM.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan peralatan untuk kegunaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat adalah kurang memuaskan kerana tiada penyelarasan dengan kemajuan pembinaan pusat tersebut. Ini menyebabkan peralatan yang dibeli tidak digunakan dan LGM berhadapan dengan risiko kerosakan dan pertambahan kos</p>	<p>Permohonan perlantikan juruperunding M&E untuk penilaian teknikal bagi penyelenggaraan peralatan telah dimajukan pada 8 Mei 2014 kepada Unit Pentadbiran LGM bagi urusan pelantikan JPP LGM.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bagi memperbaiki peralatan.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada LGM Diterima Pada 25 April 2014.</i></p> <p><i>LGM memaklumkan bahawa justifikasi kelewatan pembinaan KIPG telah diberi di dalam maklum balas Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 di mana LGM disyaratkan untuk menyediakan pelan induk pembangunan dan membangunkan infrastruktur keseluruhan KIPG sebelum kelulusan pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat diberi. Setakat 31 Mac 2014, kemajuan kerja di tapak bagi Pusat Pemprosesan Lateks Pekat adalah sebanyak 35% berbanding 46% yang dijadualkan iaitu lewat sebanyak 11% atau 51 hari. Kelewatan berlaku disebabkan masalah hujan bagi tempoh November sehingga Disember 2013 menyebabkan kelewatan pemasangan cerucuk bagi pembinaan 'retaining wall'. Selain itu, kelewatan juga adalah melibatkan kerja-kerja pembinaan surau dan kantin serta bukan bangunan utama kilang. Dalam mesyuarat tapak pada 3 April 2014, pihak kontraktor telah memberi jaminan bahawa Pusat Pemprosesan Lateks Pekat akan dapat disiapkan mengikut jadual iaitu pada bulan November 2014. Koordinasi kerja bersama pembekal peralatan bagi kerja-kerja pemasangan peralatan kilang telah dimulakan melalui mesyuarat teknikal pada 19 Mac 2014 dan pemasangan peralatan akan bermula pada bulan Jun 2014. Sebagai penambahbaikan, LGM telah memastikan peralatan dijaga dan disimpan di tempat selamat di beberapa lokasi di LGM dan juga stor pembekal sementara menunggu tarikh pemasangan peralatan.</i></p>	
<p>5.4.2.2</p>	<p>Peralatan Terbiar Dan Tidak Digunakan</p> <p>Semakan Audit mendapati 16 komponen peralatan yang dibeli antara tahun 1990 sehingga 2010 bernilai RM9.95 juta tidak digunakan antara 1 sehingga 15 tahun. Antara sebab peralatan tidak digunakan adalah peralatan telah rosak, kos operasi yang tinggi, bekalan bahan mentah tidak mencukupi, pegawai penyelidik yang bertanggungjawab terhadap peralatan telah bersara atau bertukar dan sistem pengolahan efluen kilang telah dilupuskan.</p>	<p>Semua komponen sistem integrasi mesin pengadunan F50 akan dilupuskan. Tindakan proses pelupusan akan dimulakan pada suku tahun ketiga 2014 secara berperingkat.</p>
<p>5.4.2.2.a.ii</p>	<p>Semakan Audit terhadap daftar penggunaan mendapati keseluruhan peralatan tidak digunakan selama 10 tahun iaitu mulai bulan April 2003. Pihak Audit dimaklumkan bahawa peralatan telah mengalami kerosakan dan tindakan penyenggaraan belum diambil menyebabkan peralatan terbiar dan usang. Perolehan peralatan juga tidak mengambil kira keperluan penggunaan dan persamaan fungsi peralatan yang sedia ada iaitu <i>Internal Mixer GK70</i>. Ini adalah satu pembaziran di mana <i>Internal Mixer Farrel F-50</i> tidak digunakan sejak bulan April 2003.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.2.2.a.iii	<p><i>Batch of Machine</i> yang dibeli pada tahun 1998 berjumlah RM0.45 juta merupakan peralatan sokongan bagi menjadikan <i>Internal Mixer Farrel F-50</i> bersifat <i>Auto Feeding System</i>. Peralatan ini mempunyai kapasiti untuk memproses sebanyak 47.4 liter bahan adunan bagi menghasilkan <i>masterbatch</i>. Pihak Audit dimaklumkan bahawa spesifikasi <i>Batch of Machine</i> tidak sesuai kerana melebihi kapasiti <i>Internal Mixer Farrel F-50</i> dan memerlukan 320 hingga 390 liter bahan adunan bagi membolehkan peralatan beroperasi sepenuhnya. Ini menyebabkan <i>Batch of Machine</i> tidak pernah digunakan sejak dibeli kerana tidak efektif dan memerlukan bahan adunan pada skala yang besar. Sehubungan itu, peralatan telah diluluskan untuk pelupusan pada bulan September 2013 kerana tidak boleh digunakan bersama <i>Internal Mixer Farrel F-50</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan perolehan peralatan adalah kurang memuaskan dan tidak teratur menyebabkan peralatan yang dibeli tidak digunakan dan merupakan pembaziran wang awam.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada LGM Diterima Pada 25 April 2014.</i></p> <p><i>LGM memaklumkan bahawa alternatif untuk menyenggara peralatan Kilang Masterbatch telah dibuat tetapi proses pembaikan tertangguh disebabkan kos penyenggaraan yang tinggi. LGM akan menjalankan analisis biaya manfaat (cost benefit analysis) sebelum membuat keputusan melupuskan kesemua bahagian komponen sistem integrasi mesin pengadunan F50. Sekiranya dilupuskan, mesin komponen utama F50 akan dicadangkan untuk dilupuskan secara sumbangan kepada pihak industri kecil dan sederhana.</i></p>	
5.4.2.2.b.ii	<p>RRIM Rapid DRC</p> <p>Semakan Audit mendapati kuantiti yang dibeli oleh LGM tidak mengambil kira keperluan dan lokasi penempatan peralatan semasa penyediaan <i>Research Project Proposal</i>. Ini menyebabkan hanya 64 unit peralatan digunakan untuk penyelidikan manakala 4 unit digunakan untuk pameran kepada orang awam dan 12 unit tidak digunakan.</p>	
5.4.2.2.b.iii	<p>Sehingga tempoh pengauditan, 53 daripada 64 unit telah dikembalikan kepada LGM apabila projek penyelidikan telah tamat manakala 11 unit lagi masih berada di LGM Sarawak, Lembaga Industri Getah Sabah, Jabatan Pertanian Sarawak dan Persatuan Pekebun Kecil Sabah dan Sarawak.</p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan perolehan peralatan <i>RRIM Rapid DRC</i> adalah kurang memuaskan kerana lokasi penempatan tidak ditetapkan dalam <i>Research</i></p>	<p>Kesemua unit RRIM Rapid DRC yang ditempatkan di pelbagai lokasi di negeri Sabah dan Sarawak telah dikumpulkan di Pejabat LGM Negeri Sabah dan Sarawak. Urusan membawa kembali mesin ini ke LGM Sg Buloh akan dilaksanakan dalam tahun 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Project Proposal.</i></p> <p><i>Maklum Balas Daripada LGM Diterima Pada 25 April 2014.</i></p> <p><i>LGM memaklumkan bahawa 12 unit RRIM Rapid DRC yang dimaksudkan merupakan unit sokongan atau ganti (back-up unit) kepada unit yang ditempatkan di seluruh Malaysia jika unit tersebut menghadapi masalah semasa kajian dijalankan. Lokasi penempatan tidak dinyatakan secara spesifik di dalam cadangan projek penyelidikan kerana kelulusan dan dokumen perjanjian kerjasama daripada pihak penerima masih belum diterima sepenuhnya pada masa berkenaan. Bagaimanapun, perancangan penempatan telah dibuat secara teliti melalui perbincangan dan mesyuarat yang diadakan dengan semua pihak terlibat semasa peringkat cadangan projek penyelidikan. Sejumlah 80 unit RRIM Rapid DRC diperlukan bagi mengkaji pelaksanaan peringkat komersil merangkumi rangkaian bekalan dan jual-beli getah, faktor kawasan dan kualiti bahan mentah yang dihasilkan.</i></p>	<p>Peralatan yang dikembalikan ditempatkan di dalam bilik stor khas berkunci.</p> <p>Kesemua peralatan RRIM Rapid DRC akan dibuat penambaihan berdasarkan rekabentuk terkini untuk diedarkan (pelupusan melalui sumbangan kepada industri getah) kepada pengguna sedia ada bagi operasi penentuan kandungan getah kering bermula suku tahun ketiga 2014.</p>
5.4.2.2.c.ii	<p>Peralatan Kilang Sarung Tangan Getah</p> <p>Semakan Audit mendapati peralatan pemprosesan sarung tangan getah industri bernilai tambah tidak digunakan sejak tahun 2008. Semakan lanjut terhadap buku log penggunaan dari tahun 2008 sehingga 2013 mendapati LGM hanya melakukan <i>dry run</i> terhadap peralatan tersebut. Ini disebabkan LGM memberi keutamaan kepada WDE Rubber (M) Sdn. Berhad untuk pemprosesan sarung tangan berskala komersial memandangkan peralatan tidak dapat beroperasi serentak kerana kekurangan bekalan elektrik dalam kilang tersebut. Selain itu, kedua-dua peralatan menggunakan sistem pemanas yang sama. Pelupusan peralatan kilang untuk tujuan penyelidikan terhadap masalah <i>latex protein allergy</i> pada bulan Mei 2013 iaitu <i>Latex Dipping Machine</i> telah menyebabkan sistem pemanas bagi kilang tidak lagi berfungsi. Oleh itu, peralatan kilang sarung tangan getah industri bernilai tambah juga tidak boleh digunakan.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada LGM Diterima Pada 25 April 2014.</i></p> <p><i>LGM memaklumkan bahawa peralatan pemprosesan sarung tangan getah industri bernilai tambah yang dibangunkan pada 2003 tidak beroperasi sepenuhnya pada tahun 2013 kerana ketiadaan alat pemanas setelah pelupusan latex dipping machine. Bagi membolehkan peralatan digunakan untuk tujuan penyelidikan, projek baru berkaitan teknologi pembuatan lateks akan dicadangkan untuk kelulusan Panel Scientific and Economic Advisory Committee (SEAC) LGM pada bulan November 2014. Projek ini akan melibatkan aktiviti termasuk penggunaan peralatan untuk tujuan</i></p>	<p>Projek baru berkaitan teknologi pembuatan lateks akan dicadangkan untuk kelulusan untuk kelulusan Panel Scientific and <i>Economic Advisory Committee</i> (SEAC) LGM pada November 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>optimisasi dan simulasi proses.</i>	
5.4.2.2.d.ii	<p>Latex Thread Pilot Plant</p> <p>Semakan Audit mendapati Daftar Penggunaan peralatan tidak disediakan. Pihak Audit dimaklumkan peralatan ini tidak pernah digunakan selama 15 tahun iaitu sejak tahun 1998 bagi keseluruhan proses menghasilkan produk bebenang. LGM hanya menggunakan sebahagian peralatan ini untuk tujuan R&D kerana memerlukan kuantiti lateks yang banyak sekiranya peralatan beroperasi sepenuhnya. Sehubungan itu, permohonan untuk melupuskan peralatan telah dibuat pada 15 November 2013. Antara justifikasi permohonan pelupusan adalah peralatan memerlukan kuantiti bahan proses yang banyak dan tidak sesuai untuk tujuan penyelidikan, penggunaan asid asetik yang boleh memudaratkan kesihatan, keupayaan aset tidak optimum, perubahan teknologi dan pembekal tidak lagi memberi khidmat sokongan.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada LGM Diterima Pada 25 April 2014.</i></p> <p><i>LGM memaklumkan bahawa peralatan ini telah beberapa kali dicadang untuk dilupuskan kerana berteknologi lama dan tiada projek penyelidikan berkaitan dijalankan. Peralatan ini telah diluluskan untuk dilupuskan pada tahun 2002 tetapi proses pelupusan tertangguh kerana ada cadangan untuk menempatkan peralatan tersebut sebagai bahan pameran untuk projek 'Rubber Living Museum'. Bagaimanapun, projek pembangunan 'Rubber Living Museum' telah dibatalkan pelaksanaannya dan permohonan pelupusan terkini ialah pada 15 November 2013.</i></p>	<p>Tindakan susulan permohonan pelupusan pada 15 November 2013 akan dibuat supaya pelupusan aset dibuat secepat mungkin.</p>
5.4.2.2.e.ii	<p>Mobile Rubberised Bithumin</p> <p>Semakan Audit mendapati peralatan ini terbiar dan terdedah kepada hujan dan panas, tidak disenggara sejak dibeli dan tidak pernah digunakan selepas pegawai penyelidik yang bertanggungjawab terhadap peralatan telah berpindah setelah projek tamat pada tahun 2005. Peralatan ini masih diperlukan oleh pegawai penyelidik lain untuk menambahbaik penyelidikan yang sama yang masih dalam peringkat perancangan. Bagaimanapun, permohonan untuk melupuskan peralatan telah dibuat pada tahun 2012 kerana aset telah rosak teruk, aset tidak ekonomi untuk dibaiki dan tiada pegawai yang tahu untuk mengendalikannya peralatan ini.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada LGM Diterima Pada 25 April 2014.</i></p> <p><i>LGM memaklumkan bahawa peralatan ini tidak digunakan kerana projek penyelidikan</i></p>	<p>Peralatan telah dilupuskan. Sijil pelupusan telah diperolehi (no sijil:0039). Peralatan ini telah dilupuskan dan telah dibawa keluar dari LGM Sg Buloh pada 20 Feb 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini														
	<p>asal telah siap pada tahun 2003 dan digunakan beberapa kali pada tahun 2005 dan 2006. Tiada projek baru untuk meneruskan penggunaan peralatan menyebabkan penyelenggaraan berkala tidak dibuat selepas tahun 2007. Peralatan ini telah diluluskan untuk pelupusan pada 13 April 2012 dan kebenaran untuk membawa keluar peralatan untuk diluluskan telah diluluskan pada 14 Februari 2014.</p>															
<p>5.4.2.2.f.ii</p>	<p>Peralatan kilang SMR, Kilang ENR dan DPNR</p> <p>Pihak Audit mendapati peralatan di Kilang SMR, DPNR dan ENR terbiar dan tidak digunakan semenjak sistem pengolahan efluen bagi ketiga-tiga kilang tersebut telah diluluskan pada tahun 2012. Ini disebabkan lokasinya berada dalam kawasan tanah yang telah diambil alih oleh Syarikat Kwasa Land Sdn. Berhad.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada LGM Diterima Pada 25 April 2014.</i></p> <p>LGM memaklumkan bahawa selepas sistem pengolahan efluen bagi merawat efluen dari ketiga-tiga kilang diluluskan, aktiviti pemprosesan bagi tujuan komersil telah dihentikan sepenuhnya. Bagaimanapun, aktiviti penyelidikan pemprosesan yang berkaitan dengan ENR, DPNR dan SMR terus dijalankan pada skala yang lebih kecil serta tidak menghasilkan sisa buangan yang memerlukan sistem pengolahan efluen. Peralatan pemprosesan masih diguna pakai bagi tujuan penyelidikan walaupun penggunaannya tidak secara menyeluruh. Antara peralatan yang sering digunapakai untuk tujuan penyelidikan adalah seperti creper, shredder, dryer, dan steam coagulator. Proses mengenal pasti peralatan yang akan dipindahkan ke Pusat Pemprosesan Berintegrasi (IPC) pada tahun 2015 sedang dijalankan apabila Pusat Pemprosesan Lateks Pekat dan Pusat Pemprosesan Getah Termaju disediakan. Peralatan yang tidak dipindahkan ke IPC akan dicadang untuk diluluskan pada tahun 2014 setelah analisis biaya manfaat dilakukan bagi peralatan berkaitan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan yang tidak digunakan adalah kurang memuaskan kerana LGM tidak mengambil tindakan sewajarnya seperti penyenggaraan atau pelupusan.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada LGM Diterima Pada 25 April 2014.</i></p> <p>LGM memaklumkan kedudukan peralatan lain yang terbiar dan tidak digunakan adalah seperti berikut:-</p>	<p>Kerja mengenalpasti peralatan yang akan dipindahkan ke Pusat Pemprosesan Berintegrasi (IPC) sedang dijalankan. Manakala bagi peralatan yang lain, ianya masih digunakan bagi tujuan RnD dan akan diluluskan secara berperingkat apa bila sudah tidak digunakan lagi.</p> <table border="1" data-bbox="1317 587 1980 1369"> <thead> <tr> <th data-bbox="1317 587 1541 638">PERALATAN</th> <th data-bbox="1541 587 1980 638">MAKLUM BALAS LGM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1317 638 1541 746"><i>Two Rolls Mill MS Moriyama SPM-75 (gambar 5.17)</i></td> <td data-bbox="1541 638 1980 746">Permohonan pelupusan peralatan telah dimajukan kepada UPD pada 15 Mei 2014.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1317 746 1541 849"><i>Honeywell Steam Autoclave (gambar 5.18)</i></td> <td data-bbox="1541 746 1980 849">Permohonan pelupusan peralatan telah dimajukan kepada UPD pada 15 Mei 2014.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1317 849 1541 951"><i>Electric Retread Tyre Autoclave (gambar 5.19)</i></td> <td data-bbox="1541 849 1980 951">Tindakan proses pelupusan telah bermula pada suku tahun kedua 2014</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1317 951 1541 1027"><i>Kneader (gambar 5.20)</i></td> <td data-bbox="1541 951 1980 1027">Tindakan proses pelupusan telah bermula pada suku tahun kedua 2014</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1317 1027 1541 1129"><i>Two Rolls Mill K-560 (gambar 5.21)</i></td> <td data-bbox="1541 1027 1980 1129">Tindakan proses pelupusan telah bermula pada suku tahun kedua 2014</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1317 1129 1541 1369"><i>SMR Automation System (gambar 5.22)</i></td> <td data-bbox="1541 1129 1980 1369">Projek sudah tamat serta berjaya disediakan dan berfungsi dengan sepenuhnya. Tindakan seterusnya untuk menyediakan proses mempatenkan rekabentuk sistem yang diterima-pakai untuk mengeluarkan biskut getah kering dari dulang pengering.</td> </tr> </tbody> </table>	PERALATAN	MAKLUM BALAS LGM	<i>Two Rolls Mill MS Moriyama SPM-75 (gambar 5.17)</i>	Permohonan pelupusan peralatan telah dimajukan kepada UPD pada 15 Mei 2014.	<i>Honeywell Steam Autoclave (gambar 5.18)</i>	Permohonan pelupusan peralatan telah dimajukan kepada UPD pada 15 Mei 2014.	<i>Electric Retread Tyre Autoclave (gambar 5.19)</i>	Tindakan proses pelupusan telah bermula pada suku tahun kedua 2014	<i>Kneader (gambar 5.20)</i>	Tindakan proses pelupusan telah bermula pada suku tahun kedua 2014	<i>Two Rolls Mill K-560 (gambar 5.21)</i>	Tindakan proses pelupusan telah bermula pada suku tahun kedua 2014	<i>SMR Automation System (gambar 5.22)</i>	Projek sudah tamat serta berjaya disediakan dan berfungsi dengan sepenuhnya. Tindakan seterusnya untuk menyediakan proses mempatenkan rekabentuk sistem yang diterima-pakai untuk mengeluarkan biskut getah kering dari dulang pengering.
PERALATAN	MAKLUM BALAS LGM															
<i>Two Rolls Mill MS Moriyama SPM-75 (gambar 5.17)</i>	Permohonan pelupusan peralatan telah dimajukan kepada UPD pada 15 Mei 2014.															
<i>Honeywell Steam Autoclave (gambar 5.18)</i>	Permohonan pelupusan peralatan telah dimajukan kepada UPD pada 15 Mei 2014.															
<i>Electric Retread Tyre Autoclave (gambar 5.19)</i>	Tindakan proses pelupusan telah bermula pada suku tahun kedua 2014															
<i>Kneader (gambar 5.20)</i>	Tindakan proses pelupusan telah bermula pada suku tahun kedua 2014															
<i>Two Rolls Mill K-560 (gambar 5.21)</i>	Tindakan proses pelupusan telah bermula pada suku tahun kedua 2014															
<i>SMR Automation System (gambar 5.22)</i>	Projek sudah tamat serta berjaya disediakan dan berfungsi dengan sepenuhnya. Tindakan seterusnya untuk menyediakan proses mempatenkan rekabentuk sistem yang diterima-pakai untuk mengeluarkan biskut getah kering dari dulang pengering.															

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																						
	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="439 228 777 276">PERALATAN</th> <th data-bbox="777 228 1330 276">MAKLUM BALAS LGM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="439 276 777 384"><i>Two Rolls Mill MS Moriyama SPM-75 (gambar 5.17)</i></td> <td data-bbox="777 276 1330 384"><i>Permohonan pelupusan akan dibuat kerana mesin telah rosak dan tidak ekonomik untuk dibaiki.</i></td> </tr> <tr> <td data-bbox="439 384 777 515"><i>Honeywell Steam Autoclave (gambar 5.18)</i></td> <td data-bbox="777 384 1330 515"><i>Jangka hayat mesin adalah lebih 30 tahun dan peralatan masih digunakan walaupun tidak secara sempurna kerana kerosakan kepada pengedap. Bagaimanapun, penggunaan tidak direkodkan.</i></td> </tr> <tr> <td data-bbox="439 515 777 619"><i>Electric Retread Tyre Autoclave (gambar 5.19)</i></td> <td data-bbox="777 515 1330 619"><i>Mesin tidak diperlukan kerana penyelidikan pembentukan tayar digantikan dengan penghasilan penyediaan sebatian.</i></td> </tr> <tr> <td data-bbox="439 619 777 750"><i>Kneader (gambar 5.20)</i></td> <td data-bbox="777 619 1330 750"><i>Mesin tidak diperlukan untuk penyelidikan kerana projek telah tamat, kos pembaikan tinggi dan terdapat mesin pengadunan dalaman lain sebagai alternatif.</i></td> </tr> <tr> <td data-bbox="439 750 777 880"><i>Two Rolls Mill K-560 (gambar 5.21)</i></td> <td data-bbox="777 750 1330 880"><i>Projek yang menggunakan mesin ini telah tamat. Mesin telah rosak sejak tahun 2009 dan alat ganti hanya boleh diperolehi di negara China. Permohonan pelupusan peralatan akan dibuat.</i></td> </tr> <tr> <td data-bbox="439 880 777 984"><i>SMR Automation System (gambar 5.22)</i></td> <td data-bbox="777 880 1330 984"><i>Projek penyelidikan secara kerjasama dengan Zul Design Autotronic Sdn. Berhad telah tamat dan permohonan pelupusan akan dibuat.</i></td> </tr> <tr> <td data-bbox="439 984 777 1088"><i>Robotic System (gambar 5.23)</i></td> <td data-bbox="777 984 1330 1088"><i>Peralatan dipasang sekitar tahun 1998 dan telah dilupuskan pada tahun 2007. Tindakan susulan untuk kerja pelupusan akan dibuat.</i></td> </tr> <tr> <td data-bbox="439 1088 777 1192"><i>Creeper (gambar 5.24)</i></td> <td data-bbox="777 1088 1330 1192"><i>Peralatan merupakan sumbangan dari Kilang Felda Rubber Industries Sdn. Berhad dan akan didaftarkan sebagai aset LGM.</i></td> </tr> </tbody> </table>	PERALATAN	MAKLUM BALAS LGM	<i>Two Rolls Mill MS Moriyama SPM-75 (gambar 5.17)</i>	<i>Permohonan pelupusan akan dibuat kerana mesin telah rosak dan tidak ekonomik untuk dibaiki.</i>	<i>Honeywell Steam Autoclave (gambar 5.18)</i>	<i>Jangka hayat mesin adalah lebih 30 tahun dan peralatan masih digunakan walaupun tidak secara sempurna kerana kerosakan kepada pengedap. Bagaimanapun, penggunaan tidak direkodkan.</i>	<i>Electric Retread Tyre Autoclave (gambar 5.19)</i>	<i>Mesin tidak diperlukan kerana penyelidikan pembentukan tayar digantikan dengan penghasilan penyediaan sebatian.</i>	<i>Kneader (gambar 5.20)</i>	<i>Mesin tidak diperlukan untuk penyelidikan kerana projek telah tamat, kos pembaikan tinggi dan terdapat mesin pengadunan dalaman lain sebagai alternatif.</i>	<i>Two Rolls Mill K-560 (gambar 5.21)</i>	<i>Projek yang menggunakan mesin ini telah tamat. Mesin telah rosak sejak tahun 2009 dan alat ganti hanya boleh diperolehi di negara China. Permohonan pelupusan peralatan akan dibuat.</i>	<i>SMR Automation System (gambar 5.22)</i>	<i>Projek penyelidikan secara kerjasama dengan Zul Design Autotronic Sdn. Berhad telah tamat dan permohonan pelupusan akan dibuat.</i>	<i>Robotic System (gambar 5.23)</i>	<i>Peralatan dipasang sekitar tahun 1998 dan telah dilupuskan pada tahun 2007. Tindakan susulan untuk kerja pelupusan akan dibuat.</i>	<i>Creeper (gambar 5.24)</i>	<i>Peralatan merupakan sumbangan dari Kilang Felda Rubber Industries Sdn. Berhad dan akan didaftarkan sebagai aset LGM.</i>	<table border="1"> <tbody> <tr> <td data-bbox="1377 212 1585 300"><i>Robotic System (gambar 5.23)</i></td> <td data-bbox="1594 212 2036 300">Permohonan pelupusan peralatan <i>robotic system</i> telah dimajukan kepada UPD pada 15 Mei 2014.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1377 316 1585 381"><i>Creeper (gambar 5.24)</i></td> <td data-bbox="1594 316 2036 381">Pendaftaran <i>creper</i> sedang dalam proses pendaftaran</td> </tr> </tbody> </table>	<i>Robotic System (gambar 5.23)</i>	Permohonan pelupusan peralatan <i>robotic system</i> telah dimajukan kepada UPD pada 15 Mei 2014.	<i>Creeper (gambar 5.24)</i>	Pendaftaran <i>creper</i> sedang dalam proses pendaftaran
PERALATAN	MAKLUM BALAS LGM																							
<i>Two Rolls Mill MS Moriyama SPM-75 (gambar 5.17)</i>	<i>Permohonan pelupusan akan dibuat kerana mesin telah rosak dan tidak ekonomik untuk dibaiki.</i>																							
<i>Honeywell Steam Autoclave (gambar 5.18)</i>	<i>Jangka hayat mesin adalah lebih 30 tahun dan peralatan masih digunakan walaupun tidak secara sempurna kerana kerosakan kepada pengedap. Bagaimanapun, penggunaan tidak direkodkan.</i>																							
<i>Electric Retread Tyre Autoclave (gambar 5.19)</i>	<i>Mesin tidak diperlukan kerana penyelidikan pembentukan tayar digantikan dengan penghasilan penyediaan sebatian.</i>																							
<i>Kneader (gambar 5.20)</i>	<i>Mesin tidak diperlukan untuk penyelidikan kerana projek telah tamat, kos pembaikan tinggi dan terdapat mesin pengadunan dalaman lain sebagai alternatif.</i>																							
<i>Two Rolls Mill K-560 (gambar 5.21)</i>	<i>Projek yang menggunakan mesin ini telah tamat. Mesin telah rosak sejak tahun 2009 dan alat ganti hanya boleh diperolehi di negara China. Permohonan pelupusan peralatan akan dibuat.</i>																							
<i>SMR Automation System (gambar 5.22)</i>	<i>Projek penyelidikan secara kerjasama dengan Zul Design Autotronic Sdn. Berhad telah tamat dan permohonan pelupusan akan dibuat.</i>																							
<i>Robotic System (gambar 5.23)</i>	<i>Peralatan dipasang sekitar tahun 1998 dan telah dilupuskan pada tahun 2007. Tindakan susulan untuk kerja pelupusan akan dibuat.</i>																							
<i>Creeper (gambar 5.24)</i>	<i>Peralatan merupakan sumbangan dari Kilang Felda Rubber Industries Sdn. Berhad dan akan didaftarkan sebagai aset LGM.</i>																							
<i>Robotic System (gambar 5.23)</i>	Permohonan pelupusan peralatan <i>robotic system</i> telah dimajukan kepada UPD pada 15 Mei 2014.																							
<i>Creeper (gambar 5.24)</i>	Pendaftaran <i>creper</i> sedang dalam proses pendaftaran																							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.3.1	<p>Peralatan Tidak Berfungsi Dengan Baik</p> <p>Semakan Audit mendapati 2 peralatan bagi ujian tayar iaitu <i>Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus</i> dan <i>Two Position Rolling Resistance Test Machine</i> berjumlah RM4.7 juta yang dibeli pada tahun 2010 dan 2011 tidak berfungsi dan tidak dapat digunakan kerana mengalami masalah perisian sejak bulan Februari dan April 2013. Selain itu, 237 daripada 400 unit peralatan <i>Automatic Rubber Tapping Systems</i> (ARTS) di Stesen Penyelidikan Kota Tinggi tidak berfungsi dengan baik menyebabkan tiada hasil torehan.</p>	<p>Kerja-kerja pembangunan perisian baru peralatan bagi ujian tayar iaitu <i>Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus</i> masih lagi berjalan.</p>
5.4.3.1.a.ii	<p><i>Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus Dan Two Position Rolling Resistance Test Machine</i></p> <p>Semakan Audit mendapati kedua-dua peralatan ini tidak berfungsi dan tidak dapat digunakan sejak bulan Februari dan April 2013 kerana mengalami masalah perisian. LGM telah merujuk masalah ini kepada pembekal peralatan tetapi punca masalah kepada sistem masih tidak dapat dikenal pasti. LGM memaklumkan gangguan bekalan elektrik yang berlaku sebanyak 5 kali pada bulan Februari 2013 merupakan antara faktor yang menyebabkan kerosakan kepada sistem. Oleh itu, LGM tidak dapat menyediakan perkhidmatan ujian tayar dan menjalankan penyelidikan menggunakan kedua-dua peralatan tersebut. LGM juga tidak dapat menjana pendapatan daripada perkhidmatan ujian tayar trak dan bas yang dianggarkan berjumlah RM0.24 juta bagi tempoh Februari sehingga Disember 2013. Selain itu, LGM juga perlu menanggung tambahan kos berjumlah RM0.18 juta untuk perolehan perisian baru bagi peralatan <i>Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus</i>.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada LGM Diterima Pada 25 April 2014.</i></p> <p><i>LGM memaklumkan bahawa kerosakan perisian bagi kedua-dua mesin yang disebabkan oleh masalah gangguan bekalan elektrik tidak termasuk dalam jaminan mesin tersebut. Perisian bagi Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus perlu direkabentuk semula bagi memastikan mesin dapat berfungsi dengan baik. Melalui perolehan perisian baru berjumlah RM170,000, terdapat penambahbaikan yang dilakukan pada perisian dan panel kawalan dengan memasang panel 'touch screen' pada panel kawalan utama bagi memastikan mesin dapat dikawal menggunakan panel 'touch screen' tanpa kebergantungan kepada kawalan daripada komputer sahaja. Perisian tersebut masih di peringkat pembangunan di mana percubaan awal untuk menggerakkan operasi mesin telah berjaya dilakukan. Kerja-kerja pembangunan perisian dijangka siap pada penghujung bulan Mei 2014.</i></p>	<p>Kerja-kerja pembangunan perisian baru peralatan bagi ujian tayar iaitu <i>Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus</i> masih lagi berjalan.</p> <p>Pembangunan perisian bagi peralatan <i>Two Position Rolling Resistance Test Machine</i> belum lagi dijalankan dan ianya bergantung kepada keputusan akhir status pembangunan perisian <i>Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus</i>. Jika proses baik pulih pembangunan perisian tersebut berfungsi dengan baik, permohonan baik pulih peralatan <i>Two Position Rolling Resistance Test Machine</i> akan dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini															
	<p><i>Pembangunan perisian bagi peralatan Two Position Rolling Resistance Test Machine pula adalah bergantung kepada keputusan akhir status pembangunan perisian Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus. Jika proses baik pulih pembangunan perisian tersebut berfungsi dengan baik, permohonan baik pulih peralatan Two Position Rolling Resistance Test Machine akan dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan.</i></p>																
<p>5.4.3.1.b.ii</p>	<p><i>Automatic Rubber Tapping Systems</i></p> <p>Analisis Audit terhadap 400 data yang diperoleh pada 11 Disember 2013 di Stesen Penyelidikan Kota Tinggi mendapati hanya 163 unit atau 40.8% ARTS berfungsi dengan baik dan mempunyai hasil torehan manakala 237 unit lagi tidak mempunyai hasil torehan. Ini disebabkan peralatan rosak, hasil torehan terlalu sedikit menyebabkan ia tidak dapat ditimbang, lateks tidak mengalir ke dalam mangkuk yang disediakan dan tiada data.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengujian produk bagi tujuan komersial dan peralatan penyelidikan adalah kurang memuaskan kerana peralatan mengalami masalah perisian dan tidak berfungsi dengan baik.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada LGM Diterima Pada 25 April 2014.</i></p> <p><i>LGM memaklumkan bahawa 400 unit ARTS dipasang pada pokok untuk melihat ketahanan mesin dan pengeluaran lateks. Penjelasan mengenai peralatan yang tidak mempunyai hasil torehan adalah seperti berikut:</i></p> <table border="1" data-bbox="439 979 1326 1350"> <thead> <tr> <th><i>PERKARA</i></th> <th><i>BIL. ARTS</i></th> <th><i>PENJELASAN LGM</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><i>Mempunyai hasil torehan</i></td> <td>163</td> <td><i>Peralatan berfungsi dengan baik.</i></td> </tr> <tr> <td><i>Hasil torehan sedikit dan tidak dapat ditimbang</i></td> <td>28</td> <td><i>Kedalaman yang tidak mencukupi kerana mesin bergerak pada permukaan yang tidak rata.</i></td> </tr> <tr> <td><i>Tiada data</i></td> <td>122</td> <td><i>'Wash out by rain'</i></td> </tr> <tr> <td><i>Lain-lain</i></td> <td>87</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Motor terbakar kerana gejala yang terbelit menyebabkan peralatan rosak.</i> • <i>Gejala yang terkumpul di 'spout'</i> </td> </tr> </tbody> </table>	<i>PERKARA</i>	<i>BIL. ARTS</i>	<i>PENJELASAN LGM</i>	<i>Mempunyai hasil torehan</i>	163	<i>Peralatan berfungsi dengan baik.</i>	<i>Hasil torehan sedikit dan tidak dapat ditimbang</i>	28	<i>Kedalaman yang tidak mencukupi kerana mesin bergerak pada permukaan yang tidak rata.</i>	<i>Tiada data</i>	122	<i>'Wash out by rain'</i>	<i>Lain-lain</i>	87	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Motor terbakar kerana gejala yang terbelit menyebabkan peralatan rosak.</i> • <i>Gejala yang terkumpul di 'spout'</i> 	<p>Status terkini (15 Mei 2014), 400 ARTS dipasang di pokok untuk ujian pra-komersil. Lebih daripada 95% ARTS yang dipasangkan di pokok telah berfungsi.</p> <p>Ini adalah disebabkan oleh:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Gejala (<i>lace</i>) getah melekat pada mata memotong dan ianya perlu dibersihkan sebelum mesin digunakan semula. Penambahbaikan: Rekabentuk baru '<i>lace remover</i>' sedang diuji untuk mengelakkan masalah gejala melekat. 2. Data '<i>wash out by rain</i>'. Penambahbaikan: '<i>Rain guarding</i>' telah dipasang pada setiap pokok untuk mengelakkan daripada berlakunya data '<i>wash out by rain</i>'. 3. Kehabisan panel torehan. Penambahbaikan: Panel baru telah digunakan untuk ujilari seterusnya.
<i>PERKARA</i>	<i>BIL. ARTS</i>	<i>PENJELASAN LGM</i>															
<i>Mempunyai hasil torehan</i>	163	<i>Peralatan berfungsi dengan baik.</i>															
<i>Hasil torehan sedikit dan tidak dapat ditimbang</i>	28	<i>Kedalaman yang tidak mencukupi kerana mesin bergerak pada permukaan yang tidak rata.</i>															
<i>Tiada data</i>	122	<i>'Wash out by rain'</i>															
<i>Lain-lain</i>	87	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Motor terbakar kerana gejala yang terbelit menyebabkan peralatan rosak.</i> • <i>Gejala yang terkumpul di 'spout'</i> 															

Perenggan	Penemuan Audit			Status Terkini
			<p><i>terlalu tebal dan alur torehan tidak tepat menyebabkan susu getah tidak mengalir ke dalam mangkuk.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>• Peralatan off disebabkan panel yang telah habis dan program terganggu kerana 'mis counting' atau 'mis alignment'.</i> 	
5.4.4.2	<p>Peralatan Tidak Disenggara</p> <p>LGM telah memperuntukkan sejumlah RM10.1 juta pada tahun 2011, RM12.1 juta pada tahun 2012 dan RM12.4 juta pada tahun 2013 dengan perbelanjaan sebenar masing-masing sebanyak 84.28%, 89.50% dan 75.49% untuk penyenggaraan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 31 sampel peralatan penyelidikan dan komersial mendapati 9 peralatan tidak disenggara mengikut jadual menyebabkan peralatan sentiasa rosak dan tidak dapat digunakan. Pada pendapat Audit, penyenggaraan peralatan adalah kurang memuaskan menyebabkan peralatan terbiar dan tidak dapat digunakan lagi. Selain itu, kelewatan memperbaiki peralatan yang rosak boleh menjejaskan aktiviti penyelidikan.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada LGM Diterima Pada 25 April 2014.</i></p> <p><i>LGM memaklumkan Rubberised Bithumin telah diluluskan untuk pelupusan pada 13 April 2012. Selain itu, peralatan Multi-Axis Servo Hydraulic Machine dan Dynamic Testing Machine MTS 831 telah diluluskan untuk proses menaik taraf pada tahun 2014 melalui dana RMK-ke 10.</i></p>			<p>Peralatan Rubberised Bithumin telah dilupuskan dan telah dibawa keluar dari LGM Sg Buloh pada 20 Februari 2014.</p> <p>Bajet RMK-ke 10 telah diperolehi untuk menaik taraf peralatan Multi-Axis Servo Hydraulic Machine dan Dynamic Testing Machine MTS 831. Tender untuk mesin-mesin tersebut telah dilaksanakan bermula pada Oktober 2013 sehingga 30 Disember 2013. Sehingga kini, proses fabrikasi mesin sedang dilakukan oleh pihak pembekal.</p>
5.4.6.2	<p>Semakan Audit mendapati LGM telah mewujudkan mekanisme pemantauan dengan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih dan melantik Ketua Seksyen Pengurusan Aset Dan Keselamatan sebagai Pegawai Aset. Selain itu, LGM juga melantik pegawai aset bagi setiap Unit di Bahagian Teknologi dan Kejuruteraan. Jawatankuasa perlu bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu 4 kali setahun. Bagi tahun 2009 sehingga 2013, Jawatankuasa hanya bermesyuarat sebanyak 3 kali pada tahun 2009 dan tiada mesyuarat diadakan pada tahun 2012.</p>			<p>LGM mengambil perhatian dan makluman untuk melaksanakan mesyuarat agar bermesyuarat mengikut suku tahun berakhir setiap tahun. Bagi memastikan mesyuarat dilaksanakan mengikut suku tahun, satu ketetapan dilaksanakan pada setiap minggu ketiga atau keempat bagi bulan dalam suku tahun berikutnya.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan peralatan penyelidikan dan komersial adalah kurang memuaskan kerana Jawatankuasa tidak bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

Perenggan 6 : Pengurusan Perolehan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.3.1.2	<p>Perolehan Tanpa Kelulusan Jawatankuasa Tender</p> <p>Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2010 sehingga 2012 sebanyak 160 perolehan bernilai RM3.60 juta untuk 3 Jabatan di FELDA iaitu Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru, Jabatan Pembangunan Usahawan dan Jabatan Sumber Manusia dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender. Perolehan ini telah dibuat secara terus oleh jabatan yang terlibat dan diluluskan oleh Pengarah Jabatan tersebut. Daripada 160 perolehan, sebanyak 51 perolehan berjumlah RM1.66 juta dibuat secara terus dengan anak syarikat FELDA.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan yang dibuat melalui Jawatankuasa Tender berdasarkan had yang ditetapkan dapat memastikan ia dinilai dengan lebih telus daripada aspek peruntukan, harga dan keperluan sebenar. Ia juga dapat mengelakkan daripada risiko kepada pembelian yang tidak diperlukan dan penyalahgunaan kuasa.</p> <p>Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 29 April 2014.</p> <p>FELDA memaklumkan semua bayaran yang dibuat telah mendapat persetujuan pengurusan tertinggi. Walau bagaimanapun, Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru, Jabatan Pembangunan Usahawan dan Jabatan Sumber Manusia telah melaksanakan urusan perolehan tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender yang telah ditubuhkan. Perkara ini berlaku kerana jabatan tersebut dalam proses transformasi dan perubahan carta organisasi serta Pengarah dan kakitangan baru yang dilantik kurang memahami proses dan peraturan perolehan. Perolehan bagi jabatan tersebut dijalankan supaya tidak mengganggu bantuan yang disalurkan kepada generasi baru FELDA Adalah menjadi amalan FELDA bagi bayaran yang melibatkan anak syarikat dan pengusaha FELDA, perolehan tidak dibuat melalui jawatankuasa selaras dengan komitmen FELDA membantu semua anak syarikat dan pengusaha FELDA. FELDA juga memaklumkan tiada unsur penyelewengan yang berlaku. Beberapa jabatan pada masa tersebut dalam proses transformasi dan perolehan tersebut dijalankan supaya tidak mengganggu bantuan yang disalurkan</p>	<p>Surat teguran kepada semua pengarah Jabatan di Ibu Pejabat FELDA berkenaan Perolehan Tanpa Kelulusan Jawatankuasa Tender telah dikeluarkan dan diedarkan pada 16 April 2014.</p> <p>Rujukan surat adalah Bil: (14) 1400/01/1/PT.2 bertarikh 16 April 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kepada generasi baru FELDA.</p> <p>FELDA dalam proses menyelesaikan proses penstrukturan semula anak syarikat dan pengusaha FELDA. Kertas cadangan untuk melaksanakan kerja perolehan secara rundingan terus akan dibentangkan ke Mesyuarat Lembaga dan pekeliling akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan Lembaga berkenaan penstrukturan semula.</p>	
<p>6.3.2.2</p>	<p>Perolehan Yang Dipecah Kecil</p> <p>Semakan Audit mendapati perolehan sempena Sambutan Hari Peneroka 2011 di Jengka, Pahang berjumlah RM1.85 juta tidak dibuat melalui Jawatankuasa Tender Lembaga. Perolehan ini telah dipecah kecil kepada 2 kontrak masing-masing bernilai RM0.99 juta dan RM0.86 juta serta diluluskan oleh Jawatankuasa Tender 1 pada 4 Julai 2011. Perolehan ini jika tidak dipecah kecil, perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Tender Lembaga yang di pengaruhi oleh Pengerusi FELDA.</p>	<p>Perkara ini telah dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga yang diadakan pada 29 April 2014. Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah telah mengambil maklum berkaitan perkara ini. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga ini akan disahkan dalam Mesyuarat Lembaga yang akan datang pada 27 Mei 2014.</p>
<p>6.3.2.3</p>	<p>Pada tahun 2011, FELDA telah melaksanakan perolehan kerja hiasan dalaman Fasa 1 Menara FELDA bernilai RM3.65 juta melalui 5 pakej yang berasingan. Semakan Audit mendapati kesemua pakej ini telah ditawarkan kepada Naza TTDI Sdn. Berhad dengan nombor kontrak yang berbeza. Selain itu, juru perunding bagi kerja Hiasan Dalaman Menara FELDA telah diarahkan oleh FELDA untuk menyediakan pecahan harga bagi Fasa 1 kepada 5 pakej tanpa mengubah amaun akhir yang ditawarkan oleh Naza TTDI Sdn. Berhad bagi memudahkan proses kelulusan. Perolehan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tender 1 pada 10 Ogos 2011 dan bukannya Jawatankuasa Tender Lembaga yang sepatutnya.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan tanpa mengikut peraturan yang ditetapkan boleh menyebabkan penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Perolehan yang dilaksanakan secara teratur, telus dan adil membuka peluang FELDA memperoleh harga yang kompetitif dan mendapat value for money.</p> <p>Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 29 April 2014.</p> <p>FELDA memaklumkan Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 269 bertarikh 23 Mei 2011 telah bersetuju Sambutan Hari Peneroka diadakan pada 7 Julai 2011 bertempat di Mini Stadium, Bandar Pusat Jengka, Pahang. Ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengurusan FELDA Bilangan 2/2011 pada 25 April 2011.</p> <p>Sambutan Hari Peneroka 2011 adalah acara tahunan yang penting untuk FELDA yang diadakan pada 7 Julai 2011. Acara tersebut kebiasaannya menghadapi masa yang singkat untuk persediaan disebabkan perlu menunggu pengesahan tarikh dan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tempat dari Yang Amat Berbahagia Perdana Menteri. Acara ini merupakan acara terbesar FELDA pada setiap tahun yang melibatkan kos yang tinggi. Kebiasaan, kerja-kerja yang dilaksanakan perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK), tetapi pada masa perancangan dan persiapan dilakukan, mesyuarat JKK tidak bersidang dan hanya diadakan pada 25 Julai 2011 (JKK Bilangan 270). Untuk memastikan segala keperluan dapat disiapkan pada masa yang telah ditetapkan beberapa kerja-kerja perolehan perlu dipecahkan. Kontraktor yang ditawarkan kontrak merupakan kontraktor yang mempunyai pengalaman menguruskan acara-acara besar, mempunyai tenaga kerja yang ramai, mempunyai peralatan-peralatan sendiri, kedudukan kewangan yang baik dan mampu menyiapkan kerja dalam masa yang singkat. Bagi Sambutan Hari Peneroka 2014, perancangan lebih awal sedang disediakan di mana senarai keperluan kerja sedang diatur dan diperincikan bagi membolehkan kerja-kerja diperolehi secara tender. Perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit FELDA pada 29 April 2014 dan keputusan perbincangan untuk “endorse” perkara ini akan diangkat ke Mesyuarat Lembaga FELDA yang akan datang.</p> <p>Selain itu, kerja-kerja hiasan dalaman Fasa 1 terpaksa dipecahkan kepada 5 pakej disebabkan keperluan untuk menyiapkan kerja sebelum Sambutan Hari Peneroka 2012 dan Majlis Perasmian Menara FELDA. Walaupun kontraktor yang sama dilantik untuk melaksanakan kelima-lima pakej tersebut, pengurusan FELDA merasakan ianya perlu dibuat sedemikian bagi memudahkan pemantauan kerja dilakukan, tempoh masa penyiapan kerja mengikut pakej dapat disingkatkan dan mempercepatkan proses bayaran. Kontraktor yang sama juga adalah merupakan kontraktor yang sedang melaksanakan kerja-kerja pembinaan bangunan yang masih berjalan pada masa tersebut. Pelantikan kontraktor ini juga dapat menjimatkan masa penilaian tender dan meminimalkan masalah yang akan timbul semasa kerja-kerja ini dilaksanakan dan memandangkan bangunan ini masih di bawah tempoh tanggung cacat kerja.</p>	
6.3.3.1.b	<p>Kelemahan Pengurusan Kontrak - Kontrak Tidak Disediakan</p> <p>Semakan Audit terhadap perolehan yang bernilai melebihi RM200,000 mendapati dokumen kontrak tidak disediakan bagi 56 perolehan berjumlah RM183.13 juta. Sebanyak 53 daripada perolehan tersebut yang berjumlah RM165.65 juta telah dibayar tanpa perjanjian manakala 3 perolehan bagi tahun 2012 berjumlah RM17.48 juta masih belum dibayar.</p>	<p>Semakan dari senarai yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara didapati daripada RM183.13 juta, sebanyak 15 perolehan diberikan kepada institusi pelajaran berjumlah RM67.73 juta manakala 8 perolehan diberikan kepada anak syarikat Felda berjumlah RM53.17 juta. Perolehan kepada institusi pelajaran terlibat dibuat kerana institusi lain tidak ada yang boleh memberikan atau mengendalikan kursus yang dikehendaki.</p>
6.3.3.1.c	<p>Selain itu, pihak Audit mendapati 23 daripada 53 perolehan berjumlah RM19.93 juta telah dibayar berdasarkan pesanan pembelian yang diluluskan oleh Pengarah Tadbiran sahaja. Sebanyak 35 daripada 53 perolehan berjumlah RM145.72 juta yang dibayar hanya mempunyai Surat Setuju Terima (SST) dan pesanan pembelian.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini															
	<p>Pada pendapat Audit, kegagalan menyediakan kontrak menyebabkan kepentingan FELDA tidak dilindungi.</p> <p>Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 29 April 2014.</p> <p>FELDA berpendapat dalam urusan kontrak, adalah memadai hanya Surat Perintah Kerja (SPK) atau Borang Pesanan (PO) dikeluarkan dengan syarat ianya mempunyai tandatangan kedua-dua pihak (FELDA dan Pemborong/Kontraktor). Pihak "Legal" FELDA juga mengesahkan bahawa SPK adalah perjanjian yang mengikat kedua pihak yang menandatangani serta melindungi FELDA jika berlaku sebarang pelanggaran syarat. Mulai Jun 2014, FELDA akan mengeluarkan peringatan kepada semua Jabatan supaya semua perolehan mempunyai Dokumen Perjanjian yang lengkap.</p> <p>Pada pendapat Audit, Peraturan Urusan Kontrak dan Bekalan FELDA menetapkan hanya kontrak perjanjian perlu diwujudkan dan ditandatangani bagi perolehan bernilai melebihi RM200,000 dan SPK tidak dibenarkan.</p>	<table border="1" data-bbox="1355 228 2029 375"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Kontrak kepada :</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>15</td> <td>Institusi Pelajaran</td> <td>67,732,600</td> </tr> <tr> <td>8</td> <td>Anak Syarikat FELDA</td> <td>53,168,560</td> </tr> <tr> <td>33</td> <td>Lain-lain</td> <td>62,228,840</td> </tr> <tr> <td>56</td> <td>Jumlah</td> <td>183,130,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Bermula dari Felda ditubuhkan, Surat Perjanjian Kontrak dikenali oleh pengurusan Felda sebagai Suart Perintah Kerja (SPK). Pengeluaran SPK dibuat di Peringkat Wilayah dan Ibu Pejabat. Surat SPK ini telah di"endorse" oleh Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang yang menyatakan SPK adalah perjanjian yang mengikat kedua pihak yang menandatangani serta melindungi FELDA dan pihak terlibat jika berlaku sebarang pelanggaran syarat walaupun tiada dokumen kontrak tidak disediakan.</p> <p>Selain daripada itu, daripada 56 perolehan yang bernilai RM183.3 juta, pengurusan mendapati hanya 6 perolehan yang bernilai RM23.26 juta yang tidak mempunyai dokumen kontrak yang lengkap.</p> <p>Penambahbaikan bagi perkara ini akan diperhalusi dan diperkemaskan mengikut kehendak semasa melalui bengkel pematapan kontrak dan bekalan.</p>	Bil.	Kontrak kepada :	RM	15	Institusi Pelajaran	67,732,600	8	Anak Syarikat FELDA	53,168,560	33	Lain-lain	62,228,840	56	Jumlah	183,130,000
Bil.	Kontrak kepada :	RM															
15	Institusi Pelajaran	67,732,600															
8	Anak Syarikat FELDA	53,168,560															
33	Lain-lain	62,228,840															
56	Jumlah	183,130,000															
<p>6.3.3.2.b</p>	<p>Kontrak Belum Ditandatangani</p> <p>Semakan Audit mendapati 2 kontrak bagi perolehan bernilai RM60.68 juta belum ditandatangani walaupun sudah melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan dan sejumlah RM37.37 juta telah dibayar sehingga bulan Mac 2014.</p>	<p>Pihak kontraktor iaitu Atlanta Resources Sdn. Bhd. telah menandatangani Perjanjian Kontrak dan telah mengemukakan dokumen tersebut kepada FELDA melalui surat rujukan FELDA FASA 2/0514/016 bertarikh 6 Mei 2014.</p>															
<p>6.3.3.2.c</p>	<p>FELDA memaklumkan perjanjian kontrak dengan Atlanta Resources Sdn. Berhad tidak ditandatangani disebabkan RSP Architects Sdn. Berhad telah menarik diri sebagai juru perunding untuk kerja-kerja Fasa 2 pada 31 Julai 2012 kerana percanggahan reka bentuk. Perjanjian kontrak dengan Canggih Kilat Sdn. Berhad pula tidak ditandatangani disebabkan terdapat perubahan reka bentuk dan arahan penangguhan kerja. Penangguhan ini berterusan sehingga penamatan RSP Architects Sdn. Berhad sebagai konsultan hiasan dalaman Menara FELDA dibuat pada 27 November 2012.</p> <p>Pada pendapat Audit, kontrak yang tidak ditandatangani boleh mendedahkan FELDA</p>																

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kepada risiko kerugian di mana tindakan tidak boleh diambil sekiranya kontraktor tidak dapat melaksanakan kerja seperti yang dipersetujui antara dua pihak.</p> <p>Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 29 April 2014.</p> <p>FELDA memaklumkan dokumen kontrak di antara FELDA dengan Atlanta Resources Sdn. Berhad telah dihantar kepada pihak kontraktor untuk ditandatangani dan dijangka selesai ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada bulan Mei 2014. Selain itu, kemajuan kerja kontraktor Canggih Kilat Sdn. Berhad sehingga arahan penangguhan kerja dikeluarkan adalah sebanyak 10% sahaja. Disebabkan terdapat percanggahan kontrak di antara FELDA dan kontraktor, pihak kontraktor telah mengambil tindakan undang-undang terhadap FELDA untuk menuntut ganti rugi. Pihak peguam yang mewakili FELDA telah menasihatkan agar dokumen kontrak tidak ditandatangani memandangkan ianya masih dalam prosiding mahkamah.</p>	
6.4.5.1	<p>Kelemahan Pelaksanaan Program Bancian Warga Peneroka FELDA</p> <p>Pada tahun 2011, FELDA telah melaksanakan Program Bancian Warga Peneroka FELDA seperti mana yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga FELDA pada 23 Mac 2011. Program ini dilaksanakan bagi mendapatkan data dan maklumat terkini seluruh warga peneroka di tanah rancangan FELDA. Bancian dilaksanakan terhadap 112,635 keluarga peneroka di 317 rancangan FELDA.</p>	<p>FELDA memaklumkan konsultan tidak dilantik kerana PERSADA dan MBFM mampu untuk menjalankan bancian tersebut. Ahli-ahli belia terdiri daripada warga generasi baru FELDA yang bermastautin atau tinggal di tanah rancangan serta berpendidikan tinggi yang diketuai oleh Presiden MBFM. Berdasarkan hasil bancian yang pertama, FELDA mendapati masih banyak maklumat yang belum lengkap dan kurang tepat. Adalah menjadi satu keperluan kepada FELDA untuk membuat Bancian Kemas kini untuk mendapatkan maklumat terkini di samping mengesahkan maklumat bancian pertama yang telah dijalankan.</p>
6.4.5.2	<p>Bagi tujuan tersebut, FELDA merancang untuk melantik konsultan di kalangan profesional dan pembanci adalah dari kalangan pelajar Permuafakatan Siswa Siswi FELDA (PERSADA) dan ahli Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM). Semakan Audit mendapati bancian telah dilaksanakan bermula bulan Julai 2011 tanpa lantikan konsultan. Bancian juga dibuat tanpa pemantauan dan seliaan yang sewajarnya menyebabkan borang bancian tidak diisi dengan lengkap dan data bancian tidak dapat digunakan.</p>	<p>Jawatankuasa untuk memantau dan menyelia Program Bancian Warga Peneroka FELDA telah ditubuhkan berlandaskan keputusan Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 280 pada 31 Januari 2012. Keputusan Mesyuarat Lembaga telah meluluskan RM5 juta untuk keseluruhan program ini. Pembayaran sebenar yang telah dibuat sehingga kini adalah hanya sejumlah RM1.87 juta.</p>
6.4.5.3	<p>Semakan Audit mendapati pembayaran kepada petugas bancian dan pemasuk data berjumlah RM0.74 juta telah dibayar tanpa sebarang dokumen sokongan seperti laporan pemantauan dan pengesahan kerja. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan dokumen bancian telah diluluskan oleh Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru sebelum bayaran dibuat.</p>	
6.4.5.4	<p>FELDA telah menamatkan segala aktiviti bancian dan proses memasukkan maklumat warga peneroka yang dijalankan oleh MBFM pada 8 Oktober 2012. Bancian pertama kurang berkesan menyebabkan FELDA perlu menjalankan bancian kedua dengan menggunakan khidmat kakitangan FELDA di pejabat</p>	<p>Pembayaran sebenar dilaksanakan di peringkat Wilayah dengan dipantau oleh Pengurus Besar Wilayah dan segala dokumen sokongan disimpan di peringkat Wilayah/Rancangan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>rancangan/wilayah melibatkan kos berjumlah RM1.02 juta. Sehingga tarikh pengauditan pada 8 Mac 2013, banciaan semula yang dijangka siap pada bulan Disember 2012 masih belum selesai.</p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan yang tidak teratur dan kelemahan pemantauan terhadap kerja banciaan menyebabkan pembanciaan semula perlu dibuat yang melibatkan kos berjumlah RM1.02 juta serta tidak mendapat value for money. Selain itu, kegagalan menyiapkan program ini dalam masa yang ditetapkan menyebabkan objektif program belum tercapai.</p> <p>Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 29 April 2014.</p> <p>FELDA memaklumkan konsultan tidak dilantik kerana FELDA merasakan PERSADA dan MBFM mampu untuk menjalankan banciaan tersebut kerana ahli-ahlinya terdiri daripada warga generasi baru FELDA yang bermastautin atau tinggal di tanah rancangan serta berpendidikan tinggi yang diketuai oleh Presiden MBFM. Berdasarkan hasil banciaan pertama yang diterima, FELDA mendapati masih banyak maklumat yang diterima belum lengkap dan tidak tepat. Adalah menjadi satu keperluan kepada FELDA untuk membuat Banciaan Kemas kini untuk mendapatkan maklumat sebenar di samping mengesahkan maklumat banciaan pertama yang telah dijalankan. Selain itu, Jawatankuasa untuk memantau dan menyelia Program Banciaan Warga Peneroka FELDA telah ditubuhkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 280 pada 31 Januari 2012. Sejumlah RM0.71 juta merupakan rumusan pindahan bajet dari Jabatan Inovasi kepada Wilayah / Rancangan dan bukan rumusan perbelanjaan mengikut Wilayah. Pembayaran sebenar dilaksanakan di peringkat Wilayah/Rancangan dan segala dokumen sokongan disimpan di peringkat Wilayah/Rancangan. Pembayaran sebenar yang telah dibuat sehingga kini adalah hanya sejumlah RM1.87 juta.</p>	<p>Amaun RM0.74 juta merupakan rumusan pindahan bajet dari Jabatan Inovasi kepada Wilayah / Rancangan dan bukan rumusan perbelanjaan mengikut Wilayah seperti yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara.</p> <p>Program banciaan telah selesai kini. Berdasarkan maklumat banciaan yang telah dimuatnaik kedalam system SKB, maklumat generasi peneroka iaitu anak, cucu, cicit serta menantu mengikut umur, jantina dan bangsa dapat dikeluarkan. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa laporan yang boleh dikeluarkan daripada data banciaan seperti Laporan Generasi Baru Jenis OKU serta yang telah meninggal dunia serta direktori generasi baru.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU

Perenggan 7 : Pengurusan Penanaman Padi

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.1.2.a	<p>Prestasi Pengeluaran Padi</p> <p>KADA tidak mencapai sasaran intensiti tanaman padi pada tahun 2009 iaitu sebanyak 177% berbanding sasaran 189%, tahun 2010 sebanyak 161% berbanding sasaran 191%, tahun 2012 sebanyak 155% berbanding sasaran 180% dan tahun 2013 sebanyak 131% berbanding sasaran 180%. Perkara ini disebabkan keluasan bertanam bagi 2 musim tidak mencapai sasaran bagi tempoh tersebut. Bagaimanapun, intensiti tanaman padi dicapai pada tahun 2011. Selain itu, pengeluaran padi pada tahun 2013 juga tidak mencapai sasaran iaitu sebanyak 159,763 tan metrik atau 63.5% berbanding sasaran iaitu 251,750 tan metrik. Pengeluaran beras pada tahun 2013 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 103,846 tan metrik atau 63.5% berbanding sasaran sebanyak 163,638 tan metrik.</p>	<p>Bekalan air bagi kawasan bertanam padi bergantung kepada sungai Kelantan. Kawasan Tebing Timur mendapat bekalan air dari Stesen Pam Kemubu manakala Tebing Barat mendapat bekalan air dari Stesen Pam Kasar dan Stesen Pam Lemal.</p> <p>Bermula pada tahun 2009 KADA mula mengalami masalah bekalan air kerana air sungai kelantan kerap kali berada di bawah paras minima untuk operasi pam iaitu Stesen Pam Kemubu kurangan dari 4.5 meter dan Rumah Pam Kasar kurangan dari 1.07 meter, menyebabkan pam-pam tersebut tidak dapat beroperasi sepenuhnya.</p>
7.4.1.2.b	<p>Jumlah pengeluaran padi dari tahun 2009 sehingga 2013 menunjukkan trend penurunan kecuali pada tahun 2011. Pengeluaran padi pada tahun 2013 telah menurun sebanyak 32,636 tan metrik atau 17% kepada sebanyak 159,763 tan metrik berbanding 192,399 tan metrik pada tahun 2012. Pengeluaran beras juga menurun sebanyak 21,213 tan metrik atau 17% kepada 103,846 tan metrik pada tahun 2013 berbanding 125,059 tan metrik pada tahun 2012. Penurunan pengeluaran padi dan beras adalah disebabkan penurunan keluasan penanaman padi pada tahun 2013 iaitu sebanyak 15.7% berbanding tahun sebelumnya.</p>	<p>Masalah ini semakin serius menjelang tahun 2011, 2012 dan 2013. Ekoran daripada itu sebahagian daripada kawasan padi KADA tidak dapat dibekalkan air yang mana tanaman padi tidak dapat diusahakan. Ini telah menyebabkan keluasan tanaman padi tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan.</p> <p>Walaupun bagaimanapun bagi kawasan-kawasan yang mendapat bekalan air yang mencukupi produktiviti hasil padi meningkat (rujuk jadual 7.5 dan jadual 7.2).</p>
7.4.1.3	<p>Pengeluaran padi dan beras yang tidak mencapai sasaran adalah disebabkan masalah stesen pam utama dalam kawasan KADA yang tidak dapat membekalkan air ke sawah padi berikutan paras air Sungai Kelantan yang tidak mencapai paras minimum bagi stesen pam untuk beroperasi. Ini mengakibatkan pesawah tidak dapat melaksanakan penanaman padi secara serentak. Analisis Audit mendapati keluasan kawasan sawah padi bagi KADA telah menurun dari 31,464 hektar bagi tempoh 2007 sehingga 2010 kepada 29,450 hektar atau 93.6% bagi tempoh 2011 sehingga 2013.</p>	<p>Bagi mengatasi masalah tersebut KADA sedang menyiapkan pembinaan Empangan Rendah(Low Weir) di Stesen Pam Kemubu yang dijangka siap sebelum musim 1/2014 dan pembinaan Low Weir di Stesen Pam Kasar yang dijangka siap pada tahun 2015.</p> <p>Pembinaan Low Wier akan dapat menjamin paras air sungai tidak akan turun daripada paras minima untuk operasi stesen-stesen pam berkaitan, dengan ini bekalan air dapat disalurkan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.1.4	Semakan Audit terhadap Laporan Rumusan Perangkaan Tahun 2012 oleh Jabatan Pertanian mendapati KADA mempunyai luas pasel kedua tertinggi selepas Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dengan keluasan 29,450 hektar. Bagaimanapun, intensiti tanaman KADA hanya mencapai 155.7% iaitu kedua terendah berbanding 8 kawasan jelapang padi di Semenanjung Malaysia.	keseluruh kawasan tanaman padi KADA. Salah satu faktor yang mempengaruhi hasil pengeluaran padi adalah faktor kualiti tanah.
7.4.1.5	<p>Perbandingan juga dibuat bagi purata hasil bersih padi di Semenanjung Malaysia bagi KADA, MADA dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) bagi tahun 2009 sehingga 2012. Semakan lanjut mendapati KADA menyumbang purata hasil padi sebanyak 4.196 tan/hektar pada tahun 2012 dan merupakan penyumbang kedua terendah pada tahun yang sama.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian pengeluaran padi dan beras adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan walaupun KADA telah menerima peruntukan sejumlah RM235.95 juta di bawah RMKe-9, RMKe-10 dan DJBMN.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.</i></p> <p><i>KADA memaklumkan produktiviti hasil padi menunjukkan peningkatan walaupun pengeluaran padi dan keluasan bertanam telah menurun dari tahun 2009 hingga 2013 disebabkan oleh gangguan bekalan air. Ini disebabkan stesen pam utama tidak dapat beroperasi sepenuhnya kerana paras air Sungai Kelantan berada di bawah tahap minimum. Pembinaan empangan rendah di Rumah Pam Kemubu sedang dilaksanakan dan dijangka siap sebelum Luar Musim 2014 iaitu antara bulan Mac sehingga Julai manakala pembinaan empangan rendah di Rumah Pam Kasar dijangka siap pada tahun 2015 bagi mengatasi masalah ini.</i></p>	Berbanding MADA dan IADA lain yang berada di sebelah Barat Semenanjung, kualiti tanah di KADA lebih rendah di mana tanah MADA adalah di dalam kelas 1 dan 2 manakala tanah di KADA di dalam kelas 3 dan 4. Walaubagaimana pun KADA sentiasa berusaha meningkat hasil pengeluaran padi.
7.4.2.7.b	<p>Prestasi Kerja Kontraktor Asal</p> <p>Semakan Audit mendapati sehingga bulan Ogos 2013, projek pemasangan cerucuk keluli gagal disiapkan dengan tempoh kelewatan sebanyak 432 hari dari tarikh tamat lanjutan masa kedua. Kontraktor ini telah dikenakan bayaran Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM102,021 dan kontrak telah ditamatkan pada 25 Ogos 2013. Perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM1.83 juta di mana peratus keseluruhan projek siap ialah 96%.</p>	Untuk mengatasi masalah parasan air sungai yang menurun dan mengakibatkan pam tidak dapat beroperasi sepenuhnya KADA telah memutuskan untuk membina Empangan Rendah (Low Weir) berhampiran stesen Pam Kemubu untuk membolehkan paras air berada sentiasa diatas 4.5 meter.
7.4.2.7.c	Semakan lanjut mendapati kerja yang masih belum siap sepenuhnya adalah melibatkan penanaman cerucuk keluli bagi jenis 12.0 + 12.0 meter panjang iaitu 68.8% dan kerja bagi kawalan hakisan dasar sungai belum dimulakan.	Sebelum melaksanakan projek Empangan Rendah ini, KADA telah membuat kajian berkaitan paras dasar sungai bagi menentukan bilangan dan ukuran cerucuk keluli yang diperlukan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.2.8.a	<p>Prestasi Kerja Kontraktor Penyiap</p> <p>KADA telah melantik kontraktor penyiap iaitu AA Gemilang Group Sdn. Berhad secara tender terbuka dengan nilai kontrak berjumlah RM1.96 juta pada 22 September 2013 bagi menyiapkan baki projek dan mengukuhkan tebing sungai yang telah terhakis. <i>Method Statement</i> yang disertakan oleh kontraktor bersama dokumen kontrak yang dilantik menyatakan kerja pembinaan empangan rendah di Rumah Pam Kemubu akan dijalankan tanpa mengambil kira faktor cuaca yang tidak menentu dan kerja akan disiapkan dalam tempoh 11 minggu mulai 3 Oktober 2013 sehingga 19 Disember 2013. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 5 Disember 2013 mendapati projek belum disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Kerja di tapak telah dihentikan kerana aras sungai telah mencecah 11 meter disebabkan taburan hujan yang tinggi pada bulan tersebut.</p>	<p>Kontraktor bagi melaksanakan projek ini telah dilantik melalui tender terbuka iaitu NH AROSA (kontraktor pertama). Pelaksanaan projek berjalan dengan lancar pada awalnya mengikut jadual yang telah ditetapkan.</p> <p>Semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan sungai menjadi semakin sempit akibat daripada penanaman cerucuk keluli menyebabkan berlakunya hakisan dasar sungai yang melebihi daripada jangkaan.</p> <p>Perubahan kedalaman dasar sungai telah menyebabkan cerucuk keluli yang digunakan perlu disambung. Panjang asal cerucuk keluli yang digunakan adalah 12 meter dan 18 meter panjang. Ini kerana kedalaman Sungai Kelantan ketika itu di antara 3.0 meter dan 6.0 meter akibat daripada hakisan dasar sungai, kedalaman sungai telah berubah menjadi 10.0 meter dalam. Oleh kerana itu, cerucuk keluli yang digunakan terpaksa disambung untuk menjadikan panjang cerucuk keluli 24 meter (12meter + 12 meter) dan 30 meter (12meter + 18 meter).</p>
7.4.2.8.b	<p>Surat peringatan pertama kepada AA Gemilang Group Sdn. Berhad telah dikeluarkan pada 26 November 2013 dengan kelewatan siap kerja sebanyak 18%. Sehingga 25 November 2013, kemajuan siap kerja sebenar adalah 45% berbanding 63% yang sepatutnya. Kontraktor juga telah diberi lanjutan masa pertama sebanyak 97 hari dan tarikh siap baru bagi projek ini telah dilanjutkan kepada 27 Mac 2014.</p>	<p>Pertambahan bilangan cerucuk keluli yang perlu digunakan. Ini telah menyebabkan berlakunya peningkatan kos bagi projek tersebut.</p>
7.4.2.8.c	<p>Semakan Audit terhadap nilai kontrak mendapati skop kerja bagi kontrak ini adalah untuk baki kerja yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor pertama iaitu NH Arosa Enterprise. Skop kerja kontrak ini adalah untuk menyiapkan kerja penanaman cerucuk dan meningkatkan kerja kawalan hakisan tebing dan dasar sungai. Kos bagi kerja penstabilan dan pengukuhan tebing dan dasar sungai bagi kontrak ini adalah sejumlah RM1.18 juta berbanding RM0.17 juta bagi kontrak sebelumnya. Ini disebabkan hakisan tebing dan dasar sungai telah menjadi lebih serius selepas projek terbengkalai melebihi setahun.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembinaan empangan rendah di Rumah Pam Kemubu adalah kurang memuaskan kerana lewat disiapkan dan menyebabkan peningkatan kos. Kelewatan ini juga telah menjejaskan penanaman padi seluas 18,983 hektar di kawasan KADA.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.</i></p> <p><i>KADA memaklumkan kelewatan menyiapkan empangan rendah oleh kontraktor asal berlaku kerana perubahan kedalaman dasar sungai semasa proses pembinaan menyebabkan cerucuk keluli yang digunakan untuk kerja pengukuhan tebing perlu ditukar daripada 9 meter kepada 18 meter. Kelewatan oleh kontraktor penyiap juga disebabkan oleh perubahan kedalaman dasar sungai yang mengakibatkan kuantiti</i></p>	<p>Jawatankuasa lanjut masa kontrak Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia telah bersetuju untuk memberi 2 lanjutan masa kepada kontraktor berdasarkan sebab-sebab berikut :-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pertambahan bilangan cerucuk keluli yang perlu ditanam. ii. Gangguan hari bekerja akibat dari peningkatan paras air sungai di luar jangkaan yang mana tidak selamat untuk bekerja. <p>Pelaksanaan projek ini sentiasa dipantau didalam Mesyuarat Projek-Projek Bermasalah dan <i>under-utilize di</i> peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.</p> <p>Tarikh-tarikh mesyuarat tersebut dijalankan adalah</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>blok batu yang digunakan untuk kerja pengukuhan tebing sungai perlu ditambah. Selain itu, banjir yang berlaku pada bulan Disember 2013 menyebabkan banyak runtuh tebing sungai dan mengakibatkan pertambahan skop kerja untuk menstabilkan tebing tersebut.</i></p>	<p>sebagaimana Lampiran A1.</p> <p>Prestasi kemajuan pelaksanaan ini turut dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan KADA.</p> <p>Surat-surat peringatan dan amaran telah dikeluarkan dari masa ke semasa.</p>
<p>7.4.2.9.a</p>	<p>Kelewatan Kelulusan Lanjutan Masa</p> <p>Berdasarkan klausa 43 Perjanjian, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis dengan segera kepada Pegawai Penguasa bagi memohon lanjutan masa sekiranya terdapat kelewatan dalam kemajuan kerja. Pegawai Penguasa pula hendaklah meluluskan permohonan tersebut sebelum tarikh siap atau tarikh lanjutan masa yang ditetapkan tamat.</p>	<p>Lanjutan Masa bagi kontrak tersebut diluluskan oleh Jawatankuasa Meluluskan Lanjutan Masa Kontrak (EOT) Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani.</p> <p>Walaupun kelulusan Lanjutan Masa Lewat dibuat, ini tidak menjejaskan kelancaran pelaksanaan kerja kerana pihak kontraktor masih dibenarkan meneruskan kerja walaupun permohonan Lanjutan Masa tidak diluluskan lagi.</p>
<p>7.4.2.9.b</p>	<p>Semakan Audit mendapati KADA telah lewat memberi kelulusan lanjutan masa (EOT) kepada NH Arosa Enterprise bagi projek pembinaan empangan rendah walaupun kontraktor telah memohon lanjutan masa sebelum tarikh siap atau tarikh lanjutan masa yang ditetapkan tamat.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan memberi kelulusan lanjutan masa menyebabkan pelaksanaan projek tidak dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.</i></p> <p><i>KADA memaklumkan kelewatan kelulusan lanjutan masa tidak menjejaskan kelancaran pelaksanaan kerja pembinaan. Selain itu, Insurans kerja dan Insurans Tanggungan Awam masih lagi berkuat kuasa di dalam tempoh tersebut.</i></p>	<p>Insurans kerja dan Insurans Tanggungan Awam masih lagi berkuatkuasa di dalam tempoh tersebut.</p>
<p>7.4.3.1.c</p>	<p>Pengurusan Mekanisasi Ladang - Pusat Semaian Benih Tidak Beroperasi Sepenuhnya</p> <p>Lawatan Audit pada bulan Disember 2013 mendapati hanya 2 PSB masih beroperasi iaitu PPK Puteri Saadong dan PPK Bakat Baru manakala 6 PSB tidak lagi beroperasi antara 2 hingga 3 musim. Semakan Audit mendapati PSB yang tidak beroperasi disebabkan kurang permintaan anak benih padi dari pengusaha tanaman padi berikutan masalah bekalan air ke kawasan sawah padi.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengendalian Pusat Semaian Benih kurang memuaskan kerana ia tidak beroperasi sepenuhnya disebabkan masalah bekalan air di kawasan</p>	<p>Pihak KADA turut maklum berkenaan masalah operasi di PPK yang disebabkan oleh permintaan anak benih yang berkurangan dari pengusaha tanaman padi yang berpunca dari masalah bekalan air ke kawasan sawah padi.</p> <p>PSB di PPK Puteri Saadong mulai beroperasi pada 15 Disember 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>KADA.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.</i></p> <p><i>KADA memaklumkan masalah operasi di PPK disebabkan oleh permintaan anak benih yang berkurangan dari pengusaha tanaman padi kerana masalah bekalan air ke kawasan sawah padi.</i></p>	
7.4.3.2	<p>Penyenggaraan Tapak Semaian, Peralatan dan Jentera Pertanian Di PSB Kurang Memuaskan</p> <p>PPK bertanggungjawab menyenggara tapak semaian benih, peralatan dan jentera bagi setiap Pusat Semaian Benih (PSB) yang dikendalikan. Lawatan Audit pada 11 Disember 2013 di semua PSB mendapati penyenggaraan terhadap tapak semaian benih, peralatan dan jentera pertanian kurang memuaskan. Terdapat kawasan PSB yang dipenuhi semak samun, pagar yang telah roboh dan jentera serta peralatan yang rosak. Selain itu, berlaku kes kehilangan mesin sediaan benih dan pam air disebabkan tiada pemeriksaan dan pemantauan yang dijalankan oleh pegawai yang bertanggungjawab.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyenggaraan tapak semaian benih, peralatan dan jentera adalah kurang memuaskan menyebabkan aset rosak, tidak digunakan dan hilang.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.</i></p> <p><i>KADA memaklumkan penyenggaraan dan operasi TSB adalah di bawah tanggungjawab PPK. Kes kehilangan telah dilaporkan kepada pihak yang berkenaan dan ahli Jawatankuasa Penyiasat Kehilangan Aset Alih Kerajaan telah dilantik pada 12 Januari 2014 oleh KADA. Selain itu, jentanam yang musnah di PPK Nilam Puri dan PPK Jaya Peringat dalam tindakan pelupusan.</i></p>	<p>Penyelenggaraan dan operasi TSB adalah di bawah tanggungjawab PPK. (sila rujuk surat Rujukan: KADA 25/01:02 (11) dan KADA(M)01/01:20(A)(48).</p> <p>Kes kehilangan tersebut telah dilaporkan dan dalam tindakan perlantikan jawatankuasa penyiasat kehilangan aset alih kerajaan. (Ruj Surat: KADA (SK): 34/ 06: 05 Jld 1 (12) bertarikh 21 Jan 2014, KADA (UPPA) 06/03:10 (29) bertarikh 29 Disember 2013 dan KADA (UPPA) 06/03:10 (33).</p>
7.4.3.3.b	<p>Perolehan Jentanam Tidak Dirancang</p> <p>Semakan Audit mendapati jentanam yang dibeli tidak digunakan antara 136 hingga 714 hari kerana perolehan dibuat sebelum kesemua PSB siap dibina.</p>	<p>Tender untuk Pusat Semaian Benih dan perolehan Jentanam dilaksanakan serentak dengan pembinaan PSB. Jentanam telah diterima terlebih dahulu sebelum Tapak Semaian benih siap dibina.</p>
7.4.3.3.c	<p>Syarat penyerahan jentera, mesin dan peralatan kepada PPK menyatakan hak milik aset adalah milik KADA dan PPK pula bertanggungjawab untuk menyenggara jentanam yang dibekalkan mengikut keperluan. Semua jentera/peralatan yang dibekalkan oleh KADA adalah bagi memberi khidmat kejenteraan kepada pesawah</p>	<p>Ini dilakukan agar PSB dapat beroperasi sebaik sahaja ia siap dibina. Ini membolehkan PPK dapat merancang kerja-kerja</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dalam kawasan KADA. Semakan Audit mendapati PPK Sungai Ketereh telah membuat perjanjian sewaan jentanam dengan pihak ketiga tanpa memaklumkan kepada KADA. Penyewaan ini melibatkan 4 unit jentanam dengan bayaran sewa sejumlah RM100 setiap lot. PPK Sungai Ketereh mula menyewakan jentanam mulai bulan April 2011 kepada syarikat swasta iaitu Syarikat Berkat Padi Enterprise yang beroperasi di Selangor.</p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan perolehan jentanam yang kurang memuaskan telah menyebabkan jentanam yang dibeli tidak digunakan kerana perolehan dibuat sebelum PSB siap dibina. KADA juga tidak membuat pemantauan sewajarnya menyebabkan jentanam disewakan tanpa pengetahuan KADA.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.</i></p> <p><i>KADA memaklumkan tempoh pembelian dan penyerahan jentanam kepada PPK dibuat serentak dengan pembinaan TSB. Ini dilakukan supaya TSB dapat beroperasi sebaik sahaja ia siap dibina. Selain itu, KADA akan menjalankan pemantauan bagi memastikan PPK memaklumkan kepada KADA sebelum menyewakan jentanam kepada pihak ketiga.</i></p>	<p>operasi di PSB.</p> <p>PPK Sungai Ketereh telah memohon kelulusan dan memaklumkan kepada Pihak KADA untuk membekal perkhidmatan jentanam di kawasan Projek Felda Seberang Perak dan Sekinchan.</p> <p>Pihak KADA akan menjalankan pemantauan bagi memastikan pihak PPK terlebih dahulu memaklumkan kepada KADA sebelum menyewakan jentanam kepada pihak ketiga.</p> <p>KADA memaklumkan tempoh pembelian dan penyerahan jentanam kepada PPK dibuat serentak dengan pembinaan PSB. Ini dilakukan supaya PSB dapat beroperasi sebaik sahaja ia siap dibina. Selain itu, KADA akan menjalankan pemantauan bagi memastikan PPK memaklumkan kepada KADA sebelum menyewakan jentanam kepada pihak ketiga.</p>
7.4.3.4.b	<p>Pengurusan Stor Pusat Kejenteraan Ladang Kurang Memuaskan</p> <p>Lawatan Audit pada 10 Disember 2013 ke bilik stor PKL Kasar dan Melor mendapati peralatan dan alat ganti tidak disimpan dengan teratur. Selain itu, rekod peralatan dan alat ganti juga tidak diselenggara menyebabkan baki stok tidak dapat dikenal pasti.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan stor adalah kurang memuaskan kerana penyimpanan peralatan dan alat ganti tidak teratur serta tiada rekod diselenggara.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.</i></p> <p><i>KADA telah mengarahkan PKL Kasar dan PKL Melor untuk menyelenggara stor, menyusun semula peralatan dan alat ganti dengan lebih teratur serta menyediakan rekod stok mengikut tatacara pengurusan stor. Selain itu, pelupusan alat ganti sedang dalam tindakan PKL Melor.</i></p>	<p>Pihak KADA – Bahagian Kejuruteraan Mekanikal telah mengarahkan PKL Kasar dan PKL Melor berdasarkan penemuan yang dikeluarkan oleh pihak audit untuk menyelenggara stor dan menyusun semula peralatan dan alat ganti dengan lebih teratur dan menyediakan rekod stok mengikut tatacara pengurusan stor.(Ruj Surat: KADA(M) 03/01:01 Jld 1 (13).</p> <p>Alat ganti di stor PKL Melor dalam tindakan pelupusan oleh KADA, sila rujuk surat Cadangan Melupuskan Alat Ganti Jentera Pertanian di PKL Melor, bertarikh: 20 April 2014, Ruj Surat: KADA (M) 03/01:03 Jld. 5 (77).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.4.1	<p>Analisis Ketidakpuasan Pesawah Terhadap Pengurusan Tanaman Padi</p> <p>Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada 70 pesawah di 4 PPK yang dilawati iaitu PPK Nilam Puri, Tanjung Puri, Sri Gunong dan Puteri Saadong bagi menilai masalah yang dihadapi oleh pesawah. Soal selidik yang disediakan adalah berdasarkan aspek pemerataan tanah sawah, sistem infrastruktur pengairan dan saluran, perkhidmatan/pemilikan aset/jentera pertanian, penyediaan kemudahan PSB dan pemberian baja kepada pesawah. Analisis Audit terhadap soal selidik ini mendapati secara keseluruhan tahap ketidakpuasan pesawah adalah antara 40% hingga 72.9%. Beberapa masalah telah dibangkitkan oleh pesawah iaitu sumber bekalan air tidak mencukupi, masalah sistem pengairan serta racun dan kawalan makhluk perosak tidak mencukupi.</p>	<p>Pihak KADA mengambil maklum terhadap penilaian tahap kepuasan pesawah yang dijalankan oleh pihak Jabatan Audit Negara.</p> <p>Analisis penilaian Tahap Kepuasan Pesawah ini akan dijadikan rujukan bagi KADA pada masa akan datang.</p> <p>Cadangan pesawah seperti di Jadual 7.19 akan dipertimbangkan dan diberi perhatian.</p>
7.4.4.2	<p>Selain itu, terdapat 120 cadangan yang diberikan oleh pesawah antaranya mengenai pemberian insentif padi, menaik taraf sistem pengairan di Kemubu dan penyenggaraan perparitan serta membaiki jalan ladang dan memperluaskan jambatan bagi menambah baik pengurusan tanaman padi.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pesawah bersetuju dengan pengurusan pemberian insentif penanaman padi yang disalurkan oleh KADA. Bagaimanapun, pesawah kurang berpuas hati terhadap sumber bekalan air, sistem pengairan dan pembekalan racun.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.</i></p> <p><i>KADA mengambil maklum terhadap penilaian tahap ketidakpuasan pesawah yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara. Analisis ini akan dijadikan rujukan pada masa hadapan dan cadangan pesawah juga akan dipertimbangkan serta diberi perhatian.</i></p>	
7.4.5.1	<p>Pemantauan</p> <p>Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaikannya. Pihak Audit mendapati KADA telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap program yang dilaksanakan bagi meningkatkan hasil padi dengan menubuhkan Jawatankuasa bagi memantau program yang dibuat. Selain itu, KADA telah melaksanakan pemantauan terhadap projek tanaman padi melalui Mesyuarat Pengurusan KADA yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar dan perlu diadakan setiap bulan.</p>	<p>KADA akan mengambil tindakan dengan memperkemas teguran audit yang berkaitan khususnya dalam mekanisme pemantauan dalam pengurusan projek tanaman padi melalui pendekatan yang lebih berkesan seperti pembentangan laporan dalam mesyuarat, lawatan turun padang dan penubuhan Jawatankuasa <i>Task Force</i> Pemantauan Projek Pembangunan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.5.2	<p>Semakan Audit mendapati mesyuarat ini telah diadakan sebanyak 12 kali pada tahun 2011, 10 kali pada tahun 2012 dan 2013. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat pada tahun 2013 adalah berkenaan laporan tanaman padi mengikut musim, laporan mengenai projek tanaman padi yang sedang dilaksanakan, prestasi pembinaan cerucuk keluli, paras air Sungai Kelantan, jadual bekalan air, aduan pesawah serta prestasi perbelanjaan RMKe-10.</p>	<p>Masalah berkaitan pembinaan Empangan Rendah telah mula dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dengan terperinci bermula pada tahun 2013, sila rujuk Minit Mesyuarat Lembaga Bil 2 /2013 bertarikh 28 ogos 2013.</p>
7.4.5.3	<p>Semakan lanjut mendapati prestasi dan masalah projek pembinaan empangan rendah di Kemubu tidak dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Ini menyebabkan kelemahan dan masalah projek tidak dapat dikenal pasti pada peringkat awal pelaksanaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan tanaman padi adalah kurang memuaskan kerana pelaksanaan mekanisme pemantauan kurang berkesan. Ini menyebabkan kelemahan pelaksanaan projek pembinaan tidak dapat dikenal pasti dan diambil tindakan penyelesaian.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.</i></p> <p><i>KADA akan mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit berkaitan dengan pengurusan tanaman padi. Selain itu, masalah pembinaan empangan rendah telah mula dibentangkan dengan terperinci dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2 Tahun 2013 bertarikh 28 Ogos 2013.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Perenggan 8 : Pengurusan Perolehan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.1.1.b	<p>Kontrak Ditawarkan Sebelum Kelulusan Kementerian Kewangan</p> <p>Semakan Audit mendapati LADA telah memohon kelulusan khas memecah kecil tender untuk dilaksanakan secara pakej berasingan bagi Projek Menaik Taraf Kemudahan di Tasik Dayang Bunting pada 24 Oktober 2012. Bagaimanapun, permohonan kelulusan khas memecah kecil tender tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan projek tersebut hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka. Seterusnya, LADA membuat rayuan pada 3 Disember 2012 dan kelulusan telah diberikan oleh Kementerian Kewangan pada 11 Januari 2013 untuk pelaksanaan Projek Menaik Taraf Kemudahan di Tasik Dayang Bunting secara pakej berasingan.</p>	Sama seperti maklumbalas yang dikemukakan pada 20 Februari 2014.
8.4.1.1.c	<p>Pada 18 September 2012, LADA telah mengeluarkan 2 sebut harga berjumlah RM440,290 bagi Pakej 2 untuk kerja naik taraf laluan pejalan kaki dan RM128,228 bagi Pakej 3 untuk kerja naik taraf pelantar pemandangan di Tasik Dayang Bunting walaupun kedua-dua pakej tersebut di tempat yang sama. Sebut harga tersebut telah ditutup pada 25 September 2012. LADA telah menawarkan 2 projek tersebut yang bernilai melebihi RM500,000 kepada 2 kontraktor pada 8 November 2012. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan hanya meluluskan permohonan LADA untuk memecah kecil tender pada 11 Januari 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses penawaran sebut harga bagi Projek Menaik Taraf Kemudahan Di Tasik Dayang Bunting adalah kurang memuaskan kerana tidak teratur dan bertentangan dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009.</p> <p>Maklum balas daripada LADA diterima pada 20 Februari 2014.</p> <p><i>LADA berpendapat tiada isu pecah kecil kerana komponen projek tersebut merupakan projek penyenggaraan. Bagaimanapun, kesilapan dibuat semasa LADA memohon peruntukan iaitu kaedah perolehan secara tender dinyatakan dalam ringkasan projek.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.1.2.b	<p>Kelewatan Permohonan dan Kelulusan Lanjutan Masa</p> <p>Semakan Audit mendapati kontraktor Teroka Teguh Enterprise gagal menyiapkan Projek Naik Taraf Laluan Pejalan Kaki Di Tasik Dayang Bunting yang bernilai RM440,290 pada tarikh siap asal iaitu 3 April 2013. Kontraktor hanya memohon lanjutan masa (EOT) pada 10 Jun 2013 iaitu selepas tarikh siap asal. Jawatankuasa Sebut Harga telah meluluskan EOT pada 19 Ogos 2013 iaitu lewat sebanyak 138 hari daripada tarikh siap.</p>	Sama seperti maklumbalas yang dikemukakan pada 20 Februari 2014.
8.4.1.2.c	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati kontraktor telah diberikan EOT sehingga 30 September 2013 untuk menyempurnakan projek. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 17 Disember 2013 mendapati projek tersebut masih belum siap walaupun tempoh EOT telah tamat. Kontraktor belum mengemukakan permohonan EOT kedua untuk pertimbangan LADA dan denda tidak dikenakan terhadap kelewatan siap projek kerana klausa denda tidak dinyatakan. LADA hanya boleh menarik balik inden kerja yang ditawarkan dan diserahkan kepada pihak lain untuk menyiapkannya.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kerja menaik taraf Projek Laluan Pejalan Kaki adalah kurang memuaskan kerana projek lewat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Ini menyebabkan pelancong tidak dapat menggunakan kemudahan tersebut untuk mengakses ke pelantar pemandangan.</p> <p>Maklum balas daripada LADA diterima pada 20 Februari 2014.</p> <p><i>LADA memaklumkan kontraktor telah diberi surat amaran bertarikh 31 Mac 2013, 19 Jun 2013 dan 2 Oktober 2013. Punca kelewatan menyiapkan projek adalah kesukaran mengangkut bahan binaan utama ke tapak binaan berikutan musim hujan dan kekurangan pekerja mahir sekitar bulan Februari hingga Mac 2013. Bagaimanapun, projek ini telah siap sepenuhnya pada 16 Januari 2014 dan diserahkan kepada LADA pada 18 Februari 2014.</i></p>	
8.4.2.1.b	<p>Penilaian Tender Dilaksanakan Oleh Perunding</p> <p>Semakan Audit mendapati laporan penilaian tender bagi Projek Penambahbaikan Kemudahan Di Telaga Tujuh, Langkawi yang bernilai RM1.58 juta tidak disediakan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender LADA. Dokumen tender disemak dan dianalisis oleh perunding bagi menilai kemampuan teknikal dan kewangan petender. Selain itu, laporan penilaian tender yang disediakan oleh perunding tidak ditandatangani oleh Panel Penilaian Tender LADA. Laporan tersebut telah dikemukakan kepada Bahagian Teknikal LADA untuk penilaian dan mengemukakan syor syarikat untuk pertimbangan Panel Penilaian Tender LADA. Bagaimanapun, nama petender yang</p>	Sama seperti maklumbalas yang dikemukakan pada 20 Februari 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sepatutnya dirahsiakan telah dinyatakan dalam laporan penilaian tender semasa dikemukakan kepada Bahagian Teknikal LADA untuk penilaian.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses penilaian tender adalah kurang memuaskan kerana penilaian telah dilaksanakan oleh perunding dan ini menjejaskan integriti proses penilaian tender.</p> <p>Maklum balas daripada LADA diterima pada 20 Februari 2014.</p> <p><i>LADA memaklumkan akan memastikan perkara ini tidak berulang dan penilaian tender dilaksanakan oleh Jawatankuasa yang dilantik dan diurus secara lebih telus. Selain itu, LADA memaklumkan mulai bulan November 2013, pelaksanaan prosedur penilaian tender telah ditambah baik di mana Jawatankuasa Penilaian Tender telah bermesyuarat sebanyak 2 kali pada 4 November 2013 dan 13 Februari 2014.</i></p>	
8.4.2.2.b	<p>Kerosakan Water Proofing Di Bumbung Bangunan Belum Dibaiki</p> <p>Semakan Audit terhadap minit mesyuarat tapak mendapati kerosakan <i>water proofing</i> di bumbung Bangunan Anjung, Dataran Lang telah kerap kali dibangkitkan oleh kontraktor sejak bulan Oktober 2011 supaya tindakan segera diambil oleh LADA. Ini adalah kerana kerosakan tersebut telah menyebabkan air meresap ke dalam struktur bangunan dan mengganggu kerja pendawaian semula elektrik. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 2 Oktober 2013 mendapati kerosakan <i>water proofing</i> di bumbung Bangunan Anjung masih belum dibaiki dan telah menyebabkan lampu dan soket yang dipasang oleh kontraktor terkena air hujan dan tidak dapat digunakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan pembaikan kerosakan <i>water proofing</i> di bumbung bangunan adalah kurang memuaskan kerana lewat dilakukan sebelum pendawaian semula elektrik. Ini menyebabkan kerosakan soket dan lampu serta membahayakan pengguna.</p> <p>Maklum balas daripada LADA diterima pada 20 Februari dan 5 Mac 2014.</p> <p><i>LADA memaklumkan masalah kebocoran di Bangunan Anjung, Dataran Lang dikenal pasti pada tahun 2011 yang berpunca daripada kerosakan water proofing yang menyebabkan air meresap ke dalam struktur bangunan. Sehubungan itu, peruntukan telah dipohon melalui Anggaran Belanjawan tahun 2012/2013 (One off) untuk membaik pulih water proofing di Bangunan Anjung. Bagaimanapun, tiada peruntukan diluluskan pada tahun 2012.</i></p>	Sama seperti maklumbalas yang dikemukakan pada 20 Februari 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>LADA telah mengemukakan semula permohonan bajet kepada Kementerian Kewangan pada 15 Jun 2013. Sejumlah RM3.17 juta diluluskan pada 3 Julai 2013 bagi menaik taraf Dataran Lang yang merangkumi kerja water proofing, penggantian jubin dan lanskap. Sehingga kini, kerja tersebut masih dalam peringkat siasatan awal oleh Jabatan Kerja Raya.</p>	
<p>8.4.2.3.b</p>	<p>Bayaran Interim Tidak Selaras Dengan Kemajuan Fizikal Projek</p> <p>Semakan Audit terhadap Projek Penambahbaikan Kemudahan Di Telaga Tujuh, Langkawi mendapati kemajuan fizikal projek telah mencapai sebanyak 97% pada 9 September 2013. Bagaimanapun, jumlah bayaran hanya mencapai sebanyak 57% atau RM731,400 sehingga bulan September 2013. Semakan lanjut mendapati perbezaan tersebut disebabkan LADA mengambil masa antara 43 hingga 65 hari untuk mengesahkan tuntutan interim sebelum pembayaran dibuat.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengesahan bayaran interim projek adalah kurang memuaskan kerana mengambil masa antara 43 hingga 65 hari. Ini menyebabkan peratusan pembayaran kemajuan tidak selaras dengan kemajuan fizikal.</p> <p>Maklum balas daripada LADA diterima pada 20 Februari 2014.</p> <p><i>LADA memaklumkan punca kelewatan adalah kerana pihak perunding mengambil masa melebihi tiga minggu untuk mengemukakan dokumen tuntutan yang lengkap kepada LADA selepas tarikh penilaian di tapak dan Bahagian Teknikal mengambil masa untuk mengesahkan tuntutan dan mengeluarkan Arahan Bayaran kepada Bahagian Kewangan. LADA akan memastikan pemantauan terhadap tempoh pengesahan tuntutan bayaran dipertingkatkan dan tuntutan dibayar dalam tempoh 28 hari dari tarikh penilaian.</i></p>	<p>Sehingga 7 Mei 2014, LADA telah membuat keseluruhan bayaran interim No.1 – No.4 berjumlah RM 1,193,900.00 daripada harga kontrak seperti berikut:</p> <p>-interim no.3: RM 260,400.00 (dibayar pada 1.10.2013) -interim no.4: RM 202,100.00 (dibayar pada 10.11.2013)</p> <p>Manakala baki nilai kontrak masih belum dituntut oleh pihak kontraktor memandangkan pihak perunding masih dalam tindakan menyediakan Perakuan Muktamad.</p> <p>Bayaran dijangka akan selesai pada pertengahan Jun iaitu sewaktu Penutupan Akaun.</p>
<p>8.4.2.4</p>	<p>Kelewatan Menandatangani Kontrak</p> <p>Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selawat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. Semakan Audit mendapati 3 kontrak telah ditandatangani melebihi 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak adalah kurang memuaskan kerana kontrak lewat ditandatangani. Ini menyebabkan kepentingan LADA tidak dapat dilindungi dan LADA tidak dapat mengambil sebarang tindakan sekiranya kontraktor gagal melaksanakan tanggungjawabnya.</p>	<p>Sama seperti maklumbalas yang dikemukakan pada 20 Februari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum balas daripada LADA diterima pada 20 Februari 2014.</p> <p><i>LADA memaklumkan dokumen kontrak diuruskan oleh perunding yang dilantik bagi projek Pendawaian Semula Elektrik dan Penambahbaikan Kemudahan Telaga Tujuh. LADA akan meningkatkan pemantauan terhadap tempoh menyempurnakan perjanjian/kontrak.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYSIA

Perenggan 9 : Pengurusan Projek Pengubahsuaian Bangunan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.4.2.1	<p>Kerja Pengubahsuaian <i>Ramp</i> Tidak Diteruskan</p> <p>Pembinaan bangunan Menara Selatan adalah projek di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 dengan kos berjumlah RM176.40 juta. Pembinaan bangunan Menara Selatan bertujuan meningkatkan kapasiti kemudahan perubatan bagi pelbagai perkhidmatan perubatan dan dilengkapi peralatan perubatan teknologi terkini. Struktur <i>ramp</i> adalah sebahagian bangunan Menara Selatan yang dibina sebagai tanjakan menurun dari tingkat parkir bangunan Menara Selatan.</p>	<p>PPUM telah menawarkan tender kerja kepada kontraktor Tekad Nusantara Sdn Bhd dengan nilai kontrak sejumlah RM953,800 dan tempoh kontrak iaitu dari 25 September 2012 hingga 26 November 2013.</p> <p>Skop asal adalah :-</p>
9.4.2.2	<p>Lawatan Audit pada bulan Februari 2014 mendapati kerja meruntuh dan membina semula sebahagian struktur <i>ramp</i> dengan meluruskannya tidak dilaksanakan seperti dalam perjanjian. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan mendapati kerja pengubahsuaian <i>ramp</i> dihentikan kerana PPUM bercadang untuk membina bangunan parkir 10 tingkat di lokasi tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja pengubahsuaian <i>ramp</i> adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai tujuan asal untuk meluruskan <i>ramp</i> supaya bersambung dengan lorong jalan raya yang baru dibina. Ini mengakibatkan sejumlah RM318,463 telah dibelanjakan untuk meruntuhkan tangga kecemasan sedia ada dan membina semula tangga tersebut namun kerja pengubahsuaian <i>ramp</i> tidak diteruskan.</p> <p>Maklum Balas Daripada PPUM Diterima Pada 28 April 2014.</p> <p><i>PPUM memaklumkan kerja pengubahsuaian ramp perlu dihentikan dan dikekalkan reka bentuk sedia ada kerana kawasan tersebut terlibat dengan pembinaan bangunan parkir bertingkat yang dicadangkan dalam Pelan Induk PPUM Sehingga Tahun 2025. Kementerian Pendidikan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan pembinaan bangunan parkir bertingkat tersebut pada 5 Mac 2014. Kerja meruntuhkan tangga kecemasan Bangunan Materniti Lama perlu dilaksanakan berikutan pembesaran laluan dan perubahan aliran trafik keluar dari PPUM ke Lebuhraya Persekutuan dan Petaling Jaya</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meroboh tangga kecemasan sedia ada dan membina semula tangga kecemasan di lokasi yang lain bagi memenuhi keperluan Bomba. 2. Pelebaran jalan untuk membolehkan pengaliran trafik yang lebih lancar. 3. Meroboh dan meluruskan sebahagian <i>ramp</i> tetapi tidak dilaksanakan. <p>Kerja-kerja telah dilakukan untuk skop 1 dan 2. Manakala untuk skop 3, ramp tidak diroboh dan diluruskan kerana pembinaan bangunan parkir baru telah diambilkira dalam cadangan Pelan Induk PPUM yang mula disediakan oleh perunding pada November 2012. Keputusan untuk membatalkan kerja meroboh dan meluruskan <i>ramp</i> dibuat di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan PPUM pada 18 Januari 2013.</p> <p>Kerja meroboh tangga sedia ada dan membina semula tangga kecemasan di lokasi yang berlainan di Kompleks Perubatan Psikiatrik telah diteruskan kerana lebih ekonomik dan praktikal dibina sekarang semasa bangunan tersebut diubahsuai.</p> <p>Sejumlah RM318,463 dibelanjakan untuk meruntuh dan membina semula tangga kecemasan di lokasi yang lain bagi membolehkan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini												
	<p><i>manakala tangga tersebut perlu dibina semula disebabkan keperluan oleh Jabatan Bomba untuk menjamin keselamatan pesakit dan pengguna. Oleh itu, kos sejumlah RM318,463 perlu dibelanjakan untuk meruntuhkan tangga kecemasan dan membina semula tangga tersebut.</i></p>	<p>pelebaran jalan seperti mana dalam cadangan rancangan Pelan Induk PPUM.</p> <p>Bangunan Parkir Bertingkat seperti di atas telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada bulan Mac 2014.</p>												
<p>9.4.3.1</p>	<p>Kelewatan Projek Pengubahsuaian Bertempoh Singkat</p> <p>Mengikut perjanjian, kontraktor yang dilantik hendaklah menyiapkan projek pengubahsuaian bangunan dalam tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Berdasarkan klausa 39 perjanjian, kontraktor hendaklah memohon secara bertulis lanjutan masa sekiranya kerja pengubahsuaian bangunan tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang diberi. Permohonan lanjutan masa hendaklah dikemukakan kepada PPUM sebelum tarikh projek siap dengan disertakan justifikasi yang kukuh. Semakan Audit mendapati 5 daripada 8 projek pengubahsuaian telah lewat disiapkan antara sebulan hingga 8 bulan.</p>	<p>Berikut adalah punca berlakunya kelewatan projek pengubahsuaian bertempoh singkat:-</p> <table border="1" data-bbox="1279 536 2000 1372"> <thead> <tr> <th data-bbox="1279 536 1610 568">PROJEK</th> <th data-bbox="1610 536 2000 568">MAKLUM BALAS PPUM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1279 568 1610 762"> Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik </td> <td data-bbox="1610 568 2000 762"> Pelaksanaan projek Ubahsuai Kompleks Perubatan Psikiatrik melibatkan 6 kontrak berasingan dengan tarikh siap yang berbeza. Kelewatan dari kontraktor awam telah menyebabkan kerja-kerja kontraktor yang lain turut terjejas. </td> </tr> <tr> <td data-bbox="1279 762 1610 900"> Meruntuh dan Membina Semula Sebahagian Struktur Ramp Bagi Bangunan Menara Selatan </td> <td data-bbox="1610 762 2000 900"> Kontraktor lewat menyiapkan kerja-kerja dan dikenakan Gantirugi Yang Ditetapkan Dan Ditetapkan (LAD). </td> </tr> <tr> <td data-bbox="1279 900 1610 1037"> Ubahsuai Kemudahan Klinik Operasi Serta Lain-lain Kerja Berkaitan, Di Tingkat Satu, Menara Utama. </td> <td data-bbox="1610 900 2000 1037"> Kelewatan kerja disiapkan kerana terdapat kerja tambahan daripada pengguna menyebabkan tempoh siap kerja perlu dilanjutkan dari 22.01.2013 ke 27.03.2013. </td> </tr> <tr> <td data-bbox="1279 1037 1610 1174"> Ubahsuai Kemudahan Klinik Operasi Serta Lain-lain Kerja Berkaitan, Di Tingkat Satu, Menara Utama. </td> <td data-bbox="1610 1037 2000 1174"> Kelewatan kerja disiapkan adalah disebabkan terdapat kejadian luar jangka dimana terdapat bongkah konkrit ditapak bina yang di luar jangkaan kontraktor. </td> </tr> <tr> <td data-bbox="1279 1174 1610 1372"> Ubahsuai Sebahagian Ruang Kompleks Pendidikan Sains Kepada Klinik Kesihatan Kakitangan PPUM, Klinik Kesihatan Pelajar UM Dan Laluan </td> <td data-bbox="1610 1174 2000 1372"> Kelewatan kerja disiapkan disebabkan oleh kejadian luar jangka dimana berlaku pemeruapan di kawasan bilik nitrogen. </td> </tr> </tbody> </table>	PROJEK	MAKLUM BALAS PPUM	Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik	Pelaksanaan projek Ubahsuai Kompleks Perubatan Psikiatrik melibatkan 6 kontrak berasingan dengan tarikh siap yang berbeza. Kelewatan dari kontraktor awam telah menyebabkan kerja-kerja kontraktor yang lain turut terjejas.	Meruntuh dan Membina Semula Sebahagian Struktur Ramp Bagi Bangunan Menara Selatan	Kontraktor lewat menyiapkan kerja-kerja dan dikenakan Gantirugi Yang Ditetapkan Dan Ditetapkan (LAD).	Ubahsuai Kemudahan Klinik Operasi Serta Lain-lain Kerja Berkaitan, Di Tingkat Satu, Menara Utama.	Kelewatan kerja disiapkan kerana terdapat kerja tambahan daripada pengguna menyebabkan tempoh siap kerja perlu dilanjutkan dari 22.01.2013 ke 27.03.2013.	Ubahsuai Kemudahan Klinik Operasi Serta Lain-lain Kerja Berkaitan, Di Tingkat Satu, Menara Utama.	Kelewatan kerja disiapkan adalah disebabkan terdapat kejadian luar jangka dimana terdapat bongkah konkrit ditapak bina yang di luar jangkaan kontraktor.	Ubahsuai Sebahagian Ruang Kompleks Pendidikan Sains Kepada Klinik Kesihatan Kakitangan PPUM, Klinik Kesihatan Pelajar UM Dan Laluan	Kelewatan kerja disiapkan disebabkan oleh kejadian luar jangka dimana berlaku pemeruapan di kawasan bilik nitrogen.
PROJEK	MAKLUM BALAS PPUM													
Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik	Pelaksanaan projek Ubahsuai Kompleks Perubatan Psikiatrik melibatkan 6 kontrak berasingan dengan tarikh siap yang berbeza. Kelewatan dari kontraktor awam telah menyebabkan kerja-kerja kontraktor yang lain turut terjejas.													
Meruntuh dan Membina Semula Sebahagian Struktur Ramp Bagi Bangunan Menara Selatan	Kontraktor lewat menyiapkan kerja-kerja dan dikenakan Gantirugi Yang Ditetapkan Dan Ditetapkan (LAD).													
Ubahsuai Kemudahan Klinik Operasi Serta Lain-lain Kerja Berkaitan, Di Tingkat Satu, Menara Utama.	Kelewatan kerja disiapkan kerana terdapat kerja tambahan daripada pengguna menyebabkan tempoh siap kerja perlu dilanjutkan dari 22.01.2013 ke 27.03.2013.													
Ubahsuai Kemudahan Klinik Operasi Serta Lain-lain Kerja Berkaitan, Di Tingkat Satu, Menara Utama.	Kelewatan kerja disiapkan adalah disebabkan terdapat kejadian luar jangka dimana terdapat bongkah konkrit ditapak bina yang di luar jangkaan kontraktor.													
Ubahsuai Sebahagian Ruang Kompleks Pendidikan Sains Kepada Klinik Kesihatan Kakitangan PPUM, Klinik Kesihatan Pelajar UM Dan Laluan	Kelewatan kerja disiapkan disebabkan oleh kejadian luar jangka dimana berlaku pemeruapan di kawasan bilik nitrogen.													
<p>9.4.3.2</p>	<p>Berdasarkan jadual di atas, kontraktor gagal menyiapkan projek bertempoh singkat dan tempoh yang diambil bagi menyiapkan projek tersebut telah melebihi tempoh perjanjian. Semakan lanjut mendapati 2 daripada 5 projek pengubahsuaian bangunan yang lewat disiapkan belum dikenakan Gantirugi Yang Ditetapkan Dan Ditetapkan (LAD). Mengikut pengiraan Audit, PPUM boleh menuntut LAD sejumlah RM277,000 daripada 2 projek.</p> <p>Pada pendapat Audit, projek pengubahsuaian bertempoh singkat adalah kurang memuaskan kerana kontraktor lewat menyiapkan projek mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Ini menyebabkan kemudahan perubatan tidak dapat disediakan kepada pengguna mengikut perancangan.</p> <p>Maklum Balas Daripada PPUM Diterima Pada 28 April 2014.</p> <p><i>PPUM memaklumkan LAD tidak dikenakan terhadap kerja mekanikal pendingin udara, pencegah kebakaran dan gas perubatan bagi projek ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik dan kerja awam bagi projek ubahsuai kemudahan Klinik Operasi kerana telah diluluskan lanjutan masa. Bagaimanapun penetapan LAD telah dikenakan terhadap 3 pakej melibatkan ganti rugi sejumlah RM166,700 seperti berikut:</i></p>													

Perenggan	Penemuan Audit				Status Terkini					
	PROJEK Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik	PERBELANJAAN PROJEK (RM) 1,773,939	KONTRAKTOR Awam: Mercu Barakah Sdn. Berhad	MAKLUM BALAS PPUM Tarikh Perakuan Siap Kerja adalah pada 24 Februari 2014. LAD sementara telah dikenakan terhadap kontraktor dalam bayaran interim nombor 3 sehingga nombor 6 berjumlah RM89,500 untuk 179 hari (30.05.2013 – 25.11.2013). LAD sebenar yang dikenakan adalah sejumlah RM135,000 untuk 270 hari (30.05.2014 – 24.02.2014).	Kerusi Roda.		Projek Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik	Perbelanjaan Projek (Rm) 1,773,939	Kontraktor Awam: Mercu Barakah Sdn. Berhad	Maklum Balas Ppum Kontraktor Mercu Barakah (MB) memohon Lanjutan Masa (EOT) pada 29 Mei 2013 tetapi tidak dipertimbangkan kerana kontraktor MB tidak mampu meneruskan kerja mengikut tempoh masa yang ditetapkan di dalam kontrak. Lanjutan daripada itu, Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) dikeluarkan. Amaran telah diberikan kepada MB dan kontraktor merayu supaya tidak ditamatkan kontraknya. MB telah menyusun semula pasukan kerja di tapak dan kesungguhan yang ditunjukkan MB untuk menyiapkan kerja telah meyakinkan PPUM.
		471,450	Elektrik: Kartika Juara (M) Sdn. Berhad	Kontraktor telah memohon lanjutan masa pada 20 Mei 2013 dan kelulusan yang diberi adalah selama 93 hari (30.05.2013 – 30.08.2013). Tarikh Perakuan Siap Kerja adalah pada 24 Januari 2014. LAD sementara telah dikenakan terhadap kontraktor dalam bayaran interim nombor 2 sehingga nombor 6 berjumlah RM16,500 untuk 165 hari (30.05.2013 – 11.11.2013). LAD sebenar yang dikenakan adalah berjumlah RM14,700 untuk 147 hari (31.08.2013 -24.01.2014).			Walaubagaimanapun PPUM telah mengenakan Gantirugi Tertentu			
		497,996	Sistem ELV: I Core Sdn. Berhad	Kontraktor telah memohon lanjutan masa pada 27 Mei 2013 dan kelulusan yang diberi adalah selama 92 hari (30.05.2013 – 15.11.2013). Tarikh Perakuan Siap Kerja adalah						

Perenggan	Penemuan Audit				Status Terkini			
				<p>pada 17 Februari 2014. LAD sementara telah dikenakan terhadap kontraktor dalam bayaran interim nombor 2 sehingga nombor 3 berjumlah RM16,900 untuk 169 hari (30.05.2013 – 15.11.2013). LAD sebenar yang dikenakan adalah berjumlah RM17,000 untuk 170 hari (31.08.2013 – 17.02.2014).</p>				<p>Dan Ditetapkan (LAD) dari Bayaran Interim No.3 sehingga No.6, sebanyak RM89,500.00 untuk 179 hari (30.05.2013 – 25.11.2013). Perakuan Kerja Siap (CPC) telah dikeluarkan pada 24 Februari 2014. Penetapan LAD dari tarikh (30.05.2013-24.2.2014) adalah selama 271 hari iaitu sebanyak RM135,000.00.</p>
					471,450	Elektrik: Kartika Juara (M) Sdn. Berhad		<p>LAD sementara telah dikenakan dari Bayaran Interim No.2 sehingga No.4, sebanyak RM16,500.00 untuk 165 hari (30.05.2013 – 11.11.2013). Walaupun bagaimanapun, kontraktor telah memohon untuk EOT pada 20.05.13. Setelah dinilai, kontraktor layak diberikan EOT sebanyak 93 hari (30.05.13 – 30.08.2013) kerana kegagalan kontraktor Mercu Barakah menyediakan ruang kerja. LAD sementara</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini			
					<p>di atas telah dikurangkan sebanyak RM9,300.00 kerana kontraktor tersebut telah diberikan EOT.</p> <p>Tarikh siap sebenar adalah 24.01.2014. LAD yang terkini telah dikenakan sebanyak RM14,700.00, untuk 147 hari (31.08.2013 – 24.01.2014).</p>
		497,996	Sistem ELV: I Core Sdn. Berhad		<p>LAD sementara telah dikenakan dalam Bayaran Interim No.2 sehingga No.3, sebanyak RM16,900.00 untuk 169 hari (30.05.2013 – 15.11.2013).</p> <p>Walaupun bagaimanapun, kontraktor I Core telah memohon EOT pada 27.05.2013. Setelah dinilai, kontraktor layak diberikan EOT sebanyak 93 hari (30.05.13 – 30.08.2013) kerana kegagalan kontraktor awam (Mercu Barakah) menyediakan ruang kerja. LAD sementara di atas telah dikurangkan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																				
				sebanyak RM9,200.00. CPC telah diberikan pada 17.02.2014. LAD yang terkini telah dikenakan sebanyak RM17,000.00, untuk 171 hari (31.08.2013 – 17.02.2014).																		
9.4.4.1	Permohonan Dan Kelulusan Lanjutan Masa Tidak Teratur Pelanjutan masa untuk menyiapkan sesuatu projek hanya dibenarkan sekiranya punca kelewatan projek adalah di luar kawalan kontraktor. Klausa 39 perjanjian menyatakan kontraktor perlu memohon lanjutan masa sebelum tarikh siap projek dengan memberi justifikasi yang kukuh. Permohonan lanjutan masa akan dikemukakan kepada Pengarah Projek untuk penilaian dan kelulusan.	Kelulusan Lanjutan Masa (EOT) adalah teratur kerana PPUM perlu melihat kesempurnaan dan keselamatan bangunan secara keseluruhan sebelum memperakukan tarikh siap kerja sebenar di dalam Sijil Perakuan Kerja.																				
9.4.4.2	Semakan Audit mendapati PPUM masih belum meluluskan permohonan lanjutan masa oleh kontraktor; kontraktor lewat mengemukakan permohonan lanjutan masa dan lanjutan masa diluluskan selepas projek mendapat Sijil Perakuan Kerja. Pada pendapat Audit, permohonan dan kelulusan lanjutan masa adalah kurang memuaskan kerana tidak mengikut perjanjian dan peraturan yang ditetapkan. Maklum Balas Daripada PPUM Diterima Pada 28 April 2014. <i>PPUM memaklumkan faktor yang menyebabkan permohonan lanjutan masa oleh kontraktor lewat diluluskan, kontraktor lewat mengemukakan permohonan lanjutan masa dan lanjutan masa diluluskan selepas projek mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja adalah seperti berikut:</i>	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1265 821 1487 847">PROJEK</th> <th data-bbox="1487 821 1697 847">KONTRAKTOR</th> <th data-bbox="1697 821 2004 847">MAKLUM BALAS PPUM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1265 847 1487 1362"> Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik </td> <td data-bbox="1487 847 1697 1362"> Mekanikal (Gas Perubatan): Gas Altimate Services Sdn. Berhad </td> <td data-bbox="1697 847 2004 1362"> Permohonan EOT telah dikemukakan oleh kontraktor Gas Altimate Services pada 17 Mei 2013. Oleh kerana penyiapan kerja ini bergantung kepada kerja awam (Mercur Barakah), kelewatan pemberian EOT tidak dapat dinilai pada masa tersebut. Kontraktor awam juga tidak dapat memberikan masa yang sebenar bagi penyiapan keseluruhan projek dan belum memohon CPC. </td> </tr> </tbody> </table>	PROJEK	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS PPUM	Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik	Mekanikal (Gas Perubatan): Gas Altimate Services Sdn. Berhad	Permohonan EOT telah dikemukakan oleh kontraktor Gas Altimate Services pada 17 Mei 2013. Oleh kerana penyiapan kerja ini bergantung kepada kerja awam (Mercur Barakah), kelewatan pemberian EOT tidak dapat dinilai pada masa tersebut. Kontraktor awam juga tidak dapat memberikan masa yang sebenar bagi penyiapan keseluruhan projek dan belum memohon CPC.	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1505 821 1697 847">PROJEK</th> <th data-bbox="1697 821 2004 847">KONTRAKTOR</th> <th data-bbox="2004 821 2219 847">MAKLUM BALAS PPUM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1505 847 1697 1362"> Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik </td> <td data-bbox="1697 847 2004 1362"> Mekanikal (Gas Perubatan): Gas Altimate Services Sdn. Berhad </td> <td data-bbox="2004 847 2219 1362"> Permohonan EOT telah dikemukakan oleh kontraktor Gas Altimate Services pada 17 Mei 2013. Oleh kerana penyiapan kerja ini bergantung kepada kerja awam (Mercur Barakah), kelewatan pemberian EOT tidak dapat dinilai pada masa tersebut. Kontraktor awam juga tidak dapat memberikan masa yang sebenar bagi penyiapan keseluruhan projek dan belum memohon CPC. </td> </tr> </tbody> </table>	PROJEK	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS PPUM	Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik	Mekanikal (Gas Perubatan): Gas Altimate Services Sdn. Berhad	Permohonan EOT telah dikemukakan oleh kontraktor Gas Altimate Services pada 17 Mei 2013. Oleh kerana penyiapan kerja ini bergantung kepada kerja awam (Mercur Barakah), kelewatan pemberian EOT tidak dapat dinilai pada masa tersebut. Kontraktor awam juga tidak dapat memberikan masa yang sebenar bagi penyiapan keseluruhan projek dan belum memohon CPC.	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1706 821 2004 847">PROJEK</th> <th data-bbox="2004 821 2219 847">KONTRAKTOR</th> <th data-bbox="2219 821 2240 847">MAKLUM BALAS PPUM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1706 847 2004 1362"> Ubahsuai Bangunan </td> <td data-bbox="2004 847 2219 1362"> Mekanikal (Gas </td> <td data-bbox="2219 847 2240 1362"> Pemberian lanjutan masa tidak dapat </td> </tr> </tbody> </table>	PROJEK	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS PPUM	Ubahsuai Bangunan	Mekanikal (Gas	Pemberian lanjutan masa tidak dapat
PROJEK	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS PPUM																				
Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik	Mekanikal (Gas Perubatan): Gas Altimate Services Sdn. Berhad	Permohonan EOT telah dikemukakan oleh kontraktor Gas Altimate Services pada 17 Mei 2013. Oleh kerana penyiapan kerja ini bergantung kepada kerja awam (Mercur Barakah), kelewatan pemberian EOT tidak dapat dinilai pada masa tersebut. Kontraktor awam juga tidak dapat memberikan masa yang sebenar bagi penyiapan keseluruhan projek dan belum memohon CPC.																				
PROJEK	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS PPUM																				
Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik	Mekanikal (Gas Perubatan): Gas Altimate Services Sdn. Berhad	Permohonan EOT telah dikemukakan oleh kontraktor Gas Altimate Services pada 17 Mei 2013. Oleh kerana penyiapan kerja ini bergantung kepada kerja awam (Mercur Barakah), kelewatan pemberian EOT tidak dapat dinilai pada masa tersebut. Kontraktor awam juga tidak dapat memberikan masa yang sebenar bagi penyiapan keseluruhan projek dan belum memohon CPC.																				
PROJEK	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS PPUM																				
Ubahsuai Bangunan	Mekanikal (Gas	Pemberian lanjutan masa tidak dapat																				

Perenggan	Penemuan Audit			Status Terkini		
	<p>Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik</p>	<p>Perubatan): Gas Altimate Services Sdn. Berhad</p>	<p>dinilai kerana penyiapan kerja mekanikal (gas perubatan) bergantung kepada kerja awam yang mengalami kelewatan. Lanjutan masa layak diberi kepada kontraktor.</p>			<p>EOT telah diluluskan pada 24.02.14 kepada kontraktor kerana kelewatan kerja kontraktor awam (Mercu Barakah) yang mengakibatkan Gas Altimate tidak dapat menyiapkan kerja. Kerja telah siap sepenuhnya pada 20.08.2013, CPC telah dikeluarkan.</p>
	<p>Ubahsuai Klinik Pediatrik Lama Kepada Klinik Oftalmologi Dan Klinik Otorinolaringologi, Tingkat Bawah, Menara Utama</p>	<p>Mekanikal (Pendingin Udara): RAE Services</p>	<p>Kontraktor tidak dapat mengemukakan lanjutan masa kerana sukar menjangkakan tempoh lanjutan yang diperlukan. Pemberian tapak kepada kontraktor perlu dilaksanakan secara berperingkat disebabkan klinik perlu beroperasi seperti biasa. Proses semakan kualiti udara juga perlu dijalankan untuk pemilikan tapak.</p>	<p>Ubahsuai Klinik Pediatrik Lama Kepada Klinik Oftalmologi Dan Klinik Otorinolaringologi, Tingkat Bawah, Menara Utama</p>	<p>Mekanikal (Pendingin Udara): RAE Services</p>	<p>Mengikut kontrak asal, PPUM perlu menyerahkan ruang kerja sepenuhnya kepada kontraktor. Walaubagaimanapun, pelaksanaan projek ini terpaksa dilaksanakan secara berperingkat kerana mengambilkira keperluan dan operasi klinik yang perlu diteruskan oleh pengguna semasa kerja pengubahsuaian dilaksanakan.</p> <p>Di samping itu, PPUM sukar meramalkan tarikh untuk pemilikan tapak bagi peringkat seterusnya disebabkan kerja <i>total cleaning</i> dan kelulusan <i>air sampling</i>. Kedua-dua faktor ini telah menyebabkan kelewatan menyiapkan kerja mengikut tarikh siap kontrak.</p>
	<p>Ubahsuai Sebahagian Ruang Kompleks Pendidikan Sains Kejururawatan Kepada Klinik Kesihatan Kakitangan PPUM, Klinik Kesihatan Pelajar UM Dan Laluan Kerusi Roda</p>	<p>Nur Delima Sdn. Berhad</p>	<p>Kelulusan lanjutan masa lewat berikutan permohonan yang dikemukakan oleh kontraktor tidak lengkap. Kontraktor telah mengemukakan semula permohonan lanjutan masa pada 19 Julai 2013. Lanjutan masa selama 14 hari (28.03.2014 – 10.04.2014) layak diberi kerana terdapat bongkah konkrit di tapak pembinaan.</p>		<p>Awam: SNZ Jitu Enterprise</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini		
				<p>Kontraktor lewat mengemukakan permohonan EOT kerana kontraktor tidak dapat menjangkakan tempoh lanjutan yang diperlukan berdasarkan kepada penjelasan di atas.</p>
		<p>Ubahsuai Sebahagian Ruang Kompleks Pendidikan Sains Kejururawatan Kepada Klinik Kesihatan Kakitangan PPUM, Klinik Kesihatan Pelajar UM Dan Laluan Kerusi Roda</p>	<p>Nur Delima Sdn. Berhad</p>	<p>Kontraktor telah memohon EOT pada 25.03.2013, 2 hari sebelum tarikh siap asal. Didapati permohonan adalah tidak lengkap dan kontraktor diminta untuk mengemukakan maklumat sokongan yang jelas semasa mesyuarat koordinasi pada 01.04.2013 dan 08.04.13.</p> <p>Kontraktor lewat menghantar permohonan EOT yang lengkap dan EOT yang terkini diterima pada 19.07.2013. EOT dikeluarkan kerana didapati kontraktor adalah layak untuk EOT (28.03.2013 hingga 10.04.2013) tersebut. Kelewatan adalah disebabkan terdapat bongkah konkrit ditapak bina yang di luar jangkaan kontraktor.</p> <p>Walaupun, LAD telah dikenakan kepada kontraktor dari 11.04.2013 sehingga 11.05.2013 (32 hari)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini	
			berjumlah RM3,200.00 dalam bayaran interim no. 2 dan CPC di beri pada 12.05.2013.
9.4.5.1	<p>Kecacatan Pengubahsuaian Bangunan</p> <p>Perjanjian menetapkan dalam tempoh tanggungan kecacatan, sebarang kecacatan, ketidaksempurnaan ataupun kerosakan yang disebabkan oleh bahan, barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati perjanjian akan dibaiki oleh kontraktor. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, PPUM berhak meminta pihak lain melakukan kerja pembaikan dan menolak kos yang dibelanjakan dari bon pelaksanaan kontraktor. Pemeriksaan fizikal terhadap 8 projek pengubahsuaian telah dijalankan pada 18 Februari 2014 mendapati ada kecacatan pengubahsuaian perlu dibaiki oleh kontraktor sebelum tamat tempoh tanggungan kecacatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja pengubahsuaian adalah kurang memuaskan kerana berlaku kecacatan dan kerja kemas bangunan yang kurang berkualiti. Ini menyebabkan PPUM akan menanggung kos penyenggaraan dan pembaikan sekiranya kerosakan atau kecacatan pengubahsuaian tidak dibaiki dalam tempoh tanggungan kecacatan.</p> <p>Maklum Balas Daripada PPUM Diterima Pada 28 April 2014.</p> <p><i>PPUM memaklumkan semua kecacatan bangunan telah diambil tindakan pembaikan.</i></p>	Semua kerja-kerja pembaikan kecacatan telah selesai dilaksanakan.	
9.4.6.1	<p>As Built Drawing Tidak Dikemukakan Oleh Kontraktor</p> <p><i>As built drawing</i> merupakan dokumen penting yang mengandungi lukisan lengkap dan sebenar bagi memudahkan kerja penyenggaraan dilaksanakan. <i>As built drawing</i> memberi maklumat awal sekiranya terdapat aduan kerosakan. Kos setiap <i>as built drawing</i> yang dinyatakan di senarai kuantiti dalam perjanjian adalah RM1,500. Semakan Audit mendapati kontraktor masih tidak mengemukakan <i>as built drawing</i> bagi 4 pakej projek pengubahsuaian walaupun projek tersebut telah siap pada tahun 2012 dan 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, <i>as built drawing</i> yang tidak dikemukakan oleh kontraktor akan</p>	<i>As built drawing</i> bagi semua 4 pakej projek pengubahsuaian telah diterima.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menyukarkan kerja penyenggaraan.</p> <p>Maklum Balas Daripada PPUM Diterima Pada 28 April 2014.</p> <p><i>PPUM memaklumkan as built drawing bagi 3 pakej projek pengubahsuaian telah diterima kecuali bagi projek ubahsuai Klinik Rawatan Luka Lama Kepada Jabatan Perubatan Transfusi. Bagaimanapun, PPUM telah menghantar surat tuntutan penyerahan as built drawing kepada kontraktor.</i></p>	
9.4.7.1	<p>Pemantauan</p> <p>Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan PPUM mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan seterusnya membolehkan tindakan diambil dengan kadar segera untuk menyelesaikannya. PPUM telah mewujudkan mekanisme pemantauan melalui mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan melantik Jurutera J41 bagi setiap projek pengubahsuaian bangunan.</p>	<p>Sebagai langkah penambahbaikan, PPUM meneliti kaedah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penggunaan kontrak <i>Nominated Sub-Contractor</i> (NSC) dan Pakej telah dilaksanakan mulai Jun 2013. Kaedah ini didapati lebih efektif dan teratur kerana PPUM berupaya memantau kontraktor dengan lebih berkesan dan efisien sepertimana amalan Jabatan Kerja Raya.
9.4.7.2	<p>Semakan Audit mendapati Jurutera J41 telah menyediakan laporan pemantauan dan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan yang dipengerusikan oleh Pengarah PPUM. Selain itu, pemantauan melalui mesyuarat tapak, laporan kemajuan bulanan dan lawatan fizikal ada dibuat semasa projek dalam pelaksanaan. Bagaimanapun, mekanisme pemantauan yang dilaksanakan oleh PPUM kurang berkesan kerana projek pengubahsuaian bangunan bertempoh singkat lewat disiapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan oleh PPUM adalah kurang berkesan kerana masih berlakunya kelewatan bagi projek bertempoh singkat, prosedur permohonan dan kelulusan lanjutan masa tidak dipatuhi dan <i>as built drawing</i> tidak dikemukakan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 2. Bahagian Pembangunan telah distrukturkan semula dengan mengkhususkan tanggungjawab Jurutera dan Penolong Jurutera dalam aktiviti pembangunan dan pengubahsuaian bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar. PPUM telah memohon pertambahan jawatan bagi aktiviti ini tetapi masa belum diisi. 3. PPUM sedang membangunkan sistem pemantauan projek secara online dan akan siap sepenuhnya pada Disember 2014. 4. Pengurusan dan kawalan kontrak telah dipertingkatkan dengan seliaan Jurutera dan seorang Jurukur Bahan yang dilantik secara kontrak. 5. Kontraktor diminta untuk mengemukakan lebih awal permohonan Lanjutan Masa sebelum tempoh siap asal kontrak. Kontraktor telah diingatkan semasa mesyuarat koordinasi untuk memohon Lanjutan Masa dan diminitkan. 6. Senarai semak bayaran interim telah dibuat untuk memastikan ke semua dokumen diperolehi sebelum pembayaran dibuat.

**(SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN)**

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

SYARIKAT FAMA CORPORATION SDN. BERHAD

Perenggan 11 : Pengurusan FAMA Corporation Sdn. Berhad

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.3.1.2.a	<p>Analisis Nisbah Kewangan - Nisbah Semasa</p> <p>Nisbah Semasa menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa FAMACorp menunjukkan penurunan daripada 2.72 kali pada 2009 kepada 1.79 kali pada 2013.</p>	<p>Famacorp ditubuhkan untuk membantu FAMA mengedarkan produk keluaran IKS yang bermargin rendah dan produk pertanian segar dari ladang hasil petani kecil. Produk ini tidak dapat menjamin keuntungan kepada Famacorp kerana faktor "<i>economies of scale</i>".</p> <p>Famacorp perlu ada "<i>core business</i>" yang menguntungkan supaya boleh menjamin pendapatan positif sementara menjalankan aktiviti sediaada membantu FAMA.</p> <p>Oleh yang demikian Famacorp dengan kerjasama FAMA dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang merangka satu strategi yang berkonsepkan eksport hasil pertanian dan produk tempatan yang bersesuaian dengan permintaan pasaran antarabangsa bagi menjamin "<i>core business</i>" kepada Famacorp.</p> <p>Buat masa ini juga Famacorp sedang menyediakan Pelan Urusniaga 5 Tahun 2015-2019 untuk memastikan kedudukan kewangan Famacorp berubah kepada positif.</p>
11.3.1.2.b	<p>Margin Untung Bersih</p> <p>Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan daripada pendapatan yang diperolehi. Analisis Audit mendapati kerugian selepas cukai yang dialami oleh FAMACorp bagi 5 tahun berturut-turut dari tahun 2009 sehingga 2013 menyebabkan Margin Untung Bersih negatif.</p>	
11.3.1.2.c	<p>Pulangan Atas Aset</p> <p>Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperolehi syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati Pulangan Atas Aset FAMACorp adalah negatif dari tahun 2009 sehingga 2013 disebabkan kerugian selepas cukai yang dicatatkan pada tahun tersebut.</p>	
11.3.1.2.d	<p>Pulangan Atas Ekuiti</p> <p>Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan menguruskan modal FAMACorp adalah negatif</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bagi tahun 2009 sehingga 2013 disebabkan kerugian selepas cukai yang dialami pada tahun tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan FAMACorp adalah tidak memuaskan kerana mencatatkan kerugian selepas cukai yang berterusan dari tahun 2009 sehingga 2013. FAMACorp turut mencatatkan kerugian terkumpul sejumlah RM12.95 juta setakat bulan Disember 2013 iaitu 76.7% daripada modal berbayar syarikat. FAMACorp perlu mengkaji semula model perniagaannya dan merangka strategi bagi meningkatkan keuntungan.</p>	
<p>11.4.2.1.b</p>	<p>Prestasi Kewangan Cawangan Dan Gerai Jualan</p> <p>Semakan Audit mendapati operasi perniagaan di Lazaria Seremban Utara dan Seremban Selatan menunjukkan prestasi yang baik dengan mencatatkan keuntungan bersih bagi tahun 2011 sehingga 2013. Bagaimanapun, FAMACorp Cawangan Klang dan gerai jualan di TEMAN Kota Bharu mencatatkan kerugian bersih bagi 3 tahun berturut-turut dari tahun 2011 disebabkan kos jualan yang tinggi berbanding pendapatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi keseluruhan cawangan dan gerai jualan adalah memuaskan disebabkan hanya cawangan Klang dan gerai jualan di TEMAN Kota Bharu yang mengalami kerugian 3 tahun berturut-turut berbanding cawangan dan gerai jualan lain.</p> <p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.</p> <p><i>FAMACorp memaklumkan akan menyediakan Pelan Urusniaga 5 Tahun 2015-2019 sebelum 31 Disember 2014 dengan mengambil kira aktiviti perniagaan sedia ada dan baru yang boleh meningkatkan pendapatan syarikat.</i></p>	<p>Dalam Pelan Urusniaga 5 Tahun 2015-2019, operasi yang menguntungkan seperti di Lazaria Seremban Utara dan Selatan diteruskan sementara operasi yang merugikan di Teman Kota Baru di hentikan dan Cawangan Klang diperbaiki dengan urusniaga baru yang menguntungkan.</p>
<p>11.4.2.2.b</p>	<p>Kos Jualan Tinggi Bagi Pemasaran Produk Proses FAMA</p> <p>Semakan Audit mendapati kerugian bersih disebabkan pendapatan operasi tidak dapat menampung kos jualan yang tinggi. Ini disebabkan FAMA dan FAMACorp terikat dengan tanggungjawab sosial dalam membantu usahawan IKS yang tidak mempunyai <i>economies of scale</i> memasarkan produk di pasaran. Analisis Audit mendapati kos jualan pada tahun 2011 meliputi 89% daripada jumlah pendapatan. Bagaimanapun, peratusan tersebut menurun kepada 82.5% pada tahun 2012 dan 81% pada tahun 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pemasaran produk yang diproses keluaran FAMA</p>	<p>Pengedaran produk proses keluaran FAMA ke Pasaraya Besar seperti Tesco, Mydin dan Aeon Big telah diserahkan balik kepada FAMA mulai Julai 2013 dan prestasi Unit Edaran telah beransur pulih menuju ke positif.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kurang memuaskan kerana FAMACorp mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM5.02 juta setakat bulan Disember 2013 disebabkan aktiviti pengedaran memberi margin keuntungan yang kecil.</p> <p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.</p> <p><i>FAMACorp memaklumkan aktiviti pengedaran produk Agromas yang memberi margin keuntungan yang kecil telah diserahkan semula kepada FAMA secara berperingkat bermula bulan Julai 2013. FAMACorp hanya akan memasarkan produk IKS yang mempunyai economies of scale manakala produk lain akan diuruskan oleh FAMA.</i></p>	
<p>11.4.2.3.b</p>	<p>Kadar Pulangan Jualan Tinggi</p> <p>FAMACorp akan mendapatkan bekalan produk pertanian daripada pembekal tempatan dan luar negara apabila mendapat permintaan daripada syarikat KFC. Pemilihan pembekal oleh FAMACorp adalah berdasarkan kepada tawaran harga dan tempoh masa bekalan. Semakan Audit mendapati FAMACorp Cawangan Klang mengalami kerugian bersih berjumlah RM0.71 juta bagi tahun 2011 sehingga 2013.</p>	<p>Famacorp tidak setuju sepenuhnya. Kerugian urusan dengan KFC lebih disebabkan oleh harga belian yang tidak tetap dan berubah pada setiap masa sedangkan harga kontrak dengan KFC tetap diikat tidak berubah. Pembekal Famacorp tidak setuju mengikat harga belian kerana ianya adalah barangan segar.</p>
<p>11.4.2.3.c</p>	<p>Analisis Audit mendapati kerugian yang dialami oleh FAMACorp Cawangan Klang disebabkan harga belian daripada pembekal berubah mengikut harga pasaran walaupun harga jualan kepada syarikat KFC adalah tetap. Selain itu, kadar pulangan jualan tinggi oleh syarikat KFC bagi produk kubis bulat China, kubis Indonesia dan tembikai susu iaitu antara 20.7% hingga 30.1% daripada jumlah jualan bagi tahun 2011 sehingga 2013. Pulangan jualan disebabkan kualiti produk yang dibekalkan tidak mencapai piawai yang ditetapkan oleh syarikat KFC.</p>	<p>Pulangan yang dikatakan tinggi juga tidak benar kerana pihak Audit mengambil jumlah Pesanan Belian daripada KFC sebagai jualan. Audit juga mengambil perbezaan antara jumlah Pesanan KFC dan jumlah dihantar sebenar sebagai pulangan.</p>
<p>11.4.2.3.d</p>	<p>Semakan Audit mendapati tiada perjanjian disediakan antara FAMACorp dan pembekal produk pertanian untuk memastikan pembekal membekalkan produk yang berkualiti dan menepati kehendak syarikat KFC. Ini menyebabkan FAMACorp menanggung keseluruhan kos pulangan jualan oleh syarikat KFC kerana produk pertanian tersebut tidak boleh dikembalikan kepada pembekal.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan penerimaan bekalan produk pertanian daripada pembekal tempatan dan luar negara adalah kurang memuaskan sehingga menyebabkan kadar pulangan jualan yang tinggi dan kerugian berjumlah RM0.71 juta. Selain itu, kepentingan FAMACorp tidak dilindungi kerana tiada perjanjian dengan pembekal produk.</p>	<p>Jumlah pulangan sebenar penghantaran kepada KFC tidak lebih daripada 10% daripada penghantaran sebenar. Famacorp menghantar jumlah lebih rendah daripada Jumlah Pesanan Belian KFC untuk mengelakkan kerugian lebih tinggi terutamanya pada masa harga pasaran terlalu tinggi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 14 Mac 2014.</p> <p><i>FAMACorp memaklumkan tiada sebarang perjanjian disediakan antara FAMACorp dan pembekal produk pertanian memandangkan harga pasaran yang sentiasa mengalami perubahan. Walaupun mengalami kerugian, ia berjaya memberi imej baik kepada FAMACorp kerana berupaya membekalkan produk pertanian yang memenuhi piawaian tinggi oleh syarikat KFC.</i></p>	
11.4.2.4.b	<p>Kerugian Gerai Jualan Di TEMAN Kota Bharu</p> <p>Semakan Audit mendapati operasi FAMACorp di TEMAN Kota Bharu mengalami kerugian berjumlah RM65,368 bagi tempoh bulan Julai 2011 sehingga bulan Disember 2013. Kerugian bersih berlaku disebabkan kos jualan yang tinggi berbanding pendapatan.</p>	<p>Famacorp ditawarkan oleh FAMA untuk berniaga barangan keperluan makanan secara borong sahaja. Setelah beroperasi selama 2 tahun, operasi secara borong di tempat tersebut tidak sesuai disebabkan peniaga lain lebih cenderung kepada urusan runcit.</p>
11.4.2.4.c	<p>Semakan lanjut mendapati bayaran sewaan tertunggak berjumlah RM23,000 bagi tempoh bulan Februari 2012 sehingga Disember 2013 dan tiada perjanjian sewaan ditandatangani antara FAMACorp dan FAMA.</p>	<p>Maka Famacorp menyerahkan semula Lot urusan runcit di Teman Kota Baru kembali kepada FAMA untuk mengelakkan kerugian berterusan.</p>
11.4.2.4.d	<p>Lawatan Audit ke TEMAN Kota Bharu pada 11 September 2013 mendapati kuantiti produk yang dijual adalah kecil berbanding ruang gerai yang disewa dengan keluasan 20 kaki x 40 kaki. Gerai jualan FAMACorp juga terletak berhadapan dengan lot gerai peniaga runcit yang lebih mendapat tumpuan pembeli.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi gerai jualan di TEMAN Kota Bharu kurang memuaskan kerana mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM65,368 setakat bulan Disember 2013. Selain itu, lokasi gerai jualan FAMACorp tidak strategik kerana perlu bersaing dengan peniaga runcit yang lebih mendapat tumpuan pembeli.</p> <p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.</p> <p><i>FAMACorp memaklumkan gerai jualan tersebut telah diserahkan kepada FAMA pada 15 April 2014 bagi mengelakkan kerugian yang berterusan.</i></p>	
11.4.2.5.c	<p>Kelemahan Dalam Proses Pelantikan Agen Pemasaran</p> <p>Semakan Audit mendapati FAMACorp telah membekalkan kepada UiTM sebanyak 38,673 kotak air mineral bagi tempoh bulan April 2012 sehingga Januari 2014 dengan nilai berjumlah RM0.58 juta. Pembekalan dan pengedaran air mineral ke seluruh kampus UiTM dibuat oleh FAMACorp. Semakan lanjut mendapati FAMACorp telah membayar komisen jualan air mineral berjumlah RM85,176 kepada KBA Maju</p>	<p>Famacorp tidak setuju dikategorikan sebagai <i>improper payment</i>.</p> <p>Bayaran komisen berjumlah RM 85,176 (atau 10 sen sebotol air mineral) kepada KBA Maju Resources dalam jangkamasa April</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Resources bagi tempoh bulan Julai 2012 sehingga Februari 2014 walaupun tidak memainkan peranannya dalam membekalkan air mineral kepada UiTM dan kampus miliknya. Pembayaran ini adalah <i>improper payment</i> kerana dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan.	2012 hingga 31 Disember 2013 berupa jumlah yang sewajarnya diterima syarikat tersebut kerana KBA Maju Resources dilantik sebagai agen pemasaran bagi pihak Famacorp untuk menjalankan kerja kerja berikut:-
11.4.2.5.d	<p>Selain itu, pihak Audit mendapati kelemahan dalam proses pelantikan KBA Maju Resources sebagai agen pemasaran adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelantikan KBA Maju Resources berkuat kuasa pada 1 Februari 2012 sehingga 31 Januari 2015 tetapi surat pelantikan hanya dikeluarkan pada 26 Mac 2012. ii. Surat pelantikan tidak menyatakan dokumen sokongan yang perlu dikemukakan oleh KBA Maju Resources seperti laporan pelaksanaan kerja bagi menuntut bayaran komisen. Bayaran yang dibuat adalah berdasarkan memo pengesahan daripada Unit Edaran FAMACorp. <p>Pada pendapat Audit, pelantikan agen pemasaran kurang memuaskan kerana dibuat tanpa prosedur perolehan. KBA Maju Resources telah dibayar komisen sejumlah RM85,176 walaupun syarikat tidak melaksanakan peranannya sebagai agen pemasaran.</p> <p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 18 Mac 2014.</p> <p><i>FAMACorp memaklumkan telah menamatkan perkhidmatan syarikat KBA Maju Resources sebagai agen pemasaran berkuat kuasa 18 Mac 2014 selepas teguran Audit.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Membantu Famacorp mendapatkan Pesanan Belian atau "<i>Purchase Order</i>" daripada UiTM Hospitality Services setelah kontrak bekalan air mineral diperolehi Famacorp. Walaupun kontrak diperolehi, tetapi perlu ada agen untuk membantu Famacorp membuat "<i>marketing</i>" ke seluruh kampus UiTM di Semenanjung Malaysia bagi mempromosi air mineral tersebut dan seterusnya mendapatkan setiap kampus membuat Pesanan. Tanpa daya usaha pemasaran, peningkatan Pesanan Belian akan sukar diperolehi kerana Famacorp baru Tahun pertama pada 2012 mendapat kontrak bekalan tersebut. ii. Membantu Famacorp menyelesaikan semua masalah yang berkaitan bekalan air mineral ke UiTM terutama aduan aduan daripada pengguna UiTM sendiri yang mengatakan kualiti air mineral kurang baik walaupun sebenarnya kualiti air mineral memang baik. iii. Membantu Famacorp mengutip hutang supaya aliran wang tunai Famacorp berjalan lancar. <p>Kesemua terma terma diatas telah dibincang dengan KBA Maju Resources semasa perlantikan tetapi hanya tidak dimasukkan dalam surat perlantikan dengan tujuan memudahkan surat tersebut dan urusan bersama KBA Maju Resources.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, kerana teguran Audit yang masih berkeras mengatakan pendirian mereka betul, maka pelantikan KBA Maju Resources sebagai agen pemasaran telah ditamatkan mulai 18 Mac 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.2.6.b	<p>Pusat Menggred Dan Pengesahan Koko FAMA Mengalami Kerosakan Dan Tidak Disenggara</p> <p>Kompleks berkenaan digunakan oleh FAMACorp Cawangan Klang yang menjalankan urusniaga pembekalan produk pertanian. Lawatan Audit ke kompleks berkenaan pada 31 Oktober 2013 mendapati 8 bilik sejuk telah rosak, 1 gudang besar tidak digunakan, pagar rosak dan tingkap pecah.</p>	<p>Famacorp memang tidak berupaya menyenggara keseluruhan kompleks tersebut kerana pendapatan dan hasil daripada kompleks ini jauh tidak mencukupi untuk menyenggara secara total. Famacorp hanya mampu membiayai kos letrik bilik sejuk, kos pegawai keselamatan dan penyenggaraan kecil-kecilan.</p>
11.4.2.6.c	<p>Semakan Audit mendapati FAMACorp telah memperoleh hasil sewaan gudang berjumlah RM0.37 juta bagi tahun 2011 sehingga bulan Januari 2013. Bagaimanapun, lawatan Audit ke kompleks berkenaan pada 31 Oktober 2013 mendapati gudang berkenaan terbiar kosong dan tidak disewakan sejak bulan Februari 2013 kerana kemudahan kompleks tidak disenggara.</p>	<p>FAMA sudah mengambil maklum perkara ini dan akan memulakan penyenggaraan secara total setelah peruntukan diperolehi.</p>
11.4.2.6.d	<p>Semakan lanjut mendapati FAMACorp telah membelanjakan sejumlah RM45,259 untuk tujuan penyenggaraan kompleks bagi tahun 2011 sehingga 2013. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan FAMACorp tidak menerima peruntukan penyenggaraan dan pembaikan daripada FAMA walaupun kompleks berkenaan mengalami banyak kerosakan sebelum penyerahan. Penyenggaraan dibuat oleh FAMACorp di pelbagai kawasan di kompleks berkenaan melibatkan pembaikan kecil seperti menukar alat ganti dan sebagainya. Bagaimanapun, penyenggaraan yang melibatkan kos yang besar seperti membaiki bilik sejuk tidak dibuat kerana FAMACorp tidak mempunyai peruntukan.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyenggaraan yang tidak berkala menyebabkan Pusat Menggred Dan Pengesahan Koko FAMA mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan secara optimum bagi menjana pendapatan tambahan kepada FAMACorp.</p> <p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 14 Mac 2014.</p> <p><i>FAMA memaklumkan akan menyediakan peruntukan bagi membaik pulih kerosakan dan menyenggara kemudahan di kompleks tersebut. Kompleks tersebut akan digunakan sebagai gudang penyimpanan bagi program Jimat Belanja Dapur dan pengedaran beras ST 15% di seluruh Agrobazar Kedai Rakyat.</i></p> <p>Secara keseluruhannya, objektif penubuhan FAMACorp yang bertujuan memasarkan produk pertanian tempatan dan membantu FAMA meningkatkan pendapatan para usahawan belum lagi tercapai memandangkan pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan. Prestasi kewangan terhadap aktiviti tersebut mengalami kerugian.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>11.4.3.1.b</p>	<p>Tadbir Urus Korporat - Mesyuarat Lembaga Pengarah Hanya Diadakan Sekali Setahun</p> <p>Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah FAMACorp telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2010. Bagaimanapun, mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan sekali setahun bagi tahun 2011 sehingga 2013. Ini disebabkan kesukaran Setiausaha Syarikat mendapatkan korum yang mencukupi untuk mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah dengan kerap adalah tidak mematuhi amalan terbaik yang ditetapkan dalam Buku Hijau <i>Enhancing Board Effectiveness</i>.</p> <p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.</p> <p><i>FAMACorp memaklumkan akan memastikan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun dan FAMA telah mengesyorkan mesyuarat Lembaga Pengarah FAMACorp diadakan seminggu sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA.</i></p>	<p>Famacorp telah perbetulkan perkara ini. Pada Tahun 2014 sehingga hari ini sahaja, Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan tiga (3) kali. Yang terakhir diadakan ialah pada 29 April 2014. Seterusnya akan diadakan sekali lagi pada bulan Mei 2014 dan dicadang diadakan setiap bulan seminggu sebelum diadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA.</p>
<p>11.4.3.2.b</p>	<p>Bajet Tahunan Tidak Diluluskan</p> <p>Semakan Audit mendapati bajet tahunan FAMACorp bagi tahun 2011 dan 2012 tidak dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah manakala bajet tahunan bagi tahun 2013 ada disedia dan dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah FAMACorp. Bagaimanapun, pindaan kepada bajet tahunan tersebut dengan mengambil kira cadangan perniagaan baru yang dapat meningkatkan pendapatan syarikat tidak dibentangkan semula di mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.</p> <p>Pada pendapat Audit, bajet tahunan yang tidak dikemukakan kepada Lembaga Pengarah menyebabkan FAMACorp membuat perbelanjaan tanpa kelulusan bagi tahun 2011 sehingga 2013 iaitu masing-masing berjumlah RM8.99 juta, RM9.13 juta dan RM9.23 juta.</p> <p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.</p> <p><i>FAMACorp memaklumkan akan membentangkan semula bajet tahun 2013 pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang.</i></p>	<p>Semakan semula Bajet Tahun 2013 dan Bajet 2014 akan dibentangkan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijadualkan pada bulan Mei 2014 ini.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>11.4.3.3</p>	<p>Pengauditan Tidak Menyeluruh Oleh Bahagian Audit Dalam FAMA</p> <p>Unit Audit Dalam ditubuhkan bertujuan membantu pihak pengurusan memastikan wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan di semua peringkat. Semakan Audit mendapati FAMACorp tidak menubuhkan Unit Audit Dalam, sebaliknya Bahagian Audit Dalam FAMA dipertanggungjawab untuk menjalankan pengauditan di FAMACorp. Bagaimanapun, skop pengauditan terhadap FAMACorp tidak dibuat secara menyeluruh oleh Bahagian Audit Dalam FAMA terutama yang melibatkan pengurusan aktiviti perniagaan FAMACorp.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengauditan yang menyeluruh dapat membantu pihak pengurusan untuk mengenal pasti kelemahan dalam pengurusan kewangan syarikat dan tindakan pembedahan diambil dengan cepat.</p> <p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.</p> <p><i>FAMA memaklumkan Bahagian Audit Dalam FAMA akan menjalankan pengauditan yang menyeluruh secara berkala terhadap FAMACorp. FAMACorp turut memaklumkan akan bekerjasama dengan Bahagian Audit Dalam FAMA untuk menjalankan pengauditan secara berkala dan menyeluruh di FAMACorp.</i></p>	<p>Audit dalam FAMA telah sedia memulakan pengauditan menyeluruh aktiviti Famacorp mulai tahun 2014.</p>
<p>11.4.3.4.b</p>	<p>Prosedur Pengurusan Aset Dan Perolehan Tidak Disediakan</p> <p>Semakan Audit mendapati FAMACorp mengguna pakai Peraturan Kewangan FAMA antaranya Prosedur Penerimaan, Pembayaran dan Pembelian. Bagaimanapun, FAMACorp tidak menyediakan prosedur pengurusan aset dan prosedur perolehan.</p> <p>Pada pendapat Audit, prosedur pengurusan aset dan prosedur perolehan adalah merupakan kawalan dalaman asas yang dapat memastikan pengurusan aset dan perolehan diuruskan dengan cekap dan teratur.</p> <p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.</p> <p><i>FAMACorp memaklumkan prosedur pengurusan aset dan prosedur perolehan akan disiapkan sebelum 31 Disember 2014 dengan menjadikan prosedur sedia ada di FAMA sebagai rujukan mengikut kesesuaian syarikat.</i></p> <p>Pada keseluruhannya, tadbir urus korporat FAMACorp adalah kurang memuaskan daripada aspek kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan dan skop pengauditan oleh Bahagian Audit Dalam FAMA.</p>	<p>Kerja kerja penyediaan prosedur pengurusan aset dan perolehan sedang berjalan lancar buat masa ini dan sasaran untuk disiapkan sebelum akhir 2014 boleh dicapai.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.4.1.b	<p>Pengurusan Kewangan - Kutipan Hutang Kurang Memuaskan</p> <p>Analisis Audit mendapati jumlah penghutang yang melebihi tempoh kredit 60 hari bernilai RM14.47 juta atau 98.7% daripada jumlah keseluruhan penghutang. Ini termasuk penghutang di FAMACorp Cawangan Pulau Pinang sejumlah RM0.18 juta yang merupakan penghutang pada tahun 2005 dan sebelumnya.</p>	<p>Sejumlah RM 1,542,355.14 peruntukan hutang ragu telah diperuntukan dalam akaun Famacorp berakhir 31 Disember 2013 yang telah selesai diaudit. Dengan peruntukan ini, baki jumlah siberhutang dalam akaun Famacorp telah mencerminkan hutang yang aktif dan mampu dikutip.</p>
11.4.4.1.c	<p>Polisi FAMACorp menetapkan 3 surat peringatan perlu dikeluarkan kepada penghutang yang telah melebihi tempoh kredit 60 hari. Semakan Audit mendapati FAMACorp ada memantau kedudukan penghutang melalui laporan pengumuman penghutang yang disediakan dan surat peringatan telah dikeluarkan kepada penghutang yang gagal membuat bayaran. Bagaimanapun, tiada sebarang tindakan lanjut diambil oleh FAMACorp selepas surat peringatan dikeluarkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kawalan kredit FAMACorp adalah lemah menyebabkan tunggakan hutang yang tinggi dan masalah aliran tunai syarikat.</p> <p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.</p> <p><i>FAMACorp memaklumkan telah membuat analisa bagi mengenal pasti penghutang yang masih aktif dan penghutang yang tidak dapat dikutip. FAMACorp akan membuat peruntukan hutang ragu bagi tahun kewangan 2013.</i></p>	<p>Semenjak Tahun 2010 Famacorp telah mempraktikkan polisi kredit yang ketat. Kredit hanya diluluskan kepada syarikat yang mampu bayar balik dalam jangkamasa yang ditetapkan. Kutipan hutang yang tertunggak dipergiatkan dan hutang hutang yang lama dan tidak bergerak diambil tindakan melalui syarikat peguam sekiranya perlu.</p>
11.4.4.2.a	<p>Pengurusan Pembayaran Tidak Teratur</p> <p>Mengikut peraturan kewangan, setiap pembayaran perlu disertakan baucar bayaran bersama dengan dokumen lengkap dan sempurna serta mendapat kelulusan yang sewajarnya. Semakan Audit mendapati peraturan kewangan tidak dipatuhi oleh FAMACorp seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bayaran berjumlah RM34,357 dibuat tanpa dokumen sokongan yang lengkap menyebabkan tujuan perbelanjaan tidak dapat ditentukan. ii. Bayaran berjumlah RM21,845 dibuat tanpa mendapat kelulusan yang sewajarnya. 	<p>Kesemua dokumen sokongan berkaitan bayaran berjumlah RM 34,357 telah diserahkan kepada Audit.</p> <p>Bayaran berjumlah RM 21,845 yang dikatakan tanpa mendapat kelulusan yang sewajarnya dan bayaran diatas RM 34,357 telah diperakukan oleh Lembaga Pengarah Famacorp di Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 29 April 2014.</p>
11.4.4.2.b	<p>Sehingga tarikh pengauditan, sebanyak 5 baucar bayaran bagi tahun 2012 berjumlah RM21,241 tidak dapat dikemukakan untuk semakan Audit kerana hilang dalam simpanan FAMACorp.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.</p> <p><i>FAMACorp memaklumkan perbelanjaan tersebut akan dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah pada akhir bulan April 2014 untuk diperakukan.</i></p>	
<p>11.4.4.3.b</p>	<p>Perolehan Kenderaan Dibuat Tanpa Kelulusan</p> <p>Semakan Audit mendapati FAMACorp telah membuat perolehan secara pembelian terus bagi kenderaan Proton Inspira 2.0L CVT berharga RM93,665 pada 28 Mac 2013. Pembelian tersebut tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan pembayaran dibuat secara pecah kecil melalui 5 keping cek yang ditandatangani oleh Pemangku Pengarah Urusan dan Pengurus Kanan Operasi.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembelian kereta Proton Inspira tidak dibuat dengan teratur kerana tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan pembayaran dibuat secara pecah kecil untuk mengelakkan prosedur pembayaran mengikut had kuasa menandatangani cek.</p> <p>Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.</p> <p><i>FAMACorp memaklumkan pembayaran dibuat secara pecah kecil kerana kesukaran mendapatkan tandatangan ahli Lembaga Pengarah. Kuasa menandatangani cek akan dikemaskini mengikut kesesuaian bagi melancarkan perjalanan operasi syarikat. Lembaga Pengarah telah meluluskan pembelian kenderaan tersebut melalui Resolusi Pekeliling Lembaga Pengarah pada 12 Mac 2014.</i></p>	<p>Pembelian kereta Proton Inspira 2.0L CVT telah diperakukan oleh Lembaga Pengarah Famacorp di Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 29 April 2014.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

SYARIKAT KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BERHAD

Perenggan 12 : Pengurusan Kolej Poly-Tech Mara Sdn. Berhad

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.4.2.2.b.i	<p>Pengurusan Aktiviti - Prestasi Pengajian</p> <p>Mengikut perakuan Akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia, tempoh minima untuk menamatkan pengajian bagi program diploma ialah setelah menamatkan 6 semester. Semakan telah dibuat terhadap 17 program diploma yang terpilih untuk sesi Mei 2009 sehingga bulan Julai 2010 di kampus Kuala Lumpur, Batu Pahat, Ipoh, Kota Bharu dan Semporna.</p>	<p>Langkah-langkah penambahbaikan dan pencegahan bagi mengurangkan peratusan pelajar Gagal Berhenti adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Semakan semula kurikulum dan program bagi disesuaikan dengan tahap pembelajaran yang bersifat progresif di samping memenuhi keperluan MQA. Surat-surat arahan bengkel dan cabutan minit Mesyuarat Senat mengenai persetujuan semakan semula program-program di KPTM dan meringan subjek pada semester pertama.
12.4.2.2.b.ii	<p>Semakan Audit mendapati peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian adalah tinggi iaitu antara 33.4% hingga 42.2% daripada jumlah yang berdaftar. Antara faktor yang menyumbang kepada peratusan ini adalah pelajar yang baru mendaftar mendapat tawaran daripada institusi pengajian tinggi yang lain, gagal dalam peperiksaan dan masalah peribadi.</p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun pendaftaran pelajar melebihi sasaran, namun peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian juga tinggi. Tindakan sewajarnya hendaklah diambil bagi memastikan lebih ramai pelajar yang bergraduasi agar objektif penubuhan KPTM iaitu untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, berprestasi tinggi dan bersepadu dapat dicapai.</p> <p>Maklum Balas Daripada KPTM Diterima Pada 24 April 2014.</p> <p><i>KPTM memaklumkan telah mengambil langkah penambahbaikan bagi mengatasi pelajar gagal dan berhenti melalui pendekatan seperti menyaring dan memilih permohonan pelajar yang terbaik mengikut kelayakan kemasukan, memastikan pelajar mendapat tajaan dalam tempoh yang singkat, menjalankan semakan semula kurikulum dan program bagi disesuaikan dengan tahap pembelajaran yang bersifat progresif di samping memenuhi keperluan MQA dan memantau aktiviti mentor untuk membantu prestasi akademik pelajar. Selain itu, mulai sesi Januari 2014, KPTM Kuala Lumpur mula menyaring proses pengambilan pelajar dengan memilih pelajar yang mempunyai kelayakan melebihi syarat kelayakan minimum 3 kredit.</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> ii. Mentor diwajibkan mengeluarkan laporan aktivi yang sebahagian dari tugasnya untuk membantu prestasi akademik pelajar. Memo arahan kepada Mentor. iii. Mulai sesi Januari 2014, KPTM Kuala Lumpur mula menyaring proses pengambilan pelajar dengan memilih pelajar yang mempunyai kelayakan melebihi syarat kelayakan minimum 3 kredit. Contoh, senarai pelajar yang terpilih untuk mengikuti program Diploma <i>In Teaching English As A Second Language</i> (TESL) BE101. <p>Statistik prestasi pengajian pelajar bagi 3 kampus berkenaan menunjukkan trend positif setelah tindakan pembetulan dibuat.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																									
		<table border="1" data-bbox="1303 229 1980 657"> <thead> <tr> <th>Kampus</th> <th>%</th> <th>Sesi Ambilan Mei 2009</th> <th>Sesi Ambilan Julai 2010</th> <th>Nota</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">Kuala Lumpur</td> <td>Graduat</td> <td>54.5%</td> <td>61.8%</td> <td>+7.3%</td> </tr> <tr> <td>Gagal / Berhenti</td> <td>45.5%</td> <td>38.2%</td> <td>-7.3%</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">Ipoh</td> <td>Graduat</td> <td>53.4%</td> <td>61.2%</td> <td>+7.8%</td> </tr> <tr> <td>Gagal / Berhenti</td> <td>46.6%</td> <td>38.8%</td> <td>-7.8%</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">Kota Bharu</td> <td>Graduat</td> <td>54.7%</td> <td>67.3%</td> <td>+12.6%</td> </tr> <tr> <td>Gagal / Berhenti</td> <td>45.3%</td> <td>32.7%</td> <td>-12.6%</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">*Batu Pahat</td> <td>Graduat</td> <td>79.1%</td> <td>66.1%</td> <td>-13.0%</td> </tr> <tr> <td>Gagal / Berhenti</td> <td>20.9%</td> <td>33.9%</td> <td>+13.0%</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="1303 689 1980 826">*Walaupun peratusan pelajar bergaduat KPTM Batu Pahat dilihat menurun bagi sesiambilan Julai 2010, namun ia masih lagi selari dengan pencapaian kolej-kolej lain. Ini memperlihatkan ketekalan <i>standard</i> sistem pengajaran dan pembelajaran KPTM yang bertambah sistematik.</p>	Kampus	%	Sesi Ambilan Mei 2009	Sesi Ambilan Julai 2010	Nota	Kuala Lumpur	Graduat	54.5%	61.8%	+7.3%	Gagal / Berhenti	45.5%	38.2%	-7.3%	Ipoh	Graduat	53.4%	61.2%	+7.8%	Gagal / Berhenti	46.6%	38.8%	-7.8%	Kota Bharu	Graduat	54.7%	67.3%	+12.6%	Gagal / Berhenti	45.3%	32.7%	-12.6%	*Batu Pahat	Graduat	79.1%	66.1%	-13.0%	Gagal / Berhenti	20.9%	33.9%	+13.0%
Kampus	%	Sesi Ambilan Mei 2009	Sesi Ambilan Julai 2010	Nota																																							
Kuala Lumpur	Graduat	54.5%	61.8%	+7.3%																																							
	Gagal / Berhenti	45.5%	38.2%	-7.3%																																							
Ipoh	Graduat	53.4%	61.2%	+7.8%																																							
	Gagal / Berhenti	46.6%	38.8%	-7.8%																																							
Kota Bharu	Graduat	54.7%	67.3%	+12.6%																																							
	Gagal / Berhenti	45.3%	32.7%	-12.6%																																							
*Batu Pahat	Graduat	79.1%	66.1%	-13.0%																																							
	Gagal / Berhenti	20.9%	33.9%	+13.0%																																							
12.4.2.3.a	<p data-bbox="367 858 1281 1133">Penghutang Tidak Aktif</p> <p>Prosedur Kutipan Dan Bayaran Balik Lebihan Pelajar Tidak Aktif menetapkan tindakan yang perlu diambil oleh Jabatan Kewangan terhadap penghutang pelajar tidak aktif. Hutang pelajar dikategorikan di bawah penghutang tidak aktif sekiranya pelajar telah menamatkan pengajian, gagal menamatkan pengajian atau telah berhenti. Semakan Audit mendapati penghutang tidak aktif KPTM setakat bulan Jun 2013 berjumlah RM19.36 juta. Sejumlah RM18.35 juta atau 94.8% daripadanya merupakan pelajar persendirian dan baki RM1.01 juta atau 5.2% pelajar tajaan MARA dan lain-lain penaja.</p>	<p data-bbox="1303 912 1980 1050">Pemeriksaan oleh Jabatan Akauntan Negara (Pemeriksaan di bawah Seksyen 12, Akta Wang Tidak Dituntut 1965) menyarankan KPTM mengemaskini data sebelum membuat tindakan-tindakan berikutnya. Surat Pemeriksaan Di Bawah Seksyen 12, Akta Wang Tidak Dituntut 1965.</p> <p data-bbox="1303 1082 1980 1152">Setakat ini, KPTM telah membuat pelarasan terhadap hutang berbaki kredit melalui 7 jurnal pelarasan pada bulan September dan Disember 2013.</p>																																									
12.4.2.3.b	<p data-bbox="367 1165 1281 1356">Analisis pengumuman penghutang bagi pelajar tidak aktif setakat 30 Jun 2013 telah dibuat terhadap 5 kampus KPTM yang dilawati. Analisis Audit mendapati jumlah penghutang tidak aktif di kampus KPTM Kuala Lumpur wujud sejak tahun 1999. Selain itu, sejumlah RM60,640 penghutang tidak aktif berbaki kredit pada tahun 1999, 2001 dan 2002 di kampus KPTM Kuala Lumpur masih belum diselaraskan. Analisis Audit juga mendapati kampus KPTM Kuala Lumpur mempunyai penghutang yang paling tinggi pada tahun 2011 iaitu sejumlah RM1.99 juta.</p>	<p data-bbox="1303 1190 1980 1273">Setakat 31 Mac 2014, agensi kutipan hutang telah Berjaya meningkatkan jumlah kutipan daripada RM1.61 juta kepada RM2.009 juta.</p> <p data-bbox="1303 1305 1980 1375">KPTM telah mengambil langkah-langkah pemantauan terhadap kutipan hutang pelajar tidak aktif. Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah:-</p>																																									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																					
<p>12.4.2.3.c</p>	<p>KPTM telah melantik 4 ejen kutipan hutang bagi mengutip tunggakan hutang pelajar yang tidak aktif. Semakan Audit mendapati prestasi ejen kutipan adalah kurang memuaskan kerana bilangan hutang pelajar yang berjaya dikutip sepenuhnya bersama dengan jumlah kutipan adalah rendah iaitu di bawah 30%. Setakat 30 Jun 2013, daripada sejumlah 2,210 penghutang berjumlah RM6.47 juta yang dihantar kepada ejen kutipan, hanya RM1.61 juta atau 24.9% berjaya dikutip.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan bayaran balik penghutang tidak aktif adalah kurang memuaskan kerana baki penghutang masih tinggi dan ejen kutipan yang dilantik oleh KPTM hanya dapat mengutip kurang 30% daripada jumlah penghutang.</p> <p>Maklum Balas Daripada KPTM Diterima Pada 24 April 2014.</p> <p><i>KPTM memaklumkan telah mengambil langkah penambahbaikan seperti melengkapkan data dan maklumat pengumuran hutang melalui penubuhan jawatankuasa task force serta mencadangkan tindakan hapus kira bagi hutang lama yang tidak dapat dikesan. Selain itu, pemantauan berkala terhadap prestasi ejen kutipan hutang juga telah dilaksanakan dengan mengadakan mesyuarat bersama ejen kutipan, mengeluarkan surat teguran kepada ejen kutipan yang gagal menepati sasaran dan surat teguran mengenai etika dalam berurusan dengan pelajar serta menamatkan kontrak ejen kutipan yang tidak menunjukkan prestasi yang baik.</i></p>	<p>A. Pemantauan terhadap prestasi ejen kutipan hutang</p> <p>Tindakan yang telah dilakukan:</p> <p>i. Mengadakan mesyuarat bersama ejen kutipan seperti jadual berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1357 424 2033 628"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Ejen Kutipan</th> <th>Tarikh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Mysa Network Resources Sdn. Bhd.</td> <td>2 April 2013</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Azli & Liza Associates</td> <td rowspan="2">24 April 2013</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Chain Resources Sdn. Bhd.</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Nadi Edar Sdn. Bhd.</td> <td>17 Mei 2013</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>KPTM Corp. Sdn. Bhd.</td> <td>2 Julai 2013</td> </tr> </tbody> </table> <p>ii. Mengeluarkan surat teguran kepada ejen kutipan yang gagal menepati sasaran seperti jadual berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1357 740 2033 855"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Ejen Kutipan</th> <th>Tarikh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Chain Resources Sdn. Bhd.</td> <td>5 Feb 2013</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>KPTM Corp. Sdn. Bhd.</td> <td>26 Mac 2013</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Nadi Edar Sdn. Bhd.</td> <td>26 Mac 2013</td> </tr> </tbody> </table> <p>iii. Mengeluarkan surat teguran kepada ejen tentang etika dalam berurusan dengan pelajar seperti jadual berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1357 967 2033 1082"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>No. Rujukan Surat</th> <th>Tarikh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>KPTM/PB/KEW/2012/027-(01)</td> <td>11 Julai 2012</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>KPTM/PB/KEW/2013/024-(14)</td> <td>25 April 2013</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>KPTM/PB/KEW/2013/024-(21)</td> <td>16 Julai 2013</td> </tr> </tbody> </table> <p>iv. Menamatkan kontrak ejen kutipan yang menunjukkan prestasi yang memberansangkan seperti jadual berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1357 1225 2033 1364"> <thead> <tr> <th>Tarikh</th> <th>No. Rujukan Surat</th> <th>Ejen</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>8/1/2014</td> <td>KPTM/PR/UND/AGEN Bil (12)</td> <td>KPTM Corp.</td> </tr> <tr> <td>15/3/2013</td> <td>KPTM/PB/KEW/2013/024-(01)</td> <td>Mysa Network Sdn. Bhd.</td> </tr> <tr> <td>24/4/2013</td> <td>KPTM/PB/KEW/2013/024-(02)</td> <td>Simesquare</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Ejen Kutipan	Tarikh	1	Mysa Network Resources Sdn. Bhd.	2 April 2013	2	Azli & Liza Associates	24 April 2013	3	Chain Resources Sdn. Bhd.	4	Nadi Edar Sdn. Bhd.	17 Mei 2013	5	KPTM Corp. Sdn. Bhd.	2 Julai 2013	Bil	Ejen Kutipan	Tarikh	1	Chain Resources Sdn. Bhd.	5 Feb 2013	2	KPTM Corp. Sdn. Bhd.	26 Mac 2013	3	Nadi Edar Sdn. Bhd.	26 Mac 2013	Bil	No. Rujukan Surat	Tarikh	1	KPTM/PB/KEW/2012/027-(01)	11 Julai 2012	2	KPTM/PB/KEW/2013/024-(14)	25 April 2013	3	KPTM/PB/KEW/2013/024-(21)	16 Julai 2013	Tarikh	No. Rujukan Surat	Ejen	8/1/2014	KPTM/PR/UND/AGEN Bil (12)	KPTM Corp.	15/3/2013	KPTM/PB/KEW/2013/024-(01)	Mysa Network Sdn. Bhd.	24/4/2013	KPTM/PB/KEW/2013/024-(02)	Simesquare
Bil	Ejen Kutipan	Tarikh																																																					
1	Mysa Network Resources Sdn. Bhd.	2 April 2013																																																					
2	Azli & Liza Associates	24 April 2013																																																					
3	Chain Resources Sdn. Bhd.																																																						
4	Nadi Edar Sdn. Bhd.	17 Mei 2013																																																					
5	KPTM Corp. Sdn. Bhd.	2 Julai 2013																																																					
Bil	Ejen Kutipan	Tarikh																																																					
1	Chain Resources Sdn. Bhd.	5 Feb 2013																																																					
2	KPTM Corp. Sdn. Bhd.	26 Mac 2013																																																					
3	Nadi Edar Sdn. Bhd.	26 Mac 2013																																																					
Bil	No. Rujukan Surat	Tarikh																																																					
1	KPTM/PB/KEW/2012/027-(01)	11 Julai 2012																																																					
2	KPTM/PB/KEW/2013/024-(14)	25 April 2013																																																					
3	KPTM/PB/KEW/2013/024-(21)	16 Julai 2013																																																					
Tarikh	No. Rujukan Surat	Ejen																																																					
8/1/2014	KPTM/PR/UND/AGEN Bil (12)	KPTM Corp.																																																					
15/3/2013	KPTM/PB/KEW/2013/024-(01)	Mysa Network Sdn. Bhd.																																																					
24/4/2013	KPTM/PB/KEW/2013/024-(02)	Simesquare																																																					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini												
		<table border="1" data-bbox="1303 197 1982 229"> <tr> <td></td> <td></td> <td>(M) Sdn. Bhd.</td> </tr> </table> <p data-bbox="1352 256 1688 284">B. Seksyen Undang-undang</p> <p data-bbox="1303 316 1982 395">Antara langkah yang dibuat oleh seksyen ini adalah menguruskan tindakan undang-undang bagi fail pelajar-pelajar yang berhutang. Jumlah fail dan kutipan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1303 424 1982 512"> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Jumlah Fail</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2012</td> <td>1366</td> <td>154,512.94</td> </tr> <tr> <td>2013</td> <td>1334</td> <td>101,495.66</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="1303 544 1982 624">Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun KPTM juga menjadikan isu kutipan hutang sebagai agenda utama.</p>			(M) Sdn. Bhd.	Tahun	Jumlah Fail	Jumlah (RM)	2012	1366	154,512.94	2013	1334	101,495.66
		(M) Sdn. Bhd.												
Tahun	Jumlah Fail	Jumlah (RM)												
2012	1366	154,512.94												
2013	1334	101,495.66												
12.4.3.2.a	<p data-bbox="367 655 936 683">Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan</p> <p data-bbox="367 711 1279 930">KPTM menggunakan sistem perakaunan kewangan <i>Century Financials</i> Versi 7.8 sejak tahun 2005. Sistem ini mempunyai modul kewangan seperti lejar am, pembayaran, penerimaan (tidak termasuk kutipan yuran pelajar), <i>billing</i>, buku tunai, aset tetap, kawalan bajet dan perolehan. Bagaimanapun, sistem perakaunan tersebut tidak berupaya menjana penyata penyesuaian bank. Selain itu, senarai aset tetap dan bajet juga dibuat secara manual kerana sistem sedia ada masih tidak berintegrasi dengan modul <i>Accounts Payable</i> dan <i>General Ledger</i> yang masih di peringkat pembaikan.</p>	<p data-bbox="1303 711 1982 791">Minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPTM Bil. 79 (07/2013) bertarikh 4 Disember 2013 mengeluarkan arahan untuk menggunakan modul-modul <i>Century Software</i> yang berkaitan.</p> <p data-bbox="1303 823 1982 871">Beberapa siri perbincangan berkaitan modul <i>Century Software</i> bagi tujuan penambahbaikan telah diadakan seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1303 903 1982 1270"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Tarikh</th> <th>Perkara</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>13 Mac 2014</td> <td>Perbincangan di antara pegawai Jabatan Logistik & Aset bersama Jabatan Kewangan Ibu Pejabat / Kuala Lumpur</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>31 Mac 2014</td> <td>Perbincangan dengan wakil <i>Century Software</i> bagi mengenalpasti isu-isu yang menyebabkan modul tambahan belum dilaksanakan sepenuhnya</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>17 April 2014</td> <td>Perbincangan melibatkan kampus cawangan dengan pihak <i>Century Software</i> bagi mengadakan semula sesi "Requirement Study"</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="1303 1302 1816 1326">"Go Live" modul bermula pada bulan Julai 2014.</p>	Bil	Tarikh	Perkara	1	13 Mac 2014	Perbincangan di antara pegawai Jabatan Logistik & Aset bersama Jabatan Kewangan Ibu Pejabat / Kuala Lumpur	2	31 Mac 2014	Perbincangan dengan wakil <i>Century Software</i> bagi mengenalpasti isu-isu yang menyebabkan modul tambahan belum dilaksanakan sepenuhnya	3	17 April 2014	Perbincangan melibatkan kampus cawangan dengan pihak <i>Century Software</i> bagi mengadakan semula sesi "Requirement Study"
Bil	Tarikh	Perkara												
1	13 Mac 2014	Perbincangan di antara pegawai Jabatan Logistik & Aset bersama Jabatan Kewangan Ibu Pejabat / Kuala Lumpur												
2	31 Mac 2014	Perbincangan dengan wakil <i>Century Software</i> bagi mengenalpasti isu-isu yang menyebabkan modul tambahan belum dilaksanakan sepenuhnya												
3	17 April 2014	Perbincangan melibatkan kampus cawangan dengan pihak <i>Century Software</i> bagi mengadakan semula sesi "Requirement Study"												
12.4.3.2.b	<p data-bbox="367 963 1279 1098">Pemeriksaan fizikal di stor penyimpanan barang kegunaan asrama di KPTM Kota Bharu mendapati peralatan seperti katil, rak kasut dan almari baju tidak disusun dengan teratur. Selain itu, peralatan komputer yang rosak dan belum dilupuskan masih tersimpan di KPTM Kuala Lumpur, stor penyimpanan barangan KPTM Batu Pahat serta KPTM Kota Bharu.</p> <p data-bbox="367 1129 1279 1264">Pada pendapat Audit, penyata penyesuaian bank, laporan aset tetap dan bajet yang masih dibuat secara manual menunjukkan perolehan sistem tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya. Selain itu, peralatan yang rosak yang tidak diambil tindakan pelupusan menyebabkan kesesakan di ruang penyimpanan dan nilai jualan sisa merosot.</p> <p data-bbox="367 1326 1010 1350">Maklum Balas Daripada KPTM Diterima Pada 24 April 2014.</p>													

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini												
	<p><i>KPTM memaklumkan pelaksanaan sepenuhnya 3 modul baru iaitu Aset, Bajet dan Perolehan mulai tahun 2014. Selain itu, KPTM telah mengambil tindakan dengan meluluskan pelupusan aset tetap bagi cawangan KPTM Kuala Lumpur, Batu Pahat dan Kota Bharu.</i></p>	<p>Selepas teguran diterima, tindakan segera telah diambil oleh KPTM Kota Bharu untuk menyusun semula katil, rak kasut dan almari baju di Stor Peralatan Asrama.</p> <p>Ititizam ini juga dilanjutkan ke seluruh kampus KPTM Kota Bharu dan hasilnya pihak kolej mendapat pengiktirafan 5S dari MPC pada 11 Mac 2014 dengan no. Sijil AC4133.</p> <p>KPTM telah mengambil tindakan dengan meluluskan pelupusan aset tetap bagi cawangan berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1355 534 2031 678"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Kampus</th> <th>Status</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Kota Bharu</td> <td>Pelupusan selesai 18/04/2014</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Kuala Lumpur</td> <td>Pelupusan selesai 20/04/2014</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Batu Pahat</td> <td>Mesy. JK Pelupusan pada 29/04/2014</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Kampus	Status	1	Kota Bharu	Pelupusan selesai 18/04/2014	2	Kuala Lumpur	Pelupusan selesai 20/04/2014	3	Batu Pahat	Mesy. JK Pelupusan pada 29/04/2014
Bil	Kampus	Status												
1	Kota Bharu	Pelupusan selesai 18/04/2014												
2	Kuala Lumpur	Pelupusan selesai 20/04/2014												
3	Batu Pahat	Mesy. JK Pelupusan pada 29/04/2014												

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 2 TAHUN 2013**

SYARIKAT UNIUTAMA TRAVEL & TOURS SDN. BERHAD

Perenggan 13 : Pengurusan Uniutama Travel & Tours Sdn. Berhad

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.4.1.2.a	<p>Nisbah Kewangan - Nisbah Semasa</p> <p>Nisbah semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kekukuhan kewangan syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Nisbah semasa bagi tahun 2008 adalah pada tahap sederhana iaitu 1.83 kali manakala pada tahun 2009 sehingga 2011, nisbah semasa adalah baik melebihi 2 iaitu antara 2.27 sehingga 2.76 kali. Pada tahun 2012, nisbah semasa UTTSB menurun kepada 1.74 kali disebabkan peratus peningkatan liabiliti semasa adalah melebihi peratus peningkatan aset semasa. Bagaimanapun, nisbah semasa melebihi 1 menunjukkan syarikat masih berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.</p>	<p>Bermula dari suku ketiga tahun 2013, UTTSB telah menjalankan transformasi perniagaan yang akan diteruskan sepanjang tahun 2014. Proses transformasi ini memerlukan sokongan kewangan dari syarikat induk bagi memastikan pembaharuan-pembaharuan dapat diperkenalkan dan dijalankan dengan berkesan. Sokongan kewangan dari syarikat induk ini merupakan penyumbang terbesar kepada peningkatan liabiliti jangka pendek UTTSB iaitu sebanyak 21.3% berbanding tahun 2012. Walaubagaimanapun, UTTSB akan terus memantau nisbah semasa syarikat agar sentiasa melebihi 1 bagi memastikan tahap kecairan yang seimbang.</p>
13.4.1.2.b	<p>Margin Untung Bersih</p> <p>Margin untung bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. Margin untung bersih UTTSB menurun daripada 7.8% pada tahun 2008 kepada 0.2% pada tahun 2011. Penurunan margin untung bersih disebabkan oleh penurunan ketara keuntungan selepas cukai UTTSB bagi tempoh tersebut. Pada tahun 2012, UTTSB mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM4,479 menyebabkan margin untung bersih menjadi negatif.</p>	<p>Penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2013 menunjukkan perkembangan positif margin untung bersih UTTSB kepada 0.12% susulan daripada keuntungan selepas cukai berjumlah RM11,024 pada tahun tersebut.</p>
13.4.1.2.c	<p>Pulangan Atas Ekuiti</p> <p>Pulangan atas ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang telah dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan pulangan atas ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan atas ekuiti UTTSB menunjukkan penurunan iaitu dari 57.9% pada tahun 2008 kepada 1.8% pada tahun 2011. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan ketara keuntungan selepas cukai UTTSB</p>	<p>Pulangan atas ekuiti syarikat bagi tahun diaudit 2013 turut meningkat kepada 1.38% berbanding negatif pada tahun sebelumnya hasil daripada transformasi perniagaan yang dijalankan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bagi tempoh tersebut. Pada tahun 2012, UTTSB mengalami kerugian selepas cukai yang mengakibatkan peratus pulangan atas ekuiti adalah negatif.</p>	
<p>13.4.1.2.d</p>	<p>Nisbah Hutang</p> <p>Analisis nisbah hutang dibuat bagi menilai kestabilan UTTSB dengan membandingkan jumlah liabiliti dan jumlah aset syarikat. Mengikut piawaian industri, jika peratus nisbah hutang adalah kurang daripada 50%, sesebuah syarikat boleh dianggap berhemat dan stabil. Nisbah hutang UTTSB bagi tahun 2008 sehingga 2011 adalah kurang daripada 50% iaitu antara 39.5% sehingga 49.3%. Bagaimanapun pada tahun 2012, nisbah hutang syarikat meningkat kepada 55.2% iaitu melebihi piawaian. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan jumlah pemiutang perniagaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan UTTSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah kurang memuaskan. UTTSB mengalami penurunan keuntungan dari tahun 2008 sehingga 2011 dan seterusnya mengalami kerugian pada tahun 2012. Margin untung bersih dan pulangan atas ekuiti juga menunjukkan penurunan dalam tempoh tersebut. Penurunan keuntungan telah menjejaskan jumlah keuntungan terkumpul syarikat.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTTSB Diterima Pada 28 April 2014.</p> <p><i>UTTSB memaklumkan penurunan keuntungan selepas cukai dari tahun 2010 sehingga 2011 serta kerugian pada tahun 2012 antaranya disebabkan peningkatan kos bahan mentah untuk operasi penyediaan makanan yang tidak selari dengan kenaikan harga jualan. Selain itu, UTTSB telah melabur dalam perniagaan perkhidmatan bas persiaran yang memerlukan tempoh yang panjang untuk pulangan keuntungan kepada Unit Pelancongan. Bagaimanapun, berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2013, UTTSB telah mencatatkan keuntungan selepas cukai sejumlah RM11,024 berbanding kerugian pada tahun 2012 hasil daripada transformasi operasi perniagaan bermula pada suku ketiga tahun tersebut.</i></p>	<p>Perbandingan penyata kewangan diaudit bagi tahun 2013 dan 2012 menunjukkan peningkatan peratus nisbah hutang sebanyak 1.4% yang didorong oleh peningkatan sokongan kewangan oleh syarikat induk. Bagaimanapun, penyata kewangan pengurusan untuk suku pertama 2014 telah menunjukkan nisbah hutang menyusut kepada 54.7% sahaja. Langkah-langkah berhemah akan terus dijalankan bagi memastikan sasaran nisbah hutang kurang daripada 50% dapat dicapai.</p>
<p>11.4.2.1.a</p>	<p>Prestasi Ticketing & Tours</p> <p>Penetapan sasaran dibuat semasa pembentangan bajet tahunan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit terhadap prestasi Bahagian Ticketing & Tours bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 mendapati Unit Tiket Penerbangan mencatatkan peningkatan keuntungan yang baik. Bagaimanapun, Unit Pelancongan mengalami kerugian.</p>	<p>Unit Tiket Penerbangan dan Unit Pelancongan adalah saling bergantung di antara satu sama lain. Secara keseluruhannya, kedua-dua unit telah mencatatkan penurunan pendapatan sejumlah RM0.12 juta kepada RM6.07 juta pada tahun 2013 berbanding RM6.19 juta bagi tahun 2012.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.2.1.b	<p>Unit Tiket Penerbangan telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 dan 2012 iaitu mencatat keuntungan sejumlah RM0.28 juta dan RM0.30 juta atau 5.3% berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun berkenaan sejumlah RM0.12 juta atau 2.5% dan RM0.17 juta atau 3.4%. Sehingga bulan Oktober 2013, Unit Tiket Penerbangan menunjukkan peningkatan yang baik berbanding tahun sebelumnya iaitu mencapai keuntungan sejumlah RM0.32 juta atau 6.7% berbanding sasaran sejumlah RM0.16 juta atau 3.1%. Peningkatan pendapatan disebabkan oleh permintaan tempahan tiket penerbangan. Jumlah pendapatan daripada jualan tiket penerbangan bagi tahun 2012 meningkat sejumlah RM0.36 juta atau 6.8% berbanding tahun 2011 iaitu RM5.31 juta. Sehingga bulan Oktober 2013, hasil jualan tiket penerbangan adalah sejumlah RM4.73 juta.</p>	<p>Walaubagaimanapun, Unit <i>Ticketing & Tours</i> merekodkan keuntungan sejumlah RM0.25 juta berbanding sasaran sejumlah RM0.17 juta (lebih 47.06%) untuk tahun 2013. Perbandingan dengan tahun 2012 juga menunjukkan peningkatan sebanyak 13.64% berbanding jumlah keseluruhan 2012 iaitu RM0.22 juta.</p>
11.4.2.1.c	<p>Unit Pelancongan yang menguruskan pakej pelancongan, perkhidmatan bas persiaran dan penjualan tiket bas MARALiner telah mengalami kerugian berterusan bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 iaitu RM0.07 juta pada tahun 2011 dan 2012 serta RM0.06 juta sehingga bulan Oktober 2013. Antara sebab yang menyumbang kepada kerugian ini adalah syarikat hanya mempunyai sebuah bas persiaran dan ia tidak dapat menampung keperluan bagi menganjurkan pakej pelancongan yang dirancang. Oleh itu, syarikat terpaksa menyewa bas daripada syarikat pengangkutan yang lain dan ia meningkatkan kos operasi bagi pakej pelancongan yang dirancang. Selain itu, kos operasi bagi Unit Pelancongan juga dipengaruhi oleh penggunaan perkhidmatan agensi pelancongan luar sekiranya melibatkan pakej pelancongan luar negara. Pendapatan daripada aktiviti yang dijalankan tidak dapat menampung jumlah kos jualan, operasi, kakitangan dan pentadbiran.</p>	
11.4.2.1.d	<p>Prosedur Kutipan Dan Perbankan, Piawaian Prosedur Kewangan UMHSB menyatakan semua kutipan hendaklah didepositkan dengan segera, iaitu secara harian dan sempurna ke dalam akaun bank yang dibenarkan. Bagaimanapun, bagi syarikat subsidiari yang menerima kurang daripada RM500 secara mingguan, deposit boleh dibuat pada setiap hari Khamis. Semakan Audit terhadap resit yang dikeluarkan pada bulan Oktober 2013 mendapati sejumlah RM16,790 daripada kutipan berjumlah RM24,198 masih belum didepositkan ke bank dan hanya didepositkan pada 12 Disember 2013 setelah pihak Audit membangkitkan perkara tersebut. Pihak Audit dimaklumkan bahawa hasil kutipan daripada jualan tiket penerbangan tersebut tidak didepositkan ke bank disebabkan ia disimpan sebagai pendahuluan untuk menampung kos bagi mengendalikan pakej pelancongan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerugian yang berterusan daripada perkhidmatan pelancongan memberi kesan kepada prestasi kewangan syarikat. Selain itu, hasil kutipan operasi yang tidak atau lewat didepositkan ke bank adalah bercanggah dengan peraturan Prosedur Kutipan Dan Perbankan, Piawaian Prosedur Kewangan UMHSB dan boleh</p>	<p>Bermula Januari 2014, Prosedur Kutipan Dan Perbankan, Piawaian Prosedur Kewangan UMHSB telah dipatuhi dengan sepenuhnya. UTTSB juga sedang didalam proses untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah bagi menggunakan kemudahan kad kredit korporat. Penggunaan kemudahan kad kredit korporat ini adalah bagi mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan tunai didalam mengendalikan pakej-pakej pelancongan di dalam dan di luar negara.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menimbulkan penyelewengan atau salah guna wang syarikat.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTTSB Diterima Pada 28 April 2014.</p> <p><i>UTTSB memaklumkan penilaian semula terhadap perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan bas persiaran akan dijalankan bagi menilai potensi serta keberuntungan aktiviti tersebut untuk jangka panjang. Kajian kemungkinan juga akan dijalankan terhadap keperluan untuk menambah bilangan bas persiaran bagi memenuhi permintaan pasaran. Selain itu, UTTSB akan memastikan pematuhan kepada Prosedur Kutipan Dan Perbankan. Antara langkah yang telah diambil adalah pelantikan 2 kakitangan silih ganti yang diberi kuasa untuk membuka peti besi bagi tujuan pendepositan harian serta mendapatkan kad kredit korporat untuk mengurangkan keperluan penggunaan tunai bagi menampung kos mengendalikan pakej pelancongan.</i></p>	
13.4.2.2.a	<p>Prestasi The University Inn (TUI)</p> <p>Penetapan sasaran TUI dibuat semasa pembentangan bajet tahunan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pendapatan utama TUI adalah daripada sewaan secara harian dan bulanan. Selain itu, TUI turut memperoleh pendapatan daripada sewaan dewan seminar serta bilik perbincangan. Semakan Audit terhadap pendapatan TUI bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 mendapati jumlah pendapatan menunjukkan penurunan iaitu daripada RM1.84 juta kepada RM1.10 juta.</p>	<p>Pendapatan keseluruhan TUI bagi tahun 2013 adalah berjumlah RM1.23 juta iaitu penurunan sebanyak 13.13% berbanding RM1.41 juta pada 2012.</p> <p>Bagaimanapun, penurunan ini tidak menghalang TUI daripada mencatatkan peningkatan keuntungan yang ketara bagi keseluruhan tempoh 2013. TUI merekodkan keuntungan berjumlah RM0.26 juta bagi tahun 2013 dengan peningkatan melebihi 2,500% berbanding tahun sebelumnya iaitu RM0.01 juta. Peratusan melebihi sasaran yang ditetapkan adalah sebanyak 54.27% daripada sejumlah RM0.17 juta yang disasarkan. TUI turut merekodkan kadar purata penginapan sebanyak 54.0% sepanjang tahun 2013.</p>
13.4.2.2.b	<p>Semakan lanjut mendapati TUI tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 dan 2012 iaitu hanya mencapai keuntungan sejumlah RM0.16 juta atau 8.7% pada tahun 2011 dan RM0.01 juta atau 0.7% pada 2012 berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun berkenaan iaitu sejumlah RM0.25 juta atau 16.8% dan RM0.32 juta atau 19.3%. Sasaran pendapatan tidak dicapai adalah disebabkan kadar penginapan yang rendah. Kadar penginapan TUI bagi tahun 2011 sebanyak 42.8% dan 2012 sebanyak 32.9% adalah di bawah kadar purata penginapan hotel negeri Kedah iaitu 51.5% dan 50.9%. Antara faktor yang mempengaruhi kadar penginapan adalah lokasi TUI yang terletak di dalam UUM, pasaran yang terhad dan tertumpu kepada pegawai/pelajar UUM, persaingan dari hotel berhampiran dan kurang promosi.</p>	
13.4.2.2.c	<p>Bagaimanapun, sehingga bulan Oktober 2013, UTTSB telah mencapai keuntungan sejumlah RM0.30 juta atau 27.3% berbanding sasaran iaitu sejumlah RM0.16 juta atau 10.5%. Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan terhadap sewaan bilik di TUI oleh pelajar yang mengambil program Pengajian Jarak Jauh.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pencapaian kadar penginapan TUI adalah memuaskan memandangkan lokasinya yang terletak di dalam kawasan UUM dan persaingan dengan hotel lain.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTTSB Diterima Pada 28 April 2014.</p> <p><i>UTTSB memaklumkan perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian (refurbishment) di TUI dengan tujuan menambah baik kemudahan sedia ada serta meningkatkan tahap perkhidmatan yang disediakan untuk pelanggan. Selain itu, UTTSB juga akan mengadakan aktiviti promosi secara lebih efektif bagi meningkatkan kadar purata penginapan dengan penekanan kepada sektor edu-tourism kerana kelebihan lokasi TUI yang terletak di dalam kampus UUM.</i></p>	
13.4.2.3.a	<p>Prestasi Food & Beverage</p> <p>UTTSB mengendalikan perkhidmatan penyediaan makanan di 3 <i>outlet</i> sebagai salah satu cabang perniagaan iaitu The Mall Cafe (TMC), Kantin Kem PLKN dan The Garden Cafe (TGC). TMC mengalami kerugian berterusan di mana jumlah perbelanjaan melebihi pendapatan yang diperolehi bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013. Antara punca kerugian adalah kekurangan pelanggan iaitu tertumpu kepada pegawai/pelajar UUM, persaingan yang tinggi di mana setiap Dewan Penginapan Pelajar atau fakulti mempunyai cafe sendiri dan kos jualan/operasi yang tinggi.</p>	Bermula Januari 2014, TMC telah mempertingkatkan aktiviti-aktiviti pemasaran secara lebih efektif dan agresif kepada kumpulan sasaran selain peningkatan kualiti makanan yang disediakan.
13.4.2.3.b	Kantin Kem PLKN mengalami kerugian sejumlah RM58,242 pada tahun pertama beroperasi iaitu pada tahun 2012. Bagaimanapun sehingga bulan Oktober 2013, Kantin Kem PLKN memperoleh keuntungan sejumlah RM189,835 iaitu sebanyak 15.2% daripada pendapatan yang diperolehi.	
13.4.2.3.c	<p>The Garden Cafe (TGC) mula beroperasi pada bulan Februari 2013 untuk membantu melancarkan operasi TUI dengan menyediakan makanan dan minuman kepada pelanggan. TGC mengalami kerugian sejumlah RM57,410 setakat bulan Oktober 2013. Lawatan Audit pada bulan Disember 2013 mendapati TGC tidak beroperasi sejak awal bulan Julai 2013 dan dimaklumkan bahawa TGC sedang dalam proses pengubahsuaian.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan aktiviti perkhidmatan penyediaan makanan oleh UTTSB adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana The Mall Cafe telah mengalami kerugian yang berterusan walaupun telah beroperasi selama 4 tahun. Sungguhpun Kantin Kem PLKN mendapat keuntungan tetapi masih tidak dapat menampung kerugian keseluruhan perkhidmatan penyediaan makanan. Prestasi</p>	TGC telah memulakan semula operasi perniagaan pada Februari 2014. Disebabkan oleh saiz operasi TGC yang kecil, pendapatan dan pembelian TGC disatukan bersama The Mall Cafe bagi mendapat kelebihan skala ekonomi.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kewangan The Garden Cafe pula masih terlalu awal untuk dinilai kerana baru beroperasi.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTTSB Diterima Pada 28 April 2014.</p> <p><i>UTTSB memaklumkan bagi mengatasi isu kekurangan pelanggan, usaha untuk menarik lebih ramai pelanggan ke TMC dibuat dengan meningkatkan kualiti makanan, layanan dan perkhidmatan yang disediakan. UTTSB juga akan mempergiatkan aktiviti promosi bagi memperkenalkan menu-menu baru. Langkah-langkah penjimatan telah dijalankan pada tahun 2014 seperti mempelbagaikan sajian dengan lebih tumpuan kepada menu berkost rendah dan sederhana, meningkatkan kecekapan proses penyediaan makanan bagi mengurangkan pembaziran serta menambah bilangan panel pembekal untuk mendapatkan harga terbaik.</i></p>	
13.4.3.2.a	<p>Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan</p> <p>Penghutang UTTSB setakat bulan September 2013 adalah berjumlah RM1.71 juta di mana penghutang yang melebihi 3 bulan adalah berjumlah RM0.71 juta atau 41.5%.</p>	<p>Penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2013 menunjukkan penurunan ketara jumlah penghutang perniagaan kepada RM1.26 juta berbanding RM1.71 juta pada September 2013.</p>
13.4.3.2.b	<p>Setakat bulan September 2013, jumlah penghutang UUM yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan fakulti di UUM adalah berjumlah RM1.30 juta. Daripada jumlah tersebut, RM248,035 atau 20% adalah merupakan hutang melebihi 6 bulan.</p>	<p>Manakala, jumlah penghutang pelbagai jabatan dan fakulti di UUM menurun sebanyak 37.28% kepada RM815,384 berbanding RM1.30 juta pada September 2013 dan sebanyak 11.8% berbanding RM924,446 pada tahun 2012.</p>
13.4.3.2.c	<p>Setakat bulan September 2013, jumlah penghutang tiket penerbangan yang terdiri daripada kakitangan UUM, penghutang syarikat subsidiari dan luar adalah berjumlah RM253,653. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM110,737 atau 43.6% adalah merupakan hutang melebihi tempoh 6 bulan yang terdiri daripada kakitangan UUM dan syarikat subsidiari.</p> <p>Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan adalah baik. Bagaimanapun, pengurusan penghutang adalah kurang memuaskan kerana penghutang yang melebihi 3 bulan adalah berjumlah RM0.71 juta atau 41.5%.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTTSB Diterima Pada 28 April 2014.</p> <p><i>UTTSB memaklumkan berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2013, jumlah penghutang perniagaan sehingga 31 Disember 2013 telah menurun kepada RM1.26 juta berbanding RM1.71 juta pada September 2013. Perbincangan antara UTTSB dan pengurusan tertinggi penghutang utama telah diadakan pada 27 April 2014 bagi membincangkan punca kelewatan pembayaran, mekanisme penyelesaian serta langkah-langkah bagi mengatasi masalah tersebut daripada berulang.</i></p>	<p>Bermula April 2014, UTTSB telah mengambil langkah kawalan kredit yang lebih ketat dengan mengeluarkan Surat Peringatan Pertama keatas tunggakan melebihi 30 hari, Surat Peringatan Kedua (melebihi 60 hari) dan Surat Peringatan Ketiga (melebihi 90 hari).</p> <p>UTTSB dan UUM juga telah menubuhkan jawatankuasa bertindak ("task force") yang dipengerusikan oleh Bendahari UUM bagi memantau pengurusan penghutang syarikat.</p>



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2014
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



KEMENTERIAN KEWANGAN

Kompleks Kementerian Kewangan
5 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya
MALAYSIA

www.treasury.gov.my